

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**


TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan apakah keberkesanan pengurusan sisa pepejal selepas dikendalikan oleh KDEBWM.
 - b) Sila nyatakan apakah kekangan utama yang dihadapi oleh KDEBWM.
 - c) Sila huraikan apakah perancangan secara holistik dan jangka panjang demi memastikan pengurusan sisa pepejal mencapai hasrat Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Sepanjang pengambilahan operasi pengurusan sisa pepejal di MPK, KDEBWM telah memperkenalkan beberapa inisitif baru bagi mempertingkatkan keseluruhan operasi pengurusan sisa pepejal di PBT berkenaan iaitu:
 1. pemberian lori kompaktor baru yang dilengkapi sistem pemantauan *Auto Vehicle Locating System (AVLS)*, kamera undur dan CCTV kepada sub-kontraktor menggunakan kaedah sewa-beli;
 2. penggunaan sebuah lori kompaktor baru di setiap zon (1 lori 1 zon);
 3. pewujudan *Centralized Command Centre (CCC)* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi kutipan sisa pepejal KDEBWM dalam menerima aduan serta pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan;
 4. penggunaan telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesan (*tracker*) bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori kompaktor;
 5. penggunaan Aplikasi *i-Clean* sebagai salah satu medium kepada pengguna untuk menyalurkan aduan; dan
 6. penggunaan aset-aset lain selain kompaktor seperti RORO dan *tricycle* sebagai aset sokongan.

Keberkesanan turut boleh dilihat dari aspek statistik aduan yang menunjukkan trend penurunan yang signifikan seperti berikut:



Usaha penambahbaikan dan pemodenan infratraktur kutipan yang dilaksanakan oleh KDEBWM di MPK adalah bertepatan dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Penggunaan aplikasi dan teknologi dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor bukan sahaja merealisasikan objektif kerajaan negeri untuk membangunkan persekitaran dan infrastruktur yang lebih mampan, bahkan akan turut menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan bagi menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik untuk rakyat.

- b) Pada peringkat permulaan dalam melaksanakan mandat Kerajaan Negeri berkaitan pengurusan sisa pepejal di MPK, KDEBWM terpaksa membersihkan timbunan sampah tinggalan kontraktor yang terdahulu. Saya difahamkan bahawa, sudah menjadi suatu kelaziman bagi kontraktor lama yang dilantik oleh PBT yang telah mengetahui bahawa mereka tidak berjaya di dalam tender kutipan sampah akan meninggalkan kawasan mereka dan tidak membuat kerja-kerja kutipan seperti biasa. Seperti yang berlaku di kawasan MPK tempoh hari, saya dimaklumkan bahawa kontraktor-kontraktor lama telah meninggalkan kawasan mereka dan tidak membuat kerja-kerja kutipan hampir dua minggu. Ini

menyebabkan berlakunya *backlog* sampah dalam kuantiti yang luar biasa dan pihak KDEBWM telah mengambil masa lebih dua bulan untuk menstabilkan kembali keadaan. Keadaan yang sama juga kini berlaku di kawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) apabila pihak KDEBWM kini bertungkus lumus untuk menyelesaikan *backlog* tinggalan kontraktor lama.

Selain daripada itu, data dan maklumat inventori yang kurang tepat menyebabkan kesukaran di pihak KDEBWM untuk menyediakan anggaran harga yang tepat berdasarkan jumlah rumah sebenar yang ada di lapangan.

- c) Antara fokus utama Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat adalah melalui penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal dan meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkenalkan KDEBWM sebagai *Project Management Company (PMC)* yang bertanggungjawab sebagai pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor. Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK, Kerajaan Negeri melalui MMKN Bil. 42/2016 pada 21 Disember 2016 dan disahkan oleh MMKN 1/2017 pada 11 Januari 2017 telah bersetuju untuk meluluskan perluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggunakan modus operandi yang sama selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Kerajaan Negeri turut merancang untuk memperluaskan perkhidmatan PMC ke lain-lain PBT pada masa akan datang.

Selain daripada itu, dari segi pengurusan tapak pelupusan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 turut telah menimbang dan bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor.

Untuk makluman, ISWMC adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

1. Loji *Waste To Energy* (WTE);
2. Loji Kitar Semula;
3. Loji Pencernaan Anerobik (AD);
4. Loji Kompos;
5. Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
6. Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : KEROSAKAN JALAN

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dan usaha Kerajaan Negeri bagi mengatasi kerosakan teruk yang sering berlaku di jalan antara Sungai Panjang melalui Bagan Terap sehingga Kampung Sepintas?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi kerosakan teruk yang sering berlaku di jalan antara Sungai Panjang melalui Bagan Terap sehingga Kampung Sepintas, JKR Selangor telah mengambil tindakan dan usaha sewajarnya seperti berikut:
- i. Bagi menyelesaikan masalah struktur jalan - jalan yang rosak bagi lapisan pavemen (*wearing & binder course*) adalah menggunakan kaedah *Cold In-Place Recycling* (CIPR). Kaedah CIPR melibatkan kerja memecahkan lapisan pavemen asal, diikuti dengan menggaul dengan bahan penstabil sebelum dihampar semula dan dimampatkan dalam satu proses. Antara kebaikannya adalah penggunaan sepenuhnya bahan asal, pengurangan dari segi penggunaan bahan baru serta meningkatkan kekuatan struktur pavemen. Antara lokasi pembaikan yang telah dibuat seperti di Jalan Dato Miskon, Bukit Kerayong, Kuala Selangor dimana ianya menggunakan Teknologi *CIPR Polimer* yang telah diadakan pada 24 Februari 2017. Penilaian keberkesanan akan dibuat dan diteruskan ke lokasi – lokasi lain bagi pembaikan menggunakan kaedah CIPR. Selain itu, pihak JKR akan sentiasa melaksanakan pemantauan berkala dan penyenggaraan kerja – kerja rutin.
 - ii. Melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Sabak Bernam, ahli mesyuarat telah bersetuju agar pihak JPJ dan SPAD memantau lori - lori yg membawa muatan berlebihan dan melalui jalan Sg. Panjang ke Bagan Terap dan Sepintas. Lori - lori yang membawa muatan yang berlebihan ini merupakan punca kepada kerosakan jalan yang serius.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : BANDAR WARISAN

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sejarah dan warisan setempat bandar-bandar seperti Kajang, Klang, Ampang, Batu Arang dan sebagainya?
 - b) Bagaimana untuk menarik golongan muda dan pelajar melakukan 'field trip' atau beriadah di sana?

JAWAPAN:

- a) Perancangan pembangunan sejarah dan warisan setempat :-
 - i) Kajang
Merencanakan Pembangunan Warisan dengan menentukan semula kawasan-kawasan bersejarah dan juga kaitan dengan kedatangan kaum Jawa di kawasan tersebut.
 - ii) Klang
Beberapa bangunan warisan seperti Gedung Raja Abdullah, bangunan bekas Pejabat Agama Islam Klang (PAID) dalam tindakan kerja-kerja konservasi dan naik taraf sebagai muzium. Pengekalan bangunan-bangunan warisan ini dapat dijadikan produk untuk pelancongan selain ia mengekalkan rupa Bandar warisan bagi daerah Klang.
 - iii) Ampang
Dalam tindakan mengenalpasti tapak-tapak yang berkaitan dengan warisan bagi tujuan pewartaan.
 - iv) Batu Arang
Dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Warisan Negara untuk dijadikan warisan.

- b) Bagi menggalakkan serta menarik golongan muda ke tapak-tapak tersebut, selain kerja-kerja konservasi perlu juga pembangunan infrastruktur dan promosi untuk menyebarkan mengenai tapak-tapak warisan yang ada di Selangor.

TOURISM SELANGOR

Bagi menarik golongan muda dan pelajar untuk melakukan *fieldtrip* dan juga aktiviti beriadah di sana, pebagai inisiatif yang boleh dianjurkan seperti aktiviti karnival warisan dan sejarah, pameran fotografi, bengkel pelancongan, dan program CSR yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan sejarah dan warisan.

Antara usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi melancarkan kempen kesedaran dan menarik golongan muda beriadah di kawasan sejarah dan warisan adalah seperti berikut:

- i) Program #TSDAYOUT, anjuran Tourism Selangor
- ii) Program Discover Selangor Photo Hunt, anjuran Tourism Selangor
- iii) Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa, anjuran Tourism Selangor
- iv) Klang Arts Festival, anjuran Tourism Selangor
- v) Program Royal Klang Heritage Walk oleh Tourism Selangor dan MPK
- vi) Wings of Kuala Kubu Bharu, anjuran MDHS
- vii) Bukit Jugra Trail Run, anjuran MDKL
- viii) Kayuhan Santai Basikal Klasik, anjuran MPK
- ix) Himpunan Motor Klasik se-Malaysia, anjuran MDKL
- x) Kembara Muzium, anjuran PADAT
- xi) Bengkel Konservasi Bangunan Warisan Selangor, anjuran PADAT
- xii) MDKL Eco Challenge, anjuran MDKL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : UNISEL

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan UNISEL serta penyata untung rugi bagi tahun 2014-2016?
- b) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar yang menggunakan Sijil UEC bagi tahun 2016 sehingga kini?

JAWAPAN:

a)

| PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD (483121-H) | | | |
|--|---------------------|---------------------|-----------------------|
| PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER | | | |
| UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) | AUDIT | | DERAF 2016 |
| | 2014 | 2015 | |
| | RM | | RM |
| <u>Pendapatan</u> | | | |
| Pendapatan Yuran | 70,828,459 | 73,316,024 | 71,470,330 |
| Pendapatan Operasi Lain | 4,904,070 | 1,524,753 | 2,977,740 |
| Geran Kerajaan Negeri | 17,005,000 | 19,114,678 | 25,117,378 |
| Jumlah Pendapatan | 92,737,529 | 93,955,455 | 99,565,449 |
| <u>Kos Operasi</u> | | | |
| KOS HR/ JUMLAH KOS OPERASI | 58% | 61% | 56% |
| Kos Penggajian | 60,373,028 | 62,783,322 | 56,580,607 |
| Susut Nilai | 18,045,723 | 10,767,913 | 16,254,974 |
| Kos Operasi Lain | 17,892,811 | 21,703,898 | 21,760,215 |
| Faedah BaIDS | 7,005,000 | 6,470,000 | 5,920,000 |
| Cukai Input GST | | 1,098,221 | 1,076,252 |
| Jumlah Kos Operasi | 103,316,562 | 102,823,354 | 101,592,049 |
| Keuntungan / (Kerugian) Dari Operasi | (10,579,033) | (8,867,899) | (2,026,600) |
| Kos Kewangan | 4,359 | 7,697,100 | 1,986,603 |
| Keuntungan / (Kerugian) Sebelum Cukai | (10,583,392) | (16,564,999) | (4,013,203) |
| Keuntungan / (Kerugian) | (10,583,392) | (16,564,999) | (4,013,203) |
| Keuntungan / (Kerugian) sebelum Cukai, Faedah, Susutnilai, Pelunasan & Amortisasi (EBITDA) | 14,471,690 | 8,370,014 | 20,148,374 |
| JUMLAH PELAJAR AKTIF | <i>10,199</i> | <i>9,695</i> | <i>10,093</i> |
| Purata Yuran per Pelajar (RM) | <i>6,945</i> | <i>7,562</i> | <i>7,081</i> |

- b) Sehingga kini masih tiada lagi kemasukan pelajar yang menggunakan Sijil UEC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KADAR FAEDAH PROGRAM HIJRAH

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kelebihan program Hijrah yang mengenakan bayaran faedah sebanyak 8% berbanding dengan pinjaman-pinjaman untuk sektor IKS/SME yang ditawarkan oleh bank-bank komersial yang mengenakan faedah sekitar 4~5% dengan kemudahan *reducing rate*?

JAWAPAN:

- a) Pihak pengurusan Hijrah Selangor telah menetapkan caj perkhidmatan sebanyak 8% kerana dana pinjaman yang diberikan oleh kerajaan negeri tidak akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan. Sekiranya digunakan, ia akan menguncup (berkurangan) dari tahun ke tahun. Sebaliknya dana tersebut akan digunakan 100% untuk pinjaman kepada usahawan.

Kelebihan program yang mengenakan caj 8% adalah seperti berikut:

- 1) Menampung kos pengurusan meliputi bayaran gaji dan elaun kakitangan seramai 233 untuk membuat kutipan dan pemantauan perniagaan, sewaan dan ubahsuai pejabat, peralatan pejabat, dan bil-bil utiliti.
- 2) Pegawai Hijrah akan ke premis peminjam untuk membuat kutipan bayaran balik, peminjam tidak perlu datang bayar di pejabat.
- 3) Kelulusan pinjaman akan diberikan sepenuhnya kepada peminjam tanpa membuat sebarang pemotongan. (contoh: lulus RM5000, peminjam akan dapat penuh sebanyak RM5000.)
- 4) Latihan dan kursus-kursus keusahawanan serta anak-anak usahawan diberi secara percuma tanpa sebarang bayaran dikenakan.
- 5) Dan lain-lain program yang dilaksanakan diberi secara percuma dengan bantuan Exco **Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan dan Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi Dan Inovasi.**

Kebanyakan Pinjaman mikro kredit yang dikeluarkan oleh lain-lain agensi dan bank-bank komersial caj yang dikenakan melebihi 10% kecuali TEKUN yang mengenakan caj pengurusan sebanyak 4%. Walau bagaimanapun, pihak TEKUN telah membuat pemotongan berikut daripada jumlah pinjaman usahawan.

- I. Caj Proses Pinjaman
- II. Insuran
- III. Kursus Keusahawanan
- IV. Bayaran Awal 2 Bulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEMISKINAN

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa banyakkah permohonan bantuan Blueprint telah diluluskan untuk tahun 2014, 2015 dan 2016?
 - b) Apakah mekanisma kerajaan bagi menentukan penerima bantuan blueprint berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing?
 - c) Berapakah jumlah wang kerajaan yang telah dibelanjakan untuk tahun 2014, 2015 dan 2016 berbanding penerima?

JAWAPAN:

a) dan c) :

Sepertimana umum sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Sebagai makluman, jumlah penerima manfaat dan jumlah perbelanjaan bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah seperti berikut :-

| BIL. | TAHUN | JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---------------------------|--------------|--|---------------------------------|
| 1. | 2014 | 523 | RM1,524,790.00 |
| 2. | 2015 | 404 | RM1,339,740.00 |
| 3. | 2016 | 504 | RM1,815,163.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1,431 | RM4,679,693.00 |

Ini menjadikan jumlah keseluruhan permohonan yang diluluskan bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah sebanyak 1,431 permohonan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4,679,693.00.

- b) Dalam memantau serta mengenalpasti impak dan keberkesanan terhadap pelaksanaan program ini, satu Kaji Selidik/ Kajian Impak yang melibatkan penerima manfaat bagi tahun 2010 hingga tahun 2014 telah dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah. Hasil kajian impak tersebut mendapati bahawa sebanyak 92.8% penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala sebanyak 0.30% penerima manfaat pula didapati pendapatan mereka semakin menurun dan sebanyak 6.90% penerima manfaat pula tiada perubahan terhadap pendapatan mereka. Secara puratanya, peratus peningkatan pendapatan selepas menerima manfaat pula adalah sebanyak 31%. Kaji selidik/ kajian impak lanjut terhadap penerima manfaat bagi tahun 2015 dan 2016 kini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah.

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil kajian impak ini, ianya dapat merumuskan bahawa pelaksanaan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor telah mencapai matlamat utama program, iaitu taraf ekonomi penerima manfaat berjaya ditingkatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang sedang dalam pembinaan?
- b) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang telah siap dibina?
- c) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang telah diserahkan kunci kepada pemilik?

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **89,396** unit Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Ia merangkumi sebanyak 22,494 unit rumah dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku manakala baki 66,902 unit lagi bukan dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku. Daripada keseluruhan unit tersebut terdapat sebanyak **20,675** unit RSKU yang sedang dalam pembinaan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang sedang dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Rumah Selangorku (RSKU) | | | | Jumlah Keseluruhan Projek / Unit |
|------|-----------------|-------------------------|---------|---------|---------|----------------------------------|
| | | Jenis A | Jenis B | Jenis C | Jenis D | |
| MBSA | 1 | 750 | 1,508 | 2,190 | - | 4,448 |
| MPK | 4 | 4 | 40 | 1,987 | 2,192 | 4,223 |
| MPKj | 4 | 142 | 1,067 | 762 | 867 | 2,838 |
| MPSJ | 1 | - | 464 | 464 | 234 | 1,162 |
| MPS | 2 | - | - | 442 | - | 442 |
| MPSp | 6 | - | 445 | 629 | 1,940 | 3,014 |

| | | | | | | |
|---------------|-----------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| MDKS | 3 | 107 | - | 315 | 224 | 646 |
| MDKL | 2 | 330 | 660 | 1,982 | 670 | 3,642 |
| MDSB | 1 | - | 116 | 104 | 40 | 260 |
| JUMLAH | 24 | 1,333 | 4,300 | 8,875 | 6,167 | 20,675 |

- b) Bagi projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina pula, sebanyak **2** projek dengan keseluruhan sebanyak **665** unit. Jumlah ini tidak termasuk Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah diperkenalkan untuk tempoh interim dari tahun 2010 – 2013 sebelum Dasar Rumah Selangorku diperkenalkan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|------------------------|----------------------|
| MBSA | 1 | 536 (Jenis C) |
| MDHS | 1 | 129 (Jenis D) |
| JUMLAH | 2 | 665 |

- c) Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah siap dibina untuk tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2013 :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|------------------------|--------------------|
| MPKj | 3 | 352 |
| MPS | 1 | 1,422 |
| MBPJ | 1 | 236 |
| JUMLAH | 2 | 2,010 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembangunan luar bandar yang lebih dinamik dan tersusun?
 - b) Senaraikan projek Kerajaan Negeri yang bernilai lebih RM10 juta di kawasan luas bandar pada tahun 2016.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri peka dengan kepentingan pembangunan luar bandar supaya ia seiring dengan pembangunan di bandar. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan luar bandar dengan tujuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam/ asas luar bandar seperti jalan, longkang, dewan serbaguna, balairaya dan lain-lain. Bagi memastikan pembangunan luar bandar ini dilaksanakan secara dinamik dan mampan, Kerajaan Negeri komited supaya peruntukan bagi pembangunan luar bandar ini diteruskan setiap tahun dan kerja-kerja bagi naiktaraf dan baik pulih dilaksanakan secara berperingkat supaya kemudahan awam/asas di luar bandar ini berada di dalam keadaan yang baik.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil maklum akan aduan yang diterima dari setiap Pejabat Daerah dan Tanah yang merupakan agensi penghubung antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk. Ini adalah untuk memastikan permohonan bagi pelaksanaan pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan tersusun.

- b) Bagi tahun 2016, terdapat projek-projek di dalam perancangan dan juga pelaksanaan dengan kos melebihi RM10 juta. Jumlah projek di bawah pelaksanaan Jabatan Kerja Raya (JKR) ialah 7 projek dengan anggaran kos projek RM 420.5 juta, Jabatan Pengairan Selangor (JPS) ialah 2 projek dengan anggaran kos projek RM33.0 juta dan di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ialah 4 projek dengan anggaran kos projek RM48.0 juta. Berikut adalah senarai projek-projek tersebut:

1. Projek-projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR)

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) |
|---------------|---|------------------------|
| 1 | Menggantikan Jambatan Lama Di Kg. Rantau Panjang, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor | 26,500,000.00 |
| 2 | Membina Jalan Menghubungkan Kampung Sri Indah A Ke Jalan Hospital Sungai Buloh (Ft15) | 40,000,000.00 |
| 3 | Membina Laluan Hijau, Bandar Baru Selayang Ke Jalan Sg Tua / Bukit Boyan (B23) | 80,000,000.00 |
| 4 | Membina Jalan Dari Kajang Ke Kg Pasir, Sg.Lalang Melalui Perkampungan Naqasabandiah | 100,000,000.00 |
| 5 | Menaiktaraf Jalan Kg. Lombong Fasa 1 & 2, Daerah Klang | 37,000,000.00 |
| 6 | Menaiktaraf Jalan B23 Jalan Sg Tua Dan Persimpangan Kg. Bendahara, Sungai Tua, Gombak, Selangor | 30,000,000.00 |
| 7 | Menaiktaraf Laluan B42 Dari Simpang Laluan B74 Ke Kg.Raja Musa (Fasa I) | 107,000,000.00 |
| JUMLAH | | 420,500,000.00 |

2. Projek-projek di bawah seliaan Jabatan Pengairan Selangor (JPS)

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) |
|---------------|---|------------------------|
| 1 | Projek Tebatan Banjir Kg. Melayu Subang Di Sg. Pelempas | 20,000,000.00 |
| 2 | Projek Tebatan Banjir Di Sabak Bernam | 13,000,000.00 |
| JUMLAH | | 33,000,000.00 |

3. Projek-projek di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) |
|---------------|-------------------------------------|------------------------|
| 1 | SRA Ehyaul Falah 2, Sg.Besar | 10,000,000.00 |
| 2 | Maahad Tahfiz | 16,000,000.00 |
| 3 | Masjid Nurul Iman, Kg. Telok Gadong | 12,000,000.00 |
| 4 | Masjid Kampung Melayu Rasa | 10,000,000.00 |
| JUMLAH | | 48,000,000.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERSIAPAN SEA GAME

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan infrastruktur sukan di Selangor yang akan digunakan untuk SEA Game.
 - b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan dalam penganjuran SEA Game?
 - c) Berapakah atlet Selangor yang akan mewakili Malaysia dalam SEA Game?

JAWAPAN:

- a) Infrastruktur sukan di Selangor yang akan digunakan untuk SEA Game adalah seperti senarai berikut:-

| Bil. | Sukan | Venue |
|-------------|----------------|---|
| 1. | Ragbi | Stadium MBPJ, Petaling Jaya |
| 2. | Golf | The Mines Resort City Golf Club, Sri Kembangan |
| 3. | Ice Skating | Empire City, Mutiara Damansara, Petaling Jaya |
| 4. | Tenpin Bowling | Megalanes, Sunway Pyramid, Bandar Sunway Petaling Jaya |
| 5. | Kriket | Kinrara Oval, Bandar Kinrara Puchong |
| 6. | Bola Sepak | Stadium Shah Alam / Stadium Majlis Perbandaran Selayang |
| | Futsal | Stadium Panasonic Shah Alam |
| 7. | Hoki Ais | Empire City, Mutiara Damansara, Petaling Jaya |

- b) Buat masa kini, Kerajaan Negeri tidak terlibat secara langsung dalam penganjuran Sukan Sea ada kali ini. Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Malaysia (MASOC) berurusan terus dengan pemilik dan pentadbir bagi setiap venue.

- c) Buat masa ini, pihak Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan masih belum mengumumkan senarai akhir atlet secara rasmi. Atlet Selangor yang terpilih untuk latihan persediaan Sukan Sea ini adalah seramai 53 orang yang terdiri daripada sukan seperti berikut:-

| Bil | Sukan | Bil Atlet |
|---------------|---|------------------|
| 1. | Perahu Layar | 2 |
| 2. | Akuatik (renang, terjun, polo air, renang berirama) | 15 |
| 3. | Gimnastik | 4 |
| 4. | Petanque | 3 |
| 5. | Bola Keranjang | 7 |
| 6. | Taekwondo | 2 |
| 7. | Boling Padang | 1 |
| 8. | Bola Jaring | 2 |
| 9. | Tenis | 2 |
| 10. | Karate do | 3 |
| 11. | Sepak takraw | 1 |
| 12. | Hoki | 2 |
| 13. | Pencak Silat | 2 |
| 14. | Lawan Pedang | 3 |
| 15. | Bolasepak | 2 |
| 16. | Badminton | 2 |
| Jumlah | | 53 orang |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENCAPAIAN PENYELESAIAN KILANG HARAM

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai inventori lengkap mengenai kilang haram sama ada di kawasan perbandaran mahupun kampung di seluruh negeri?
 - b) Siapakah yang terlibat dalam memberi input data kepada Kerajaan Negeri?
 - c) Adakah pasukan khas untuk memantau dan mengambil tindakan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Isu berkaitan kilang haram ini telah sekian lama menimbulkan banyak masalah seperti pencemaran bau, masalah sosial dan sebagainya sehingga ia menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat.

Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab empat (4) pertanyaan mulut daripada Y.B ADUN berikut iaitu; Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing) – Kilang Haram, Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali (Selat Klang) – Pencapaian Penyelesaian Kilang Haram, Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik) – Program Pemutihan Kilang Haram dan Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (Sri Muda) - Program Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran secara bersekali.

Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan rekod daripada bancian yang dibuat sebelum ini terdapat lebih kurang **2,998** kilang yang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK sebanyak **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan. Manakala terdapat sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah memperolehi hasil kutipan bayaran premium sebanyak **RM185,683,976.54** daripada permohonan yang telah diluluskan dan dianggarkan sebanyak **RM65,313,870.00** masih belum dibayar setakat ini. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, statistik yang diberikan ini **(Lampiran A)** hanyalah sehingga pada **31 Disember 2015** sahaja.

PBN telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan proses pemutihan kilang-kilang haram. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor telah pun tamat pada 31 Disember 2015. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada iaitu tindakan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut prosedur yang ditetapkan ke atas kilang-kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor. Dalam masa terdekat, tumpuan tindakan perobohan akan ditumpukan kepada kilang haram yang dibina berhampiran sungai-sungai di Negeri Selangor terlebih dahulu.

LAMPIRAN A

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Permohonan Tukar Syarat | | | | | Premium Tambahan (Rm) | |
|---------------|----------------|------|--------------|--------------|-------------------------|--------------|-----------|-----------|---------------|-----------------------|----------------------|
| | | | Lot | Kilang | Bil. Permohonan | Lulus | Tolak | Batal | Belum Memohon | Dibayar | Belum Dibayar |
| 1. | Petaling | MBSA | 787 | 817 | 753 | 731 | 6 | 16 | 34 | 72,604,562.34 | 59,477,346.00 |
| | | MBPJ | 20 | 20 | 0 | 0 | 0 | 0 | 20 | 0.00 | 0.00 |
| | | MPSJ | 145 | 252 | 81 | 77 | 4 | 0 | 61 | 16,755,431.00 | 1,131,770.00 |
| 2. | Klang | MBSA | 226 | 227 | 178 | 134 | 7 | 37 | 571 | 29,428,170.10 | 2,380,937.00 |
| | | MPK | 535 | 621 | | | | | | | |
| 3. | Hulu Langat | MPKj | 351 | 428 | 170 | 169 | 18 | 4 | 181 | 51,179,214.80 | - |
| | | MPAJ | | | | | | | | | |
| 4. | Gombak | MPAJ | 0 | 0 | 43 | 28 | 1 | 14 | 94 | 5,528,344.05 | 341,305.00 |
| | | MPS | 137 | 157 | | | | | | | |
| 5. | Sepang | MPSp | 64 | 55 | 2 | 1 | 0 | 1 | 55 | 133,256.25 | - |
| 6. | Kuala Langat | MDKL | 177 | 197 | 92 | 73 | 15 | 4 | 78 | 8,450,882.00 | 1,982,512.00 |
| 7. | Kuala Selangor | MDKS | 34 | 149 | 4 | 1 | 0 | 3 | 27 | 303,262.00 | - |
| 8. | Hulu Selangor | MDHS | 23 | 53 | 11 | 5 | 3 | 3 | 11 | 810,845.00 | - |
| 9. | Sabak Bernam | MDSB | 24 | 22 | 12 | 4 | 6 | 2 | 22 | 490,009.00 | - |
| Jumlah | | | 2,523 | 2,998 | 1,346 | 1,223 | 60 | 97 | 1,154 | 185,683,976.54 | 65,313,870.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah seterusnya selepas tidak menggunakan plastik oleh peruncit?
- b) Bagaimana kerajaan memastikan 20 sen yang dikutip bagi setiap beg plastik oleh peniaga, disalurkan kepada badan kebajikan atau program kepenggunaan dan usaha menjaga alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Kempen Bebas Plastik dan Polistirena telah dilaksanakan selama 3 bulan sejak dari tarikh penguatkuasaan pada 1 Januari 2017 dan sepanjang tempoh tersebut, pelbagai reaksi positif dan negatif yang diterima daripada orang awam, media massa serta media sosial. Bagi meneruskan objektif kempen ini tercapai, salah satu daripada langkah yang dirancang adalah untuk melaksanakan kajian awam terhadap penerimaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena yang bertujuan mendapatkan maklumbalas serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Pada peringkat seterusnya, program Bazar Ramadhan Mampun dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mei hingga Jun 2017 di seluruh PBT Negeri Selangor dan program ini akan lebih menekankan pelaksanaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena kepada pengguna dan peniaga di samping menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan yang lain. Selain itu, beberapa program penerangan berhubung pelaksanaan kempen akan turut dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat maklumat yang lebih jelas berhubung pelaksanaan dasar ini.
- b) Bagi memastikan pihak peniaga menyalurkan kutipan RM0.20 bagi setiap beg plastik, Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi perjumpaan dan mesyuarat secara berkala bersama pihak peniaga bagi memantau laporan penyaluran kutipan serta aktiviti yang akan dilaksanakan oleh pihak peniaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENJENAMAAN SELANGOR INVESTMENT CENTRE (SSIC)

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat dan keberkesanan penjenamaan semula SSIC kepada Invest Selangor?
- b) Nyatakan kos perbelanjaan bagi proses penjenamaan semula ini.

JAWAPAN:

- a) Pelancaran penjenamaan SSIC Berhad kepada Invest Selangor Berhad telah diumumkan pada 18hb Mei 2015.

Matlamat

- 1. Menyediakan imej baharu dan hala tuju yang jelas tentang peranan organisasi.
- 2. Mempromosikan negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan yang utama di Malaysia dan ASEAN.
- 3. Memberikan gambaran yang jelas tentang fungsi dan peranan organisasi.

Keberkesanan

- 1. Mengukuhkan kesedaran tentang wujudnya agensi penggalakan pelaburan di negeri Selangor.
- 2. Maklumbalas yang diterima dari para 'stakeholders' amat menggalakkan yang mana mereka menyatakan ia adalah langkah yang tepat untuk mempromosi negeri Selangor.
- 3. Jenama ini lebih menonjol dan dikenali semenjak ianya dilancarkan.
- 4. Jumlah bilangan projek perkilangan yang diterima terus meningkat di mana pada tahun 2015 sebanyak 222 projek diterima, manakala pada tahun 2016 sebanyak 242 projek diterima.

- b) Jumlah kos perbelanjaan penjenamaan semula ini adalah sebanyak **RM299,762.30** yang ianya adalah merangkumi pemilihan logo, corporate identity manual, laman web baharu, majlis pelancaran, bahan-bahan promosi, percetakan dan stationery.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KREMATORIUM

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan semua krematorium milik kerajaan di Negeri Selangor, bersama dengan kos pembakaran mayat.
 - b) Mengikut kajian Kerajaan Negeri, adakah bilangan ini mencukupi?
 - c) Apa rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahkan bilangan krematorium?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 6 buah Krematorium yang diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor seperti berikut:

| PBT | NAMA DAN ALAMAT KREMATORIUM | TAHUN DIBINA | KOS SELENGGARAAN 2016 | KOS PEMBAKARAN MAYAT |
|-------------|---|---------------------|------------------------------|--|
| MBSA | KREMATORIUM BLISS GARDEN (diselenggara oleh Twin Valley Holding Berhad) Projek Penswastan <u>Lokasi</u> : Kompleks Perkuburan Di Atas Lot 2720, Jalan Setia Makmur U14/49, Seksyen U14 | 2015 | RM164,592.00 | Penduduk Shah Alam – RM200.00 Bukan Penduduk Shah Alam – RM600.00 |

| PBT | NAMA DAN ALAMAT KREMATORIUM | TAHUN DIBINA | KOS SELENGGARAN 2016 | KOS PEMBAKARAN MAYAT |
|-------------|---|--------------------------|-----------------------------|--|
| MBSA | NIRVANA MEMORIAL PARK [diselenggara oleh Nirvana Memorial Park (Shah Alam) Sdn Bhd] - Projek Penswastan <u>Lokasi</u> : Sebahagian Tanah Kubur Seksyen 21 | 2006 | RM274,320.00 | Penduduk Shah Alam – RM200.00 Bukan Penduduk Shah Alam – RM700.00 |
| MBPJ | Krematorium 1 & 2 (Gas) Kg. Tunku, Petaling Jaya | 1990 | RM180,000.00 | RM180.00 |
| | Krematorium 3 & 4 (Diesel) Kg. Tunku, Petaling Jaya | 3 - 2007 4 - 2014 | | RM180.00 |
| MPSJ | Lot 7374, Bangunan Krematorium MPSJ Batu 14/47100 Puchong | 2011 | RM36,146.00 | Warganegara - RM180.00 Bukan Warganegara – RM250.00 |
| MPK | Krematorium, Majlis Perbandaran Klang (Bulatan Simpang 5) | 2004 | RM45,681.80 | Hari Isnin - Jumaat RM150 Sabtu, Ahad & cuti umum RM180 |
| MPSP | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MPS | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MPKJ | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MPAJ | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MDKS | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MDKL | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MDSB | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |
| MDHS | TIADA | TIADA | TIADA | TIADA |

b) dan c) dijawab bersekali,

Sehingga kini, tiada kajian khusus berkenaan keperluan Krematorium dijalankan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Namun setiap aduan yang di terima akan di bincangkan di dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam untuk diselesaikan. Pada masa ini, satu kelulusan membina krematorium di Kajang telah diluluskan dengan kos sebanyak RM2 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : MASALAH PARIT DAN TEKANAN AIR KAMPUNG

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah JKR atau Pejabat Tanah Gombak dapat mewujudkan longkang yang sesuai bagi menghalang banjir di jalan MP1 sehingga MP3?
- b) Bilakah Syabas akan memulakan program air akibat dari masalah tekanan air dan masalah sambungan "spegetti" di kawasan kediaman sekitar MP1?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah pun mengambil maklum perkara tersebut dan untuk makluman YB DUN Paya Jaras, perkara tersebut telah pun dalam proses untuk diteliti dan diperbaiki sistem saliran di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri Selangor melalui agensi PBT iaitu Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah pun ke lokasi yang dimaksudkan dan pihak MPS telah pun merangka satu perancangan jangka panjang untuk menaik taraf sistem perparitan di lokasi berkenaan.

Dimaklumkan bahawa pihak MPS telah pun membuat jajaran (survey) longkang-longkang yang dimaksudkan dan sedang dalam proses menunggu pelan jajaran daripada pihak juruukur. Setelah itu, MPS akan menyediakan kertas cadangan pelebaran longkang berdasarkan pelan jajaran longkang tersebut. Tempoh masa untuk proses awal ini adalah dalam tempoh 2 hingga 3 minggu. Setelah kelulusan cadangan diperolehi, baru lah kontraktor yang dilantik akan menjalankan kerja-kerja naik taraf longkang-longkang tersebut. Keseluruhan proses ini dijangka akan siap dalam tempoh 8 minggu daripada tarikh lantikan dan bergantung kepada keadaan semasa.

Dengan cara ini, adalah diharapkan permasalahan penduduk setempat yang kerap mengalami banjir akan selesai dengan seberapa segera demi kepentingan penduduk setempat.

- b) Air adalah sumber kehidupan dan Kerajaan Negeri Selangor amat menitik-beratkan keperluan sumber air bersih bagi rakyat di Negeri Selangor ini. Sumber air bersih untuk kegunaan seharian amat lah penting bagi meneruskan kehidupan seharian. Dalam pada masa yang sama, dalam membekalkan air bersih kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor, kerajaan negeri juga amat

prihatin akan kesempitan hidup akibat ketidakpastian ekonomi negara yang mengakibatkan kemerosotan pendapatan isi rumah. Untuk makluman semua wakil rakyat, bagi perbelanjaan Tahun 2017 yang telah pun dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada tahun lalu, sebanyak RM183.2 juta telah disediakan untuk program air percuma di seluruh Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor, melalui agensi di bawah nya, Air Selangor telah pun ambil maklum berhubung masalah tekanan air dan masalah sambungan paip yang sering kali pecah seperti yang dimaklumkan oleh YB DUN Paya Jaras. Untuk makluman YB DUN Paya Jaras, pihak Air Selangor telah pun dalam perancangan untuk menaik taraf sistem paip di seluruh Negeri Selangor termasuk di kawasan tersebut. Projek naik taraf ini adalah termasuk menukar paip-paip yang telah usang dan ini melibatkan kos yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan kejadian yang tidak di ingini, pihak Air Selangor telah pun merancang untuk memasang injap bagi merendahkan dan mengawal sistem pengurusan tekanan air di kawasan tersebut dalam masa terdekat bagi mengurangkan impak paip pecah dan kerosakan harta benda penduduk

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS NEGERI

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah sepatutnya yang memutuskan dan menentukan kelayakan pesakit-pesakit yang menjalani rawatan Dialisis di pusat tersebut?
- b) Bagaimanakah pengurusan dan pengendalian pesakit-pesakit yang menerima rawatan Dialisis di jalankan?

JAWAPAN:

- a) Pesakit yang layak untuk menerima Bantuan Sihat Selangor (BSS) bagi menjalani rawatan dialisis perlulah mematuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti di bawah:
 - 1. Warganegara Malaysia dan lahir atau telah menetap di Negeri Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun.
 - 2. Pendapatan bagi isi rumah RM3,000 sebulan dan ke bawahPermohonan perlulah dibuat secara atas talian '*online*' di laman web bantuansehat.selangor.gov.my dan mengemukakan dokumen ke pihak UPEN. Setiap permohonan yang menepati syarat kelayakan akan dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Sihat Selangor. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang tidak menerima sebarang bantuan dari mana-mana pihak dan mempunyai tanggungan ramai, ketua keluarga meninggal, ahli keluarga yang sakit atau golongan Orang Kurang Upaya (OKU).
- b) Pesakit yang layak menerima Bantuan Sihat Selangor (BSS) akan menjalani rawatan dialisis di Panel Dialisis yang berdaftar berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan. Panel Dialisis akan membuat tuntutan pembayaran kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN setelah pesakit menggunakan keseluruhan peruntukan yang luluskan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA SEKOLAH RENDAH

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bantuan kepada SRK, SRJKC dan SRJKT dari 2014-2016.
- b) Nyatakan jumlah permohonan bantuan yang ditolak pada tahun 2016.

JAWAPAN:

- a) Jumlah bantuan SRK, SRJKC dan SRJKT dari tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti berikut :

| SEKOLAH / TAHUN | 2014 | 2015 | 2016 | JUMLAH SESELURUHAN |
|-----------------|----------------|----------------|----------------|--------------------|
| SJKC | RM5,030,000.00 | RM6,000,000.00 | RM5,990,000.00 | RM17,020,000.00 |
| SJKT | RM4,000,000.00 | RM4,000,000.00 | RM4,000,000.00 | RM12,000,000.00 |

- b) Jumlah permohonan bantuan yang ditolak pada tahun 2016 adalah sebanyak 241 permohonan seperti perincian berikut:

| SEKOLAH | FASA 1 2016 | | FASA 2 2016 | |
|--------------------------------|-------------------|---------------------------|-------------------|---------------------------|
| | JUMLAH PERMOHONAN | JUMLAH PERMOHONAN DITOLAK | JUMLAH PERMOHONAN | JUMLAH PERMOHONAN DITOLAK |
| SAR | 333 | 59 | 274 | 125 |
| SJKC | 107 | 17 | 88 | 29 |
| SJKT | 94 | 0 | 25 | 11 |
| JUMLAH | 534 | 76 | 387 | 165 |
| JUMLAH KESELURUHAN: 241 | | | | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA DI SELANGOR

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah projek penggantian paip air lama yang telah diluluskan serta kos penggantian dan panjang paip mengikut daerah pentadbiran Air Selangor sejak tahun 2016.
- b) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan penggantian paip air lama mengikut perancangan tanpa kelewatan.

JAWAPAN:

Sila rujuk hansard 29 Mac 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN SELANGOR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan telah dikeluarkan untuk membiayai permohonan tersebut dan jumlah pesakit yang telah menerima mengikut DUN?
- b) Adakah terdapat masalah dalam menjalankan Program Peduli Sihat di peringkat klinik-klinik panel?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membiayai permohonan di bawah Skim Peduli Sihat sehingga 14 Mac 2017 adalah sebanyak RM21,525.30 dan jumlah pesakit yang terlibat adalah sebanyak 513 orang. Berikut adalah pecahan mengikut Dewan Negeri seperti berikut:

| DUN | JUMLAH PESAKIT | JUMLAH BERBAYAR (RM) |
|-----------------------|----------------|----------------------|
| N01 Sungai Air Tawar | 2 | 100.00 |
| N03 Sungai Panjang | 10 | 390.00 |
| N06 Kuala Kubu Baharu | 6 | 292.00 |
| N07 Batang Kali | 8 | 389.00 |
| N08 Sungai Burong | 2 | 100.00 |
| N09 Permatang | 11 | 427.00 |
| N10 Bukit Melawati | 9 | 381.00 |
| N11 Ijok | 1 | 40.00 |
| N12 Jeram | 4 | 168.00 |
| N13 Kuang | 30 | 1,155.00 |
| N14 Rawang | 21 | 907.00 |
| N15 Taman Templer | 25 | 840.00 |

| DUN | JUMLAH PESAKIT | JUMLAH BERBAYAR (RM) |
|------------------------|----------------|----------------------|
| N16 Batu Caves | 42 | 1,838.00 |
| N17 Gombak Setia | 34 | 1,433.60 |
| N18 Hulu Kelang | 22 | 978.70 |
| N19 Bukit Antarabangsa | 8 | 349.00 |
| N20 Lembah Jaya | 4 | 200.00 |
| N21 Chempaka | 5 | 190.00 |
| N23 Dusun Tua | 7 | 311.00 |
| N24 Semenyih | 9 | 344.00 |
| N25 Kajang | 22 | 797.00 |
| N26 Bangi | 22 | 903.00 |
| N27 Balakong | 6 | 281.00 |
| N28 Seri Kembangan | 2 | 50.00 |
| N29 Seri Serdang | 3 | 112.00 |
| N32 Seri Setia | 2 | 95.00 |
| N33 Taman Medan | 5 | 235.00 |
| N36 Damansara Utama | 1 | 28.00 |
| N37 Bukit Lanjan | 3 | 90.00 |
| N38 Paya Jaras | 30 | 1,272.00 |
| N39 Kota Damansara | 22 | 1,056.00 |
| N40 Kota Anggerik | 3 | 150.00 |
| N41 Batu Tiga | 2 | 50.00 |
| N42 Meru | 1 | 18.00 |
| N45 Selat Klang | 1 | 22.00 |
| N46 Pelabuhan Klang | 15 | 742.00 |
| N47 Pandamaran | 7 | 340.00 |
| N49 Seri Andalas | 4 | 169.00 |
| N50 Sri Muda | 1 | 0.00 |
| N51 Sijangkang | 2 | 84.00 |
| N52 Telok Datok | 18 | 847.00 |

| DUN | JUMLAH PESAKIT | JUMLAH BERBAYAR (RM) |
|---------------------------|----------------|----------------------|
| N54 Tanjung Sepat | 2 | 100.00 |
| N55 Dengkil | 76 | 3,212.00 |
| N56 Sungai Pelek | 2 | 39.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 513 | 21,525.30 |

- b) Aduan yang diterima berkaitan klinik panel akan disiasat oleh pihak Selgate Corporation Sdn Bhd. dalam tempoh 7 hari bekerja. Laporan tindakan pembetulan yang telah diambil akan dimaklumkan kepada pihak UPEN dan pengadu dalam kadar segera. Semua klinik panel dinasihati untuk mengenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan dan tidak membebankan peserta Skim Peduli Sihat yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah. Klinik juga diberi latihan untuk mengakses sistem secara atas talian untuk Skim Peduli Sihat bagi urusan pengesahan peserta yang layak, pengesahan baki gunaan peserta dan juga bagi tuntutan klinik panel.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN KAMPUNG TRADISI

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak KNS mempunyai rancangan khusus untuk menstrukturkan semula Kampung Tradisi yang menghadapi banyak permasalahan disebabkan pembangunan pesat di kawasan sekitar?
- b) Bagaimanakah KNS menyelesaikan isu kemudahan awam yang tidak mencukupi yang sering dibangkitkan, seperti padang rekreasi, gerai-gerai yang lebih tersusun?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah meminta supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor menyediakan Kajian Perancangan Fizikal Desa Negeri Selangor. Kajian tersebut telah bermula pada 1 Mei 2016 dan dijangka akan selesai pada 30 April 2017. Perkara ini adalah selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri sebagaimana di dalam Pembentangan Belanjawan 2016 Negeri Selangor, Kerajaan Negeri komited untuk menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar. Untuk makluman juga, kajian ini akan menghasilkan Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor yang akan memandu Kerajaan Negeri dalam menentukan halatuju pembangunan di kawasan desa di Negeri Selangor termasuklah kampung-kampung tradisi.

Melalui Pelan Halatuju Strategik ini, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kelangsungan kampung-kampung tradisi di Negeri Selangor termasuklah penstrukturkan semula kampung yang antara lain mengenalpasti sumber dan tahap ekonomi, ketersediaan dan cadangan penambahbaikan kemudahan infrastruktur setiap kampung tradisi untuk memastikan kampung-kampung ini tidak terjejas dan tidak ketinggalan dalam kepesatan pembangunan di kawasan sekitar.

Sumber : Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor

- b) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di Kampung-kampung Tradisi adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi menaiktaraf kemudahan awam/asas desa bagi kampung-kampung di Negeri Selangor. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta untuk projek menaiktaraf infrastruktur sukan seperti padang di kawasan-kawasan bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek-projek Rumah Selangorku yang telah mendapat serahan milikan kosong (VP) dan perakuan siap dan pematuhan (CCC).
- b) Nyatakan projek Rumah Selangorku yang gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tiada penangguhan siap kerja projek rumah Selangorku?

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **89,396** unit Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Ia merangkumi sebanyak 22,494 unit rumah dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku manakala baki 66,902 unit lagi bukan dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku. Daripada keseluruhan unit tersebut terdapat sebanyak **665** unit RSKU telah siap dibina dan telah mendapat Serahan Milikan Kosong (VP) serta telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Jumlah ini tidak termasuk Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah diperkenalkan untuk tempoh interim dari tahun 2010 – 2013 sebelum Dasar Rumah Selangorku diperkenalkan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|------------------------|----------------------|
| MBSA | 1 | 536 (Jenis C) |
| MDHS | 1 | 129 (Jenis D) |
| JUMLAH | 2 | 665 |

Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah siap dibina untuk tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2013 :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|-----------------|--------------|
| MPKj | 3 | 352 |
| MPS | 1 | 1,422 |
| MBPJ | 1 | 236 |
| JUMLAH | 2 | 2,010 |

- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan pemaju perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) Pendirian Bangunan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan dalam tempoh 60 hari (2bulan) sebaik sahaja kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) diperolehi. Daripada jumlah keseluruhan 142 projek dengan 89,396 unit yang telah diluluskan oleh MMKN, sebanyak 44 projek dengan 29,915 unit daripadanya yang masih belum mengemukakan pelan KM tersebut. Perincian adalah seperti berikut :-

| Pihak Berkuasa Tempatan | Bilangan Projek Yang Masih Belum Mengemukakan KM | | |
|-------------------------|--|------------|-----------------------------|
| | 2014 | 2015 | Kelulusan Sebelum Ogos 2016 |
| MBSA | - | 7 (2,656) | 1 (566) |
| MBPJ | 1 (436) | 2 (296) | - |
| MPAJ | - | 2 (108) | - |
| MPSJ | 2 (1,756) | 3 (1,360) | 1 (1,026) |
| MPK | - | 3 (476) | - |
| MPKj | 2 (540) | 2 (1,357) | 7 (2,011) |
| MPS | - | 3 (12,598) | - |
| MPSp | 1 (645) | 2 (708) | 3 (2,843) |
| MDHS | - | - | - |

| | | | |
|---------------|--------------------|--------------------|-------------------|
| MDKS | - | 1 (357) | 1 (176) |
| MDSB | - | - | - |
| MDKL | - | - | - |
| JUMLAH | 6 (3,377) | 25 (19,916) | 13 (6,622) |
| | 44 (29,915) | | |

- c) Selain daripada syarat pemaju perlu mengemukakan KM Pendirian Bangunan dalam tempoh masa 60 hari (2 bulan) selepas MMKN diluluskan, pemaju juga telah disyaratkan untuk membina sekurang – kurangnya RSKU Jenis A di fasa pertama / awal pembangunan atau serentak dengan pembangunan harga bebas yang lain. Bagi memastikan pemaju mematuhi syarat – syarat tersebut, tindakan “*Stop Work Order*” untuk pembangunan lain dan pemaju disenarai hitamkan akan diambil sekiranya mereka gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan pemaju menanggukkan / tidak membina RSKU, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku yang mana fungsinya adalah seperti berikut :-
- i. Melaporkan status pembangunan Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) daripada tahun 2014 sehingga kini khususnya yang masih belum mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang di PBT.
 - ii. Mengenalpasti isu - isu berbangkit yang mengakibatkan pemaju masih gagal mengemukakan pelan Kebenaran Merancang.
 - iii. Menyelaras dan memudahcara proses-proses kelulusan Rumah Selangorku di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi.
 - iv. Mengadakan lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kepada Jawatankuasa.
 - v. Memohon pemaju untuk mengemukakan Jadual Kemajuan Kerja di tapak setiap 6 bulan sekali.
 - vi. Mengesyorkan arahan pembekuan atau ‘*Stop Work Order*’ bagi pembangunan berkaitan sebelum diangkat untuk persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah *hotspot Wifi* Selangorku mengikut kawasan DUN.
- b) Jelaskan adakah pelaksanaan projek ini menepati KPI.

JAWAPAN:

- a) Jumlah hotspot WiFi Smart Selangor mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut:

| DUN | Jumlah Hotspot |
|----------------------|-----------------------|
| N01 Sungai Air Tawar | 6 |
| N02 Sabak | 38 |
| N03 Sg Panjang | 39 |
| N04 Sekinchan | 49 |
| N05 Hulu Bernam | 4 |
| N06 Kuala Kubu Bharu | 11 |
| N07 Batang Kali | 4 |
| N08 Sg Burong | 8 |
| N09 Permatang | 5 |
| N10 Bukit Melawati | 7 |
| N11 Ijok | 17 |
| N12 Jeram | 10 |
| N13 Kuang | 2 |
| N14 Rawang | 17 |
| N15 Taman Templer | 4 |
| N16 Batu Caves | 69 |
| N17 Gombak Setia | 7 |
| N18 Hulu Kelang | 33 |
| N19 Bukit | |
| Antarabangsa | 5 |
| N20 Lembah Jaya | 83 |
| N21 Chempaka | 7 |
| N23 Dusun Tua | 2 |
| N24 Semenyih | 20 |
| N25 Kajang | 265 |

| DUN | Jumlah Hotspot |
|---------------------|-----------------------|
| N26 Bangi | 149 |
| N27 Balakong | 41 |
| N28 Seri Kembangan | 74 |
| N29 Sri Serdang | 2 |
| N30 Kinrara | 166 |
| N31 Subang Jaya | 287 |
| N32 Seri Setia | 47 |
| N33 Taman Medan | 43 |
| N34 Bukit Gasing | 123 |
| N35 Kampung Tunku | 5 |
| N36 Damansara Utama | 196 |
| N37 Bukit Lanjan | 4 |
| N38 Paya Jaras | 8 |
| N39 Kota Damansara | 76 |
| N40 Kota Anggerik | 491 |
| N41 Batu Tiga | 55 |
| N42 Meru | 119 |
| N43 Sementa | 2 |
| N45 Selat Klang | 4 |
| N46 Pelabuhan Klang | 33 |
| N47 Pandamaran | 69 |
| N48 Kota Alam Shah | 8 |
| N49 Seri Andalas | 5 |
| N50 Seri Muda | 8 |
| N51 Sijangkang | 2 |
| N52 Teluk Datuk | 3 |
| N53 Morib | 28 |
| N54 Tanjung Sepat | 5 |
| N55 Dengkil | 214 |
| N56 Sungai Pelek | 2 |
| JUMLAH | 2981 |

- b) Pelaksanaan projek WiFi Smart Selangor telah menepati KPI di mana sebanyak 2,981 hotspot WiFi Smart Selangor telah selesai dipasang pada penghujung tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TEMPAT TAKUNGAN BANJIR DI BAWAH TALIAN ELETRIK TAMAN
SERDANG JAYA**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah tiada pemantauan dibuat di tempat takungan banjir di bawah talian elektrik Taman Serdang Jaya sehingga semakin ramai membuat aktiviti haram seperti menanam sayur serta penternakan di sana?
- b) Ada atau tidak penyelenggaraan dilakukan secara berkala di kawasan berikut?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor melalui JPS Daerah Petaling sentiasa membuat pemantauan dan telah mengambil maklum berkenaan aktiviti haram seperti penanaman sayur-sayuran serta penternakan yang dilakukan di kawasan dataran banjir di bawah talian rentis elektrik TNB Taman Serdang Jaya. Pentadbir Tanah Daerah iaitu Pejabat Tanah Petaling dan JPS Negeri Selangor telah membuat perobohan bagi struktur dan pembersihan kawasan penanaman sayur pada tahun 2015. Namun begitu, pihak berkenaan masuk semula untuk mengusahakan tanaman dan ternakan. JPS Negeri Selangor akan menghantar permohonan untuk penguatkuasaan kepada Pejabat Daerah Tanah Petaling untuk tindakan selanjutnya. Untuk makluman, kawasan tempat takungan banjir ini hanya akan berfungsi sebagai kolam takungan sekiranya hujan lebat berlaku kerana air akan disalurkan ke dalam kolam. Manakala akan sentiasa kering sekiranya hujan lebat tidak berlaku. Ini menyebabkan pengusaha tanaman haram boleh mengusahakan kawasan takungan banjir.
- b) Pihak JPS Daerah Petaling ada melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala di kawasan dataran banjir di bawah talian rentis elektrik TNB Taman Serdang Jaya bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan komponen dataran banjir sebagai takungan banjir semasa hujan lebat dan air dari Anak Sg. Kuyoh dan S. Jinmah yang tinggi.

Butiran kerja adalah seperti berikut:

Tajuk kerja : Kerja-kerja Penyelenggaraan Kawasan Dataran Banjir dan Parit Takungan serta lain-lain kerja berkaitan di Taman Seri Kembanghari, Serdang, Daerah Petaling

Nama kontraktor : Syarikat Isma

Tempoh kerja : 5 pusingan (Mac sehingga Disember 2017)

Skop kerja : 1. Kerja pemotongan rumput
2. Pembersihan saluran bagi mengeluarkan air dari kolam takungan ke Sungai Kuyoh

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di luar bandar?
- b) Di manakah kawasan luar bandar yang menjadi tumpuan Kerajaan untuk usaha-usaha ini?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk pembangunan program ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mengadakan dan melaksanakan pelbagai usaha untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di luar bandar. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah usahasama dengan agensi-agensi kerajaan dan penggiat pelancongan didalam negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat-Pejabat Daerah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia dan Tourism Selangor sendiri sebagai badan pelancongan rasmi negeri melalui mesyuarat PRO Pelancongan yang diadakan sebulan sekali. Mesyuarat PRO Pelancongan ini adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu pelancongan negeri termasuklah mendengar dan membincangkan cadangan produk-produk baru pelancongan terutama bagi sektor pelancongan di luar bandar.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri dengan kerjasama TSSB turut melaksanakan program 'product update' bagi melihat potensi-potensi produk baru di seluruh negeri Selangor.

- b) Kerajaan Negeri melihat pembangunan pelancongan di dalam Negeri Selangor adalah secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada mana-mana zon atau bahagian sama ada di bandar atau di luar bandar.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan pelancongan yang terletak di luar bandar telah dikenalpasti sebagai kawasan pelancongan berdasarkan potensi dan kekuatan seperti pelancongan eko, pelancongan warisan, dan pelancongan sukan diantaranya seperti berikut:

- a. Daerah Sabak Bernam dan sekitar
- b. Daerah Kuala Selangor dan sekitar
- c. Daerah Hulu Selangor dan sekitar
- d. Daerah Kuala Langat dan sekitar
- e. Daerah Sepang dan sekitar

| BIL | JENIS PEMBANGUNAN | DAERAH | PRODUK |
|-----|---------------------|----------------|---|
| 01 | Pelancongan Eko | Sabak Bernam | 1. Pekan Sekinchan 2. Homestay Sg. Hj. Dorani 3. Homestay Papitusulem 4. Pantai Redang, Sekinchan 5. Pantai Bagan Nakhoda Omar 6. Pantai Batu 23, Sg. Nibong |
| | | Kuala Selangor | 1. Pusat Konservasi Kelip-Kelip Kg. Kuantan 2. Pantai Remis 3. Sky Mirror, Sasaran |
| | | Hulu Selangor | 1. Sungai Chiling 2. Sungai Pertak 3. Bukit Kutu 4. Bukit Fraser 5. Sungai Kalumpang |
| | | Kuala Langat | 1. Pantai Morib 2. Pantai Cunang 3. Pantai Kelanang |
| | | Selangor | 1. Pantai Bagan Lalang 2. Homestay Banghunis |
| 02 | Pelancongan Warisan | Sabak Bernam | 1. Muzium Sabak Bernam |
| | | Kuala Selangor | 1. Bukit Malawati |
| | | Hulu Selangor | 1. Bukit Fraser 2. Rumah GAP 3. Banglo Sultan Sulaiman 4. Rumah Seri Berkat |
| | | Kuala Langat | 1 Istana Bandar |

| | | | |
|-----------|--------------------------|----------------|---|
| | | | 2 Pekan Jugra 3 Bukit Jugra 4 Makam Diraja 5 Istana Morib |
| 03 | Pelancongan Sukan | Sabak Bernam | 1. Kelong (Memancing) |
| | | Kuala Selangor | 1. Puncak Alam (Mountain Bike) |
| | | Hulu Selangor | 1. Bukit Batu Pahat (Paragliding) 2. Sungai Selangor (Water Rafting) |
| | | Kuala Langat | 1. Bukit Jugra (Paragliding) |

- c) Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha untuk memajukan potensi pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor termasuklah pembangunan dan program promosi pelancongan untuk kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan yang khusus bagi pembangunan pelancongan di kawasan luar bandar dan peruntukan diberikan berdasarkan keperluan dan permohonan daripada pihak-pihak berkepentingan. Setiap tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2.5 Juta bagi tujuan menaik taraf produk pelancongan di dalam negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : CUKAI PERNIAGAAN

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan cukai perniagaan dari 2014-2016 mengikut PBT?
- b) Nyatakan jumlah tunggakan cukai perniagaan dari 2014-2016 mengikut PBT?

JAWAPAN:

a) dan b)

Penyumbang terbanyak bagi Hasil Lesen di PBT Negeri Selangor adalah terdiri empat (4) hasil lesen iaitu Fi Lesen Tred, Perniagaan & Perindustrian, Fi Lesen Establisymen Makanan, Fi Lesen Penjaja dan Fi Lesen Pasar. Namun Kerajaan Negeri di bawah inisiatif peduli telah mengecualikan Fi Lesen penjaja kecil, pasar malam dan pasar tani pada tahun 2016, dan diteruskan pada tahun 2017 melibatkan impak kewangan sebanyak RM12,144,633.00 dengan bilangan 91,706 pegangan.

Jumlah kutipan fi lesen perniagaan dari tahun 2014 adalah sebanyak RM51.11 Juta, 2015 sebanyak RM52.22 Juta dan 2016 sebanyak RM60.15 Juta dan tiada tunggakan memandangkan tempoh kelulusan lesen akan luput dan bayaran permohonan baru akan dikenakan setelah tarikh luput tersebut. Sekiranya gagal, maka tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan berdasarkan undang-undang yang terpakai. Jumlah kutipan fi lesen perniagaan bagi tahun 2014 sehingga 2016 mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | Jumlah Kutipan Fi Lesen Perniagaan | Jumlah Kutipan Fi Lesen Perniagaan | Jumlah Kutipan Fi Lesen Perniagaan |
|------|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| | Tahun 2014 | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
| MBSA | 3,394,233.80 | 3,454,799.77 | 3,780,994.04 |
| MBPJ | 21,310,784.00 | 21,574,133.00 | 28,142,624.00 |
| MPK | 6,241,258.00 | 5,262,732.00 | 5,085,279.00 |

| PBT | Jumlah Kutipan Fi Lesen Perniagaan Tahun 2014 | Jumlah Kutipan Fi Lesen Perniagaan Tahun 2015 | Jumlah Kutipan Fi Lesen Perniagaan Tahun 2016 |
|---------------|---|---|---|
| MPAJ | 964,163.00 | 1,102,459.00 | 1,259,964.00 |
| MPSJ | 5,915,996.00 | 6,066,244.60 | 7,008,461.80 |
| MPSp | 2,112,779.00 | 3,029,360.00 | 3,520,422.00 |
| MPKj | 3,539,259.50 | 3,158,179.00 | 2,111,896.00 |
| MPS | 3,518,495.00 | 4,520,483.00 | 4,581,199.00 |
| MDKL | 1,077,107.00 | 1,103,848.00 | 1,149,331.00 |
| MDHS | 199,023.00 | 140,677.00 | 793,355.00 |
| MDKS | 1,650,852.44 | 1,672,595.60 | 1,681,145.04 |
| MDSB | 1,190,585.00 | 1,136,311.00 | 1,038,941.57 |
| JUMLAH | 51,114,535.74 | 52,221,821.97 | 60,153,612.45 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur kelulusan permohonan Skim Peduli Sihat?
- b) Berapakah tempoh pemprosesan untuk satu permohonan?
- c) Berapakah permohonan telah diluluskan di Selangor dan DUN Teratai?

JAWAPAN:

- a) Prosedur kelulusan permohonan Skim Peduli Sihat adalah seperti berikut :
 - 1. Pemohon mendaftar secara atas talian atau di Pejabat Ahli Dewan Negeri/ Penyelaras Negeri. Pemohon harus menepati kriteria berikut:
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Lahir di Selangor atau tinggal di Selangor melebihi 10 tahun;
 - iii. Pendapatan isirumah di bawah RM 3,000 sebulan (Kategori Keluarga) atau di bawah RM 1,500 sebulan (Kategori Individu).
 - 2. Ahli Dewan Negeri atau Penyelaras Dewan Negeri akan mengesahkan permohonan tersebut.
 - 3. Maklumat pemohon yang disahkan tersebut akan dimasukkan ke dalam sistem dan Kad Peduli Sihat akan dicetak.
 - 4. Kad Peduli Sihat akan diedarkan kepada pemohon oleh Ahli Dewan Negeri atau Penyelaras Dewan Negeri.
- b) Tempoh pemprosesan dijangka mengambil masa sekitar dua minggu daripada pengesahan sehingga penerimaan Kad Peduli Sihat.
- c) Sehingga 14 Mac 2017, sebanyak 152 ahli Skim Peduli Sihat telah diluluskan di kawasan DUN Teratai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : BOLASEPAK

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Kemelut bola sepak Selangor, nyatakan status terkini.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukkan sebanyak 23 juta di musim 2016. Walaubagaimanapun berlaku kekalutan sebelum musim 2017 bermula di mana Persatuan Bola Sepak Selangor enggan memberikan kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Oleh yang Demikian, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk program pembangunan Bola Sepak Negeri selangor dengan menjalankan program bersama PKNS FC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : E-COMMERCE DAN SMART SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan dalam membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam bidang *e-commerce*?
- b) Bagaimana *e-commerce* yang dilaksanakan di Selangor memberi manfaat kepada golongan peniaga kecil dan penjaja?

JAWAPAN:

- a) Rancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu IKS adalah untuk mendidik, memahirkan, serta menyokong IKS dalam nuansa-nuansa *e-commerce*. Salah satu program untuk memajukan rancangan ini merupakan Program Online 100, yang dilaksanakan oleh Selangor Information Technology and E-Commerce Council atau SITEC, yang pada masa kini telah memahirkan 220 perniagaan kecil dalam bidang *e-commerce*. Jumlah jualan bernilai RM4 juta - melalui pasaran-pasaran Lazada, 11street, Logon, serta YouBeli - telah pun dicapai oleh peserta-peserta program ini.

Selain itu, kelas untuk meningkatkan kemahiran peniaga-peniaga IKS dalam bidang *e-commerce* telah dilaksanakan juga oleh SITEC, dalam bentuk E-Commerce Class yang dijalankan dalam tiga Bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, dan Bahasa Cina.

Tidak kecuali juga inisiatif baru untuk membawa pengetahuan kepada peniaga-peniaga IKS, iaitu program SITEC Academy yang juga dilaksanakan oleh SITEC, yang menyediakan bahan serta sumber seara atas taliaan, untuk menyenangkan peniaga-peniaga yang ingin memahirkan diri dalam bidang *e-commerce* untuk memimba ilmu.

- b) Manfaat yang pertama dan yang paling ketara adalah peningkatan kemahiran teknikal peniaga-peniaga IKS untuk memajukan diri mengikut zaman. Dengan berbekalkan ilmu ini, wujudlah manfaat yang kedua – pasaran sasaran peniaga-peniaga IKS ini dapat diluaskan, bukan sahaja ke tahap daerah, bukan sahaja ke tahap negeri, tetapi ke tahap kebangsaan serta antarabangsa,

sekaligus meningkatkan jumlah jualan mereka. Tahap kualiti produk peniaga-peniaga, serta daya layanan pelanggan, ditingkatkan juga melalui peluasan pasaran sasaran.

Peniaga-peniaga juga telah dibantu dari segi pemasaran produk serta perniagaan mereka. Melalui ekspo-ekspo serta acara-acara yang diadakan, seperti Selangor International Expo serta Smart City Conference, tidak ketinggalan juga kempen promosi, jumlah jualan dalam lingkaran berjuta telah dicapai oleh IKS-IKS juga.

Manfaat ketiga berkaitan pula dengan produk negara. Dengan kemahiran e-commerce, produk-produk tempatan juga dapat dipamerkan kepada negara-negara di luar sana, untuk menunjukkan bahawa Selangor dan Malaysia menghasilkan produk yang berkualiti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PEMBINAAN DAN MENAIKTARAF SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah melaksanakan perubahan yang signifikan kepada SRA selari dengan perkembangan pembelajaran digital?
- b) Nyatakan jumlah SRA yang akan dibina dan dinaiktaraf pada tahun 2017.
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan guru SRA yang memahami tentang pendekatan pembelajaran Abad21?

JAWAPAN:

- a) Ya. Telah dilaksanakan melalui penubuhan Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor (PBANS) dan sekarang telah dinaiktaraf kepada Institut Murabbi Antarabangsa Negeri Selangor (IMANS) di mana guru-guru diberi pendedahan dengan menghadiri kursus jangka pendek bagaimana pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab menggunakan IT.

IMANS menawarkan kursus jangka pendek kepada semua murid di peringkat sekolah rendah bagi pendedahan pembelajaran digital. Jabatan Agama Islam Selangor merancang mengadakan projek rintis penggunaan *tablet* kepada guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Projek perintis akan dilaksanakan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) Alam Impian, Klang.

- b) Sebanyak 3 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) yang dirancang untuk dibina pada tahun 2017 telah pun bermula iaitu:
 - i. SRA Bandar Country Homes, Gombak dijangka tender pada bulan April 2017
 - ii. SRA Denai Alam, Petaling dijangka tender pada bulan April 2017
 - iii. SRA Kota Damansara Damai, Petaling telah pun dalam proses pembinaan

Tiada projek SRA yang akan dinaiktaraf pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, setakat Mac 2017 sebanyak 47 buah sekolah telah diluluskan untuk dibaikpulih pada tahun 2017.

- c) Perancangan Kerajaan Negeri bagi menyediakan guru di bawah pengurusan JAIS yang memahami tentang Pembelajaran Abad 21 (PAK 21) adalah melalui kursus-kursus PAK 21 yang bersifat *training of trainers* kepada pegawai di Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Unit Pendidikan Islam (UPI) daerah, pengetua dan guru besar untuk dikembangkan di pelbagai peringkat. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah-pensyarah dari Institut Aminuddin Baki dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PARIT BESAR DI BELAKANG PANTAI HOSPITAL KLANG

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah yang bertanggungjawab atas parit tersebut?
- b) Tanah di belakang bangunan beralamat No. 263, Persiaran Raja Muda Musa telah dihakiskan dengan sangat serius sehingga telah hilang kebanyakan tanahnya dan membahayakan bangunan tersebut. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang
- b) Dalam cadangan membina batu gabion bagi pengukuhan tebing tanah supaya kejadian tanah runtuh/hakisan tidak berlaku lagi. Penyediaan kelulusan dan cadangan rekabentuk mengikut kesesuaian ditapak sedang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU PEMATUHAN PEMAJU PERUMAHAN TERHADAP UNDANG-
UNDANG / PERATURAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang melakukan penguatkuasaan yang lebih tegas bagi menjamin pemaju-pemaju mematuhi undang-undang, berikutan banyak kes ketidakpatuhan yang mengakibatkan berlaku kes penganiayaan terhadap pembeli lot, banjir lumpur dan pencemaran sungai.
- b) Jika ya, nyatakan langkahnya dan jika tidak, apakah rancangan Kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Sebarang pembangunan pemajuan perlu memperoleh kelulusan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dinilai oleh Jabatan-Jabatan Teknikal di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan seperti Jabatan Pembangunan, Jabatan Penilaian dan Jabatan Perancang. Penguatkuasaan berasaskan perundangan seringkali dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mahupun Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, masih terdapat projek-projek yang tidak berlesen dibuat ditapak-tapak tanah pertanian yang berukuran kurang daripada SATU (1) ekar setiap satu. Ianya agak sukar untuk dipantau kerana seringkali urusan tukar syarat tanah tidak dilaksanakan. Kerajaan Negeri melalui pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa memastikan pihak pemaju mematuhi segala syarat Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (BP) yang telah diluluskan bagi mengelakkan tindakan perundangan dibuat keatas pemaju-pemaju yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- b) Selain daripada itu, kesedaran pembeli juga perlu memandangkan mereka hendaklah memastikan pemaju berlesen dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui penetapan syarat yang telah ditetapkan. Tindakan perundangan terhadap pemaju-pemaju berlesen boleh dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) yang telah memperuntukkan seksyen-seksyen tertentu yang melibatkan penalti kesalahan sekiranya pemaju-pemaju tersebut dengan sengaja ataupun tidak melanggar

syarat-syarat yang telah diluluskan. Kesedaran pembeli juga penting kerana kegagalan pembeli mengetahui hak masing-masing bakal menyumbang kepada masalah berhubung pengurusan, kejiranan dan kehidupan sosial pada masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : DENGGI

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kes yang direkodkan sepanjang tahun 2016 mengikut daerah?
- b) Berapakah jumlah kes yang mengakibatkan kematian sepanjang tahun 2016 bagi seluruh negeri Selangor?
- c) Apakah langkah terbaru yang di cadang oleh kerajaan bagi tahun 2017?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kes demam denggi bagi tahun 2016 iaitu 51,652 kes dan ini merupakan penurunan sebanyak 18% berbanding dengan 63,198 kes bagi tahun 2015. Kadar kematian bagi tahun 2016 iaitu 78 kes, merupakan pengurangan sebanyak 39% kes berbanding tahun sebelumnya sebanyak 127 kes. Kes Denggi yang didaftarkan sepanjang tahun 2016 mengikut daerah adalah seperti berikut :

| BIL | DAERAH | KUMULATIF KES |
|---------------|----------------|----------------------|
| 1 | Petaling | 21,069 |
| 2 | Hulu Langat | 11,830 |
| 3 | Klang | 7,623 |
| 4 | Gombak | 5,834 |
| 5 | Sepang | 1,986 |
| 6 | Kuala Langat | 1,422 |
| 7 | Hulu Selangor | 1,050 |
| 8 | Kuala Selangor | 596 |
| 9 | Sabak Bernam | 242 |
| JUMLAH | | 51,652 |

- c) Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor telah merancang dan merangka beberapa program utama yang akan dilaksanakan pada tahun 2017 dengan menggunakan sepenuhnya peruntukan berjumlah RM5juta bagi memastikan kadar kes demam denggi dan kadar kematian di Negeri Selangor berkurang dari semasa ke semasa.

Sebahagian besar peruntukan bagi tahun 2017 akan digunakan secara optimum dengan melantik '*Pest Controller Operator*' di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut kadar keperluan masing-masing. Penggunaan PCO ini dijangka dapat membantu pihak PBT dan PKD dalam membuat aktiviti kawalan demam Denggi terutama di kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan hotspot.

Kejayaan penurunan sebanyak 18% kes demam denggi ini tidak akan dicapai sekiranya pihak Kerajaan Negeri tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak terutama Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang turut serta melaksanakan aktiviti gotong royong di kawasan masing-masing dengan menggunakan peruntukan RM10,000 yang telah disalurkan. Justeru itu, Kerajaan Negeri bersetuju meneruskan pengagihan peruntukan kawalan dan pencegahan Denggi sebanyak RM10,000 setiapa ADN pada tahun ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh mula mengadakan aktiviti gotong –royong memandangkan peruntukan telah disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.

Kerajaan Negeri juga telah merancang beberapa program secara berperingkat untuk dilaksanakan secara menyeluruh di semua daerah melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Kesihatan Daerah. Salah satu program yang telah dilancarkan pada awal bulan Februari yang lalu adalah Program Semburan Aerosol Selangor – SAS yang memfokuskan kawalan nyamuk aedes di dalam rumah. Hasil pemantauan yang dilakukan iaitu merujuk kepada laporan kes demam Denggi sehingga 11 Mac 2017, 6 daripada 9 lokaliti hotspot yang terpilih untuk majlis pelancaran program SAS telah bebas daripada menjadi hotspot.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri akan terus memantau semua program-program yang dilaksanakan bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan terhadap pengurangan kes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SKIM CERIA

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pencapaian Skim CERIA dari tahun 2014-2016.
- b) Nyatakan peruntukan untuk melaksanakan Skim CERIA dari 2014-2016.

JAWAPAN:

- a) Manfaat Skim CERIA dari tahun 2014 sehingga 2016 telah dinikmati oleh 104 pangsapuri dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM47,710,676.76 bagi tujuan baik pulih kerosakan harta bersama. Bantuan Skim CERIA bagi tempoh tersebut dianggarkan dapat dinikmati oleh tidak kurang daripada 40,000 penduduk. Ia merupakan sebahagian daripada 263 pangsapuri yang telah menerima bantuan tersebut dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM85 juta serta memberi manfaat kepada lebih 100,000 penduduk kediaman pangsapuri.
- b) Peruntukan untuk pelaksanaannya disalurkan melalui Tabung Amanah dengan modal pusingan sebanyak RM25 juta. Bagi tempoh 2014 sehingga 2015, sebanyak 104 pangsapuri telah menerima manfaat bantuan Skim CERIA dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM47,710,676.76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : ISU PEMBINAAN PERPUSTAKAAN AWAM DI DAERAH SEPANG

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat ini apakah status projek pembinaan perpustakaan awam di Daerah Sepang?
- b) Bilakah projek ini akan dijalankan?

JAWAPAN:

- a) Status projek pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang memerlukan semakan semula disebabkan 4 lot kedai berkeluasan 25,696 kaki persegi yang dicadangkan tidak bersesuaian sebagaimana Laporan Teknikal JKR ketika lawatan tapak pada 9 September 2016. Di antara isu yang dibangkitkan ialah:
 - 1. Bebanan dan rekabentuk tidak bersesuaian untuk tujuan perpustakaan
 - 2. Tiada ruang untuk *sub station* TNB dan memerlukan kerja pecah bagi pemasangan kabel elektrik, ICT dan telefon
 - 3. Ketiadaan ruang yang bersesuaian bagi keperluan bomba seperti *hose reel* dan pam air
 - 4. Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang kurang optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang.

Oleh itu, Perpustakaan dipinta untuk membentangkan di dalam MTES cadangan Perpustakaan Daerah Sepang dengan mencari lot yang bersesuaian atau pembinaan bangunan baru di atas tanah berkeluasan 7 ekar PT:4136, H.S.(D): 42193 Mukim Dengkel sebagaimana yang telah diperuntukkan.

- b) Perpustakaan telah diperuntukkan RM 6 juta di dalam RMKe 11 bagi tujuan pewujudan Perpustakaan Daerah Sepang. Namun disebabkan isu di atas Perpustakaan hendaklah mengemukakan cadangan baru atau keperluan bajet tambahan bagi pembinaan bangunan baru Perpustakaan Daerah Sepang. Dijangkakan akan dijalankan pada tahun 2018 dengan memenuhi semua prosedur yang ditetapkan begitu juga kemampuan kewangan.

PERINCIAN STATUS PERPUSTAKAAN DAERAH SEPANG

| Bil. | Perkara | Catatan | Rujukan | | | | | | | | | | | | |
|------|---|---|------------|------|-------|----|---|-----------------|----|---|-----------------|----|------------------------------|-------|--|
| 1. | Tapak Perpustakaan Daerah Sepang | Pejabat Tanah & Daerah Sepang telah meluluskan pemberimilikan tanah PT: 4136 dan H.S. (D): 42193, Mukim Dengkel Daerah Sepang yang berkeluasan 7 ekar untuk tujuan pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang. | Lampiran 1 | | | | | | | | | | | | |
| 2. | RMKe11 (2016-2020) | PPAS telah mengemukakan kertas kerja bagi pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang dengan kos RM 36 juta. | Lampiran 2 | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Peruntukan Pembangunan 2016 | PPAS telah diperuntukan RM 6 juta bagi Perpustakaan Daerah Sepang dengan cadangan pembelian lot-lot kedai di Bandar Baru Salak Tinggi | Lampiran 3 | | | | | | | | | | | | |
| 4. | Lot Kedai Bandar Baru Salak Tinggi | <p>Dengan peruntukan yang diterima berjumlah RM 3.5 juta bagi tahun 2016. PPAS telah membuat tindakan bagi pembelian lot-lot kedai sebagaimana berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Lot</th> <th style="text-align: center;">Area</th> <th style="text-align: center;">Total</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">19</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td style="text-align: center;">6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">21</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td style="text-align: center;">6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">23</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor)</td> <td style="text-align: center;">6,424</td> </tr> </tbody> </table> | Lot | Area | Total | 19 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot | 21 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot | 23 | - 1,474 sq.ft (ground floor) | 6,424 | |
| Lot | Area | Total | | | | | | | | | | | | | |
| 19 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot | | | | | | | | | | | | | |
| 21 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot | | | | | | | | | | | | | |
| 23 | - 1,474 sq.ft (ground floor) | 6,424 | | | | | | | | | | | | | |

| | | <table border="1"> <tr> <td></td> <td>- 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td>sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td>25</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td>6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah</td> <td>25,696 sq.ft</td> </tr> </table> | | - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | sq.ft/lot | 25 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot | Jumlah | | 25,696 sq.ft | |
|-----------------------|---|---|------------|---|-----------------------|---|---|-------------------------|---------------|--|---------------------|--|
| | - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | sq.ft/lot | | | | | | | | | | |
| 25 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot | | | | | | | | | | |
| Jumlah | | 25,696 sq.ft | | | | | | | | | | |
| 5. | Status pembelian lot kedai | Dokumen perjanjian pembelian (<i>sale & purchase agreement</i>) antara PPAS dan PNSB pada peringkat akhir dan sedia dimuktamadkan untuk ditandatangani bagi pembelian lot-lot kedai iaitu 4 lot rumah kedai 4 tingkat di Jalan 4, Medan 120, Bandar Baru Salak Tinggi Sepang dengan harga hampir RM 3 juta. | Lampiran 5 | | | | | | | | | |
| 6. | Lawatan tapak | PPAS,UPEN dan JKR telah membuat lawatan tapak pada 9 September 2016 melibatkan aspek-aspek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ➤ JKR Sepang – kerja-kerja struktur ➤ JKR Selangor – kerja-kerja elektrik & mekanikal | | | | | | | | | | |
| 7. | Ulasan Teknikal JKR | Ringkasan ulasan JKR adalah seperti berikut: <table border="1" style="margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc;">Agensi</th> <th style="background-color: #cccccc;">Ulasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>JKR Sepang (teknikal)</td> <td>➤ Bangunan sedia ada berbentuk rumah kedai dan dikhuatiri bebanan dan rekabentuk bagi perpustakaan adalah tinggi berbanding struktur asal bangunan.</td> </tr> <tr> <td>JKR</td> <td>➤ Sub-station TNB perlu</td> </tr> </tbody> </table> | Agensi | Ulasan | JKR Sepang (teknikal) | ➤ Bangunan sedia ada berbentuk rumah kedai dan dikhuatiri bebanan dan rekabentuk bagi perpustakaan adalah tinggi berbanding struktur asal bangunan. | JKR | ➤ Sub-station TNB perlu | Lampiran 6 | | | |
| Agensi | Ulasan | | | | | | | | | | | |
| JKR Sepang (teknikal) | ➤ Bangunan sedia ada berbentuk rumah kedai dan dikhuatiri bebanan dan rekabentuk bagi perpustakaan adalah tinggi berbanding struktur asal bangunan. | | | | | | | | | | | |
| JKR | ➤ Sub-station TNB perlu | | | | | | | | | | | |

| | | Selangor (elektrik & mekanikal) | disediakan, namun tiada ruang yang bersesuaian. ➤ Pemecahan lantai bagi laluan kabel elektrik, ICT dan telefon ➤ Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang tidak optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|------------------------------|---|--|--|---------|--------------------|------------------------------|---|-----------------------|---|------------|---------------------|--------|---------|----|---------------------|-------|--------|----|-----------------------|-------|--------|------------|
| 8. | Ulasan JKR Negeri | JKR Selangor melalui keputusan Mesyuarat Penyelarasan Bil. 2/2016 pada 20 September 2016 telah memberi ulasan teknikal struktur, mekanikal dan elektrikal dan ringkasan adalah seperti berikut: <table border="1" data-bbox="625 867 1305 1241"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Ulasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sistem Pencegahan Kebakaran)</td> <td>Tiada lokasi bersesuaian untuk menempatkan tangki air hose reel & pam hose reel</td> </tr> <tr> <td>Sistem Penyaman Udara</td> <td>Hanya sistem VRF yang bersesuaian, namun ruang sisling terhad untuk <i>fabricating ducted</i> & tiada ruang AHU</td> </tr> </tbody> </table> | | Perkara | Ulasan | Sistem Pencegahan Kebakaran) | Tiada lokasi bersesuaian untuk menempatkan tangki air hose reel & pam hose reel | Sistem Penyaman Udara | Hanya sistem VRF yang bersesuaian, namun ruang sisling terhad untuk <i>fabricating ducted</i> & tiada ruang AHU | Lampiran 6 | | | | | | | | | | | | |
| Perkara | Ulasan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Sistem Pencegahan Kebakaran) | Tiada lokasi bersesuaian untuk menempatkan tangki air hose reel & pam hose reel | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Sistem Penyaman Udara | Hanya sistem VRF yang bersesuaian, namun ruang sisling terhad untuk <i>fabricating ducted</i> & tiada ruang AHU | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 9. | Garis Panduan PNM | Berikut adalah spesifikasi standard keluasan bagi kategori perpustakaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia: <table border="1" data-bbox="625 1495 1312 1871"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL</th> <th rowspan="2">JENIS PERPUSTAKAAN</th> <th colspan="2">CADANGAN KELUASAN</th> </tr> <tr> <th>MPS</th> <th>KPS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Perpustakaan Negeri</td> <td>11,152</td> <td>120,000</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Perpustakaan Daerah</td> <td>5,576</td> <td>60,000</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Perpustakaan Cawangan</td> <td>2,137</td> <td>23,000</td> </tr> </tbody> </table> | | BIL | JENIS PERPUSTAKAAN | CADANGAN KELUASAN | | MPS | KPS | 1. | Perpustakaan Negeri | 11,152 | 120,000 | 2. | Perpustakaan Daerah | 5,576 | 60,000 | 3. | Perpustakaan Cawangan | 2,137 | 23,000 | Lampiran 7 |
| BIL | JENIS PERPUSTAKAAN | CADANGAN KELUASAN | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | MPS | KPS | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Perpustakaan Negeri | 11,152 | 120,000 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Perpustakaan Daerah | 5,576 | 60,000 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Perpustakaan Cawangan | 2,137 | 23,000 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| | | | | | | | |
|-----|---------------|---|--|---------|---------------|--|--|
| | | 4. | Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan) | 1,394 | 15,000 | | |
| | | | Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai) | 139-465 | 1,500 – 5,000 | | |
| | | | Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah) | 112-139 | 1,204 - 1,500 | | |
| | | 5. | Perpustakaan Desa A | 139 | 1,500 | | |
| | | | Perpustakaan Desa B | 121 | 1,300 | | |
| | | | Perpustakaan Desa C | 93 | 1,000 | | |
| 10. | Maklumat Umum | <p>1. Daerah Sepang adalah satu-satunya daerah di Negeri Selangor yang tidak mempunyai Perpustakaan Daerah</p> <p>2. Keluasan Daerah Sepang adalah 61,900 hektar, jumlah penduduk menghampiri 600,000 orang, pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta dan lebih 50 sekolah rendah dan menengah.</p> <p>3. Berikut adalah perpustakaan yang terdapat di Daerah Sepang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perpustakaan Pekan Sungai Pelek • Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab • Perpustakaan Desa Jenderam Hilir • Perpustakaan Desa Bukit Bangkong • Perpustakaan Desa Bagan Lalang. • Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali • Perpustakaan Desa Hulu Chuchoh | | | | | |

Ringkasan Perpustakaan Di Seluruh Selangor:

| Daerah | Kategori Perpustakaan | | | | | | Jumlah |
|----------------|-----------------------|----------|----------|-----------|-----------|----------|-----------|
| | Pusat | Daerah | Cawangan | Pekan | Desa | Bergerak | |
| Petaling | 1 | - | - | 1 | 3 | 3 | 5 |
| Klang | - | 1 | 1 | 1 | 4 | - | 7 |
| Kuala Langat | - | 1 | - | - | 9 | 1 | 11 |
| Kuala Selangor | - | 1 | 1 | 1 | 11 | - | 14 |
| Sabak Bernam | - | 1 | - | 2 | 22 | 1 | 26 |
| Hulu Langat | - | 1 | 1 | 3 | 7 | - | 12 |
| Hulu Selangor | - | 1 | - | 1 | 7 | - | 9 |
| Gombak | - | 1 | 1 | - | 2 | - | 4 |
| Sepang | - | - | - | 1 | 6 | - | 7 |
| Jumlah | 1 | 7 | 4 | 10 | 71 | 5 | 98 |

MAKLUMAT TAMBAHAN YANG BERKAITAN:-

- 1.0 Rancangan pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang merupakan projek bina baru di tapak yang telah diberi milikan oleh oleh Pejabat Tanah & Daerah Sepang PT:4136 dan H.S.(D): 42193, Mukim Dengkel Daerah Sepang yang berkeluasan 7 ekar.
- 2.0 Lokasi kawasan ini amat strategik dan dikelilingi bangunan mahkamah, sekolah menengah, pangsapuri, perumahan dan rumah kedai. Perancangan awal oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi membina sebuah Perpustakaan Daerah yang berkeluasan 90,000 kps. Anggaran kos bagi pembinaan perpustakaan ini adalah RM36,000,000.00 juta. Ini kerana Daerah Sepang adalah satu-satunya daerah di Selangor yang tidak mempunyai Perpustakaan Daerah.
- 3.0 Selain permintaan bagi mewujudkan perpustakaan yang amat tinggi, Daerah Sepang juga telah menunjukkan pembangunan yang pesat dengan keluasan 61,900 hektar, jumlah penduduk menghampiri 500,000 orang, pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta dan lebih 50 sekolah rendah dan menengah memerlukan sebuah perpustakaan yang lebih selesa dan sempurna kepada masyarakat.
- 4.0 Berikut adalah spesifikasi standard keluasan bagi kategori perpustakaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia:

| BIL | JENIS PERPUSTAKAAN | CADANGAN KELUASAN | |
|------------|---|--------------------------|----------------------|
| | | MPS | KPS |
| 1. | Perpustakaan Negeri | 11,152 | 120,000 |
| 2. | Perpustakaan Daerah | 5,576 | 60,000 |
| 3. | Perpustakaan Cawangan | 2,137 | 23,000 |
| 4. | Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan) | 1,394 | 15,000 |
| | Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai) | 139-465 | 1,500 – 5,000 |
| | Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah) | 112-139 | 1,204 -1,500 |
| 5. | Perpustakaan Desa A | 139 | 1,500 |

| | | | |
|--|----------------------------|------------|--------------|
| | Perpustakaan Desa B | 121 | 1,300 |
| | Perpustakaan Desa C | 93 | 1,000 |

Sumber Rujukan:

Garis Panduan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Awam Tahun 2015 oleh Perpustakaan Negara Malaysia

Program Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11

5.0 Namun begitu, dibawah RMKe11 (2016-2020) telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM 6,000,000.00 juta sahaja kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi menyediakan perkhidmatan perpustakaan di Daerah Sepang sebagai tambahan kepada perpustakaan sedia ada iaitu:

1. Perpustakaan Pekan Sungai Pelek **(telah dinaiktaraf berkonsepkan “rebranding PPAS)**
2. Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab **(telah dinaiktaraf berkonsepkan “rebranding PPAS)**
3. Perpustakaan Desa Jenderam Hilir **((telah dinaiktaraf berkonsepkan “rebranding PPAS)**
4. Perpustakaan Desa Bukit Bangkong **(telah dinaiktaraf berkonsepkan “rebranding PPAS)**
5. Perpustakaan Desa Bagan Lalang
6. Perpustakaan Desa Kg. Dato’ Ahmad Razali **(telah dinaiktaraf berkonsepkan “rebranding PPAS)**
7. Perpustakaan Desa Hulu Chuchoh **(dibawah pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia)**

6.0 Sehubungan itu, bagi menyokong keperluan di atas dan selaras dengan peruntukan RM 6 juta oleh kerajaan Negeri maka pihak PPAS telah membuat penelitian bagi pembelian 4 lot rumah kedai 4 tingkat di Jalan 4, Medan 120, Bandar Baru Salak Tinggi Sepang milik Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) **untuk diwujudkan perkhidmatan Perpustakaan Cawangan Salak Tinggi, Sepang** dengan anggaran kos beli bangunan berjumlah RM 3 juta.

7.0 Pihak PPAS dan PNSB sedang dalam proses untuk memuktamadkan dokumen perjanjian jual beli (sale & purchase) bagi lot-lot bangunan berkenaan.

8.0 Butiran lot adalah sebagaimana berikut:

| No. Lot | Area | Total |
|---------------|---|---------------------|
| 19 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot |
| 21 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot |
| 23 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot |
| 25 | - 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor) | 6,424 sq.ft/lot |
| Jumlah | | 25,696 sq.ft |

9.0 Perkhidmatan yang akan disediakan di Perpustakaan Cawangan Salak Tinggi Sepang ini meliputi:

1. Koleksi Am

Koleksi buku-buku bacaan yang terkini bagi keperluan semua golongan pembaca meliputi golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

2. Rujukan Dan Penyelidikan

Koleksi buku-buku rujukan, ilmiah yang terkini meliputi juga koleksi CD dan jurnal serta langganan pengkalan data yang bersesuaian untuk penyelidikan

3. Internet dan Multimedia

Disediakan juga kemudahan komputer dan wifi bagi melayari internet secara percuma

4. Perkhidmatan Kanak-kanak

Disediakan pelbagai buku dan multimedia bagi merangsang pendidikan kanak-kanak yang berupa zon kreatif dan edutainment (iaitu gabungan education dan entertainment).

5. Koleksi Khas; Industri Penerbangan

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai lapangan terbang yang diantara terhebat didunia iaitu KLIA dan KLIA2 maka Perpustakaan Cawangan Sepang ini akan menghimpunkan koleksi-koleksi spesifik berkaitan industri penerbangan dan aeroangkasa.

6. Koleksi Khas; warga emas

Koleksi untuk warga emas dan pesara juga akan diberi tumpuan bagi mengekalkan golongan ini menjadi sahabat perpustakaan dan menjadi tempat yang dapat memberikan manfaat kepada mereka untuk tujuan menghabiskan waktu terluang juga menambahkan ilmu keagamaan.

7. Koleksi Khas Untuk Kolej, IPTA dan IPTS

Disediakan juga koleksi bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan bagi pelajar kolej dan IPTA serta IPTS yang berhampiran.

8. Pusat Siber Rakyat

Sebuah bilik khas yang dilengkapi dengan computer dan multimedia pagi program dan bengkel kemahiran IT dikalangan pengguna.

9. Bilik Seminar dan bilik perbincangan

Bilik seminar dan bilik perbincangan adalah untuk kemudahan masyarakat mengadakan program dan aktiviti diperpustakaan.

10. Ruang Pertemuan (*meeting area*)

Disediakan ruang santai bagi membolehkan pengguna membuat pertemuan dan perbincangan perbagai bentuk tugas dan penyelidikan

11. Surau

Sebagai kemudahan kepada pengguna beragama Islam, disediakan surau wanita dan lelaki.

12. Kafetaria

Disediakan juga kafetaria sebagai satu kemudahan kepada pengunjung perpustakaan untuk berada diperpustakaan seharian

13. Lift

Ini adalah keperluan agar perpustakaan lebih mesra pengguna terutamanya kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan usia emas.

14. Fasiliti Untuk Keibubapaan (*parenting*)

Perpustakaan Cawangan Sepang ini juga akan menyediakan ruangan khas bagi kemudahan ibu dan bayi (*nursing room*).

15. Fasiliti Untuk Orang Kurang Upaya

Fasiliti dalam pelbagai aspek juga akan melihat kepada keperluan golongan OKU dan perpustakaan akan menjadi mesra pengguna kepada golongan istimewa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : SKIM BANTUAN MAKANAN FOODSTAMP.

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah tanda aras penilaian ketepatan masa dan kualiti bekalan makanan oleh pembekal?
- b) Berapakah bilangan dan siapa pembekal yang dilantik?
- c) Apakah penambahbaikan nilai dan kaedah serahan bantuan makanan kepada penerima?

JAWAPAN:

- a) Bagi tujuan melancarkan proses agihan barangan serta menjaga kualiti barangan yang dibekalkan, pihak Hijrah Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan jadual penghantaran bekalan barangan dan diberikan kepada petugas PKM sebagai makluman awal untuk menerima bekalan barangan yang dihantar sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) minggu sebelum Hari Food Stamp, iaitu pada hari Jumaat minggu ketiga pada setiap bulan. Penyediaan jadual ini secara tidak langsung dapat memudahkan pihak PKM bersedia di pejabat masing-masing atau di lokasi program memandangkan terdapat PKM mengadakan majlis penyerahan bukan di pejabat PKM.

Namun begitu, jadual penghantaran ini juga adalah tertakluk kepada persetujuan dan kelapangan PKM sendiri memandangkan terdapat PKM yang menjalankan majlis penyerahan bersama wakil rakyat setempat di lokasi dan hari selain 'Hari Food Stamp' yang telah ditetapkan.

- b) Melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik Hijrah Selangor sebagai pengendali yang bertanggungjawab membekal dan menghantar barangan makanan asas ke setiap PKM dengan baik. Pihak Hijrah juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum 'Hari Food Stamp' yang telah ditetapkan.

- c) Kerajaan Negeri telah menetapkan nilai bagi setiap set barangan makanan asas yang diterima oleh penerima bantuan adalah sebanyak RM50.00 bagi setiap 100 buah keluarga dari 55 buah DUN. Sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Hijrah Selangor bertanggungjawab membuat penghantaran barangan bantuan makanan asas ke Pejabat PKM atau ke lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM dalam keadaan baik. Namun begitu, bagi kaedah penyerahan barangan kepada penerima bantuan makanan asas adalah dilaksanakan dan diselaraskan oleh Pejabat PKM masing-masing dengan pelbagai cara sama ada melalui majlis penyerahan secara rasmi oleh ADUN, atau penerima hadir ke Pejabat PKM untuk menebus barangan bantuan mahu pun atas inisiatif Pejabat PKM sendiri dengan menghantar barangan makanan asas ke kediaman penerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Pejabat PKM juga adalah digalakkan mempelbagaikan kaedah dan usaha menambahbaik penyerahan bantuan mengikut kesesuaian komuniti DUN masing-masing agar bantuan kebajikan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANTUAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai bekas isteri yang telah mendapat manfaat daripada skim Bantuan Sokongan Keluarga?
- b) Apakah tahap keberkesanan BSK kepada pasangan yang telah bercerai dan melibatkan pemberian nafkah anak dalam jagaan bekas isteri?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh bermula 2009 sehingga Disember 2016, seramai 903 pengadu yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal dan bekas isteri telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Jumlah ini adalah berdasarkan kepada statistik kes atau aduan yang diterima di SBSK bermula dari tahun 2009 semasa unit ini mula beroperasi hingga Disember 2016.

Selain itu, SBSK telah meluluskan seramai 80 orang penerima pendahuluan nafkah yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM307,530.00. Sumber kewangan pembayaran pendahuluan nafkah tersebut adalah daripada dana Akaun Amanah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang disumbangkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor.

Pembayaran pendahuluan nafkah yang dibayar oleh SBSK ini bukanlah suatu bantuan mutlak, tetapi ia merupakan suatu pendahuluan nafkah yang akan dikutip semula oleh SBSK daripada pihak bekas suami atau bapa yang telah ingkar untuk melaksanakan perintah nafkah selepas kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang dilakukan di Mahkamah Syariah selesai. Dengan kata lain, pembayaran nafkah oleh SBSK ini bukanlah dengan matlamat untuk mengambil alih tanggungjawab bekas suami atau bapa dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing menurut undang-undang. Sebaliknya, ia bertujuan untuk membantu meringankan bebanan ibu dan anak-anak dan membantu memastikan perintah Mahkamah Syariah dikuatkuasakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

- b) Keutamaan SBSK adalah bagi menguatkuasakan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Pewujudan SBSK adalah untuk membantu bekas isteri/ibu tunggal mendapat khidmat nasihat perundangan Syariah secara percuma khususnya berkaitan dengan tuntutan nafkah dan tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah selepas suatu perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Adalah menjadi keutamaan kepada SBSK untuk memastikan kepentingan dan kebajikan golongan yang berhak menerima nafkah terutamanya anak-anak terpelihara. Apabila siasatan dijalankan semasa proses mediasi atau rundingcara dan didapati berlaku pelanggaran perintah seperti bekas suami tidak membayar nafkah, maka tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian akan dibincangkan. Tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah adalah pelbagai termasuklah perintah tahanan pendapatan tenaga (potongan gaji), Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman, penyitaan dan penjualan, *hiwalah* (penahanan harta penghutang bagi penghakiman melalui pihak ketiga) dan pengkomitan.

Sehingga Disember 2016, sebanyak 606 kes tuntutan nafkah tertunggak telah dibawa ke Mahkamah untuk tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dan sebanyak 449 kes telah selesai. Bakinya masih dalam prosiding Mahkamah. Apa yang ditawarkan oleh SBSK adalah khidmat nasihat guaman secara percuma kepada pelanggan. SBSK juga mengguna pakai aplikasi e-Nafkah bagi memantau perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Ini bagi mengatasi masalah isu kelewatan dalam pengendalian kes-kes penguatkuasaan perintah kehakiman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMULIHARAAN HUTAN BAKAU DI PESISIR PANTAI

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan menurut daerah keluasan kawasan bakau yang dipulihara ataupun ditanam semula pada tahun 2016.
- b) Senaraikan menurut daerah kawasan bakau yang direkodkan telah musnah.
- c) Apakah polisi mengharamkan bahan bakar berasaskan bakau mampu menjamin kekalnya semua spesies bakau?

JAWAPAN:

- a) Hutan Paya Paya Laut atau Hutan Bakau di Negeri Selangor sentiasa dipelihara untuk memastikan kawasan persisiran pantai Negeri Selangor bebas daripada ancaman hakisan pantai dan mengekalkan ekosistemnya. Setiap tahun, Projek Penanaman Kawasan Persisiran Pantai dengan Spesies Bakau dan Spesies-spesies lain yang sesuai telah ditentukan oleh pihak Jabatan.

Program penanaman dilaksanakan sama ada secara kontrak atau dengan penglibatan masyarakat melalui kempen kesedaran yang dianjurkan oleh pihak Jabatan dan swasta. Pada tahun 2016, tiada kawasan baru bagi aktiviti penanaman bakau di Negeri Selangor. Bagaimanapun, aktiviti penanaman bakau yang dijalankan melibatkan kerja-kerja merawat dan menyulam pokok di kawasan yang telah ditanam pada tahun sebelumnya dan aktiviti penanaman melalui kempen kesedaran bersama pelbagai peringkat masyarakat. Jumlah keluasan keseluruhan yang terlibat ialah 14.4 hektar. Maklumat Projek Penanaman Pokok di Persisiran Pantai adalah seperti di bawah:

| BIL. | HUTAN SIMPAN | DAERAH | LUAS (HA) | BIL. POKOK | CATATAN |
|-------------|---------------------|---------------|------------------|-------------------|----------------|
| 1. | HS Jugra | Kuala Langat | 3.0 | 1,750 | Rawatan |
| 2. | HS Sepang Kechil | Kuala Langat | 6.0 | 2,900 | Rawatan |
| 3. | HS Telok Gedong | Klang | 2.8 | 4,500 | Rawatan |

| | | | | | |
|---------------|-----------------|----------------|-------------|---------------|------------------|
| 4. | HS Pulau Klang | Klang | 1.6 | 2,000 | Kempen Kesedaran |
| 5. | HS Banjar Utara | Kuala Selangor | 1.0 | 2,800 | Kempen Kesedaran |
| JUMLAH | | | 14.4 | 13,950 | |

b) Tiada.

c) Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Dasar Moratorium, iaitu pembekuan kepada aktiviti pengusahaan di dalam HSK untuk tempoh 25 tahun. Oleh yang demikian, tiada kawasan hutan yang telah dibuka untuk tujuan pengusahaan termasuklah yang melibatkan kawasan hutan bakau ini. Dasar moratorium ini juga dapat menjamin kemampuan ekosistem semulajadi dirian bakau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG DAN SEMENYIH-2

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status terkini kedua-dua LRA tersebut.
- b) Sila huraikan apakah kekangan yang dihadapi dalam proses mempercepatkan pembinaan LRA tersebut.
- c) Sila nyatakan apakah peranan utama kedua-dua LRA dalam konteks memperkasakan perkhidmatan industri air Selangor.

JAWAPAN:

a)

1. Kerajaan Negeri Selangor sebagai Kerajaan yang bertanggung jawab dan Peduli Rakyat, telah meluluskan pembangunan LRA Semenyih 2 dan LRA Labohan Dagang dengan kos sebanyak RM800 juta bagi memastikan bekalan air kepada pengguna sentiasa mencukupi. Kos RM800 juta tadi adalah meliputi pembangunan loji rawatan, pengambilan tanah, pemasangan rangkaian paip air dan pembinaan kolam utama.
2. Pembangunan 2 loji baru ini adalah selaras dengan polisi Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan air di hiliran sebagai sumber air terawat seperti mana yang telah dilaksanakan di ORS Sungai Labu dan HORAS.
3. Pembangunan takungan air larian di hiliran sungai boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap tidak membazir kepada sumber air sedia ada dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.
4. Selain dari itu, pembangunan kolam takungan sebagai sumber air terawat untuk menakung air larian di hiliran sungai memberi kebaikan antaranya:-

- a) Mengurangkan penggantungan sepenuhnya kepada pelepasan air dari empangan;
 - b) Mengelakkan pembaziran air yang dianugerahkan oleh Allah melalui hujan dengan pengurusan sumber air yang lestari;
 - c) Mengelakkan risiko banjir di penempatan kawasan hiliran sungai;
 - d) pembekalan air mentah berterusan walaupun berlaku pencemaran sungai; dan
 - e) menjadikan kawasan rekreasi dan tarikan pelancong seperti di Marina Baraj, Singapura.
5. Pembangunan Semenyih 2 melibatkan kerja-kerja pembinaan loji rawatan air yang baru dengan kapasiti 100 JLH yang melibatkan skop pembaikan kolam sebagai punca utama bekalan air mentah, fasiliti muka sauk, loji rawatan air, fasiliti rumah pam air bersih, pemasangan paip air bersih dan pembinaan fasiliti rumah pam penggalak. Inisiatif ini melibatkan kerja struktur, sivil, mekanikal, elektrik dan instrumentasi lengkap dengan ujian dan pentauliahan.
 6. Kaedah perolehan tender yang diguna pakai bagi pelantikan kontraktor Pembangunan Semenyih 2 adalah secara Reka dan Bina. Perolehan secara tender terbuka yang dibuat melalui proses pra-kelayakan telah dibuat bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dipelawa menyertai tender.
 7. Kerja-kerja tapak bagi Pembangunan Semenyih 2 telah bermula semenjak 20 Mei 2016 dan projek ini dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Kerja-kerja pembinaan ditapak pada ketika ini telah mencapai 25%
 8. Objektif utama projek Pembangunan Semenyih 2 adalah untuk membekalkan tambahan air bersih bagi menangani kawasan-kawasan yang menghadapi masalah gangguan bekalan air di daerah Hulu Langat disebabkan lokasi kawasan yang terletak di penghujung sistem bekalan air sedia ada seperti kawasan sekitar Pekan Semenyih dan Beranang.
 9. Kaedah perolehan tender yang diguna pakai bagi pelantikan kontraktor Pembangunan Labohan Dagang adalah secara konvensional mengguna pakai Senarai Kuantiti (*Bill of Quantity*). Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang akan

dibina di Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dengan kapasiti sebanyak 200 JLH.

10. Dalam melaksanakan projek ini, ia telah disusun kepada lima (5) pakej seperti DI Lampiran 1

11. Kerja-kerja di tapak telah bermula semenjak 14 September 2016 melibatkan pembersihan tapak dan kerja-kerja pembinaan dijangka mengikut jadual yang telah ditetapkan.

b)

1. Di dalam melaksanakan kedua-dua projek ini, masalah utama yang dihadapi adalah berkaitan dengan pengambilan balik tanah. Setakat ini, semua masalah berkaitan pengambilan balik tanah telah diselesaikan.

2. Pemantauan kerja di tapak yang dibuat secara berkala dan rapi, melalui mesyuarat tapak yang di adakan setiap bulan bagi membincangkan kemajuan projek dan mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah yang timbul supaya tidak menjejaskan perjalanan pelaksanaan projek.

c)

1. Di dalam merancang untuk melaksanakan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kerajaan Negeri Selangor telah meneliti unjuran permintaan dan pembekalan air sehingga tahun 2027 dan berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif '*water demand planning*' yang berjangka panjang.

2. Pada ketika ini, rizab bekalan air adalah tipis dan dianggarkan berada pada kadar 3.4% dan sumber air mentah sedia ada semakin terhad berbanding dengan permintaan penggunaan yang disasarkan pada kadar 3.5% setiap tahun. Keadaan rizab yang tipis ini secara tidak langsung hanya akan mengehadkan kemampuan Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan segera sekiranya berlaku kejadian-kejadian di luar jangka seperti kejadian seperti musim kering berpanjangan, kerosakan peralatan di loji rawatan air atau di sistem agihan dan pencemaran sumber air.

3. Pada masa yang sama, perancangan awal pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangkakan siap pada suku tahun 2017 telah berubah dan dijadualkan siap pada akhir tahun 2019 dan projek-projek pembangunan yang masih ditangguhkan kelulusannya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), menurut rekod sehingga 31 Disember 201 memerlukan bekalan air yang dianggarkan sebanyak 964 JLH.
4. Melalui Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang yang sedang dilaksanakan, ia dapat meningkatkan kapasiti boleh agih seperti berikut sementara menunggu siapnya Projek Pembangunan LRA Langat 2:-

| Nama projek | Tahun dijangka siap | Kapasiti (JLH) |
|--------------------|----------------------------|-----------------------|
| Semenyih 2 | Disember 2017 | 100 |
| Labohan Dagang | Disember 2018 | 200 |
| Jumlah | | 300 |

5. Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang di Kuala Langat merupakan pelengkap kepada sistem agihan air yang menyeluruh bagi Negeri Selangor, terdiri bagi SSP 1 bagi kawasan utara, Sungai Langat dan Semenyih bagi kawasan tengah dan Labohan Dagang bagi kawasan selatan. Rangkaian ini adalah sebagai usaha untuk memastikan keterhubungan sistem agihan air yang dapat membantu mana-mana kawasan yang mengalami masalah gangguan bekalan air.
6. Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang dapat memberikan bekalan air terawat tambahan khusus bagi menampung permintaan di kawasan Klang, Kuala Langat terutamanya di kawasan Sijangkang, Banting, dan Telok Panglima Garang. Pada ketika ini, kawasan-kawasan ini tidak mempunyai sistem bekalan air yang khusus sebaliknya menerima air dari LRA SSP 1, LRA SSP 3 dan LRA Semenyih melalui Rumah Pam Lipat Kajang dan merupakan kawasan yang berada di hujung sistem agihan air. Justeru itu, dengan siapnya projek ini kelak, masalah air di kawasan-kawasan tersebut dapatlah diselesaikan.
7. Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 apabila siap beroperasi, ia dapat membekalkan air khususnya ke kawasan Semenyih-Beranang, sebahagian kawasan Hulu Langat dan menampung permintaan pembangunan baru di sepanjang Lebuhraya Lekas. Pada ketika ini, penelitian telah dijalankan bersama-sama dengan Air Selangor bagi tujuan untuk melihat kembali sistem

agihan sedia ada bagi mengagihkan air terawat dari LRA Semenyih 2 ini ke kawasan yang memerlukannya.

8. Pada ketika ini, kebanyakan loji rawatan air utama telah beroperasi melebihi kapasiti [*seperti LRA SSP 1 (950 kapasiti reka bentuk/1045 operasi), LRA SSP 2 (950/980), LRA SSP 3 (800/860), LRA Sg Semenyih (545/620) dan LRA Sg Langat (426/500)*] tanpa sistem siap siaga (standby facilities). Dengan adanya pembangunan loji rawatan baru, loji-loji yang telah beroperasi melebihi kapasiti ini akan dapat diselaraskan semula dan ini secara tidak langsung akan meminimalkan risiko henti tugas.

LAMPIRAN 1

| Bil | Nama Pakej |
|------------|---|
| 1. | PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat. |
| 2. | PAKEJ B- Pembinaan Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40 Juta Liter (JL) di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor |
| 3. | PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor |
| 4. | PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor |
| 5. | PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : MAAHAD TAHFIZ SAINS

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan tiga lagi Maahad Tahfiz Sains melalui belanjawan 2015, sejauh manakah *progress* pembinaan tersebut?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membangunkan keseluruhan tanah MITS Sabak Bernam di Bagan Terap yang masih terbiar?

JAWAPAN:

- a) *Progress* pembinaan Maahad Tahfiz Sains mengikut belanjawan 2015 adalah seperti berikut:
 - i. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Pandah Indah
Cadangan membina dan menyiapkan Maahad Tahfiz Integrasi Sains Pandan Indah, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1) telah mencapai 90% di peringkat rekabentuk.
 - ii. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Bagan Lalang
MITS Bagan Lalang dijangka tender pada 27 April disebabkan perubahan kos. Skop sedia ada dikurangkan. Pembinaan hanya 2 blok asrama dan 1 blok dewan makan, dengan kos RM20 juta..
 - iii. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Istana Bandar
MITS Istana Bandar dijangka tender pada bulan Mei disebabkan kos pembinaan melebihi siling. Siling asal ialah RM30 juta, manakala anggaran JKR ialah RM33 juta. Skop merangkumi 1 blok asrama, 1 blok dewan makan dan 1 blok akademik.
- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri merancang untuk terus melaksanakan kerja baikpulih fasa 2 terhadap bangunan-bangunan sedia ada sebagai bangunan yang boleh berfungsi sebagai bilik pengajaran dan pembelajaran. Baki keluasan tanah akan dibangunkan untuk pembangunan akan datang setelah semua blok bangunan digunakan sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PUSAT PERJUDIAN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di dapati beberapa pusat hiburan "Keluarga" telah menjalankan aktiviti dilarang seperti perjudian haram. Siapakah yang sepatutnya memantau pusat2 yang melakukan kesalahan tersebut?
- b) Berapakah lesen pusat-pusat hiburan yang diluluskan pada 2016?
- c) Berapakah lesen yang telah ditamatkan dan rampasan premis pada 2016?

JAWAPAN:

- a) Sekiranya aktiviti yang dijalankan berunsurkan perjudian haram, maka ia tertakluk di bawah bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang mana pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan agensi yang bertanggungjawab bagi memantau operasi pencegahan. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Seksyen 110 menjelaskan kuasa PBT untuk memasuki premis yang mana seseorang pegawai sesuatu PBT yang diberikuasa secara bertulis dengan sewajarnya boleh pada setiap masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis dalam kawasan PBT bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan kerja, yang diberi kepada sesuatu PBT.
- b) Lesen pusat-pusat hiburan yang diluluskan pada 2016 adalah sebanyak 679. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | JUMLAH DILULUSKAN |
|-------------|--------------------------|
| MBSA | 12 |
| MBPJ | 247 |
| MPK | 86 |
| MPAJ | 67 |
| MPSJ | 154 |
| MPS | 47 |

| | |
|---------------|--------------|
| MPKj | TIADA |
| MPSp | 15 |
| MDKL | 24 |
| MDHS | TIADA |
| MDKS | TIADA |
| MDSB | 27 |
| JUMLAH | 679 |

Nota : Sumber dari PBT

- c) Jumlah lesen yang telah ditamatkan pada 2016 adalah sebanyak 29 dan jumlah rampasan premis yang telah dibuat bagi tahun 2016 adalah sebanyak 17. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | JUMLAH LESEN DITAMATKAN | JUMLAH RAMPASAN PREMIS |
|---------------|--------------------------------|-------------------------------|
| MBSA | 11 | TIADA |
| MBPJ | 9 | TIADA |
| MPK | TIADA | TIADA |
| MPAJ | TIADA | 17 |
| MPSJ | 2 | TIADA |
| MPS | 6 | TIADA |
| MPKj | TIADA | TIADA |
| MPSp | TIADA | TIADA |
| MDKL | TIADA | TIADA |
| MDHS | TIADA | TIADA |
| MDKS | 1 | TIADA |
| MDSB | TIADA | TIADA |
| JUMLAH | 29 | 17 |

Nota : Sumber dari PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : HAKISAN TEBING SUNGAI DAN PANTAI NEGERI SELANGOR

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kejadian hakisan tebing tanah di sepanjang persisiran pantai.
- b) Berapakah kos dibelanjakan untuk tujuan tersebut.
- c) Sila menyatakan Projek yang telah dilakukan sepanjang Tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Selangor telah mengenal pasti tempat-tempat yang bermasalah dan kritikal dalam mengurangkan kejadian hakisan tebing tanah di sepanjang persisiran pantai dengan melaksanakan Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di kawasan Pertanian di daerah Kuala Selangor, Kawalan Hakisan dan memperkukuh benteng Pantai Blok 1, Blok 2 dan Coastel Belt Daerah Sabak Bernam serta yang dijangka akan dilaksanakan di daerah Klang, Sepang dan Kuala Langat.
- b) Peruntukan siling RMK 11 yang diluluskan adalah sebanyak RM33.5 juta Peruntukan semasa 2017 adalah sebanyak RM 12.2 juta.
- c) Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di kawasan Pertanian di daerah Kuala Selangor serta Kawalan Hakisan dan memperkukuh benteng Pantai Blok 1, Blok 2 dan Coastel Belt fasa 1 Daerah Sabak Bernam telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan fasa 2 dijangka pada April 2017. Sebanyak 9 projek lantikan perunding bagi menjalankan kajian dan reka bentuk terperinci projek kawalan hakisan di daerah Klang, Sepang dan Kuala Langat dijangka akan dilaksanakan pada 2017.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Kadar purata hakisan pantai di seluruh Malaysia adalah 12m setiap tahun. Namun begitu, hasil kajian "National Coastal Erosion" mendapati bagi pantai di Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang mengalami hakisan teruk kadar hakisan boleh mencapai 24m setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pengambil-alih konsesi SPLASH?
- b) Apakah kos pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan negeri bagi menamatkan konsesi SPLASH menggunakan *expropriation clause*?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : USAHAWAN

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah peserta yang telah dibantu melalui program Hijrah tahun 2016 mengikut daerah?
- b) Berapa peratuskah yang telah berjaya mengembangkan perniagaan masing-masing dan berapakah purata pendapatan bulanan mereka?
- c) Berapakah jumlah bayaran balik oleh peserta berbanding dengan jumlah kelulusan oleh kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peserta yang telah dibantu melalui program Hijrah mengikut Daerah adalah seperti berikut :

| DAERAH | BIL PESERTA |
|------------------------------------|--------------------|
| GOMBAK | 3,504 |
| HULU LANGAT | 2,621 |
| HULU SELANGOR | 1,584 |
| KLANG | 4,273 |
| KUALA LANGAT | 1,850 |
| KUALA SELANGOR | 2,826 |
| PETALING | 6,728 |
| SABAK BERNAM | 3,827 |
| SEPANG | 1,660 |
| JUMLAH KESELURUHAN PARLIMEN | 28,873 |

- b) Hijrah Selangor dengan kerjasama UNISEL / IDE sedang merangka satu kajian impak yang akan dilaksanakan pada tahun 2017.
- c) Jumlah Bayar balik sehingga kini adalah sebanyak RM68,696,120.95 dengan peratus kutipan bayar balik sehingga kini sebanyak 85%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : ISU YANG BELUM DISELESAIKAN

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan usaha-usaha yang diambil oleh pihak COB dalam mengatasi masalah JMB/MC yang tidak efisien, seperti tidak membuat mesyuarat agung dan menghantar penyata kewangan?
 - b) Berapa kes sebegini, nyatakan setiap PBT.
 - c) Apa tempoh penyelesaian yang digunapakai bagi menyelesaikan satu-satu kes itu?

JAWAPAN:

- a) Seksyen 21 dan 59 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab JMB/ MC untuk menyenggara dan mengurus bangunan atau tanah yang dipecah bahagi. Peruntukan mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa dinyatakan dalam perenggan 10 dan 11 Jadual Kedua Akta 757, namun kesalahan kerana kegagalan mengadakan mesyuarat agung tidak dinyatakan dengan jelas di dalam Akta melainkan diperuntukkan apa-apa mesyuarat agung tahunan yang diadakan di luar masa dengan melanggar perenggan ini tidak menjejaskan kesahan mesyuarat agung tahunan itu. Manakala seksyen 26 dan seksyen 62 Akta 757 memperuntukkan kegagalan menghantar laporan kewangan beraudit adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk mengatasi permasalahan yang timbul daripada kegagalan JMB/ MC bagi dua isu di atas, pihak Pesuruhjaya Bangunan PBT mengambil tindakan inisiatif seperti berikut:

- i. Mengeluarkan notis peringatan 1
- ii. Mengeluarkan notis peringatan 2
- iii. Membuat perbincangan untuk mengetahui punca-punca permasalahan yang timbul dan menyediakan pelan penyelesaian
- iv. Melantik seseorang untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung luar biasa

- b) Sila rujuk Lampiran A.
- c) Tempoh penyelesaian adalah berbeza mengikut kes di mana notis arahan untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan atau menghantar penyata kewangan adalah dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja bagi satu-satu notis.

MESYUARAT AGUNG DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2016 - FEB 2017.

LAMPIRAN A

| BIL. | PBT | MESYUARAT AGUNG | | | | | PENYATA KEWANGAN | | | |
|------|-------------|--|--------------------------|---|--|---------------------------|--------------------------|--------------------------|--|--|
| | | NOTIS 1 (JUMLAH KAWASAN) | NOTIS 2 (JUMLAH KAWASAN) | PERBINCANGAN PENYELESAIAN (JUMLAH KAWASAN) | MELANTIK SESEORANG @ EJEN (JUMLAH KAWASAN) | TRIBUNAL (JUMLAH KAWASAN) | NOTIS 1 (JUMLAH KAWASAN) | NOTIS 2 (JUMLAH KAWASAN) | PERBINCANGAN PENYELESAIAN (JUMLAH KAWASAN) | MELANTIK SESEORANG @ EJEN (JUMLAH KAWASAN) |
| 1 | MBSA | Notis Arahan COB - 214 kwsn 1st AGM JMB/MC - 19/6 AGM JMB/MC - 44/7 EGM JMB/MC - 15/5 | 0 | Mesyuarat Penyelarasan/Taklimat/ Dialog - 35 kali setahun | 0 | 0 | 158 | 0 | 12 kali | 0 |
| 2 | MBPJ | 46 | 2 | 8 | 7 | 0 | 44 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | MPK | 139 | 139 | 12 | 1 | - | 139 | 139 | 12 | 1 |
| 4 | MPAJ | 36 | 0 | 11 | 11 | 0 | 7 | 1 | 41 | 0 |
| 5 | MPSJ | | | | | | | | | |
| 6 | MPS | 177 | 5 | 22 | 0 | 0 | 177 | 34 | 26 | 0 |
| 7 | MPKJ | 40 | 25 | 16 | 12 | 0 | 36 | 28 | 10 | 0 |
| 8 | MPSp | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 32 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | MDKL | 18 | 0 | 13 | 0 | 0 | 21 | 0 | 5 | 0 |
| 10 | MDKS | 17 | 0 | 0 | 0 | 0 | 16 | 0 | 6 | 0 |
| 11 | MDHS | 29 | 9 | 20 | 30 | 0 | 29 | 23 | 3 | 30 |
| 12 | MDSB | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 3 | 1 | 0 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13)

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pengguna IPR 13 pada tahun 2016 mengikut PBT.
- b) Nyatakan secara terperinci pecahan perbelanjaan IPR 13 pada tahun 2016 mengikut PBT?

JAWAPAN:

a,b dan c)

Melalui penelitian saya, tiga soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan Bus Smart Selangor. Soalan-soalan tersebut datangnye dari:

| No. Soalan | Nama ADUN | Tajuk Soalan |
|------------|-----------|---|
| | Balakong | BAS PERCUMA a) Jelaskan pencapaian program bas percuma mengikut PBT masing-masing. b) Jelaskan perancangan untuk menambahbaik perkhidmatan bas percuma pada tahun 2017. |
| | Teratai | BAS PERCUMA SMART SELANGOR a) Bilakah Kerajaan Selangor akan membekalkan Bas Percuma <i>Smart</i> Selangor di DUN Teratai? b) Berapakah kos tahunan yang terlibat untuk membekalkan bas percuma untuk satu laluan, termasuk gaji pemandu, minyak dan sebagainya? |

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung status perkhidmatan bas percuma Bas Smart Selangor yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri memandangkan semua soalan merujuk kepada perkara yang sama.

1. **Statistik Penumpang Bas Smart Selangor**

1.1 Perkhidmatan Bas Smart Selangor mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dan sehingga kini terdapat 15 laluan telah diperkenalkan di 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Statistik penumpang Bas Smart Selangor dari tempoh 1 Julai 2015 hingga 28 Februari 2017 adalah sebanyak 5,934,770 orang dan pecahan penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) : 546,661 penumpang
- (b) Tahun 2016 : 4,163,654 penumpang
- (c) Tahun 2017 (sehingga 28 Feb. 2017) : 1,224,455 penumpang

1.2 Bagi maklumat terperinci yang dipohon oleh Yang Berhormat Balakong dan Dengkil berkaitan statistik pengguna Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2015 (Mulai 1 Julai 2015)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 |
|--------------------------------|-----------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 270,491 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 192,196 |
| Majlis Perbandaran Klang | 83,974 |
| JUMLAH | 546,661 |

(b) Tahun 2016

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|---------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 805,331 | 22,959 | 37,755 | 866,045 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 603,115 | 28,578 | 58,448 | 690,141 |
| Majlis Perbandaran Klang | 439,910 | -tiada- | | 523,884 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 461,492 | -tiada- | | 461,492 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 788,324 | -tiada- | | 788,324 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 532,878 | -tiada- | | 532,878 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 80,624 | -tiada- | | 80,624 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 109,292 | -tiada- | | 109,292 |

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|------------------|
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 55,083 | -tiada- | | 55,083 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 49,257 | -tiada- | | 49,257 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 90,608 | -tiada- | | 90,608 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 4,163,654 |

(c) Tahun 2017 (Sehingga 28 Februari 2017)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 191,814 | 31,687 | 50,764 | 274,265 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 143,246 | 38,358 | 62,170 | 243,774 |
| Majlis Perbandaran Klang | 148,203 | -tiada- | | 148,203 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 75,715 | -tiada- | | 75,715 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 164,622 | -tiada- | | 164,622 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 165,807 | -tiada- | | 165,807 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 44,344 | -tiada- | | 44,344 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 47,959 | -tiada- | | 47,959 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 17,932 | -tiada- | | 17,932 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 16,230 | -tiada- | | 16,230 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 25,604 | -tiada- | | 25,604 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 1,224,455 |

- 1.3 Peningkatan jumlah penumpang Bas Smart Selangor ini secara tidak langsung telah menunjukkan indikasi positif terhadap sambutan masyarakat di dalam menggunakan pengangkutan awam sebagai mod kemudahan untuk pelbagai urusan yang dilaksanakan.

2. Kos dan Peruntukan Bas Smart Selangor

2.1 Kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 adalah menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Namun begitu, dua laluan tambahan baru di Shah Alam dan Subang Jaya yang dilaksanakan pada bulan November 2016 telah dibiayai oleh PBT masing-masing iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya berdasarkan konsep 1 *plus* 1.

2.2 Untuk Tahun 2015, kos bagi penyediaan perkhidmatan Bas Smart Selangor di tiga (3) PBT adalah sebanyak RM3,481,712.00. Butiran kos bagi setiap PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2015

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) |
|--------------------------------------|-----------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 1,266,064.00 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 1,266,064.00 |
| Majlis Perbandaran Klang | 949,584.00 |
| Jumlah Keseluruhan Tahun 2015 | RM3,481,712.00 |

2.3 Manakala kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor pada tahun 2016 pula, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM11,360,910.64 untuk butiran berikut:

(a) Kos lanjutan kontrak bagi laluan sedia ada sebanyak RM1,939,906.00 (**Nota:** *kos ini merupakan kos lanjutan kontrak 3 PBT yang berakhir pada 30 Jun 2016 beserta tambahan sebuah bas untuk MPK. Kontrak dilanjutkan dari 1 Julai 2016 – 31 Disember 2016*);

(b) Laluan baru di enam PBT dan laluan tambahan MBSA dan MPSJ yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM6,888,876.64; dan

(c) Laluan baru di MPAJ dan MPKJ sebanyak RM2,532,128.00 yang disalur pada tahun 2015 namun operasi bas bermula pada 1 Januari 2016.

2.4 Keseluruhan kos tersebut adalah tidak termasuk laluan tambahan yang dibiayai sendiri oleh pihak MBSA dan MPSJ iaitu berjumlah RM3,146,928.00.

2.5 Pecahan kos dan perbelanjaan Bas Smart Selangor Tahun 2016 mengikut PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2016

**Butiran Kos Perbelanjaan Penyediaan Bas Smart Selangor
Tahun 2016 Mengikut PBT**

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) | Laluan 2 (RM) | Laluan 3 (RM) | Jumlah (RM) |
|--------------------------------|---|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 624,128.00 | 1,894,008.00 (peruntukan MBSA) | 1,262,672.00 | 3,780,808.00 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 624,128.00 | 1,262,672.00 | 1,252,920.00 (peruntukan MPSJ) | 3,139,720.00 |
| Majlis Perbandaran Klang | 691,650.00 | -tiada- | | 691,650.00 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015) | | | 1,266,064.00 (Peruntukan 2015) |
| Majlis Perbandaran Kajang | 1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015) | | | 1,266,064.00 (Peruntukan 2015) |
| Majlis Perbandaran Selayang | 1,250,796.00 | -tiada- | | 1,250,796.00 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 625,400.00 | -tiada- | | 625,400.00 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 625,400.00 | -tiada- | | 625,400.00 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 621,448.32 | -tiada- | | 621,448.32 |
| Majlis Daerah Sabak | 621,448.32 | -tiada- | | 621,448.32 |

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) | Laluan 2 (RM) | Laluan 3 (RM) | Jumlah (RM) |
|-----------------------------|---------------|---------------|---------------|------------------------|
| Bernam | | | | |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 619,040.00 | -tiada- | | 619,040.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | RM14,507,838.64 |

2.6 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Teratai, keseluruhan kos tersebut merangkumi kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan. Kos sewaan sebanyak RM800 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan manakala urusan seperti gaji pemandu, minyak dan sebagainya adalah dibawah urusan pengoperasian syarikat operator yang telah dilantik. Mengambil contoh bagi satu laluan yang mempunyai 4 buah bas seperti di MPAJ, kos keseluruhan untuk tempoh setahun adalah sebanyak RM1,262,672.00.

3. Penambahbaikan dan Perancangan Bas Smart Selangor Tahun 2017

3.1 Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa akan dikaji dan dinilai bagi memastikan perkhidmatan bas ditambahbaik dari semasa ke semasa. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan isyarat yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor seperti pertambahan jumlah bas dan tambahan laluan-laluan baru yang menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

3.2 Pada tahun 2017, konsep 1 *plus* 1 juga telah disyaratkan kepada beberapa PBT yang lain supaya lebih banyak laluan baru dapat diperkenalkan untuk memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat di Negeri Selangor. Justeru itu juga, sebelas PBT telahpun membentangkan tiga (3) cadangan baru semasa Retreat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor yang diadakan pada 6 – 7 Mac 2017 yang lalu untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Laluan-laluan baru ini dijangka akan memulakan operasi pada bulan Julai 2017.

- 3.3 Untuk makluman Yang Berhormat Teratai, antara cadangan laluan yang telah dibentangkan oleh MPAJ adalah dari LRT Cempaka ke Taman Bukit Teratai sepanjang 6.2 kilometer dengan keperluan bas sebanyak 3 buah bas. Pelaksanaan laluan baru adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor berdasarkan konsep 1 *plus* 1 iaitu satu laluan akan diperuntukan oleh Kerajaan Negeri sekiranya MPAJ bersetuju membiayai kos bagi satu lagi laluan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : ORANG ASLI MAH MERI DI PULAU CAREY

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bantuan dan peruntukan Kerajaan Negeri kepada Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey sejak 2008.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mewartakan kawasan Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN EKONOMI KAMPUNG

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif kerajaan negeri untuk merancakkan ekonomi di kampung tradisi?
- b) Apakah polisi khas bagi mencapai ekonomi tempatan di tahap maksima, mengambil kira realiti kampung Melayu di pinggiran bandar yang mengalami pertumbuhan rumah yang banyak, khususnya penyediaan infrastruktur/prasarana?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sangat komited untuk meningkatkan ekonomi penduduk kampung di Negeri Selangor. Bermula tahun 2008, pelbagai program dijalankan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan di bandar dan di desa khususnya. Melalui pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang diadakan pada tahun 2015, penglibatan daripada peserta adalah seramai 600 orang. Program ini pada dasarnya bertujuan untuk memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan secara berasingan di INPENS International College dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) pada bulan Ogos dan September tahun 2015. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM210,124.00. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM53,930.00 bagi tujuan yang sama yang melibatkan seramai 190 orang peserta.

Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Industri Komuniti Kampung juga telah mula dilaksanakan pada tahun 2015. Program ini merupakan lanjutan Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang bertujuan memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Pada tahun 2015, program ini telah dihadiri

oleh 95 orang peserta dengan jumlah peruntukan sebanyak RM793,300.00. Manakala pada tahun 2016, seramai 105 orang peserta telah mengambil bahagian yang melibatkan kos sebanyak RM992,500.00.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM900,000.00 untuk melaksanakan Program Smart Inkubator yang telah melibatkan sebanyak 6 buah inkubator di 6 daerah yang berasingan. Program ini dicadangkan untuk memberdayakan ekonomi warga desa dan kampung tradisi. Program ini juga akan meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri. Inkubator yang disediakan adalah melibatkan kursus-kursus seperti berikut :

| Daerah | Jenis Inkubator |
|---------------|---|
| Klang | Penyaman Udara & Pendawaian Elektrik |
| Kuala Langat | Pusat Kecantikan, Dandanam Rambut & Jahitan |
| Sabak Bernam | Bengkel Motosikal |
| Hulu Selangor | |
| Hulu Langat | Makanan (Frozen Food) |
| Petaling | Stimulatherapy, Kecantikan & Jahitan |

Melalui Karnival 3K pula, Kerajaan Negeri telah memberikan peluang dan ruang bagi peniaga-peniaga serta usahawan kampung untuk memperkenalkan dan memasarkan produk-produk mereka sepanjang karnival berlangsung.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pembinaan sembilan (9) buah Dataran Niaga yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.35juta di setiap daerah bertujuan untuk menaiktaraf tapak-tapak pasar malam sedia ada dan menjadi medan untuk memasarkan produk-produk desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI MBSA

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai kontraktor pembersihan di MBSA?
- b) Berapa ramai kontraktor telah dikenakan tindakan potongan NPC (*non performance of contract*) kerana gagal menyiapkan kerja yang ditetapkan?
- c) Berapa ramai kontraktor yang di tamatkan kontrak mereka kerana gagal menjalankan tugas pembersihan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Kontraktor Pembersihan Awam Bagi Tahun 2016 adalah 233 kontraktor seperti pecahan jadual di bawah:

| Zon | Jumlah Kontraktor Pembersihan Awam Tahun 2016 | | |
|---------|---|---------------|----------------|
| | Kawasan | Pasar / Gerai | Longkang Besar |
| Tengah | 77 | 11 | 13 |
| Selatan | 59 | 6 | 7 |
| Utara | 49 | 7 | 4 |
| Jumlah | 185 | 24 | 24 |

- b) Berikut merupakan jumlah *Notice to Correct* yang dikeluarkan oleh MBSA kepada kontraktor pembersihan awam:

| Bulan | Jumlah Pengeluaran NTC Tahun 2016 | Jumlah Pemotongan Bayaran (RM) |
|-----------|-----------------------------------|--------------------------------|
| Januari | 420 | 25,600.00 |
| Februari | 390 | 23,300.00 |
| Mac | 330 | 21,050.00 |
| April | 424 | 28,550.00 |
| Mei | 419 | 24,350.00 |
| Jun | 432 | 25,550.00 |
| Julai | 396 | 25,050.00 |
| Ogos | 374 | 23,850.00 |
| September | 242 | 12,810.00 |

| | | |
|----------|--------------|-------------------|
| Oktober | 410 | 25,400.00 |
| November | 476 | 29,500.00 |
| Disember | 287 | 33,350.00 |
| Jumlah | 4,600 | 298,360.00 |

- c) Senarai Kontraktor Pembersihan Awam Yang Telah Ditamatkan Kontrak perkhidmatan pada tahun 2016 adalah seperti berikut :

| BIL. | NAMA SYARIKAT | ZON / SEKSYEN |
|-------------|------------------------------------|-----------------------|
| 1. | SH Fauna Enterprise | SA34(D), Seksyen U8 |
| 2. | Aminuddin Baharum Enterprise | SA 29(E) ,Seksyen U11 |
| 3. | Imtell Ventures | SA 12(A),Seksyen 18 |
| 4. | Ejal Enterprise | SA 30(A),Seksyen U2 |
| 5. | Aiemy Resources | SA 39(A),Seksyen U13 |
| 6. | Tekad Bekal Teamwork | SA 22, Seksyen 29 |
| 7. | RWN Enterprise | SA 23(C), Seksyen 30 |
| 8. | Warisan Puncak Niaga | SA 24(C), Seksyen 31 |
| 9. | Firaz Construction | SA 25(A), Seksyen 32 |
| 10. | Yens USA Enterprise | SA 25(E), Seksyen 32 |
| 11. | Perniagaan Era Gaya | SA 25(H), Seksyen 32 |
| 12. | BT Eight Enterprise | SA 24(B), Seksyen 31 |
| 13. | Bakti Usaha Niaga | SA-G18, Seksyen 31 |
| 14. | Amtrolink Sdn Bhd | SA 32(E),Seksyen U5 |
| 15. | Imas Bina Enterprise | SA 40(E), Seksyen U16 |
| 16. | Aftacop Sdn Bhd | SA 40(B),Seksyen U16 |
| 17. | Cahaya Shah Enterprise | SA 44(D),Seksyen U20 |
| 18. | Afbatni Resources | SA 43(C),Seksyen U19 |
| 19. | Sha – Qira Construction & Services | SA 32(B),Seksyen U5 |
| 20. | Zamara Resources | SA 36(C), Seksyen U10 |
| 21. | Oli Tech Venture | SA 35 (C),Seksyen U19 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : SELANGOR INTERNATIONAL EXPO

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi menganjurkan ekspo tersebut pada tahun 2015 dan 2016.
- b) Nyatakan jumlah kemasukan pelaburan hasil penganjuran international expo 2015 dan 2016.

JAWAPAN:

- a) Jumlah perbelanjaan bagi menganjurkan Selangor International Expo pada tahun 2015 dan 2016 ialah:

| Tahun | Jumlah Perbelanjaan (RM) |
|--------------|---------------------------------|
| 2015 | 4,162,225.59 |
| 2016 | 7,265,489.30 |
| Jumlah | 11,427,714.89 |

Nota Tambahan:

Anggaran jumlah urusanniaga pada tahun 2015 dan 2016 seperti berikut:-

| Tahun | Anggaran Urusniaga (RM) |
|--------------|--------------------------------|
| 2015 | 50 juta |
| 2016 | 112 juta |
| Jumlah | 162ta |

- b) Jumlah kemasukan pelaburan ke Negeri Selangor pada tahun 2015 dan 2016 hasil daripada pelbagai usaha promosi dan program-program yang dilaksanakan termasuk Selangor International Expo seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|--------------|------------------------------------|
| 2015 | 7,963,798,860 |
| 2016 | 7,880,767,374 |

*Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : MENARA TANGKI SIMPAN AIR

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan menara tangki simpan air yang gagal diserahkan kepada Air Selangor mengikut daerah.
- b) Nyatakan sebab kegagalan serahan dilakukan.
- c) Apakah langkah keseluruhan yang akan diambil oleh kerajaan negeri terhadap menara tangki simpan air yang terbiar?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PELEBARAN JALAN AMAN DAN JALAN KIP WANGSA PERMAI
DALAM MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah MPS telah melantik juruukur tanah untuk mengenal pasti kelebaran jalan tersebut?
- b) Bilakah proses pelebaran jalan dapat dimulakan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pelebaran jalan di bahu jalan yang dimaksudkan telah dibina tempat letak kereta untuk penduduk pangsapuri berdekatan. Dikhuatiri jika projek pelebaran jalan tersebut dilaksanakan ianya akan memberi kesan kepada penduduk pangsapuri dari segi perletakan kenderaan mereka di kiri dan kanan jalan. Pihak MPS tidak melantik juruukur tanah bagi projek yg dinyatakan disebabkan oleh kekangan kewangan dimana projek tersebut melibatkan kos yang tinggi kepada MPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PROGRAM TUNAS

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan penjelasan mengapakah pembayaran kepada pengusaha TUNAS dilakukan setiap tiga bulan sekali dan kerap kali tertangguh?
- b) Kenapakah pembayaran di buat secara cek dan tidak secara terus ke akaun bank penerima?

JAWAPAN:

- a) Pembayaran kepada pengusaha tadika bagi pelaksanaan Program Skim TUNAS dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Pembayaran akan diproses selepas mendapat permohonan yang lengkap daripada pihak RMSB. Pembayaran dibuat secara berkala iaitu pada setiap 3 bulan sekali kerana bagi memenuhi kehendak surat arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor supaya mengurangkan cetakan cek untuk menjimatkan kos.
- b) Pembayaran secara terus ke akaun atau *Electronic Fund Transfer (EFT)* pada tahun 2014. Namun begitu kaedah bayaran ini telah diubah kepada pembayaran secara cek hasil daripada maklum balas daripada pihak RMSB dan pengusaha tadika sendiri yang menghadapi kesukaran untuk memantau pembayaran yang telah diterima. Bermula pada tahun 2017 pembayaran akan dilaksanakan oleh pihak RMSB kepada tadika dan peruntukan akan disalurkan kepada pihak RMSB secara berperingkat berdasarkan permohonan sebenar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEKERJA LADANG

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini pekerja ladang yang berada di Selangor.
- b) Senaraikan program bantuan khusus untuk membantu pekerja ladang.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang sedang mengumpul data terkini melibatkan jumlah pekerja ladang di Negeri Selangor. Namun begitu, data sedia ada yang direkodkan dan diperolehi dari *Nation Union Plantation Workers* (NUPW) pada tahun 2014 adalah seperti di Lampiran. Untuk makluman Yang Berhormat Jeram, pekerja ladang yang berjaya dikenalpasti pada tahun tersebut adalah seramai 3,211 orang melibatkan 89 ladang. Dalam pada itu, dipercayai tidak semua pekerja ladang mendaftarkan diri kepada NUPW. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mendapatkan statistik lengkap jumlah ladang terkini di Negeri Selangor dan jumlah pekerja ladang sebagai rujukan di masa – masa hadapan.
- b) Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang amat komited dalam menjaga hak dan kebajikan Pekerja Ladang di Negeri ini. Pelbagai program telah dianjurkan bagi memenuhi kehendak sekaligus meningkatkan motivasi dalam diri mereka melalui program usahasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak menganjurkan program - program khusus untuk membantu para pekerja ladang termasuk anak-anak mereka untuk sama-sama menikmati faedah dari pelbagai aspek termasuk pendidikan dan bantuan kewangan untuk meringankan bebanan mereka dalam mengharungi hidup sebagai golongan yang dianggap susah.

Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini terbuka kepada seluruh anak – anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Program-program yang dianjurkan adalah khusus untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dalam meringankan bebanan yang ditanggung dalam kehidupan seharian.

Antara program – program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun khusus bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

i. **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bus Sekolah**

Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang yang layak mengikut kriteria permohonan bagi setiap tahun.

ii. **Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**

Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5,000.00 setiap pelajar yang layak mengikut kriteria permohonan bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa.

iii. **Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**

Penyampaian anugerah adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang.

iv. **Program – program Motivasi UPSR untuk anak pekerja ladang**

Program ini dianjurkan adalah sebagai satu langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak di Negeri Selangor khususnya anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna. Program berbentuk seminar ini dilaksanakan khusus untuk membantu anak pekerja ladang yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan teknik menjawab peperiksaan.

Di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan bantuan-bantuan sedia ada yang dilaksanakan dan akan menambak program-program tersebut dari masa ke semasa.

Dalam pada itu, program kebajikan yang juga telah dilaksanakan adalah lawatan ke ladang – ladang dalam memastikan segala permasalahan dan isu – isu yang dibangkitkan dapat diketengahkan dan diselesaikan secara baik. Antara lawatan dan permasalahan yang dapat diselesaikan melalui Jawatankuasa Tetap pekerja Ladang adalah seperti di Ladang Bukit Raja,

Ladang Inche Canon, Ladang Tumbok, Ladang Semenyih, Ladang Dominion, Ladang Dunnedin, Taman Permata Dengkil dan Ladang Bangi.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada pekerja ladang di Negeri Selangor termasuklah program – program perayaan. Antara program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah seperti berikut :-

- Perayaan Pesta Ponggal Peringkat Negeri Selangor
- Perayaan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor
- Program Bersama Pemimpin-pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dan Bekas Pekerja Ladang
- Program Lawatan Turun Padang Jawatankuasa Tetap Pekerja ladang Bersama Pekerja-pekerja Ladang di Negeri Selangor
- Program Sambutan Deepavali Peringkat Negeri Selangor

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak membantu pekerja ladang dalam meringankan beban dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Pembangunan ekonomi di kalangan pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin di masa hadapan. Justeru itu, program – program yang telah dilaksanakan memberi tumpuan kepada pekerja ladang di Negeri Selangor dalam meningkatkan pendapatan sampingan mereka menerusi penganjuran program – program berbentuk kursus kemahiran jangka pendek seperti membuat kek dan coklat, kelas jahitan, kelas solekan, membaiki peralatan, membuat kraftangan serta ceramah dan taklimat yang membantu meningkatkan keyakinan dan semangat di kalangan pekerja ladang untuk terus maju dan berdaya saing. Program – program kemahiran seperti ini dilihat sedikit sebanyak dapat membantu para pekerja ladang mendalami asas – asas kemahiran ilmu yang boleh menjana pendapatan sampingan.

**STATISTIK LADANG DAN PEKERJA LADANG
DI NEGERI SELANGOR TAHUN 2014**

| BIL | DAERAH | NAMA LADANG | JUMLAH PEKERJA |
|------------|----------------------|----------------------------------|-----------------------|
| 1 | HULU SELANGOR | Ladang Changkat Asa | 101 orang |
| 2 | | Ladang Katoyang | 17 orang |
| 3 | | Ladang Kerling | 39 orang |
| 4 | | Ladang Sungai Jernih | 69 orang |
| 5 | | Ladang Kelapa Bali | 3 orang |
| 6 | | Ladang Lima Blas | 42 orang |
| 7 | | Ladang Lima Blas Oil Mill | 21 orang |
| 8 | | Ladang Sungai Gumut | 13 orang |
| 9 | | Ladang Tanjung Malim Oil Mill | 36 orang |
| 10 | | Ladang SMR Factory | 24 orang |
| 11 | | Ladang Hulu selangor | 20 orang |
| 12 | | Ladang Sungai Gapi | 17 orang |
| 13 | | Ladang Sungai Gapi East Division | 4 orang |
| 14 | HULU LANGAT | Ladang Ampertenang | 25 orang |
| 15 | | Ladang Balau | 7 orang |

| BIL | DAERAH | NAMA LADANG | JUMLAH PEKERJA |
|------------|---------------------|----------------------------------|-----------------------|
| 16 | KUALA LANGAT | Ladang Pulau Carey East A | 0 orang |
| 17 | | Ladang Pulau Carey East B | 0 orang |
| 18 | | Ladang Pulau Carey East C | 143 orang |
| 19 | | Ladang Pulau Carey East D | 0 orang |
| 20 | | Ladang Pulau Carey East Oil Mill | 45 orang |
| 21 | | Ladang Pulau Carey West 4 | 0 orang |
| 22 | | Ladang Pulau Carey West 6 | 0 orang |
| 23 | | Ladang Pulau Carey West 7 | 202 orang |
| 24 | | Ladang Pulau Carey South A | 0 orang |
| 25 | | Ladang Pulau Carey South B | 0 orang |
| 26 | | Ladang Pulau Carey West Oil Mill | 37 Orang |
| 27 | | Ladang Bandar | 14 orang |
| 28 | | Ladang Batu Untong | 30 orang |
| 29 | | Ladang Bedford | 16 orang |
| 30 | | Ladang Bukit Cheeding | 24 orang |
| 31 | | Ladang Banting Palm Oil Mill | 10 orang |
| 32 | | Ladang Fermanagh Est/OM | 60 orang |
| 33 | | Ladang Kelanang Baru | 40 orang |
| 34 | | Ladang Sungai Bualah | 5 orang |
| 35 | | Ladang Teluk Datoh | 19 orang |
| 36 | | Ladang Tg. Duablas | 7 orang |
| 37 | | Ladang Sime Darby Research | 108 orang |
| 36 | | Ladang Sime Darby Biotech & Lab | 8 orang |

| BIL | DAERAH | NAMA LADANG | JUMLAH PEKERJA |
|------------|------------------------|-----------------------------------|-----------------------|
| 37 | KUALA LANGAT | Ladang Sime Darby Seeds & Agricul | 45 orang |
| 38 | | Ladang Sri Langat Oil Mill | 49 orang |
| 39 | | Ladang Sepang B/C | 57 orang |
| 40 | | Ladang Sepang Sungai Linau | 37 orang |
| 41 | | Ladang Sungai Rawang | 31 orang |
| 42 | | Ladang Sepang Oil Mill | 0 orang |
| 43 | SABAK BERNAM | Ladang Sungai Bernam 1 | 83 orang |
| 44 | | Ladang Sungai Bernam 2 | 19 orang |
| 45 | | Ladang Sungai Bernam Research | 7 orang |
| 46 | | Ladang Sabak Bernam | 63 orang |
| 47 | KUALA SELANGOR | Ladang Berjantai | 15 orang |
| 48 | | Ladang Bukit Lagong | 7 orang |
| 49 | | Ladang Talang Oil Mill | 0 orang |
| 50 | | Ladang Talang | 54 orang |
| 51 | | Ladang Kampung Baru | 62 orang |
| 52 | | Ladang Rajamusa | 119 orang |
| 53 | | Ladang Bukit Belimbing | 15 Orang |
| 54 | | Ladang Bukit Tagar | 104 orang |
| 55 | | Ladang Nigle Gardener | 40 orang |
| 56 | | Ladang Bukit Rotan Oil Mill | 6 orang |
| 57 | | Ladang Eng Hong | 0 orang |
| 58 | | Ladang Elmina | 59 orang |
| 59 | | Ladang Starthalie | 1 orang |
| 60 | | Ladang Group of B | 35 orang |
| 61 | | Ladang Minyak | 58 orang |
| 62 | Ladang Minyak Oil Mill | 47 orang | |

| BIL | DAERAH | NAMA LADANG | JUMLAH PEKERJA |
|---------------------------|-----------------|--------------------------------|-----------------------|
| 63 | | Ladang Sungai Tinggi | 105 orang |
| 64 | | Ladang Shalimar | 21 orang |
| 65 | | Ladang Sungai Buloh | 96 orang |
| 66 | | Ladang Selangor River | 85 orang |
| 67 | | Ladang Kuala Selangor | 44 orang |
| 68 | | Ladang Sungai Rambai | 15 orang |
| 69 | | Ladang Tennamaram | 52 orang |
| 70 | | Ladang Hopeful | 21 orang |
| 71 | | Ladang Bukit Badong | 13 orang |
| 72 | | Ladang Tennamaram Oil Mill | 40 orang |
| 73 | | Ladang Tuan Mee | 38 orang |
| 74 | | Ladang Caledonian | 32 orang |
| 75 | | Ladang Jeram | 17 orang |
| 76 | | Ladang Bukit Darah | 34 orang |
| 77 | | Ladang Tuan Mee Oil Mill | 10 orang |
| 78 | KLANG | Ladang Bukit Cheraka | 97 orang |
| 79 | | Ladang Bukit Cloh | 52 orang |
| 80 | | Ladang Brounston | 23 orang |
| 81 | | Ladang Bukit Ijok | 45 orang |
| 82 | | Ladang Bukit Kerayong | 73 orang |
| 83 | | Ladang Sungai Kapar | 5 orang |
| 84 | | Ladang Jalan Acob | 14 orang |
| 85 | | Ladang Bukit Kerayong Oil Mill | 7 orang |
| 86 | | Ladang Golconda | 14 orang |
| 87 | | Ladang Golconda Oil Mill | 9 orang |
| 88 | | Ladang Bukit Rajah | 14 orang |
| 89 | PETALING | Ladang Subang | 16 orang |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 3211orang |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jelaskan tindakan yang telah dan sedang di ambil untuk mencegah peristiwa pencemaran sungai daripada berulang.

JAWAPAN:

- a) Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Bagi mengelakkan isu pencemaran ini berulang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut ;
- i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
 - ii) Melaksanakan dan mengemaskini inventori punca pencemaran di sungai-sungai dalam Negeri Selangor seperti Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang;
 - iii) Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan kekeruhan di Sungai Sub dan Sungai Michu, Hulu Langat akibat daripada aktiviti pembangunan/kerja tanah tidak terkawal;
 - iv) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air. Bagi di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pada tahun 2016, pembangunan stesen di Sungai Selangor sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan diikuti oleh Sungai Langat bagi tahun 2017;
 - v) Meningkatkan pengambilan kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS;

- vi) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SELANGOR AGROFEST

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pengunjung yang hadir ke Selangor *Agrofest* 2016?
- b) Adakah program tersebut mencapai objektif dan membantu golongan petani, penternak dan nelayan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan SAF setanding dengan ekspo MAHA?

JAWAPAN:

- a) Bilangan pengunjung yang hadir ke Selangor *Agrofest* 2016 yang telah dilaksanakan di Dataran Pantai Morib, Kuala Langat pada 20 hingga 23 Oktober 2016 adalah dianggarkan seramai 60,000 orang.
- b) Secara keseluruhannya, program tersebut telah mencapai objektif pelaksanaan di dalam membantu golongan petani penternak dan nelayan khususnya dari segi memberikan khidmat nasihat kepada pengunjung khususnya kepada golongan sasaran, menyampaikan maklumat penggunaan kaedah-kaedah moden di dalam sektor pertanian seperti penanaman secara fertigasi, konsep penanaman secara *plant factory*, teknologi penternakan lembu sado serta penternakan ikan marin dan ikan air tawar secara kolam tanah dan penggunaan tangki atau kolam simen, mewujudkan peluang temu-suai di antara golongan petani dan penternak dengan pihak pembeli samada pemborong mahupun peniaga kecil, menyebarkan maklumat kepada semua pengunjung di mana produk-produk pertanian boleh di dapati selepas program selesai selain peluang golongan tersebut untuk mempromosikan produk-produk Industri Asas Tani (IAT) seperti kerepek, rempeyek, produk minuman, produk sejuk beku dan juga jualan benih-benih pokok.
- c) Kerajaan Negeri sememangnya berharap agar Program SAF ini setanding dengan program MAHA anjuran Kerajaan Pusat tetapi terbatas disebabkan oleh faktor peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : DASAR TENDER KERAJAAN

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan yang dilaksanakan dalam dasar tender terbuka mengguna pakai dasar *cut-off* berbanding bidaan *lowest*?
- b) Apakah perbandingan kebaikan dasar ini?
- c) Apakah ianya menambah penjimatan yang lebih baik dari pendekatan yang berdasarkan *lowest*?

JAWAPAN:

a) dan b)

Dasar Penilaian Perolehan secara *Cut - Off* ialah satu proses tanda aras sebut harga dan tender yang diperolehi daripada pasaran melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah. Sistem ini digunapakai untuk setiap perolehan Kerajaan secara sebut harga dan tender yang disertai oleh lebih sepuluh (10) pembida kerana keberkesanannya dalam aspek-aspek berikut:-

- (i) Proses penanda arasan secara statistik telah dapat membantu jabatan/agensi dalam memastikan kemunasabahan harga bidaan yang hendak diperakukan agar setiap ringgit yang dibelanjakan Kerajaan akhirnya berjaya memperoleh nilai yang terbaik dan menguntungkan Kerajaan (*Value for Money*);
- (ii) Mengelakkan aktiviti melobi projek-projek Kerajaan memandangkan penilaian perolehan sebut harga dan tender diurus secara kaedah statistik yang telah dibuktikan berintegriti dan sistematik. Di dalam konteks Negeri Selangor, harga yang diperakukan mestilah harga yang berada dalam lingkungan julat *Cut-Off* iaitu harga yang tidak lebih rendah dari -20.00% *Builders Work Adjusted Mean* (BWAM);
- (iii) Berfungsi sebagai alat atau *tools* kepada jabatan/agensi untuk menyenarai pendek pembida-pembida yang mana harganya munasabah susulan hanya sepuluh (10) harga terbaik yang berada di dalam lingkungan atau julat *Cut-Off* dan tidak lebih rendah dari -20.00% BWAM sahaja yang akan dibawa ke penilaian teknikal. Kaedah ini membantu

jabatan/agensi mempercepat proses penilaian kerana harga-harga yang terlalu rendah dan terlalu tinggi telah disisihkan di peringkat awal.

Kelebihan Dasar Perolehan secara *cut off* dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti berikut:-

(i) Dasar Penilaian Perolehan **Secara Cut Off**

| Bil | Kelebihan | Huraian |
|------------|---|---|
| 1 | Penilaian yang berintegriti dan sistematik | Kaedah ini adalah telus kerana penentuan kemunasabahan harga bergantung penuh dari harga pasaran semasa dan ia ditentukan berdasarkan kaedah statistik setelah sebut harga / tender ditutup |
| 2 | <i>Value for money</i> | Kaedah ini membolehkan jabatan memperakukan pembida yang lulus penilaian teknikal dan menawarkan harga munasabah serta menguntungkan Kerajaan. |
| 3 | Alat / <i>tools</i> untuk mempercepatkan proses penilaian | Kaedah ini mempercepatkan proses penilaian perolehan kerana berfungsi sebagai alat atau <i>tools</i> untuk menyenarai pendek dan menilai harga bidaan yang munasabah sahaja. |

Jadual 1

Statistik Tender Semasa Dasar Perolehan Harga terendah (Mulai 2011 hingga 2014)

| TAHUN | BIL TENDER | ANGGARAN JABATAN (RM) | NILAI PEROLEHAN (RM) | JUMLAH LEBIHAN (RM) | PERATUS (%) |
|---------------|-------------------|------------------------------|-----------------------------|----------------------------|--------------------|
| 2011 | 65 | 390,790,112.83 | 279,449,760.57 | 111,340,352.26 | 28.49 |
| 2012 | 74 | 588,645,064.25 | 478,434,189.57 | 110,221,324.67 | 18.72 |
| 2013 | 63 | 392,463,794.71 | 324,130,967.90 | 68,332,826.81 | 17.41 |
| 2014 | 120 | 986,071,217.14 | 845,743,963.72 | 140,327,253.42 | 14.23 |
| JUMLAH | 322 | 2,357,970,188.93 | 1,927,758,881.76 | 430,221,757.16 | 18.25 |

Jadual 2:

Statistik Tender Semasa Dasar Penilaian Perolehan Secara *Cut Off* (Mulai 2015 hingga kini)

| TAHUN | BIL TENDER | ANGGARAN JABATAN (RM) | NILAI PEROLEHAN (RM) | JUMLAH LEBIHAN (RM) | PERATUS (%) |
|---------------|-------------------|------------------------------|-----------------------------|----------------------------|--------------------|
| 2015 | 90 | 732,544,411.90 | 651,710,373.90 | 80,834,038.00 | 11.03 |
| 2016 | 158 | 1,227,454,314.37 | 1,003,288,098.55 | 224,166,215.82 | 18.26 |
| *2017 | 15 | 189,315,570.50 | 160,052,099.66 | 29,263,470.84 | 15.46 |
| JUMLAH | 263 | 2,149,314,296.77 | 1,815,050,572.11 | 334,263,724.66 | 15.55 |

*** Nota: sehingga 28 Februari 2017**

- c) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Harga Terendah telah dilaksanakan untuk tempoh empat (4) tahun bermula tahun 2011 sehingga 2014 di mana lebih atau penjimatan yang direkodkan adalah berjumlah **RM 430,221,757.16** atau **18.25%** dari Anggaran Jabatan (AJ) yang berjumlah **RM 2,357,970,188.93**.

Manakala, Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* pula telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2015 dan kini memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Dasar ini masih lagi terpakai sehingga kini. Sungguhpun begitu, rekod menunjukkan Kerajaan Negeri telah berjaya merekodkan lebih atau penjimatan berjumlah **RM 334,263,724.66** atau **15.55%** dari Anggaran Jabatan (AJ) yang berjumlah **RM 2,149,314,296.77** pada tanggal 28 Februari 2017 iaitu bagi tempoh kira-kira dua (2) tahun dan dua (2) bulan pelaksanaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : GAJI KOODINATOR PEMBANGUNAN MODAL INSAN TIDAK
DIBAYAR PENUH**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah gaji Koordinator Pembangunan Modal Insan tidak dibayar penuh dari bulan Januari hingga bulan Disember sedangkan mereka membuat kerja ?

JAWAPAN:

- a) Gaji Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) tidak dibayar bermula pada bulan Januari bagi setiap tahun kerana mengambil kira beban tugas yang telah ditetapkan kepada KPMI di mana kelas Tuisyen bermula pada bulan Februari dan tugas KPMI akan berakhir pada bulan Disember pada setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI DAN PROJEK SAKIT DI SELANGOR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan projek terbengkalai dan projek sakit di Selangor setakat Januari 2017?
- b) Apakah polisi Kerajaan Selangor untuk melindungi pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai atau projek sakit?
- c) Sila kemukakan senarai kes-kes Kerajaan Selangor berjaya memulihkan projek terbengkalai ataupun projek sakit.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Januari 2017 terdapat 114 projek terbengkalai dan sakit di Selangor yang merangkumi projek perumahan dan hartanah komersial / industri.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, polisi Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) adalah untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah berkaitan.

Antara polisi Kerajaan Negeri melalui LPHS ke atas projek terbengkalai adalah seperti berikut :

- i) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli perlu diperolehi terlebih dahulu.
- ii) LPHS berperanan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.
- iii) LPHS juga mengadakan perbincangan dengan *pelikuidasi (liquidator)* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

- iv) LPHS turut mengadakan perbincangan antara *pelikuidasi (liquidator)*, bersama semua jabatan teknikal seperti Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- vi) Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.
- vii) Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank yang terlibat diurus setia oleh LPHS di mana dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011 bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak terlibat dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat pemantauan sehingga projek siap dengan Sijil Layak Menduduki.
- viii) Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- ix) LPHS juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga

dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

- c) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi dan menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Selangor dengan menyalurkan bantuan kepada pembeli yang teraniaya walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah dengan memahami situasi yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini.

Antara bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pembeli projek terbengkalai adalah seperti berikut :

- 1) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- 2) Membantu pembeli **menubuhkan jawatankuasa bertindak** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperolehi daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 3) LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi

menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.

- 4) LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama *pelikuidasi* (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 5) LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 6) **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pembeli
- 7) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat **penilaian semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- 8) Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.
- 9) **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- 10) **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KADAR PERCERAIAN

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kadar perceraian agak tinggi di Selangor. Terangkan kenapa.
- b) Nyatakan pecahan mengikut sebab-sebab berlaku perceraian.
- c) Apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

a), b)

Jawapan ini adalah khusus untuk kes perceraian di kalangan orang Islam sahaja.

Kadar perceraian di Negeri Selangor adalah hampir sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Berdasarkan rekod Jabatan Agama Islam Selangor, kadar perceraian yang didaftarkan di Negeri Selangor bagi tahun 2016 adalah sekitar 38% sahaja berbanding dengan pendaftaran perkahwinan pada tahun yang sama.

Dari sudut angka, jumlah kes permohonan pembubaran perkahwinan di Negeri Selangor lebih banyak berbanding negeri lain kerana jumlah masyarakat Islamnya lebih tinggi berbanding negeri lain. Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), pasangan yang memohon untuk bercerai di Negeri Selangor juga terdiri di kalangan mereka yang berkahwin di negeri lain seperti di Pahang, Kedah, Kelantan dan sebagainya, tetapi mohon bercerai di Selangor kerana telah menetap di Selangor.

Berdasarkan kajian pihak JAKESS, antara faktor perceraian adalah seperti berikut:

- i. Tiada persefahaman dalam berkeluarga, keras kepala dan tidak boleh bertolak ansur
- ii. Isu kewangan
- iii. Terjerumus dengan maksiat seperti judi, minum arak dan pelacuran
- iv. Sifat cemburu berlebihan
- v. Keengganan berpoligami
- vi. Keganasan rumah tangga

vii. Masalah hubungan seksual

c)

Perceraian merupakan jalan penyelesaian yang terakhir untuk hubungan rumahtangga yang tidak harmoni. Memilih jalan untuk berpisah adalah lebih baik daripada berterusan dalam hubungan yang mendatangkan mudarat, iaitu yang berbahaya dan berisiko tinggi.

Meskipun begitu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berusaha meminimalkan kadar perceraian setiap tahun dengan menganjurkan program-program kekeluargaan secara holistik bermula dari kelahiran, remaja sehingga membina keluarga, antaranya:-

- i) Program Modul Keluarga Sakinah
 - Syurga Rumahtangga “ Suamiku Inspirasiku Isteriku Bidariku”
 - Amanah dalam Rumahtangga
 - Akidah Sejahtera Keluarga Terpelihara
 - Zina : Maksiat Paling Keji Dilaknat Allah
 - Maqasid Syariah Membawa Kebaikan Kepada Keluarga
- ii) Program Pembangunan Keluarga, Sosial & Komuniti
 - Perkhidmatan Ibu hamil
 - Perkhidmatan Kemahiran Keibubapaan
 - Perkhidmatan Pendidikan Kanak-Kanak
 - Perkhidmatan Keluarga Bermasalah
 - Pengukuhan Akidah
 - Pembangunan Remaja
 - Perkhidmatan Saudara Baru
 - Perkhidmatan Kejiranan
 - Khidmat Nasihat Awam
- iii) Program Pasca Perkahwinan
 - Bulan Madu (bagi usia perkahwinan 0 – 5 tahun)
 - Sehati Sejiwa (bagi usia perkahwinan 6 – 10 tahun)
 - Semarak Kasih (bagi usia perkahwinan 11 – 20 tahun)
 - Syurga Cinta (bagi usia perkahwinan 20 tahun ke atas)
- iv) Program Seminar Keluarga Bahagia
- v) Forum Kekeluargaan (sempena Program Karnival Kampungku Kesayanganku 3K)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SKIM BANTUAN KESIHATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah prosedur kelulusan permohonan Skim Bantuan Kesihatan, dari saat data dimasukkan secara *online*?
- b) Kategori sakit atau masalah kesihatan yang diberi bantuan di bawah Skim Bantuan Kesihatan Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bermula tahun 2017, semua permohonan Bantuan Sihat Selangor akan dibuat secara atas talian (*online*) iaitu melalui laman web bantuansihat.selangor.gov.my Permohonan yang dibuat melalui Pusat Khidmat Masyarakat perlu mengemukakan dokumen yang lengkap kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN untuk proses kelulusan. Tempoh kelulusan bagi permohonan yang lengkap adalah 14 hari bekerja.
- b) Bantuan kesihatan yang ditawarkan di bawah Skim Bantuan Sihat Selangor adalah seperti berikut :
 - 1. bantuan menjalani rawatan dialisis bagi pesakit yang mengami kegagalan fungsi buah pinggang,
 - 2. bantuan katarak mata,
 - 3. bantuan pembedahan kecil,
 - 4. bantuan pembelian kaki palsu, dan
 - 5. bantuan alatan kesihatan termasuk lampin pakai buang dan susu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN - MARRIS

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerimaan keseluruhan MARRIS yang diterima bagi tahun 2016.
- b) Nyatakan pecahan pemberian MARRIS mengikut jabatan-jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.
- c) Nyatakan prestasi perbelanjaan MARRIS semua jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan jumlah peruntukan keseluruhan MARRIS yang diterima bagi tahun 2016 :-

| TAHUN | TERIMAAN (RM) |
|--------------|----------------------|
| 2016 | RM 496,900,998.23 |

- b) Berikut merupakan pecahan pemberian MARRIS mengikut jabatan-jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.

| Jabatan | Peruntukan (RM) |
|-------------------------------|------------------------|
| Jabatan Kerja Raya | 196,000,000.00 |
| Jabatan Pengairan dan Saliran | 2,000,000.00 |
| Pejabat Daerah dan Tanah | 11,026,113.92 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 478,630,002.79 |
| Jumlah Keseluruhan | 687,656,116.71 |

- c) Berikut merupakan prestasi perbelanjaan MARRIS semua jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.

| Jabatan | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus (%) |
|-------------------------------|------------------------|--------------------------|--------------------|
| Jabatan Kerja Raya | 196,000,000.00 | 196,000,000.00 | 100% |
| Jabatan Pengairan dan Saliran | 2,000,000.00 | 1,971,377.00 | 99% |
| Pejabat Daerah dan Tanah | 11,026,113.92 | 9,513,272.13 | 86% |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 478,630,002.79 | 462,559,460.82 | 97% |
| Jumlah Keseluruhan | 687,656,116.71 | 670,044,109.95 | 97% |

Perincian bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) seperti di **Lampiran A dan B**.

Prestasi Perbelanjaan MARRIS Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2016.

| BIL | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Siling Asal (RM) | Siling Tambahan (RM) | Siling Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) (d) | Baki (RM) | Peratus Baki (%) |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------------|----------------------|-----------------------|-----------------------|----------------------|------------------|
| | | (a) | (b) | c=(a+b) | | e=(c-d) | |
| 1 | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | 41,245,381.79 | 8,039,829.35 | 49,285,211.14 | 49,285,211.14 | 0.00 | 0% |
| 2 | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | 39,823,089.50 | 6,232,284.21 | 46,055,373.71 | 46,744,290.61 | -688,916.90 | -1% |
| 3 | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | 72,884,838.40 | 8,227,891.28 | 81,112,729.68 | 81,109,774.73 | 2,954.95 | 0% |
| 4 | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | 31,710,671.74 | 11,536,278.02 | 43,246,949.76 | 41,935,500.55 | 1,311,449.21 | 3% |
| 5 | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | 55,932,270.39 | 12,398,328.68 | 68,330,599.07 | 68,218,998.67 | 111,600.40 | 0% |
| 6 | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | 29,788,579.62 | 23,169,786.41 | 52,958,366.03 | 46,412,202.83 | 6,546,163.20 | 12% |
| 7 | Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) | 29,781,219.87 | 2,082,830.71 | 31,864,050.58 | 30,209,138.63 | 1,654,911.95 | 5% |
| 8 | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | 30,316,733.93 | 6,975,056.75 | 37,291,790.68 | 36,937,096.42 | 354,694.26 | 1% |
| 9 | Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) | 12,064,969.47 | 1,921,829.08 | 13,986,798.55 | 11,499,334.37 | 2,487,464.18 | 18% |
| 10 | Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) | 17,257,035.31 | 3,817,054.26 | 21,074,089.57 | 18,490,141.66 | 2,583,947.91 | 12% |
| 11 | Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) | 14,410,813.89 | 1,077,521.49 | 15,488,335.38 | 13,903,853.63 | 1,584,481.75 | 10% |
| 12 | Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) | 16,784,396.09 | 1,151,312.55 | 17,935,708.64 | 17,813,917.58 | 121,791.06 | 1% |
| Jumlah Keseluruhan | | 392,000,000.00 | 86,630,002.79 | 478,630,002.79 | 462,559,460.82 | 16,070,541.97 | 3% |

Nota :

(a) Lebihan perbelanjaan di MBSA ditampung menggunakan Siling Peruntukan Tahun 2017

Prestasi Perbelanjaan MARRIS Di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2016.

| Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) | Siling Asal (RM) | Siling Tambahan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus (%) |
|---------------------------------------|-------------------------|-----------------------------|--------------------------|--------------------|
| Gombak | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,030,751.13 | 93% |
| Sabak Bernam | 1,111,111.11 | 980,566.60 | 1,763,246.21 | 84% |
| Kuala Selangor | 1,111,111.11 | 0.00 | 922,334.76 | 83% |
| Sepang | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,018,063.31 | 92% |
| Klang | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,044,574.25 | 94% |
| Hulu Langat | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,057,828.31 | 95% |
| Petaling | 1,111,111.11 | 0.00 | 832,734.81 | 75% |
| Kuala Langat | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,008,922.02 | 91% |
| Hulu Selangor | 1,111,111.11 | 0.00 | 834,817.33 | 75% |
| Jumlah Keseluruhan | 10,000,000.00 | 980,566.60 | 9,513,272.13 | 87% |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menyediakan rumah mampu milik di kawasan DUN Sungai Pelek di tahun 2017 sekiranya ada tempat yang bersesuaian?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini hanya terdapat **1 projek** Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan **15 unit** Rumah Selangorku pada tahun 2015. Perincian projek tersebut adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Perincian Projek Pembangunan Rumah Selangorku

| Bil. | Pemaju | Lokasi | Jenis Pembangunan | Keluasan (kp) | Bil. Unit | Harga Jualan (RM) |
|-------------|------------------------------|---|------------------------------|----------------------|------------------|--------------------------|
| 1. | Sim Chong Yong dan Yap Hoong | Lot 2194, Pekan Sungai Pelek, Daerah Sepang | Rumah Selangorku Jenis Teres | 900 – 1,000 | 15 | 200,000 – 250,000 |

Bagi tahun 2017 Kerajaan Negeri masih tiada perancangan di dalam menyediakan Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku di DUN Sungai Pelek bagi tanah-tanah kerajaan manakala bagi tanah hakmilik pula, masih belum terdapat pemilik tanah / pemaju swasta mengemukakan sebarang permohonan bagi pembangunan perumahan sebagaimana syarat yang telah di tetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU KERETA BURUK TERSADAI DI TEPI JALAN DAN DI TAMAN-TAMAN
PERUMAHAN**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan isu kereta buruk tersadai di tepi jalan dan di taman-taman perumahan ini masih terus berlaku, adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang memberi kuasa kepada pihak PBT melupuskan kereta tersebut?
- b) Jika tidak, nyatakan langkah-langkah alternatif yang berkesan yang akan diambil?

JAWAPAN:

a dan b)

Setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menggubal Rang Undang-Undang baru untuk memberi kuasa kepada pihak PBT untuk melupuskan kereta buruk berikutan kaedah yang diambil oleh PBT untuk melupuskan kenderaan adalah dengan mengguna pakai undang-undang sedia ada di bawah Seksyen 46 1(e) dan Seksyen 46 3(a) Akta 133 (Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974). Sehubungan dengan itu, proses pelupusan dilaksanakan selepas proses penundaan dilakukan dan sekiranya pemilik tidak menuntut / tidak dapat dikesan setelah tempoh waktu yang diberikan melalui notis telah tamat. Contoh garis panduan kerja pelupusan kenderaan yang disita oleh PBT khususnya yang digunakan di MPKj adalah seperti berikut:-

1. Notis amaran dikeluarkan kepada kenderaan terbiar (tempoh minimum 7 hari)
2. Tindakan sitaan dibuat jika notis tidak dipatuhi.
3. Setelah disita, kenderaan akan disimpan di stor simpanan kenderaan.
4. Surat makluman kenderaan dalam simpanan pihak Majlis akan dikeluarkan dalam tempoh **14 hari** selepas disita kepada pemilik berdaftar berdasarkan makluman yang diperolehi daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Surat makluman dihantar kepada pemilik kenderaan menggunakan Pos Berdaftar.

5. Membuat semakan dengan Polis Diraja Malaysia(PDRM) jika kenderaan yang disita mempunyai kes kecurian.sekiranya ada kes,kenderaan tersebut akan diserahkan kepada pihak PDRM untuk tindakan lanjut.
6. Jika tiada tuntutan,kenderaan akan disimpan selama **6 bulan** sebelum tindakan pelupusan dibuat.
7. bagi kenderaan yang telah cukup tempoh untuk pelupusan,senarai kenderaan akan disediakan untuk proses seterusnya.
8. Surat makluman berkaitan proses pelupusan akan dikeluarkan kepada pemilik berdaftar kenderaan berdasarkan maklumat JPJ dan dihantar menggunakan Pos Berdaftar.
9. Pemilik kenderaan diberikan tempoh **14 hari** dari surat tersebut dikeluarkan untuk menuntut semula kenderaan.
- 10.Hebahan akhbar juga akan dibuat berkaitan senarai kenderaan yang akan dilupuskan.Pemilik kenderaan diberi tempoh **14 hari dari tarikh hebahan** untuk membuat tuntutan.Sekiranya tiada tuntutan,tindakan pelupusan akan dilaksanakan tanpa notis lanjut kepada pemilik.
- 11.Kertas Cadangan Pelupusan Kenderaan Disita akan disediakan oleh Jabatan Penguatkuasaan.
- 12.Kertas Cadangan yang telah siap akan dihantar kepada Unit Aset,Jabatan Khidmat Pengurusan.
- 13.Unit Aset akan membawa Kertas Cadangan Pelupusan tersebut ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset,Majlis Perbandaran Kajang untuk dibentangkan.Mesyuarat tersebut bersidang 3 bulan skali.
- 14.Sekiranya Kertas Cadangan Pelupusan tersebut diluluskan,Unit Aset akan memanggil Lembaga Pemeriksa di kalangan Pegawai Majlis pada masa yang ditetapkan untuk membuat pemeriksaan dan pengeshan ke atas kenderaan-kenderaan yang hendak dilupuskan.

15. Berdasarkan amalan di Majlis Perbandaran Kajang, Lembaga Pemeriksa akan mengesyorkan kenderaa-kenderaan tersebut dilupuskan secara besi buruk (*scrap metal*).
16. Setelah diperiksa dan disahkan oleh Lembaga Pemeriksa, Unit Aset akan memanggil syarikat-syarikat yang berminat untuk memberi sebutarga pembelian kenderaan-kenderaan tersebut secara *scrap metal*.
17. Unit Aset akan memilih syarikat yang menawarkan sebutarga yang munasabah terhadap kenderaan tersebut untuk tujuan pelupusan.
18. Setelah syarikat yang Berjaya dipilih, Unit Aset akan menetapkan satu tarikh untuk tindakan pelupusan kenderaan-kenderaan tersebut.
19. Setelah urusan pelupusan selesai, Unit Aset akan membuat laporan pelupusan dan dilaporkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset untuk pengesahan Pegawai Pengawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : ENAKMEN PUSAT HIBURAN DAN PUSAT SIBER

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi menangani pusat-pusat siber yang kini menjadi sarang judi?
- b) Adakah terdapat cadangan menggubal Enakmen Pusat Hiburan dan Pusat Siber bagi mengawal serta mencegah masalah pusat-pusat tidak sah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT telah dan akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk membanteras pusat-pusat siber haram ini dengan mengadakan serbuan bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain ke lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti mengikut kuasa yang diperuntukkan melalui Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995. Walau bagaimanapun, bagi premis-premis yang menjalankan aktiviti berunsur perjudian, maka tindakan penguatkuasaan adalah di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 iaitu perlu mendapatkan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- b) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meminda Enakmen Pusat Hiburan Negeri Selangor yang kini dalam proses semakan bagi memastikan keseluruhan aspek diambilkira sebelum dibentangkan untuk kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KOLEJ INPENS

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelajar yang mendaftar dari 2014-2016 mengikut bangsa.
- b) Nyatakan jumlah graduan INPENS dari 2014-2016.

JAWAPAN:

a)

| TAHUN | MELAYU | INDIA | CINA | JUMLAH |
|---------------|---------------|--------------|-------------|---------------|
| 2014 | 679 | 172 | 32 | 883 |
| 2015 | 678 | 68 | 23 | 769 |
| 2016 | 688 | 71 | 15 | 774 |
| JUMLAH | 2045 | 311 | 70 | 2426 |

b)

| TAHUN | GRADUAN LELAKI | GRADUAN PEREMPUAN | JUMLAH |
|---------------|---------------------------|------------------------------|---------------|
| 2014 | 338 | 146 | 883 |
| 2015 | 310 | 97 | 769 |
| 2016 | 423 | 134 | 774 |
| JUMLAH | 1071 | 377 | 2426 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH PREMIUM TANAH

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kenapa masih banyak pemaju hartanah yang mengadu tentang premium tanah komersial yang terlalu tinggi ?
- b) Apakah punca utama yang menyebabkan kadar premium tanah meningkat dengan mendadak setiap tahun?
- c) Apakah insentif dan bantuan yang bakal diberikan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PROGRAM DAN PERUNTUKAN PENYELIA PWB.

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk perbelanjaan di benarkan bagi peruntukan ini?
- b) Berapakah premis pusat latihan PWB Dun telah diwujudkan?
- c) Berapakah jumlah dan peratus peruntukan telah dibelanjakan bagi setiap DUN?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : BUDAYA INOVASI

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah KNS mempunyai program khusus bagi memupuk budaya inovasi di kalangan masyarakat di Selangor? sila nyatakan.
- b) Apakah bentuk aktiviti/program keutamaan Inovasi yang dilaksanakan?
- c) Kumpulan sasaran manakah yang diberikan tumpuan? contoh suri rumah dan lain-lain.

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai program khusus bagi memupuk budaya inovasi di kalangan masyarakat di Selangor dan direalisasikan melalui Seksyen Pembudayaan Inovasi, Bahagian Korporat bagi menggalakkan percambahan budaya inovasi dalam kalangan warga Negeri Selangor. Antara program-program dan insentif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ialah:-

1. Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi

Program ini merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Korporat bersekali dengan penganjuran Hari Bertemu Pelanggan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun ini, program ini telah dianjurkan di Pekan Kuala Kubu Baru pada 26 Februari 2017 (Ahad) bersama dengan Hari Bertemu Pelanggan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersempena dengan Kejohanan Le Tour de Langkawi Peringkat Lima yang diadakan di lokasi yang sama.

Program Jejak Inovasi ini diperkenalkan dengan hasrat untuk mempromosi dan memperkenalkan hasil-hasil dan produk-produk inovasi daripada orang perseorangan, belia, pertubuhan, institusi pendidikan, jabatan dan agensi kerajaan. Antara pengisian di sepanjang program berlangsung ialah seperti pameran dan pertunjukan hasil / produk inovasi, jualan hasil inovasi, pertandingan mewarna inovasi dan pelbagai pengisian lain.

2. Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor

Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor adalah khusus bagi semua jabatan / agensi kerajaan di Negeri Selangor. Program ini dianjurkan bertujuan untuk :-

- 2.1 Melahirkan warga kerja yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi;
- 2.2 Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*);
- 2.3 Memupuk kerjasama di kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan; dan
- 2.4 Membolehkan organisasi menghasilkan satu (1) sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan.

3. Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS)

Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) mula diperkenalkan pada tahun 2016 dan merupakan gabungan antara Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (diperkenalkan mulai tahun 2010) dan Program Cabaran My Innovation (diperkenalkan pada tahun 2014) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk di Negeri Selangor yang meliputi individu / orang perseorangan / penjawat awam, syarikat swasta, pelajar sekolah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor. Antara objektif program ini adalah untuk:

- i. Mengumpul maklumat produk / hasil inovasi;
- ii. Mempromosi dan menonjolkan produk / hasil inovasi oleh segenap lapisan masyarakat;

- iii. Memberikan pengiktirafan kepada produk / hasil inovasi terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat di Negeri Selangor mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti; dan
- iv. Memupuk, membudaya dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam pekerjaan dan persekitaran masyarakat di Negeri Selangor.

Pertandingan dipecahkan kepada enam (6) kategori iaitu

- i. Kategori Sektor Awam (Pejabat Daerah dan Tanah/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Agensi-Agensi Lain)
- ii. Kategori Sektor Swasta
- iii. Kategori Akar Umbi
- iv. Kategori Sekolah
- v. Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- vi. Kategori Idea Asal / Prototaip Terbaik

Hadiah dan ganjaran bagi Kategori Sektor Awam (Pihak Berkuasa Tempatan / Pejabat Daerah dan Tanah / Agensi-Agensi Lain), Sektor Swasta dan Sektor IPT adalah seperti berikut:-

| BIL | TEMPAT | HADIAH |
|-----|----------------------|---|
| 1 | Hadiah Utama | RM 10,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan |
| 2 | 2 Hadiah Penghargaan | RM 5,000.00 dan Sijil Penghargaan |
| 3 | Saguhati | Sijil Penghargaan |

Manakala hadiah dan ganjaran bagi Kategori Akar Umbi, Sekolah dan Idea Asal / Prototype Terbaik adalah seperti berikut:-

| BIL | TEMPAT | HADIAH |
|-----|----------------------|--|
| 1 | Johan | RM 5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan |
| 2 | 2 Hadiah Penghargaan | RM 2,500.00 dan Sijil Penghargaan |
| 3 | Saguhati | Sijil Penghargaan |

- b) Bentuk aktiviti / program keutamaan inovasi yang dilaksanakan sepertimana di atas merangkumi pelbagai aspek seperti di bawah:

| BENTUK AKTIVITI / PROGRAM | NAMA PROGRAM |
|-------------------------------|---|
| Pertandingan / Penganugerahan | <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor • Anugerah Inovasi Negeri Selangor |
| Pameran | <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor • Anugerah Inovasi Negeri Selangor • Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi |
| Rundingcara | <ul style="list-style-type: none"> • Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi |
| Jualan hasil inovasi | <ul style="list-style-type: none"> • Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi |

- c) Program – program inovasi yang dirancang dan dilaksanakan menumpukan kepada kumpulan sasaran yang berbeza, berdasarkan kesesuaian program sepertimana berikut :

| AKTIVITI / PROGRAM | KUMPULAN SASARAN |
|--|--|
| Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi | <ul style="list-style-type: none"> • Komuniti setempat • Penggiat inovasi |
| Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor | <ul style="list-style-type: none"> • Agensi sektor awam Negeri Selangor |
| Anugerah Inovasi Negeri Selangor | <ul style="list-style-type: none"> • Agensi sektor awam Negeri Selangor • Agensi sektor swasta Negeri Selangor • Instltusi Pengajian Tinggi di Negeri Selangor • Sekolah di Negeri Selangor • Komuniti / masyarakat Negeri Selangor |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PELABUR CHINA DAN ARAB SAUDI

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap pelabur dari China dan Arab Saudi?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi untuk membawa masuk pelabur dari negara tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri secara dasarnya sentiasa terbuka untuk menerima pelaburan yang melibatkan pelabur asing dari mana-mana Negara termasuk Negara China dan Arab Saudi.
- b) Antara cabaran – cabaran yang kebiasaannya dihadapi untuk membawa masuk pelabur asing adalah seperti berikut;-
 - i. Keperluan tapak cadangan projek pelaburan yang bersaiz besar.
 - ii. Kekurangan kawasan perindustrian yang tersedia ada bagi tempoh yang singkat.
 - iii. Kesukaran mengenal pasti kawasan perindustrian yang bersesuaian dengan cadangan aktiviti bagi projek pelaburan yang hendak dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RIZAB AIR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan adanya beberapa loji rawatan air yang baru dibina dan beroperasi, apakah margin rizab air di Selangor berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya?
- b) Apakah perancangan yang akan dilakukan untuk meningkatkan rizab ini?

JAWAPAN:

a)

1. Selangor mempunyai 8 empangan air dan 32 loji pembersihan air. Pada masa ini, jumlah kebolehan pengeluaran loji-loji tersebut adalah sebanyak 5,027 JLH dan kadar pengeluaran semasa adalah sebanyak 4,850 JLH. Purata rizab air pada bulan Disember 2016 adalah sebanyak 4.34% (218JLH). Dengan kadar pertumbuhan purata 3.5%, rizab bekalan air sekarang adalah pada tahap '*thin margin*'. Unjuran permintaan air adalah berdasarkan kadar kenaikan permintaan tahunan sebanyak 3.5% untuk sepanjang tempoh unjuran (2017 – 2030), manakala kadar rizab bekalan air berdasarkan sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah sebanyak 15% - 20%.
2. Melalui projek-projek bekalan air yang sedang dilaksanakan, ia dapat meningkatkan kapasiti boleh agih seperti berikut:-

| Nama projek | Tahun dijangka siap | Kapasiti (JLH) |
|--------------------|----------------------------|-----------------------|
| Semenyih 2 | Disember 2017 | 100 |
| Labohan Dagang | Disember 2018 | 200 |
| Langat 2 | Disember 2019 | 1130 |
| Jumlah | | 1430 |

b)

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan satu garis panduan bahawa Rizab bekalan air yang perlu dicapai oleh operator bekalan air adalah sebanyak 15% - 20% bagi memastikan kelangsungan bekalan air tanpa gangguan kepada pengguna.
2. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif '*water demand planning*' yang berjangka panjang.
3. Dalam usaha untuk meningkatkan rizab simpanan air ini, Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk melaksanakan antara lain seperti berikut:-
 - a) Penurunan kadar Non Revenue Water (NRW) sekurang-kurangnya pada kadar 1% setiap tahun yang perlu dilaksanakan dengan serius oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor). Pelaksanaan pengawalan NRW dilaksanakan secara holistik melalui program pembudayaan organisasi bagi menjamin *continuity* dan *sustainability*. Kunci kejayaan bagi program ini adalah penglibatan keseluruhan kakitangan, komitmen pengurusan dan kawalan kualiti kerja di semua peringkat.
 - b) melaksanakan projek penukaran paip-paip air lama terutamanya di kawasan yang dikategorikan sebagai hotspot. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, Air Selangor telah mengenal pasti 84 hotspot yang meliputi 422 kilometer laluan paip yang akan digantikan secara berperingkat mulai tahun ini sehingga 2019. Melalui penukaran paip-paip lama ini, kehilangan air akibat paip bocor atau paip pecah dapat dikurangkan dan seterusnya ia dapat meningkatkan rizab simpanan air.
 - c) Melalui pelaksanaan kempen jimat air, Kerajaan Negeri menekankan kepada falsafah hijau dalam konservasi air dan penggunaan semula air. Umpamanya, industri yang tidak perlu menggunakan air terawat, boleh menggunakan *recycle water* atau air tidak terawat. Sementara itu, pengguna isi rumah juga harus bertanggungjawab memastikan supaya penggunaan air terawat tidak dibazirkan dengan aktiviti yang tidak memerlukan penggunaan air terawat.
 - d) Air Selangor dengan kerjasama SPAN akan meningkatkan lagi Penguatkuasaan bagi membendung kecurian bekalan air

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : STADIUM MINI PEKAN SABAK, SABAK BERNAM

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menaik taraf Stadium Mini Sabak?
- b) Apakah rancangan jangka pendek dan panjang bagi pembangunan sebahagian tanah stadium yang kini masih tetap dalam keadaan semak samun?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri bagi menaik taraf Stadium Mini Pekan Sabak, Sabak Bernam berjumlah RM281,000.00.
- b) Perancangan jangka pendek sebahagian stadium sedia ada akan dinaiktaraf dengan membina tandas baharu, longkang, bumbung, *wiring* dan mengecat bangunan. Perancangan jangka panjang, MDSB sedang dalam permohonan peruntukan untuk membangunkan keseluruhan tanah Stadium mengikut konsep 3K (Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : RANCANGAN UNTUK MENJADIKAN PUSAT BANDAR MBSA SEBAGAI
BANDAR TERBERSIH BERTARAF DUNIA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk menjadikan Pusat Bandar MBSA sebagai Bandar Terbersih Bertaraf Dunia?
- b) Apakah langkah-langkah telah dibuat ke arah usaha ini?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk usaha-usaha ini?

JAWAPAN:

- a) Melalui hasrat Kerajaan Negeri dalam membina “Smart Cities” seperti yang dirangka di dalam “*Blue Print Smart Selangor*”, Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengambil tindakan proaktif dengan menjadikan Shah Alam Bandaraya Bersih Bertaraf Dunia dengan memberi fokus kepada 3 elemen berikut :-

- Smart Building
- Smart Waste Management
- Smart Transportation & Mobility

Malah, MBSA turut menerima Pengiktirafan Antarabangsa “Green Apple Award” bagi kategori “*Best Environment Practise*” untuk projek Pengindahan Lorong Belakang pada 1 November 2014 dan 16 November 2015.

- b) Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh MBSA dalam aktiviti kawalan kebersihan di pusat Bandar adalah seperti berikut:-
 - i. Keutamaan menjalankan kerja-kerja pembersihan jalan-jalan protokol dan jalan persiaran di pusat bandar. Kaedah pembersihan akan dibuat menggunakan ‘road sweeper’ iaitu menyapu dan menyedut pasir dan kotoran di tepi-tepi pembahagi jalan. Meningkatkan kecekapan perkhidmatan kontraktor pembersihan jalan persiaran/protokol dengan mewajibkan pekerja-pekerja menyapu mengikut masa yang ditetapkan.

- ii. Memupuk amalan kitar semula di kalangan masyarakat Shah Alam yang mana Majlis telah membantu meletakkan tong-tong kitar semula di perhentian-perhentian bas pusat bandar untuk kegunaan pengguna perhentian bas sekaligus meningkatkan kepentingan kitar semula.
- iii. Melaksanakan pilot projek '*zero waste zone*' di kawasan komersial Laman Seni 7 dengan kerjasama pemilik kedai-kedai komersial bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pembuangan sampah.
- iv. Majlis juga telah memperuntukkan penyediaan tong sampah 120L untuk semua rumah-rumah kediaman '*landed*' dan tong sampah 660L untuk kawasan kampung tradisional yang bertujuan untuk memperbaiki dan memperkemaskan sistem pembuangan sampah oleh masyarakat Shah Alam.

Usaha lain yang dijalankan ke arah menjadikan Shah Alam sebagai Bandar Bersih Bertaraf Dunia ialah seperti berikut:

- i. Pengukuhan **Jawatankuasa Pembangunan Mampan** yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar.
- ii. Penubuhan **Jawatankuasa Shah Green Road Map** yang dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar.
- iii. Melantik **Duta Hijau MBSA** yang terdiri daripada pelbagai latar belakang mengikut kepakaran jabatan masing-masing sebagai penggerak kepada program-program pelaksanaan Inisiatif Hijau Shah Alam.
- iv. Mensasarkan pelaksanaan Shah Alam Bandar raya Rendah Karbon menjelang 2030 melalui 5 tindakan Rendah Karbon di dalam Rancangan Strategik MBSA 2016-2020 berikut :
 - Menyediakan Perkhidmatan Pengangkutan Dan Mobiliti Yang Efisien
 - Mengintegrasikan Alam Semula jadi Dalam Alam Bina
 - Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Yang Mesra Alam
 - Pengurusan Penggunaan Sumber Tenaga Dan Air Yang Efisien Dan Efektif
 - Pentadbiran Dan Pengurusan Bandar raya berlandaskan Teknologi Hijau

- v. Menyediakan Laporan Low Carbon City Framework (LCCF) 2015/2016 “**Base Lining**” (mengumpul data dan seterusnya menyediakan laporan *base line* bagi mengukur pencapaian LCCF di Shah Alam).
 - vi. Mengadakan kempen Rendah Karbon di bangunan-bangunan di sekitar Pusat Bandar Shah Alam.
 - vii. Menyenaraikan inisiatif Kejiranan Hijau MBSA ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan seterusnya diiktiraf di peringkat Negeri dan Kebangsaan.
 - viii. Melaksanakan program-program bersama komuniti Shah Alam melalui Pertandingan Mini Zee Bee (Zon Bersih).
- c) MBSA telah memperuntukkan sebanyak RM2.75 Juta bagi projek dan program pembangunan Majlis di Pusat Bandar, Seksyen 14, Shah Alam untuk tahun 2017 ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam dari 2014-2016.
- b) Senaraikan program yang dilaksanakan pada tahun 2016 bagi menarik kehadiran pengunjung.

JAWAPAN:

- a) Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 98 pusat perkhidmatan diseluruh Selangor yang terdiri daripada satu (1) Perpustakaan Pusat iaitu Perpustakaan Raja Tun Uda, tujuh (7) perpustakaan daerah, empat (4) perpustakaan cawangan, sepuluh (10) perpustakaan pekan, tujuh puluh satu (71) perpustakaan desa dan lima (5) perpustakaan bergerak.

Dengan penerapan konsep penjenaman semula, Perpustakaan telah mendapat sambutan yang semakin meningkat setiap tahun. Jumlah pengunjung pada tahun **2014 adalah 1,575,362 juta** pengunjung, **tahun 2015 1,457,450 juta** (menurun 7% disebabkan **4 perpustakaan ditutup selama 2 bulan bagi kerja-kerja menaik taraf iaitu Perpustakaan Desa Kuang, Desa Jenjarom, Desa Parit Mahang dan Desa Parit Baru**). Pada tahun **2016 jumlah pengunjung meningkat kepada 1,722,595 juta (peningkatan 18%)**.

- b) Pada tahun 2016 telah dilaksanakan **7,580 aktiviti** dengan menerima **1,387,986 juta peserta (penyertaan oleh masyarakat)** dan di antara aktiviti berskala besar yang mendapat sambutan menggalakkan ialah:

| Bil | Program | Jumlah Peserta | Tarikh Pelaksanaan |
|------------|---------------------------------|-----------------------|---------------------------|
| 1. | Jom Baca Bersama untuk 10 Minit | 850,481 peserta | 25 April 2016 |
| 2. | Pesta Buku Selangor | 168,645 peserta | 28 Julai – 7 Ogos 2016 |
| 3. | #MalaysiaNgaji | 6,495 peserta | 29 Jun 2016 |
| 4. | Festival Buku Kanak-Kanak | 32,659 peserta | 22-24 April 2016 |
| 5. | Pertandingan Tilawah Braille | 1,500 peserta | 15 Mei 2016 |

| | | | |
|----|---|----------------|---------------------|
| | Peringkat Kebangsaan | | |
| 6. | Hijrah Tour | 1,650 peserta | 22 Oktober 2016 |
| 7. | Karnival Pendidikan #Smart Selangor | 20,915 peserta | 24-27 November 2016 |
| 8. | International Art Seminar, Kuala Kubu Bharu | 2,120 peserta | 1-10 Disember 2016 |

Perincian jawapan a)

Usaha penjenamaan perpustakaan (rebranding) yang bermula pada tahun 2009 telah memberikan impak yang positif kepada masyarakat melibatkan 3 elemen utama iaitu pembangunan infrastruktur, koleksi dan perubahan hati, minda & sikap kakitangan.

Salah satu di antara 3 elemen yang terlibat adalah Pembangunan Infrastruktur Perpustakaan (Selesa, Cantik & Kondusif). Melaluinya, perpustakaan berusaha memberikan penekanan kepada membaikpulih infrastuktur bangunan yang melibatkan bumbung, lantai, struktur bangunan, pendawaian dan tandas di samping itu perpustakaan juga akan dilengkapi dengan perabut yang selesa, ruang solat, perkakasan IT, WiFi percuma dan dekorasi dalaman yang cantik dan ceria berkonsepkan atau 'Rumah Keduaku' atau 'My Second Home'.

Berikut adalah perbandingan jumlah pengunjung dari tahun 2008 sehingga 2016 bagi Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam dan Perpustakaan-perpustakaan di seluruh Selangor:

| TAHUN | PENGUNJUNG RAJA TUN UDA | PENGUNJUNG DAERAH | PENGUNJUNG KESELURUHAN |
|-------|-------------------------|-------------------|------------------------|
| 2008 | 120,481 | 648,382 | 768,863 |
| 2009 | 151,397 | 689,301 | 840,698 |
| 2010 | 146,924 | 710,309 | 857,233 |
| 2011 | 176,505 | 682,682 | 859,187 |
| 2012 | 619,452 | 683,535 | 1,302,987 |
| 2013 | 754,478 | 713,222 | 1,467,700 |
| 2014 | 814,848 | 760,514 | 1,575,362 |
| 2015 | 696,083 | 761,367 | 1,457,450 |
| 2016 | 909,656 | 812,939 | 1,722,595 |

Untuk makluman mulai tahun 2010 sehingga kini terdapat 45 perpustakaan yang telah mengalami proses penjenamaan.

| | Nama Perpustakaan | Daerah | Tarikh Buka |
|-------------|--|---------------|--------------------|
| 2005 | | | |
| 1 | Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, Daerah Petaling | Petaling | 26 Mei 2009 |
| 2010 | | | |
| 2 | Perpustakaan Awam Selangor Semenyih - Hulu Langat | Hulu Langat | 15 Mac 2010 |
| 3 | Perpustakaan Awam Selangor Bukit Beruntung - Hulu Selangor | Hulu Selangor | April 2010 |
| 4 | Perpustakaan Awam Selangor Sri Manja - Petaling | Petaling | 18 Oktober 2010 |
| 2011 | | | |
| 5 | Perpustakaan Awam Selangor Sri Perantau - Klang | Klang | 31 Mei 2011 |
| 6 | Perpustakaan Awam Selangor Ampang Waterfront - Ampang, Hulu Langat | Hulu Langat | 17 Oktober 2011 |
| 7 | Perpustakaan Awam Selangor Bukit Bangkong - Sepang | Sepang | November 2011 |
| 8 | Perpustakaan Awam Selangor Pandan Jaya - Ampang, Hulu Langat | Hulu Langat | 9 Jun 2012 |
| 9 | Perpustakaan Awam Selangor Kajang - Hulu Langat | Hulu Langat | 21 Feb 2013 |
| 2013 | | | |
| 10 | Perpustakaan Awam Selangor Rawang - Gombak | Gombak | 24 Mac 2013 |
| 11 | Perpustakaan Awam Selangor Lembah Jaya - Ampang, Hulu Langat | Hulu Langat | 2 Sep 2014 |
| 12 | Perpustakaan Awam Selangor Sungai Udang, Klang - Klang | Klang | 15 Sep 2014 |

| | Nama Perpustakaan | Daerah | Tarikh Buka |
|-------------|--|----------------|--------------------|
| 2014 | | | |
| 13 | Perpustakaan Awam Selangor Kuang - Gombak | Gombak | 21 Dis 2015 |
| 14 | Perpustakaan Awam Selangor Jenjarum - Kuala Langat | Kuala Langat | 21 Dis 2015 |
| 15 | Perpustakaan Awam Selangor Parit Baru – Sabak Bernam | Sabak Bernam | 21 Dis 2015 |
| 16 | Perpustakaan Awam Selangor Parit Mahang - Kuala Selangor | Kuala Selangor | 4 April 2016 |
| 17 | Perpustakaan Awam Selangor Daerah Hulu Langat, Bangi - Hulu Langat | Hulu Langat | 27 Mei 2016 |
| 18 | Perpustakaan Awam Selangor Sungai Pelek, Sepang - Sepang | Sepang | 21 Jun 2016 |
| 19 | Perpustakaan Awam Selangor Sungai Merab - Kajang, Hulu Langat | Hulu Langat | 1 Mac 2017 |
| 20 | Perpustakaan Awam Selangor Parit 14, Sabak Bernam - Sabak Bernam | Sabak Bernam | 1 Mac 2017 |
| 21 | Perpustakaan Awam Selangor Parit 8, Sabak Bernam - Sabak Bernam | Sabak Bernam | 8 Jun 2016 |
| 2016 | | | |
| 22 | Perpustakaan Awam Selangor Batu 14, Hulu Langat - Hulu Langat | Hulu Langat | 1 Mac 2017 |
| 23 | Perpustakaan Awam Selangor Kg. Sungai Selisek - Hulu Selangor | Hulu Selangor | 1 Mac 2017 |
| 24 | Perpustakaan Awam Selangor Jenderam Hilir - Sepang | Sepang | 1 Mac 2017 |

| | Nama Perpustakaan | Daerah | Tarikh Buka |
|-------------|---|----------------|--------------------|
| 25 | Perpustakaan Awam Selangor Kg. Dato Ahmad Razali - Sepang | Sepang | 1 Mac 2017 |
| 26 | Perpustakaan Awam Selangor Sijangkang - Klang | Klang | 1 Mac 2017 |
| 27 | Perpustakaan Awam Selangor Sekinchan | Sabak Bernam | 1 Mac 2017 |
| 28 | Perpustakaan Awam Selangor Kg. Lindungan | Petaling | April 2017 |
| 29 | Perpustakaan Awam Selangor Tanjong Karang | Kuala Selangor | Dis 2017 |
| 30 | Perpustakaan Awam Selangor Gombak | Gombak | Ogos 2017 |
| 31 | Perpustakaan Awam Selangor Daerah Sabak Bernam | Sabak Bernam | Ogos 2017 |
| 32 | Perpustakaan Awam Selangor Daerah Sepang | Sepang | Julai 2018 |
| 33-36 | Perpustakaan Bergerak #SmartSelangor – Selangor B.E.ST | LPHS (4 unit) | 1 Mac 2017 |
| 37-39 | Perpustakaan Bergerak #SmartSelangor - PPAS | PPAS (3 unit) | 1 Mac 2017 |
| 2017 | | | |
| 40 | Perpustakaan Awam Selangor Bukit Kapar | Klang | |
| 41 | Perpustakaan Awam Selangor Ijok | Kuala Selangor | |
| 42 | Perpustakaan Awam Selangor Taman Muhibbah | Sabak Bernam | |
| 43 | Perpustakaan Awam Selangor Binjai Jaya | Sabak Bernam | |
| 44 | Perpustakaan Awam Selangor Pekan Hulu Bernam | Hulu Selangor | |
| 45 | Perpustakaan Awam Selangor Gulang-Gulang | Kuala Selangor | |

Perincian jawapan b:-

Berikut adalah perbandingan aktiviti dan jumlah peserta dari tahun 2014 sehingga 2016

| Perkara | Tahun 2014 | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|-----------------|-------------------|-------------------|--------------------------|
| Jumlah Aktiviti | 3,615 aktiviti | 6,680 aktiviti | 7,580 aktiviti |
| Jumlah Peserta | 1,091,904 peserta | 1,167,785 peserta | 1,387,986 peserta |



Berikut adalah senarai program-program utama yang telah dilaksanakan

| BIL | PROGRAM & AKTIVITI | TARIKH | PENYERTAAN / KEAHLIAN |
|-----|---|------------------------|-----------------------|
| 1 | FESTIVAL BUKU DAN KANAK-KANAK 2016 (FESBUK) | 22 – 24 APRIL 2016 | 32,659 / 1,752 |
| 2 | LETS READ TOGETHER FOR 10 MINUTES / JOM BACA UNTUK 10 MINIT Selangor = 850,481 peserta Serentak seluruh Malaysai = 4,250,076 peserta | 25 APRIL 2016 | 850,481 |
| 3 | PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN BRAILLE PERINGKAT KEBANGSAAN 2016 | 15 MEI 2016 | 1,500 |
| 4 | #MALAYSIANGAJI 2016 Selangor = 6,495 peserta Serentak seluruh Malaysia = 740,145 peserta | 29 JUN 2016 | 6,495 |
| 5 | PESTA BUKU SELANGOR 2016 | 28 JULAI – 7 OGOS 2016 | 168,645 |
| 6 | WORLD QURAN HOUR | 11 SEPTEMBER 2016 | 350 |
| 7 | HIJRAH TOUR DAERAH SABAK BERNAM (PD PARIT 8, SG. PANJANG) | 22 Oktober 2016 | 1,650 |
| 8 | PERTANDINGAN BERCERITA ALA PENGLIPUR LARA TAHAP 1 & 2 DAN PERTANDINGAN ALUNAN SYAIR SEKOLAH MENENGAH SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2016 PERINGKAT NEGERI SELANGOR | 27 Oktober 2016 | 300 |
| 9 | PROGRAM PERJALANAN IBU BAPA CEMERLANG DENGAN AL-QURAN. | 10 November 2016 | 70 |

| | | | |
|----|--|--------------------------|----------------|
| | PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM | | |
| 10 | PROGRAM MERAKYATKAN SENI BUDAYA (PMS) BAHASA DAN PERSURATAN 2016 : PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN ANTARA AGENSI/NGO | 16 November 2016 | 100 |
| 11 | #SMART SELANGOR EDUCATION FAIR 2016 SACC CONVENTION CENTER, SHAH ALAM | 24 – 27 November 2016 | 20,915 |
| 12 | PROGRAM KHATAM AL-QURAN @ CUTI SEKOLAH PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM | 28 Nov – 22 Dis 2016 | 10 |
| 13 | INTERNATIONAL ART SEMINAR, KUALA KUBU BHARU | 1-10 Disember 2016 | 200 |
| 14 | PROGRAM “SCHOOL OF LIFE 114 CAMP” BAGI REMAJA DAN KANAK-KANAK | 21 – 22 Disember 2016 | 50 |
| 15 | PERTANDINGAN STOMPERS TERBUKA (Di Program GeROGRAM KERJASAMA GENERASI IDAMAN SELANGOR (GeMS) AMBANG TAHUN BARU 2017 PERINGKAT NEGERI SELANGOR : | 29 – 31 Disember 2016 | 150 OKU: 15 |

Butiran aktiviti secara terperinci yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

| BIL | PERPUSTAKAAN | 2016 | |
|-----|---|----------|---------|
| | | AKTIVITI | PESERTA |
| 1 | Ibu Pejabat–program dan aktiviti dilaksanakan sepanjang tahun 2016 | 1,722 | 49,112 |
| 2 | Aktiviti di Pesta Buku Selangor 2016 | 81 | 9,137 |
| 3 | Daerah Sepang <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Sepang)</i> | 213 | 5,328 |
| 4 | Daerah Hulu Langat <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Hulu Langat)</i> | 889 | 48,982 |
| 5 | Daerah Sabak Bernam <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Sabak Bernam)</i> | 947 | 16,900 |
| 6 | Daerah Kuala Selangor <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Kuala Selangor)</i> | 1,442 | 131,376 |
| 7 | Daerah Klang <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Klang)</i> | 601 | 15,162 |
| 8 | Daerah Hulu Selangor <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Hulu Selangor)</i> | 495 | 15,961 |
| 9 | Daerah Kuala Langat <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Kuala Langat)</i> | 768 | 1,414 |
| 10 | Daerah Petaling <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Petaling)</i> | 208 | 2,681 |

| | | | |
|----|---|-------------------------------|----------------|
| | Daerah Gombak <i>(aktiviti bersama masyarakat dan pengunjung yang dilaksanakan oleh perpustakaan di Daerah Gombak)</i> | 198 | 4,123 |
| | Jumlah | 7,564 | 300,176 |
| 11 | Pesta Buku Negeri Selangor | 1 | 168,645 |
| 12 | Jom Baca 10 Minit | 1 (Serentak seluruh Selangor) | 850,481 |
| 13 | Program “15 Minutes Reading Break” di Pesta Buku Selangor | 1 | 2,300 |
| 14 | Festival Buku Kanak-Kanak (Fesbuk) | 1 | 32,659 |
| 15 | Malaysia Ngaji | 1 (59 lokasi) | 6,495 |
| 16 | Pertandingan Tilawah Al-Quran Baraille Peringkat Kebangsaan 2016 | 1 | 1,500 |
| 17 | World Quran Hour | 1 | 350 |
| 19 | Hijrah Tour Bersama Ppas Dan Karang kraf Daerah Sabak Bernam (PD Parit 8, Sg. Panjang) | 1 | 1,650 |
| 20 | Pertandingan Bercerita Ala Penglipur Lara Tahap 1 & 2 Dan Pertandingan Alunan Syair Sekolah Menengah Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2016 Peringkat Negeri Selangor | 1 | 300 |
| 21 | Program Perjalanan Ibu Bapa Cemerlang Dengan Al-Quran. Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam | 1 | 70 |
| 22 | Program Merakyatkan Seni Budaya (Pms) Bahasa Dan Persuratan 2016 : Pertandingan Berbalas Pantun Antara Agensi/Ngo | 1 | 100 |
| 23 | Karnival Pendidikan #Smart Selangor 2016 SACC Convention Center, Shah Alam | 1 | 20,915 |
| 24 | Program Khatam Al-Quran @ Cuti Sekolah Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam | 1 | 10 |
| 25 | International Art Seminar, Kuala Kubu Bharu | 1 | 2120 |
| 26 | Program “School Of Life 114 Camp” Bagi | 1 | 50 |

| | | | |
|----|--|--------------|--------------------------------|
| | Remaja Dan Kanak-Kanak | | |
| 27 | Program Kerjasama Generasi Idaman Selangor (Gems) Ambang Tahun Baru 2017 Peringkat Negeri Selangor : Pertandingan Stompers Terbuka | 1 | 165 (15 adalah peserta OKU) |
| | Jumlah | 16 | 1,085,890 |
| | Jumlah Keseluruhan | 7,580 | 1,387,986 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pendakwaan kepada pihak-pihak yang menyebabkan pencemaran sungai sehingga menyebabkan penutupan loji rawatan air pada September dan Oktober tahun lepas?

JAWAPAN:

- a) Kertas siasatan oleh LUAS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dibuka pada 4 Oktober 2016 dan telah dikemukakan kepada Unit Jenayah Am dan Ketenteraman Awam, Jabatan Peguam Negara pada 11 November 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : IT

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan masih meneruskan menyediakan perkhidmatan *wifi* percuma di seluruh Selangor?
- b) Berapakah kos setahun yang ditanggung kerajaan untuk penyediaan dan penyelenggaraan *wifi* itu?
- c) Apakah masalah sebenar yang dihadapi sehingga terdapat di sesetengah lokasi, *wifi* yang disediakan gagal berfungsi dengan baik?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan masih menyediakan perkhidmatan WiFi Percuma di seluruh Negeri Selangor.
- b) Kerajaan tidak menanggung apa-apa kos untuk penyediaan dan penyelenggaraan WiFi setakat ini. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.0 juta untuk menanggung sebahagian kos perkhidmatan WiFi bagi Tahun 2017.
- c) Kelajuan setiap hotspot adalah di antara 8Mbps ("Megabits per second") sehingga 30 Mbps bergantung kepada infrastruktur sambungan internet setempat iaitu samaada melalui kabel kuprum, gentian optik atau selular di mana jarak pancaran dan kelajuan internet adalah berbeza.

Kelajuan WiFi Smart Selangor untuk setiap pengguna telah dihadkan kepada 1 Mbps ("Megabit per Second") bagi setiap sesi penggunaan selama 30 minit. Sekiranya ramai pengguna menggunakan hotspot terbabit, akses dan kelajuan internet di hotspot tersebut akan terjejas. Pemantauan rapi dapat mengenalpasti kawasan-kawasan hotspot yang perlu ditingkatkan kapasiti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : ORANG ASAL

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Projek Pemetaan Kampung-kampung Orang Asal dan pewartaan tanah perkampungan di Selangor?
- b) Apakah status dan perancangan dalam meningkatkan literasi dan pencapaian pendidikan Orang Asal ?
- c) Apakah rancangan dalam pemeliharaan bahasa, budaya dan adat Orang Asal?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Menerusi peruntukan Perlembagaan Malaysia dan Akta Orang Asli 1954, Jabatan Kemajuan Orang Asli selaku Jabatan Persekutuan bertanggungjawab terhadap kebajikan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Istilah Orang Asli telah dinyatakan dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Orang Asli 1954. Orang Asli yang dimaksudkan adalah Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang meliputi tiga kaum utama iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito. Menurut Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 1974 mengenai panggilan terhadap Orang Asli, pihak Kerajaan Persekutuan telah menekankan penggunaan istilah Orang Asli yang lebih positif dan seragam terhadap tiga kumpulan kaum utama masyarakat berkenaan sebagai memberi pengiktirafan kepada kaum berkenaan yang merupakan antara masyarakat pribumi terawal di negara ini. JAKOA yang berperanan bagi pembentukan Masyarakat Orang Asli lebih progresif dan dinamik dalam memajukan Masyarakat Orang Asli setanding dengan masyarakat arus perdana. Peranan JAKOA hanya kepada Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu tidak wujud istilah Orang Asal di dalam pentadbiran Jabatan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana mempercepatkan proses pendaftaran permohonan Peduli Sihat secara atas talian?

JAWAPAN:

- a) Proses pendaftaran permohonan Skim Peduli Sihat secara atas talian boleh di permudahkan dengan memastikan setiap permohonan telah memuat naik dokumen sokongan seperti kad pengenalan, slip gaji, dan lain-lain dokumen yang diperlukan. Sekiranya dokumen sokongan tidak dilampirkan, pemohon tidak akan dapat menghantar permohonan tersebut. Dokumen yang disertakan akan memudahkan pihak Pusat Khidmat Masyarakat untuk membuat semakan dan pengesahan permohonan dengan segera.

Pemohon juga boleh mengemukakan borang permohonan dan dokumen lengkap kepada Pusat Khidmat Masyarakat bagi membantu untuk mengisi permohonan secara *online*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PIAGAM PELANGGAN AIR SELANGOR SDN BHD

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memantau pencapaian piagam pelanggan Air Selangor Sdn Bhd dari masa ke semasa? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan pemaju-pemaju rumah mendapat perkhidmatan yang terbaik apabila berurusan dengan Air Selangor Sdn Bhd?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KESTABILAN KEWANGAN NEGERI

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan kerajaan untuk mengharungi keadaan ekonomi yang tidak menentu dalam negara agar rakyat Selangor sentiasa terlindung dan terus menikmati skim bantuan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : KEMPEN KURANGKAN BEG PLASTIK

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Secara dasar ia adalah satu program yang baik namun masih ada rungutan dari rakyat. Huraikan sebab dan puncanya.
- b) Apakah pelan jangka masa panjang bagi menggalakkan budaya kebergantungan pada beg plastik?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan respon daripada pelbagai media massa dan media sosial, antara sebab dan punca yang dikenalpasti adalah seperti berikut:
 - 1. Para pengguna menyatakan kempen ini dilaksanakan dengan tempoh yang drastik dan pengguna serta peniaga tidak mempunyai tempoh yang mencukupi untuk bersedia dengan pelaksanaannya.
 - 2. Kebergantungan kepada penggunaan beg plastik dan tiada bahan alternatif disediakan.
 - 3. Kurang pemahaman dan pengetahuan berhubung matlamat kempen.
 - 4. Pengguna turut menyatakan rasa terbeban dengan caj kutipan RM0.20 bagi setiap penggunaan beg plastik serta mempersoalkan penyaluran kutipan caj RM0.20 tersebut.

Oleh itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan aktiviti promosi dan pendidikan kepada pengguna serta peniaga bagi memberikan maklumat dan penerangan yang lebih jelas berhubung pelaksanaan kempen ini yang mana aktiviti tersebut akan dilaksanakan bersama PBT, pengusaha pasaraya dan peniaga-peniaga kecil. Selain itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan kajian awam terhadap kempen yang dirancang akan diadakan pada bulan April 2017. Bagi isu kutipan caj RM0.20, Kerajaan Negeri mengadakan mesyuarat dan perjumpaan bersama pihak peniaga bagi mengenalpasti masalah yang dibangkitkan oleh pengguna serta memantau laporan penyaluran kutipan caj RM0.20.

- b) Beg plastik merupakan bahan utama bagi pembungkusan produk dan barangan kerana sifatnya yang tahan lasak serta mudah untuk digunakan. Ianya telah menjadi satu keperluan kepada peniaga dan pengguna untuk memudahkan urusan pembelian. Oleh itu, perubahan kepada keperluan tersebut akan mengambil masa yang lama untuk diterima dan Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan aktiviti promosi dan pendidikan yang berterusan disamping membekalkan beg kitar semula yang mesra alam kepada pengguna. Kerajaan Negeri juga turut menyarankan peniaga untuk menyediakan beg kitar semula yang tahan lasak atau menyediakan kotak bagi memudahkan urusan pembungkusan barangan yang dibeli oleh pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR SELANGOR

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah kerugian *None Revenue Water* pada Tahun 2016 ;
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menaikkan caj air kediaman dan perdagangan untuk menambahkan hasil pendapatan?
- c) Berapakah jumlah kes tindakan mahkamah telah diambil terhadap kes kecurian air Pada Tahun 2016?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah ahli Skim Peduli Sihat setakat ini.
- b) Nyatakan jumlah penggunaan kad peduli sihat (RM) sehingga kini.
- c) Adakah pemohon OKU akan diberi kelayakan terus untuk mendapatkan skim peduli sihat ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peserta yang memohon Skim Peduli Sihat sehingga 14 Mac 2017 adalah sebanyak 68,579 sejak ianya dilancarkan pada awal tahun 2017 yang lalu.
- b) Jumlah penggunaan kad Peduli Sihat yang telah dituntut di Klinik Panel Skim Peduli Sihat sehingga 14 Mac 2017 adalah sebanyak RM 21,525.30.
- c) Pemohon OKU akan diberi kelayakan terus untuk menerima manfaat Skim Peduli Sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan Statistik bilangan kelulusan di PBT Pusat Hiburan Keluarga mengikut pecahan :

a. di *Shop Lot*

b. di *Shopping Complex*

b) Apakah standard kelulusan sesebuah pusat hiburan keluarga di setiap PBT dan berapakah bilangan permohonan purata setiap tahun bermula 2010 – 2015?

JAWAPAN:

a) Bilangan kelulusan Pusat Hiburan Keluarga bagi *Shop Lot* adalah sebanyak 21 manakala kelulusan bagi *Shopping Complex* adalah sebanyak 98. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut :

| PBT | BILANGAN KELULUSAN | |
|------|--------------------|------------------|
| | SHOP LOT | SHOPPING COMPLEX |
| MBSA | - | 10 |
| MBPJ | - | 7 |
| MPK | 8 | 21 |
| MPAJ | 0 | 9 |
| MPSJ | - | 22 |
| MPS | - | 2 |
| MPKj | 7 | 9 |
| MPSp | 1 | 9 |
| MDKL | - | 3 |
| MDKS | 3 | 3 |

| | | |
|---------------|-----------|-----------|
| MDHS | 0 | 2 |
| MDSB | 2 | 1 |
| JUMLAH | 21 | 98 |

Nota : Sumber dari PBT

b) Setiap permohonan bagi mendapatkan lesen pusat hiburan akan ditimbang oleh PBT berdasarkan:

1. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pembangunan Kerajaan Tempatan) PBT: KT BIL 3/2001 iaitu Dasar dan Garis Panduan Pemberian Lesen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Di Kawasan Pentadbiran Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor;
2. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT KT Bil. 3/2001; dan
3. Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga (PHK): Pindaan – Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan JKT : JM/D/Bil. 3/2005.

Perincian mengikut PBT bagi tahun 2010 – 2015 adalah seperti berikut:

| PBT | BILANGAN PERMOHONAN | | | | | |
|---------------|---------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
| MBSA | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| MBPJ | 6 | 8 | 8 | 8 | 8 | 7 |
| MPK | 0 | 5 | 14 | 1 | 7 | 12 |
| MPAJ | 30 | 30 | 31 | 17 | 29 | 22 |
| MPSJ | 18 | 18 | 19 | 19 | 18 | 21 |
| MPS | 1 | 3 | 3 | 1 | 1 | 0 |
| MPKj | 2 | 0 | 2 | 7 | 0 | 8 |
| MPSp | 0 | 0 | 0 | 1 | 2 | 7 |
| MDKL | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 |
| MDKS | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 1 |
| MDHS | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| MDSB | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 8 |
| JUMLAH | 61 | 68 | 82 | 59 | 72 | 91 |

Nota : Sumber dari PBT

Sebanyak 433 permohonan diterima sepanjang 2010 – 2016 dengan jumlah purata tahunan adalah sebanyak 72 permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan masa dekat dan panjang Kerajaan Selangor untuk memastikan bekalan daging di Selangor mencukupi?
- b) Apakah perancangan untuk menggalakkan pekerjaan berserta latihan yang sesuai di bidang ini?
- c) Apakah perancangan untuk memastikan pembekalan lembu yang sesuai untuk tujuan Korban?

JAWAPAN:

- a) Perancangan jangka masa pendek Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan daging mencukupi adalah :
 - i. Menyewakan plot-plot penternakan sedia ada kepada penternak-penternak lembu, kambing dan bebiri (atau ringkasnya dipanggil - ruminan pedaging).
 - ii. Mengamalkan pembaikbakaan ruminan pedaging melalui pernian beradas supaya ruminan pedaging tempatan mampu menghasilkan daging yang lebih banyak.
 - iii. Meningkatkan kualiti pemakanan ruminan pedaging dengan memberi bantuan homplot, pembikinan silaj dan perkhidmatan analisis kualiti makanan.
 - iv. Mengimport ruminan pedaging dan hasilannya daripada negeri-negeri lain di Malaysia dan dari luar negara.

Perancangan jangka masa panjang pula adalah :

- i. Menambah kawasan penternakan dengan membuka lebih banyak Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang baharu.
- ii. Meningkatkan daya saing penternak ruminan pedaging sedia ada dengan menggalakkan mereka mengusahakan aktiviti hiliran pula dalam projek sedia ada.

- iii. Memperkenalkan konsep penternakan baharu yang mengoptimumkan penggunaan tanah seperti penternakan secara Intensif untuk lembu pedaging , kambing dan bebiri.
 - iv. Menggalakkan penternak membuat penambahbaikan genetik ternakan dengan menggunakan baka terpilih dan berkualiti tinggi dengan penggunaan kaedah pernian beradas (artificial insemination atau AI) yang membolehkan penternak meningkatkan pengeluaran sama ada daging atau susu mengikut jenis projek yang diceburi.
- b) Rancangan untuk menggalakkan pekerjaan dalam bidang ruminan pedaging adalah :
- i. Sesi penerangan kepada pelanggan yang datang ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) dan semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.
 - ii. Kempen menceburi bidang penternakan juga dibuat semasa berlangsungnya program jabatan dengan masyarakat dan karnival seperti Selangor Agrofest.
 - iii. Seminar peluang perniagaan dalam bidang penternakan bagi menarik minat generasi baharu seperti Seminar Agrogems.
 - iv. Khidmat nasihat teknikal termasuk kajian kebolehlaksanaan (viability studies) dan lawatan tapak untuk bakal pelabur yang berminat dalam bidang ini.

Latihan yang sesuai dalam bidang penternakan ruminan pedaging adalah :

- i. Kursus Asas Penternakan untuk penternak-penternak baharu.
 - ii. Seminar dan kursus lanjutan untuk penternak-penternak yang berpengalaman.
 - iii. Program Pengembangan Veterinar (PPV) yang meliputi latihan berterusan secara "in-situ" (di lapangan)
- c) Realitinya, Negeri Selangor hanya mampu mengeluarkan lebih kurang 10 hingga 20 peratus lembu yang sesuai untuk ibadah korban pada setiap tahun memandangkan negeri ini tidak mempunyai kawasan penternakan yang luas. Namun, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan lembu korban mencukupi pada setiap tahun dengan mengimport daripada negeri-negeri lain di Malaysia dan luar negara. Kerajaan Negeri tidak mempunyai masalah untuk memastikan bekalan mencukupi kerana kuasa beli tertinggi yang dimiliki oleh rakyat negeri ini berbanding rakyat negeri-negeri lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbandingan jumlah pencemaran sungai yang telah berlaku di Selangor dari 2014-2016 mengikut daerah.
- b) Nyatakan tahun yang berlaku pencemaran sungai tertinggi dalam sejarah Selangor dan jumlahnya.

JAWAPAN:

- a) Jumlah dan perincian pencemaran sungai yang telah berlaku di Negeri Selangor dari tahun 2014-2016 mengikut daerah adalah seperti berikut :

| TAHUN | BIL | DAERAH |
|--------------|------------|---|
| 2014 | 13 | Hulu Langat - 6, Sepang - 1, Gombak - 1, Hulu Selangor - 5 |
| 2015 | 19 | Hulu Langat - 3, Sepang - 8, Gombak - 3, Hulu Selangor - 5 |
| 2016 | 19 | Hulu Langat - 6, Sepang - 11, Gombak - 1, Hulu Selangor - 1 |

- b) Jumlah pencemaran tertinggi dalam sejarah di Negeri Selangor adalah pada tahun 2006 dengan sebanyak 24 kes pencemaran yang menyebabkan henti tugas loji pembersihan air (LPA). Antara punca henti tugas LPA ada adalah tumpahan minyak, peningkatan parameter amoniakal nitrogen dan kekeruhan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : BAS PERCUMA

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jelaskan pencapaian program bas percuma mengikut PBT masing-masing.
- b) Jelaskan perancangan untuk menambahbaik perkhidmatan bas percuma pada tahun 2017.

JAWAPAN:

a),b)

Melalui penelitian saya, tiga soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan Bus Smart Selangor. Soalan-soalan tersebut datangnye dari:

| No. Soalan | Nama ADUN | Tajuk Soalan |
|-------------------|------------------|---|
| | Balakong | BAS PERCUMA a) Jelaskan pencapaian program bas percuma mengikut PBT masing-masing. b) Jelaskan perancangan untuk menambahbaik perkhidmatan bas percuma pada tahun 2017. |
| | Teratai | BAS PERCUMA SMART SELANGOR a) Bilakah Kerajaan Selangor akan membekalkan Bas Percuma <i>Smart</i> Selangor di DUN Teratai? b) Berapakah kos tahunan yang terlibat untuk membekalkan bas percuma untuk satu laluan, termasuk gaji pemandu, minyak dan sebagainya? |

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung status perkhidmatan bas percuma Bas Smart Selangor yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri memandangkan semua soalan merujuk kepada perkara yang sama.

1. **Statistik Penumpang Bas Smart Selangor**

1.1 Perkhidmatan Bas Smart Selangor mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dan sehingga kini terdapat 15 laluan telah diperkenalkan di 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Statistik penumpang Bas Smart Selangor dari tempoh 1 Julai 2015 hingga 28 Februari 2017 adalah sebanyak 5,934,770 orang dan pecahan penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) : 546,661 penumpang
- (b) Tahun 2016 : 4,163,654 penumpang
- (c) Tahun 2017 (sehingga 28 Feb. 2017) : 1,224,455 penumpang

1.2 Bagi maklumat terperinci yang dipohon oleh Yang Berhormat Balakong dan Dengkil berkaitan statistik pengguna Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2015 (Mulai 1 Julai 2015)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 |
|--------------------------------|-----------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 270,491 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 192,196 |
| Majlis Perbandaran Klang | 83,974 |
| JUMLAH | 546,661 |

- (b) Tahun 2016

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|---------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 805,331 | 22,959 | 37,755 | 866,045 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 603,115 | 28,578 | 58,448 | 690,141 |
| Majlis Perbandaran Klang | 439,910 | -tiada- | | 523,884 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 461,492 | -tiada- | | 461,492 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 788,324 | -tiada- | | 788,324 |

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|------------------|
| Majlis Perbandaran Selayang | 532,878 | -tiada- | | 532,878 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 80,624 | -tiada- | | 80,624 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 109,292 | -tiada- | | 109,292 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 55,083 | -tiada- | | 55,083 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 49,257 | -tiada- | | 49,257 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 90,608 | -tiada- | | 90,608 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 4,163,654 |

(c) Tahun 2017 (Sehingga 28 Februari 2017)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 191,814 | 31,687 | 50,764 | 274,265 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 143,246 | 38,358 | 62,170 | 243,774 |
| Majlis Perbandaran Klang | 148,203 | -tiada- | | 148,203 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 75,715 | -tiada- | | 75,715 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 164,622 | -tiada- | | 164,622 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 165,807 | -tiada- | | 165,807 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 44,344 | -tiada- | | 44,344 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 47,959 | -tiada- | | 47,959 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 17,932 | -tiada- | | 17,932 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 16,230 | -tiada- | | 16,230 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 25,604 | -tiada- | | 25,604 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 1,224,455 |

- 1.3 Peningkatan jumlah penumpang Bas Smart Selangor ini secara tidak langsung telah menunjukkan indikasi positif terhadap sambutan masyarakat di dalam menggunakan pengangkutan awam sebagai mod kemudahan untuk pelbagai urusan yang dilaksanakan.

2. Kos dan Peruntukan Bas Smart Selangor

- 2.1 Kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 adalah menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Namun begitu, dua laluan tambahan baru di Shah Alam dan Subang Jaya yang dilaksanakan pada bulan November 2016 telah dibiayai oleh PBT masing-masing iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya berdasarkan konsep 1 *plus* 1.
- 2.2 Untuk Tahun 2015, kos bagi penyediaan perkhidmatan Bas Smart Selangor di tiga (3) PBT adalah sebanyak RM3,481,712.00. Butiran kos bagi setiap PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2015

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) |
|--------------------------------------|-----------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 1,266,064.00 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 1,266,064.00 |
| Majlis Perbandaran Klang | 949,584.00 |
| Jumlah Keseluruhan Tahun 2015 | RM3,481,712.00 |

- 2.3 Manakala kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor pada tahun 2016 pula, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM11,360,910.64 untuk butiran berikut:

- (a) Kos lanjutan kontrak bagi laluan sedia ada sebanyak RM1,939,906.00 (**Nota:** kos ini merupakan kos lanjutan kontrak 3 PBT yang berakhir pada 30 Jun 2016 beserta tambahan sebuah bas untuk MPK. Kontrak dilanjutkan dari 1 Julai 2016 – 31 Disember 2016);

(b) Laluan baru di enam PBT dan laluan tambahan MBSA dan MPSJ yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM6,888,876.64; dan

(c) Laluan baru di MPAJ dan MPKJ sebanyak RM2,532,128.00 yang disalur pada tahun 2015 namun operasi bas bermula pada 1 Januari 2016.

2.4 Keseluruhan kos tersebut adalah tidak termasuk laluan tambahan yang dibiayai sendiri oleh pihak MBSA dan MPSJ iaitu berjumlah RM3,146,928.00.

2.5 Pecahan kos dan perbelanjaan Bas Smart Selangor Tahun 2016 mengikut PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2016

Butiran Kos Perbelanjaan Penyediaan Bas Smart Selangor Tahun 2016 Mengikut PBT

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) | Laluan 2 (RM) | Laluan 3 (RM) | Jumlah (RM) |
|--------------------------------|---|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 624,128.00 | 1,894,008.00 (peruntukan MBSA) | 1,262,672.00 | 3,780,808.00 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 624,128.00 | 1,262,672.00 | 1,252,920.00 (peruntukan MPSJ) | 3,139,720.00 |
| Majlis Perbandaran Klang | 691,650.00 | -tiada- | | 691,650.00 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015) | | | 1,266,064.00 (Peruntukan 2015) |
| Majlis Perbandaran Kajang | 1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015) | | | 1,266,064.00 (Peruntukan 2015) |

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) | Laluan 2 (RM) | Laluan 3 (RM) | Jumlah (RM) |
|--------------------------------|----------------------|----------------------|----------------------|------------------------|
| Majlis Perbandaran Selayang | 1,250,796.00 | -tiada- | | 1,250,796.00 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 625,400.00 | -tiada- | | 625,400.00 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 625,400.00 | -tiada- | | 625,400.00 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 621,448.32 | -tiada- | | 621,448.32 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 621,448.32 | -tiada- | | 621,448.32 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 619,040.00 | -tiada- | | 619,040.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | RM14,507,838.64 |

2.6 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Teratai, keseluruhan kos tersebut merangkumi kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan. Kos sewaan sebanyak RM800 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan manakala urusan seperti gaji pemandu, minyak dan sebagainya adalah dibawah urusan pengoperasian syarikat operator yang telah dilantik. Mengambil contoh bagi satu laluan yang mempunyai 4 buah bas seperti di MPAJ, kos keseluruhan untuk tempoh setahun adalah sebanyak RM1,262,672.00.

3. Penambahbaikan dan Perancangan Bas Smart Selangor Tahun 2017

3.1 Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa akan dikaji dan dinilai bagi memastikan perkhidmatan bas ditambahbaik dari semasa ke semasa. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan isyarat yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan

perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor seperti pertambahan jumlah bas dan tambahan laluan-laluan baru yang menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

- 3.2 Pada tahun 2017, konsep 1 *plus* 1 juga telah disyaratkan kepada beberapa PBT yang lain supaya lebih banyak laluan baru dapat diperkenalkan untuk memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat di Negeri Selangor. Justeru itu juga, sebelas PBT telahpun membentangkan tiga (3) cadangan baru semasa Retreat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor yang diadakan pada 6 – 7 Mac 2017 yang lalu untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Laluan-laluan baru ini dijangka akan memulakan operasi pada bulan Julai 2017.
- 3.3 Untuk makluman Yang Berhormat Teratai, antara cadangan laluan yang telah dibentangkan oleh MPAJ adalah dari LRT Cempaka ke Taman Bukit Teratai sepanjang 6.2 kilometer dengan keperluan bas sebanyak 3 buah bas. Pelaksanaan laluan baru adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor berdasarkan konsep 1 *plus* 1 iaitu satu laluan akan diperuntukan oleh Kerajaan Negeri sekiranya MPAJ bersetuju membiayai kos bagi satu lagi laluan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENDIDIKAN TINGGI

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran pelajar rakyat Selangor yang menuntut di luar negara. Nyatakan jumlah mereka yang dibiayai oleh kerajaan negeri Selangor?
- b) Nyatakan peratusan pelajar yang menerima manfaat skim MES dan biasiswa pelajaran kerajaan negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelajar Selangor yang menuntut di luar negara mengikut pecahan penaja dan negara pengajian adalah seperti berikut:

| Negara | Penaja | | | JUMLAH |
|---------------|-------------------------------------|-------------------------|-----------------------|--------------|
| | Lembaga Zakat Selangor (Dermasiswa) | Bantuan Umum Pendidikan | SUK Selangor (TKWBNS) | |
| Mesir | 367 | 729 | - | 1,096 |
| Jordan | 217 | 133 | - | 350 |
| Morocco | 12 | 5 | - | 17 |
| Arab Saudi | - | - | 10 | 10 |
| Indonesia | 19 | - | - | 19 |
| JUMLAH | 615 | 867 | 10 | 1,492 |

- b) Peratusan pelajar yang menerima manfaat skim MES dan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

| Program | Jumlah Pemohon | Jumlah Penerima | Peratusan |
|---|-----------------------|------------------------|------------------|
| Hadiah Pengajian IPT | 11,726 | 6,783 | 58% |
| Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor | 5,263 | 1,552 | 29.5% |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapa ramai pemohon mengikut jenis A, B, C, D Rumah SelangorKu?
- b) Berapa peratus permintaan ini yang dapat di penuhi dan di tolak? Kenapa?
- c) Apakah KNS mempunyai perancangan untuk meneruskan pembuatan Rumah SelangorKu yang mempunyai banyak permintaan ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 28 Februari 2017 seramai 132,916 orang pemohon telah memohon Rumah Selangorku dengan pecahan pemohon mengikut jenis rumah adalah seperti berikut:

| DAERAH | JENIS RUMAH | | | |
|-------------|-------------|---------|---------|---------|
| | JENIS A | JENIS B | JENIS C | JENIS D |
| JUMLAH | 87,552 | 8,008 | 21,762 | 15,594 |
| KESELURUHAN | 132,916 | | | |

- b) Bermula dari 1 Januari 2014 sehingga 28 Februari 2017 seramai 21,510 permohonan telah ditawarkan Rumah Selangorku kepada pemohon yang layak. Daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak 65% iaitu seramai 14,002 pemohon sahaja berjaya dapat memenuhi permintaan atau ditawarkan unit manakala sebanyak 35% iaitu 7,508 pemohon telah menolak tawaran unit.

Sebab utama permohonan ini ditolak adalah kerana kegagalan pemohon memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan/bank seperti mempunyai komitmen yang tinggi, tiada wang pendahuluan atau deposit, disenarai hitam oleh pihak bank atas masalah pembayaran PTPTN, Kad Kredit dan sebagainya. Selain itu, faktor lokasi dan rekabentuk juga turut mempengaruhi kepada penolakan tawaran ini disebabkan oleh pemindahan tempat kerja pemohon, kemajuan kerja pembinaan baru bermula

atau kerja awalan dan pemohon mempunyai pelbagai pilihan projek dan jenis Rumah Selangorku yang sedang dimajukan.

- c) Oleh kerana permintaan yang tinggi daripada pemohon Rumah Selangorku maka Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar-dasar sedia ada bagi memastikan keperluan rakyat dapat dipenuhi. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mengesa kepada pemaju-pemaju untuk mempercepatkan pelaksanaan pembinaan Rumah Selangorku melalui pemantauan secara berkala oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di samping pemberian insentif oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju dalam menggalakkan pembinaan Rumah Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan bagi melaksanakan Pusat Khidmat Krisis Sehenti pada 2016?
- b) Nyatakan kejayaan pelaksanaan pusat khidmat krisis sehenti tersebut?
- c) Apakah Kerajaan Negeri masih mahu teruskan pendekatan kempen yang sama walaupun kesannya rendah?

JAWAPAN:

a), b) c) dijawab bersekali

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sentiasa prihatin dan menitik berat akan soal keselamatan dan kebajikan warga Selangor. Justeru itu, Program Pusat Khidmat Krisis Sehenti atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC) masih diteruskan pelaksanaannya dengan peruntukan sebanyak RM50,000.00 setiap tahun bagi menjayakan program ini dan peruntukan yang sama juga diberikan pada tahun 2016.

Peruntukan tersebut akan habis dibelanjakan setiap tahun bagi membiayai program-program yang berkaitan dengan OSCC anjuran Kerajaan Negeri dengan dibantu oleh agensi kerajaan yang lain seperti Pejabat-Pejabat Daerah/ Tanah dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Selangor. Kebiasaannya program-program tersebut adalah berkonsepkan advokasi dan kempen kesedaran bagi membolehkan mangsa keganasan rumahtangga (*domestic violence*) meneruskan kehidupan seperti biasa dan yang paling penting adalah dapat menjaga kehormatan mereka.

Namun demikian, pada tahun 2016, peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terpilih bagi pelaksanaan program khidmat *crisis intervention* yang dianjurkan oleh NGO-NGO itu sendiri. NGO-NGO tersebut adalah terdiri daripada *Women's Aid Organisation* (WAO) dan Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS).

Kerajaan Negeri sentiasa pro-aktif dan peka dalam melaksanakan program yang telah dilancarkan. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan pendekatan kempen yang sama. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dalam menerima cadangan dan pandangan semua pihak dalam menambahbaik terhadap program yang sedang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PERKEMBANGAN BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DI SELANGOR

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di Selangor?
- b) Adakah terdapat insentif untuk menggalakkan Anak Selangor memperkembangkan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di Selangor?
- c) Jika ada, sila kemukakan senarai polisi dan insentif berkenaan

JAWAPAN:

- a) Polisi/Dasar kerajaan untuk menggalakkan perkembangan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di Selangor adalah untuk menekankan STI sebagai satu instrumen sosio-ekonomi yang berupaya mempertingkatkan tahap ilmu pengetahuan, menjana kekayaan dan kesejahteraan rakyat melalui pelaksanaan 5 asas kukuh dasar STI secara holistik seperti berikut:
 - i. STI untuk dasar merupakan asas utama dalam memastikan agenda STI di arus perdana dan diterima pakai dan dilaksanakan oleh kementerian, agensi dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.
 - ii. Dasar untuk STI dalam menyokong asas STI di atas kemampuan dan keupayaan STI negara dari aspek infrastruktur, mandat, pengurusan, sumber manusia, peruntukan kewangan dan produktiviti dan dilakukan melalui pemberian dana dan geran, pemindahan dan penyebaran ilmu pengetahuan berkaitan STI kepada sektor awam, industri dan komuniti, mempromosikan kajian yang didorong oleh pasaran serta strategi mempromosikan STI ke arah pertumbuhan negara yang inklusif.
 - iii. Dasar komitmen industri kepada STI adalah bagi memperkukuhkan dan memantapkan kerjasama yang dinamik di antara sektor awam dan swasta, organisasi penyelidikan dan institusi penyelidikan berteraskan industri dan bertindak sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara.

- iv. Tadbir urus STI bagi merangka kerja STI sedia ada untuk mengukuhkan pelaksanaan dasar, mekanisme untuk memastikan komitmen pelbagai pihak ke atas pembangunan STI negara dan pencapaian program STI.
- v. STI untuk membentuk masyarakat yang stabil. Aman, makmur, bersatu padu dan berdaya tahan.

Berlandaskan 5 asas dasar tersebut, Dasar STI memberi fokus kepada 6 teras strategik seperti berikut:

- i. Memajukan bidang-bidang penyelidikan dan pembangunan Saintifik dan sosial, dan penkomersialan (R,D&C)
 - ii. Membangun, memupuk dan menggilap bakat
 - iii. Menggiat dan mencergaskan industri
 - iv. Mentransformasi Tadbir Urus STI
 - v. Menggalak dan memupuk kesedaran STI dan
 - vi. Mengukuhkan hubungan Strategik Antarabangsa
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan insentif melalui program-program pembangunan Latihan Kemahiran Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor yang telah bermula pada tahun 2015 sehingga kini untuk menggalakkan Anak Selangor memperkembangkan bidang (STI) melalui dengan menggunakan peruntukan di bawah pembangunan P01 (11002), Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor.

Program-program yang telah dilaksanakan melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah serta pelajar-pelajar daripada Institusi Pengajian Sektor Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Sektor Swasta (IPTS) di Negeri Selangor.

- c) Polisi berkaitan STI adalah menggunakan polisi – Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Senarai insentif STI yang berkaitan adalah seperti jadual berikut:-

| Bil. | Program Sains, Teknologi dan Inovasi di Selangor |
|-------------|--|
| 1. | Penyertaan UiTM ke Pertandingan “Tehe bridgestone world solar challenge 2015” di Adelaide, Australia 2015 |
| 2. | Program Latihan Kemahiran Science, Techonogy Engineering and Mathematics (STEM) yang telah diadakan di sekolah-sekolah Negeri Selangor |
| 3. | Program Latihan Kemahiran Science, Technology Engineering and Mathematics (STEM) melalui pembelajaran tenaga pemboleh ubah |
| 4. | Program (STEM) Robotics Lego kepada sekolah-sekolah Negeri Selangor |
| 5. | Program Rumah Hijau berkonsepkan bahan buangan dengan kerjasama UNISEL |
| 6. | Program Latihan Kemahiran ICT bagi generasi Y seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="487 993 1068 1031">i. Web Programming – HTML 5 Basic <li data-bbox="487 1035 1133 1073">ii. Web Programming – HTML 5 Advanced <li data-bbox="487 1077 805 1115">iii. Industrial Design <li data-bbox="487 1119 786 1157">iv. Video Graphics <li data-bbox="487 1161 708 1199">v. MS Office <li data-bbox="487 1203 1247 1283">vi. Developing Mobile Apps and Games with game salad |
| 7. | Program ICT Boot Camp – Perkomputeran dan Multimedia Kreatif bagi meningkatkan daya kreativiti dan inovasi pelajar-pelajar sekolah dengan kerjasama Universiti Selangor |
| 8. | Program Mobile Planetarium Angkasa, Karnival GeMs |
| 9. | Program Karnival Selangor ICT Fair |
| 10. | Program Selangor Makers Carnival (SMIC 2016) |
| 11. | Program Visual Arts Expo |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PROJEK NAIKTARAF JALAN MERU TAMBAHAN KE PUNCAK ALAM

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kerja-kerja dan jangkaan siap mengikut jadual?
- b) Bagaimanakah penilaian keselamatan awam dibuat bahawa ia adalah dipatuhi?
- c) Bagaimanakah penilaian dibuat, penyelenggaraan berjadual dilaksana mengikut status *quo* selama tempoh projek berjalan?

JAWAPAN:

- a) Status kerja di tapak sehingga 16.3.2017 ialah 89.7% (sebenar) berbanding 86.2% (jadual).
- b) Bagi memastikan penilaian keselamatan awam dibuat dan dipatuhi, Audit TMP (Pelan Pengurusan Trafik) dilaksanakan oleh JKR Selangor setiap tiga (3) bulan sekali.

Perkara yang diaudit semasa Audit TMP terbahagi kepada dua (2) item utama iaitu dokumentasi dan keadaan di tapak.

- Bagi item dokumentasi, perkara yang diaudit termasuk pelantikan *Traffic Management Officer (TMO)*, Pelan Pengurusan Trafik (TMP), laporan *Road Safety Audit Stage 4* serta laporan *Traffic Management Safety Report (TMSR)*.
 - Bagi item keadaan di tapak, perkara yang diaudit termasuk zon kawalan trafik semasa pembinaan, keratan rentas jalan, papan tanda sementara di tapak bina, penggunaan penghadang atau *barrier (concrete/plastic barrier)* yang digunakan semasa pembinaan, *delineation* di tapak iaitu penggunaan *blinker* dan *string delineator* di tapak bina, tandaan jalan dan keadaan jalan di tapak (Borang pemarkahan audit TMP seperti di Lampiran M1)
- c) Pihak kontraktor akan membuat penyelenggaraan rutin sepanjang tempoh pembinaan secara pusingan (*rotation per cycles*) iaitu setiap tiga (3) bulan dan mengikut keperluan. Kerja penyelenggaraan secara pusingan termasuk penyelenggaraan perabot jalan, penyelenggaraan jambatan, pemetung dan parit.

Kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut keperluan termasuk menyenggara jalan sediada dengan membaiki permukaan jalan dan menyenggara bahu jalan, memotong rumput di bahu jalan, cerun, longkang dan median, mengecat semula tanda jalan sekiranya pudar, membaiki kecil saluran dan kerja-kerja lanskap.

Jadual kerja penyenggaraan rutin seperti di Lampiran M2.

**BORANG SENARAI SEMAK AUDIT
PEMATUHAN PELAN PENGURUSAN TRAFIK DI TAPAK BINA BAGI PROJEK JALAN**

| | Nama Projek : Nama Kontraktor : Jumlah Kos Kontrak : Jumlah Kos (RSA 4&5) : Jumlah Kos Pengurusan Trafik : Jumlah Kos Tambahan Pengurusan Trafik : Tempoh Kontrak : Tarikh Mula : Tarikh Siap : Peg. Penguasa/ Wakil Peg. Penguasa : Tarikh Lawatan Tapak : Kemajuan Fizikal : Rancang (%) : Sebenar (%) | | | |
|----------|---|-----|--------|----------|
| Bil. | Item | Ya* | Tidak* | Catatan* |
| A | Sistem Pengurusan Trafik | | | |
| 1. | <i>Traffic Management Officer (TMO)</i> dilantik dan masih berkhidmat. (Salinan surat perlantikan dikemukakan) | | | |
| 2. | Perlantikan <i>Traffic Management Officer (TMO)</i> diluluskan oleh PP/PD. | | | |
| 3. | TMO dimasukkan dalam Carta Organisasi Kontraktor yang disahkan. | | | |
| 4. | <i>Master Plan</i> Pengurusan Trafik (TMP) telah diluluskan oleh PP/PD. | | | |
| 5. | Pelan Pengurusan Trafik (TMP) disediakan oleh TMO setiap bulan. | | | |

| | | | | |
|-------------|--|------------|---------------|-----------------|
| 6. | TMP yang disediakan oleh TMO setiap bulan disemak /diluluskan oleh PP/PD/WPP/WPD. | | | |
| Bil. | Item | Ya* | Tidak* | Catatan* |
| 7. | <p><i>Traffic Management Safety Report (TMSR) perlu disediakan setiap 3 bulan dan mengandungi:</i></p> <p>i) TMP 3 bulan terdahulu</p> <p>ii) Perancangan TMP 3 bulan akan datang.</p> <p>iii) Analisa kemalangan bagi 3 bulan terdahulu.</p> <p><i>(Setiap TMP ada tarikh serta lokasi pelaksanaan)</i></p> | | | |
| 8. | TMP bulan terkini boleh didapati di pejabat tapak. (Salinan TMP terkini) | | | |
| B | Road Safety Auditor (RSA) | | | |
| 1. | Perlantikan RSA untuk menjalankan RSA peringkat 4. | | | |
| 2. | RSA melaksanakan audit bagi <i>Stage 4 Part (1/2/3)</i> | | | |
| 3. | <p>RSA melaksanakan audit tambahan terhadap pengurusan trafik di tapak bina.</p> <p>* Tertakluk kepada kontrak</p> | | | |
| C | Laporan | | | |
| 1. | <p>Laporan TMSR terkini telah dikemukakan kepada PP/PD, BPP, UKJ & RSA.</p> <p>* Tertakluk kepada kontrak</p> | | | |
| 2. | <p><i>Laporan ulasan TMSR oleh RSA.</i></p> <p>* Tertakluk kepada kontrak</p> | | | |
| 3. | Ulasan TMSR oleh RSA dikemukakan kepada PP/PD, BPP & UKJ. | | | |

| | | | | | |
|-------------|--|------------|---------------|-----------------|-----------------|
| | * Tertakluk kepada kontrak | | | | |
| 4. | Laporan RSA <i>Stage 4</i> dikemukakan kepada PP/PD, BPP & UKJ | | | | |
| Bil. | Item | Ya* | Tidak* | Catatan* | |
| 5. | Laporan Verifikasi disediakan oleh TMO sebulan sekali. (<i>atau 2 minggu sekali seperti mana yang tertakluk di dalam kontrak</i>) | | | | |
| 6. | Laporan Verifikasi disemak dan disahkan oleh WPP/WPD/Konsultan. | | | | |
| 7. | Laporan Verifikasi dikemukakan kepada PP/PD, WPP/WPD, BPP & UTK. | | | | |
| Bil. | Item | Ya* | | Tidak* | Catatan* |
| | | I | II | | |
| D | Zon Kawalan Trafik | | | | |
| 1. | <i>Advance warning area</i> yang disediakan adalah mencukupi. | | | | |
| 2. | <i>Transition area</i> yang disediakan adalah mencukupi. | | | | |
| 3. | <i>Buffer area</i> yang disediakan adalah mencukupi. | | | | |
| 4. | <i>Termination area</i> yang disediakan adalah mencukupi. | | | | |
| E | Keratan Rentas Jalan | | | | |
| 1. | Lorong laluan yang disediakan mempunyai lebar yang mencukupi (min. 3.00m). | | | | |
| 2. | Jumlah lorong laluan (<i>lane</i>) sedia ada dikekalkan. | | | | |
| F | Papan Tanda | | | | |
| 1. | Papan tanda sementara yang disediakan adalah berkesan. | | | | |

| 2. | Papan tanda sementara jelas dan tidak kelihatan lusuh/ pudar/ kabur (dalam keadaan baik dan diselenggara). | | | | |
|----------|--|-----|----|--------|----------|
| 3. | Penggunaan papan tanda arah sementara adalah betul dan tidak mengelirukan. | | | | |
| 4. | Bahan papan tanda yang digunakan adalah mengikut spesifikasi kontrak. | | | | |
| Bil. | Item | Ya* | | Tidak* | Catatan* |
| | | I | II | | |
| G | Barrier | | | | |
| 1. | Penggunaan concrete barrier di kawasan <i>Urban & Rural</i> di lokasi berikut: | | | | |
| | i). Kawasan kerja yang mempunyai ' <i>heavy machineries</i> /' <i>rigid structure/stock pile</i> . | | | | |
| | ii). Terdapat perbezaan aras melebihi 1m antara kawasan kerja & laluan kenderaan. | | | | |
| 2. | Penggunaan plastic barrier di kawasan <i>Urban</i> secara interlock di lokasi berikut: | | | | |
| | i). Terdapat perbezaan aras kurang 1m antara kawasan kerja & laluan kenderaan. | | | | |
| | ii). Kawasan kerja dan laluan kenderaan yang searas. | | | | |
| 3. | Penggunaan plastic barrier di kawasan <i>Rural</i> seperti berikut: | | | | |
| | i). Secara interlock di lokasi yang terdapat perbezaan aras kurang 1m antara kawasan kerja dan laluan kenderaan. | | | | |
| | ii). Berjarak tidak melebihi 4m di kawasan kerja dan laluan kenderaan yang searas. | | | | |
| 4. | Susunan barrier yang teratur/ kemas. | | | | |

| | | | | | |
|------------------------------------|---|------------|-----------|---------------|-----------------|
| 5. | <i>Plastic barrier</i> dalam keadaan sempurna dan diisi air/ pasir. | | | | |
| H Delineation | | | | | |
| 1. | <i>Blinker yang</i> disediakan adalah berkesan. | | | | |
| 2. | <i>String delineator/ delineator</i> yang disediakan adalah berkesan. | | | | |
| I Jalan Sementara/Lencongan | | | | | |
| 1. | Jalan sementara diturap <i>premix</i> dan dalam keadaan baik. | | | | |
| 2. | Tandaan jalan (<i>road line marking</i>) yang disediakan adalah berkesan. | | | | |
| Bil. | Item | Ya* | | Tidak* | Catatan* |
| | | I | II | | |
| J Lain-Lain | | | | | |
| 1. | Jalan sedia ada diselenggara dengan baik. | | | | |
| 2. | <i>Flagmen</i> disediakan bagi mengawal lalulintas. | | | | |
| 3. | Keadaan tapak adalah bersih/ kemas. | | | | |
| 4. | Tahap pencahayaan mencukupi di waktu malam. | | | | |

Nota 1: * Sila tanda (✓) di ruangan 'Ya' atau 'Tidak' seperti berikut:

| Tahap Pematuhan | Klasifikasi | Markah |
|-------------------------------------|------------------------------------|--------|
| Pematuhan sepenuhnya (91%-100%) | tanda (✓) di ruangan 'Ya (I)' | 1.0 |
| Pematuhan separa (71%-90%) | tanda (✓) di ruangan 'Ya (II)' | 0.5 |
| Ketidakpatuhan sepenuhnya (0%-70%) | tanda (✓) di ruangan 'Tidak' | 0.0 |

Nota 2: Pengaudit diminta melaksanakan audit pada waktu siang dan malam.

MARKAH

| BIL | ITEM | MARKAH | % PRESTASI |
|--------------------------|----------------------------------|---------------|-------------------|
| A | Sistem Pengurusan Trafik | | |
| B | Road Safety Auditor | | |
| C | Laporan | | |
| D | Zon Kawalan Trafik | | |
| E | Keratan Rentas Jalan | | |
| F | Papan Tanda | | |
| G | Barrier | | |
| H | Delineation | | |
| I | Jalan Sementara/Lencongan | | |
| J | Lain-Lain | | |
| JUMLAH | | | |
| PERATUS PEMATUHAN | | | |

ULASAN KESELURUHAN

AHLI PASUKAN AUDIT

(1)

(2)

(3)

Tandatangan:

Nama :

Jawatan :

Cawangan :

LAMPIRAN M2

**PROJEK : MENAIKTARAF LALUAN B1 DAN B202 DARI PEKAN MERU KE PUNCAK ALAM
DAERAH KLANG, SELANGOR (JKR/SEL551/2013)**

Table for Routine Maintenance Works in Year of 2017

| ITEM | DESRPTION OF WORKS | DONE BY THE MONTH OF | | | | | | | | | | | |
|-------------|---|----------------------|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 |
| 11.1 | ROUTINE MAINTENANCE ACTIVITIES DURING CONSTRUCTION PERIOD | | | | | | | | | | | | |
| 11.1.1 | Maintenance Of The Existing Road | | | | | | | | | | | | |
| | a) To Repair Pavement Surface | | | | | | | | | | | | |
| | i. patching of potholes | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | ii. sealing of surface cracks | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | iii. reinstate edge deterioration of backfilled trenches | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | iv. repair to paving blocks | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | b) To Maintain Road Shoulder | | | | | | | | | | | | |
| | i. Regrading and clearing of vegetation | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | ii. Topping up with suitable filling material | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | iii. Filling irregularities in unsealed shoulders | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | iv. Filling pavement/shoulder level differences | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| 11.1.2 | Grass Cutting | | | | | | | | | | | | |
| | a) Road shoulder | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | b) Slope area | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | c) Berm drain, interceptor drain and all other types of drain on slopes | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | d) Median | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| 11.1.3 | Road Furnitures | | | | | | | | | | | | |
| | a) Cleaning works (4 cycles/year) | | | | | | | | | | | | |
| | i. Cleaning of guardrails and barriers | | | i | | | i | | | i | | | i |
| | ii. Cleaning of signages and posts | | | i | | | i | | | i | | | i |
| | iii. Cleaning of kilometer postand delineator post | | | i | | | i | | | i | | | i |
| | iv. Cleaning of traffic signal aspects | | | i | | | i | | | i | | | i |

| | | | | | | | | | | | | | | |
|--------|---|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|
| | iv. Reseat mis-seated covers | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | v. Repair to damaged covers | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| 11.1.7 | Landscaping | | | | | | | | | | | | | |
| | a) Litter collection and disposal shall be carried out as and when required | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | b) Removal and disposal of loose material and debris as and when required | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |
| | c) Removal and disposal of carcass as and when required | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii | ii |

LEGEND

| | |
|----|---------------------|
| i | Rotation per cycles |
| ii | If necessary |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN *RETIREMENT HOME* BAGI WARGA EMAS

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk membina *Retirement Home* untuk membantu warga emas yang semakin meningkat bilangannya ?
- b) Apakah PKNS bercadang untuk membangunkan *Retirement Home* untuk golongan ini ?
- c) Berapakah jumlah peruntukan dianggarkan bagi membangunkan *Retirement Home* ?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan unjuran statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan golongan berumur 55 tahun akan meningkat kepada 20% dari jumlah populasi penduduk kawasan Lembah Klang menjelang tahun 2020.

Peningkatan jumlah golongan ini juga bermakna kemudahan sokongan untuk menampung keperluan kehidupan golongan ini juga perlu ditambah terutama yang melibatkan 'healthcare' dan 'aged care'.

Malaysia juga menjadi destinasi tumpuan golongan pesara dari negara luar atas faktor iklim yang sederhana, kadar tukaran matawang yang rendah, kemudahan penjagaan kesihatan yang baik serta kos sara hidup yang rendah.

The Green Leaf (Sepang), Aragreens Residence (Ara Damansara) dan Green Acres (Ipoh) adalah antara 'Top 3 Retirement Homes' yang terdapat di Malaysia. 'Little Japan' adalah antara 'Retirement Homes' terkini yang akan dibangunkan di Taman Molek, Johor.

'Retirement Homes' telah menjadi satu trend gaya hidup terutama untuk golongan warga emas di dalam dan luar negara justeru itu, PKNS juga bercadang untuk turut serta dalam pembangunan 'Retirement Village' bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkasa kehidupan golongan warga emas.

- b) Sehubungan itu, PKNS melalui kerjasama sebuah syarikat swasta sedang memperinci perancangan pembangunan sebuah 'Retirement Village' yang akan dibina di salah satu pusat pertumbuhan PKNS di Bernam Jaya. Berbanding 'Retirement Village' lain yang tertumpu kepada golongan berpendapatan tinggi, pembangunan 'Bernam Jaya Retirement Village' pula disasarkan kepada golongan berpendapatan sederhana dan sederhana tinggi.

'Bernam Jaya Retirement Village' akan dibangunkan di atas tanah berkeluasan 40 ekar dengan pembangunan keseluruhan melibatkan sejumlah 400 unit kediaman untuk golongan warga emas lengkap dengan kemudahan 'Aged Care' dan kemudahan sokongan lain yang mesra warga emas. Pembangunan yang dibahagikan kepada tiga (3) fasa itu dijangka akan dapat disempurnakan dalam tempoh lima (5) tahun.

- c) Anggaran awal pembangunan 'Bernam Jaya Retirement Village' ini adalah di antara RM25 juta hingga RM30 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPA)

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini PIPA?
- b) Sejauh manakah PIPA mampu menyelesaikan kesesakan lalulintas di Lembah Klang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 29/2016 yang diadakan pada 1 September 2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 30/2016 pada 7 September 2016 telah menimbang dan bersetuju untuk menerima Laporan Akhir Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor sebagai *Blue Print* Pengangkutan Awam Negeri Selangor dalam merancang dan meningkatkan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor.
- b) Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) adalah satu dokumen asas ke arah mewujudkan perancangan pengangkutan awam yang komprehensif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor. Ia juga merupakan dokumen yang komprehensif dan lengkap untuk dijadikan panduan dan hujahan ke atas pendirian Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian iaitu 60:40 dan akan memberi lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat membantu merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.

Kajian ini antara lain telah memperlihatkan perkhidmatan rel sebagai alternatif utama pengangkutan awam Negeri Selangor berdasarkan faktor kesediaan laluan-laluan rel tersebut yang meliputi kawasan Lembah Klang dan beberapa laluan baru yang telah dipersetujui dibina di Negeri Selangor.

Kajian juga turut mencadangkan supaya perkhidmatan rel sedia ada dioptimumkan dengan cadangan jajaran baru rel bagi menghubungkan *missing link* di lokasi yang mempunyai keperluan dan permintaan yang tinggi terhadap pengangkutan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : LEBUH RAYA PANTAI BARAT (WCE)

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan perkembangan terkini kerja-kerja pembinaan WCE.
- b) Sila nyatakan butiran terkini jajaran WCE yang masih belum dimuktamadkan.
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah kacau ganggu terhadap rutin harian penduduk setempat.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 30/2005 yang diadakan pada 30 November 2005 secara dasarnya telah menimbang dan bersetuju dengan pembinaan lebuh raya *West Coast Expressway* (WCE). Secara umumnya, setakat bulan Februari 2017, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuh raya yang terlibat di negeri Selangor adalah sebanyak 30.19%.

Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan secara berperingkat bagi pembinaan WCE dan perkembangan terkini kerja-kerja pembinaan adalah seperti berikut:

| SEKSYEN | KAWASAN | KETERANGAN KERJA | PERATUS |
|---------|--|--|---------|
| 1 | Banting – South Klang Valley Expressway (SKVE) | Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan | 2.54% |
| 2 | SKVE – KESAS | Kerja-kerja pembinaan belum bermula. Masih menunggu proses pengambilan tanah | 0% |
| 3 | KESAS – NKVE/FRH2 | Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan | 7.18% |
| 4 | NKVE/FRH2 – New North Klang Straits | Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan | 62.92% |

| SEKSYEN | KAWASAN | KETERANGAN KERJA | PERATUS |
|---------|--|--|---------|
| | Bypass (NNKSB) | | |
| 5 | New North Klang Straits Bypass (NNKSB) - Kapar | Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan | 39.13% |
| 6 | Kapar – Assam Jawa | Kerja-kerja pembinaan baru bermula | 1.13% |
| 7 | Assam Jawa – Tanjung Karang | Dalam proses reka bentuk dan pengambilan tanah. Kerja pembinaan belum dimulakan. | 0% |

- b) Jajaran WCE yang masih belum dimuktamadkan adalah di Seksyen 7 iaitu Assam Jawa – Tanjung Karang di mana jajaran tersebut masih dalam proses untuk dimuktamadkan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- c) Bagi mengelakkan kacau ganggu terhadap rutin harian penduduk setempat, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pemaju supaya melaksanakan tindakan tertentu. Tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh pemaju dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) adalah seperti berikut :
1. Pelaksanaan projek lebuhraya adalah berpandukan kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Keselamatan Projek (PSP), Pelan Kualiti Projek (PQP) dan Best Management Practise (BMP). Kesemua pelan ini telah dikaji dengan mengambil kira impak terhadap persekitaran termasuk sosio ekonomi penduduk setempat;
 2. Pelan Pengurusan Trafik (TMP) dilaksanakan bagi mengawal kesan kepada aliran trafik di kawasan jalanraya yang terlibat. Pelan tersebut disediakan oleh juru perunding profesional dengan kerjasama Juru Perunding Trafik. Pelan tersebut seterusnya akan disemak oleh Juru Audit Keselamatan Jalanraya dan disahkan oleh Jurutera Perunding Bebas sebelum dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk kelulusan;

3. Penghadang dipasang di sepanjang kawasan pembinaan yang melibatkan jalan sedia ada untuk tujuan keselamatan kepada orang ramai; dan
4. Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Juru Perunding Bebas terhadap kesan bunyi bising, kualiti udara dan kualiti air yang dijalankan setiap bulan bagi mengawasi kesan kerja pembinaan kepada alam sekitar. Laporan pemantauan akan dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar. Tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya kesan tersebut melebihi tahap yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MENAIK TARAF KEDAI PLB DI BAGAN TERAP

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kos keseluruhan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf untuk dijadikan sebagai pilot Kedai *Smart* Selangorku?

JAWAPAN:

- a) Kerja Pembangunan Menaik Taraf Kedai PLB Pekan Bagan Terap

1. Kerja Pembaikan Jangka Pendek

- 1.1 Melaksanakan kerja-kerja pembaikan di Blok A melibatkan kerja penggantian bumbung dan pendawaian elektrik serta kerja-kerja yang berkaitan pada Dis 2014 dengan jumlah RM133,540.00
- 1.2 Melaksanakan kerja-kerja pembaikan di Blok B melibatkan kerja penggantian bumbung dan pendawaian elektrik serta kerja-kerja yang berkaitan dan siap pada Dis 2014 dengan jumlah RM108,190.40

Kerja Jangka Panjang

Jabatan Perancang dan Pembangunan merancang untuk membina Kedai Smart Selangor dan kemudahan-kemudahan lain di kawasan tanah MD Sabak Bernam melibatkan anggaran kos RM10 juta dan dilaksanakan mengikut fasa. Fasa Pertama dianggarkan RM2 Juta dan bakinya RM8 Juta untuk pembangunan Fasa Kedua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan dalam pemeliharaan hutan simpanan yang terlibat dalam Projek Infrastruktur Persekutuan?
- b) Apakah perancangan Kerajaan dalam pemeliharaan lembaran sungai supaya pembekalan sumber air tidak tercemar?
- c) Apakah status dan rancangan Kerajaan dalam usaha mengurangkan emisi Karbon atau Jejak Karbon?

JAWAPAN:

- a) Dasar Kerajaan Negeri Selangor berkenaan penggunaan Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi Projek Infrastruktur Persekutuan adalah seperti berikut :
 - i) Kawasan HSK yang terlibat merupakan pilihan cadangan terakhir;
 - ii) Projek tersebut mempunyai kepentingan nasional yang akan memberi kemudahan kepada rakyat dan masyarakat setempat;
 - iii) Pihak pemohon telah melaksanakan beberapa kajian yang berkaitan dan telah mendapat kelulusan seperti Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Detail Environment Impact Assessment* (DEIA), Pelan Hidupan Liar dan kajian-kajian lain yang berkaitan;
 - iv) Mendapat ulasan dan sokongan daripada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi teknikal yang berkaitan;
 - v) Proses Penyiasatan Awam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyiasatan Awam;
 - vi) Laporan Penuh Jawatankuasa Penyiasatan Awam akan disediakan dan diangkat bersama Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN);
 - vii) Sekiranya diluluskan, proses pewartaan pemansuhan dan penggantian HSK akan dijalankan serentak dengan keluasan yang sama atau lebih besar; dan
 - viii) Selain itu, gantirugi pokok dengan gandaan tiga (3) juga akan dikenakan bagi kawasan yang terlibat.

- b) Perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan lembangan sungai terpelihara bagi kelangsungai bekalan air dilaksanakan dalam pelbagai kaedah secara holistik dan bersepadu iaitu seperti berikut:
- i) LUAS sedang di dalam pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor (2015 - 2020) bersama-sama agensi lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Pelan ini dilaksanakan melalui 4 Polisi iaitu Polisi 1: Sumber Air Mencukupi, Polisi 2: Sumber Air Bersih, Polisi 3: Perlindungan daripada Banjir dan Polisi 4: Pemuliharaan Kelip-Kelip dan Ekosistem. Bengkel pengemaskinian status pelaksanaan Pelan tersebut telah diadakan pada 17 Januari 2017. Pendekatan ini juga digunapakai bagi pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Langat (2015-2020) dan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Klang (2016-2021);
 - ii) LUAS akan menyediakan terma rujukan bagi penyediaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bernam pada tahun 2018 dengan kerjasama Negeri Perak. Bengkel Pengurusan Lembangan Sungai Bernam telah diadakan pada 20 dan 21 Disember 2016 bagi mendapatkan cadangan terma rujukan yang sesuai dan tepat daripada agensi dari kedua-dua negeri;
 - iii) LUAS juga dalam peringkat pemasangan stesen telemetri bagi kuantiti dan kualiti air bermula dengan Lembangan Sungai Selangor dan akan diikuti dengan Lembangan Sungai Langat pada tahun ini; dan
 - iv) LUAS juga sentiasa memantau aktiviti-aktiviti yang berpotensi untuk mencemarkan sumber air terutamanya di kawasan rizab sungai. Pengemaskinian maklumat lengkap inventori akan dijalankan bagi tujuan tindakan penguatkuasaan bersepadu.
- c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor telah di luluskan pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015. Melalui Pelan Tindakan ini, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan semua PBT Negeri Selangor sebagai perbandaran hijau dan seterusnya mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030. Pelaksanaan perbandaran hijau di Negeri Selangor akan menerima pakai Kerangka Bandar Rendah Karbon atau *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* (LCCF).

Enam (6) buah PBT yang dicadangkan untuk menjadi perintis Bandar Rendah Karbon adalah seperti berikut :

- i) Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- ii) Majlis Bandaraya Shah Alam
- iii) Majlis Perbandaran Subang Jaya
- iv) Majlis Perbandaran Sepang
- v) Majlis Perbandaran Klang
- vi) Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Seterusnya, 12 buah PBT akan menerima pakai LCCF menjelang tahun 2020; dan 4 buah bandar akan diiktiraf di peringkat Antarabangsa sebagai Bandar Hijau (Green Cities) menjelang tahun 2030. Disamping itu juga, Kerajaan Negeri giat melaksanakan lagi 7 elemen di dalam Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor yang fokus kepada pengurangan penggunaan tenaga, air dan sisa serta emisi karbon. Antara tindakan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i) Perolehan Hijau Kerajaan;
- ii) Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
- iii) Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
- iv) Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' Di PBT;
- v) Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
- vi) Bangunan Cepak Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
- vii) Program Penghijauan Taman Industri.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT Negeri Selangor turut mengadakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai amalan-amalan hijau yang boleh dilaksanakan di dalam kehidupan seharian seperti amalan jimat tenaga, kitar semula, penggunaan laluan basikal dan laluan pejalan kaki, kompos, dan kebun komuniti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMERIKSAAN MAMMOGRAM

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan menurut DUN jumlah wanita yang menjalani pemeriksaan mammogram pada tahun 2016.
- b) Berapakah yang telah dibelanjakan bagi tujuan di atas?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki prestasi ini?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali

Kerajaan Negeri amat komited dalam soal kesihatan rakyat Selangor terutama sekali kesihatan wanita. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah melaksanakan Skim Kesihatan Wanita (SKW) – Mammogram Selangor (MammoSel) bermula pada tahun 2010 sehingga kini. Seramai 30,465 orang wanita berumur 35 tahun ke atas telah menerima manfaat tersebut. Berikut adalah jumlah penerima manfaat Skim Kesihatan Wanita (SKW) pada tahun 2016 mengikut Dewan Negeri (DUN) Selangor :-

| Bil | DUN | | Jumlah Penerima Manfaat (orang) |
|------------|------------|-------------------|--|
| 1 | N01 | Sungai Ayer Tawar | 22 |
| 2 | N02 | Sabak | 106 |
| 3 | N03 | Sungai Panjang | 341 |
| 4 | N04 | Sekinchan | 35 |
| 5 | N05 | Hulu Bernam | 65 |
| 6 | N06 | Kuala Kubu Bahru | 40 |
| 7 | N07 | Batang Kali | 193 |

| Bil | DUN | | Jumlah Penerima Manfaat (orang) |
|------------|------------|--------------------|--|
| 8 | N08 | Sungai Burong | 105 |
| 9 | N09 | Permatang | 134 |
| 10 | N10 | Bukit Melawati | 31 |
| 11 | N11 | Ijok | 159 |
| 12 | N12 | Jeram | 41 |
| 13 | N13 | Kuang | 139 |
| 14 | N14 | Rawang | 222 |
| 15 | N15 | Taman Templer | 202 |
| 16 | N16 | Batu Caves | 88 |
| 17 | N17 | Gombak Setia | 188 |
| 18 | N18 | Hulu Kelang | 82 |
| 19 | N19 | Bukit Antarabangsa | 114 |
| 20 | N20 | Lembah Jaya | 71 |
| 21 | N21 | Cempaka | 144 |
| 22 | N22 | Teratai | 22 |
| 23 | N23 | Dusun Tua | 68 |
| 24 | N24 | Semenyih | 43 |
| 25 | N25 | Kajang | 264 |
| 26 | N26 | Bangi | 254 |
| 27 | N27 | Balakong | 170 |
| 28 | N28 | Sri Kembangan | 134 |
| 29 | N29 | Sri Serdang | 180 |
| 30 | N30 | Kinrara | 226 |
| 31 | N31 | Subang Jaya | 65 |
| 32 | N32 | Seri Setia | 133 |
| 33 | N33 | Taman Medan | 303 |
| 34 | N34 | Bukit Gasing | 253 |
| 35 | N35 | Kampung Tunku | 161 |
| 36 | N36 | Damansara Utama | 162 |

| Bil | DUN | | Jumlah Penerima Manfaat (orang) |
|------------|-----------------------------------|-----------------|--|
| 37 | N37 | Bukit Lanjan | 62 |
| 38 | N38 | Paya Jaras | 167 |
| 39 | N39 | Kota Damansara | 224 |
| 40 | N40 | Kota Anggerik | 568 |
| 41 | N41 | Batu Tiga | 508 |
| 42 | N42 | Meru | 301 |
| 43 | N43 | Sementa | 149 |
| 44 | N44 | Sungai Pinang | 231 |
| 45 | N45 | Selat Klang | 78 |
| 46 | N46 | Pelabuhan Klang | 358 |
| 47 | N47 | Pandamaran | 332 |
| 48 | N48 | Kota Alam Shah | 67 |
| 49 | N49 | Seri Andalas | 22 |
| 50 | N50 | Sri Muda | 263 |
| 51 | N51 | Sijangkang | 208 |
| 52 | N52 | Teluk Datuk | 96 |
| 53 | N53 | Morib | 111 |
| 54 | N54 | Tanjong Sepat | 160 |
| 55 | N55 | Dengkil | 211 |
| 56 | N56 | Sungai Pelek | 197 |
| 57 | Kakitangan Kerajaan | | 57 |
| | Jumlah Keseluruhan (orang) | | 9,330 |

Jumlah keseluruhan penerima manfaat melalui SKW pada tahun 2016 adalah seramai 9,330 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM1,462,707.30. Tahun 2016, adalah merupakan tahun dimana menerima penyertaan teramai jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini merupakan satu kejayaan yang amat besar dalam sejarah SKW semenjak program ini dilancarkan.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa program yang telah dirancang berjaya dalam pelaksanaannya. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah diadakan bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan yang diberikan. Antaranya pelaksanaan kempen dan promosi yang berterusan yang dilaksanakan dengan kerjasama dari Pusat Khidmat DUN dan para penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN seluruh Selangor. Penambahbaikan Skim Program dengan meningkatkan jumlah bilangan hospital sebagai pengendali perkhidmatan mammogram juga turut menyumbang kepada peningkatan prestasi perkhidmatan. Selain itu, sokongan padu dari seluruh wakil rakyat juga secara tidak langsung membantu dalam peningkatan perkhidmatan program SKW ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM - BRT KUALA LUMPUR - KLANG

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini cadangan BRT Kuala Lumpur – Klang sepanjang Lebuhraya Persekutuan di mana salah satu stesen akan didirikan sekitar Icon City (SS 9) atau tapak Kontena Nasional (juga cadangan hospital awam baru) di kawasan SS 10, Petaling Jaya?

JAWAPAN:

a)

1) Status pembinaan projek BRT di Lebuhraya Persekutuan

- a) Projek *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur – Klang merupakan salah satu projek pengangkutan awam darat di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang bermatlamat untuk memastikan perkhidmatan bas yang sistematik, cekap dan terurus di laluan-laluan utama ke pusat bandar Kuala Lumpur di sepanjang lima (5) kawasan penempatan berkepadatan tinggi dan mempunyai pergerakan trafik tertinggi ke Pusat bandar Kuala Lumpur di dalam kawasan Lembah Klang iaitu kawasan Klang, Shah Alam, Petaling Jaya dan Pusat Bandar Kuala Lumpur.
- b) Laluan BRT KL-Klang ini adalah sepanjang 34.3 kilometer yang melalui tiga (3) laluan utama iaitu Jalan Tun Sambathan, Jalan Syed Putra dan Jalan Persekutuan 2 (*Federal Highway*) dan melalui lima (5) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di mana empat daripadanya adalah kawasan PBT Negeri Selangor iaitu Majlis Perbandaran Klang, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- c) Cadangan pembinaan BRT KL- Klang pada awalnya akan bermula pada November 2014 sehingga Disember 2016 dan mempunyai dua (2) fasa pembinaan iaitu Fasa Pertama bermula dari November 2014 – April 2016 iaitu dari Kuala Lumpur (Pasar Seni) ke Subang Jaya (sebelum Tol Batu Tiga) dan Fasa Kedua bermula pada bulan Jun 2015 – Disember 2016 iaitu

dari Subang Jaya (sebelum Tol Batu Tiga) ke Klang (Bandar Klang). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek ini ditangguhkan sehingga tahun 2017 atas sebab kekangan peruntukan.

- d) Pada tahun ini, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telahpun mengeluarkan iklan tender bagi pelaksanaan projek BRT pada 17 Januari 2017 dan akan ditutup pada 2 Mei 2017.

2) Kelulusan-kelulusan Yang Dipohon dan Telah Diberikan

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek BRT telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 14/2014 yang diadakan pada 23 April 2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 15/2014 pada 30 April 2014 telah menimbang dan meluluskan secara dasar cadangan pelaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) Laluan Kuala Lumpur – Klang bagi meningkatkan pengangkutan awam di Kawasan Lembah Klang.
- b) Selain daripada itu, mesyuarat jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan bagi membincangkan secara terperinci keperluan dan syarat pematuhan peraturan PBT ke atas pemaju projek telah diadakan sebanyak lima (5) kali. Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat juga telah memberikan senarai-senarai permintaan "*wishlist*" yang perlu dipertimbangkan oleh pemaju projek sebagai persetujuan bersama bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar mengikut peraturan dan akta-akta yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENCAPAIAN PENYELESAIAN SETINGGAN DI NEGERI SELANGOR

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kes penyelesaian setinggan yang berjaya dilakukan sejak 2008.
- b) Berapakah kes yang masih belum berjaya di selesaikan dan kenapa?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri membantu dalam isu penyelesaian setinggan termasuk kos ukur semula?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, kes penyelesaian peneroka bandar atau setinggan yang **berjaya** dilakukan sejak 2008 sehingga kini adalah sejumlah 747 keluarga melalui pemberimilikan tanah. Kawasan kes penyelesaian peneroka bandar terlibat adalah seperti berikut:

| Bil. | Kawasan Penempatan | PBT | Jumlah Keluarga |
|---------------|---------------------------|------------|------------------------|
| 1. | Kg Sg Sireh | MPK | 79 |
| 2. | Tanah Mardi | | 137 |
| 3. | Kg Jawa Estate | MDKS | 66 |
| 4. | Kg Pecah Batu / Kg Permai | | 78 |
| 5. | Kg Baru Lembah Pantai | | 33 |
| 6. | Kg Seri Makmur | | 60 |
| 7. | Jaya Setia | | 44 |
| 8. | Kg Seri Aman | | 78 |
| 9. | Kg Sri Sentosa | | 172 |
| Jumlah | | | 747 |

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penempatan setinggan (Peneroka Bandar) yang masih ada di Selangor melibatkan 9 daerah adalah berjumlah 2,542 keluarga daripada 3,289 keluarga seperti **di Lampiran 1**.

Dasar Kerajaan Negeri bagi kes yang masih belum berjaya diselesaikan adalah melalui cara yang lebih berhemah dan mengambilkira pandangan semua pihak termasuk Peneroka Bandar yang akan dipindahkan. Kerajaan Negeri akan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Peneroka Bandar berkenaan sebelum diputuskan sama ada perobohan akan dijalankan atau dikekalkan di atas tapak. Kerajaan Negeri juga amat menitikberatkan kebajikan dan kemampuan kewangan Peneroka Bandar sebelum dipindahkan ke penempatan baru. Untuk itu, Kerajaan Negeri masih mengekalkan dasar bagi penempatan Peneroka Bandar baru akan dirobohkan manakala penempatan Peneroka Bandar sedia ada atau yang membawa kes ke mahkamah akan dipertimbangkan mengikut keperluan semasa. Kerajaan Negeri akan memastikan setiap operasi perobohan yang akan diadakan tidak memberi pandangan negatif kepada Peneroka Bandar dan orang awam. Selain itu, program penawaran Rumah Selangorku juga ditawarkan kepada Peneroka Bandar yang layak memohon untuk memiliki rumah.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, tiada kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sehingga 2015 untuk penyelesaian setinggan.

LAMPIRAN 1

KAWASAN PENEMPATAN PENEROKA BANDAR

| BIL. | KAWASAN PENEMPATAN | PBT | JUMLAH KELUARGA |
|-------------|--|------------|------------------------|
| 1 | Kg. Dagang Jati | MPK | 136 |
| 2 | Setinggalan Jalan Tengku Badar | | 74 |
| 3 | Kg Lanchung Jaya Sek 28 | MBSA | 25 |
| 4 | U 11 | | 1 |
| 5 | Kg. Bunga Raya, Kuang (Setinggalan KTMB) | MPS | 180 |
| 6 | Taman Melati | | 24 |
| 7 | Kg. Seri Makmur | | 80 |
| 8 | Kg. Seri Temenggong | | 29 |
| 9 | Batu 8-12, Gombak (Orang Asli) | | 646 |
| 10 | Taman Perwira | | 4 |
| 11 | Kg. Bukit Lanchong | MPSJ | 141 |
| 12 | Kg. Sri Tanjung | MPSp | 35 |
| 13 | Kg. Sg. Buah | | 1 |
| 14 | Kg Sg Merab | | 28 |
| 15 | Kg. Sg Rasau | | 2 |
| 16 | Kg Sungai Semenyih | | 5 |
| 17 | Kg. Dato; Harun, Serendah | MDHS | 12 |
| 18 | Taman Tasik Tambahan | MPAJ | 3 |
| 19 | Tasik Permai, Jalan Permai A | | 3 |
| 20 | Setinggalan Pandan Jaya | | 193 |
| 21 | Rezab TNB, Taman Nirwana | | 8 |
| 22 | No. 395, Jalan Hilir 4, Taman Ampang hilir | | 1 |
| 23 | Batu 7 ½ Hulu Kelang | | 21 |
| 24 | Jalan Bunga Tanjung Kg Kemensah , Hulu Klang | | 1 |
| 25 | Kg Kemensah | | 32 |
| 26 | Kg Seri Melor | | 8 |
| 27 | Kg. Fajar | | 79 |
| 28 | Kg. Perdik (Orang Asli) | MPKj | 65 |
| 29 | Kg. Sungai Lui | | 16 |
| 30 | Kg. Tanjung | | 23 |
| 31 | Kg. Lubuk Kelubi | | 36 |
| 32 | Kg. Paya Batu 23 | | 7 |
| 33 | Kg. Padang | | 25 |
| 34 | Kg. Masjid Bangi | MDKL | 43 |
| 35 | Kg. Jaya Sepakat | | 4 |
| 36 | Kg. Serdang Belah | | 18 |
| 37 | Kg Seri Cheding | | 3 |
| 38 | Kg Teluk Datuk | | 19 |
| 39 | Kg. Sg. Nangka | | 41 |
| 40 | Kg Sg. Manggis | | 16 |

| | | | |
|---------------|--|------|--------------|
| 41 | Kg Fatimah | MDKL | 45 |
| 42 | Jalan Raba Batu 6 | | 1 |
| 43 | Kg. Jln Segenting | | 2 |
| 44 | Kg. Jln Rantau Panjang | | 21 |
| 45 | Kg Jeti Kelanang | | 2 |
| 46 | Kg. Tongkah | | 18 |
| 47 | Jalan Serdang Belak | | 2 |
| 48 | Kg Jalan Bandar Lama | | 16 |
| 49 | Kg Kelanang | | 5 |
| 50 | Simpang Morib, Taman Damai | | 1 |
| 51 | Kg Sungai Raba | | 1 |
| 52 | Kg. Tg. Sepat | | 6 |
| 53 | Kg Tumbuk | | 3 |
| 54 | Bersebelahan Taman Tg. Karang (Sg. Tenggi) | MDKS | 6 |
| 55 | Jalan Bagan Pasir berhampiran Tmn Radin Mas, Tg karang | | 3 |
| 56 | Bersebelahan Kg. Tok Adam | | 1 |
| 57 | Belakang Maybank Tg. Karang | | 2 |
| 58 | Jalan 3, Bunga Teratai | | 2 |
| 59 | Persiaran UKM melalui Jln Sg Kajang Lama | | 1 |
| 60 | Kunci Air Sg Kajang | | 2 |
| 61 | Jalan Masuk Ke Kg. Bagan Tengkorak | | 3 |
| 62 | Jalan Puding, Kg Kilat | | 4 |
| 63 | Jalan Bagan Tengkorak | | 3 |
| 64 | Parit 1, Sg Sireh | | 6 |
| 65 | Parit 3, Pantai | | 4 |
| 66 | Parit 4, Sg Burong | | 1 |
| 67 | Sepanjang Jln Ban Canal menghala Sg. Burong | | 2 |
| 68 | Rancangan Tanah Revolusi Hijau | | 6 |
| 69 | Jln Kg Tengah berhampiran dgn simpang Asam Jawa | | 6 |
| 70 | Jalan Datuk Hj Harun belakang Taman Impian Sg. Buloh | | 30 |
| 71 | Jalan Lee Tiam beng, Taman Belida | | 16 |
| 72 | Jalan Bukit Panjang, Tmn Mesra Jeram | | 26 |
| 73 | Kg Keretapi Bukit Badong | | 64 |
| 74 | Kg Merbau Indah | | 34 |
| 75 | Kg Teluk Piah | | 7 |
| 76 | Jalan Jawa Selangor Estate | | 62 |
| 77 | Sepanjang Jalan Belakang Tmn Sentosa hingga Taman Pancaran | | 23 |
| 78 | Jalan Bukit Belimbing | | 4 |
| 79 | Jln Raja Musa berhampiran simpang Taman Manickavasagam | | 13 |
| JUMLAH | | | 2,542 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian PWB dari 2015-kini?
- b) Apakah elemen dan syarat pemberdayaan menjadi satu syarat untuk setiap program PWB? Jika ya, apakah kayu ukur/KPI yang diguna pakai?
- c) Berapakah perincian program yang diterima dan ditolak oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor disebabkan isu (b) setiap DUN?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : RANCANGAN PEMBESARAN KAMPUNG JENDERAM HILIR, TAMAN
JENDERAM MURNI (FASA 2)**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan Fasa 2 projek ini?
- b) Apakah bentuk penyelesaian terhadap permasalahan “kawasan rayau” Orang Asli di kawasan tersebut?
- c) Bilakah dijangka permasalahan ini akan dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

Latar Belakang

Kampung Jenderam Hilir ini merupakan tanah kerajaan (Rizab Melayu) yang dahulunya telah ditetapkan sebagai kawasan Rancangan Pembesaran Kampung Jenderam Hilir bagi maksud kediaman. Ianya dibuka untuk permohonan bagi pemberimilikan tanah kerajaan kepada penduduk kampung pada lingkungan tahun 1990-an dengan keluasan lebih kurang ¼ ekar berdasarkan Pelan Pertapakan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor. Walau bagaimanapun tanah ini diberimilik kepada Syarikat Benih Unggul Sdn. Bhd melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil 19/99 pada 23 Jun 1999 dengan syarat pihak syarikat membuat perjanjian dengan 200 orang peserta yang diperakukan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah untuk diberikan rumah teres (1) tingkat berukuran 20'x65' secara percuma sebagai ganti tanah lot seluas ¼ ekar yang sepatutnya diberimilik kepada mereka.

Pada tahun 2008, berlaku pula isu pendudukan tanah Orang Asli di mana Seksyen Makro dan Penswastaan telah mengemukakan satu (1) Kertas EXCO - MTES pada 30 Januari 2008 yang telah diluluskan Pihak Berkuasa Negeri pada ketika itu agar:

- i. Projek Pembesaran Kampung Jenderam Hilir, Mukim Dengkil, Sepang ini dilaksanakan segera oleh Syarikat Benih Unggul Sdn. Bhd dalam dua (2) fasa iaitu:
 - a) **Fasa Pertama** melibatkan tanah seluas kira - kira 35 ekar yang perlu dilaksanakan segera merangkumi pembinaan 83 unit rumah dengan

keluasan 20'x65' untuk diserahkan kepada penduduk mengikut keutamaan dengan persetujuan JKKK dan Pejabat Tanah Sepang.

- b) **Fasa Kedua** pula yang melibatkan tanah seluas kira - kira 45 ekar bergantung kepada rundingan di antara pemaju dan orang asli dimana selepas selesai rundingan ini, baki 117 unit rumah dengan keluasan yang sama akan dibina dalam Fasa Kedua.

Apabila pemilik tanah, Tetuan Syarikat Benih Unggul Sdn. Bhd dan Pemajunya iaitu Tetuan Sastama Sdn. Bhd hampir selesai melaksanakan Projek Perumahan Fasa Pertama, Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah menubuhkan satu (1) panel temuduga pada bulan Jun 2015 yang dianggotai oleh Penolong - Penolong Pentadbir Tanah, Penyelaras DUN Dengkil dan Pengerusi JKKK Kampung Jenderam Hilir untuk memberi keutamaan kepada 83 orang pemohon yang benar - benar berkeelayakan dan memerlukan rumah terlebih dahulu untuk Fasa 1 bagi diperakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Senarai nama pemohon yang dipanggil untuk temuduga adalah berdasarkan senarai nama yang diperakukan oleh MMKN Bil 19/99 pada 23 Jun 1999 yang mempunyai alamat lengkap dan boleh dihubungi berjumlah 138 orang.

Pejabat Daerah/ Tanah Sepang seterusnya telah mengangkat Kertas Ringkasan bagi Pengesahan Nama - Nama Terpilih sebagai Peserta Rancangan Pembesaran Kampung bagi Kampung Jenderam Hilir, Mukim Dengkil, Daerah Sepang untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dan telah diluluskan MMKN Bil.24/2016 pada 27 Julai 2016 bagi penerimaan rumah percuma berukuran 20'x65' dengan tambahan: Majlis Penyerahan Kunci Rumah Percuma akan disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor.

Penentuan 83 plot rumah pula telah diadakan oleh Syarikat Benih Unggul Sdn. Bhd. pada 13 - 14 September 2016 di Pejabat Pengurusan, Taman Warisan Putra, Jenderam Hilir melalui cabutan undian dengan kehadiran wakil daripada Pejabat Daerah/ Tanah Sepang sebagai Pemerhati. Majlis Penyerahan Kunci Rumah Percuma kepada 83 orang tersebut seterusnya telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor pada 28 Oktober 2016 (Jumaat) jam 10.30 pagi di perkarangan Taman Jenderam Murni, Mukim Dengkil Daerah Sepang.

- a) Status terkini Fasa 2 masih belum dimulakan kerana melibatkan rundingan bersama Pemaju dan Orang Asli, walau bagaimanapun satu (1) penyelarasan akan diadakan bersama Pemaju dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah/ Negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan untuk mencari jalan penyelesaian.
- b) Surat daripada Benih Unggul Sdn. Bhd. sebagai pemilik tanah bertarikh 18 Mac 2016 kepada PTD Sepang menyatakan telah mencadangkan penyelesaian dalam bentuk pampasan kepada penempatan masyarakat Orang Asli yang mendiami

baki tanah seluas 45 ekar untuk Projek Pembesaran Kampung Jenderam Hilir, Mukim Dengkil, Daerah Sepang seperti berikut:

- i) Sebuah rumah semi-D bagi setiap ketua keluarga yang senarainya disahkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
- ii) Wang Tunai RM50,000.00 bagi setiap ketua keluarga yang senarainya disahkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
- iii) Menyediakan pengangkutan bagi urusan perpindahan.

Pihak Pemaju iaitu Sastama Sdn. Bhd. juga telah mengemukakan surat kepada PTD Sepang bertarikh 20 Jun 2016, yang menyatakan spesifikasi dan harga rumah yang dicadangkan untuk 19 keluarga Orang Asli adalah seperti berikut:

| Keluasan Tanah | Keluasan Binaan | Harga Pasaran |
|----------------|-----------------|---------------|
| 40' x 73' | 25' x 45' | RM400,000.00 |

Pentadbir Tanah Sepang berpandangan bahawa:

- i. Satu (1) bancian perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi memuktamadkan bilangan keluarga/ isi rumah masyarakat Orang Asli yang terlibat di kawasan Fasa 2 bersama Pemilik Tanah/Pemaju dan JAKOA Daerah/Negeri.
 - ii. Seterusnya rundingan di antara Pemilik Tanah/Pemaju dan masyarakat Orang Asli berhubung tuntutan serta tawaran yang dikemukakan perlu diadakan dengan komitmen daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli di peringkat daerah/negeri/persekutuan.
 - iii. Tuntutan serta tawaran yang dikemukakan di antara masyarakat Orang Asli dan Pemilik Tanah/Pemaju haruslah bersifat rasional dan menguntungkan kedua - dua belah pihak.
- c) Permasalahan ini hanya dapat diselesaikan sekiranya kesepakatan dicapai dari semua pihak yang terlibat terutamanya di antara Pemilik Tanah, Benih Unggul Sdn. Bhd., Pemaju, Sastama Sdn. Bhd. dan Masyarakat Orang Asli melalui JAKOA Daerah/Selangor/Wilayah Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : ENAKMEN *FREEDOM OF INFORMATION* (FOI) DAN URUS TADBIR
KERAJAAN**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki pelaksanaan Enakmen FOI (*Freedom of Information*) selepas pembentangan penyata SELCAT?
- b) Apakah pandangan kerajaan dengan wujudnya Enakmen Ombudsman di Negeri Selangor?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil untuk menuju ke arah *Open Government*?

JAWAPAN:

Susulan daripada beberapa teguran dan gesaan oleh Jawatankuasa SELCAT untuk menambah baik pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat secara menyeluruh, Pentadbiran ini telah mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memperkemaskan pelaksanaan Enakmen ini. Antara langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) Tahun 2011 bersama dengan Pegawai Maklumat seluruh Negeri Selangor;
- b. Melaksanakan proses lantikan Pegawai Maklumat yang baru bagi menggantikan Pegawai Maklumat Jabatan yang telah bertukar di mana sejak tahun 2015, sebanyak 2 siri lantikan telah diadakan; dan
- c. Mengadakan Pemantapan Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) Tahun 2011 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 12 – 13 Mei 2016 dengan dihadiri oleh YB Penasihat Undang-undang Negeri dan wakil Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : STATUS PERMOHONAN LALUAN ALTERNATIF 4/4 TAMAN WANGSA PERMAI KE JALAN INDUSTRI DESA AMAN (IDA)

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah UPEN (Seksyen PBT) telah mempertimbangkan dan meluluskan permohonan Bil (22) dlm.MPS.3/2-4591 dengan kos RM3,412,687.65 bagi mewujudkan laluan alternatif di kawasan tersebut?
- b) Apakah projek tersebut dapat dilaksanakan dalam tahun 2017 ini?

JAWAPAN:

a, b)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, permohonan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembinaan Laluan Alternatif 4/4 Taman Wangsa Permai ke Jalan Industri Desa Aman (IDA) tidak dapat dipertimbangkan kerana ia merupakan jalan yang baru hendak dibina. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri hanya menyalurkan peruntukan khusus bagi penyelenggaraan, menaik taraf dan lain-lain projek ke atas jalan sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : KELEWATAN PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH KENDALIAN JKR
SELANGOR**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek-projek yang dikendalikan oleh JKR Selangor lewat disempurnakan mengikut jadual yang telah ditetapkan?
- b) Senaraikan projek-projek tersebut.
- c) Apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual?

JAWAPAN:

- a) Jumlah projek yang dikendalikan oleh JKR Selangor lewat disempurnakan mengikut jadual yang telah ditetapkan sehingga 9.3.2017 adalah seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH |
|---------------------------|---------------|
| Lewat > 1 bulan | 4 |
| Lewat > 2 bulan | 18 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 22 |

- b) Senarai projek seperti di Lampiran M4.
- c) Tindakan yang telah diambil bagi memastikan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual adalah seperti berikut:
 - Jika kemajuan kerja di tapak telah mengalami kelewatan berbanding Jadual Perancangan Kerja (*Work Programme*) yang dikemukakan pada awal pelaksanaan projek, pihak kontraktor diminta untuk mengemukakan Jadual Perancangan Semula (*Recovery Work Programme*)
 - Kelulusan pelanjutan masa (EOT) akan diberikan apabila kontraktor benar-benar layak dan berhak.
 - Jika didapati kelewatan berpunca dari prestasi pihak kontraktor yang tidak memberangsangkan, penamatan kontrak / mansuh akan diberikan kepada kontraktor

- Pihak ketiga akan dilantik untuk menjalankan skop kerja yang tidak dapat dijalankan oleh kontraktor utama
- Penyerahan separa (*Partial handing over*) supaya pihak pelanggan dapat menggunakan premis/jalan tanpa perlu menunggu keseluruhan projek siap. Kelewatan kerja bagi kerja-kerja kecil yang tidak mempengaruhi fungsi sesebuah projek seperti kerja-kerja lanskap akan disiapkan setelah penyerahan separa dijalankan.
- Intervensi projek sakit dijalankan untuk mengenalpasti punca masalah yang tidak dibincangkan di dalam mesyuarat tapak dan teknikal di antara pihak pengurusan projek iaitu pihak JKR dan pihak kontraktor.
- Mengadakan Mesyuarat Pemantauan Projek Sakit setiap bulan bagi memantau projek-projek lewat dan mengenal pasti masalah dan penyelesaian yang boleh diambil.

LAMPIRAN M4

| LAPORAN SKALA: STATUS PROJEK-PROJEK JKR SELANGOR | | | | | | | | | | | | |
|--|---|-------------|-------------|-------------------------|--------|---------|----------------|---------------------------|-----------------------|-----------------------------|--------------------------------------|-----------------------------|
| K. SENARAI PROJEK LEWAT > 2 BULAN | | | | | | | | | | | | Tarikh Laporan : 09.03.2017 |
| Bil | Projek | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Kos Kontrak Semasa (RM) | Jadual | Sebenar | Kemajuan | Program | PP | Seliatapak | Kontraktor | |
| NEGERI | | | | | | | | | | | | |
| 1 | KERJA-KERJA NAIKTARAF KUBAH MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR | 25-05-2015 | 17-02-2017 | 34,371,030.00 | 100.0% | 78.9% | 234 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | BHG. ARKITEK (SEL) | SMART RELIANCE SDN. BHD. | |
| 2 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN IBU PEJABAT JKR SELANGOR, DI SEKSYEN 17, SHAH ALAM, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN | 18-03-2015 | 15-03-2017 | 37,770,562.21 | 99.2% | 55.4% | 116 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | BHG. BANGUNAN (SEL) | POTENSI CEKAL SDN BHD | |
| 3 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SRA SERI KUNDANG DAERAH GOMBAK SELANGOR DARUL EHSAN. | 18-02-2014 | 13-12-2015 | 7,868,793.57 | 100.0% | 91.0% | 462 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) GOMBAK (SEL) | AMR JELI SDN. BHD. | |
| 4 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID ZAKARIA BATU 8 1/2, DAERAH GOMBAK, SELANGOR | 10-09-2015 | 12-07-2017 | 10,988,266.34 | 53.0% | 29.8% | 118 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) GOMBAK (SEL) | URITECH TEAM (M) SDN. BHD | |
| 5 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID NURUL IMAN, TELOK GADONG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN. | 08-08-2016 | 19-02-2018 | 11,901,792.14 | 16.3% | 11.5% | 73 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KLANG (SEL) | SANTUN TEGAS SDN. BHD. | |
| 6 | CADANGAN KERJA - KERJA PEMULIHARAAN (CONSERVATION) DAN MENAIKTARAF UNTUK MASJID DIRAJA SULTAN SULEIMAN, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 10-03-2015 | 29-05-2017 | 9,537,478.57 | 87.4% | 71.7% | 96 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KLANG (SEL) | SYARIKAT ZAKARIA BIN MOHD. SDN. BHD. | |
| 7 | CADANGAN TEBATAN BANJIR DI JALAN SG. RASAH DAN DI JALAN PADANG JAWA, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN (MENAIKTARAF JALAN DAN PERPARITAN DI PERSIMPANGAN PADANG JAWA DAN JALAN SUNGAI RASAH) | 08-07-2014 | 14-03-2017 | 51,683,628.70 | 68.8% | 36.3% | 144 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Jurutera Daerah Klang | JKR(D) KLANG (SEL) | TEGUH AMANI SDN. BHD | |
| 8 | MENAIKTARAF JALAN KG.LOMBONG, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN (CH.6000 HINGGA CH.6930) | 01-03-2016 | 02-11-2017 | 13,267,132.03 | 61.5% | 10.1% | 210 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KUALA LANGAT (SEL) | JUTA UTUSAN CONSTRUCTION SDN BHD | |
| 9 | CADANGAN KERJA - KERJA PEMULIHARAAN (CONSERVATION) DAN MENAIKTARAF UNTUK MASJID SULTAN ALA'EDDIN JUGRA BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN | 16-04-2015 | 05-08-2017 | 8,757,499.52 | 61.6% | 43.8% | 182 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KUALA LANGAT (SEL) | SMART RELIANCE SDN. BHD. | |
| 10 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BENGKEL PEMBAIKAN LOGISTIK DAN TNB SUBSTATION SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DI TANJUNG KARANG DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN | 18-05-2015 | 24-12-2016 | 1,912,175.67 | 100.0% | 73.2% | 121 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KUALA SELANGOR (SEL) | SIGMABASE SDN BHD | |
| 11 | CADANGAN MEMBINA PILE EMBANKMENT SLAB DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKSYEN 4.2 JALAN B35, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN. | 02-12-2016 | 02-06-2017 | 1,696,636.00 | 0.0% | 0.0% | 97 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KUALA SELANGOR (SEL) | SUMURAYA SDN BHD | |
| 12 | CADANGAN KERJA - KERJA MENAIKTARAF FASAD KOTA DARUL EHSAN DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN | 15-04-2015 | 20-10-2016 | 9,848,235.55 | 100.0% | 78.2% | 83 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) PETALING (SEL) | ISLAH NIAGA SDN. BHD. | |
| 13 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID AL-ISLAH SERI KEMBANGAN, PEKAN SERDANG, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN. | 23-01-2014 | 20-04-2016 | 7,798,676.50 | 100.0% | 65.6% | 315 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) PETALING (SEL) | AMR JELI SDN. BHD. | |
| 14 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID PUNCAK PERDANA U10 SHAH ALAM, DAERAH PETALING, SELANGOR | 23-11-2015 | 14-05-2017 | 13,246,850.32 | 59.3% | 26.6% | 89 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) PETALING (SEL) | GABUNGAN APS HOLDINGS SDN BHD | |
| 15 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN SELANGOR MAJU (RATU II) FASA 2, DI SEKSYEN 13 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN | 01-09-2015 | 05-01-2018 | 38,280,019.24 | 47.5% | 25.6% | 127 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) PETALING (SEL) | B&I BUILDER SDN. BHD | |
| 16 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BLOK PENTADBIRAN UNTUK MASJID NEGERI SELANGOR, SHAH ALAM, SELANGOR. | 01-09-2015 | 22-04-2017 | 33,202,662.36 | 71.9% | 29.7% | 120 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) PETALING (SEL) | JATI KENALI TRADING SDN BHD | |
| 17 | MENAIKTARAF JAMBATAN SUNGAI JELOK, KAJANG (PROGRAM TEBATAN BANJIR), DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN | 07-12-2016 | 06-06-2017 | 3,780,507.70 | 0.0% | 0.0% | 69 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) ULU LANGAT (SEL) | PANTAI JERAM (M) SDN. BHD. | |
| 18 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS PEJABAT PERTANIAN DAERAH HULU SELANGOR DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN | 12-08-2015 | 08-02-2017 | 10,534,585.65 | 100.0% | 49.7% | 133 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) ULU SELANGOR (SEL) | ADAT 88 SDN. BHD. | |

LAPORAN SKALA: STATUS PROJEK-PROJEK JKR SELANGOR

Tarikh Laporan : 09.03.2017

L. SENARAI PROJEK LEWAT > 1 BULAN

| Bil | Projek | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Kos Kontrak Semasa (RM) | Jadual | Sebenar | Kemajuan | Program | PP | Seliatapak | Kontraktor |
|---------------|--|-------------|-------------|-------------------------|--------|---------|---------------|---------------------------|-----------------------|-------------------------|------------------------------|
| NEGERI | | | | | | | | | | | |
| 1 | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID TAMAN TUN TEJA, DAERAH GOMBAK, SELANGOR | 09-11-2015 | 17-07-2017 | 9,870,303.28 | 48.6% | 33.9% | 54 hari lewat | JKR NEGERI SELANGOR (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) GOMBAK (SEL) | DNA BENTARA SDN. BHD |
| 2 | MENAIKTARAF JALAN NEGERI B27, JALAN RAWANG-BATANG BERJUNTAI (FASA 2) DARI PERSIMPANGAN BANDAR COUNTRY HOMES KE SEMPADAN DAERAH KUALA SELANGOR, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN(SEGMEN 1-CH 2500.00-CH 4300.00) | 15-03-2013 | 01-10-2017 | 42,627,994.46 | 47.3% | 36.2% | 36 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) GOMBAK (SEL) | ANJARIA PROPERTIES SDN. BHD. |
| 3 | CADANGAN TEBATAN BANJIR DI JALAN SG.RASAH DAN DI JALAN PADANG JAWA, DAERAH KLANG-MENGGANTIKAN JAMBATAN DI ATAS SG.RASAH DI KM 5.6 DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 03-12-2013 | 23-03-2017 | 40,631,695.68 | 99.9% | 97.8% | 51 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) KLANG (SEL) | B&I Builders Sdn. Bhd |
| 4 | MENGGANTIKAN JAMBATAN KG. PASIR, SG. LALANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN. | 01-02-2017 | 02-01-2018 | 3,011,248.00 | 0.0% | 0.0% | 35 hari lewat | BHG. JALAN (SEL) | Pengarah JKR Selangor | JKR(D) ULU LANGAT (SEL) | TEKAD NUSANTARA SDN. BHD. |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : LAMAN WEB INVEST SELANGOR

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keberkesanan laman web ini dalam membantu kemasukan pelaburan ke Selangor?
- b) Nyatakan jumlah pengunjung laman web ini sejak ia dilancarkan?

JAWAPAN:

- a) Laman web baharu Invest Selangor Berhad telah dilancarkan pada bulan Mei 2016 dan beralamat iaitu www.investselangor.my. Ini adalah tepat pada masanya yang membolehkan pengaksesan pada pelbagai peranti mudah alih serta ia mengandungi maklumat terkini dan boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa juga.

Melalui laman web ini juga ia memudahkan lagi para pelabur untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Invest Selangor dan insentif yang berpatutan yang disediakan oleh Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) - dan seterusnya mempamerkan kepada dunia **“Selangor The Golden State of Malaysia”**.

Maklumat lain yang juga boleh di dapati di laman web ini seperti *Why Selangor, Starting A Business, Permohonan Lesen Pengilang, Site Selection, Core Clusters, Resource Centre* dan pengumuman tertentu seperti program-program terkini yang telah di jalankan. Pautan ke portal laman web ke jabatan atau agensi lain juga boleh membantu para pelabur untuk memudahkan lagi proses pencarian maklumat-maklumat yang berkaitan.

Pengisian maklumat di dalam laman web dibuat mengikut mengikut perkembangan semasa agar apa yang ingin disampaikan kepada pelabur adalah cepat dan tepat seterusnya membantu dalam kemasukan pelaburan ke Selangor.

Alat pencarian (*search tools*) telah dinaik taraf supaya pengunjung dapat mencari maklumat dengan lebih mudah, mesra pengguna dan cepat melalui carta interaktif, direktori, video dan juga testimoni pelabur.

Sebarang makluman tentang aktiviti – aktiviti terbaru juga dimuatnaik di dalam laman web ini yang mana mempunyai pautan terus ke aplikasi media sosial yang lain seperti *twitter*, *facebook* dan *linkedin*. Dengan itu, para pengguna boleh mendapat maklumat terkini dengan lebih pantas.

- b. Semenjak ia dilancarkan pada **24 Mei 2016 hingga 17 Mac 2017**, sebanyak **69,975 pelawat** telah mengunjungi laman web ini dan telah menerima sebanyak **3,716,494 Hits** dari pelbagai Negara seperti *Malaysia, USA, Russia, Japan, Singapore, Hong Kong, United Kingdom, Australia, India, Taiwan, Germany, Korea Selatan, Perancis, Switzerland, Italy, Indonesia, Sweden, Netherland, Ukraine dan lain-lain*.

Nota Tambahan:

| Tahun | Visitor | Hits |
|---|----------------|-------------|
| 2016 | 48,109 | 2,838,931 |
| 2017 (<i>sehingga 17hb Mac 2017</i>) | 21,866 | 877,563 |
| Jumlah | 69,975 | 3,716,494 |

Dibaca dengan izin:-

- * *Visitor* – This is defined as a series of hits from any particular IP address. If any two hits are separated by 30 minutes or more, two visitors are counted. “Visitors” represent an extrapolated number.
- * *Hit* - A single file request in the access log of a Web server. For example, a request for an HTML page with three graphic image will result in four hits in the log: one for the HTML text file and one for each of the graphic image files.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KILANG HARAM

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri statistik bilangan kilang haram di negeri selangor dari tahun 2008 sehingga 2017.
- b) Mengapa kerajaan negeri masih tidak meroboh kilang haram yang tidak berusaha untuk melalui proses pemutihan?

JAWAPAN:

a), b)

Isu berkaitan kilang haram ini telah sekian lama menimbulkan banyak masalah seperti pencemaran bau, masalah sosial dan sebagainya sehingga ia menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat.

Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab empat (4) pertanyaan mulut daripada Y.B ADUN berikut iaitu; Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing) – Kilang Haram, Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali (Selat Klang) – Pencapaian Penyelesaian Kilang Haram, Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik) – Program Pemutihan Kilang Haram dan Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (Sri Muda) - Program Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran secara bersekali.

Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan rekod daripada bancian yang dibuat sebelum ini terdapat lebih kurang **2,998** kilang yang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK sebanyak **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan. Manakala terdapat sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah memperolehi hasil kutipan bayaran premium sebanyak **RM185,683,976.54** daripada permohonan yang telah diluluskan dan dianggarkan sebanyak **RM65,313,870.00** masih belum dibayar setakat ini. Untuk

makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, statistik yang diberikan ini (**Lampiran A**) hanyalah sehingga pada **31 Disember 2015** sahaja.

PBN telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan proses pemutihan kilang-kilang haram. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor telah pun tamat pada 31 Disember 2015. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada iaitu tindakan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut prosedur yang ditetapkan ke atas kilang-kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor. Dalam masa terdekat, tumpuan tindakan perobohan akan ditumpukan kepada kilang haram yang dibina berhampiran sungai-sungai di Negeri Selangor terlebih dahulu.

LAMPIRAN A

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Permohonan Tukar Syarat | | | | | Premium Tambahan (Rm) | |
|---------------|----------------|------|--------------|--------------|-------------------------|--------------|-----------|-----------|---------------|-----------------------|----------------------|
| | | | Lot | Kilang | Bil. Permohonan | Lulus | Tolak | Batal | Belum Memohon | Dibayar | Belum Dibayar |
| 1. | Petaling | MBSA | 787 | 817 | 753 | 731 | 6 | 16 | 34 | 72,604,562.34 | 59,477,346.00 |
| | | MBPJ | 20 | 20 | 0 | 0 | 0 | 0 | 20 | 0.00 | 0.00 |
| | | MPSJ | 145 | 252 | 81 | 77 | 4 | 0 | 61 | 16,755,431.00 | 1,131,770.00 |
| 2. | Klang | MBSA | 226 | 227 | 178 | 134 | 7 | 37 | 571 | 29,428,170.10 | 2,380,937.00 |
| | | MPK | 535 | 621 | | | | | | | |
| 3. | Hulu Langat | MPKj | 351 | 428 | 170 | 169 | 18 | 4 | 181 | 51,179,214.80 | - |
| | | MPAJ | | | | | | | | | |
| 4. | Gombak | MPAJ | 0 | 0 | 43 | 28 | 1 | 14 | 94 | 5,528,344.05 | 341,305.00 |
| | | MPS | 137 | 157 | | | | | | | |
| 5. | Sepang | MPSp | 64 | 55 | 2 | 1 | 0 | 1 | 55 | 133,256.25 | - |
| 6. | Kuala Langat | MDKL | 177 | 197 | 92 | 73 | 15 | 4 | 78 | 8,450,882.00 | 1,982,512.00 |
| 7. | Kuala Selangor | MDKS | 34 | 149 | 4 | 1 | 0 | 3 | 27 | 303,262.00 | - |
| 8. | Hulu Selangor | MDHS | 23 | 53 | 11 | 5 | 3 | 3 | 11 | 810,845.00 | - |
| 9. | Sabak Bernam | MDSB | 24 | 22 | 12 | 4 | 6 | 2 | 22 | 490,009.00 | - |
| Jumlah | | | 2,523 | 2,998 | 1,346 | 1,223 | 60 | 97 | 1,154 | 185,683,976.54 | 65,313,870.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : TEKNOLOGI BARU PERTANIAN

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti teknologi-teknologi baru pertanian dalam menuju *Smart State*?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memfokuskan pengeluaran tanaman secara fertigasi sebagai satu program dalam Smart Agriculture. Melalui program pembangunan teknologi fertigasi, Jabatan Pertanian memfokuskan tanaman cili dan rock melon memandangkan tanaman ini mempunyai pasaran yang baik.

Sehingga kini terdapat 490 petani dengan keluasan 1,088 yang mengusahakan tanaman secara teknologi fertigasi. Pada tahun ini Jabatan Pertanian mensasarkan pengeluaran cili sebanyak satu juta polibeg dan pengeluaran rock melon sebanyak 700,000 polibeg.

Selain daripada itu, Jabatan Pertanian sedang menguji dan mempromosikan penggunaan plant factory sebagai satu inisiatif Smart Agriculture bagi Selangor. Melalui teknologi *plant factory*, tanaman sayuran dapat dikeluarkan daripada kawasan yang kecil menggunakan teknologi pencahayaan buatan dengan pembekalan nutrien secara hidroponik dan sesuai digunakan di kawasan bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : PERBADANAN ADAT MELAYU & WARISAN NEGERI SELANGOR
(PADAT)**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian PADAT dalam konservasi warisan seni bina bangunan bersejarah? Senaraikan nama bangunan-bangunan yang dikenal pasti seni bina sejarah.
- b) Apakah usaha-usaha proaktif yang dilaksanakan?
- c) Berapakah peruntukan yang dikhususkan untuk tujuan ini?

JAWAPAN:

- a) PADAT telah melaksanakan kerja-kerja konservasi/pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan warisan dalam usaha untuk pengekal dan pengukuhan bangunan bangunan warisan agar bangunan-bangunan ini tetap dapat dipulihara dan dapat dilihat oleh generasi yang akan datang.

PADAT juga telah mengaplikasi beberapa rawatan dalam usaha untuk memulihara bangunan-bangunan warisan. Salah satu rawatan yang telah digunakan adalah dengan menggunakan teknik *Cocoon* dalam usaha untuk mengurangkan kadar kerapuhan akibat daripada proses penggaraman dan kerosakkan bahan binaan bata yang digunakan oleh bangunan warisan.

Bangunan warisan yang telah diberi rawatan *cocoon* adalah seperti berikut:-

| Bangunan Warisan | Permeliharaan/Teknik Rawatan | Tahun Perlaksanaan | Kos (RM) |
|-----------------------------|-------------------------------------|---------------------------|-----------------|
| Istana Bandar Kuala Langat | Cocoon dan kapilari air | 2015 | 500,000.00 |
| Bangunan Penjara Lama Jugra | Cocoon dan kapilari Air | 2015 | 38,000.00 |
| Gedong Raja Abdullah Klang | Cocoon dan kapilari air | 2015 | 200,000.00 |

| | | | | |
|---------------------------------------|-------------------------|------|------------|--|
| | | | | |
| Bekas Pejabat Agama Islam Klang | Cocoon dan kapilari air | 2016 | 390.000.00 | |
| Bangunan Muzium Daerah Kuala Selangor | Cocoon dan kapilari air | 2016 | 160.000.00 | |

Selain kerja-kerja rawatan bagi tujuan pemuliharaan, PADAT juga telah berjaya memindahkan serta membaik pulih dan memulihara sebuah rumah tradisional Bugis dari Kuala Selangor ke Shah Alam.

Rumah Bugis ini telah dibuka dan diberi rawatan mengikut kaedah konservasi serta dipindahkan ke Shah Alam dan dibina semula berdasarkan pada bahan binaan asal serta mengikut bentuk dan senibina asal rumah tersebut.

Senarai Bangunan Warisan Selangor Di Bawah PADAT

i. Rumah Tradisional Bugis

Rumah tradisional Bugis yang kini terletak di perkarangan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam pada asalnya terletak di Kampung Permatang Kuala Selangor. Rumah tradisional ini memiliki unsur-unsur pengaruh senibina dan kesenian dari tanah Bugis iaitu Sulawesi Selatan (*Makasar*).

ii. Bangunan Penjara Lama Jugra

Bangunan ini terletak di tebing sungai Langat di Jugra Kuala Langat. Ia merupakan bangunan yang berasal dari abad ke 18 dan memiliki senibina yang sangat unik. Bangunan ini terdiri dari dua tingkat. Tingkat bawah diperbuat dari bahan granit sementara bahagian atas dari bahan kayu. Bangunan ini sebelumnya adalah digunakan sebagai balai polis dan juga penjara semasa pemerintahan residen Inggrs di Selangor.

Bangunan ini telah diwartakan sebagai bangunan dan tapak warisan pada tahun 2002.

iii. Gedung Raja Abdullah Klang

Bangunan ini terletak di bandar Klang dan dibina pada tahun 1856 oleh Raja Abdullah. Bangunan dua tingkat ini pada asalnya berfungsi sebagai sebuah gudang untuk penyimpanan timah sebelum ianya diedarkan ke negeri-negeri

lain di Semenanjung Malaysia. Pada 1877 buat pertama kalinya mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor telah di adakan di bangunan ini. Bangunan ini telah diwartakan sebagai bangunan dan tapak warisan pada tahun 1982.

iv. Bekas Pejabat Agama Islam Klang

Bangunan ini terletak di Bandar Klang berdekatan dengan bangunan Galeri Diraja Sultan Abul Aziz Klang. Bangunan ini mula dibina pada 1912. Asal bangunan ini adalah sebagai sebuah istana hinggap Sultan Sir Alaeddin Suleiman Shah iaitu Sultan Selangor (Sultan Selangor ke-5). Bangunan ini dalam proses pewartaan sebagai tapak warisan.

v. Istana Bandar (Istana Alaeddin)

Istana Ala'eddin siap dibina pada 1899 sewaktu pemerintahan Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa, Sultan Selangor V (1898-1938). Di bina di Bandar, Kuala Langat yang merupakan pusat pemerintahan Negeri Selangor pada ketika itu. Maka dikenali juga sebagai Istana Bandar. Bangunan ini telah diwartakan sebagai bangunan dan tapak warisan pada tahun 1980.

vi. Setor Peluru Jugra

Bangunan stor peluru terletak di bukit Jugra Lama. Ia merupakan sebuah bangunan yang berfungsi sebagai tempat atau stor untuk penyimpanan peluru. Bangunan ini dibina sekitar abad ke 19 dan dibina dari bahan bata. Bangunan ini telah diwartakan sebagai bangunan dan tapak warisan pada tahun 2002.

Senarai Bangunan Warisan Di Selangor yang bukan di bawah PADAT

| Bil | Bangunan | Tanggungjawab/Agensi | Status |
|------------|---|-------------------------------------|---------------|
| 1. | Ibu Empangan Sungai Tengi | Jabatan Perairan Selangor (JPS) | Gazet |
| 2. | Kota Raja Mahadi Bukit Melawati, Kuala Selangor | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | Gazet |
| 3 | Makam Diraja Jugra | Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) | Gazet |
| 4. | Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Al-Hidayah) | Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) | Gazet |

| | | | |
|----|---|--------------------------------------|-------|
| 5. | Sekolah Convent Jalan Tengku Kelana, Klang | Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) | Gazet |
| 6. | Bekas Bangunan Gereja (Pejabat polis Cawangan Trafik) | Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) | Gazet |

- c) Dalam usaha untuk pemuliharaan bangunan warisan, PADAT telah melaksanakan kerja-kerja pewartaan kepada bangunan warisan dan juga melaksanakan kerja-kerja konservasi bangunan warisan mengikut garis panduan konservasi dari Jabatan Warisan Negara.

Peruntukkan kerja-kerja konservasi yang telah diperuntukkan bagi RMK-10 adalah sebanyak RM1,833,724.78. Butiran peruntukan yang telah digunakan adalah seperti berikut:-

| Bangunan | Kos |
|------------------------------|--------------|
| Rumah Bugis | RM250,000.00 |
| Istana Bandar | RM500,000.00 |
| Pejabat Agama Islam Klang | RM390,000.00 |
| Gedung Raja Abdullah | RM200,000.00 |
| Stor Peluru Jugra | RM 33,724.78 |
| Muzium Daerah Kuala Selangor | RM160,000.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PUSAT SUKAN LASAK

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi kemudahan sukan lasak yang ada di Selangor?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempergiatkan sukan lasak di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Terdapat beberapa tempat yang menyediakan aktiviti sukan lasak ini. Yang pertama di Gua Damai, Batu Caves. Gua Damai terkenal dengan aktiviti lasak rock climbing dan ia menjadi tumpuan para climber, dengan izin, memanjat bukit di situ. Tempat ini terletak dibawah kawasan Majlis Perbandaran Selangor. Yang kedua adalah Skatepark di Lembah Keramat, AU5C. Tempata ini juga menjadi tumpuan para peminat sukan ekstrim dan aktiviti skateboarding, rollerblading mendapat sambutan yang ramai disitu. Saya dimaklumkan pada setiap petang ada anak anak muda beriadah malah menganjurkan kejohanan kejohanan bersifat komuniti di situ. Dan yang ketiga ialah di Extreme Park @ 13, Shah Alam
- b) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh aktiviti sukan lasak seperti skateboarding, rock climbing dan hang gliding. Aktiviti seumpama ini adalah menyihatkan dan pada masa yang sama menguji anak anak muda dalam sukan sukan lasak. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pembangunan Generasi Muda, Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa menyokong dan berusaha menyebarkan aktiviti ini ke seluruh Selangor. Selangor buat masa ini dalam proses perbincangan dalam membangunkan sukan aktiviti lasak ini. Ia bergantung kepada keperluan dan kehendak masyarakat setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PELANCONGAN

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keputusan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap permohonan peruntukan pembangunan yang dihantar oleh Tourism Selangor, 3 PBT dan Galeri Diraja Klang
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan membantu PBT yang mengistiharkan tahun 2017 sebagai tahun melawat kawasan PBT mereka?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 3 projek telah disenarai pendek untuk RMKe-11 (*Third Rolling Plan*) dan telah melalui satu sesi perbentangan terakhir di peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 15 Mac 2017 yang lalu dan telah dibentangkan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia cawangan Negeri Selangor. Senarai 3 projek tersebut adalah seperti yang berikut:
 - i) Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Pantai Redang, Sekinchan
 - ii) Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Pusat Konservasi Burung Enggang, Sabak Bernam
 - iii) Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan "Royal Klang Heritage Walk", Klang
- 3 projek yang telah disenarai pendek ini, akan melalui satu perbentangan terakhir di peringkat Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, pada tarikh yang akan diumumkan kelak, dan keputusan dijangka akan diperolehi pada akhir tahun 2017.
- b) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor sememangnya menyokong penuh dan membantu pihak PBT yang mengisytiharkan tahun 2017 sebagai tahun melawat daerah mereka. Untuk tahun 2017, sebanyak 2 (dua) PBT yang mengambil inisiatif menganjurkan kempen promosi tahun melawat iaitu Daerah Klang dan Daerah Hulu Selangor.

Pelbagai aktiviti dan program yang telah dan akan dijalankan oleh pihak Tourism Selangor bagi membantu kedua-dua PBT ini bagi mempromosikan kempen Tahun Melawat Daerah masing-masing untuk tahun 2017. Antaranya seperti berikut:-

- i) Lawatan FAM Trip bersama Agensi Pelancongan, Media, Bloggers, dan Selebriti Media Sosial

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH | PBT |
|-----|---|-----------------------|---------------|
| 1 | #DISCOVERSELANGOR Photo Hunt 2016 & Pra-Pelancaran Tahun Melawat Hulu Selangor | 17 Disember 2016 | Hulu Selangor |
| 2 | #DISCOVERSELANGOR FAM TRIP bersama Syarikat Penerbangan Firefly | 19 - 22 Januari 2017 | Klang |
| 3 | MITA FAM Trip 2017 bersama 70 orang agensi pelancongan ASEAN | 23 – 25 Februari 2017 | Klang |
| 4 | Program FAM Trip bersama Hotel Concorde Shah Alam dan Air Asia bagi pasaran China | 13 – 16 Mac 2017 | Klang |
| 5 | #DISCOVERSELANGOR Wuhan Media FAM Trip bagi pasaran China | 23 – 27 Mac 2017 | Klang |
| 6 | Program FAM Trip bersama Syarikat Penerbangan Malindo Air bagi pasaran India | 20 – 23 May 2017 | Hulu Selangor |

- ii) Program Promosi Pelancongan Dalam Negara

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|-----|---|-----------------------|
| 1 | MITA TRAVEL FAIR 2017 Lokasi: MIECC, Mines | 24 – 26 Februari 2017 |
| 2 | 2nd SELANGOR WELLNESS LIVING 2017 Lokasi: Setia City Convention Centre | 24 – 26 Februari 2017 |
| 3 | MATTA FAIR MARCH 2017 Lokasi: PWTC Kuala Lumpur | 17 - 19 Mac 2017 |
| 4 | JOHOR MATTA FAIR 2017 Lokasi: Johor Bahru | 24 – 26 Mac 2017 |
| 5 | MATTA FAIR SEPT 2017 Lokasi: PWTC Kuala Lumpur | 8 - 10 September 2017 |
| 6 | SELANGOR INTERNATIONAL EXPO 2017 Lokasi: Setia City Convention Centre | 7 - 17 September 2017 |
| 7 | KEMBARA DISCOVER SELANGOR – PULAU PINANG | 14 – 16 Julai 2017 |

iii) Program Promosi Pelancongan Luar Negara

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|-----|--|-----------------------|
| 1 | ASEAN TOURISM FORUM Lokasi: Marina Bay Sand, Singapore | 16 – 20 Januari 2017 |
| 2 | SOUTH ASIA TRAVEL & TRADE EXHIBITION (SATTE) New Delhi, India | 15 – 17 Februari 2017 |
| 3 | INT. TOURISM BOURSE (ITB) Lokasi: Berlin, Jerman | 8 – 12 Mac 2017 |
| 4 | TAIPEI TOURISM EXPO (TTE) 2017 AND SALES MISSION TO China | 5 – 8 Mei 2017 |
| 5 | HANA TOUR INT. TRAVEL SHOW 2017 Lokasi: Seoul, Korea | 8 – 11 Jun 2017 |
| 6 | JATA TOURISM EXPO 2017 Lokasi: Tokyo, Jepun | 21– 24 September 2017 |

iv) Acara dan Program Pelancongan

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|-----|--|-----------------------|
| 1 | Royal Klang Heritage Walk Lokasi: Bandar Diraja Klang | Sepanjang Tahun |
| 2 | Rancangan TV #DiscoverSelangor 13 Episode bersama TV Selangor | Sepanjang Tahun |
| 3 | Klang Art Festival 2017 Lokasi: Bandar Diraja Klang | 9 - 10 September 2017 |
| 4 | Wings Of KKB 2017 Lokasi: Kuala Kubu Bharu Hulu Selangor | 22 - 24 April 2017 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : MENGGANTIKAN PENGHULU MUKIM PETALING 1

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Pejabat Daerah Petaling akan menggantikan Penghulu Mukim Petaling 1 yang telah dipindahkan?

JAWAPAN:

- a) Jawatan Penghulu Gred NP29 bagi Mukim Petaling 1 Daerah Petaling akan dibuat pengisian setelah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) mengemukakan senarai nama calon yang berjaya di dalam sesi temuduga yang telah ditetapkan untuk jawatan tersebut. SPN telah membuka iklan bagi jawatan tersebut dan tarikh tutup pada 6 Mac 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PEMBERSIHAN SUNGAI DAN PEMBANGUNAN TANAH DI TEBING
SUNGAI**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan pembersihan sungai oleh Kerajaan Negeri khususnya di Lembah Klang?
- b) Apa pula perancangan Kerajaan Negeri bagi pembangunan tanah-tanah di tebing sungai di Lembah Klang?

JAWAPAN:

Jawapan sila rujuk hansard bertarikh 3 April 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

112. MEWUJUDKAN SEMULA PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN DI SELANGOR

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan mewujudkan semula Pilihanraya Kerajaan Tempatan di Selangor?
- b) Apakah sebab dan kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk berbuat demikian?

JAWAPAN:

a dan b)

1. Pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dapat dilaksanakan kerana halangan dari sudut perundangan yang mana Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk di bawah Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang secara jelasnya menyebut bahawa Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah tidak dibenarkan.
2. Berdasarkan hal ini, Kerajaan Negeri juga telah mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan bahawa enakmen pilihan raya kerajaan tempatan yang diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang pada 2012 adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.
3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 12/2010 yang diadakan pada 31 Mac 2010 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 13/2010 pada 7 April 2010, semasa membincangkan perkara ini turut mengambil maklum surat dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang menyatakan bahawa SPR dan Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa mengadakan pilihan raya peringkat PBT bagi memilih Ahli Majlis.

4. Berdasarkan surat dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tersebut dan keputusan Mahkamah Persekutuan berkaitan dalam kes Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : BANTUAN *FOOD STAMP*

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan barangan *food stamp* sentiasa bermutu dan berkualiti?
- b) Nyatakan pembekal-pembekal barangan *food stamp*.
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menggantikan bentuk bantuan daripada barangan kepada baucar?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dengan kerjasama Hijrah Selangor sentiasa berusaha memastikan barangan makanan asas bagi Program 'Smart Selangor Food Stamp' berada di dalam keadaan yang baik dan berkualiti. Sehubungan itu, beberapa langkah telah dilaksanakan dalam memastikan barangan sentiasa berkualiti adalah seperti berikut:-
 - (i) Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah mendapatkan maklum balas yang dikemukakan oleh setiap Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di seluruh Selangor berhubung dengan kualiti barangan yang dibekalkan kepada setiap PKM serta telah membuat penambahbaikan bagi setiap isu yang dibangkitkan.
 - (ii) Pihak Hijrah Selangor juga telah melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara berkala ke kilang-kilang pembungkusan bagi memastikan barangan yang dibekalkan adalah bermutu dan berada di dalam tempoh sah sebelum tarikh luput.
 - (iii) Membuat lawatan dan pemeriksaan di beberapa PKM secara rawak bagi memastikan jaminan kualiti barangan yang diterima dalam keadaan baik.
 - (iv) Mengambil tindakan yang proaktif sekiranya terdapat barangan yang dibekalkan berada di dalam keadaan kurang memuaskan dengan menggantikan barangan yang baru. Dalam hal ini, pihak PKM juga berperanan untuk memaklumkan kepada pihak Hijrah Selangor supaya

bekalan barangan yang dihantar adalah tidak melebihi jumlah penerima bantuan semasa bagi mengelakkan berlaku lebih barangan yang boleh menyebabkan kerosakan akibat disimpan terlalu lama.

- b) Melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik Hijrah Selangor sebagai pengendali yang bertanggungjawab membekal dan menghantar barangan makanan asas ke setiap PKM dengan baik. Pihak Hijrah juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum 'Hari Food Stamp' yang telah ditetapkan iaitu pada hari Jumaat minggu ketiga pada setiap bulan di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM.
- c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk menggantikan bentuk bantuan daripada barangan kepada baucar kerana pelaksanaan program ini merupakan hasrat YAB Dato' Menteri Besar Selangor untuk memberikan bantuan berupa barangan makanan asas kepada 100 buah keluarga termiskin dari setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor yang layak menerima bantuan ini mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERUMAHAN TERBENGGKALAI

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak projek-projek terbengkalai yang masih belum dipulihkan atas pelbagai sebab dan kekangan. Mohon diperjelaskan kepada pihak pembeli sebab-sebab tersebut dan cara mengatasinya. Ini bagi mengelakkan kerajaan negeri dipersalahkan sepenuhnya atas kegagalan pembangunan ini.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi dan menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Selangor dengan menyalurkan bantuan kepada pembeli yang teraniaya walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhadap kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah dengan memahami situasi yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini.

Antara bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pembeli projek terbengkalai adalah seperti berikut :

- 1) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai.

Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.

- 2) Membantu pembeli **menubuhkan jawatankuasa bertindak** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperolehi daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 3) LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.
- 4) LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 5) LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 6) **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pembeli
- 7) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat **penilaian semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- 8) Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan

berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.

- 9) **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- 10) **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : ENAKMEN SISA PEPEJAL NEGERI SELANGOR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penggubalan Enakmen Sisa Pepejal Negeri Selangor?
- b) Apakah perkara penambahbaikan yang dimasukkan dalam enakmen?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa siri taklimat berhubung dengan penggubalan Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor (RUU) kepada barisan *back benchers* dan ia bertanggung berikutan terdapat beberapa isi kandungan draf RUU ini mempunyai beberapa isu perundangan yang perlu diperhalusi dan diteliti oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor. Sekiranya semakan dan penelitian telah selesai barulah pihak urusetia akan mengangkat draf RUU tersebut kepada MMKN untuk kelulusan dan arahan lanjut sebelum draf RUU itu dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut.
- b) Antara penambahbaikan yang dimasukkan dalam enakmen adalah:-
 - 1. Menyediakan satu undang-undang iaitu suatu enakmen yang terpakai di Negeri Selangor untuk mengawalselia pemungutan, pembuangan dan pelupusan sisa pepejal bagi menggantikan semua undang-undang kecil (UUK) berkaitan pengurusan sampah yang digunakan pada masa kini oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor;
 - 2. Memastikan persekitaran di Negeri Selangor berada dalam keadaan baik, bersih, selamat dan selesa melalui perkhidmatan pengurusan sisa pepejal bersepadu (*integrated solid waste management*) dan pembersihan awam yang terbaik oleh PBT dan termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan yang mencukupi;

3. Memperkasa peranan PBT sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam semua aspek berkaitan operasi dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor;
4. Memperuntukkan hukuman yang lebih tegas dan berkesan serta penguatkuasaan yang menyeluruh; dan
5. Penguatkuasaan penalti yang lebih tinggi sebagai langkah pencegahan terhadap masalah pembuangan/pelupusan sampah (denda maksima dan hukuman berkaitan kesalahan-kesalahan dalam enakmen ini dikenakan antara RM10,000.00 hingga RM50,000.00 dan penjara antara enam (6) bulan hinggan lima (5) tahun dikenakan berbanding semasa tidak melebihi RM2,000.00 dan penjara tidak lebih satu tahun).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INVEST SELANGOR

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah *Invest* Selangor membantu pelaburan masuk ke Selangor?
- b) Senaraikan semua lawatan *Invest* Selangor ke luar negara, kos serta hasilnya pada 2016.

JAWAPAN:

- a) Selaku agensi sehentian pelaburan, Invest Selangor memainkan peranan selaku pemudahcara pelaburan kepada para pelabur yang ingin melabur di Negeri Selangor. Antara peranan Invest Selangor seperti berikut;-
 - i. Menyediakan maklumat kepada pelabur berkaitan polisi pelaburan, insentif dan lain-lain maklumat yang berkaitan.
 - ii. Membantu mengenalpasti cadangan tapak pelaburan yang bersesuaian dengan aktiviti perkilangan yang hendak dijalankan.
 - iii. Membantu pelabur mendapatkan kelulusan tukar syarat tanah, pelan tatatur, pelan bangunan dan lain-lain kelulusan dan lesen yang berkaitan.
 - iv. Membantu pelabur di dalam aktiviti *pasca pelaburan* seperti pengembangan pelaburan dan sebagainya.
 - v. Membantu menyelesaikan isu-isu pembangunan yang dihadapi oleh pelabur.
 - vi. Memberikan khidmat rundingan dan nasihat berkaitan perkara-perkara atau isu-isu yang berkaitan dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan.
 - vii. Menjadi urusetia bagi Mesyuarat Penyelarasan Projek - Projek Pelaburan / Pembangunan di Negeri Selangor

- b) Senarai lawatan Invest Selangor ke Luar Negara, kos serta hasil lawatan bagi sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut;-

| BIL | MISI | TARIKH | AHLI DELEGASI | OBJEKTIF / HASIL LAWATAN | JUMLAH KOS (RM) |
|-----|---|------------------|---|--|-----------------|
| 1 | <p>MISI PERDAGANGAN & PELABURAN AUSTRALIA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sydney, - Melbourne - Perth | 21- 27 Feb. 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad</p> <p>iv. Pn. Sharifah Norfazera Syeed Ahmad Nazar, Invest Selangor Berhad</p> <p>v. Mahmud Abas, CEO Central Spectrum Berhad</p> <p>vi. Mohd Bahari Baharudin, Central Spectrum Berhad</p> <p>vii. Ms. Ooi Haw Voon, Pejabat EXCO</p> | <p>Objektif;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempromosi peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor. - Mempromosi Selangor International Expo 2016. - Bertemu syarikat-syarikat yang berpotensi. - Meninjau dan mempelajari pengurusan kawasan perindustrian <p>Hasil;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebuah syarikat membuat pakaian menyelam telah bersetuju untuk melebarkan operasi mereka di Selangor. | RM 175,993.77 |

| | | | | | |
|---|--|----------------|--|---|---------------|
| 2 | <p>MISI PERDAGANGAN & PELABURAN KOREA</p> <p>- Seoul</p> | 5 – 9 Mac 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad</p> <p>iv. Cik Nurliayana Kamil, Eksekutif, Invest Selangor</p> <p>v. Ms. Ooi Haw Voon, Pejabat EXCO</p> | <p>Objektif :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempromosi peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor - Mempromosi Selangor International Expo 2016. - Bertemu syarikat-syarikat yang berpotensi <p>Hasil :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pihak Gyeonggi Province telah mengadakan kunjungan hormat ke Central Spectrum Sdn. Bhd - Korea Biotechnology Industry Organization akan mengemukakan beberapa cadangan pelaburan berhubung syarikat pembedahan kosmetik. - Korea Cosmetic Industry Association, Korea Institute of Halal Industry dan | RM 105,256.85 |
|---|--|----------------|--|---|---------------|

| | | | | | |
|---|---|------------------|--|--|--------------|
| | | | | HIS akan meneruskan kerjasama dan kerjasama penyediaan kertas kerja pelaksanaan Projek Halal Cosmetic Personal Care. | |
| 3 | MISI PERDAGANGAN & PELABURAN VIETNAM THAILAND | 20 - 25 Mac 2016 | <ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan) ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad, iii. En. Syahid Othman, Invest Selangor Berhad iv. Pn. Sharifah Norfazera Syeed Ahmad Nazar, Invest Selangor Berhad v. Pn. Rahana Abdullah, CEO Central Spectrum Berhad vi. En. Loy Hon Fai, Pejabat EXCO | <p><u>Objektif:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - mempromosi peluang-peluang pelaburan dan Selangor International Expo 2016. - Melihat pengurusan kawasan perindustrian <p><u>Hasil:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Lawatan ke kawasan perindustrian dilihat dapat memberi satu pengalaman yg bagus kepada PBT. - Bangkok memberi peluang perdagangan yang luas terutama dalam sektor halal | RM 90,029.34 |

| | | | | | |
|---|---|------------------|--|---|---------------|
| 4 | <p>SELANGOR BIOTECH MISSION USA</p> <ul style="list-style-type: none"> - San Francisco, - San Diego - Boston | 23 - 30 Mei 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad</p> <p>iv. En. Luqman Haqem Norhisham, Invest Selangor Berhad</p> <p>v. Mahmud Abas, CEO Central Spectrum Berhad</p> <p>vi. Ms. Ooi Haw Voon, Pejabat EXCO</p> | <p>Objektif;</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempromosi peluang-peluang pelaburan dalam bidang Bioteknologi dan mempromosi Selangor International Expo 2016. <p>Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kerajaan Negeri Selangor mendapati Selangor Bio Bay perlu dilaksanakan dengan kadar segera bagi menjadikan ianya seiring dengan perkembangan tekno-biologi dunia. | RM 233,038.41 |
| 5 | MISI PERDAGANGAN & PELABURAN DUBAI | 6 - 20 Jun 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad</p> <p>iv. Cik Nurliayan</p> | <p>Objektif;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan lawatan ini adalah bagi mempromosi peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor dan Selangor International Expo 2016. - Mempromosikan peluang-peluang | RM 89,533.70 |

| | | | | | |
|---|--|-----------------|---|---|--------------|
| | | | <p>Kamil, Eksekutif, Invest Selangor</p> <p>v. Ms. Ooi Haw Voon, Pejabat EXCO</p> | <p>pelaburan dan Industri Halal.</p> <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beberapa syarikat telaj memberikan komitmen untuk melabur di negeri Selangor terutama dalam sektor <i>Machinery & Electronic.</i> | |
| 6 | MISI PERDAGANGAN & PELABURAN SINGAPURA | 8 - 10 Mei 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad</p> <p>iv. Pn. Sharifah Norfazera Syeed Ahmad Nazar, Invest Selangor Berhad</p> | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempromosi peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor dan Selangor International Expo 2016. - mempromosi peluang-peluang pelaburan terutama dalam industri aero angkasa - Melihat pembangunan dan perkembangan dalam sektor bioteknologi. <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Singapore dilihat mempunyai peluang yang besar dalam | RM 69,333.92 |

| | | | | | |
|---|---|------------------|--|---|---------------|
| | | | | menarik pelaburan dalam sektor aero angkasa. | |
| 7 | <p>MISI PERDAGANGAN & PELABURAN JEPUN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tokyo, - Nagoya, - Kobe | 15 - 21 Mei 2016 | <ul style="list-style-type: none"> i. Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor ii. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan) iii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad, iv. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad v. En. Mohd Zharif Sulam, Invest Selangor Berhad vi. Mahmud Abas, CEO Central Spectrum Berhad vii. Farah Waheda Zain, Central Spectrum Berhad viii. Mohd Razif Abdul Wahab, Central Spectrum Berhad ix. Ms. Ooi Haw Voon, Pejabat EXCO | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempromosi peluang-peluang pelaburan dan Selangor International Expo 2016. <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengesahan pihak Toyota Motor Corporation untuk melabur sebanyak RM 2 bilion yang melibatkan cadangan pembinaan sebuah kilang pembuatan kereta di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Klang | RM 275,985.54 |

| | | | | | |
|---|---|------------------|--|---|---------------|
| 8 | <p>MISI PERDAGANGAN & PELABURAN CHINA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beijing, - Yinchun, - Xi'an, - Chengdu, - Mianyang) | 27 - 10 Mei 2016 | <ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad, iii. Pn. Sharifah Norfazera, Invest Selangor Berhad iv. En. Luqman Haqem Norhisham, Invest Selangor Berhad v. En. Loy Hon Fai, Pejabat EXCO | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempromosi peluang-peluang pelaburan dan fokus dalam bidang Halal. - mempromosikan Selangor International Expo 2016. <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - pertemuan bersama beberapa Organisasi Muslim dapat memberi ruang bertukar pendapat tentang bagaimana proses persijilan Halal dipraktikkan di Malaysia. | RM 113,211.18 |
| 9 | <p>MISI PERDAGANGAN & PELABURAN TAIWAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Taipei, - Taichung, - Tainan, Kaohsiung | 19 - 26 Jun 2016 | <ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad, iii. Cik Nurliayan Kamil, Eksekutif, Invest Selangor iv. Cik Pang Yin Shi | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempromosi peluang-peluang pelaburan terutama dalam e-commerce dan industry halal. - mempromosikan Selangor International Expo 2016. <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Telah mendapat | RM 58,862.18 |

| | | | | | |
|-----|--|--------------------|---|---|--------------|
| | | | <p>Eksekutif, Invest Selangor</p> <p>vi. En. Loy Hon Fai, Pejabat EXCO</p> | <p>sambutan yang positif daripada komuniti perniagaan di Taiwan.</p> <p>- Kerjasama antara <i>Institute For Information Industry</i> dengan <i>SITEC</i> bagi menganjurkan seminar berhubung e-commerce</p> | |
| 10 | <p>MISI PECUTAN EXPORT AEROANGKASA SEMPENA FARNBOROUGH INTERNATIONAL AIRSHOW (FIA), UNITED KINGDOM ANJURAN MATRADE</p> | 10 - 17 Julai 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. En. Luqman Haqem Norhisham, Invest Selangor Berhad</p> | <p>Objektif:</p> <p>- mempromosi peluang-peluang pelaburan terutama dalam industri aero angkasa.</p> <p>Hasil:</p> <p>- ISB telah diberi peluang untuk bertemu bersama pelabur-pelabur yang berpotensi dan mempromosikan Selangor sebagai hub aero angkasa.</p> | RM 56,191.62 |
| 11. | <p>MISI PROMOSI PENGGALAKAN PELABURAN SELANGOR KE TAIWAN</p> <p>- New Taipei</p> | 4 – 9 Sept. 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> | <p>Objektif:</p> <p>- mempromosi peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor</p> | RM 48,832.45 |

| | | | | | |
|--|--|--|---|--|--|
| | <p>City, - Yunlin County - Kaohsiung</p> | | <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris,CEO Invest Selangor Berhad,</p> <p>iii. Puan Azfinah Ishak Pengurus Kanan, Invest Selangor</p> <p>iv. Cik Pang Yin Shi Eksekutif, Invest Selangor Berhad</p> <p>v. Encik Mahmud Abbas, CEO Central Spectrum Sdn.Bhd</p> <p>vi. En. Yong Kai Ping SITEC</p> <p>vii. En. Loo Chuan Boon, SITEC</p> <p>viii. En. Goh Boong Peng, SITEC</p> <p>ix. Cik Yen Ng SITEC</p> <p>ix. En. Mohd Sabri Md. Shariff MBI</p> <p>x.En. Maimal Faiz Abdul Malik MBI</p> <p>xi. Tuan Hj. Hassan Yaakob, JPBD</p> <p>xii. En. Tan Chin Kiat PKFZ</p> | <p>terutama dalam e-commerce & halal</p> <p>- mempromosikan Selangor International Expo</p> <p><u>Hasil:</u></p> <p>- Terdapat maklumbalas golongan usahawan berminat untuk melabur ke negeri Selangor.</p> <p>- Kebanyakan usahawan berminat dalam industri halal untuk mendapatkan persijilan halal bagi produk mereka.</p> | |
|--|--|--|---|--|--|

| | | | | | |
|-----|---|-----------------------|--|--|---------------|
| 12. | THE SELANGOR INVESTMENT MISSION TO LONDON, UNITED KINGDOM | 24 Sept – 1 Okt. 2016 | <p>i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan),</p> <p>ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad</p> <p>iii. Pn. Azfinah Ishak Pengurus Kanan, Invest Selangor</p> <p>iv. En. Luqman Haqem Norhisham, Invest Selangor Berhad</p> <p>v. YM. Raja Shahreen MBI</p> <p>vi. En. Suhaimi Tahir MBI</p> <p>vii. Dr. Fahmi Ngah MBI</p> <p>viii. En. Mahmud Abas Central Spectrum Sdn. Bhd</p> <p>xi. En. Ying Kai Ping SITEC</p> <p>x. En. Loo Chuan Boon SITEC</p> | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - menyertai misi “Business Opportunities in The Changing Economic Landscape” yang dianjurkan oleh MIDA. - lawatan kali ini lebih fokus untuk memperkasakan lagi Smart City, Bioteknologi - lawatan ke syarikat yang berkaitan dengan IOT. <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - memberi idea dan pandangan untuk sektor Smart City dan bio teknologi. - Terdapat beberapa <i>Startup Company</i> yang ingin berkerjasama dengan Kerajaan Selangor terutama dalam <i>Smart City</i> | RM 102,149.63 |
|-----|---|-----------------------|--|--|---------------|

| | | | | | |
|-----|---|-------------------|---|--|---------------|
| 13. | <p>LAWATAN TEKNIKAL DAN MISI PROMOSI PENGGALAKAN PELABURAN BERSAMA DATO' MENTERI BESAR KE JEPUN</p> <ul style="list-style-type: none"> - TOKYO - NAGOYA | 24 – 28 Nov. 2016 | <ul style="list-style-type: none"> i. Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Besar Selangor ii. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), iii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad iv. Pn. Azfinah Ishak Pengurus Kanan, Invest Selangor v. Wakil PKNS vi. Wakil MBI vii. CEO, Central Spectrum Sdn. Bhd viii. Pegawai Pejabat Menteri Besar | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Adalah untuk mempromosikan Selangor sebagai pusat pelaburan utama di Malaysia disamping lawatan teknikal ke “smart sustainable city” diFujisawa dan juga ke “Toyota Ecoful City”. <p>Hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempelajari bagaimana teknologi-teknologi baru digunapakai dalam pembangunan automotif. | |
| 14. | <p>MISI PROMOSI PENGGALAKAN PELABURAN KE AUSTRALIA (SYDNEY & MELBOURNE)</p> | 5 - 9 Dis. 2016 | <ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad iii. Pn. Azfinah Ishak Pengurus Kanan, Invest Selangor vii. Pn. Sharifah | <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Misi pada kali ini adalah bagi menyertai forum yang dianjurkan oleh pihak MIDA di Sydney. - Beberapa pertemuan dengan bakal pelabur telah diatitkan di Sydney dan Melbourne | RM 134,428.99 |

| | | | | | |
|--|--|--|---|---|--|
| | | | <p>Norfazera, Invest Selangor Berhad</p> <p>viii. En. Mahmud Abas Central Spectrum Sdn. Bhd</p> <p>ix. En. Hyryl Azim Baharudin, Central Spectrum Berhad</p> <p>vii.En. Adi Faizal Ahmad Tarmizi, MPK</p> <p>viii. En. Zailani Panot, MPK</p> <p>ix. En. Mustafa Bakri, MPK</p> <p>x. Tn Hj. Muhammad Ridzuan Arshad (JPPD Selangor)</p> <p>xi.En. Norzamri Sondor LUAS</p> | <p><u>Hasil:</u></p> <p>- Sebuah syarikat aeroangkasa telah menandatangani MOU dengan syarikat di Australia.</p> | |
|--|--|--|---|---|--|

Nota : Jumlah kos lawatan yang dinyatakan adalah kos yang ditanggung oleh Invest Selangor. Kos bagi wakil-wakil agensi ditanggung oleh agensi masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PELANCONGAN SELANGOR

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha-usaha yang di lakukan untuk mempromosi destinasi pelancongan di dalam negeri.
- b) Nyatakan statistik pelancong ke Selangor mengikut negara asal

JAWAPAN:

- a) Antara usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor bagi mempromosikan destinasi pelancongan di dalam negeri adalah seperti yang berikut:

i) Program Promosi Pelancongan Dalam Negara

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|------------|---|-----------------------|
| 1 | MITA TRAVEL FAIR 2017 Lokasi: MIECC, Mines | 24 – 26 Februari 2017 |
| 2 | 2nd SELANGOR WELLNESS LIVING 2017 Lokasi: Setia City Convention Centre | 24 – 26 Februari 2017 |
| 3 | MATTA FAIR MARCH 2017 Lokasi: PWTC Kuala Lumpur | 17 - 19 Mac 2017 |
| 4 | JOHOR MATTA FAIR 2017 Lokasi: Johor Bahru | 24 – 26 Mac 2017 |
| 5 | MATTA FAIR SEPT 2017 Lokasi: PWTC Kuala Lumpur | 8 - 10 September 2017 |
| 6 | SELANGOR INTERNATIONAL EXPO 2017 Lokasi: Setia City Convention Centre | 7 - 17 September 2017 |
| 7 | KEMBARA DISCOVER SELANGOR - PULAU PINANG | 15 – 16 Julai 2017 |

ii) Program Promosi Pelancongan Luar Negara

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|-----|---|-----------------------|
| 1 | ASEAN TOURISM FORUM Lokasi: Marina Bay Sand, Singapore | 16 – 20 Januari 2017 |
| 2 | SOUTH ASIA TRAVEL & TRADE EXHIBITION (SATTE) New Delhi, India | 15 – 17 Februari 2017 |
| 3 | INT. TOURISM BOURSE (ITB) Lokasi: Berlin, Jerman | 8 – 12 Mac 2017 |
| 4 | TAIPEI TOURISM EXPO (TTE) 2017 AND SALES MISSION TO China | 5 – 8 Mei 2017 |
| 5 | HANA TOUR INT. TRAVEL SHOW 2017 Lokasi: Seoul, Korea | 8 – 11 Jun 2017 |
| 6 | JATA TOURISM EXPO 2017 Lokasi: Tokyo, Jepun | 21– 24 September 2017 |

iii) Lawatan FAM Trip bersama Agensi Pelancongan, Media, Bloggers, dan Selebriti Media Sosial

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|-----|---|-----------------------|
| 1 | #DISCOVERSELANGOR TSDAYOUT 2017 | Julai 2017 |
| 2 | My Selangor Story China 2017 | September 2017 |
| 3 | #DiSCOVERSELANGOR Photo Hunt 2017 | November 2017 |
| 4 | MITA FAM TRIP 2017 bersama 70 orang agensi pelancongan ASEAN | 23 – 25 Februari 2017 |
| 5 | Program FAM Trip bersama Concorde Shah Alam dan Air Asia bagi pasaran China | 13 – 16 Mac 2017 |
| 6 | #DISCOVERSELANGOR Wuhan Media FAM Trip bagi pasaran China | 23 – 27 Mac 2017 |
| 7 | Program FAM Trip bersama Malindo Air bagi pasaran India | 20 – 23 May 2017 |

iv) Acara Pelancongan dan MICE

| BIL | NAMA PROGRAM / AKTIVITI | TARIKH |
|-----|--|-----------------------|
| 1 | Selangor Wellness and Living Expo 2017 Lokasi: Setia City Convention Centre | 24 - 26 Februari 2017 |
| 2 | Malaysia Women Marathon 2017 Lokasi: Shah Alam | 3 - 5 Mac 2017 |
| 3 | Selangor International Indigenous Arts Festival Lokasi: Taman Botani Negara | 5 - 6 Ogos 2016 |
| 4 | Festival Bon Odori 2017 Lokasi: Shah Alam | 22 Julai 2017 |
| 5 | Klang Art Fest 2017 Lokasi: Bandar Diraja Klang | 9 - 10 September 2017 |

v) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor

Tourism di dalam laman web rasmi sentiasa mengambil inisiatif dan mempromosikan industri pelancongan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat melalui pelbagai platform online seperti berikut:-

- a) Laman Web Rasmi : www.tourismselangor.my
- b) Aplikasi Telefon Pintar : Discover Selangor
- c) Facebook : @tourismselangor
- d) Twitter : @tourismselangor
- e) Instagram : @discoverelangor
- f) Wechat : @tourismselangor
- g) Weibo : @tourismselangor

vi) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa. Antaranya seperti, Gaya Travel, Lonely Planet Asia, TTG Asia, Santai Travel, Libur, Akhbar The Star, Selangorkini dan banyak lagi. Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan acara atau kemudahan sukan yang berkonsepkan pelancongan. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, Selangor Travel Guide dan Selangor Coffee Table Book.

b)

Statistik kedatangan pelancong ke Negeri Selangor untuk tahun **2016 adalah sebanyak 7,283,512 juta orang pelancong dalam dan luar negara**, dan **resit pelancongan adalah sebanyak RM 5.1 billion**, mengikut pecahan seperti yang berikut:

**Jadual 1: STATISTIK KEHADIRAN PELANCONG KE NEGERI SELANGOR
2011 – 2016**

| | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|--------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|
| Domestic | 3,314,714 | 3,515,254 | 3,576,050 | 3,600,098 | 3,728,550 | 4,018,366 |
| Foreign | 2,725,704 | 2,850,856 | 3,125,387 | 2,472,739 | 3,286,363 | 3,265,146 |
| TOTAL | 6,040,418 | 6,366,110 | 6,701,437 | 6,072,837 | 7,014,913 | 7,283,512 |

**Jadual 2: STATISTIK RESIT PELANCONGAN MENGIKUT
JUMLAH KEHADIRAN PELANCONG KE NEGERI SELANGOR
2011 – 2016**

| TAHUN | JUMLAH PELANCONG | JUMLAH RESIT (RM) |
|--------------|-------------------------|--------------------------|
| 2011 | 6,040,418 | 4,236,749,185.20 |
| 2012 | 6,366,110 | 4,465,189,554.00 |
| 2013 | 6,701,437 | 4,700,387,911.80 |
| 2014 | 6,072,837 | 4,237,611,528.05 |
| 2015 | 7,014,913 | 4,920,259,978.20 |
| 2016 | 7,283,512 | 5,108,655,316.80 |

**Jadual 3: 10 NEGARA TERATAS YANG DATANG MELANCONG
KE NEGERI SELANGOR UNTUK TAHUN 2016**

| BIL | NEGARA | JUMLAH PELANCONG (Orang) |
|------------|-----------------------|---------------------------------|
| 1 | CHINA | 823,129 |
| 2 | SINGAPORE | 782,162 |
| 3 | INDONESIA | 322,254 |
| 4 | THAILAND | 267,957 |
| 5 | INDIA | 161,411 |
| 6 | AUSTRALIA | 83,317 |
| 7 | JAPAN | 57,920 |
| 8 | UNITED KINGDOM | 55,284 |
| 9 | TAIWAN | 51,480 |
| 10 | KOREA | 43,755 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK : RUMAH SELANGORKU

118. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan lagi projek-projek perumahan mampu milik memandangkan keperluan perumahan bertambah, terutama golongan miskin?
- b) Pohon statistik kelulusan Rumah Selangorku sejak ia dilancarkan, mengikut Daerah, Tempat/lokasi dan jenisnya?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa rakyat Negeri Selangor memiliki rumah sendiri. Ini dapat direalisasikan dengan adanya Dasar Rumah Selangorku yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula 1 Januari 2014. Dasar tersebut merupakan hasrat Kerajaan Negeri bagi memenuhi matlamat ***Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna***. Rumah Selangorku merupakan rumah harga kawalan di mana harga jualan dan pembelinya dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Harga Rumah Selangorku adalah bermula dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit yang mana mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah sehingga sederhana.

Melalui dasar tersebut tersebut, pihak pemaju / pemilik tanah dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut zon / kawasan pembangunan. Syarat Rumah Selangorku yang dikenakan adalah pembangunan yang berkeluasan melebihi 2 ekar di Zon 1 manakala di Zon 2 melebihi 5 ekar.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju / pemilik tanah adalah menjadi keutamaan / tanggungjawab pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk memastikan kuota / syarat pembangunan Rumah Selangorku ada dan dibina mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Berikut merupakan syarat / kuota pembangunan mengikut zon pembangunan berdasarkan Pekeliling Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) Bilangan 1 Tahun 2013 yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 1 Januari 2014.

- 1) Kawasan pembangunan perumahan mengikut **ZON 1** terletak dalam kawasan Lembah Klang yang meliputi kawasan berikut :

| Bil. | Daerah | Mukim / Kawasan |
|-------------|---------------|---|
| 1. | Petaling | Keseluruhan Daerah Petaling |
| 2. | Gombak | Mukim Batu dan Hulu Kelang |
| 3. | Klang | Mukim Klang |
| 4. | Hulu Langat | Mukim Cheras, Kajang, Ampang dan Semenyih |
| 5. | Selangor | Kawasan Cyberjaya |

- 2) Kawasan pembangunan perumahan mengikut **ZON 2** terletak dalam kawasan Lembah Klang, berpotensi pembangunan dan juga kawasan 'sub-urban' seperti berikut :

| Bil. | Daerah | Mukim / Kawasan |
|-------------|---------------|--|
| 1. | Gombak | Mukim Setapak dan Rawang. |
| 2. | Hulu Langat | Mukim Hulu Langat, Beranang dan Hulu Semenyih. |
| 3. | Klang | Mukim Kapar |
| 4. | Selangor | Keseluruhan Daerah Selangor kecuali Cyberjaya. |

| Bil. | Daerah | Mukim / Kawasan |
|------|----------------|---|
| 5. | Kuala Langat | Keseluruhan Daerah Kuala Langat |
| 6. | Kuala Selangor | Mukim Ijok, Kuala Selangor, Jeram, Batang Berjuntai (Bestari Jaya) dan Hujung Permatang |

- 3) Kawasan pembangunan perumahan **ZON 3** terletak di kawasan luar bandar yang meliputi kawasan seperti berikut :

| Bil. | Daerah | Mukim / Kawasan |
|------|----------------|--|
| 1. | Kuala Selangor | Mukim Pasangan, Tanjung Karang dan Hulu Tinggi |
| 2. | Hulu Selangor | Keseluruhan Daerah Hulu Selangor |
| 3. | Sabak Bernam | Keseluruhan Daerah Sabak Bernam |

- 4) Bagi memastikan pembinaan **RUMAH SELANGORKU** diseimbangkan mengikut kesediaan tanah di dalam zon-zon pembangunan, peratusan penyediaan rumah adalah berdasarkan kepada keluasan tanah seperti berikut :

| Zon Pembangunan Perumahan | Keluasan Pembangunan Keseluruhan Projek (ekar) / Keperluan Penyediaan RUMAH SELANGORKU | | | | |
|---------------------------|--|-------------|--------------|--------------|-----------------|
| | 2 – 5 ekar | 5 – 10 ekar | 10 – 20 ekar | 20 – 50 ekar | 50 ekar ke Atas |
| ZON 1 | *20% | 30% | 40% | 50% | 50% |
| ZON 2 | - | 20% | 40% | 40% | 50% |
| ZON 3 | - | - | 40% | 40% | 50% |

* Hanya tertakluk bagi kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Pengiraan % adalah berdasarkan kepada keseluruhan unit rumah yang dibina dalam sesuatu projek.

- b) Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **89,396** unit Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Ia merangkumi sebanyak 22,494 unit rumah dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku manakala baki 66,902 unit lagi bukan dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku. Berikut merupakan perincian Rumah Selangorku mengikut PBT dan jenis pembangunan :-

| PBT | RUMAH SELANGORKU | | | | | |
|---------------|------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | BIL PROJEK | JENIS RSKU | | | | JUMLAH UNIT |
| | | A | B | C | D | |
| MBSA | 16 | 1,697 | 2,206 | 4,345 | 2,147 | 10,395 |
| MBPJ | 3 | - | 100 | 100 | 532 | 732 |
| MPAJ | 4 | 60 | 202 | 827 | 117 | 1,206 |
| MPSJ | 12 | 1,011 | 2,120 | 3,728 | 2,470 | 9,329 |
| MPK | 13 | 412 | 615 | 3364 | 3242 | 7,633 |
| MPKj | 42 | 2,305 | 6,713 | 6,767 | 4,217 | 20,002 |
| MPS | 12 | 3,946 | 3,387 | 6,040 | 6,760 | 20,133 |
| MPSp | 21 | 719 | 1,496 | 3,907 | 6,009 | 12,131 |
| MDHS | 3 | - | 50 | 64 | 204 | 318 |
| MDKS | 12 | 197 | 586 | 2,075 | 741 | 3,599 |
| MDSB | 2 | - | 132 | 104 | 40 | 276 |
| MDKL | 2 | 330 | 660 | 1,982 | 670 | 3,642 |
| JUMLAH | 142 | 10,677 | 18,267 | 33,303 | 27,149 | 89,396 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PROGRAM PEMUTIHAN KILANG-KILANG TANPA KEBENARAN

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah premis yang telah diputihkan sepanjang program ini dilaksanakan mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

JAWAPAN:

a)

Isu berkaitan kilang haram ini telah sekian lama menimbulkan banyak masalah seperti pencemaran bau, masalah sosial dan sebagainya sehingga ia menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat.

Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab empat (4) pertanyaan mulut daripada Y.B ADUN berikut iaitu; Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing) – Kilang Haram, Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali (Selat Klang) – Pencapaian Penyelesaian Kilang Haram, Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik) – Program Pemutihan Kilang Haram dan Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (Sri Muda) - Program Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran secara bersekali.

Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan rekod daripada bancian yang dibuat sebelum ini terdapat lebih kurang **2,998** kilang yang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK sebanyak **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan. Manakala terdapat sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah memperolehi hasil kutipan bayaran premium sebanyak **RM185,683,976.54** daripada permohonan yang telah diluluskan dan dianggarkan sebanyak **RM65,313,870.00** masih belum dibayar setakat ini. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, statistik yang diberikan ini (**Lampiran A**) hanyalah sehingga pada **31 Disember 2015** sahaja.

PBN telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan proses pemutihan kilang-kilang haram. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor telah pun tamat pada 31 Disember 2015. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada iaitu tindakan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut prosedur yang ditetapkan ke atas kilang-kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor. Dalam masa terdekat, tumpuan tindakan perobohan akan ditumpukan kepada kilang haram yang dibina berhampiran sungai-sungai di Negeri Selangor terlebih dahulu.

LAMPIRAN A

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Permohonan Tukar Syarat | | | | | Premium Tambahan (Rm) | |
|---------------|----------------|------|--------------|--------------|-------------------------|--------------|-----------|-----------|---------------|-----------------------|----------------------|
| | | | Lot | Kilang | Bil. Permohonan | Lulus | Tolak | Batal | Belum Memohon | Dibayar | Belum Dibayar |
| 1. | Petaling | MBSA | 787 | 817 | 753 | 731 | 6 | 16 | 34 | 72,604,562.34 | 59,477,346.00 |
| | | MBPJ | 20 | 20 | 0 | 0 | 0 | 0 | 20 | 0.00 | 0.00 |
| | | MPSJ | 145 | 252 | 81 | 77 | 4 | 0 | 61 | 16,755,431.00 | 1,131,770.00 |
| 2. | Klang | MBSA | 226 | 227 | 178 | 134 | 7 | 37 | 571 | 29,428,170.10 | 2,380,937.00 |
| | | MPK | 535 | 621 | | | | | | | |
| 3. | Hulu Langat | MPKj | 351 | 428 | 170 | 169 | 18 | 4 | 181 | 51,179,214.80 | - |
| | | MPAJ | | | | | | | | | |
| 4. | Gombak | MPAJ | 0 | 0 | 43 | 28 | 1 | 14 | 94 | 5,528,344.05 | 341,305.00 |
| | | MPS | 137 | 157 | | | | | | | |
| 5. | Sepang | MPSp | 64 | 55 | 2 | 1 | 0 | 1 | 55 | 133,256.25 | - |
| 6. | Kuala Langat | MDKL | 177 | 197 | 92 | 73 | 15 | 4 | 78 | 8,450,882.00 | 1,982,512.00 |
| 7. | Kuala Selangor | MDKS | 34 | 149 | 4 | 1 | 0 | 3 | 27 | 303,262.00 | - |
| 8. | Hulu Selangor | MDHS | 23 | 53 | 11 | 5 | 3 | 3 | 11 | 810,845.00 | - |
| 9. | Sabak Bernam | MDSB | 24 | 22 | 12 | 4 | 6 | 2 | 22 | 490,009.00 | - |
| Jumlah | | | 2,523 | 2,998 | 1,346 | 1,223 | 60 | 97 | 1,154 | 185,683,976.54 | 65,313,870.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk dana skim mesra usia emas (SMUE) sepanjang tahun 2016?
- b) Apakah kriteria dan syarat-syarat yang diguna pakai untuk memastikan pengeluaran dana tersebut sampai kepada penerima dan tidak disalahgunakan?

JAWAPAN:

- a) Sila lihat Lampiran 4
- a) Berdasarkan Standard Prosedur Operasi SMUE, ADN / Penyelaras hanya boleh membuat pengeluaran apabila kesemua syarat-syarat berikut dipatuhi:
 - i. Borang pendaftaran SMUE ahli sudah diisi dengan betul serta dokumen sokongan yang diperlukan adalah lengkap
 - ii. Ahli adalah layak seperti yang disyaratkan di bawah SMUE seperti yang diputuskan oleh MMKN.
 - iii. Pendaftaran sudah dimasukkan ke dalam Sistem dan berstatus sudah dibuat semakan oleh penyelia Yawas
 - iv. Tiada pembayaran RM1000 sudah dibuat oleh mana-mana PKM sebelum ini
 - v. Pembayaran hanya boleh dibuat kepada penama yang didaftarkan di dalam sistem sahaja dan tiada wakil dibenarkan kecuali melalui surat kuasa yang sah yang ditandatangani oleh penama yang didaftarkan.
 - vi. Rekod pembayaran RM1000 dimasukkan ke dalam sistem sebaik sahaja pembayaran sudah dibuat bagi mengelakan pembayaran dua kali.
 - vii. Dalam tempoh 10 hari dari tarikh bayaran semua dokumen berkaitan mesti diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Petugas akan menandakan di dalam sistem dokumen penghantaran sudah dibuat.

- viii. Petugas PDT menyemak dokumen pembayaran adalah sah dan menandakan dokumen pembayaran sudah diterima.
- ix. PDT membuat pembayaran RM 1,500 dalam tempoh 60 hari dari bayaran fasa pertama. Rekod pembayaran dimasukkan ke dalam Sistem
- i. Apa-apa aduan yg diterima dari mana-mana pihak akan diteliti oleh pihak RMSB dan diambil tindakan dengan seberapa segera

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : EKONOMI BELIA

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada Belia dalam tempoh tahun 2013-2016?
- b) Berapakah peratusan pengangguran Belia pada bulan Januari 2017?
- c) Apakah insentif - insentif yang ditawarkan kepada Belia untuk menjadi usahawan berjaya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada belia dalam tempoh tahun 2013-2016 Negeri Selangor berdasarkan sumber daripada Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor dan Malaysia Standard Classification Of Occupations (MASCO) sebagaimana jadual berikut :-

**Statistik peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada belia dalam tempoh tahun
2013-2016**

| Tahun | Jumlah Jawatan |
|---------------|-----------------------|
| 2013 | 419,618 |
| 2014 | 256,819 |
| 2015 | 276,365 |
| 2016 | 205,370 |
| JUMLAH | 1,158,172 |

Sumber: Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor dan Malaysia Standard Classification Of Occupations (MASCO)

- b) Peratusan pengangguran belia pada bulan Januari 2017 adalah sebanyak 3.2% yang diperolehi daripada Sumber Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia adalah sebagaimana jadual berikut :-

Jadual 1: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran 2014, 2015, separuh tahun pertama 2015 (H1/2015) dan separuh tahun pertama 2016 (H1/2016), Malaysia dan Selangor

| Tempoh | Bilangan penganggur ('000) | | Kadar pengangguran (%) | |
|----------------|----------------------------|----------|------------------------|----------|
| | Malaysia | Selangor | Malaysia | Selangor |
| 2014 | 411.1 | 62.4 | 2.9 | 2.0 |
| 2015 | 450.3 | 77.9 | 3.1 | 2.4 |
| H1/2015 | 443.9 | 73.9 | 3.1 | 2.3 |
| H1/2016 | 501.6 | 103.7 | 3.4 | 3.2 |

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

- c) Dalam usaha untuk memperkasakan belia Selangor, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai insentif kepada belia di Selangor untuk menjadi usahawan yang berjaya dan juga untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor dengan bantuan perniagaan yang disediakan kepada anak muda.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan penyediaan sewaan premis perniagaan kepada golongan usahawan seperti di Uptown Shah Alam dan Pasar Seri di Giant, Seksyen 13, Shah Alam.

Seterusnya, Kursus Keusahawanan juga turut disediakan kepada golongan belia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pinjaman melalui HIJRAH Selangor bagi memulakan perniagaan kepada golongan belia untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut :-

| JENIS SKIM | PINJAMAN | TEMPOH BAYARAN BALIK | | |
|------------|---------------------|-----------------------|---|---|
| SKIM 1 | 3,000.00-5,000.00 | 25 minggu (6 bulan) | Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkeelayakan | |
| | | 50 minggu (12 bulan) | | |
| | | 100 minggu (24 bulan) | | |
| | | 150 minggu (36 bulan) | | |
| SKIM 2 | 6,000.00-10,000.00 | 25 minggu (6 bulan) | | Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkeelayakan |
| | | 50 minggu (12 bulan) | | |
| | | 100 minggu (24 bulan) | | |
| | | 150 minggu (36 bulan) | | |
| SKIM 3 | 15,000.00-20,000.00 | 25 minggu (6 bulan) | Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan | |
| | | 50 minggu (12 bulan) | | |
| | | 100 minggu (24 bulan) | | |
| | | 150 minggu (36 bulan) | | |
| SKIM 4 | 30,000.00-50,000.00 | 25 minggu (6 bulan) | | Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan |
| | | 50 minggu (12 bulan) | | |
| | | 100 minggu (24 bulan) | | |
| | | 150 minggu (36 bulan) | | |

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga turut menganjurkan Program Pembangunan Usahawan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi membantu golongan belia menjana pendapatan sendiri seperti program berikut :-

| Bil | Program | Jenis Bantuan | Jumlah Usahawan |
|--|------------------------|---------------------|-----------------|
| 1 | Perintis Usahawan | Bimbingan & Latihan | 1,440 |
| 2. | Tunas Niaga | Bimbingan & Latihan | 19,653 |
| 3 | Kelab Permata Selangor | Bimbingan & Latihan | 11,406 |
| 4. | GROW | Bimbingan & Latihan | 163 |
| JUMLAH KESELURUHAN USAHAWAN BELIA | | | 32,662 |

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut mengadakan Program Klinik Usahawan bagi memastikan belia usahawan sentiasa diberi latihan dan kursus bagi menjamin belia Selangor terus berjaya dalam bidang keusahawanan. Statistik program di bawah Program Klinik Usahawan adalah seperti jadual berikut :-

| BIL | TAHUN | JUMLAH SEMINAR / BENGKEL / KURSUS/LAWATAN | JUMLAH PESERTA |
|---------------|--------------|--|-----------------------|
| 1. | 2013 | 18 | 995 |
| 2. | 2014 | 14 | 798 |
| 3. | 2015 | 20 | 843 |
| 4. | 2016 | 17 | 589 |
| JUMLAH | | 69 | 3,225 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS TAPAK SEKOLAH RENDAH AGAMA, SEKOLAH MENENGAH
AGAMA DAN INSTITUSI PENDIDIKAN DIBAWAH JABATAN AGAMA
ISLAM SELANGOR**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tanah dan pemilik tapak bagi setiap bangunan sekolah?
- b) Berapakah bilangan sekolah yang status tanah masih di bawah milik individu?
- c) Apakah usaha-usaha penyelesaian milikan tanah tapak sekolah ini?

JAWAPAN:

- a) Status tanah dan pemilik bagi setiap bangunan sekolah terbahagi kepada dua samada Warta Kerajaan ataupun Hak milik MAIS (Wakaf Irsod). Jumlah keseluruhan tapak adalah sebanyak 376 tapak termasuk tapak kosong. Perincian adalah seperti di bawah:

| Daerah | Warta | Wakaf Irsod | Hakmilik | Individu |
|----------------|------------|-------------|----------|----------|
| Gombak | 24 | 4 | 0 | 0 |
| Hulu selangor | 29 | 0 | 3 | 0 |
| Sabak Bernam | 37 | 3 | 0 | 0 |
| Hulu Langat | 61 | 4 | 0 | 0 |
| Sepang | 24 | 1 | 0 | 0 |
| Klang | 26 | 7 | 0 | 1 |
| Kuala Selangor | 44 | 8 | 0 | 0 |
| Petaling | 63 | 0 | 1 | 0 |
| Kuala Langat | 34 | 2 | 0 | 0 |
| Jumlah | 342 | 29 | 4 | 1 |

- b) Bilangan tapak sekolah yang masih Hak Milik Individu adalah 1 sahaja.
- c) Bagi tapak Hak Milik Individu tersebut, JAIS sedang dalam proses pengambilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tanah yang diberi kepada pengusaha untuk industri ternakan disalahgunakan untuk industri lain seperti perladangan kelapa sawit. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor ke atas pengusaha-pengusaha tersebut?
- b) Apakah pemantauan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk tanah-tanah yang diberikan kepada pengusaha?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memang menyediakan kawasan dalam bentuk plot-plot penternakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang diselia oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor). Plot-plot penternakan tersebut bukanlah diberi terus tetapi hanya melalui sewaan oleh pengusaha terutamanya kepada penternak yang menghadapi masalah kawasan. Tindakan akan dikenakan kepada pengusaha-pengusaha yang melanggar perjanjian sewaan.

Berdasarkan rekod DVS Selangor, sehingga kini, terdapat 3 kes pengusaha melanggar perjanjian sewaan. Kesalahan penyewa dan tindakan Kerajaan Negeri melalui DVS Selangor adalah seperti berikut :

- i. Penyewa plot SN10 dan SN11 di TKPM Sungai Nilam, Hulu Selangor tidak melaksanakan projek ternakan seperti yang dijanjikan. Janji ini terkandung dalam perancangan projek masa hadapan yang dibentangkan oleh pengusaha kepada Jawatankuasa TKPM DVS Selangor semasa memohon sewa sebarang plot penternakan. Dalam kes ini, penyewa hanya menternak dalam bilangan ternakan yang kecil dan tidak munasabah berbanding perancangan projek yang dibentangkan olehnya sebelum itu. Tindakan Kerajaan Negeri adalah membatalkan sewaan dan pada 29 Januari 2015, telah mengambil semula plot penternakan berkenaan untuk disewakan pula kepada pengusaha lain.
- ii. Penyewa di TKPM Sungai Jang, Hulu Selangor telah melanggar perjanjian sewaan dengan menanam kelapa sawit dan melaksanakan projek ternakan dengan skala kecil sahaja. Tindakan Kerajaan Negeri adalah mengeluarkan surat amaran kepada pengusaha. Hasilnya,

bermula 2016, pengusaha ini telah memulakan projek integrasi kambing pedaging dan bebiri dengan kelapa sawit sebanyak 80 ekor.

- iii. Penyewa lot 8109 di TKPM Hulu Bernam telah melanggar perjanjian sewaan dengan menanam kelapa sawit. Tindakan Kerajaan Negeri adalah tidak memperbaharui perjanjian sewaan dengan pengusaha terbabit yang tamat pada bulan Mac tahun 2017.
- b) Sebagai langkah-langkah pemantauan yang efisien, bermula tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui DVS Selangor telah menubuhkan pasukan “task force” iaitu Unit TKPM DVS Selangor untuk memantau semua TKPM di seluruh negeri. Pemantauan ini termasuklah mengutip sewa dan menyiasat sebarang pelanggaran perjanjian sewaan. Pengusaha-pengusaha yang didapati bersalah akan diberi notis amaran dan sekiranya masih berdegil, perjanjian sewaan akan ditamatkan serta pengusaha akan diarahkan keluar dari plot TKPM berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : DENDA DAN SAMAN

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan denda dan saman dari 2014-2016 mengikut PBT?
- b) Nyatakan jumlah tunggakan denda dan saman dari 2014-2016 mengikut PBT?

JAWAPAN:

a), b)

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tiada rekod kutipan hasil denda dan saman ke atas pesalah berikutan kutipan hasil daripada denda dan saman ke atas pesalah adalah di bawah bidang kuasa mahkamah, iaitu setelah mahkamah menjatuhkan hukum ke atas kesalahan yang dibicarakan, termasuklah menentukan jumlah saman dan denda yang dikenakan. PBT hanya boleh mengeluarkan notis tawaran kompaun dan mengutip kompaun ke atas pelanggaran salah laku yang tidak dibawa ke mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PROJEK PELUASAN CULVERT - CULVERT DI LORONG CHINNIH DAN JALAN RAJA LUMU DI PERSIMPANGAN LEBOH PENDAMAR OLEH MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek peluasan *culvert-culvert* di Lorong Chinniah dan Jalan Raja Lumu di persimpangan Leboh Pendamar tersebut?
- b) Apakah anggaran kos bagi 2 projek tersebut?
- c) Bila projek-projek tersebut akan dapat disempurnakan?

JAWAPAN:

- a) Telah menerima ulasan dari UPEN yang meluluskan perbelanjaan dan MPK sedang menyediakan perkara-perkara berkaitan teknikal.
- b) Anggaran kos kedua-dua projek tersebut adalah :-
 - Lorong Chinniah RM400,000.00
 - Jalan Raja Lumu RM300,000.00
- c) Dijangka akan dilaksanakan setelah peruntukan diperolehi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : BANTUAN BLUEPRINT KERAJAAN PRIHATIN

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan jumlah keseluruhan penerima di Selangor bagi tahun 2016.
- b) Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat semakan dan pemberian dua atau tiga kali setahun?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa proaktif untuk mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi lantaran melebarkan golongan kelas menengah. Dalam hal ini, inisiatif dan usaha keras Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan dan pengupayaan ekonomi oleh pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) serta Jabatan/ Agensi. Antaranya adalah Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang bermatlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Untuk tahun 2016, jumlah keseluruhan penerima manfaat program ini adalah seramai 504 orang. Berikut merupakan jumlah penerima manfaat bagi tahun 2016 mengikut daerah :-

| BIL. | DAERAH | JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG) |
|-------------|---------------|--|
| 1. | Petaling | 17 |
| 2. | Klang | 65 |
| 3. | Gombak | 24 |
| 4. | Hulu Langat | 9 |
| 5. | Kuala Langat | 112 |
| 6. | Selangor | 50 |
| 7. | Hulu Selangor | 115 |

| | | |
|---------------------------|----------------|------------|
| 8. | Kuala Selangor | 45 |
| 9. | Sabak Bernam | 67 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 504 |

- b) Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi dengan memberi manfaat kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Dalam membolehkan proses pemberian bantuan peralatan kepada golongan sasaran dipercepatkan serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan penambahbaikan program.

Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bersedia untuk menyemak dan mempertimbangkan pemberian bantuan peralatan kepada pemohon antara dua (2) hingga tiga (3) kali setahun. Namun begitu, permohonan yang dikemukakan hanya dapat dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan tertakluk kepada baki peruntukan sedia ada setelah pemberian kali pertama dilaksanakan pada tahun berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : DENGGI

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratus faktor sikap manusia menyumbang kepada isu Denggi di Selangor? Sila nyatakan mengikut PBT.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh KNS dalam membetulkan sikap rakyat menangani isu Denggi ini? Sila Nyatakan.
- c) Apakah cabaran yang di hadapi bagi permasalahan di atas?

JAWAPAN:

- a) Salah satu faktor utama sikap manusia yang menyumbang kepada peningkatan kes denggi ini adalah sikap masyarakat yang tidak mahu mengambil tahu dan mengambil tanggungjawab dalam menjaga kebersihan terutama di kawasan dalam rumah dan sekeliling. Sikap sambil lewa ini bukan sahaja membahayakan keluarga tetapi juga masyarakat sekeliling memandangkan nyamuk tidak mengenal mangsa.

Masalah membuang sampah tidak pada tempatnya juga merupakan sikap yang sukar di kawal di peringkat pihak berkuasa memandangkan perkara ini adalah terletak pada diri masing-masing. Walaupun telah disediakan tong-tong sampah, sikap malas dan ambil jalan mudah segelintir masyarakat akan menyebabkan sampah berada di merata kawasan dan menyebabkan wujudnya tempat pembiakan.

Kebergantungan yang tinggi masyarakat terhadap pihak berkuasa negeri membuatkan semua masalah domestik hanya diletakkan di bahu pihak berkuasa dan tidak di sandang bersama-sama. Sebagai contoh jika berlaku kes demam denggi, masyarakat hanya mengharapkan pihak berkuasa untuk membuat semburan kabus dan bukan mengambil inisiatif untuk bersama-sama membersihkan kawasan rumah dan sekeliling.

Berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat Batu Tiga mengenai peratusan faktor manusia menyumbang kepada isu denggi, setakat ini Kerajaan Negeri belum menjalankan apa-apa kajian untuk mengenal pasti kadar sumbangan kepada kes denggi mengikut kategori faktor penyumbang.

- b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam membetulkan sikap rakyat bagi menangani isu denggi ini adalah dengan melaksana dan meneruskan program-program mempromosikan bahaya denggi melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Pegawai Daerah atau wakilnya selaku Pengerusi Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah akan merancang satu aktiviti turun padang seperti gotong-royong bersama penduduk yang akan dilaksanakan oleh PBT dan PKD beserta Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan Ketua Kampung atau Ketua Komuniti kawasan tersebut. Semasa program tersebut, satu sesi taklimat dan pameran bahaya denggi akan dilaksanakan. Kempen kesedaran penggunaan Aerosol, *insect repellent* dan *abate* akan diterangkan kepada penduduk sebagai kawalan awal di peringkat isi rumah.

Pihak PBT dan PKD juga melaksanakan pemeriksaan tempat pembiakan dari rumah ke rumah bagi mengenalpasti punca dan menghapuskan tempat pembiakan di dalam rumah. Semasa aktiviti ini berlangsung, penerangan berkaitan denggi juga akan diberikan kepada isi rumah tersebut dan lokasi-lokasi berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan.

- c) Cabaran utama dalam melaksanakan program dan aktiviti promosi bahaya denggi adalah kerjasama dan keterlibatan masyarakat semasa program dan aktiviti yang dilaksanakan. Kadar kehadiran bagi sesuatu program seperti gotong-royong kurang menggalakkan dan kebanyakan rumah yang terlibat dengan kes denggi juga tidak berminat menyertai program yang dianjurkan.

Cabaran kedua adalah kadar kemasukan dalam rumah sangat rendah iaitu kurang mendapat kerjasama daripada penduduk untuk membenarkan pihak berkuasa untuk membuat pemeriksaan tempat pembiakan di dalam rumah. Apabila pihak berkuasa melakukan aktiviti pemeriksaan dari rumah ke rumah, penduduk akan meninggalkan rumah atau hanya berdiam diri di dalam rumah. Sikap ini menyukarkan pihak berkuasa untuk menghapuskan punca-punca tempat pembiakan yang mungkin terdapat didalam rumah.

Kebanjiran pendatang asing di sesetengah kawasan perumahan terutama di kawasan berstrata juga merupakan salah satu cabaran kepada pihak berkuasa dalam menangani sikap. Masalah komunikasi yang lemah menyebabkan mereka kurang mengambil tahu dan menitik beratkan isu kebersihan.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri tidak akan berputus asa dan akan selalu memikirkan dan melaksanakan program-program kesedaran kepada masyarakat di negeri Selangor bagi memastikan kadar kes demam denggi dan kadar kematian berkurangan dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MENGENAKAN CAJ UNTUK BEG PLASTIK

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah reaksi awam terhadap polisi ini?
- b) Apakah tindakan Kerajaan untuk menangani reaksi negatif jika ada?
- c) Apakah program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum menguatkuasakan dasar yang bermula pada 1-1-2017?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan respon daripada pelbagai media massa dan media sosial, antara reaksi positif dan negatif yang dikenalpasti adalah seperti berikut:
 - 1. Para pengguna menyatakan kempen ini dilaksanakan dengan tempoh yang drastik dan pengguna serta peniaga tidak mempunyai tempoh yang mencukupi untuk bersedia dengan pelaksanaannya.
 - 2. Kebergantungan kepada penggunaan beg plastik dan tiada bahan alternatif disediakan.
 - 3. Kurang pemahaman dan pengetahuan berhubung matlamat kempen.
 - 4. Pengguna turut menyatakan rasa terbeban dengan caj kutipan RM0.20 bagi setiap penggunaan beg plastik serta mempersoalkan penyaluran kutipan caj RM0.20 tersebut.
- b) Pada permulaan pelaksanaan kempen, terdapat juga isu-isu negatif yang ditimbulkan oleh masyarakat melalui media massa dan media sosial. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah menubuhkan satu pasukan media bagi memberikan respon segera ke atas isu-isu negatif yang banyak dibangkitkan di media massa. Selain itu, program penerangan dan pendidikan juga turut dilaksanakan di dalam beberapa program anjuran kerajaan negeri dan PBT bagi memberikan lebih pendedahan kepada pengguna.
- c) Sebelum pelaksanaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena dilaksanakan pada 1 Januari 2017, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa buah program yang membudayakan aktiviti pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena serta aktiviti kepenggunaan yang lain seperti berikut:

| BIL | PROGRAM | TAHUN | AKTIVITI |
|-----|---|-------------|---|
| 1 | Program Pengurangan Penggunaan Polistirena dan Beg Plastik di Gerai dan Kafeteria Bangunan Kerajaan | 2011 | Program ini dilaksanakan pada setiap hari Isnin dan Jumaat, di mana penjawat awam digalakkan untuk membawa bekas makanan sendiri dan plastik sendiri |
| 2 | Program Bazar Ramadhan Mampan | 2013 - 2016 | Empat PBT telah dipilih bagi setiap tahun 2013-2015 untuk melaksanakan program ini, manakala pada tahun 2016 program dilaksanakan di seluruh PBT dengan menekankan aspek pengurangan penggunaan beg plastik dan larangan penggunaan polistirena |
| 3 | Program Jelajah Pengguna | 2016 | Program ini dilaksanakan di semua PBT untuk memberi lebih penerangan dan pendidikan kepenggunaan di samping aktiviti kesedaran alam sekitar dan amalan kitar semula. |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMANDANGKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TELAH
MENGAMBIL ALIH SEPENUHNYA PENGURUSAN AIR DI NEGERI
SELANGOR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menambah baik sistem perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor?
- b) Apakah ketepatan Kerajaan Negeri berkenaan status kolam/tangki air Yang masih belum diserahkan sepenuhnya oleh pemaju kepada syarikat air Selangor melalui proses pengambilan aset?

JAWAPAN:

- a) Untuk menambahbaikkan sistem perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi bagi mengendali dan menyelenggarakan sistem rawatan dan agihan bekalan air.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.3 bilion untuk pembangunan dua loji rawatan air baharu (Semenyih 2 dan Labohan Dagang) dan kos penggantian paip-paip lama sepanjang 422 kilometer.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan membaik pulih 40 rumah pam dan 50 buah kolam takungan air sedia ada dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 239 juta liter secara berperingkat dari 2017 sehingga 2019. Kerja-kerja membaiki 11 buah kolam takungan air dengan kapasiti 59 juta liter dan rumah pam sedang dilaksanakan bermula 2016 untuk diguna pakai apabila siap sepenuhnya.

Kerja-kerja penggantian paip lama sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada hujung tahun 2019. Air Selangor sedang dan akan terus mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang memerlukan penggantian paip lama.

Bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil dari 32% ke 29% pada hujung tahun 2019, Air Selangor telah menubuhkan pasukan terdiri daripada 150 warga kerja sepenuh masa untuk mengesan kebocoran di saluran paip untuk dibaiki.

Air Selangor sedang giat membangunkan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan dan Pengebilan baharu bertaraf dunia menggantikan sistem legasi berusia 20 tahun demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan pada awal tahun 2018.

- b) Tanggungjawab menyenggara, menjaga keselamatan dan kebersihan sesuatu tapak tangki air itu adalah di bawah pemaju sehingga ianya diserahkan kepada pemegang lesen bekalan air.

Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam **Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air [Retikulasi Air dan Pemasangan Paip] 2014** seperti di bawah:

- i. Bahagian III (Bab 1:Perlaksanaan Tanggungjawab) dan
- ii. Bahagian III (Bab 4: Penyerahan Sistem Bekalan Air), di mana

Pemaju dikehendaki mematuhi kesemua keperluan-keperluan teknikal sepertimana dinyatakan dalam perkara no. 4: Jadual Kesembilan sebelum menyerahkan sistem bekalan air kekal kepada pemegang lesen. Hal ini termasuklah pematuhan terhadap penyerahan tapak tangki air untuk tujuan pewartaan sebagai Rizab Bekalan Air sebelum tangki air tersebut diambil alih dan dioperasikan oleh pemegang lesen.

Pihak berkuasa tempatan melalui peruntukan kuasa sedia ada boleh mengambil tindakan kepada pemaju yang membiarkan kawasan di bawah tanggungjawab mereka (termasuk tapak tangki air yang belum diserahkan) tidak diselenggarakan sepertimana sepatutnya.

Bagi kolam-kolam yang telah diserahkan dan terbiar, Air Selangor akan membaik pulih tangki simpanan air yang terbiar di bawah program membaik pulih kolam/tangki air yang tidak digunakan. Kolam/tangki air ini akan diaktifkan semula untuk menambahkan kapasiti simpanan sedia ada dan secara tidak langsung dapat digunakan ketika berlaku gangguan bekalan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk membuka tawaran biasiswa atau pinjaman pendidikan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di semua universiti awam dan swasta di negara ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor ada menyediakan pembiayaan pendidikan di bawah Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor sejak tahun 1987 sehingga sekarang.

Pinjaman Pelajaran ini adalah terbuka kepada semua rakyat Negeri Selangor yang melanjutkan pengajian peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di universiti awam dan swasta dalam negara.

Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor ini dibuka 2 kali setahun iaitu pada Februari dan Ogos dengan kuota pengambilan pelajar baru seramai 1,500 orang setahun.

Pembiayaan ini adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah dan boleh ditukar kepada Pinjaman Boleh Ubah bagi peminjam yang tamat pengajian dengan CGPA 3.20 dan ke atas dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

Dalam pada itu, bagi menanggung kekurangan pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor turut memperkenalkan Program Peduli Siswa pada tahun ini yang juga merupakan bantuan pinjaman boleh ubah dengan peruntukan RM10 juta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga memang sudah memberi biasiswa kepada anak Selangor yang belajar di UNISEL dan KUIS melalui program Biasiswa Selangorku yang mula diperkenalkan tahun lepas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROGRAM PEMUTIHAN KILANG HARAM

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Kilang Haram telah dikenal pasti pada tahun 2008. Senaraikan mengikut Daerah?
- b) Berapakah Kilang Haram telah dipulihkan sehingga Disember 2016. Senaraikan mengikut Daerah?
- c) Apakah rancangan Kerajaan untuk menghapuskan Kilang Haram menjelang tahun 2018?

JAWAPAN:

Isu berkaitan kilang haram ini telah sekian lama menimbulkan banyak masalah seperti pencemaran bau, masalah sosial dan sebagainya sehingga ia menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat.

Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab empat (4) pertanyaan mulut daripada Y.B ADUN berikut iaitu; Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing) – Kilang Haram, Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali (Selat Klang) – Pencapaian Penyelesaian Kilang Haram, Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik) – Program Pemutihan Kilang Haram dan Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (Sri Muda) - Program Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran secara bersekali.

Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan rekod daripada bancian yang dibuat sebelum ini terdapat lebih kurang **2,998** kilang yang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK sebanyak **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan. Manakala terdapat sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah memperolehi hasil kutipan bayaran premium sebanyak **RM185,683,976.54** daripada permohonan yang telah diluluskan dan dianggarkan sebanyak **RM65,313,870.00** masih belum dibayar setakat ini. Untuk makluman Ahli-Alhi Yang Berhormat, statistik yang diberikan ini (**Lampiran A**) hanyalah sehingga pada **31 Disember 2015** sahaja.

PBN telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan proses pemutihan kilang-kilang haram. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor telah pun tamat pada 31 Disember 2015. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada iaitu tindakan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut prosedur yang ditetapkan ke atas kilang-kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor. Dalam masa terdekat, tumpuan tindakan perobohan akan ditumpukan kepada kilang haram yang dibina berhampiran sungai-sungai di Negeri Selangor terlebih dahulu.

LAMPIRAN A

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Permohonan Tukar Syarat | | | | | Premium Tambahan (Rm) | |
|---------------|----------------|------|--------------|--------------|-------------------------|--------------|-----------|-----------|---------------|-----------------------|----------------------|
| | | | Lot | Kilang | Bil. Permohonan | Lulus | Tolak | Batal | Belum Memohon | Dibayar | Belum Dibayar |
| 1. | Petaling | MBSA | 787 | 817 | 753 | 731 | 6 | 16 | 34 | 72,604,562.34 | 59,477,346.00 |
| | | MBPJ | 20 | 20 | 0 | 0 | 0 | 0 | 20 | 0.00 | 0.00 |
| | | MPSJ | 145 | 252 | 81 | 77 | 4 | 0 | 61 | 16,755,431.00 | 1,131,770.00 |
| 2. | Klang | MBSA | 226 | 227 | 178 | 134 | 7 | 37 | 571 | 29,428,170.10 | 2,380,937.00 |
| | | MPK | 535 | 621 | | | | | | | |
| 3. | Hulu Langat | MPKj | 351 | 428 | 170 | 169 | 18 | 4 | 181 | 51,179,214.80 | - |
| | | MPAJ | | | | | | | | | |
| 4. | Gombak | MPAJ | 0 | 0 | 43 | 28 | 1 | 14 | 94 | 5,528,344.05 | 341,305.00 |
| | | MPS | 137 | 157 | | | | | | | |
| 5. | Sepang | MPSp | 64 | 55 | 2 | 1 | 0 | 1 | 55 | 133,256.25 | - |
| 6. | Kuala Langat | MDKL | 177 | 197 | 92 | 73 | 15 | 4 | 78 | 8,450,882.00 | 1,982,512.00 |
| 7. | Kuala Selangor | MDKS | 34 | 149 | 4 | 1 | 0 | 3 | 27 | 303,262.00 | - |
| 8. | Hulu Selangor | MDHS | 23 | 53 | 11 | 5 | 3 | 3 | 11 | 810,845.00 | - |
| 9. | Sabak Bernam | MDSB | 24 | 22 | 12 | 4 | 6 | 2 | 22 | 490,009.00 | - |
| Jumlah | | | 2,523 | 2,998 | 1,346 | 1,223 | 60 | 97 | 1,154 | 185,683,976.54 | 65,313,870.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : LATIHAN WARGA TANI

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah modul latihan warga tani yang diumumkan semasa Bajet Selangor 2017?
- b) Nyatakan konsultan yang dilantik dan kaedah pemberian tender bagi melaksanakan latihan tersebut?

JAWAPAN:

a), b)

Jabatan Pertanian Negeri Selangor menganjurkan 2 jenis latihan bagi warga tani iaitu Kursus Jangka Masa Pendek dan Kursus Jangka Masa Panjang. Modul kursus yang dianjurkan meliputi 30% aspek teori dan 70% aspek praktikal.

Bagi Kursus Jangka Masa pendek, kursus-kursus ini ditawarkan disetiap Pejabat Pertanian Daerah dan juga di Pusat Latihan Pertanian Kalumpang. Bagi tahun 2017, sebanyak 212 buah kursus telah dicadangkan untuk dilaksanakan (Senarai Tajuk Kursus adalah seperti di jadual). Kursus ini meliputi Kursus-kursus tanaman, keusahawan, dan industri asas tani. Kursus yang dianjurkan di daerah merupakan kursus sehari manakala kursus di Pusat Latihan Pertanian Kalumpang merupakan kursus yang dianjurkan dalam jangka masa 3 hari.

Bagi Kursus Jangka Masa Panjang, sebanyak 2 jenis kursus ditawarkan kepada golongan beli tani iaitu Kursus Kejenteraan Belia Tani dan Kursus Inkubator Usahawan Belia Tani.

Kursus Kejenteraan Belia Tani merupakan Kursus yang dianjurkan khas untuk beli tani yang berminat untuk mempelajari dengan lebih mendalam aspek teknikal pertanian yang berkaitan dengan mesin dan jentera-jentera kecil. Kursus ini dianjurkan di Pusat Latihan Pertanian Tanjong Karang dan mengambil masa selama 5 bulan. Pengambilan setahun adalah sebanyak 2 sesi dan jumlah peserta yang diambil setahun adalah 60 orang.

Manakala, Kursus Inkubator Usahawan Belia Tani merupakan kursus yang dianjurkan di Pusat Latihan Pertanian Kalumpang. Kursus ini memberi fokus

kepada pembangunan projek fertigasi dan ia mengambil masa selama 8 bulan. Seramai 10 orang peserta yang layak akan dipilih untuk mengikuti program ini. Peserta akan diberi latihan intensif berkaitan aspek pertanian khususnya fertigasi tanaman rock melon dan cili.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT (SPS)

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan rakyat terhadap SPS?
- b) Sila senaraikan butiran terperinci jumlah pendaftaran SPS mengikut pecahan kaum?
- c) Sila nyatakan jumlah klinik swasta yang telah dilantik sebagai panel SPS mengikut pecahan setiap Dun?

JAWAPAN:

a) dan b)

1. Sambutan rakyat amat menggalakkan terhadap Program Skim Peduli Sihat (SPS) memandangkan Skim “Terunggul di Malaysia, Hanya di Selangor” ini adalah julung-julung kali di lancarkan bukan sahaja di Negeri Selangor bahkan di Malaysia. Ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri yang peduli rakyat. Sehingga 14 Mac 2017, sebanyak 68,579 orang telah memohon untuk menjadi peserta Skim Peduli Sihat sejak ianya dilancarkan pada awal tahun. Jumlah pendaftaran SPS mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

| BANGSA | JUMLAH PENDAFTARAN | PERATUSAN (%) |
|---------------|-------------------------------|----------------------|
| MELAYU | 47,697 | 69.55% |
| CINA | 9,258 | 13.50% |
| INDIA | 11,477 | 16.74% |
| LAIN- LAIN | 147 | 0.21% |
| JUMLAH | 68,579 | 100.00% |

- c) Sehingga 14 Mac 2017, sebanyak 889 klinik telah memohon untuk menjadi klinik panel Skim Peduli Sihat dan daripada jumlah ini sebanyak 650 klinik telah menyerahkan dokumen yang lengkap dan diluluskan sebagai klinik panel. Pecahan klinik mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut:

| DUN | TEMPAT | JUMLAH |
|------|--------------------|--------|
| N 01 | Sungai Air Tawar | 0 |
| N 02 | Sabak | 1 |
| N 03 | Sungai Panjang | 6 |
| N 04 | Sekinchan | 1 |
| N 05 | Hulu Bernam | 0 |
| N 06 | Kuala Kubu Baharu | 4 |
| N 07 | Batang Kali | 9 |
| N 08 | Sungai Burong | 1 |
| N 09 | Permatang | 4 |
| N 10 | Bukit Melawati | 3 |
| N 11 | Ijok | 1 |
| N 12 | Jeram | 8 |
| N 13 | Kuang | 5 |
| N 14 | Rawang | 18 |
| N 15 | Taman Templer | 9 |
| N 16 | Batu Caves | 14 |
| N 17 | Gombak Setia | 7 |
| N 18 | Hulu Kelang | 2 |
| N 19 | Bukit Antarabangsa | 3 |
| N 20 | Lembah Jaya | 14 |
| N 21 | Chempaka | 1 |
| N 22 | Teratai | 2 |
| N 23 | Dusun Tua | 4 |
| N 24 | Semenyih | 8 |
| N 25 | Kajang | 23 |
| N 26 | Bangi | 21 |
| N 27 | Balakong | 8 |
| N 28 | Seri Kembangan | 15 |
| N 29 | Seri Serdang | 13 |
| N 30 | Kinrara | 23 |
| N 31 | Subang Jaya | 23 |
| N 32 | Seri Setia | 11 |
| N 33 | Taman Medan | 8 |
| N 34 | Bukit Gasing | 5 |
| N 35 | Kampung Tunku | 5 |
| N 36 | Damansara Utama | 9 |
| N 37 | Bukit Lanjan | 5 |
| N 38 | Paya Jaras | 7 |
| N 39 | Kota Damansara | 18 |

| DUN | TEMPAT | JUMLAH |
|----------------------|-----------------|---------------|
| N 40 | Kota Anggerik | 31 |
| N 41 | Batu Tiga | 25 |
| N 42 | Meru | 14 |
| N 43 | Sementa | 9 |
| N 44 | Sungai Pinang | 5 |
| N 45 | Selat Klang | 5 |
| N 46 | Pelabuhan Klang | 15 |
| N 47 | Pandamaran | 4 |
| N 48 | Kota Alam Shah | 4 |
| N 49 | Seri Andalas | 11 |
| N 50 | Sri Muda | 19 |
| N 51 | Sijangkang | 5 |
| N 52 | Telok Datok | 8 |
| N 53 | Morib | 3 |
| N 54 | Tanjong Sepat | 1 |
| N 55 | Dengkil | 12 |
| N 56 | Sungai Pelek | 7 |
| - | Kuala Lumpur | 147 |
| - | Negeri Sembilan | 5 |
| - | Perak | 1 |
| JUMLAH KLINIK | | 650 |

Nota: Tiada klinik swasta yang beroperasi di DUN Sungai Air Tawar dan Hulu Bernam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PELAN KONTIGENSI PUSAT 'SPARE PART' LIF LAMA DI
PANGSAPURI KOS RENDAH BAGI MENJAGA KEBAJIKAN
GOLONGAN MARHAEN**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandang isu lif rosak di pangsapuri kos rendah adalah isu lama yang kronik, adakah kerajaan berhasrat menyediakan pusat pengumpulan bahan ganti lif yang sudah dipupuskan untuk diguna pakai oleh JMB yang memerlukan

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang berhormat, Kerajaan Negeri tidak ada cadangan untuk menyediakan pusat pengumpulan bahan ganti lif yang sudah dipupuskan. Namun demikian, pihak swasta yang berminat bolehlah merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor untuk urusan pelesenan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi program L'CERIA dan SMART Life (*Smart Lift Improvement For Quality Life*) yang merangkumi penggantian/baik pulih lif dan penyenggaraan lif secara komprehensif sebanyak RM30 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keutamaan penggunaan peruntukan MARRIS dan penilaian prestasi di PBT?
- b) Adakah terdapat tunggakan peruntukan MARRIS daripada Persekutuan?
- c) Adakah terdapat peruntukan MARRIS untuk setiap DUN dan PBT bagi tahun 2016 yang tidak habis digunakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa keutamaan Kerajaan Negeri pada ketika ini berhubung penggunaan peruntukan MARRIS adalah matlamat untuk memastikan kualiti turapan jalan-jalan Negeri serta mutu penyelenggaraan semua elemen yang bersangkutan dengannya adalah sentiasa pada tahap yang baik dan memuaskan. Dalam usaha mencapai matlamat ini, kesemua agensi pelaksana termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diberikan *Key Performance Indikator* (KPI) iaitu mencapai prestasi perbelanjaan sekurang-kurangnya 85% daripada Siling Peruntukan Tahunan yang telah diluluskan pada tanggal 30 September setiap tahun.
- b) Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri Selangor, tiada rekod tunggakan bayaran peruntukan Geran MARRIS daripada Kerajaan Persekutuan setelah mengambil kira fakta bahawa pemberian Geran MARRIS ini adalah satu pemberian yang perlu dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri selaras dengan Perkara 109 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan.
- c) Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri pada tahun 2016, terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah/Tanah (PDT) yang tidak dapat membelanjakan sepenuhnya peruntukan MARRIS tahun semasa berikutan wujud penjimatan selepas proses perolehan secara sebut harga dan tender. Senarai PBT dan PDT tersebut adalah seperti di **Lampiran A dan B**.

Prestasi Perbelanjaan MARRIS Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2016.

| BIL | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Siling Asal (RM) | Siling Tambahan (RM) | Siling Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) (d) | Baki (RM) | Peratus Baki (%) |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------------|----------------------|-----------------------|-----------------------|----------------------|------------------|
| | | (a) | (b) | c=(a+b) | | e=(c-d) | |
| 1 | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | 41,245,381.79 | 8,039,829.35 | 49,285,211.14 | 49,285,211.14 | 0.00 | 0% |
| 2 | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | 39,823,089.50 | 6,232,284.21 | 46,055,373.71 | 46,744,290.61 | -688,916.90 | -1% |
| 3 | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | 72,884,838.40 | 8,227,891.28 | 81,112,729.68 | 81,109,774.73 | 2,954.95 | 0% |
| 4 | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | 31,710,671.74 | 11,536,278.02 | 43,246,949.76 | 41,935,500.55 | 1,311,449.21 | 3% |
| 5 | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | 55,932,270.39 | 12,398,328.68 | 68,330,599.07 | 68,218,998.67 | 111,600.40 | 0% |
| 6 | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | 29,788,579.62 | 23,169,786.41 | 52,958,366.03 | 46,412,202.83 | 6,546,163.20 | 12% |
| 7 | Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) | 29,781,219.87 | 2,082,830.71 | 31,864,050.58 | 30,209,138.63 | 1,654,911.95 | 5% |
| 8 | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | 30,316,733.93 | 6,975,056.75 | 37,291,790.68 | 36,937,096.42 | 354,694.26 | 1% |
| 9 | Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) | 12,064,969.47 | 1,921,829.08 | 13,986,798.55 | 11,499,334.37 | 2,487,464.18 | 18% |
| 10 | Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) | 17,257,035.31 | 3,817,054.26 | 21,074,089.57 | 18,490,141.66 | 2,583,947.91 | 12% |
| 11 | Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) | 14,410,813.89 | 1,077,521.49 | 15,488,335.38 | 13,903,853.63 | 1,584,481.75 | 10% |
| 12 | Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) | 16,784,396.09 | 1,151,312.55 | 17,935,708.64 | 17,813,917.58 | 121,791.06 | 1% |
| Jumlah Keseluruhan | | 392,000,000.00 | 86,630,002.79 | 478,630,002.79 | 462,559,460.82 | 16,070,541.97 | 3% |

Nota :

(a) Lebihan perbelanjaan di MBSA ditampung menggunakan Siling Peruntukan Tahun 2017

Prestasi Perbelanjaan MARRIS Di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2016.

| Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) | Siling Asal (RM) | Siling Tambahan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki (RM) | Peratus (%) |
|---------------------------------------|-------------------------|-----------------------------|--------------------------|---------------------|--------------------|
| Gombak | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,030,751.13 | 80,359.98 | 7% |
| Sabak Bernam | 1,111,111.11 | 980,566.60 | 1,763,246.21 | 328,431.50 | 16% |
| Kuala Selangor | 1,111,111.11 | 0.00 | 922,334.76 | 188,776.35 | 17% |
| Sepang | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,018,063.31 | 93,047.80 | 8% |
| Klang | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,044,574.25 | 66,536.86 | 6% |
| Hulu Langat | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,057,828.31 | 53,282.80 | 5% |
| Petaling | 1,111,111.11 | 0.00 | 832,734.81 | 278,376.30 | 25% |
| Kuala Langat | 1,111,111.11 | 0.00 | 1,008,922.02 | 102,189.00 | 9% |
| Hulu Selangor | 1,111,111.11 | 0.00 | 834,817.33 | 276,293.78 | 25% |
| Jumlah Keseluruhan | 10,000,000.00 | 980,566.60 | 9,513,272.13 | 1,467,294.46 | 13% |

**SKOP PENYELENGGARAAN YANG DIBENARKAN
DALAM GARIS PANDUAN MARRIS**

11. KATEGORI PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI

Penyelenggaraan jalan negeri terbahagi kepada empat (4) kategori utama seperti berikut:

11.1 Penyelenggaraan Rutin (Borjadual)

Kea-kea penyelenggaraan rutin adalah kerja penyelenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, contohnya:

- (i) Penyelenggaraan pavemen (tampal jalan).
- (ii) Penyelenggaraan bahu jalan.
- (iii) Kerja-kerja pemotongan rumput lanskap.
- (iv) Penyelenggaraan perabot jalan.
- (v) Penyelenggaraan pementasan dan jambatan.
- (vi) Pembersihan longkang tepi jalan.
- (vii) Penyelenggaraan cerun (semula jadi dan buatan manusia).
- (viii) Penyelenggaraan jejambatan.
- (ix) Penyelenggaraan terowong.

11.2 Penyelenggaraan Berkala

Kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan, contohnya:

- (i) Penyelenggaraan pavemen (menurap semula jalan)
- (ii) Mengganti perabot jalan.
- (iii) Mengecat jalan.
- (iv) Mengganti saluran.
- (v) Membaiki cerun (atas dan bawah).
- (vi) Membaiki jambatan dan pementasan yang menghubungkan jalan.
- (vii) Penyelenggaraan pokok-pokok di bahu jalan.
- (viii) Penyelenggaraan persimpangan jalan.
- (ix) **Ujian ketahanan jalan.**
- (x) Penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat.

11.3 Penyelenggaraan Kecemasan

Kea-kea luar jangka yang memerlukan tindakan segera,

- contohnya:
- (i) Pokok tumbang.
 - (ii) Tanah cerun tembok penahan runtuh.
 - (iii) Jalan menclap.
 - (iv) Kegagalan benteng.
 - (v) Pementasan dan perparitan runtuh.
 - (vi) Banjir.

- (vii) Tumpahan bahan-bahan kimia, toksik, bahan konkrit atau lain-lain kerja yang melibatkan keselamatan pengguna jalan raya yang terancam secara serius.

Bagi pembaikan yang melibatkan keruntuhan struktur selain keruntuhan cerun, pembaikan hanya menyediakan laluan sementara.

11.4 Penyelenggaraan Pencegahan (*preventive*)

Kerja-kerja tindakan awal yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada yang mana kelewatan mengambil tindakan tersebut boleh menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi dan boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

- (i) Kajian Cerun.
- (ii) Kajian Ketahanan Jalan.
- (iii) Kajian Lalu Lintas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : LAWATAN AHLI MAJLIS KE LUAR NEGARA

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua lawatan ahli majlis ke luar negara pada tahun 2016.
- b) Nyatakan kos perbelanjaan program lawatan tersebut mengikut pecahannya.

JAWAPAN:

a), b)

Kos keseluruhan perbelanjaan Lawatan Ahli Majlis ke Luar Negara pada tahun 2016 adalah sebanyak RM 103,774.05 bagi (2) PBT iaitu MBPJ dan MPK. Manakala PBT-PBT yang lain tiada lawatan ke luar negara .

| PBT | TARIKH LAWATAN | LAWATAN AHLI MAJLIS KE LUAR NEGARA | KOS PERBELANJAAN (RM) |
|-------------|-----------------------------|--|------------------------------|
| MBPJ | 28 - 31 Januari 2016 | Lawatan Sambil Belajar Ahli Majlis dan Urusetia Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Bandar ke Ho Chi Minh, Vietnam. | 14,165.00 |
| | 20 - 26 April 2016 | Lawatan Rasmi 'Sister City' Oleh Ahli Majlis ke Bandaraya Asan, Seoul, Korea Selatan. | 18,588.30 |
| | 8 - 10 Oktober 2016 | Lawatan Kerja Ahli Majlis Sempena Program 'Sister City' ke Bandung, Indonesia. | 14,992.50 |
| MPK | 24 - 27 Februari 2016 | Lawatan Kerja Teknikal Kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua Dan Pegawai Pelaburan PBT Negeri Selangor Bersama YB Exco Ke Perth, Australia | 24,490.00 |

| | | | |
|---------------|---------------------------|---|-----------|
| | 6 - 9 Disember 2016 | Lawatan Kerja Teknikal Ke Melbourne Bersama YB Dato Exco Pelaburan, Perindustrian Dan Perdagangan Negeri Selangor | 31,538.25 |
| JUMLAH | RM103,774.05 | | |

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

48. LAWATAN AHLI MAJLIS KE LUAR NEGARA

Disediakan oleh :

MOHD YAZID BIN SAIRI
Timbalan Pengarah,
Seksyen Makro dan Penswastaan,
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

No. Telefon : 03 – 5544 7113
Tarikh : Mac 2017

Disemak oleh :

DATO' NOR AZMIE DIRON
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
(Pembangunan)

No. Telefon : 03 – 5544 7141
Tarikh : Mac 2017

Disahkan oleh :

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan,
Pemutihan Kilang Haram Dan Pembangunan Kampung Baru

No. Telefon : 03 – 5544 7131
Tarikh : Mac 2017

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat mana keberkesanan Program Pembersihan Sungai Klang dari segi perancangan kerja, skop kerja, tender, sebut harga, kawalan perbelanjaan mengikut jadual kerja serta penilaian terhadap pelaksanaan mana-mana bahagian kerja memandangkan peruntukan sebanyak RM15juta telah diperuntukkan untuk tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) YB Kampung Tunku bertanyakan tentang keberkesanan Program Pembersihan Sungai Klang dari segi perancangan kerja, skop kerja, tender, sebut harga, kawalan perbelanjaan mengikut jadual kerja serta penilaian terhadap pelaksanaan mana-mana bahagian kerja memandangkan peruntukan sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2017.

Untuk makluman YB Kampung Tunku, Program Pembersihan Sungai Klang telah dilaksanakan oleh anak syarikat '*Menteri Besar Incorporated*' (MBI) iaitu Hebat Abadi Sdn Bhd (HASB) yang telah dilantik secara terus bermula pada tahun 2016 bagi mengeluarkan longgokan sisa pepejal terapung di Sungai Klang yang amat kritikal pada ketika itu dengan skop kerja seperti berikut:

- 1) Pemasangan '*waste trap*' bagi memerangkap pelbagai jenis sisa pepejal di dalam sungai;
- 2) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di sepanjang Sungai Klang;
- 3) Penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan;
- 4) Memastikan kerja-kerja mengeluarkan semua jenis sisa pepejal dilaksanakan dengan teratur di tapak-tapak yang dibenarkan oleh agensi yang berkaitan dan mana-mana tapak lain yang dikehendaki oleh MBI;
- 5) Memastikan semua perkara berkaitan pusat pengumpulan sisa pepejal, tenaga kerja, bahan-bahan, peralatan dan jentera (termasuk tetapi tidak terhad kepada lori kompaktor, trak terbuka, tongkang, bot dan/atau aset-aset lain) adalah mencukupi dan bersesuaian untuk digunakan bagi memastikan perkhidmatan yang diberi berada di tahap optimum; dan

Bermula daripada pelantikannya pada tahun 2016, Program Pembersihan Sungai Klang telah menunjukkan keberkesananannya dimana:-

- i. Sebanyak 48 unit mini logboom telah dipasang di sepanjang kunci-kunci air bagi menyekat sisa pepejal terapung daripada mengalir terus ke Sungai Klang;
- ii. 20,809 MT sisa pepejal telah dikeluarkan dan kembalinya habitat liar semulajadi disebabkan oleh peningkatan kualiti air.
- iii. Di samping itu, aktiviti kitar semula telah turut dilaksanakan dan setakat bulan Mac 2017, 1,100 kg barangan yang boleh dikitar semula telah dikutip dan diasingkan justeru mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan

Bagi tujuan di atas, sejumlah RM5.3 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan skop kerja seperti yang telah dijelaskan.

Usaha-usaha di bawah program ini akan diteruskan pada tahun 2017 dengan objektif utamanya ialah untuk meningkatkan lagi keberkesanan operasi pembersihan untuk jangkamasa panjang dan menjalankan pemantauan sungai secara lebih efektif.

lanya dimulai dengan pelaksanaan penilaian teknikal bagi *'Effective River Cleaning Operations'* dengan kos sebanyak RM0.5 juta. Kerja-kerja penilaian teknikal ini mengambil masa selama tiga (3) bulan bermula Januari dan berakhir pada Mac ini bagi tujuan berikut:-

- 1) Kerja penandaan sempadan (*'certified boundary'*) di Sungai Klang yang melibatkan sempadan di antara lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat iaitu DBKL, MBPJ, MPSJ, MBSA dan MPK;
- 2) Mengenalpasti lokasi yang bersesuaian dan efektif untuk pemasangan lima (5) logboom utama di Sungai Klang dengan mengambil kira kelebaran sungai, kekuatan arus sungai dan juga kekuatan tebing;
- 3) Merekabentuk logboom yang *'robust'* dan efektif untuk menyekat sampah di Sungai Klang;
- 4) Mencadangkan kaedah efektif untuk mengutip sampah di logboom dan kaedah pengumpulan sampah di tebing sungai sebelum dihantar ke tapak pelupusan sampah;
- 5) Mencadangkan kaedah pemantauan dan laporan mengenai longgokan sampah di sungai dan penggunaan teknologi yang efektif dalam pemantauan kualiti air sungai secara *'real-time basis'*;
- 6) Mencadangkan kaedah bersesuaian untuk sampah-sampah yang dikutip dengan mengurangkan jumlah sampah dihantar ke tapak pelupusan;

- 7) Mencadangkan kaedah operasi kutipan sampah-sampah yang terlepas dari logboom dan di tebing sungai terutama sampah-sampah yang tersangkut di kawasan '*mangrove*'; dan
- 8) Cadangan pengindahan kawasan tebing dan rizab sungai supaya bersih dan selamat untuk dikunjungi oleh orang awam.

Pemantauan berterusan '*hotspot*' sampah haram di tebing sungai dan sumber pencemaran secara terus ke dalam sungai juga akan dilaksanakan melalui aplikasi '*drone*' di sepanjang 56 km bermula dari sempadan DBKL/MBPJ hingga ke muara Sungai Klang. Penggunaan teknologi '*drone*' telah bermula sejak pertengahan bulan Mac 2017 dan dianggarkan menelan belanja berjumlah RM1.5 juta untuk tahun 2017.

Fasa terakhir inisiatif pembersihan Sungai Klang untuk tahun 2017 akan bermula pada bulan Julai 2017 dengan cadangan penggunaan aplikasi teknologi bersesuaian untuk pemantauan menggunakan CCTV dan pemantauan kualiti air secara '*real-time basis*' menggunakan '*sensor*'. Kos pemasangan aplikasi teknologi ini dianggarkan berjumlah RM1.5 juta.

Ringkasan perbelanjaan untuk tahun 2017 dianggarkan seperti berikut:-

| | |
|--|------------|
| 1) Bayaran operasi kutipan sisa pepejal dari Sungai Klang | RM5.0 juta |
| 2) Penilaian teknikal ' <i>Effective River Cleaning Operations</i> ' | RM0.5 juta |
| 3) Penggunaan teknologi ' <i>drone</i> ' | RM1.5 juta |
| 4) Pemasangan lima (5) logboom utama | RM2.5 juta |
| 5) Aplikasi teknologi sensor dan CCTV | RM1.5 juta |
| 6) Perbelanjaan operasi dan "maintenance" | RM4.0 juta |

JUMLAH: RM15.0 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROJEK NAIKTARAF PARIT JEPUN (PARIT GUNASAMA) DI KAMPUNG
PAYA JARAS DALAM DAN PAYA JARAS HULU**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri akan memulakan projek menaiktaraf parit jepun di Paya Jaras Dalam dan Paya Jaras Hulu?
- b) Apakah Kerajaan bersedia menggunakan peruntukan perundangan *Creation Right of Ways* (CROW) bagi maksud membangunkan sistem saluran perparitan di atas tanah persendirian?

JAWAPAN:

a),b)

Kebanyakan parit-parit “jepun” di Paya Jaras Dalam dan Paya Jaras Hulu berada dalam lot tanah persendirian. Parit-parit “jepun” ini tiada rizab simpanan parit JPS. Sekiranya pihak JPS ingin melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf parit-parit “jepun” tersebut akan melibatkan pengambilan balik tanah hakmilik serta memerlukan kos yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SELENGGARA JALAN-JALAN DALAM TAMAN PANGSAPURI KOS RENDAH

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah dan prosedur pembiayaan penyelenggaraan jalan-jalan perumahan pangsapuri kos rendah?
- b) Berapakah yang diperuntukkan untuk selenggara jalan-jalan dalam perumahan pangsapuri kos rendah?
- c) Senaraikan pangsapuri kos rendah di DUN Taman Medan yang sudah diselenggara.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyelenggara dan mengurus bangunan sendiri termasuk jalan-jalan dalam kawasan pangsapuri. Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan, bermula tahun 2016, Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyelenggaraan jalan-jalan dalam kawasan pangsapuri kos rendah dengan menggunakan peruntukan mengurus penyelenggaraan di Pihak Berkuasa Tempatan sedia ada.
- b) Jumlah peruntukan untuk menyelenggara jalan-jalan dalam pangsapuri kos rendah adalah berdasarkan peruntukan mengurus penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun semasa.

- c) Berdasarkan rekod Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, perancangan projek penyenggaraan jalan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

| BIL | NAMA PANGSAPURI | ANGGARAN KOS (RM) | STATUS |
|------------|--------------------------------|--------------------------|---|
| 1 | Taman Medan 32, PJS 3 | 459,750.00 | Telah mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor pada 15 Mac 2017. |
| 2 | Blok A-B, Petaling Utama PJS 1 | 194,890.00 | |
| 3 | Sri Cemara, PJS 9 | 439,670.00 | |

| BIL | NAMA PANGSAPURI | ANGGARAN KOS (RM) | STATUS | |
|---------------|---|--------------------------|---|--|
| 4 | Petaling Perdana (Blok G-Q), PJS 1 | 532,910.00 | Untuk tindakan mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor. | |
| 5 | Flat Mentari Blok 11, Desa Mentari 2, PJS 2 | 662,250.00 | | |
| 6 | Cempaka Flat Sri Damansara (Sri Cempaka), PJS 9 | 533,945.00 | | |
| 7 | Flat Idaman, Damansara Damai | 942,800.00 | | |
| 8 | Gugusan Seroja, PJS 5 | 423,820.00 | | |
| JUMLAH | | 4,190,035.00 | | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : UNIT PELABURAN DI PERINGKAT PBT

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan unit pelaburan di peringkat PBT?
- b) Nyatakan jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk oleh unit ini pada tahun 2016.
- c) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk meningkatkan nilai pelaburan dari tahun ke tahun di peringkat PBT?

JAWAPAN:

- a) Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan berperanan untuk;-
 - b) Mempromosikan PBT/Daerah sebagai destinasi pelaburan mengikut kekuatan sumber ekonomi daya di kawasan PBT berkenaan.
 - c) Membantu menangani masalah yang dihadapi oleh pelabur untuk mendapatkan tapak, kelulusan pelan bangunan dan lain-lain.
 - d) Memastikan program pembangunan seperti infrastruktur dilaksanakan untuk menarik dan memenuhi kehendak pelabur.
 - e) Memastikan pihak berkuasa memaklumkan secara jelas kepada pelabur mengenai prosedur kelulusan tanah, pelan susun atur, pelan bangunan dan pelesenan diperlukan serta kaedah untuk mendapatkannya.
 - f) Mengenal pasti projek-projek baru yang berpotensi di PBT/Daerah berkenaan mengikut kekuatan masing-masing.
 - g) Penubuhan **Pusat Maklumat Setempat** di setiap Unit Pelaburan di PBT. Antara fungsi yang perlu dilaksanakan adalah:-

- i. Menyediakan maklumat dan penerangan kepada pelabur sama ada di dalam atau di luar negeri.
 - ii. Galakan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri mengikut jenis industri.
 - iii. Maklumat mengenai pelaburan dan perindustrian yang digalakkan di Negeri Selangor.
 - iv. Maklumat mengenai infrastruktur dan lain-lain kemudahan pelaburan seperti air, elektrik, telefon, gas, jalan raya, pelabuhan, guna tenaga dan lain-lain.
 - v. Maklumat mengenai jenis kilang dan keluaran yang dikeluarkan oleh Syarikat Multi Nasional dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
- h) Urusetia Jawatankuasa Pelaburan dan Perdagangan peringkat PBT bagi memantapkan dan meningkatkan keberkesanan Jawatankuasa di PBT.
- i) Memantau kelulusan pelaburan dan perdagangan di setiap PBT yang telah diberikan bagi melihat perlaksanaannya supaya tempoh kelulusan dapat disingkatkan dan pelabur mencapai keuntungan daripada pelaburan yang dibuat.
- b) Bagi tahun 2016 sebanyak **242 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 7,880,767,374**. Walaupun unit-unit pelaburan di PBT tidak berperanan secara langsung dalam membawa masuk projek-projek pelaburan, tetapi **Unit Pelaburan PBT memainkan peranan yang besar dalam memastikan projek-projek perkilangan yang diluluskan dapat dilaksanakan dan direalisasikan**.
- c) Antara perancangan dan strategi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan nilai pelaburan dari tahun ke tahun di peringkat PBT seperti berikut;-

1. **Pengurusan**

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.

- iv. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara jalan kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.
- v. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru yang kondusif, berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- vi. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- vii. Mewujudkan Selangor Aerospace Council dan Selangor Bio-Tech Council bagi merangka strategi dan hala tuju industri aero angkasa dan bio teknologi di Selangor

2. Networking

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa serta pertemuan-pertemuan yang turut melibatkan Y.A.B. Dato' Menteri Besar, EXCO dan Invest Selangor Berhad.
- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi pengalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

3. ***Promosi***

- i. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
- ii. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- iii. Penganjuran Selangor International Expo.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PULAU CAREY

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat manakah Kerajaan Negeri mengetahui tentang pembangunan pelabuhan *Carey Island* yang bernilai RM200 bilion?
- b) Apakah pandangan kerajaan negeri tentang pembangunan tersebut?
- c) Sila jelaskan keadaan sekarang Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey.

JAWAPAN:

- a) Tiada permohonan secara rasmi diterima di MDKL dan Kerajaan Negeri.
- b) Tiada berkaitan (Kerajaan Negeri).
- c) Tiada berkaitan (Jabatan Kemajuan Orang Asli - JAKOA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SELANGOR FRUIT VALLEY

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan projek *agrotourism* di Selangor *Fruit Valley*?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk menjayakan projek ini?
- c) Berapa lamakah projek ini akan disiapkan?

JAWAPAN:

- a) SFV telah dibuka untuk ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan yang bersesuaian mulai tahun 2003, fokus kepada penanaman buah belimbing sebagai pengusaha terbesar di dunia. PKPS telah membuka SFV kepada pelawat pada tahun 2006 – 2008. Pada tahun 2009 telah ditutup atas sebab kerugian yang tinggi dan masalah teknikal. Kajian semula telah dilaksanakan dalam tahun 2014 dan didapati SFV berpotensi untuk dibangunkan semula. Kerja-kerja baik pulih mula dijalankan dalam tahun 2015.

Perkembangan projek *agrotourism* di Selangor *Fruit Valley* (SFV) adalah seperti berikut :-

- i. Kerja-kerja rehabilitasi kawasan tanaman telah siap sepenuhnya. Berikut adalah kategori tanaman di Projek *Agro Tourism* di Selangor *Fruit Valley* (SFV) :-

| Bil | Kategori | Keluasan (Hektar) |
|------------|------------------------|--------------------------|
| 1. | Tanaman Bermusim | 19 |
| 2. | Tanaman Tidak Bermusim | 135 |
| 3. | Tanaman Kontan | 12 |
| 4. | Projek Herba | 5 |
| 5. | Semaian Sawit | 10 |
| | Jumlah | 181 |

ii. Manakala kerja-kerja pembangunan Projek Agro Tourism SFV telah siap 90%. Di antaranya adalah seperti berikut :

- (1) Pembangunan Taman Herba
- (2) Pembangunan Laman Mini Herba
- (3) Pembangunan Taman Rusa dan Arnab
- (4) Pembangunan Infrastruktur dan penambahbaikan prasarana termasuk makmal bioteknologi dan lain-lain
- (5) Menaik taraf kerja-kerja landskap di pintu masuk
- (6) Menaik taraf jalan tanah merah kepada jalan *asphalt* sejauh 2.4 km

iii. Pra Pelancaran Agro Tourism SFV telah diadakan 24 Disember 2016. Promosi masuk percuma kepada orang awam telah diadakan semasa cuti umum Tahun Baru Cina 2017. Jumlah pengunjung adalah seramai 660 orang. Lawatan kepada orang awam juga dibuka pada cuti sekolah bermula 18-27 Mac 2017. Pengunjung dikenakan bayaran promosi seperti berikut :-

| Bil | Kategori | Bayaran Seorang (RM) |
|-----|----------------|----------------------|
| 1. | Dewasa | 7.00 |
| 2. | Kanak-kanak | 4.00 |
| 3. | Warga Emas/OKU | 4.00 |

iv. Projek *Agro Tourism* SFV ini dijangka akan dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor dalam masa terdekat.

b) Peruntukan yang telah dibelanjakan untuk menjayakan projek ini adalah seperti berikut :-

PKPS telah membelanjakan sebanyak RM2.27 juta bagi pembangunan Projek *Agro Tourism* SFV pada tahun 2016. Bagi tempoh suku pertama tahun 2017, PKPS telah membelanjakan sebanyak RM102,000. Perbelanjaan pembangunan adalah menggunakan sumber dalaman PKPS. Bagaimanapun, PKPS telah menerima RM100,000 daripada pihak UPEN di bawah peruntukan Exco Pelancongan Negeri Selangor tahun lalu.

c) Tempoh siap projek ini adalah seperti berikut :-

Projek ini mulai dirancang dari sejak awal 2015 dan setakat ini telah siap sekitar 90%. Pelancaran oleh Dato' Menteri Besar Selangor boleh diadakan pada bila-bila masa sahaja.

Penambahbaikan akan terus dijalankan pada tahun-tahun seterusnya. Berikut adalah aktiviti pembangunan yang masih dan akan dijalankan bagi tahun 2017:-

- i. Aktiviti Air (seperti kenu, *boating* dan memancing) – Lokasi di kolam tadahan air utama
- ii. Aktiviti Darat (seperti merentas desa, berbasikal, *mountain biking* dan lain-lain)
- iii. Perkampungan Penginapan (*chalet* dan perkhemahan)
- iv. Pusat Latihan Pertanian
- v. *Eco-tourism*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa unitkah yang sudah di bina sejak pelancarannya?
- b) Berapa unitkah yang masih dalam pembinaan?

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **89,396** unit Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Ia merangkumi sebanyak 22,494 unit rumah dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku manakala baki 66,902 unit lagi bukan dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku. Daripada keseluruhan unit tersebut terdapat sebanyak **665** unit RSKU telah siap dibina. Jumlah ini tidak termasuk Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah diperkenalkan untuk tempoh interim dari tahun 2010 – 2013 sebelum Dasar Rumah Selangorku diperkenalkan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|------------------------|----------------------|
| MBSA | 1 | 536 (Jenis C) |
| MDHS | 1 | 129 (Jenis D) |
| JUMLAH | 2 | 665 |

Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah siap dibina untuk tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2013 :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|-----------------|--------------|
| MPKj | 3 | 352 |
| MPS | 1 | 1,422 |
| MBPJ | 1 | 236 |
| JUMLAH | 2 | 2,010 |

- b) Bagi projek Rumah Selangorku yang sedang dibina pula, sebanyak **24** projek dengan keseluruhan sebanyak **20,675** unit. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang sedang dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Rumah Selangorku (RSKU) | | | | Jumlah Keseluruhan Projek / Unit |
|---------------|-----------------|-------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------------------------|
| | | Jenis A | Jenis B | Jenis C | Jenis D | |
| MBSA | 1 | 750 | 1,508 | 2,190 | - | 4,448 |
| MPK | 4 | 4 | 40 | 1,987 | 2,192 | 4,223 |
| MPKj | 4 | 142 | 1,067 | 762 | 867 | 2,838 |
| MPSJ | 1 | - | 464 | 464 | 234 | 1,162 |
| MPS | 2 | - | - | 442 | - | 442 |
| MPSp | 6 | - | 445 | 629 | 1,940 | 3,014 |
| MDKS | 3 | 107 | - | 315 | 224 | 646 |
| MDKL | 2 | 330 | 660 | 1,982 | 670 | 3,642 |
| MDSB | 1 | - | 116 | 104 | 40 | 260 |
| JUMLAH | 24 | 1,333 | 4,300 | 8,875 | 6,167 | 20,675 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : LESEN PUSAT HIBURAN KELUARGA DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT)**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah lesen Pusat Hiburan Keluarga yang telah di luluskan oleh setiap PBT pada Tahun 2015 dan 2016.
- b) Apakah tindakan serta jumlah operasi yang telah diambil oleh setiap PBT supaya memastikan lesen itu tidak disalah gunakan oleh pemegang lesen?

JAWAPAN:

- a) Jumlah lesen pusat hiburan keluarga yang telah diluluskan oleh setiap PBT pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :

| PBT | LESEN PHK DILULUSKAN 2015 | LESEN PHK DILULUSKAN 2016 | JUMLAH |
|---------------|--------------------------------------|--------------------------------------|---------------|
| MBSA | 5 | 9 | 14 |
| MBPJ | 8 | 7 | 15 |
| MPK | 15 | 16 | 31 |
| MPAJ | 62 | 67 | 129 |
| MPSJ | 21 | 22 | 43 |
| MPS | 0 | 2 | 2 |
| MPSp | 7 | 9 | 16 |
| MPKj | 16 | 19 | 35 |
| MDKL | 1 | 1 | 2 |
| MDHS | 1 | 1 | 2 |
| MDKS | 3 | 3 | 6 |
| MDSB | 2 | 2 | 4 |
| JUMLAH | 141 | 158 | 299 |

Nota : Sumber dari PBT

- b) Tindakan serta jumlah operasi yang telah diambil oleh setiap PBT supaya memastikan lesen itu tidak disalahgunakan oleh pemegang lesen adalah seperti berikut :

| PBT | JUMLAH OPERASI | TINDAKAN YANG DIAMBIL |
|-------------|-----------------------|--|
| MBSA | Tiada Maklumbalas | Tindakan Majlis bagi memastikan lesen itu tidak disalahgunakan oleh pemegang lesen dengan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan sebelum pembaharuan Lesen Hiburan pada tahun berikut supaya mematuhi syarat. |
| MBPJ | Tiada Maklumbalas | <ul style="list-style-type: none"> • Tindakan kompaun ke atas pelanggaran syarat lesen perniagaan • Operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti PDRM, AADK, Jabatan Imigresen dan JAIS. • Tindakan pembatalan lesen perniagaan • Tindakan pelucuthakkan wang cagaran. |
| MPK | 20 | Tindakan membatalkan lesen sekiranya pemegang lesen melanggar syarat-syarat pelesenan. |
| MPAJ | 81 | Sita dan kompaun. |
| MPSJ | 0 | Sekiranya didapati terdapat premis Pusat Hiburan |

| PBT | JUMLAH OPERASI | TINDAKAN YANG DIAMBIL |
|-------------|----------------|--|
| | | Keluarga melanggar syarat pematuhan yang dikeluarkan pihak Majlis, tindakan penguatkuasaan dan pembatalan lesen akan dikenakan terhadap premis berkenaan. |
| MPS | 50 | <ul style="list-style-type: none"> • sita • kompaun • operasi bersepadu/rondaan/pantauan berkala. |
| MPSp | 2 | Membuat tindakan pemantauan berkala dan mengeluarkan notis kesalahan kepada pusat hiburan tidak berlesen, melakukan sitaan kepada premis yang tidak berlesen setelah kompaun di keluarkan. |
| MPKj | 6 | Tindakan operasi bersepadu, mengeluarkan kompaun dan tindakan sitaan. |
| MDKL | 11 | Pihak PBT boleh mengambil tindakan pembatalan lesen premis hiburan dan merampas cagaran pematuhan sekiranya pelesen melanggar syarat-syarat lesen hiburan permainan kanak-kanak. Bagi aktiviti pemantauan sentiasa dijalankan oleh pihak Polis dan Jabatan Penguatkuasaan, MDKL. |

| PBT | JUMLAH OPERASI | TINDAKAN YANG DIAMBIL |
|---------------|-----------------------|---|
| MDHS | 12 | Operasi pemantauan bersama-sama Agensi yang berkaitan. |
| MDKS | Tiada Maklumbalas | Tiada Maklumbalas |
| MDSB | 0 | Pihak MD Sabak Bernam akan mengadakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan lesen yang dikeluarkan beroperasi mengikut kelulusan yang ditetapkan dan tidak disalah guna. |
| JUMLAH | 182 | |

Nota : Sumber dari P

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PROJEK BRT LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan projek *Bus Rapid Transit* (BRT) di Lebuhraya Persekutuan
- b) Apakah kelulusan-kelulusan yang telah dipohon dan telah diberi oleh Kerajaan Negeri untuk projek ini

JAWAPAN:

- a) Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan *Bus Rapid Transit* (BRT). Soalan-soalan tersebut datangnye dari:

| No Soalan | Nama ADUN | Tajuk Soalan |
|-----------|---------------|--|
| | Kampung Tunku | PENGANGKUTAN AWAM - BRT KUALA LUMPUR - KLANG a) Apakah status terkini cadangan BRT Kuala Lumpur – Klang sepanjang Lebuhraya Persekutuan di mana salah satu stesen akan didirikan sekitar <i>Icon City</i> (SS 9) atau tapak Kontena Nasional (juga cadangan hospital awam baru) di kawasan SS 10, Petaling Jaya? |

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung status pelaksanaan projek *Bus Rapid Transit* memandangkan semua soalan merujuk kepada perkara yang sama.

1) Status pembinaan projek BRT di Lebuhraya Persekutuan

- a) Projek *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur – Klang merupakan salah satu projek pengangkutan awam darat di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang bermatlamat untuk memastikan perkhidmatan bas yang sistematik, cekap dan terurus di laluan-laluan utama ke pusat bandar Kuala Lumpur di sepanjang lima (5) kawasan penempatan berkepadatan tinggi dan mempunyai pergerakan trafik tertinggi ke Pusat bandar Kuala Lumpur di dalam kawasan Lembah Klang iaitu kawasan Klang, Shah Alam, Petaling Jaya dan Pusat Bandar Kuala Lumpur.
- b) Laluan BRT KL-Klang ini adalah sepanjang 34.3 kilometer yang melalui tiga (3) laluan utama iaitu Jalan Tun Sambathan, Jalan Syed Putra dan Jalan Persekutuan 2 (*Federal Highway*) dan melalui lima (5) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di mana empat daripadanya adalah kawasan PBT Negeri Selangor iaitu Majlis Perbandaran Klang, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- c) Cadangan pembinaan BRT KL- Klang pada awalnya akan bermula pada November 2014 sehingga Disember 2016 dan mempunyai dua (2) fasa pembinaan iaitu Fasa Pertama bermula dari November 2014 – April 2016 iaitu dari Kuala Lumpur (Pasar Seni) ke Subang Jaya (sebelum Tol Batu Tiga) dan Fasa Kedua bermula pada bulan Jun 2015 – Disember 2016 iaitu dari Subang Jaya (sebelum Tol Batu Tiga) ke Klang (Bandar Klang). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek ini ditangguhkan sehingga tahun 2017 atas sebab kekangan peruntukan.
- d) Pada tahun ini, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telahpun mengeluarkan iklan tender bagi pelaksanaan projek BRT pada 17 Januari 2017 dan akan ditutup pada 2 Mei 2017.

2) Kelulusan-kelulusan Yang Dipohon dan Telah Diberikan

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek BRT telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 14/2014 yang diadakan pada 23 April 2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 15/2014 pada 30 April 2014 telah menimbang dan meluluskan

secara dasar cadangan pelaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) Laluan Kuala Lumpur – Klang bagi meningkatkan pengangkutan awam di Kawasan Lembah Klang.

- b) Selain daripada itu, mesyuarat jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan bagi membincangkan secara terperinci keperluan dan syarat pematuhan peraturan PBT ke atas pemaju projek telah diadakan sebanyak lima (5) kali. Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat juga telah memberikan senarai-senarai permintaan "*wishlist*" yang perlu dipertimbangkan oleh pemaju projek sebagai persetujuan bersama bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar mengikut peraturan dan akta-akta yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : KEMPEN TIDAK MENGGUNAKAN PLASTIK BEG

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kempen tidak menggunakan plastik beg di setiap pasaraya yang dijalankan oleh kerajaan berjaya, sedangkan ada pasaraya mengaut keuntungan dari menjual beg plastik kepada pelanggan?
- b) Mengapakah kerajaan tidak menyarankan kepada peniaga supaya menggunakan beg kertas seperti di luar negara?

JAWAPAN:

- a) Objektif utama Kempen Bebas Plastik dan Polistirena ini adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik seterusnya bagi menjaga alam sekitar berdasarkan keadaan semula jadi beg plastik yang mengambil masa begitu lama untuk relai. Untuk menjayakan kempen ini, pengguna disarankan untuk membawa beg sendiri semasa membeli belah. Walau bagaimanapun pihak pasaraya boleh membekalkan beg plastik kepada pelanggan yang memerlukan dengan syarat mengenakan bayaran sekurang-kurangnya RM0.20 sepertimana penjualan barangan yang lain. Caj yang dikenakan ini dipercayai boleh membantu keberkesanan kempen melalui penggunaan beg sendiri apabila berbelanja. Mengenai hasil kutipan oleh peniaga tersebut, Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada pihak peniaga untuk menggunakan kutipan caj tersebut untuk melaksanakan program-program alam sekitar atau pembersihan sungai yang ditentukan oleh peniaga sendiri.
- b) Kerajaan Negeri melaksanakan kempen tidak menggunakan beg plastik untuk objektif sebagaimana yang dijelaskan tadi dan tidak pernah sesekali melarang sekiranya peniaga membekalkan beg kertas sebagai alternatif kepada penggunaan beg plastik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : KEROSAKAN JALANRAYA

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jalanraya dari Ijok ke Bestari Jaya baru dirasmikan tetapi keadaan jalan tidak memuaskan, kerosakan sangat ketara setelah diturap masih perlu dibaiki.
- b) Apakah langkah untuk mengenal pasti punca jalan itu sentiasa rosak?
- c) Apakah tindakan seluruh yang diambil untuk mengatasi kerosakan jalan ini?

JAWAPAN:

- c) Jalan B35 menghubungkan Ijok ke Bestari Jaya siap dibina pada tahun 2015. Jalan tersebut dilebarkan dari satu lorong – dua hala kepada dua lorong – dua hala. Jalan tersebut terletak di kawasan tanah lembut yang memerlukan kaedah pengukuhan tanah bagi mengelakkan pemendapan jalan. Pengukuhan tanah hanya direkabentuk bagi kawasan lorong yang dilebarkan sahaja. Terkini, kerosakan yang berlaku akibat pemendapan tanah adalah di kawasan lorong jalan asal yang mana kerja-kerja pembaikan sedang giat dijalankan.
- d) Langkah untuk mengenalpasti punca jalan itu rosak dengan melaksanakan ujian/kajian seperti berikut :-
 - *Soil Investigation* (SI)
 - *Site observation* ketika lawatan tapak

Punca berlakunya kerosakan jalan adalah disebabkan oleh faktor berikut :

- Pertambahan beban kenderaan di masa kini mengakibatkan tanah tersebut mengalami pemendapan.
- Beban kenderaan melebihi had yang dibenarkan dimana jalan terpaksa menampung beban sehingga 36 tan berbanding beban rekabentuk jalan iaitu 8 tan satu gandar.

e) Tindakan yang diambil:

- Kerja-kerja pembaikan dan pengukuhan tanah menggunakan kaedah *pile embankment* bagi mengelakkan pemendapan dari berlaku sedang giat dijalankan dan dijangka siap pada 2.3.2017.
- Penyelenggaraan jalan secara berkala oleh JKR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH KUOTA BUMIPUTERA

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap rumah yang dibina atas kuota bumiputera tetapi tidak dibeli sehingga tamat tempoh?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli rumah kuota bumiputera?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada 11 Ogos 2011 telah meluluskan Mekanisma Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan dan swasta khususnya pemaju dalam proses permohonan pelepasan unit-unit hartanah kuota Bumiputera termasuklah kategori perumahan. Pemaju boleh memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera melalui empat (4) peringkat berdasarkan kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Antara kriteria dan syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju sebelum sesuatu rayuan permohonan pelepasan kuota Bumiputera diberikan, pemaju perlu mengemukakan beberapa maklumat atau aktiviti kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) seperti berikut :

- i) Laporan projek yang mengandungi statistik jualan;
- ii) Salinan keratan akhbar- akhbar tempatan termasuklah akhbar Selangorkini, majalah, portal (website) yang mempromosikan hartanah-hartanah milik pemaju;
- iii) Salinan Sijil Perakuan Arkitek yang menunjukkan kemajuan projek di tapak;
- iv) Menyertai pameran hartanah Bumiputera yang dianjurkan samada oleh pihak LPHS atau swasta.

Selain itu, pemaju perlu terlebih dahulu menjual kesemua unit- unit hartanah kuota bukan Bumiputera sebelum boleh memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peringkat- peringkat pelepasan kuota Bumiputera terbahagi kepada empat (4) peringkat seperti berikut :

1) Peringkat Pertama – Kemajuan Projek 50%

- i) Semua unit- unit hartanah bukan Bumiputera habis dijual.
- ii) Kemajuan projek di tapak mencapai 50% berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah mempromosikan unit- unit hartanah berkenaan termasuklah mengiklankan di akhbar-akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

2) Peringkat Kedua – Kemajuan Projek 75%

- i) Semua unit- unit hartanah yang mendapat pelepasan kuota Bumiputera di Peringkat Pertama habis dijual dan telah membuat bayaran potongan harga Bumiputera kepada LPHS.
- ii) Kemajuan projek di tapak mencapai 75% berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah mengiklankan di akhbar- akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris serta di Selangorkini.

3) Peringkat Ketiga – Siap dan mendapat CF/CCC

- i) Semua unit- unit hartanah yang mendapat pelepasan kuota Bumiputera di Peringkat Kedua habis dijual dan telah membuat bayaran potongan harga Bumiputera kepada LPHS.
- ii) Kemajuan projek siap 100% dan mendapat CF/ CCC berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.

- iii) Pemaju telah menyertai pameran hartanah yang dianjurkan samada oleh pihak LPHS, Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) mahupun pihak swasta.
- iv) Pemaju telah mengiklankan di akhbar- akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

4) Peringkat Keempat – 6 bulan selepas mendapat CF/CCC

- i) Semua unit- unit hartanah yang mendapat pelepasan kuota Bumiputera di Peringkat Ketiga habis dijual dan telah membuat bayaran potongan harga Bumiputera kepada LPHS.
- ii) Projek telah mencapai enam (6) bulan selepas mendapat CF/CCC berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah mengiklankan di akhbar- akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

Walaupun bagaimanapun, setiap pelepasan kuota Bumiputera yang diberikan, pemaju dikehendaki membuat bayaran balik potongan harga seperti berikut :

- i) Bangunan Kediaman – 7% daripada harga jualan bagi setiap unit yang diberikan pelepasan.
- ii) Bangunan Perniagaan – 10% daripada harga jualan bagi setiap unit yang diberikan pelepasan.
- iii) Perusahaan/ Industri – 10% daripada harga jualan bagi setiap unit yang diberikan pelepasan.

Kesemua bayaran tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Tabung Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera Dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah Dan Kos Sederhana.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui LPHS telah mengambil beberapa inisiatif dalam membantu pembeli rumah kuota Bumiputera antaranya adalah dengan mengadakan program Pameran Hartanah Bumiputera anjuran LPHS yang ianya merupakan acara tahunan jabatan. Dengan adanya program tersebut, para pembeli Bumiputera dapat mengunjungi 'booth' pemaju bagi mendapatkan maklumat hartanah terkini lagi berpotensi untuk dibeli. Dalam program tersebut juga, pelbagai diskaun dan perkhidmatan ditawarkan oleh pemaju kepada pembeli Bumiputera.

Pembelian hartanah Bumiputera yang berpotensi juga di buat melalui PHSSB di mana hartanah- hartanah tersebut akan di sewakan kepada Bumiputera. Tempoh penyewaan adalah lima (5) tahun dan sekiranya penyewa atau ada pembeli Bumiputera yang berminat barulah hartanah tersebut akan dijual. Selain itu, LPHS juga dalam proses membangunkan satu sistem atau portal yang mengandungi maklumat hartanah - hartanah Bumiputera supaya orang awam khususnya Bumiputera untuk mendapat informasi dengan lebih cepat dan tepat. Ianya akan dilancarkan selewat- lewatnya akhir tahun ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KOLEJ ANTARABANGSA INPENS

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri memantau kualiti pengajaran Kolej Antarabangsa INPENS? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan bilangan pelajar INPENS mengikut pecahan kaum bagi tahun 2016 dan 2017.
- c) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi meningkatkan daya tarikan INPENS terhadap semua kaum terutamanya pelajar Cina?

JAWAPAN:

- a) Kurikulum pembelajaran di INPENS sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui beberapa siri lawatan oleh Panel Penilai Pentauliah Program Kemahiran yang terdiri daripada wakil-wakil industri yang telah dilantik oleh pihak JPK. Terkini pada 8hb Februari 2017 yang lalu, INPENS telah menerima satu lawatan penilaian dan dari hasil pemantauan tersebut, penambahbaikan bagi setiap teguran dan cadangan penilaian telahpun dilaksanakan untuk memastikan kurikulum dan modul pembelajaran di INPENS mematuhi kualiti yang telah ditetapkan oleh Badan Bertauliah. Setiap laporan penilaian dari pihak JPK ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang untuk memastikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah maklum akan perkembangan dan situasi pembelajaran di INPENS.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, serta Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin Dan Pekerja Ladang turut mengadakan program-program dan lawatan kerja ke INPENS yang secara langsung turut terlibat dalam pemantauan kualiti pengajaran di INPENS.

b)

| TAHUN | MELAYU | INDIA | CINA | JUMLAH |
|---------------|---------------|--------------|-------------|---------------|
| 2016 | 688 | 71 | 15 | 774 |
| 2017 | 384 | 82 | 8 | 474 |
| JUMLAH | 1072 | 153 | 23 | 1248 |

c) Di antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri adalah meningkatkan tahap profesionalisme dan kualiti tenaga pengajar melalui latihan dan pembangunan ilmu secara berterusan. Setiap tenaga pengajar INPENS diberi pendedahan akan pengetahuan terkini dan kemahiran yang sentiasa relevan dengan industri. Langkah ini dilihat dapat menarik lebih ramai pelajar dari kalangan semua kaum untuk mendapatkan ilmu kemahiran dari INPENS. Selain itu, fasiliti pengajaran dan pembelajaran serta infrastruktur INPENS sedia ada turut diperkasakan bagi memastikan ia seiring bagi memenuhi kehendak industri dan bersesuaian dengan potensi pelajar-pelajar.

INPENS turut merangka program Technical Apprentice Program (TAP) melalui hubungan kerjasama antara INPENS dan syarikat-syarikat bereputasi tinggi di dalam industri seperti Antah Schindler Sdn Bhd dan Top Glove Sdn Bhd melalui pihak SHRDC dan Exco Kerajaan Negeri. Dengan pelaksanaan usaha-usaha di atas, INPENS melalui Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin Dan Pekerja Ladang telah mengatur satu Lawatan pengenalan bersama sebuah badan NGO dari kaum Cina untuk mempromosikan INPENS dan usaha seumpama ini akan diteruskan di masa-masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : DENGGI

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tahniah atas penurunan wabak denggi di Selangor. Apakah usaha yang dilaksanakan yang menyebabkan penurunan ini?
- b) Apakah langkah yang diambil bagi mengekalkan statistik ini ke arah yang lebih baik?

JAWAPAN:

a) dan b)

1. Kes demam denggi bagi tahun 2016 iaitu 51,652 kes telah menunjukkan penurunan sebanyak 18% berbanding dengan tahun 2015 iaitu 63,198 kes manakala kadar kematian bagi tahun 2016 iaitu 78 kes telah berlaku pengurangan sebanyak 39% kes berbanding tahun sebelumnya iaitu 127 kes.
2. Sehingga 11 Mac 2017, Negeri Selangor telah mencatatkan sebanyak 9719 kes iaitu pengurangan sebanyak 38% kes demam denggi berbanding tahun 2016 iaitu 15,699 bagi tempoh yang sama dan pengurangan sebanyak 59% bagi kes kematian daripada 27 kes kepada 11 kes.
3. Kejayaan ini adalah hasil dari pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama semua pihak yang terlibat termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan pemimpin masyarakat. Diantara usaha yang dilaksanakan bagi tahun 2016 yang menyebabkan penurunan ini adalah seperti berikut:
 - 3.1 Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri secara dwi mingguan untuk membincangkan masalah denggi dan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan di semua peringkat.
 - 3.2 Mesyuarat Denggi Peringkat Daerah pada setiap minggu yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya. Mesyuarat ini

melibatkan semua agensi di daerah tersebut termasuk PBT, PKD, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), wakil Hospital, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Ahli Majlis dan Penghulu, membincangkan kaedah penyelesaian sesuatu isu di kawasan wabak terutama *hotspot* dan tindakan segera yang perlu dilakukan.

- 3.3 Penyediaan Blueprint Menangani Wabak Denggi yang telah mengenal pasti 8 garis panduan untuk tindakan semua PBT dan akan melibatkan semua Agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.
- 3.4 Mewujudkan Unit Tindakan Denggi (UTD) akan diwujudkan di PBT yang mempunyai kawasan *hotspot* berpanjangan dengan menempatkan beberapa petugas denggi di kawasan tersebut bagi mengesan dan mengawal punca penularan kes. Petugas ini akan melakukan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), fogging dan larvasiding dalam tempoh di tetapkan sehingga tiada kes dicatatkan di kawasan tersebut.
- 3.5 Menggalakkan penglibatan Ahli Majlis di peringkat PBT dalam melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.
- 3.6 Melibatkan ADN dengan memperuntukkan sebanyak RM10,000 setiap kawasan bagi menjalankan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.
- 3.7 Melantik Pest Controller Operator (PCO) bagi PBT yang berkemampuan untuk membantu melakukan aktiviti kawalan penularan denggi dan menurunkan jumlah kes denggi di kawasan wabak *hotspot*.
- 3.8 Menetapkan setiap pemaju perumahan melantik '*Pest Control Operator*' (PCO) dan melaporkan tindakan pencegahan yang dijalankan setiap bulan sehingga projek pembangunan siap.
- 3.9 Mengadakan taklimat denggi kepada semua pemaju dan syarikat PCO di tapak bina di setiap PBT bagi menerangkan kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya pembiakan jentik-jentik.
- 3.10 Mengadakan taklimat kepada kontraktor pembersihan di kawasan sekolah-sekolah dan kawasan PBT bagi menerangkan kawasan yang

perlu diambil perhatian semasa membuat pembersihan dan kaedah menghapuskan tempat pembiakan Aedes.

- 3.11 Mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah persendirian dan premis kotor yang berpotensi berlaku pembiakan jentik-jentik supaya tidak menjadi tempat pembuangan sampah haram dan tempat pembiakan Aedes.
 - 3.12 Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas 4 kategori premis seperti tapak bina, Premis Barang Lulus, tapak semaian serta kawasan komersial sedang digiatkan. Bagi penemuan jentik-jentik di tapak bina, tindakan penutupan selama 2 minggu dikenakan.
4. Bagi memastikan kadar kes demam denggi terus berkurangan untuk tahun 2017, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan satu Program Semburan Aerosol Selangor - SAS pada 26 Februari 2017 di semua Pihak Berkuasa Tempatan. Program ini adalah satu langkah proaktif bagi mengawal dan mencegah penularan wabak denggi yang bermula di rumah. Program SAS ini di ilhamkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan Aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga dapat dilindungi daripada nyamuk Aedes yang berkemungkinan berada dekat dengan anda. Kaedah pencegahan ini amat mudah dilaksanakan oleh setiap isi rumah dengan mematuhi arahan yang terdapat pada label. Ini merupakan fasa pertama yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor bagi mencegah kes demam denggi daripada terus meningkat. Langkah ini diambil lanjutan peningkatan kes yang berterusan sejak 10 minggu kebelakangan ini dan tidak mahu peningkatan kes yang mendadak berulang seperti tahun sebelumnya.
 5. Kerajaan Negeri telah menyumbang dan mengagihkan aerosol bagi kawasan yang berisiko terkena jangkitan denggi melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan akan diteruskan pelaksanaannya oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi satu tempoh masa 3 bulan pertama. Semua Ahli Dewan Negeri boleh menggunakan peruntukan denggi RM10,000.00 di kawasan masing-masing bagi meneruskan dan menggalakkan penggunaan aerosol di dalam rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEMPEN BEG PLASTIK SELANGOR

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kejayaan program Selangor Tanpa Beg Plastik yang di lancarkan semenjak 2012?
- b) Apakah kontribusi CSR dari pihak pasar raya sepanjang Kempen ini terlaksana disebabkan penjimatan dengan tidak menyediakan beg plastik lagi? Sila nyatakan program-program yang di laksanakan?

JAWAPAN:

- a) Program Hari Tanpa Beg Plastik yang dilaksanakan pada setiap hari Sabtu telah mula diperkenalkan pada tahun 2011 melibatkan beberapa buah pasaraya yang terpilih di Negeri Selangor. Setelah tiga tahun pelaksanaan program tersebut, Kerajaan Negeri telah mengadakan satu kajian awam terhadap penerimaan kempen tersebut pada tahun 2014 yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat perunding yang dilantik semasa itu. Antara hasil kajian yang diperolehi adalah seperti berikut:
 - 1. Tahap kesedaran pengguna terhadap pelaksanaan kempen ini adalah tinggi iaitu sebanyak 94%;
 - 2. Sebanyak 71% responden bersetuju dengan penambahan hari pelaksanaan kempen ini;
 - 3. 40% berpendapat kempen ini berjaya mencapai objektif pengurangan penggunaan beg plastik dan pemuliharaan alam sekitar;
 - 4. Seramai 48% responden berpendapat kempen ini berjaya dilaksanakan

Kesimpulannya, kempen ini dapat diterima dengan baik di kalangan pengguna berdasarkan hasil kajian yang telah dilaksanakan, namun pelaksanaannya perlu penambahbaikan yang berterusan untuk memberikan kemudahan dan manfaat yang berguna kepada masyarakat.

- b) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah dilaksanakan pada setiap hari Sabtu sejak tahun 2010 di Negeri Selangor, namun bermula pada tahun 2011 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melancarkan kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' di peringkat negara di mana kempen tersebut turut melibatkan bayaran 20 sen untuk beg plastik pada setiap hari Sabtu dan sekali gus kempen ini telah diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, beberapa program telah dilaksanakan oleh PBT bersama beberapa pengusaha pasaraya seperti berikut:

| PBT | PASARAYA TERLIBAT | TAHUN | AKTIVITI DILAKSANAKAN | JUMLAH SUMBANGAN CSR (RM) |
|------------|--------------------------|--------------|---|----------------------------------|
| MPAJ | TESCO AMPANG | 2012 | Program gotong-royong denggi di Sri Nilam | 1,000.00 |
| | AEON BIG Ampang | 2017 | Program berbasikal | Tidak dinyatakan |
| MPK | 99 Speedmart | 2016 | Program Pembersihan Sungai Klang | 500,000.00 |
| MBSA | | | | 500,000.00 |

Selain itu, terdapat juga inisiatif daripada pihak pasaraya untuk melaksanakan program-program CSR sendiri hasil daripada kutipan caj RM0.20 seperti pihak Giant Hypermarket yang melaksanakan program 'Sentuhan Hijau' yang merupakan program-program alam sekitar yang dilaksanakan bersama pelajar-pelajar sekolah dan program kempen bebas plastik bersama pengguna di pasaraya Giant Kota Damansara.


MAKLUMAT TAMBAHAN (SOALAN A)

Pelaksanaan Kajian Awam Terhadap Penerimaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Tahun 2014

Kajiselidik Hari Tanpa Beg Plastik di Selangor
N=1010, 6 – 10 Disember 2014

Tahap kesedaran

Tahap kesedaran adalah tinggi bagi semua responden. Kempen masih boleh dipertingkatkan lagi terutamanya di kalangan majikan




Q: Kerajaan negeri Selangor telah memperkenalkan kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" pada setiap Sabtu di semua pasar raya utama dan kedai runcit di Selangor sejak Januari 2010. Sejujukanakah anda sedar mengenai kempen ini di Selangor?

Page • 11

Kajiselidik Hari Tanpa Beg Plastik di Selangor
N=1010, 6 – 10 Disember 2014

Program berjaya?

Hampir separuh responden mengatakan kempen berjaya terutamanya di kalangan responden Cina dan golongan sektor awam




Q: Sejujukanakah anda rasa kempen Hari Tanpa Beg Plastik berjaya atau tidak berjaya?

Page • 37

Objektif tercapai?

Kurang daripada separuh responden merasakan objektif kempen tercapai



Q: Objektif kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan menyelamatkan alam sekitar. Sejuah manakah anda rasa bahawa kempen tersebut mencapai matlamatnya?

MAKLUMAT TAMBAHAN (SOALAN B)



EPISODE 1 – SCHOOL, SMK SRI DAMANSARA

- Cutaways bus ride
- Host, guest artist and Giant staff arrive at the school with "green bus"
- School establish
- School cutaways
- Briefing by teachers
- Color coded bins
- Interview session: Giant rep, school teachers, pupils





EPISODE 5 :NO PLASTIC BAG CAMPAIGN KOTA DAMANSARA

- Establish & Cutaways
- Filming: Artist helping customers at the cashier counter
- Filming: Artist signing an autograph on customers' Giant Recycle Bag
- Interview session: Giant rep & in-house customers



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini penerima Kad Skim Peduli Sihat.
- b) Nyatakan statistik jumlah penggunaan kad tersebut setakat ini.
- c) Mengapakah permohonan skim ini tidak boleh dijalankan secara *online* sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peserta yang memohon Skim Peduli Sihat sehingga 14 Mac 2017 adalah sebanyak 68,579 sejak ianya dilancarkan pada awal tahun 2017 yang lalu.
- b) Jumlah tuntutan penggunaan oleh peserta kad Peduli Sihat yang telah mendapatkan rawatan di Klinik Panel Skim Peduli Sihat sehingga 14 Mac 2017 adalah sebanyak RM 21,525.30.
- c) Permohonan untuk skim ini boleh dilaksanakan secara atas talian atau melalui Pejabat Ahli Dewan Negeri atau Penyelaras Dewan Negeri. Kaedah Ini adalah untuk memberikan pilihan kepada mereka yang tidak mempunyai akses internet dan yang tidak mempunyai kemahiran menggunakan internet.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PONDOK TELEFON AWAM

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan menyeluruh terhadap pondok-pondok telefon awam yang terbiar?
- b) Apakah tanggungjawab yang harus dikenakan terhadap kesemua pemilik pondok telefon awam tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus untuk menyelenggara pondok-pondok telefon awam yang terbiar. Walau bagaimanapun pihak PBT telah melaksanakan tindakan dengan menghantar notis/surat kepada Syarikat-syarikat telekomunikasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI SELANGOR

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikutan timbul isu virus kencing tikus di Sungai Congkak, adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi tahap penyelenggaraan kawasan-kawasan pelancongan bagi mengelakkan timbul persepsi “tidak selamat” untuk dikunjungi oleh masyarakat?
- b) Adakah Kerajaan juga merancang menambahkan lagi kemudahan-kemudahannya untuk menarik pengunjung-pengunjung?

JAWAPAN:

- a) Berikutan isu Virus Kencing Tikus di Sungai Chongkak, isu ini hanya disyaki tetapi tidak dapat dibuktikan secara sah. Kawasan tersebut ditutup selama 2 minggu setelah proses perbincangan lanjut dilakukan. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menjalankan langkah pencegahan dengan meningkatkan lagi tahap penyelenggaraan kawasan pelancongan seterusnya mengambil langkah pencegahan awal bagi memastikan kebersihan kawasan perkemahan, tapak perkhemahan dan kawasan chalet sentiasa berada dalam keadaan bersih dan ceria.

Sehubungan dengan itu, Tourism Selangor telah melantik sebuah syarikat kontraktor pembersihan untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan di seluruh kawasan Chongkak Park & Resort (CPR). Antara skop tugas yang dilakukan oleh kontraktor pembersihan terbabit adalah seperti berikut:

| BIL. | SKOP KERJA/ TUGASAN | STATUS KERJA |
|-------------|---|-------------------------|
| 1. | Kerja-kerja pembersihan Chalet (Chalet 1 hingga 14) | Harian |
| 2. | Kerja-kerja pembersihan di kawasan semua wakaf | Harian |

| | | |
|-----|--|----------|
| 3. | Kerja-kerja pembersihan kawasan surau | Harian |
| 4. | Kerja-kerja pembersihan kawasan astaka | Harian |
| 5. | Kerja-kerja pembersihan di kawasan dewan terbuka | Harian |
| 6. | Kerja-kerja pembersihan bilik persalinan | Harian |
| 7. | Kerja-kerja pembersihan tandas | Harian |
| 8. | Menyembur daun kering di seluruh kawasan termasuk kawasan tapak perkhemahan | Harian |
| 9. | Mengutip sampah di seluruh kawasan | Harian |
| 10. | Memotong rumput di seluruh kawasan | Mingguan |
| 11. | Membersihkan BBQ Pit | Mingguan |
| 12. | Membersihkan longkang di kawasan: i. Jalan utama ii. Chalet iii. Astaka iv. Tandas | Mingguan |
| 13. | Menyelenggara dan membersihkan kolam takungan air | Mingguan |

| | | |
|-----|---|----------|
| 14. | Membersihkan atap / bumbung chalet, wakaf, astaka, surau, tandas, bilik persalinan, kaunter tiket, dewan terbuka dan pejabat | Mingguan |
| 15. | Membersihkan sawang dan dinding bangunan chalet, wakaf, astaka, surau, tandas, bilik persalinan, kaunter tiket, dewan terbuka dan pejabat | Mingguan |
| 16. | Lain-lain tugas mengikut keperluan dari masa ke semasa | |

Semua kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak kontraktor pembersihan ini akan dipantau oleh penyelia dan kakitangan yang bertugas di CPR, disamping pihak kontraktor perlu menghantar laporan bulanan kepada Tourism Selangor bagi tujuan pembayaran bulanan. Pihak Tourism Selangor juga akan membuat pemantauan berkala dalam menyelenggara dan membuat pembersihan kolam septik tadahan najis.

Bermula 1 Januari 2017, Tourism Selangor mengambil inisiatif menyediakan kain rentang dan banner bagi melarang pengunjung CPR dan beberapa kawasan pelancongan serta rekreasi, untuk membawa bag plastik dan juga bekas makanan yang diperbuat daripada polisterina sejajar dengan kempen yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Tourism Selangor turut menyediakan beberapa papan tanda peringatan kepada pengunjung terhadap bahaya virus kencing tikus dan turut bekerjasama dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dengan memasang beberapa unit lagi sebagai peringatan kepada pengunjung.

Tourism Selangor juga turut bekerjasama dengan pihak swasta seperti syarikat perkilangan, NGO, pihak institusi pendidikan kerajaan dan swasta serta jabatan kerajaan seperti Majlis Perbandaran Kajang menjalankan aktiviti gotong royong dan juga aktiviti pembersihan sungai seperti membuang 'Mud Balls' untuk menjernihkan air sungai.

Aktiviti gotong royong bagi tujuan pencegahan turut di adakan pada 20 Februari 2017, yang diketuai oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Hulu Langat dan turut disertai oleh:

1. Y.B Dusun Tua
2. Kakitangan Tourism Selangor
3. Pejabat Kesihatan daerah Hulu Langat
4. Majlis Perbandaran Kajang
5. Pejabat Daerah Hulu Langat
6. Penduduk kampung berhampiran

Walau bagaimanapun, selain Tourism Selangor terdapat lebih daripada 15 pengusaha chalet dan tapak perkhemahan bersama-sama menjalankan operasi di kawasan Sungai Chongkak yang juga bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan terutama dalam penyediaan tandas awam untuk pengunjung di kawasan mereka.

- b) Tourism Selangor pada setiap tahun telah mengemukakan permohonan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui pihak UPEN Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan untuk memperbaiki mutu kemudahan awam yang disediakan kepada para pengunjung di Chongkak Park and Resort.

Permohonan terkini telah dibuat melalui mesyuarat Retreat Jawatankuasa Tetap Pelancongan yang telah berlangsung pada 15 hingga 17 Februari di Hotel Cititel, Pulau Pinang.

Pihak Tourism Selangor turut mengemukakan permohonan yang sama iaitu untuk memperbaiki kemudahan awam Chongkak Park and Resort di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Tourism Selangor yang telah bermesyuarat pada 27 Februari 2017 yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEMUDAHAN AWAM DI KOMPLEKS MEMBELI BELAH

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah implementasi dasar kemudahan awam di kompleks membeli belah setakat ini, sila perincikan kemudahan awam yang ditetapkan?
- b) Dari jumlah keseluruhan kompleks membeli belah di Selangor, berapa peratuskah kompleks membeli yang telah melaksanakan dasar ini, termasuk pusat jagaan kanak-kanak?

JAWAPAN:

- a) Implementasi Dasar Kemudahan Awam di kompleks membeli belah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui proses kebenaran merancang dengan memastikan penyediaan kemudahan awam disediakan dengan mencukupi dan disyaratkan selaras dengan dasar-dasar dan garis panduan yang telah dikuatkuasakan. Komponen-komponen kemudahan awam yang perlu disediakan adalah pematuhan menurut **Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil. 35/2016 bertarikh 19 Oktober, 2016 dan disahkan di dalam MMKN ke 36/2016 pada 26 Oktober 2016 dan Garis Panduan Penubuhan Tadika Dan Taska Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia KPKT 2012 yang diluluskan di Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.5/2012 dan tarikh pemakaiannya pada 5 November 2012.**

Komponen-Komponen kemudahan awam yang disyaratkan di dalam kompleks membeli belah adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kawasan landskap 5% daripada keluasan tapak termasuk ***perimeter planting***
2. Tempat Letak Kenderaan
3. Ruang Solat
4. Medan Selera
5. Laluan Pejalan Kaki
6. Kemudahan OKU
7. Tandas awam

8. Tempat hentian bas/teksi
9. Pili Bomba dan Alat Pemadam Kebakaran
10. Ruang memunggah **loading/unloading**
11. Tempat Menyimpan Troli
12. Tempat Pembuangan Sampah Sementara

- b) Pembangunan kompleks membeli belah di Negeri Selangor telah melaksanakan dasar ini kerana ianya melibatkan proses Kebenaran Merancang dan secara tidak langsung komponen-komponen kemudahan ini telah dapat disediakan dengan baik. Sehingga kini tiada inventori bagi peratusan kompleks membeli belah di Selangor yang telah melaksanakan dasar ini. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyediakan maklumat tersebut di masa akan datang.

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi penyediaan pusat jagaan kanak-kanak kebanyakannya adalah disediakan di dalam pembangunan berkonsepkan pangsapuri perkhidmatan di mana terdapat integrasi kemudahan yang di sediakan di dalam pembangunannya. Antara komponen utama yang perlu disediakan adalah pusat membeli belah, restoran, perniagaan retail, mini perpustakaan, **tadika atau pusat jagaan kanak-kanak (bergantung kepada nisbah unit pangsapuri perkhidmatan dan keperluan)** dan kemudahan-kemudahan awam yang telah dinyatakan bagi soalan sebelum ini. Antara contoh pembangunan pangsapuri yang telah melaksanakan dasar kemudahan awam dan pusat jagaan kanak-kanak adalah seperti di Springville di Ukay Perdana Ampang, Best Boulevard di Pandan Perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : INDUSTRI PASIR

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah royalti pasir dari 2014-2016?
- b) Senaraikan semua syarikat yang diberikan lesen pengorekan pasir?
- c) Nyatakan keluasan kawasan pengorekan pasir yang masih aktif di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah royalti pasir yang dibayar oleh KSSB dari tahun 2014 – 2016 adalah seperti berikut:-

| Tahun | (RM'Juta) |
|---------------|------------------|
| 2014 | 15.74 |
| 2015 | 20.55 |
| 2016 | 13.86 |
| Jumlah | 50.15 |

b) Senarai syarikat yang diberikan lesen pengorekan pasir adalah seperti berikut:-

| No. | Nama Kontraktor | Daerah | Kawasan (Permit) |
|-----|---------------------------------|-------------------------------------|-----------------------------------|
| 1 | Aras Metal Sdn. Bhd. | Hulu Langat | Sungai Langat |
| 2 | YMK Resources Sdn. Bhd. | | Sungai Semenyih |
| 3 | CMA Services Sdn. Bhd. | | Sungai Sekyen 7 Bandar Baru Bangi |
| 4 | WZR Properties Sdn. Bhd. | | Sungai Batu 10 (Cheras) |
| 5 | Press Arena Enterprise | | Sungai Beranang |
| 6 | Duplex Energy | | Sungai Beranang |
| 7 | Sungai Rambai Cons.Sdn.Bhd. | | Lot 2237, Cheras |
| 8 | Ismarau Tajuddin Sdn. Bhd. | | Hulu Semeyih |
| 9 | Bersia Engineering | | Hulu Semeyih |
| 10 | First Zara Services | | Sungai Kerling |
| 11 | WS New Hardware | | Batang Kali/Hulu Yam |
| 12 | Angromekar Premier Sdn Bhd | | Batang Kali/Hulu Yam |
| 13 | DSK Hardware | | Hulu Selangor |
| 14 | Key Dredging Sdn. Bhd. | Sungai Gumut & Sungai Inki | |
| 15 | Afzas Two Enterprise | Sungai Batang Kali & Sungai Ulu Yam | |
| 16 | Nature's Angle Sdn. Bhd. | Batang Kali | |
| 17 | RSL Mining Sdn Bhd | Sungai Rening | |
| 18 | C & W Construction Trading | Mukasauk SPLASH Rasa | |
| 19 | Warisan Pandan Resources | Bukit Tagar | |
| 20 | Jejak Sentosa Sdn. Bhd. | Sungai Labu | |
| 21 | Mula Holdings Sdn Bhd | Sungai Semenyih | |
| 22 | Miracle Resources & Technology | Sungai Langat | |
| 23 | DBE Dagang Enterprise Sdn. Bhd. | Kolam Takungan Rasau | |
| 24 | Bumi Intan Enterprise | Kolam Tadahan Air Cyberjaya | |
| 25 | Elegant Biz Sdn. Bhd. | Lot 36465, Dengkil | |
| 26 | Mayfair Technologies | Sepang | |
| 27 | Mayfair Technologies Sdn. Bhd. | | |
| 28 | CTF Builld Sdn. Bhd. | | |
| 29 | CTF Builld Sdn. Bhd. | | |
| 30 | Sunshine Aluminium | | |
| 31 | Rakan Sejati Resources | | |
| 32 | Emmina Best Corp. Sdn. Bhd. | | |
| 33 | First Reap Sdn Bhd | | |
| 34 | Syummur Services | | |
| 35 | OA Basri Enterprise | | |
| 36 | Bugis Holding Sdn. Bhd. | | |
| 37 | AdvanceCon | | |
| 38 | Solid Benefit Sdn Bhd | | |
| 39 | Buddamas Sdn. Bhd. | | |

- b) Senarai syarikat yang diberikan lesen pengorekan pasir adalah seperti berikut:-
(sambungan)

| No. | Nama Kontraktor | Daerah | Kawasan (Permit) |
|-----|--------------------------------------|----------------|--|
| 40 | Kemuncak Teknik Sdn. Bhd. | Kuala Langat | Sungai Langat (Bukit Canggih) |
| 41 | Wasilah Engineering Sdn. Bhd. | | |
| 42 | Aminora Enterprise | | Sungai Langat (Labohan Dagang) |
| 43 | First Reap Sdn Bhd | | |
| 44 | Lion Waterway Logistics Sdn. Bhd. | | First Reap |
| 45 | First Reap Sdn Bhd | | RTB Tanjung Dua Belas |
| 46 | Taikoon Ventures | | Mara Majumas Fasa 1 |
| 47 | Mara Majumas | | Mara Majumas Fasa 2 |
| 48 | Mara Majumas | | Stockpiles |
| 49 | Twin Power Marine | | |
| 50 | Sensible Frontier Sdn. Bhd. | Kuala Selangor | Sungai Selangor (Kampung Rantau Panjang) |
| 51 | Berestu Enterprise | | Sungai Selangor (Kampung Hang Tuah) |
| 52 | Two-B Macheneries | | Sungai Selangor (Kampung Hang Tuah) |
| 53 | Rawang Sand Mining | | |
| 54 | Mega Enrich Advisors | | Puncak Alam |
| 55 | Mega Enrich Advisors | | Sungai Buloh |
| 56 | MS Advance | | Kampung Asahan |
| 57 | Sanzwork Enterprise | | Taman Sri Endah |
| 58 | PS Mining | | Taman Sri Endah |
| 59 | Sanzwork Enterprise | | Taman Sri Endah |
| 60 | Sensible Frontier Sdn. Bhd. | | Taman Sri Endah |
| 61 | Sensible Frontier Sdn. Bhd. | | Taman Sri Endah |
| 62 | Symphony Elite | | Taman Sri Endah |
| 63 | Sungai Rambai Construction Sdn. Bhd. | | HORAS 600 |
| 64 | CST Mining | | Kg. Makmur |
| 65 | Jarom Angkut | | PT 5627 Jarom Angkut |
| 66 | Malaysian Rock Products Sdn. Bhd. | | PT 5630 Bestari Jaya |
| 67 | KSSB | | Stockpile HORAS (Lot 169) |
| 68 | Perniagaan Jaya (Ah Thiam) | | Taman Ilmu |
| 69 | Edaran Timurjaya | | Hulu Tinggi |
| 70 | CST Mining | Kg.Makmur | |
| 71 | Baragiat Enterprise | Gombak | Sungai Garing A |
| 72 | RSL Mining Sdn Bhd | | Sungai Garing B |
| 73 | Fauzieah Trading & Services | | Sungai Garing D |
| 74 | Fauzieah Trading & Services | | Sungai Sembah A |
| 75 | Baragiat Enterprise | | Sungai Sembah B |
| 76 | Seiring Mekar Enterprise | | Sungai Sembah C |
| 77 | Bukit Rata Enterprise | | Bukit Rata (UIA Lot 5054) |
| 78 | OHB Builders Sdn. Bhd. | | Kuang |
| 79 | Solaris Setiajaya Sdn Bhd | | Rawang |
| 80 | AD Cemerlang Jaya Sdn. Bhd. | Petaling | Kelab Golf Seri Selangor |

- c) Keluasan kawasan pengorekan pasir yang masih aktif di Selangor adalah seperti berikut:-

| Daerah | Kategori & Anggaran Jarak (dalam KM) / Luas (dalam ekar) | | | | | |
|----------------|--|-----------------------------|-----------------|-------------------|-------------------|-----------------------|
| | <i>Lombong GLC</i> | <i>Lombong Persendirian</i> | <i>Sungai</i> | <i>Stockpiles</i> | <i>Tanah Liat</i> | <i>Kolam Takungan</i> |
| Hulu Langat | - ekar | - ekar | 23.9 km | 11.0 ekar | - ekar | - ekar |
| Hulu Selangor | 40.7 ekar | - ekar | 32.9 km | - ekar | - ekar | - ekar |
| Sepang | - ekar | - ekar | 20.4 km | 32.7 ekar | - ekar | 44.0 ekar |
| Kuala Langat | - ekar | 172.4 ekar | 27.9 km | 4.3 ekar | - ekar | - ekar |
| Kuala Selangor | 487.4 ekar | 196.5 ekar | 32.3 km | 30.2 ekar | 70.0 ekar | - ekar |
| Gombak | - ekar | 42.0 ekar | 10.8 km | 3.9 ekar | - ekar | - ekar |
| Petaling | - ekar | - ekar | 17.2 km | 1.0 ekar | - ekar | - ekar |
| Jumlah | 528.1 ekar | 410.9 ekar | 165.4 km | 83.1 ekar | 70.0 ekar | 44.0 ekar |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KOMPAUN PBT

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kompaun yang telah di keluarkan oleh PBT masing-masing sejak tahun 2013.
- b) Nyatakan jumlah hasil yang telah di kutip daripada kompaun tersebut mengikut PBT masing-masing.
- c) Nyatakan jumlah kompaun yang masih belum dibayar dan apakah tindakan lanjutan yang akan diambil.

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan bilangan **kompaun** mengikut PBT yang dikeluarkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

1. **2013 = 926,133 kompaun**
2. **2014 = 986,295 kompaun**
3. **2015 = 1,158,221 kompaun**
4. **2016 = 1,194,628 kompaun**

| BIL | PBT | KOMPAUN TAHUN | | | |
|-----|-------------|---------------|---------|---------|---------|
| | | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
| 1. | MBSA | 244,643 | 406,271 | 514,945 | 586,732 |
| 2. | MBPJ | 508,036 | 361,404 | 493,428 | 470,340 |
| 3. | MPSJ | 5,249 | 10,342 | 12,569 | 14,330 |
| 4. | MPS | 11,253 | 4,854 | 10,341 | 11,509 |
| 5. | MPKj | 8,772 | 7,482 | 7,540 | 5,645 |
| 6. | MPK | 5,938 | 5,626 | 6,057 | 6,592 |
| 7. | MPAJ | 108,802 | 156,914 | 86,013 | 51,959 |
| 8. | MPSp | 19,222 | 17,320 | 11,734 | 30,306 |
| 9. | MDKS | 2,636 | 3,085 | 3,704 | 3,662 |

| BIL | PBT | KOMPAUN TAHUN | | | |
|---------------|------|----------------|----------------|------------------|------------------|
| | | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
| 10. | MDKL | 9,811 | 11,609 | 9,683 | 11,562 |
| 11. | MDSB | 936 | 528 | 535 | 513 |
| 12. | MDHS | 835 | 860 | 1,672 | 1,478 |
| JUMLAH | | 926,133 | 986,295 | 1,158,221 | 1,194,628 |

b) Jumlah keseluruhan bilangan hasil mengikut PBT mengikut tahun adalah seperti berikut:

1. 2013 = RM 21,102,723.50
2. 2014 = RM 25,630,986.50
3. 2015 = RM 23,843,260.00
4. 2016 = RM 27,870,053.50

| BIL | PBT | HASIL TAHUN | | | |
|---------------|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
| 1. | MBSA | 6,059,539.50 | 10,934,703.50 | 5,927,615.00 | 6,657,311.50 |
| 2. | MBPJ | 7,578,450.00 | 6,777,209.00 | 7,693,120.00 | 6,552,271.00 |
| 3. | MPSJ | 1,436,495.00 | 1,300,070.00 | 3,334,980.00 | 7,761,220.00 |
| 4. | MPS | 980,575.00 | 1,123,850.00 | 1,547,810.00 | 1,662,133.00 |
| 5. | MPKj | 1,026,454.00 | 856,410.00 | 988,630.00 | 632,211.00 |
| 6. | MPK | 545,725.00 | 604,832.00 | 877,390.00 | 872,925.00 |
| 7. | MPAJ | 1,083,370.00 | 1,660,265.00 | 1,190,445.00 | 1,444,895.00 |
| 8. | MPSp | 1,468,740.00 | 1,546,271.00 | 1,486,335.00 | 1,289,187.00 |
| 9. | MDKS | 209,755.00 | 254,960.00 | 207,120.00 | 186,240.00 |
| 10. | MDKL | 462,990.00 | 483,766.00 | 509,465.00 | 742,510.00 |
| 11. | MDSB | 117,550.00 | 82,800.00 | 72,850.00 | 63,400.00 |
| 12. | MDHS | 133,080.00 | 5,850.00 | 7,500.00 | 5,750.00 |
| JUMLAH | | 21,102,723.50 | 25,630,986.50 | 23,843,260.00 | 27,870,053.50 |

c) Jumlah keseluruhan bilangan **kompaun yang masih belum dibayar** mengikut PBT mengikut tahun adalah seperti berikut:

1. **2013 = RM 91,851,579.00**
2. **2014 = RM 84,072,955.00**
3. **2015 = RM 99,366,219.00**
4. **2016 = RM 100,130,318.00**

| BIL | PBT | KOMPAUN BELUM DIBAYAR MENGIKUT TAHUN | | | |
|---------------|-------------|--------------------------------------|----------------------|----------------------|-----------------------|
| | | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
| 1. | MBSA | 27,315,697.00 | 33,153,372.00 | 43,244,972.00 | 48,404,233.00 |
| 2. | MBPJ | 21,955,492.00 | 16,943,809.00 | 24,325,394.00 | 23,406,868.00 |
| 3. | MPSJ | 4,098,400.00 | 3,816,050.00 | 3,016,687.00 | 17,200.00 |
| 4. | MPS | 8,185,900.00 | 3,731,351.00 | 5,932,950.00 | 5,991,800.00 |
| 5. | MPKj | 7,723,296.00 | 6,625,590.00 | 6,551,370.00 | 5,012,789.00 |
| 6. | MPK | 5,189,490.00 | 4,605,720.00 | 3,599,589.00 | 5,315,520.00 |
| 7. | MPAJ | 9,786,431.00 | 12,295,665.00 | 10,451,118.00 | 7,546,973.00 |
| 8. | MPSp | 7,909.00 | 5,722.00 | 4,405.00 | 21,286.00 |
| 9. | MDKS | 5,827,695.00 | 1,187,480.00 | 480,443.00 | 813,290.00 |
| 10. | MDKL | 988,894.00 | 1,175,746.00 | 463,541.00 | 368,209.00 |
| 11. | MDSB | 92,500.00 | 36,950.00 | 29,250.00 | 31,300.00 |
| 12. | MDHS | 679,875.00 | 495,500.00 | 1,266,500.00 | 3,200,850.00 |
| JUMLAH | | 91,851,579.00 | 84,072,955.00 | 99,366,219.00 | 100,130,318.00 |

Tindakan lanjut atau langkah-langkah proaktif yang diambil oleh PBT bagi memastikan pemilik kompaun menjelaskan kompaun yang dikenakan adalah seperti berikut

a. Sistem Semakan Berpusat i-Sekat

Majlis menyekat urusan individu dan organisasi yang mempunyai tunggakan kompaun sehingga tunggakan tersebut dilunaskan sepenuhnya. Antara urusan yang disekat adalah:

- (a) Permohonan/Pembaharuan Lesen Perniagaan/Industri
- (b) Permohonan Permit, Pelan, Sewaan, Tempahan
- (c) Pendaftaran Pemborong/ Pembekal
- (d) Pembelian Dokumen Sebutharga/ Tender

(e) Tuntutan Barangan Rampasan

b. Notis Peringatan

Notis peringatan tunggakan kompaun secara berkala dikeluarkan kepada Orang Kena Kompaun (OKK) yang menunjukkan jumlah amaun serta bilangan tunggakan kompaun yang masih belum dibayar.

c. Kempen Pengurangan Kompaun

Kempen pengurangan kompaun diadakan bagi memberi peluang kepada Orang Kena Kompaun (OKK) menjelaskan tunggakan kompaun. Kadar pengurangan yang ditawarkan antara 50% hingga 80%.

d. Operasi penundaan kenderaan yang mempunyai kompaun tempat letak kereta melebihi sepuluh keping.

Operasi penundaan dijalankan secara berterusan bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna jalanraya agar mematuhi peraturan dan OKK segera melangsaikan tunggakan kompaun.

e. Bayaran kompaun RM10 dalam tempoh 24 jam

Orang Kena Kompaun (OKK) hanya perlu membayar sebanyak RM10 dalam masa 24 jam daripada tarikh dan masa kompaun dikeluarkan.

f. Bayaran Online

Sebahagian PBT telah menambah saluran bayaran atas talian (*JomPAY*) bagi memudahkan Orang Kena Kompaun (OKK) membayar kompaun, selain saluran sedia ada melalui Maybank2u dan FPX.

JUMLAH BILANGAN KOMPAUN DIKELUARKAN, HASIL KUTIPAN KOMPAUN DAN JUMLAH KOMPAUN YANG BELUM DIBAYAR MENGIKUT PBT NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

1. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|---------------------|----------------------|----------------|----------------------|----------------------|----------------|---------------------|----------------------|----------------|--------------------|----------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) |
| Akta Kerajaan Tempatan 1976 | 934 | 109935 | 331965 | 948 | 132695 | 303905 | 871 | 115340 | 290105 | 920 | 106635 | 329400 |
| Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 | 2918 | 2820516 | 5610560 | 2380 | 6858880 | 4039060 | 3255 | 642840 | 1563400 | 4097 | 759250 | 2688560 |
| UUK Iklan | 3063 | 242483 | 1084910 | 6402 | 467351.5 | 2280905 | 8451 | 838775 | 3547840 | 8479 | 636067.50 | 4013705 |
| UUK Penjaja | 6597 | 148742 | 1750550 | 7772 | 168755 | 2077630 | 8225 | 183820 | 2469025 | 9402 | 148680 | 60950 |
| UUK Pusat Kecantikan | 73 | 10600 | 54300 | 76 | 6000 | 66800 | 34 | 1700 | 32000 | 82 | 8100 | 73000 |
| UUK Establisymen Makanan | 292 | 22448 | 108775 | 573 | 42160 | 202445 | 616 | 53400 | 280775 | 847 | 59020 | 420335 |
| UUK Taman | 41384 | 687155.50 | 2180762 | 53208 | 962160 | 3183212 | 82089 | 1783920 | 7313177 | 92597 | 2427152 | 9204463 |
| UUK Pengendali Makanan | 109 | 10195 | 22120 | 147 | 14580 | 33800 | 134 | 17205 | 37725 | 95 | 10455 | 31670 |
| UUK Siber Kafe | 75 | 4475 | 63875 | 84 | 6425 | 66200 | 35 | 2950 | 25700 | 37 | 2550 | 34000 |
| UUK Tred | 2115 | 188967 | 710540 | 1921 | 174829 | 635665 | 2157 | 252265 | 917060 | 2854 | 317505 | 1218120 |
| UUK Sampah | 90 | 13725 | 5170040 | 83 | 13250 | 43750 | 132 | 23790 | 53300 | 115 | 20435 | 48650 |
| UUK Vandalisme | 6 | 400 | 4000 | 29 | 4200 | 23600 | 41 | 10800 | 29000 | 34 | 3550 | 29550 |
| Enakmen Hiburan | 1 | 0 | 25000 | - | - | - | - | - | - | 1 | 1500 | 0 |
| UUK Anjing | 20 | 500 | 10600 | 25 | 1250 | 11500 | 26 | 2125 | 11550 | 32 | 800 | 16230 |
| UUK Kerja tanah | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 300 | 0 |
| UUK Hotel | 52 | 7500 | 36000 | 59 | 12700 | 43000 | 47 | 9500 | 37000 | 77 | 14050 | 60950 |
| UUK Pasar | - | - | - | - | - | - | 57 | 3535 | 15775 | 17 | 425 | 4600 |
| UUK Tempat Letak Kereta Persendirian | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 3 | 0 | 3000 |
| UUK Pusat Sukan Persendirian | - | - | - | - | - | - | 1 | 0 | 750 | 5 | 0 | 3750 |
| UUK Kolam Renang | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 0 | 750 |
| Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) | 186914 | 1791898 | 10151700 | 332564 | 2069468 | 20141900 | 408774 | 1985650 | 26620790 | 467036 | 2140837 | 30162550 |
| Jumlah | 244,643 | 6,059,539.50 | 27,315,697.00 | 406,271 | 10,934,703.50 | 33,153,372.00 | 514,945 | 5,927,615.00 | 43,244,972.00 | 586,732 | 6,657,311.5 | 48,404,233.00 |

LAMPIRAN 2

2. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

| UUK DIGUNAPAKAI | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|------------------|-------------------|----------------|------------------|-------------------|----------------|------------------|-------------------|----------------|------------------|-------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) |
| UUK Iklan (MBPJ) 2007 | 2049 | 220,420 | 324,130 | 2645 | 316,045 | 473,400 | 1952 | 323,075 | 324,820 | 1640 | 308,370 | 357,850 |
| Uuk Penjaja (MBPJ) 2007 | 2036 | 77,401 | 239,480 | 2398 | 90,291 | 299,085 | 2438 | 94,187 | 310,819 | 2101 | 72,052 | 279,490 |
| UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ)2013 | 86 | 23,404 | 17,600 | 94 | 12,550 | 38,300 | 98 | 32,250 | 28,353 | 52 | 14,200 | 16,000 |
| UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MBPJ) 2007 | 2573 | 124,573 | 284,125 | 3202 | 149,035 | 365,845 | 2819 | 157,640 | 298,293 | 1932 | 187,440 | 339,325 |
| Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) | 4690 | 421,882 | 428,275 | 6007 | 592,757 | 559,096 | 4449 | 445,512 | 319,426 | 4198 | 440,995 | 255,000 |
| Uuk Taman (Mppj)2005 | 10 | 280 | 300 | 08 | 100 | 420 | 460 | 6140 | 23,280 | 618 | 11,890 | 27,490 |
| Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 | 109 | 93,680 | 141,000 | 111 | 87,447 | 341,600 | 196 | 138,030 | 968,500 | 96 | 76,450 | 671,000 |
| Uuk Hotel (Mbpj) 2013 | 71 | 18,641 | 25,300 | 99 | 21,147 | 40,700 | 54 | 20,210 | 9600 | 34 | 3200 | 14,300 |
| UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber (MBPJ) 2007 | 745 | 366,522 | 18,818 | 76 | 2420 | 3775 | 192 | 72,440 | 32,390 | 67 | 26,700 | 7000 |
| Perintah Pengangkutan Jalan 1987 (Ptik) Mbpj 2012 | 495,667 | 6,231,647 | 20,476,464 | 346,764 | 5,505,417 | 14,821,588 | 480,770 | 6,403,636 | 22,009,913 | 459,602 | 5,410,974 | 21,718,903 |
| Jumlah | 508,036 | 7,578,450 | 21,955,492 | 361,404 | 6,777,209 | 16,943,809 | 493,428 | 7,693,120 | 24,325,394 | 470,340 | 6,552,271 | 23,406,868 |

3. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|---|---|---------------------|---------------------|---------------|---------------------|---------------------|---------------|---------------------|---------------------|---------------|---------------------|------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan | Tunggakan | Bil. | Kutipan | Tunggakan | Bil. | Kutipan | Tunggakan | Bil. | Kutipan | Tunggakan |
| | | (RM) | (RM) | | (RM) | (RM) | | (RM) | (RM) | | (RM) | (RM) |
| Iklan | 1,838 | 266,900.00 | 538,200.00 | 3,177 | 173,400.00 | 190,300.00 | 4,693 | 404,800.00 | 106,650.00 | 5,198 | 2,832,000.00 | 6,000.00 |
| Penjaja | 1,040 | 33,470.00 | 477,000.00 | 1,107 | 473,000.00 | 253,750.00 | 1,707 | 854,000.00 | 790,932.00 | 1,921 | 1,209,000.00 | 0.00 |
| Pusat Kecantikan | 317 | 117,920.00 | 163,000.00 | 390 | 225,000.00 | 184,000.00 | 52 | 24,000.00 | 26,180.00 | 9 | 4,000.00 | 0.00 |
| Burung Walit | 0 | 0.00 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0.00 |
| Establisymen Makanan | 54 | 18,600.00 | 36,000.00 | 241 | 40,000.00 | 112,000.00 | 271 | 53,000.00 | 72,875.00 | 612 | 231,000.00 | 1,000.00 |
| Taman | 163 | 15,300.00 | 133,000.00 | 232 | 38,000.00 | 31,000.00 | 89 | 43,000.00 | 13,000.00 | 164 | 146,000.00 | 1,000.00 |
| Tempat Letak Kereta | 30 | 1,800.00 | 20,000.00 | 136 | 7,800.00 | 4,000.00 | 11 | 3,000.00 | 6,400.00 | 26 | 10,000.00 | 0.00 |
| Hotel | 260 | 111,640.00 | 22,000.00 | 222 | 13,000.00 | 38,000.00 | 439 | 45,000.00 | 200,200.00 | 613 | 251,000.00 | 1,000.00 |
| Pasar | 56 | 147,340.00 | 211,000.00 | 25 | 0.00 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0.00 | 3 | 1,000.00 | 0.00 |
| Pusat Siber Dan Kafe Siber | 121 | 294,680.00 | 422,000.00 | 382 | 26,000.00 | 45,000.00 | 150 | 198,000.00 | 3,400.00 | 307 | 268,000.00 | 0.00 |
| Pusat Sukan Persendirian | 7 | 1,300.00 | 2,000.00 | 1 | 1,000.00 | 1,000.00 | 25 | 23,000.00 | 800.00 | 56 | 0.00 | 0.00 |
| Vandalisme | 833 | 36,000.00 | 742,000.00 | 16 | 2,000.00 | 23,000.00 | 24 | 15,000.00 | 4,700.00 | 10 | 3,000.00 | 0.00 |
| Perlesenan Anjing Dan Rumah | 189 | 20,600.00 | 68,000.00 | 63 | 37,000.00 | 92,000.00 | 0 | 0.00 | 0.00 | 115 | 47,000.00 | 0.00 |
| Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah | 40 | 13,450.00 | 16,000.00 | 1,254 | 20,870.00 | 38,000.00 | 696 | 116,320.00 | 63,530.00 | 457 | 94,020.00 | 7,000.00 |
| Perlesenan, Tred Perniagaan dan Perindustrian MPSJ | 301 | 357,495.00 | 1,248,200.00 | 3,096 | 243,000.00 | 2,804,000.00 | 4,412 | 1,555,860.00 | 1,728,020.00 | 4,839 | 2,665,200.00 | 1,200.00 |
| Jumlah | 5,249 | 1,436,495.00 | 4,098,400.00 | 10,342 | 1,300,070.00 | 3,816,050.00 | 12,569 | 3,334,980.00 | 3,016,687.00 | 14,330 | 7,761,220.00 | 17,200.00 |

4. MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

| JENIS PERUNTUKAN YG TERPAKAI DI PBT | Jumlah Kompaun dan Kutipan yang dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|---|---|--------------|----------------|-------|--------------|----------------|-------|--------------|----------------|-------|--------------|----------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) |
| Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 | 1,538 | 505,430 | 6,203,250 | 921 | 733,250 | 2,951,500 | 2,515 | 1,033,655 | 4,485,800 | 2,694 | 671,805 | 3,619,500 |
| Akta Kerajaan Tempatan 1976 | 40 | 8,440 | 7,750 | 8 | 1,150 | 1,250 | 24 | 3,150 | 4,000 | 9 | 2,150 | 500 |
| Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 | | | | | | | | | | | | |
| Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 | | | | | | | | | | | | |
| Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995, Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 1998 & Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 2001 | 9 | 17,000 | 50,000 | 8 | 9,000 | 26,000 | 5 | | 100,000 | 9 | 27,500 | 50,000 |
| Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995 | 1 | 300 | | | | | 3 | 1,500 | | 2 | 1,500 | |
| Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995 | | | | 17 | 7,000 | | | | | | | |
| Peraturan -Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker Dan Video)(Kawalan Dan Penyeliaan) (Selangor) 1996 | 2 | | 2,000 | 3 | 900 | 1,000 | | | | | | |
| Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Mps) 2007 Dan Pindaan 2012 | 6,785 | 132,335 | 522,400 | 2,414 | 99,870 | 218,700 | 5,284 | 133,915 | 596,250 | 4,463 | 132,355 | 472,050 |

| JENIS PERUNTUKAN YG TERPAKAI DI PBT | Jumlah Kompaun dan Kutipan yang dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|---|---|--------------|----------------|------|--------------|----------------|-------|--------------|----------------|-------|--------------|----------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) |
| Uuk Penjaja (Mps) 2007 | 1,140 | 49,500 | 659,500 | 468 | 22,930 | 233,650 | 1,130 | 66,450 | 369,400 | 760 | 34,920 | 312,250 |
| Uuk Pemungutan, Pembuangan Dan Perlupusan Sampah Sarap (Mps) 2007 | 23 | 8,050 | 5,000 | 25 | 9,850 | 9,000 | 127 | 71,050 | 30,000 | 147 | 105,060 | 26,000 |
| Uuk Bangunan Seragam 1984 | | | | 2 | | 250 | | | | | | |
| Uuk Iklan (Mps) 2007 | 372 | 31,220 | 214,000 | 128 | 13,650 | 74,000 | 530 | 55,740 | 212,250 | 1,079 | 122,200 | 508,500 |
| Uuk Perlesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (Mps) 2007 | 838 | 132,160 | 280,250 | 584 | 137,150 | 133,000 | 149 | 14,630 | 19,250 | 1,701 | 365,700 | 721,250 |
| Uuk Kerja Tanah (Mps) 2007 | 99 | 26,200 | 31,000 | 99 | 49,350 | 5,500 | 113 | 56,000 | 6,000 | 95 | 39,100 | 19,000 |
| Uuk Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Mps)2005 | 1 | | 1,000 | | | | 1 | | 1,000 | 1 | 300 | |
| Uuk Kerja Di Jalan 1996 | 5 | 20,000 | 1,000 | 14 | 5,200 | 2,000 | 20 | 6,350 | 4,000 | 14 | 6,050 | |
| Uuk Tandas Awam (Mps) 2005 | | | | | | | | | | | | |
| Uuk Pelesenan Anjing Dan Rumah Pembiakan Anjing (Mps) 2007 | 7 | 950 | 1,000 | 2 | 650 | - | 35 | 2,550 | 11,000 | 23 | 28,000 | 65,000 |
| Uuk Taman (Mps) 2005 | 43 | 3,790 | 21,000 | 39 | 8,350 | 10,500 | 61 | 12,700 | 32,000 | 13 | 26,000 | 8,000 |
| Uuk Vandalisme (Mps) 2005 | 1 | | 1,000 | 4 | | 2,000 | 1 | 150 | | 1 | | 1,000 |
| Uuk Tanah Perkuburan Islam (Mps) 2005 | | | | | | | | | | | | |

| JENIS PERUNTUKAN YG TERPAKAI DI PBT | Jumlah Kompaun dan Kutipan yang dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|---|---|----------------|------------------|--------------|------------------|------------------|---------------|------------------|------------------|---------------|------------------|------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) | bil | kutipan (RM) | tunggakan (RM) |
| Uuk Pasar (Mps) 2007 | | | | | | | | | | | | |
| Uuk Pelesenan Establisymen Makanan (Mps) 2007 | 50 | 7,700 | 11,500 | 10 | 2,200 | 2,000 | 118 | 26,900 | 18,000 | 180 | 31,150 | 61,500 |
| Uuk Pengendalian Makanan (Mps) 2007 | 42 | 6,450 | 13,000 | 8 | 3,100 | 1,000 | 145 | 38,600 | 13,500 | 181 | 34,550 | 39,000 |
| Uuk Hotel (Mps) 2013 | 12 | 3,100 | 1,000 | 9 | 2,300 | 2,000 | 15 | 7,820 | | 61 | 21,543 | 30,000 |
| Uuk Kolam Renang (Mps) 2013 | 1 | | 1,000 | | | | | | | | | |
| Uuk Pusat Kecantikan Dan Pusat Kesihatan (Mps) 2013 | 29 | 3,250 | 16,250 | 5 | 1,600 | 1,000 | 12 | 1,800 | 3,000 | 29 | 8,850 | 15,000 |
| Uuk Pusat Sukan Persendirian (Mps) 2013 | | | | 3 | 400 | 2,000 | 2 | 100 | 1,000 | 5 | 400 | 4,000 |
| Uuk Pusat Siber Dan Kafe Siber (Mps) 2007 | 173 | 24,700 | 103,000 | 72 | 15,950 | 46,000 | 43 | 14,750 | 18,500 | 31 | 3,000 | 28,250 |
| Uuk Krematorium (Mps) 2007 | | | | | | | | | | | | |
| Uuk Pilihanraya (Mps) 2007 | 42 | | 40,000 | 11 | | 9,000 | 8 | | 8,000 | 11 | | 11,000 |
| JUMLAH | 11,253 | 980,575 | 8,185,900 | 4,854 | 1,123,850 | 3,731,350 | 10,341 | 1,547,810 | 5,932,950 | 11,509 | 1,662,133 | 5,991,800 |

LAMPIRAN 5

5. MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

| JENIS-JENIS PERUNTUKAN UUK | JUMLAH KOMPAUN DAN KUTIPAN YANG DIKELUARKAN | | | | | | | | | | | |
|-------------------------------|---|---------------------|---------------------|--------------|-------------------|---------------------|--------------|-------------------|---------------------|--------------|-------------------|---------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | BIL | KUTIPAN | TUNGGAKAN | BIL | KUTIPAN | TUNGGAKAN | BIL | KUTIPAN | TUNGGAKAN | BIL | KUTIPAN | TUNGGAKAN |
| Iklan | 3124 | 220,070.00 | 2,896,730.00 | 3315 | 204,870.00 | 3,110,130.00 | 2992 | 178,920.00 | 2,813,080.00 | 1985 | 95,930.00 | 1,889,070.00 |
| Penjaja | 1435 | 83,475.00 | 1,337,725.00 | 846 | 55,570.00 | 790,430.00 | 755 | 43,610.00 | 711,390.00 | 535 | 33,670.00 | 501,330.00 |
| Pusat Kecantikan | 44 | 15,900.00 | 27,600.00 | 28 | 11,950.00 | 16,050.00 | 25 | 7,800.00 | 17,200.00 | 64 | 11,250.00 | 52,750.00 |
| Burung Walit | 0 | - | - | 0 | - | - | 0 | - | - | 0 | - | - |
| Establisymen Makanan | 246 | 48,050.00 | 197,200.00 | 392 | 62,900.00 | 329,100.00 | 318 | 54,450.00 | 263,550.00 | 406 | 50,960.00 | 355,040.00 |
| Taman | 115 | 11,220.00 | 103,780.00 | 25 | 1,750.00 | 23,250.00 | 51 | 3,600.00 | 47,400.00 | 63 | 3,600.00 | 59,400.00 |
| Pengendali Makanan | 159 | 21,600.00 | 137,400.00 | 244 | 39,250.00 | 204,750.00 | 191 | 29,000.00 | 162,000.00 | 254 | 30,200.00 | 223,800.00 |
| Uuk Anjing | 354 | 25,880.00 | 328,120.00 | 156 | 18,550.00 | 137,450.00 | 194 | 14,650.00 | 179,350.00 | 199 | 18,550.00 | 180,450.00 |
| Hotel | 58 | 9,950.00 | 48,050.00 | 33 | 7,750.00 | 25,250.00 | 34 | 9,300.00 | 24,700.00 | 27 | 4,000.00 | 23,000.00 |
| Sampah | 381 | 205,800.00 | 175,200.00 | 322 | 145,650.00 | 176,350.00 | 615 | 354,610.00 | 260,390.00 | 643 | 219,291.00 | 423,709.00 |
| Tred | 2856 | 384,509.00 | 2,471,491.00 | 2121 | 308,170.00 | 1,812,830.00 | 2365 | 292,690.00 | 2,072,310.00 | 1469 | 164,760.00 | 1,304,240.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 8,772 | 1,026,454.00 | 7,723,296.00 | 7,482 | 856,410.00 | 6,625,590.00 | 7,540 | 988,630.00 | 6,551,370.00 | 5,645 | 632,211.00 | 5,012,789.00 |

LAMPIRAN 6

6. MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

| JENIS PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG | JUMLAH KOMPAUN & KUTIPAN YANG DIKELUARKAN | | | | | | | | | | | |
|--|---|-------------------|---------------------|--------------|-----------------|---------------------|--------------|-----------------|-------------------|--------------|-------------------|---------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | BIL. | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL. | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL. | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL. | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) |
| Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 | 4195 | 290,530.00 | 1,219,790.00 | 4006 | 320,290.00 | 1,476,770.00 | 3575 | 289,970.00 | 2,322,340.00 | 3736 | 221,330.00 | 1,671,250.00 |
| Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Klang) 2007 | 134 | 32,370.00 | 128,500.00 | 92 | 29,550.00 | 116,500.00 | 93 | 27,050.00 | 81,250.00 | 138 | 35,900.00 | 686,750.00 |
| Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Klang) 2007 | 259 | 32,510.00 | 781,450.00 | 266 | 44,190.00 | 576,400.00 | 212 | 39,610.00 | 224,200.00 | 194 | 36,520.00 | 345,400.00 |
| Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MPK) 2013 | 0 | 0 | 0 | 23 | 9,000.00 | 27,000.00 | 8 | 5,400.00 | 25,000.00 | 9 | 6,200.00 | 15,000.00 |
| Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPK) 2007 | 61 | 11,840.00 | 82,250.00 | 60 | 15,500.00 | 56,500.00 | 107 | 33,650.00 | 121,400.00 | 27 | 15,100.00 | 139,000.00 |
| Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Klang) 2005 | 1,258 | 171,885.00 | 2,949,340.00 | 1,136 | 177,287.00 | 2,325,600.00 | 1,849 | 397,215.00 | 789,699.00 | 2,206 | 439,640.00 | 2,405,120.00 |
| Peraturan Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996 | 1 | 700 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1,000.00 | 0 | 0 | 0 |
| Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MPK) 2007 | 26 | 4,840.00 | 17,160.00 | 39 | 7,815.00 | 16,050.00 | 159 | 39,145.00 | 22,200.00 | 210 | 49,535.00 | 33,000.00 |
| Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Klang) 2013 | 0 | 0 | 0 | 2 | 400 | 0 | 3 | 2,600.00 | 3,000.00 | 7 | 5,600.00 | 7,000.00 |
| Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPK) 2005 | 3 | 1,000.00 | 10,000.00 | 0 | 0 | 8,000.00 | 2 | 1,000.00 | 2,000.00 | 0 | 0 | 4,000.00 |
| Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Klang) 2007 | 1 | 50 | 1,000.00 | 2 | 800 | 2,900.00 | 49 | 41,750.00 | 7,500.00 | 65 | 63,100.00 | 9,000.00 |
| JUMLAH | 5,938 | 545,725.00 | 5,189,490.00 | 5,626 | 604,832 | 4,605,720.00 | 6,057 | 877,390 | 3,599,589 | 6,592 | 872,925.00 | 5,315,520.00 |

LAMPIRAN 7

7. MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

| JENIS KESALAHAN | JUMLAH KOMPAUN & KUTIPAN YANG DIKELUARKAN | | | | | | | | | | | |
|---------------------------------------|---|---------------------|---------------------|----------------|---------------------|----------------------|---------------|---------------------|-------------------|---------------|---------------------|---------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) |
| KOMPAUN AM | 5,716 | 720,755.00 | 4,834,206.00 | 6,153 | 787,225.00 | 4,734,150.00 | 7,814 | 876,490.00 | 6,329,560.003 | 7,962 | 1,254,360.00 | 5,367,120.00 |
| KOMPAUN TRAFIK | 13,129 | 70,490.00 | 559,030.00 | 14,137 | 59,200.00 | 616,730.00 | 15,664 | 70,805.00 | 693,778.00 | 37,525 | 166,550.00 | 1,793,173.00 |
| KOMPAUN TRAFIK (SUASA EFEKTIF) | 89,957 | 292,125.00 | 4,393,195.00 | 136,624 | 813,840.00 | 6,944,785.00 | 62,535 | 243,150.00 | 3,427,780.00 | 6,469 | 23,985.00 | 386,680.00 |
| JUMLAH | 108,802 | 1,083,370.00 | 9,786,431.00 | 156,914 | 1,660,265.00 | 12,295,665.00 | 86,013 | 1,190,445.00 | 10,451,118 | 51,959 | 1,444,895.00 | 7,546,973.00 |

8. MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT (ada 29 UUK) | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|---------------------|--------------|---------------|---------------------|--------------|---------------|---------------------|-------------|--------------|---------------------|--------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan |
| UUK Iklan | 3,514 | 1,468,740.00 | 627 | 5201 | 1,546,271.00 | 1181 | 2705 | 1,486,335.00 | 461 | 2666 | 1,289,187.00 | 1061 |
| UUK Penjaja | 849 | | 369 | 688 | | 383 | 1016 | | 441 | 1045 | | 694 |
| UUK Anjing | 4 | | 47 | 9 | | 1 | 18 | | 0 | 17 | | 1 |
| UUK Peng.Makanan | 230 | | 25 | 63 | | 14 | 3 | | 1 | 18 | | 8 |
| UUK Taman | 5513 | | 609 | 4568 | | 271 | 2404 | | 356 | 2966 | | 1056 |
| UUK Tred | 588 | | 132 | 494 | | 186 | 546 | | 179 | 472 | | 170 |
| UUK Estab. Makanan | 79 | | 48 | 21 | | 10 | 8 | | 6 | 9 | | 2 |
| UUK Pusat Siber | 72 | | 13 | 48 | | 13 | 13 | | 5 | 20 | | 2 |
| Akta 133 | 1339 | | 915 | 644 | | 167 | 791 | | 278 | 592 | | 232 |
| Akta 171 | 1 | | 1 | 165 | | 84 | 7 | | 1 | 41 | | 29 |
| Perintah Peng. Jalan | 2366 | | 194 | 1521 | | 51 | 1116 | | 7 | 478 | | 0 |
| Perintah Peng. Jalan (Suasa) | 6497 | | 4916 | 3765 | | 3348 | 3026 | | 2661 | 21938 | | 18020 |
| UUK Pusat Kecantikan | 4 | | 0 | 4 | | 2 | 3 | | 3 | 0 | | 0 |
| UUK Hotel | 3 | | 0 | 2 | | 1 | 2 | | 0 | 3 | | 1 |
| UUK Pemungutan Dan Pelupusan Sampah | 47 | | 8 | 108 | | 6 | 65 | | 2 | 32 | | 5 |
| UUK Kolam Renang | 0 | | 0 | 2 | | 0 | 0 | | 0 | 0 | | 0 |
| Enakmen Hiburan | 7 | | 5 | 3 | | 2 | 7 | | 4 | 5 | | 5 |
| Enakmen Lembu Kerbau | 4 | | 0 | 12 | | 2 | 0 | | 0 | 3 | | 0 |
| UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian | 0 | | 0 | 2 | | 0 | 0 | | 0 | 0 | | 0 |
| UUK Pasar | 0 | | 0 | 0 | | 0 | 3 | | 0 | 0 | | 0 |
| Peraturan-Peraturan Hiburan | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | | | | |
| UUK Vandalisme | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | | | | |
| Jumlah | 19,222 | 1,468,740.00 | 7,909 | 17,320 | 1,546,271.00 | 5,722 | 11,734 | 1,486,335.00 | 4405 | 30306 | 1,289,187.00 | 21286 |

9. MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT (ada 29 UUK) | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|--------------|----------------|------|--------------|----------------|------|--------------|----------------|------|--------------|----------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) |
| Iklan | 154 | 21,030.00 | 80,270.00 | 216 | 25600.00 | 34800.00 | 165 | 17300.00 | 29120.00 | 146 | 11475.00 | 28425.00 |
| Penjaja | 914 | 15,970.00 | 304,630.00 | 141 | 31120.00 | 48980.00 | 1367 | 23300.00 | 67910.00 | 1876 | 18400.00 | 95900.00 |
| Pusat Kecantikan | 11 | 850.00 | 2450.00 | 5 | 350.00 | 2100.00 | 29 | 3000.00 | 5350.00 | 48 | 5925.00 | 6975.00 |
| Burung Walit | - | - | - | 2 | 0.00 | 1000.00 | - | - | - | - | - | - |
| Establisymen Makanan | 4 | 50.00 | 1950.00 | 42 | 4500.00 | 5500.00 | 112 | 40840.00 | 14400.00 | 109 | 9300.00 | 12950.00 |
| Taman | 26 | 1600.00 | 8900 | 55 | 3850.00 | 9900.00 | 102 | 5850.00 | 18840.00 | 124 | 5100.00 | 21650.00 |
| Akta kerajaan tmptn | 51 | 3490.00 | 25810.00 | 39 | 2450.00 | 5900.00 | 25 | 800.00 | 4400.00 | 37 | 2550.00 | 4200.00 |
| Akta jln parit bangunan | 610 | 68460.00 | 4,819,240.00 | 782 | 109,330.00 | 786,070.00 | 668 | 78200.00 | 260831.00 | 763 | 56810.00 | 205750.00 |
| Pelesenan Tred P&P | 664 | 80285.00 | 340,365.00 | 74 | 54300.00 | 45400.00 | 491 | 46150.00 | 68800.00 | 448 | 37600.00 | 63600.00 |
| siber | 39 | 3900.00 | 18300.00 | 43 | 3500.00 | 8550.00 | 13 | 900.00 | 2850.00 | 39 | 3350.00 | 6250.00 |
| Pengendali makanan | 123 | 12180.00 | 96020.00 | 60 | 5800.00 | 8700.00 | 34 | 3100.00 | 10500.00 | 56 | 3710.00 | 12190.00 |
| Peraturan hiburan (snuker&video) | 3 | 100.00 | 2900.00 | 1 | 100.00 | 900.00 | - | - | - | 2 | 150.00 | 1000.00 |
| Uuk pasar | 2 | 400.00 | 200.00 | 16 | 1540.00 | 3260.00 | 9 | 200.00 | 2150.00 | 14 | 1400.00 | 2800.00 |
| Uuk anjing | 10 | 190.00 | 5810.00 | 33 | 4050.00 | 4550.00 | 14 | 930.00 | 2320.00 | 9 | 550.00 | 2700.00 |
| Uuk gunting rambut | 2 | 50.00 | 1950.00 | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT (ada 29 UUK) | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|-------------------|---------------------|-------------|-------------------|---------------------|-------------|------------------|------------------|-------------|------------------|------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) |
| Ppj 1987 | 24 | 450.00 | 6450.00 | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Uuk hotel | 1 | 200.00 | 100.00 | 4 | 900.00 | 300.00 | 4 | 850.00 | 350.00 | 5 | 1000.00 | 500.00 |
| Peraturan hiburan&tempat-tempat hiburan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 6 | 3400.00 | 2600.00 |
| Uuk sampah | 3 | 700.00 | 2300.00 | 11 | 1150.00 | 1850.00 | 31 | 2550.00 | 3950.00 | 26 | 8300.00 | 2970.00 |
| Enakmen hiburan 1995 | 2 | 100.00 | 109,900.00 | 21 | 1950.00 | 215750.00 | 9 | 500.00 | 79500.00 | 34 | 11470.00 | 333150.00 |
| Perintah pengangkutan jalan (ptlk) 2007 | 2 | 300.00 | -100.00 | 152 | 4170.00 | 2670.00 | 631 | 9650.00 | 14880.00 | 56 | 5550.00 | 9130.00 |
| Uuk vandalisme | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 300.00 | 0.00 |
| Uuk kolam renang | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 0.00 | 250.00 |
| Pusat sukan persendirian | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 0.00 | 300.00 |
| Jumlah | 2636 | 209,755.00 | 5,827,695.00 | 3085 | 254,960.00 | 1,187,480.00 | 3704 | 207120.00 | 480443.00 | 3662 | 186240.00 | 813290.00 |

10. MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MDKL)

| JENIS-JENIS PERUNTUKAN UUK SEDIA ADA YANG TERPAKAI DI PBT (ADA 29 UUK) | JUMLAH KOMPAUN & KUTIPAN YANG DIKELUARKAN | | | | | | | | | | | |
|---|---|-----------------|--------------------|-------|-----------------|--------------------|-------|-----------------|---------------------|-------|-----------------|-----------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAK AN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAK AN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAK KAN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGG AKAN (RM) |
| Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 | 3108 | 31,000 | 179,800 | 2,799 | 27,990 | 55,980 | 1,476 | 18,760 | 32,536 | 1,687 | 16,870 | 55,040 |
| Perintah Pengangkutan Jalan(Peruntukan Tempat Letak Kereta) | 1455 | 32,000.00 | 40,750 | 2,563 | 51,260 | 76,890 | 1,766 | 35,320 | 141,280 | 2,132 | 42640 | 52,980 |
| Akta 133 Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 | 1415 | 49,000 | 304,750 | 2,562 | 37,252 | 731,348 | 885 | 30,975 | 234,525 | 1,175 | 53,000 | 13,275 |
| Undang-Undang Kecil Iklan | 1776 | 52,123 | 12,523 | 1,417 | 32,336 | 38,514 | 2,940 | 53,000 | | 3,525 | 105,750 | 58,800 |
| Undang – Undang Kecil Tred , Perniagaan Dan Perindustrian | 918 | 43,200.00 | 232,200 | 924 | 92400 | 92,400 | 702 | 45,000 | | 717 | 71,700 | 68,070 |
| Undang-Undang Kecil Penjaja | 417 | 36,000.00 | 89,100 | 506 | 43,516 | 32,384 | 1,059 | 32,000 | | 927 | 79,722 | 49,049 |
| Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing & Rumah Pembiakan | 225 | 35,000.00 | 22,500 | 134 | 20,770 | 19,430 | 91 | 14,105 | | 73 | 11,315 | 4,095 |
| Undang-Undang Kecil Taman | 236 | 23,600.00 | 23,600 | 416 | 41,600 | 41,600 | 499 | 49,900 | | 772 | 77,200 | 49,900 |
| Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan | 71 | 21,300.00 | 7,100 | 60 | 18,000 | 18,000 | 46 | 13,800 | | 88 | 26,400 | |
| Undang-Undang Kecil Perlesenan Establisymen Makanan | 58 | 11,600.00 | 5,800 | 22 | 4,400 | 22,00 | 25 | 5,000 | | 21 | 4,200 | |
| Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan | 27 | 27,000 | 27,000 | 32 | 32,000 | 3,200 | 17 | 17,000 | | 28 | 32,000 | 17,000 |
| Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan | 14 | 36,823.00 | 5,177 | 5 | 13,685 | | 13 | 36,573 | | 2 | 63,876 | |
| Undang-Undang Kecil Hotel | 8 | 8,000 | 4,000 | | 8,000 | | 2 | 2,000 | | | | |
| Undang-Undang Kecil Pasar | 18 | 2,000.00 | 1,600 | | | | 27 | 2,997 | | 20 | 2,220 | |
| Undang-Undang Mencegah Kekotoran | 18 | 18,000.00 | 18,000 | 41 | 41,000 | | 21 | 21,000 | | 11 | 11,000 | |
| Undang-Undang Kecil Pusat Siber & Kafe Siber | 10 | 10,000.00 | 10,000 | 6 | 600 | | 2 | 200 | | 6 | 600 | |
| Undang-Undang Kecil Vandalisme | 19 | 2,344.00 | 494 | 85 | 10,357 | | 40 | 1,920 | | 18 | 2,214 | |
| Undang-Undang Kecil Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian | | | | 1 | 500 | | 1 | 500 | | | | |
| Undang-Undang Kecil Hotel | | | | 1 | 500 | | | | | 6 | 3,000 | |
| Undang-Undang Pemungutan,Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap | 15 | 22,500.00 | | 33 | 6,600 | 66,000 | 22 | 4,400 | 2,200 | 43 | 8,600 | |
| Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit | | | | | | | | | | 256 | 32,000 | |

| JENIS-JENIS PERUNTUKAN UUK SEDIA ADA YANG TERPAKAI DI PBT (ADA 29 UUK) | JUMLAH KOMPAUN & KUTIPAN YANG DIKELUARKAN | | | | | | | | | | | |
|--|---|-------------------|-------------------|---------------|-----------------|---------------------|--------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKA N (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) | BIL | KUTIPAN (RM) | TUNGGAKAN (RM) |
| Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker&Video)(Kawalan & Penyeliaan) | 3 | 1500 | 4500 | | | | 47 | 123,015 | 53,000 | 54 | 96,203 | |
| Enakemen Mengawal Lembu Kerbau Pindaan 1978 | | | | 2 | 1000 | | 2 | 2,000 | | 1 | 2000 | |
| JUMLAH | 9,811 | 462,990.00 | 988,894 | 11,609 | 483,766 | 1,175,746.00 | 9,683 | 509,465.00 | 463,541 | 11,562 | 742,510.00 | 368,209 |

11. MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT (ada 29 UUK) | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|----------------|----------------|------------|---------------|----------------|------------|---------------|----------------|------------|---------------|----------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) |
| Iklan | 13 | 2,500 | - | 3 | 600 | - | 12 | 1,500 | 300 | 60 | 5,700 | 3,300 |
| Penjaja | 320 | 34,350 | 13,650 | 251 | 33,200 | 12,750 | 331 | 35,100 | 14,550 | 237 | 26,700 | 11,800 |
| Pusat Kecantikan | | | | | | | | | | | | |
| Burung Walit | 349 | 44,700 | 60,000 | 33 | 1,200 | 8,700 | 8 | 1,200 | 1,200 | 2 | - | - |
| Establisymen Manakan | 40 | 4,350 | 1,650 | 41 | 10,500 | 1200 | 40 | 4,350 | 2,200 | 30 | 4,200 | 1,800 |
| Taman | 13 | 1,400 | 1,200 | 8 | 600 | 800 | 8 | 450 | 1,000 | 36 | 400 | 3,200 |
| Tred Perniagaan | 102 | 15,250 | 8,200 | 123 | 20,200 | 6,600 | 107 | 23,400 | 5,800 | 105 | 19,500 | 6,750 |
| Anjing | 6 | 800 | 300 | 8 | 7,500 | 600 | 5 | 1000 | 300 | 5 | 600 | 600 |
| Pelupusan Sampah | 13 | 1,800 | 2,100 | 16 | 3,000 | 1800 | 10 | 3,000 | 900 | 15 | 2,400 | 2,100 |
| Pusat Cyber Hotel | 80 | 12,400 | 5,400 | 45 | 6,000 | 4,500 | 14 | 2,800 | 3,000 | 20 | 3,900 | 1,750 |
| | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | |
| Jumlah Keseluruhan | 936 | 117,550 | 92,500 | 528 | 82,800 | 36,950 | 535 | 72,850 | 29,250 | 513 | 63,400 | 31,300 |

12. MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

| Jenis-Jenis Peruntukan UUK Sedia Ada Yang Terpakai Di PBT (ada 29 UUK) | Jumlah Kompaun & Kutipan Yang Dikeluarkan | | | | | | | | | | | |
|--|---|-------------------|-------------------|------------|-------------------|-------------------|-------------|-------------------|---------------------|-------------|-------------------|---------------------|
| | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | |
| | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) | Bil. | Kutipan (RM) | Tunggakan (RM) |
| Akta Kerajaan Tempatan 1976 | 2 | 350.00 | 0 | 1 | 100.00 | 0 | 2 | 500.00 | 0 | 6 | 150.00 | 1,250.00 |
| Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 | 275 | 59,880.00 | 422,875.00 | 116 | 39,850.00 | 180,750.00 | 319 | 168,650.00 | 620,000.00 | 886 | 576,825.00 | 2,940.600.00 |
| UUK Tred Perniagaan 2007 | 179 | 33,600.00 | 50,500.00 | 269 | 48,950.00 | 86,000.00 | 433 | 90,550.00 | 144,000.00 | 220 | 32,150.00 | 100,000.00 |
| UUK Establisymen Makanan 2007 | 34 | 5,800.00 | 10,000.00 | 40 | 6,950.00 | 14,000.00 | 84 | 13,800.00 | 31,000.00 | 33 | 6,500.00 | 9,000.00 |
| UUK Iklan 2007 | 35 | 5,150.00 | 7,000.00 | 103 | 12,750.00 | 32,250.00 | 167 | 23,125.00 | 46,000.00 | 77 | 7,100.00 | 36,000.00 |
| UUK Penjaja 2007 | 189 | 12,300.00 | 112,000.00 | 227 | 13,750.00 | 132,000.00 | 446 | 33,550.00 | 232,000.00 | 159 | 13,300.00 | 76,000.00 |
| UUK Lesen Anjing & Rumah Pembiakan Anjing 2007 | 35 | 2,900.00 | 12,000.00 | 26 | 2,750.00 | 4,000.00 | 38 | 4,700.00 | 9,000.00 | 30 | 1,950.00 | 12,000.00 |
| UUK Hotel 2007 | 1 | 200.00 | 0 | 1 | 750.00 | 0 | 5 | 1,050.00 | 2,000.00 | 5 | 750.00 | 2,000.00 |
| UUK Pusat Siber & Kafe Siber 2007 | 6 | 300.00 | 4,000.00 | 4 | 1,250.00 | 1,000.00 | 4 | 750.00 | 2,000.00 | 2 | 500.00 | 1,000.00 |
| UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan 2007 | - | - | - | - | - | - | 3 | 800.00 | 0 | - | - | - |
| UUK Pengendali Makanan 2007 | - | - | - | - | - | - | 1 | 0 | 1,000.00 | - | - | - |
| UUK Pusat Sukan Persendirian 2007 | 1 | 200.00 | 0 | - | - | - | 1 | 0 | 1,000.00 | - | - | - |
| UUK Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah 2007 | - | - | - | 7 | 2,150.00 | 1,000.00 | 12 | 3,450.00 | 4,000.00 | 19 | 8,300.00 | 5,000.00 |
| UUK Taman 2005 | 64 | 5,400.00 | 34,000.00 | 47 | 7,550.00 | 16,000.00 | 121 | 14,250.00 | 69,000.00 | 26 | 2,800.00 | 16,000.00 |
| Enakmen Hiburan & Tempat hiburan (Pindaan 1995) | 5 | 1,150.00 | 25,000.00 | 3 | 6,000.00 | 25,000.00 | 15 | 10,250.00 | 100,000.00 | 2 | 1,000.00 | 0 |
| Enakmen Lembu-Kerbau 1971 | - | - | - | - | - | - | 1 | 0 | 0 | - | - | - |
| UUK Kerja Tanah 2007 | 9 | 5,850.00 | 2,500.00 | 16 | 5,850.00 | 3,500.00 | 20 | 7,500.00 | 5,500.00 | 13 | 5,750.00 | 2,000.00 |
| Jumlah | 835 | 133,080.00 | 679,875.00 | 860 | 148,650.00 | 495,500.00 | 1672 | 372,925.00 | 1,266,500.00 | 1478 | 657,075.00 | 3,200,850.00 |

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : BEKALAN AIR BERSIH YANG BERTEKANAN RENDAH DI JALAN
TERATAI MERU DAN BUKIT KERAYONG 2 DUN MERU**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca- punca masalah telah dikenalpasti?
- b) Berapakah lokasi dan kelulusan program penggantian paip lama di DUN Meru?
- c) Adakah benar, penggunaan jajaran paip yang sama bagi bekalan ke sektor perumahan dan perindustrian punca tekanan rendah kepada kawasan perumahan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, punca-punca masalah telah dikenal pasti seperti berikut :

Kawasan Taman Teratai

Kawasan Taman Teratai terletak di dalam zon kawalan tekanan [*'District Metering Zone (DMZ)'* KG.017 Kampung Meru Zon 3].

Berdasarkan siasatan Air Selangor, tekanan bekalan air yang direkodkan untuk kawasan ini adalah pada tahap maksimum, iaitu 25 Mh (Meter Head / Kepala Meter); dan purata tekanan pada tahap 9Mh (tekanan dikawal bagi mencegah paip pecah).

Walaupun dalam keadaan tekanan dikawal, Air Selangor masih merekodkan kes paip pecah berulang, jumlah yang direkodkan pada bulan Januari 2017 ialah sebanyak dua (2) kes manakala pada bulan Februari 2017 satu (1) kes.

Justeru Air Selangor akan mengekalkan tekanan di kawasan tersebut pada kadar purata 9Mh bagi mengawal tekanan pada waktu malam yang direkodkan pada kadar 25Mh.

Kawasan Bukit Kerayong 2

Kawasan Bukit Kerayong 2 mendapat bekalan air daripada Kolam Lam Bee yang berada pada jarak sekitar 15 km. Kawasan Bukit Kerayong 2 juga dikenal pasti sebagai kawasan akhir rangkaian paip agihan bekalan air daripada Kolam Lam Bee dan persempadanan dengan sumber bekalan air daripada Kuala Selangor.

Kedudukan kawasan ini yang berada jauh di penghujung sistem agihan menyebabkan kawasan ini mendapat bekalan air dengan baki tekanan yang rendah.

Walaupun dengan baki tekanan yang rendah kawasan ini juga merekodkan kes paip pecah yang tinggi, iaitu sebanyak 31 kes dari tahun 2015 hingga 2016. Di antara punca kes paip pecah adalah disebabkan oleh paip jenis Simen Asbestos yang telah berusia lebih 30 tahun. Berdasarkan rekod dari Januari 2015 hingga Februari 2017 jumlah aduan tekanan rendah yang direkodkan adalah sebanyak 47 aduan.

Selain dari itu, kepesatan pembangunan di sekitar Jalan Meru sehingga ke kawasan Setia Alam yang mendapat bekalan daripada sumber yang sama, iaitu Kolam Lam Bee; juga menjejaskan keupayaan mengekalkan tekanan bekalan air ke kawasan Bukit Kerayong 2 pada tahap yang tinggi.

- a) Program penggantian paip lama di DUN Meru yang telah diluluskan melibatkan kawasan Jalan Meru sepanjang lebih kurang 6 km. Program penggantian paip akan dimulakan apabila mendapat kelulusan daripada JKR dan dijangka akan siap pada Disember 2017.
- b) Tidak benar. Sumber air ke Kilang dan Perumahan di Jalan Teratai (Pekan Meru) melalui rangkaian paip air berasingan. Jika kawasan kilang mengalami tekanan rendah, bekalan air ke kawasan perumahan tidak akan terjejas.

Untuk makluman, tiada kilang yang didirikan di kawasan Bukit Kerayong 2 (Pekan Kapar). Setiap pembangunan sama ada bagi kawasan perumahan, komersial mahupun perindustrian, telah melalui semakan yang teliti di mana tekanan minimum adalah 7.5 mH dan permintaan air yang mencukupi di kawasan berkenaan.

Walau bagaimanapun, permintaan air telah meningkat sedangkan kapasiti bekalan air masih tetap sama. Ini disebabkan oleh faktor di mana terdapat kawasan perindustrian yang meningkatkan kapasiti pengeluaran, melakukan

pembesaran operasi kilang dan sebagainya sehingga menyebabkan permintaan air meningkat secara mendadak. Oleh yang demikian, isu tekanan air rendah akibat rangkaian paip agihan yang sama bagi perumahan dan industri tidak timbul.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PERLAKSANAAN ENAKMEN SISA PEPEJAL PERINGKAT NEGERI SELANGOR

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah draf enakmen Sisa Pepejal itu sudah disiapkan?
- b) Bilakah hendak dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor?
- c) Apakah halangan untuk melaksanakan enakmen tersebut?

JAWAPAN:

- a) Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor sedang dalam proses penelitian semula oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor setelah beberapa siri pembentangan kepada barisan *back benchers* di mana beberapa isu berkaitan perundangan perlu diperhalusi dan dibuat penelitian semula.
- b) Persediaan bagi membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) ke dalam sidang Dewan Negeri Selangor boleh bermula selepas Enakmen tersebut dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara dan RUU yang digubal telah dipersetujui. Sehubungan dengan itu, segala isu-isu berkaitan perundangan yang dikandung di dalam RUU tersebut perlu diteliti dengan rapi dan akan melalui proses penterjemahan dalam dwi Bahasa.
- c) Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada peruntukan Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan yang mengkehendaki Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan sebelum pelaksanaan Enakmen tersebut.

Selain itu, peruntukan kesalahan dan hukuman yang diperuntukan dalam Enakmen tersebut hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara terlebih dahulu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELBAGAI PROGRAM KESIHATAN RAKYAT

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program berkaitan kesihatan rakyat yang ditawarkan oleh Kerajaan?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk tahun 2017?
- c) Apakah program yang memakan belanja tertinggi dan apakah sebabnya?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak **RM136,100,000.00** bagi tahun 2017 iaitu peruntukan tertinggi yang diperuntukan kepada Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor. Ini adalah selaras dengan rasa kepedulian yang tinggi terhadap kesihatan rakyat.

Bermula 1 Januari 2017, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan satu skim yang dinamakan sebagai **Skim Peduli Sihat (SPS)** iaitu Skim Perlindungan Perubatan dan Kesihatan asas (*medical and healthcare coverage*) kepada rakyat Kumpulan Bottom 40% (B40) sebagai sasaran.

Skim ini membolehkan golongan sasar iaitu Kumpulan B40 menerima rawatan kesihatan dan perubatan asas daripada klinik panel, yang terdiri dari klinik atau hospital swasta dengan kos tertentu yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Skim ini dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM125 juta setahun dengan jangkaan penerima manfaat kepada 250,000 keluarga atau 1 juta rakyat Negeri Selangor yang berpendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah.

Negeri Selangor telah menjadi negeri pertama di Malaysia yang mempelopori skim perlindungan perubatan dan kesihatan asas sebegini dan ianya adalah seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangun bangsa dan memakmur negeri.

Selain daripada Skim Peduli Sihat, terdapat juga program bantuan kesihatan di Program **Bantuan Sihat Selangor** yang disediakan untuk membantu meringankan beban rakyat Negeri Selangor yang kurang berkemampuan dalam menjalani rawatan serta menjalani kehidupan yang lebih sihat. Bantuan kesihatan ini diberikan melalui dana Bantuan Sihat Selangor selaras dengan keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor terhadap tahap kesihatan seluruh rakyat Selangor.

Program Bantuan Sihat Selangor telah diperkenalkan sejak tahun 2009 dengan bantuan rawatan dialisis, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil dan lain-lain permohonan seperti pembelian kerusi roda, susu dan lampin pakai buang. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah menambah satu lagi bantuan iaitu kaki palsu.

Proses pembayaran dibuat secara *one-off* kepada pihak hospital, pusat rawatan atau pembekal dan permohonan hanya dibenarkan untuk membuat permohonan sekali sahaja setiap tahun. Sehingga tahun 2016, Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM5,436,793.75 secara keseluruhannya dengan seramai 2,294 orang yang telah menerima manfaatnya.

- c) Skim Peduli Sihat mencatatkan peruntukan yang tertinggi bagi tahun 2017 iaitu RM125 juta memandangkan ianya merupakan bantuan Kesihatan asas yang di perlukan oleh semua golongan masyarakat terutama golongan B40 di mana lebih dari 2 juta orang daripada 6.2 juta rakyat Selangor adalah tergolong sebagai kumpulan berpendapatan rendah atau Kumpulan B40 berdasarkan Laporan Anggaran Penduduk Semasa Tahun 2014–2016, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kumpulan B40 ini juga membelanjakan lebih kurang RM100 sebulan untuk rawatan kesihatan, perubatan, insurans kesihatan dan sebagainya mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia;

Sebanyak 86.6% daripada Kumpulan B40 di bandar terpaksa membayar sendiri kos rawatan dan perubatan yakni menyebabkan pergantungan tinggi terhadap penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan awam berpandukan Laporan *Fourth National Health and Morbidity Survey 2011*, Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Maka dengan itu, Kerajaan Negeri berasakan keperluan terhadap bantuan ini dengan peruntukan yang tinggi agar rakyat Selangor yang layak akan menerima manfaat daripada program yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KAWASAN HUTAN DITEROKAI UNTUK PEMBANGUNAN PROJEK

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan hutan yang telah diterokai Untuk Pembangunan Projek sejak tahun 2013-2016 ?
- b) Berapakah jumlah gantirugi yang dibayar oleh pihak TNB dan Konsesi-konsesi Lebuhraya pada tahun 2008-2016?
- c) Apakah kriteria-kriteria yang dirujuk apabila Kerajaan Selangor membenarkan kawasan hutan diterokai?

JAWAPAN:

- a) Tiada
- b) Tiada kelulusan bagi permohonan pembangunan infrastruktur untuk jajaran talian TNB atau konsesi lebuhraya bagi tahun 2008 dan tahun 2013 hingga 2014. Pada tahun 2008, merupakan bayaran ganti rugi pokok bagi jajaran talian penghantaran TNB dari PMU Bukit Lagong ke PMU Bukit Rawang & PMU Bukit Tarek ke PMU Chubadak. Pada tahun 2011, satu bayaran gantirugi pokok telah dikenakan bagi projek pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur ke Kuala Selangor (LATAR) (2011), *Rawang By Pass* (2012) dan *East Klang Valley Expressway* (EKVE) (2015) manakala bagi jajaran Talian TNB pula kelulusan dan bayaran gantirugi telah dibuat pada 2015. Jumlah keseluruhan bagi gantirugi pokok di dalam HSK yang terlibat bagi kedua-dua projek infrastruktur tersebut adalah sebanyak **RM 34,268,317.68**.

| BIL. | TAHUN | Lebuhraya | TNB | JUMLAH (RM) |
|---------------|-------|----------------------|----------------------|----------------------|
| 1. | 2008 | - | - | - |
| 2. | 2009 | - | 253,732.00 | 253,732.00 |
| 3. | 2010 | - | - | - |
| 4. | 2011 | 163,000.00 | - | 163,000.00 |
| 5. | 2012 | 2,687,219.00 | - | 2,687,219.00 |
| 6. | 2013 | - | - | - |
| 7. | 2014 | - | - | - |
| 8. | 2015 | 8,696,608.95 | 20,526,050.31 | 29,222,659.26 |
| 9. | 2016 | 78,285.08 | 1,863,422.34 | 1,941,707.42 |
| JUMLAH | | 11,625,113.03 | 22,643,204.65 | 34,268,317.68 |

- c) Antara kriteria-kriteria yang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum membenarkan sesuatu kawasan hutan diteroka adalah:
- i. Kawasan HSK yang terlibat merupakan pilihan cadangan terakhir;
 - ii. Projek tersebut mempunyai kepentingan nasional yang akan memberi kemudahan kepada rakyat dan masyarakat setempat;
 - iii. Pihak pemohon telah melaksanakan beberapa kajian yang berkaitan dan telah mendapat kelulusan seperti Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Detail Environment Impact Assessment* (DEIA), Pelan Hidupan Liar dan kajian-kajian lain yang berkaitan; dan
 - iv. Mendapat ulasan dan sokongan daripada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi teknikal yang berkaitan.
 - v. Proses Penyiasatan Awam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyiasatan Awam
 - vi. Laporan Penuh Jawatankuasa Penyiasatan Awam akan disediakan dan diangkat bersama Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)
 - vii. Sekiranya diluluskan, proses pewartaan pemansuhan dan penggantian HSK akan dijalankan serentak dengan keluasan yang sama atau lebih besar.
 - viii. Selain itu, gantirugi pokok dengan gandaan tiga (3) juga akan dikenakan bagi kawasan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : TUNGGAKAN HASIL CUKAI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga kini, berapakah jumlah tunggakan keseluruhan?
- b) Apakah usaha dan strategi Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan atau mengurangkan tunggakan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tunggakan Hasil Cukai Negeri Selangor adalah daripada tunggakan Hasil Cukai Tanah yang belum diterima. Sehingga 28 Februari 2017, jumlah tunggakan keseluruhan hasil cukai tanah adalah sebanyak RM311,434,272.79.
- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan bagi menyelesaikan atau mengurangkan tunggakan tersebut. Di antara langkah – langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Melaksanakan pemantauan ke atas tunggakan cukai tanah melalui mesyuarat – mesyuarat seperti di bawah :

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor Bersama Pejabat Tanah Galian Selangor (PTG Selangor) dan Bahagian Hasil Pejabat Daerah / Tanah Selangor (PDT).
- (ii) Mesyuarat Tunggakan Cukai Tanah Anak-Anak Syarikat / Agensi Kerajaan Negeri Selangor.
- (iii) Mesyuarat Pemantauan Hasil Premium Tanah Bersama Pejabat Tanah Galian Selangor dan Bahagian Tanah Pejabat Daerah / Tanah Selangor.

2. Bengkel dan Makmal dengan fokus untuk mencari penyelesaian tunggakan cukai tanah

Pada 17 - 22 Mac 2016, Perbendaharaan Negeri Selangor dengan kerjasama PTG Selangor telah mengadakan Bengkel Hakmilik Belum Dibatalkan dan Hakmilik Bertindih bagi menyediakan draf Proses Kerja (SOP) untuk membantu tindakan penyelesaian di peringkat PDT. SOP tersebut seterusnya disemak oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri.

Pada 15 Mac 2017, Makmal Akaun Belum Terima Cukai Tanah telah dianjurkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor bagi menyediakan forum kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri, BTM SUK Selangor, PTG Selangor dan semua PDT dengan objektif untuk mengenalpasti pecahan tunggakan hasil cukai tanah mengikut masalah teknikal tanah dan rancangan penyelesaian berdasarkan masalah tersebut.

3. PTG Selangor mewujudkan *Focus Group* Penyelesaian Hakmilik Bermasalah

Bagi hakmilik tanah bertunggakan yang bermasalah seperti hakmilik bertindih dan hakmilik belum batal, *Focus Group* Hakmilik Bermasalah oleh PTG Selangor dari semasa ke semasa membuat siasatan bersama PDT bagi menyelesaikannya secara kes demi kes.

Pada 16 - 18 Mac 2017, Bengkel *Annotated Case* Melibatkan Hakmilik Bertunggakan diadakan oleh *Focus Group* PTG Selangor dan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri berhubung hakmilik yang terlibat dengan kes-kes mahkamah. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mewujudkan satu proses kerja (SOP) yang akan digunapakai oleh PTG Selangor dan semua PDT. Seterusnya, akan membantu menyelesaikan masalah hakmilik bertunggakan.

4. Operasi Mengutip Cukai Tanah Tertunggak Ke Atas Penunggak Tegar

Operasi Kutip Cukai Tanah (Ops. Kutip) ke atas penunggak tegar dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Hasil, Perbendaharaan Negeri Selangor (BPH, PNS) bersama-sama Unit Hasil PDT. Operasi Ini dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu fasa pertama sebelum 31 Mei dan fasa kedua selepas 31 Mei setiap tahun.

5. Kaunter Kutipan Hasil Cukai Tanah Bergerak

Kerajaan Negeri menambah saluran kutipan cukai tanah selain bayaran *on-line* iaitu van kaunter hasil bergerak. Semua 9 PDT telah dibekalkan kenderaan van yang berfungsi sebagai kaunter hasil bergerak bagi memudahkan orang awam membayar cukai tanah. Ia dilengkapi dengan mesin kad debit atau kad kredit untuk kemudahan bayaran. Laporan kutipan hasil kaunter bergerak ini dilaporkan oleh semua PDT kepada Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor.

6. Program *One Stop Center (OSC)* Bersama Anak Syarikat / Agensi Kerajaan Negeri Selangor

Anak Syarikat Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Pernerbadanan Menteri Besar (MBI) dengan kerjasama PDT mengadakan program yang menyediakan penerangan urusan permohonan pindah milik / hakmilik strata. Disamping itu, PDT membuka kaunter bayaran cukai tanah bagi mudah urusan transaksi pindah milik.

7. Iklan Meningkatkan Kesedaran Bayaran Cukai Tanah

Iklan dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan kesedaran orang awam tentang tanggungjawab membayar cukai tanah walaupun tidak menerima bil. Iklan ini disiarkan melalui surat khabar dalam medium Bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Perbendaharaan Negeri Selangor telah menyediakan iklan televisyen yang akan disiarkan pada bulan April dan Mei 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PEMERDAGANGAN MANUSIA

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penglibatan kerajaan negeri dalam NGO's global dan agensi Bangsa-bangsa Bersatu dalam mengatasi masalah *Human Trafficking*?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melancarkan Majlis Anti Perdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS) pada 10 Januari 2012 oleh YAB Dato' Menteri Besar yang bertindak sebagai sebuah organisasi khas untuk menangani jenayah perdagangan orang di Negeri Selangor.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri melalui Institut Wanita Berdaya (IWB) akan menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai NGO tempatan dan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dengan masalah dan isu perdagangan manusia untuk merencana polisi dan strategi berkaitan bagi mencapai objektif penubuhannya. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa bersedia bekerjasama dengan jabatan/ agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta yang lain-lain lagi yang terlibat secara terus dalam hal berkaitan isu dan permasalahan perdagangan manusia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : LARANGAN PENGGUNAAN POLISTIRENA

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah polisi ini menjejaskan peniaga-peniaga kecil?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan impak kepada pengeluar-pengeluar produk polistirena?
- c) Adakah Kerajaan memberi insentif bagi pengeluar-pengeluar yang sama ada menutup perniagaan mereka atau beralih kepada produk yang lebih mesra alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi mendapat laporan berhubung peniaga kecil yang terjejas dengan pelaksanaan polisi larangan penggunaan polistirena ini.
- b) Sebelum pelancaran kempen ini dilaksanakan pada 21 Disember 2016, Kerajaan Negeri telah melaksanakan sesi perjumpaan bersama pihak *Malaysian Plastic Manufactures Association* (MPMA) pada bulan Julai 2016 dan Kerajaan Negeri juga turut mengadakan perjumpaan bersama pihak pengusaha pasaraya pada 15 Disember 2016 berhubung penguatkuasaan larangan penggunaan polistirena. Kedua-dua perjumpaan dan mesyuarat tersebut telah memutuskan agar pengusaha pengeluar plastik dan polistirena disarankan untuk beralih kepada produk yang lebih mesra alam.
- c) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberikan insentif khusus kepada pengeluar bahan polistirena sebaliknya menyarankan agar pengeluar bahan tersebut untuk beralih kepada produk yang lebih berinovasi dan mesra alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS PELAKSANAAN PENYELESAIAN YANG DICAPAI PADA 7
APRIL 2016 DAN 23 MEI 2016 TENTANG MASALAH PEMINDAHAN
PENEROKA-PENEROKA DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT
KERAYONG**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas penyelesaian dicapai pada 7/4/2016 dan 23/5/2016, Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd masih belum menandatangani apa-apa perjanjian dengan 123 peneroka yang telah ditentukan sehingga kini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepatkan proses penyelesaian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak Berkuasa Negeri melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan Majlis Perbandaran Klang dari masa ke semasa akan memantau kemajuan pembangunan oleh pihak pemaju. Sekiranya berlaku sebarang kelewatan, surat peringatan akan dikemukakan kepada pihak pemaju bagi memastikan proses penyelesaian/penempatan dapat dilaksanakan dengan segera. Pada masa ini pemaju masih dalam peringkat pematuhan syarat-syarat Kebenaran Merancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : SAMPAH

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi mengawal pergerakan lori-lori sampah dari membuang sampah di lokasi-lokasi haram?
- b) Apakah langkah penyelesaian pengawalan mengenai perkara di atas?
- c) Berapakah jumlah lokasi pembuangan samaoah haram mengikut Daerah/PBT?

JAWAPAN:

a) dan (b) adalah bersekali;

Kerajaan Negeri melalui PBT telah merancang dan menjalankan beberapa siri bengkel dalam menguruskan sisa pepejal di seluruh PBT sejak tahun 2013 termasuklah dalam pemantauan pergerakan lori kutipan sampah bagi memastikan kontraktor kutipan sampah yang dilantik membuang sampah ke tapak pelupusan yang dibenarkan. Antara kaedah yang diambil oleh PBT adalah seperti berikut:-

1. Kontraktor yang dilantik disyaratkan **menghantar laporan kerja** dalam kawasan kontrak mengikut tarikh yang ditetapkan oleh PBT;
2. **Pemantauan oleh kakitangan PBT** dijalankan di lapangan bagi memastikan kerja – kerja dijalankan mengikut jadual;
3. PBT seperti **MBSA, MBPJ, MPAJ dan MPK** contohnya telah melaksanakan sistem ***Automatic Vehicle Locating System (AVLS)*** secara maya yang boleh diakses di mana-mana sahaja pada bila-bila masa dapat memudahkan pihak pengurusan dan kontraktor memantau pergerakan lori syarikat masing-masing, namun kos pembangunan sistem ini adalah mengikut kemampuan PBT berikutan perbelanjaan yang tinggi;

4. Penalti melalui tindakan **Notice To Correct (NTC)** akan dikenakan ke atas kontraktor yang tidak menepati spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan oleh Majlis semasa menjalankan kerja kutipan sampah dan pembersihan di lapangan;
 5. **Pemotongan bayaran yang maksima** akan dibuat pada tuntutan bayaran bulanan kontraktor yang dikenakan NTC.
 6. **Tindakan pembetulan** akan dibuat oleh kontraktor tersebut di lapangan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh PBT; dan
 7. **Mesyuarat dan perjumpaan bulanan bersama kontraktor** juga turut dijalankan bagi membincangkan masalah di lapangan dan kaedah penyelesaian untuk meningkatkan mutu kerja kontraktor.
- c) Jumlah bilangan tapak sampah haram yang dikesan dan sedang dalam tindakan penutupan pada masa ini di seluruh PBT Negeri Selangor adalah sebanyak **139 tapak**. Pecahan mengikut PBT seperti berikut:-

| BIL. | PBT | BILANGAN TAPAK SAMPAH HARAM | LOKASI/DUN | MUKA SURAT |
|---------------------------|------|-----------------------------|------------|------------|
| 1. | MBSA | 9 | LAMPIRAN 1 | 3 |
| 2. | MBPJ | 15 | LAMPIRAN 2 | 4 |
| 3. | MPSJ | 1 | LAMPIRAN 2 | 4 |
| 4. | MPS | 8 | LAMPIRAN 2 | 4 |
| 5. | MPKj | TIADA | - | - |
| 6. | MPK | 3 | LAMPIRAN 3 | 5 |
| 7. | MPAJ | 32 | LAMPIRAN 3 | 5 |
| 8. | MPSp | 3 | LAMPIRAN 3 | 5 |
| 9. | MDKS | 32 | LAMPIRAN 3 | 5 |
| 10. | MDKL | 6 | LAMPIRAN 4 | 6 |
| 11. | MDSB | 4 | LAMPIRAN 4 | 6 |
| 12. | MDHS | 29 | LAMPIRAN 4 | 6 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 142 TAPAK | | |

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

LAMPIRAN 1**1. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)**

| Bil | Lokasi | Status Hakmilik | Kategori | Tindakan | Koordinat |
|------------|---|--|-----------------|---|----------------------------|
| 1. | Tanah Rezab JPS & TNB bersempadan Lot 37058, Kg Baru Sg. Buloh, Sek. U4 | Jabatan Pengairan & Saliran Tenaga nasional Berhad | Tapak pelupusan | Dalam proses (kes mahkamah) | N 3.187038 E 101.5622 |
| 2. | Tanah Rezab TNB, Sek. U16 | Tanah TNB (Bawah rentas) | Tapak pelupusan | Proses penutupan | N 3.173775 E 101.517444 |
| 3. | Lot 210,213, Sg. Plong, Sek. U18 | Tanah persendirian | Tapak pelupusan | Dalam tindakan PTD | N 3.212886 E 101.535725 |
| 4. | Tanah Rezab JPS, Jln Bukit Kemuning, Sek. 26 | Jabatan Pengairan dan Saliran | Tapak pelupusan | Tiada penambahan | N 3.030191 E 101.5521 |
| 5. | Lot 22270, Jalan 33/20, Sek. 33 | Persendirian/pemilik tanah | Tapak pelupusan | Penutupan laluan | N 3.019933 E 101.547041 |
| 6. | Tanah Rezab JPS, Jalan 33/2, Sek. 33 | Jabatan Pengairan dan Saliran | Tapak pelupusan | Penutupan laluan | N 3.013060 E 101.546953 |
| 7. | Tanah Rezab JPS, Sek. 35 (Alam Impian) | Jabatan Pengairan dan Saliran | Tapak pelupusan | Dalam proses tindakan penutupan selamat | N 3.039463 E 101.508105 |
| 8. | Lot PT21020 Jln Bt3-Sungai Buloh sek.u16 | Sime Darby | Tapak pelupusan | Pembersihan oleh pemilik | N 3.155105 E 101522935 |
| 9. | Tanah Lot Kosong, Jalan Bukit Kemuning Batu 8, Seksyen 34 | Semakan proses pengambil alihan tanah | Tapak pelupusan | Penutupan laluan | N 3.015495 E 101.521573 |

LAMPIRAN 2**2. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)**

| Bil | Tapak Sampah Haram Di MBPJ Tahun 2017 | |
|---------------------------|--|------------------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | Taman Medan | 4 |
| 2. | Seri Setia | 1 |
| 3. | Bukit Gasing | 3 |
| 4. | Kg. Tunku | 1 |
| 5. | Kota Damansara | 4 |
| 6. | Bukit Lanjan | 2 |
| Jumlah Keseluruhan | | 15 |

3. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG (MPSJ)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di PBT MPSJ Tahun 2017 | |
|---------------------------|--|------------------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | Puchong | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | | 1 |

4. MAJLIS PERBANDARAN SELANYANG (MPS)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di PBT Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Tahun 2017 | |
|---------------------------|---|------------------------------------|
| | Mengikut Kawasan | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | Selayang (Raintree Batu Caves, Kg.Sg.Tua) | 02 |
| 2. | Gombak (Sg.Pusu, Batu 8, Fasa 9) | 03 |
| 3. | Rawang (Bukit Rahman Putra, Jalan Bristol Rawang, Sg.Dua) | 03 |
| Jumlah Keseluruhan | | 08 |

LAMPIRAN 3

5. MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di Majlis Perbandaran Klang Tahun 2017 | |
|--------------------|---|-----------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | DUN Andalas | 1 |
| 2. | DUN Sungai Pinang | 1 |
| 3. | DUN Pelabuhan Klang | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | | 3 |

6. MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

| BIL | TAPAK SAMPAH HARAM DI MPAJ TAHUN 2017 | |
|--------------------|---------------------------------------|-----------------------------|
| | MENGIKUT KAWASAN DUN | BILANGAN TAPAK SAMPAH HARAM |
| 1. | HULU KELANG | 1 |
| 2. | BUKIT ANTARABANGSA | 6 |
| 3. | LEMBAH JAYA | 9 |
| 4. | CEMPAKA | 7 |
| 5. | TERATAI | 9 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 32 |

7. MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)

| BIL | LOKASI TAPAK SAMPAH HARAM 2017 | DUN | MAKLUMAN |
|--------------------|---|---------|------------|
| 1 | Kg Tanah Liat Taman Mas Puchong | DENGKIL | Beroperasi |
| 2 | Kaw. Taman Industrial ,Taman Mas Sepang | | Beroperasi |
| 3 | Kg Orang Asli Sg Melut , Kota Warisan | | JAKOA |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 3 | |

7. MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di PBT Majlis Daerah Kuala Selangor Tahun 2017 | |
|--------------------|---|-----------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | PERMATANG | 6 |
| 2. | SG BURONG | 13 |
| 3. | IJOK | 5 |
| 4. | JERAM | 5 |
| 5. | MALAWATI | 3 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 32 |

8. MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di MDKL Tahun 2017 | |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | Sijangkang | 2 |
| 2. | Telok Datok | 2 |
| 3. | Tanjung Sepat | 0 |
| 4. | Morib | 2 |
| Jumlah Keseluruhan | | 6 |

9. MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di PBT MDSB Tahun 2017 | |
|---------------------------|---|-----------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | DUN Sekinchan | 2 |
| 2. | DUN Sungai Panjang | 5 |
| 3. | DUN Sabak | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | | 8 |

10. MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

| Bil | Tapak Sampah Haram Di Majlis Daerah Hulu Selangor Tahun 2017 | |
|---------------------------|--|-----------------------------|
| | Mengikut Kawasan DUN | Bilangan Tapak Sampah Haram |
| 1. | Kuala Kubu Bharu | 18 |
| 2. | Batang Kali | 5 |
| 3. | Hulu Bernam | 6 |
| Jumlah Keseluruhan | | 29 |

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : ADUAN JALAN ROSAK MENGGUNAKAN APLIKASI WAZE

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kadar penggunaan aplikasi *Waze* bagi membuat aduan jalan rosak, dari mula diperkenalkan sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Penggunaan aplikasi *Waze* untuk membuat pelaporan jalan berlubang mula diperkenalkan pada penghujung tahun 2016. Sebagai makluman, sehingga kini lebih daripada 2500 pelaporan berkaitan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor telah diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PERANCANGAN SELANGOR *FRUIT VALLEY* (SFV)

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka masa pendek SFV?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian keboleh pasaran SFV sebagai hub agro pelancongan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Perancangan jangka masa pendek Selangor Fruits Valley (SFV) adalah mewujudkan satu kawasan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan secara terancang. Jumlah keluasan kawasan yang diusahakan oleh PKPS dengan tanaman buah-buahan (bermusim, tidak bermusim, kontan dan lain-lain) adalah seluas 181 hektar.

Sehingga 15 Mac 2017 seramai 50 orang usahawan tani telah dipilih untuk mengusahakan tanah di SFV secara sewaan seluas 360 hektar. Kadar sewaan adalah sebanyak RM150/hektar sebulan. Jenis-jenis tanaman yang dibenarkan untuk diusah oleh Usahawan Tani adalah tanaman kontan. Seorang usahawan madu kelulut telah dibenarkan menempatkan 100 buah sarang kelulut (*stingless bee hive*) dikawasan kelapa pandan PKPS. Tambahan seramai 15 orang usahawan madu kelulut telah dipilih dibawah Program Agro Generasi Muda Selangor (AGROGEMS). SFV berhasrat menjadikannya sebagai Kelulut Valley menjelang akhir 2017. Ianya disusuli dengan mengadakan tempat memproses madu kelulut keluaran SFV.

- b) PKPS berhasrat menjadikan SFV sebagai destinasi Agro Pelancongan (*Agro Tourism*) mulai tahun 2017. PKPS sentiasa bekerjasama dengan pihak Tourism Malaysia dan Tourism Selangor untuk khidmat nasihat dan kepakaran berkaitan promosi menarik pelancong ke Program *Agro Tourism* di SFV.

Antara aktiviti *Agro Tourism* yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

- (1) Lawatan ke kebun buah-buahan dan menikmati keenakan buah-buahan tempatan (musim / tidak musim)

- (2) Menyediakan kemudahan pengangkutan 'tram'.
- (3) Lawatan ke Taman Herba
- (4) Lawatan ke Taman Rusa dan Arnab
- (5) Lawatan ke Plot Madu Kelulut
- (6) Aktiviti air (kenu, *boating* dan memancing)
- (7) Aktiviti darat (merentas desa, berbasikal dan lain-lain)
- (8) Aktiviti tahunan (mounting biking)
- (9) Kemudahan pusat latihan/seminar/kursus
- (10) Menyediakan kemudahan penginapan (perkhemahan dan chalet)
- (11) Makmal Bioteknologi (menghasilkan klon pokok-pokok buah-buahan dan tanaman hiasan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : ISU BANJIR KILAT DI PEKAN SEPANG DAN KAMPUNG BARU SUNGAI
PELEK BARU-BARU INI**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PIAWAIAN BAIKPULIH DEWAN ORANG RAMAI

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai piawaian atau *benchmark* baikpulih sesebuah dewan orang ramai di bawah PBT?
- b) Berapakah kos baik pulih dewan orang mengikut DUN di MPK?

JAWAPAN:

- a) Ada. Ianya adalah mengikut pemeriksaan berkala dan aduan daripada pihak pemantau dan orang ramai.
- b) Senarai Dewan yang telah dinaiktaraf dan siap pada tahun 2016

| BIL | DEWAN TERLIBAT | KOS KERJA SIVIL (RM) | KOS KERJA ELEKTRIKAL (RM) | DUN |
|------------|---------------------------------|-----------------------------|----------------------------------|-----------------|
| 1 | Dewan Meru | 336,360.00 | 142,756.50 | N42-Meru |
| 2 | Dewan Seri Andalas | 411,363.00 | 92,430.30 | N49-Sri Andalas |
| 3 | Dewan Pandamaran Jaya | 185,230.00 | 115,181.50 | N47-Pandamaran |
| 4 | Dewan Teluk Pulai | 178,180.00 | 94,562.50 | N45-Selat Klang |
| 5 | Dewan Kompleks Sukan Pandamaran | 318,080.00 | 108,083.20 | N47-Pandamaran |
| | Jumlah | 1,429,213.00 | 553,014.00 | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : JALAN-JALAN UTAMA DI KEBUN PENEROKA

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina dan memperbaiki jalan-jalan ini untuk memudahkan pengurusan kebun-kebun peneroka?

JAWAPAN:

- b) Kerajaan negeri melalui JPS Negeri Selangor menggunakan peruntukan MARRIS bagi memperbaiki jalan-jalan utama di kebun peneroka untuk memudahkan pengurusan kebun-kebun tersebut. Sehingga kini, sebanyak 1589km jalan pertanian yang telah didaftarkan di bawah sistem MARRIS. Untuk makluman, skop kerja bagi peruntukan MARRIS adalah bagi membaiki jalan ladang sahaja.

Bagi tahun 2017, JPS Negeri Selangor telah menerima peruntukan sebanyak RM 2juta. Pecahan peruntukan mengikut daerah adalah seperti di Lampiran 2.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

YB EXCO Infrastruktur Dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Jalan Pertanian dan dianggotai oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi menyelaraskan senarai jalan serta pengumpulan data jalan pertanian. Perbincangan bersama jabatan terlibat telah dibuat pada 6 Mac 2017 bagi membuat pemutihan kepada senarai jalan MARRIS sediaada dan juga membincangkan pendaftaran jalan baru terutama jalan pertanian dibawah Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar. Untuk makluman, Agensi yang bertanggungjawab dalam mendaftar dan melaksanakan jalan pertanian dibawah peruntukan MARRIS adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : MANFAAT PELABURAN ASING

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat mendapat manfaat dari kemasukan pelaburan asing ke Selangor?
- b) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang wujud hasil dari kemasukan pelaburan asing pada 2016?

JAWAPAN:

- a) Antara strategi-strategi yang diambil oleh Kerajaan negeri bagi memastikan rakyat mendapat manfaat dari kemasukan pelaburan asing ke Selangor adalah seperti berikut;-
 - i. Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada 5 sektor perindustrian utama yang berasaskan teknologi tinggi bagi menyediakan potensi peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi atau separa mahir. Ini bertujuan untuk menyediakan potensi peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan pendapatan rakyat Selangor untuk mencapai hasrat rakyat berpendapatan tinggi.
 - ii. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru di kawasan luar Lembah Klang bagi membawa pembangunan ke kawasan-kawasan luar Bandar agar pembangunan di Negeri Selangor seimbang disemua daerah. Ini juga mampu untuk membantu PBT bagi meningkatkan hasil dari segi kutipan cukai taksiran.
 - iii. Memberi fokus kepada pembangunan industri Bio Teknologi dan Industri Halal bagi membantu usahawan - usahawan tempatan yang kebanyakannya terlibat dalam industri makanan untuk memajukan lagi operasi perniagaan mereka.
 - iv. Menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja tempatan bagi memberikan pendedahan dan latihan kepada pekerja tempatan berkenaan teknologi baru dalam sektor perindustrian.

- b) Bagi tahun 2016 sebanyak **242 projek perkilangan** telah diluluskan di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 7,880,767,374**. Daripada jumlah ini sebanyak **16,427 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT MAKLUMAT PELANCONG DI SEKINCHAN

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini Pusat tersebut?
- b) Sila nyatakan bilakah Pusat Maklumat Pelancong akan direalisasikan bagi membantu mempromosikan sektor pelancongan di Sekinchan?
- c) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Pusat maklumat pelancongan tersebut masih di dalam peringkat perancangan bagi proses pemilihan tempat yang sesuai, dan juga penetapan konsep pengisian pusat, termasuk perancangan dan pengesahan dari segi pengurusan dan juga fungsi pusat tersebut untuk beroperasi mengikut keperluan setempat oleh pihak UPEN.
- b) Pusat Maklumat Pelancong dirancang pelaksanaan dan penubuhannya dan dijangka siap pada suku tahun ketiga untuk tahun 2017, mengikut garis masa seperti yang berikut:

| | |
|---------------------------------------|---|
| Quarter 2 April - Jun 2017 | i) Lawatan Tapak ii) Perbentangan dan Pemilihan Tempat dan Pengisian & Konsep Pusat iii) Perbentangan cadangan Pengurusan Pusat iv) Proses Perbentangan Terakhir dan Kelulusan |
| Quarter 3 Julai – Sept 2017 | i) Proses pembinaan dan <i>Installation</i> |
| Quarter 4 Sept – Dis 2017 | i) Majlis Pelancaran Pusat Informasi Pelancongan |

Perkara-perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak UPEN, Majlis Daerah Sabak Bernam dan Tourism Selangor bagi pengisian dan pelaksanaan Pusat Maklumat Pelancongan tersebut.

- c) Jumlah peruntukan untuk Pusat Informasi Pelancongan di Sekinchan masih dikemaskini dan diperhalusi dan akan diumumkan setelah proses perbentangan terakhir dilakukan dan dikenalpasti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : MEMARTABATKAN SUKAN BOLA SEPAK DI SELANGOR

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah perancangan kerajaan negeri untuk mencapai tujuan tersebut?
- b) Apakah perancangan komitmen kerajaan untuk menyediakan kemudahan padang bola yang berkualiti?

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor agar Kerajaan Negeri Selangor dapat mengembalikan kegemilangan sukan bolasepak di Negeri Selangor, Pengurusan Majlis Sukan Negeri Selangor telah menyahut saranan daripada DYMM Sultan Selangor untuk mempertingkatkan kecemerlangan Program Pembangunan Sukan Bola Sepak di negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah bersetuju mengadakan kolaborasi dan memilih model latihan dari Akademi Kelab Bola Sepak Ajax Amsterdam, Belanda. Ini berdasarkan tawaran yang dikemukakan bersesuaian dan menepati keperluan serta kehendak MSNS.

Perbincangan dan rundingan susulan melalui sesi lawatan bersama telah dijalankan dengan wakil dari Akademi Bola Sepak Ajax Amsterdam, Belanda serta jurulatih yang akan mengendalikan Akademi Bolasepak Selangor.

Akademi Kelab Bola Sepak Ajax Amsterdam telah bersetuju untuk melantik individu yang akan terlibat secara langsung dalam Akademi Bolasepak Selangor ini terdiri daripada dua (2) orang Jurulatihnya.

- b) Setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan untuk membaiki kemudahan sukan termasuklah padang – padang bola sepak di Selangor. Antara kemudahan yang akan dibaikpulih pada tahun 2017 ini adalah stadium mini. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor akan sentiasa memastikan kemudahan padang bolasepak adalah yang berkualiti dan mengikut piawaian.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor akan sentiasa memastikan kemudahan padang bolasepak yang berkualiti dan mengikut piawaian. Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses membaikpulih padang di Kompleks Sukan U15 di Puncak Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PEMERDAGANGAN MANUSIA

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam membentaras pemerdagangan manusia dari 2014-2017, termasuk peruntukan yang disediakan
- b) Apakah wujud JK Teknikal Pemerdagangan Manusia setiap PBT? Sila nyatakan.
- c) Apakah KNS mempunyai pelan tindakan anti pemerdagangan manusia yang diguna pakai oleh semua pihak Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melancarkan Majlis Anti Pemerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS) pada 10 Januari 2012 oleh Dato' Menteri Besar yang bertindak sebagai sebuah organisasi khas untuk menangani jenayah pemerdagangan orang di Negeri Selangor. Bagi tujuan ini, sebanyak RM100,000.00 telah diperuntukkan khas bagi tujuan pengurusan MAPMAS.

Kerajaan Negeri melalui MAPMAS berfungsi untuk memantau kes-kes jenayah pemerdagangan manusia di Negeri Selangor, membantu mangsa-mangsa jenayah pemerdagangan manusia untuk mencari pusat perlindungan sementara, menyediakan khidmat advokasi kepada mangsa-mangsa serta menjalankan kajian berkaitan aspek perundangan sedia ada dan menjalankan kempen-kempen kesedaran berkaitan jenayah pemerdagangan manusia.

- b) Jawatankuasa Teknikal Anti Pemerdagangan Manusia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilancarkan pada 28 Ogos 2012 bagi membantu dan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri melalui MAPMAS dalam menangani jenayah pemerdagangan orang. Walau bagaimanapun, hanya beberapa PBT yang mempunyai jawatankuasa tersebut iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang.
- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui MAPMAS dan Institut Wanita Berdaya (IWB) akan menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai NGO tempatan dan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dengan masalah dan

isu pemerdagangan manusia bagi tujuan merencana polisi dan strategi berkaitan untuk mewujudkan satu pelan tindakan bersepadu untuk menangani jenayah pemerdagangan orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria dan syarat-syarat kelayakan pelantikan pengurus besar Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)?

JAWAPAN:

- a) Kriteria dan syarat-syarat kelayakan pelantikan Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) adalah seperti berikut:
- (i) Kelulusan dan pengalaman kerja yang berkaitan diperingkat Pengurusan Korporat untuk tempoh antara lapan (8) hingga sepuluh (10) tahun;
 - (ii) Kemahiran dalam pengurusan strategi terutama dalam perancangan hala tuju perniagaan dan 'business acumen';
 - (iii) Kekuatan minda dalam bidang teknikal dan pembangunan perniagaan yang berkaitan dengan industri yang berkaitan dengan aktiviti syarikat;
 - (iv) Mempunyai kualiti kepimpinan yang baik;
 - (v) Mempunyai kreativiti dan kemahiran perancangan jangka panjang;
 - (vi) Mempunyai pengalaman dalam urustadbir 'Corporate Governance' serta pengurusan mesyuarat Lembaga Pengarah / Lembaga Amanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PELUCUTHAKAN HAKMILIK TANAH

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur yang perlu dipatuhi dan dasar yang telah ditetapkan dalam melucuthak sesuatu hakmilik tanah di bawah s.130 Kanun Tanah Negara akibat pelanggaran syarat (s.129 KTN) atau kegagalan membayar sewa (s.100 KTN)?
- b) Adakah s.128 KTN perlu dilaksanakan sebelum s.129 dikuatkuasa?

JAWAPAN:

- a) Sebelum apa-apa tindakan diambil di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) [Pelucuthakan hendaklah mula berkuatkuasa apabila pemberitahuan dibuat dalam Warta]. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa prosedur perlu diambil antaranya:
 - i. Suatu notis berkanun perlu diserahkan kepada pemilik tanah berdaftar atau wakilnya. Notis yang dimaksudkan adalah Borang Notis 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) Seksyen 128 KTN 1965 dan diendors di dalam hakmilik.
 - ii. Pemilik tanah diberi suatu tempoh yang munasabah oleh Pentadbir Tanah untuk meremedi tanah mengikut kategori di dalam hakmilik. Sekiranya pemilik tanah gagal meremedi tanah dalam tempoh yang diberikan, Pentadbir Tanah hendaklah menyampaikan Borang Notis 7B (Notis Supaya Menunjukkan Sebab) di bawah Seksyen 129 KTN 1965 dan diendors di dalam hakmilik. Notis tersebut akan diserahkan kepada pemilik berdaftar atau wakilnya. Pemilik tanah diberi tempoh untuk memberi sebab-sebab mengapa tanah miliknya tidak boleh dilucuthakan. Selepas itu, satu siasatan akan

dijalankan oleh Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 129(4) KTN 1965 dan sekiranya Pentadbir Tanah berpuashati pelanggaran syarat masih berlaku pelucutanhakan di bawah Seksyen 130 KTN akan diambil dan Borang Notis 8A akan dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah.

Manakala tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 100 KTN (Pelucuthakan kerana ketiadaan bayaran jumlah wang yang dituntut) pula, prosedur yang perlu diambil seperti berikut:

- i. Suatu notis Borang 6A (Notis Tuntutan Tunggakan Sewa) akan dikeluarkan dan diserahkan kepada pemilik tanah berdaftar atau wakilnya.
- ii. Jika pemilik tanah gagal melunaskan tunggakan sewa dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah maka tindakan di bawah Seksyen 130 KTN akan diambil.

Garis panduan bagi tindakan penguatkuasaan pelanggaran syarat tanah di Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.

- b) Sebelum apa-apa tindakan di bawah Seksyen 129 KTN boleh diambil, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan di bawah Seksyen 128 KTN 1965 terlebih dahulu.

**GARISPANDUAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN
PELANGGARAN SYARAT TANAH DI NEGERI
SELANGOR**

MENGAMBIL TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP PELANGGARAN SYARAT NYATA TANAH DI BAWAH SEK 125-129 KTN

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Pembantu Tadbir Perkhidmatan | Menerima aduan melalui telefon/ faks/ surat. Merekodkan ke dalam Buku Daftar Aduan. Seterusnya memberi aduan tersebut kepada PPD (PK) |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Semak aduan tersebut dan memberi arahan kepada Penolong Pegawai Tanah untuk menjalankan siasatan. |
| Penolong Pegawai Tanah | Menjalankan siasatan di atas tapak dan membuat laporan tanah seterusnya diserahkan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK). |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | <p>Menyemak laporan tanah dan sekiranya didapati berlaku aktiviti pelanggaran syarat tanah mengambil salah satu tindakan :</p> <ul style="list-style-type: none">- mengenakan denda terhadap tuanpunya tanah terlebih dahulu di bawah Seksyen 127 (1A) KTN.- Memberi peluang kepada pemilik berdaftar tanah untuk meremedi di bawah Seksyen 128 KTN.- Terus merampas tanah tersebut di bawah Seksyen 129 KTN. <p>Sekiranya tidak berlaku pelanggaran syarat tanah, aduan ditutup.</p> |

**MENGENAKAN DENDA TERHADAP TUANPUNYA TANAH TERLEBIH DAHULU
DI BAWAH SEKSYEN 127 (1A) KTN**

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|--|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan notis Borang 7E iaitu notis supaya menunjukkan sebab mengenai pengenaan denda. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan notis Borang 7E dan mengemukakan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK) untuk ditandatangani. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani notis Borang 7E dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan bukti penyampaian dan meminta Penghantar Notis untuk menyerahkan notis Borang 7E kepada pemilik tanah. |
| PENGHANTAR NOTIS | Menghantar notis Borang 7E kepada pemilik tanah untuk ditandatangani dan bukti penyampaian diserahkan kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyimpan bukti penyampaian di dalam fail. |

MENGENAKAN DENDA TERHADAP TUANPUNYA TANAH TERLEBIH DAHULU DI BAWAH SEKSYEN 127 (1A) KTN

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Membuat siasatan dan sekiranya Pentadbir Tanah tidak berpuas hati dengan alasan-alasan yang diberikan maka Pentadbir Tanah bolehlah memerintahkan supaya denda dikenakan. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan borang Perintah Denda Oleh Pentadbir Tanah di bawah Perenggan 127(1A)(b) KTN. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan borang Perintah Denda Oleh Pentadbir Tanah dan mengemukakan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK) untuk ditandatangani. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani borang Perintah Denda Oleh Pentadbir Tanah dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan bukti penyampaian dan meminta Penghantar Notis untuk menyerahkan borang Perintah Denda Oleh Pentadbir Tanah kepada pemilik tanah. |

MENGENAKAN DENDA TERHADAP TUANPUNYA TANAH TERLEBIH DAHULU DI BAWAH SEKSYEN 127 (1A) KTN

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|--|
| Penghantar Notis | Menghantar borang Perintah Denda Oleh Pentadbir Tanah kepada pemilik tanah untuk ditandatangani dan bukti penyampaian diserahkan kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyimpan bukti penyampaian di dalam fail. Sekiranya denda tidak dibayar, tindakan di bawah Seksyen 128 atau 129 KTN diambil. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Sekiranya denda dibayar, memberi arahan kepada Penolong Pegawai Tanah untuk menjalankan siasatan sekiranya pelanggaran syarat terus berlaku. |
| Penolong Pegawai Tanah | Menjalankan siasatan di atas tapak dan membuat laporan tanah seterusnya diserahkan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK). |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menyemak laporan tanah dan sekiranya pelanggaran syarat tanah terus berlaku, denda tambahan boleh dikenakan. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan borang Perintah Denda Tambahan Oleh Pentadbir Tanah di bawah Perenggan 127(1A)(b) KTN. |

**MENGENAKAN DENDA TERHADAP TUANPUNYA TANAH TERLEBIH DAHULU
DI BAWAH SEKSYEN 127 (1A) KTN**

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Pembantu Tadbir | Menyediakan borang Perintah Denda Tambahan Oleh Pentadbir Tanah dan mengemukakan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK) untuk ditandatangani. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani borang Perintah Denda Tambahan Oleh Pentadbir Tanah dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan bukti penyampaian dan meminta Penghantar Notis untuk menyerahkan borang Perintah Denda Tambahan Oleh Pentadbir Tanah kepada pemilik tanah. |
| PENGHANTAR NOTIS | Menghantar borang Perintah Denda Tambahan Oleh Pentadbir Tanah kepada pemilik tanah untuk ditandatangani dan bukti penyampaian diserahkan kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyimpan bukti penyampaian di dalam fail. |

**MENGENAKAN DENDA TERHADAP TUANPUNYA TANAH TERLEBIH DAHULU
DI BAWAH SEKSYEN 127 (1A) KTN**

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Penolong Pegawai Tanah untuk menjalankan siasatan sekiranya pelanggaran syarat terus berlaku. |
| Penolong Pegawai Tanah | Menjalankan siasatan di atas tapak dan membuat laporan tanah seterusnya diserahkan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK). |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menyemak laporan tanah dan sekiranya pelanggaran syarat tanah terus berlaku, mengambil tindakan di bawah Seksyen 128 dan 129 KTN. Jika tidak, fail ditutup. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan borang Notis 7F di bawah Seksyen 127(1C) KTN. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan borang Notis 7F dan mengemukakan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK) untuk ditandatangani. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani borang Notis 7F dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |

**MENGENAKAN DENDA TERHADAP TUANPUNYA TANAH TERLEBIH DAHULU
DI BAWAH SEKSYEN 127 (1A) KTN**

| JAWATAN | PROSES |
|------------------|---|
| Pembantu Tadbir | Menyediakan bukti penyampaian dan meminta Penghantar Notis untuk menyerahkan borang Notis 7F kepada pemilik tanah. |
| Penghantar Notis | Menghantar borang Notis 7F kepada pemilik tanah untuk ditandatangani dan bukti penyampaian diserahkan kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyimpan bukti penyampaian di dalam fail. |

MEMBERI PELUANG KEPADA PEMILIK BERDAFTAR TANAH UNTUK MEREMEDI DI BAWAH SEKSYEN 128 KTN.

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan notis Borang 7A iaitu notis untuk memulihkan pelanggaran syarat. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan notis Borang 7A dan mengemukakan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK) untuk ditandatangani. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani notis Borang 7A dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan bukti penyampaian dan meminta Penghantar Notis untuk menyerahkan notis Borang 7A kepada pemilik tanah. |
| PENGHANTAR NOTIS | Menghantar notis Borang 7A kepada pemilik tanah untuk ditandatangani dan bukti penyampaian diserahkan kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyimpan bukti penyampaian di dalam fail dan menyediakan memo ke Unit Pendaftaran untuk endosan DHD. |

MEMBERI PELUANG KEPADA PEMILIK BERDAFTAR TANAH UNTUK MEREMEDI DI BAWAH SEKSYEN 128 KTN.

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|--|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani memo ke Unit Pendaftaran untuk endosan DHD dan memberi arahan kepada Pembantu Am Pejabat untuk menghantar fail ke Unit Pendaftaran. |
| Pembantu Am Pejabat | Menghantar fail ke Unit Pendaftaran untuk endosan. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Penolong Pegawai Tanah untuk menjalankan siasatan sekiranya pelanggaran syarat terus berlaku. |
| Penolong Pegawai Tanah | Menjalankan siasatan di atas tapak dan membuat laporan tanah seterusnya diserahkan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK). |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menyemak laporan tanah dan sekiranya pelanggaran syarat tanah terus berlaku, mengambil tindakan di bawah Seksyen 129 KTN. Sebaliknya, pembatalan endosan dibuat ke Unit Pendaftaran. |

TERUS MERAMPAS TANAH TERSEBUT DI BAWAH SEKSYEN 129 KTN.

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan notis Borang 7B iaitu notis supaya menunjukkan sebab. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan notis Borang 7B dan mengemukakan semula kepada Penolong Pentadbir Tanah (PK) untuk ditandatangani. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani notis Borang 7B dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan bukti penyampaian dan meminta Penghantar Notis untuk menyerahkan notis Borang 7B kepada pemilik tanah dan pemilik yang berkepentingan. |
| PENGHANTAR NOTIS | Menghantar notis Borang 7B kepada pemilik tanah dan pemilik yang berkepentingan untuk ditandatangani dan bukti penyampaian diserahkan kepada Pembantu Tadbir. |
| Pembantu Tadbir | Menyimpan bukti penyampaian di dalam fail dan menyediakan memo ke Unit Pendaftaran untuk endosan DHD. |

TERUS MERAMPAS TANAH TERSEBUT DI BAWAH SEKSYEN 129 KTN.

| JAWATAN | PROSES |
|-------------------------------|---|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menandatangani memo ke Unit Pendaftaran untuk endosan DHD dan memberi arahan kepada Pembantu Am Pejabat untuk menghantar fail ke Unit Pendaftaran. |
| Pembantu Am Pejabat | Menghantar fail ke Unit Pendaftaran untuk endosan. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Mengadakan siasatan kepada pemilik tanah dan pemilik yang berkepentingan. - Sekiranya pemilik remedi tanah, perintah batal perampasan dan endosan di Unit Pendaftaran. - Sekiranya pelanggaran syarat tanah masih berlaku: (i) Pemilikan sementara diambil oleh Pentadbir Tanah; atau (ii) Perintah perampasan. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menyediakan memo ke Unit Pendaftaran untuk endosan mengenai pemilikan sementara di DHD berdasarkan Pekeliling KPTG Bil 5/1985. |
| Pembantu Am Pejabat | Menghantar fail ke Unit Pendaftaran untuk endosan. |


TERUS MERAMPAS TANAH TERSEBUT DI BAWAH SEKSYEN 129 KTN.

| JAWATAN | PROSES |
|---|--|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) / Pentadbir Tanah | Mengarahkan pemilik tanah untuk menyelenggara dan membayar balik perbelanjaan dalam melaksanakan remedi itu. Sekiranya pemilik tanah membuat bayaran dan tanah diselenggara dengan baik, pembatalan endosan dibuat. Sebaliknya, perintah rampasan di bawah Seksyen 129(4)(c) atau 129(5)(b) dibuat. (Pekeliling KPTG Bil 7/1997) |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk menyediakan notis Borang 8A iaitu notis perkembalian tanah kepada kerajaan. |
| Pembantu Tadbir | Menyediakan notis Borang 8A dan mengemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk ditandatangani. |
| Pentadbir Tanah | Menandatangani notis Borang 8A dan diserahkan semula kepada Pembantu Tadbir. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) | Menyiarkan notis Borang 8A dalam Warta Kerajaan dan memberi arahan kepada Penghantar Notis untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 433 KTN. |
| PENGHANTAR NOTIS | Melekatkan notis Borang 8A seperti di bawah Seksyen 433 KTN. |

TERUS MERAMPAS TANAH TERSEBUT DI BAWAH SEKSYEN 129 KTN.


| JAWATAN | PROSES |
|---|--|
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) / Pentadbir Tanah | Menyediakan memo ke Unit Pendaftaran untuk dimasukkan memorial dalam daftar hakmilik atau Pendaftar dan memberi arahan kepada Pembantu Am Pejabat untuk menghantar fail ke Unit Pendaftaran. (Pekeliling KPTG Bil 36/1977) |
| Pembantu Am Pejabat | Menghantar fail ke Unit Pendaftaran untuk endosan. |
| Penolong Pentadbir Tanah (PK) / Pentadbir Tanah | Menyediakan memo ke Unit Teknikal dan Unit Pelan untuk mengemaskini buku Lot / PT Indeks dan charting pada pelan syit piawai serta memberi arahan kepada Pembantu Am Pejabat untuk menghantar fail ke Unit Pendaftaran |
| Pembantu Am Pejabat | Menghantar fail ke Unit Teknikal dan Unit Pelan untuk mengemaskini buku Lot / PT Indeks dan charting pada pelan syit piawai. |

CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH




CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH

- Seksyen 127(1A) KTN




CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH

- Seksyen 128 KTN




CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH

- Seksyen 129 KTN



CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH

- Perintah Perampasan



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MEWUJUDKAN MEDAN SELERA SUNGAI BULOH (BERHAMPIRAN
SHELL BBSB DI FT 54)**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah MBSA menjadikan kawasan kedai makan besi sebagai Medan Selera Sungai Buloh dengan menaikkan taraf yang sesuai?
- b) Bolehkah MBSA mewujudkan lampu limpah dan Pintu Gerbang Medan Selera Sungai Buloh berserta papan tanda jalan yang menunjukkan medan selera berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Majlis Bandaraya Shah Alam belum mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Medan Selera Sungai Buloh buat masa ini. Sejak penyerahan pengurusan gerai oleh pihak Kerajaan Negeri kepada Majlis pada tahun 2009, Majlis telah membuat beberapa pembaikan di kawasan tersebut seperti pemasangan lampu jalan di sekitar gerai, menaiktaraf longkang bagi mengatasi masalah banjir dan penanaman pokok di kawasan tempat letak kereta gerai tersebut.

Untuk makluman, Medan Selera Sungai Buloh mempunyai 21 lot gerai bagi jenis jualan makanan, minuman dan runcit. Kadar bayaran sewa yang dikenakan kepada penyewa sejak pengambilalihan dan sehingga kini adalah sebanyak RM50.00 sebulan bagi setiap unit gerai.

- b) Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengadakan lampu jalan di kawasan gerai tersebut dan Majlis boleh menyediakan lampu `spotlight` bagi menerangkan lagi kawasan gerai. Manakala bagi papan tanda yang menunjukkan Medan Selera berkenaan, Majlis telahpun memasang papan tanda Gerai tersebut di kawasan berhampiran Gerai. Walaupun begitu, Majlis boleh mempertimbangkan penggantian papan tanda Gerai ke saiz yang lebih besar.

Berkaitan Pintu Gerbang Medan Selera, Majlis merasakan ianya tidak sesuai dipasang dan mencadangkan pemasangan lampu neon bagi menceriakan kawasan tersebut pada waktu malam.

MEDAN SELERA MAJLIS SEKSYEN U19 (SEBELAH SHELL)



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : MENGEMBALIKAN SEMULA KEGEMILANGAN BOLA SEPAK SELANGOR

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak.*
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan terus membiayai FAS pada tahun 2017?
- c) Apakah program jangka panjang Kerajaan untuk membangunkan Bola Sepak Selangor?

JAWAPAN:

- b) Dijawab oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.
- c) Kerajaan Negeri Selangor perlu meneruskan kesinambungan Program Pembangunan Sukan Bolasepak walaupun tanpa melibatkan Persatuan Bolasepak Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor akan menggunakan semua kekuatan yang ada diperingkat Kerajaan Negeri untuk meneruskan program pembangunan sukan tersebut.

Selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor agar Kerajaan Negeri Selangor dapat mengembalikan kegemilangan sukan bolasepak di Negeri Selangor, Pengurusan Majlis Sukan Negeri Selangor telah menyahut saranan daripada DYMM Sultan Selangor untuk mempertingkatkan kecemerlangan Program Pembangunan Sukan Bola Sepak di negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk merangka satu pendekatan bijak sejajar dengan motto 'Smart-Selangor' bagi mengujudkan satu program pembangunan sukan bolasepak yang lebih berstruktur dan sistematik untuk mengembalikan zaman kegemilangan sukan bolasepak di Negeri Selangor.

Majlis Sukan Negeri Selangor telah mengujudkan struktur program pembangunan bolasepak Negeri Selangor dan seterusnya ke arah penubuhan sebuah Akademi

Elite yang dinamakan 'Akademi Bolasepak Merah Kuning' yang bakal menempatkan pemain-pemain remaja terbaik bolasepak Negeri Selangor secara berterusan.

Akademi Bolasepak Merah Kuning akan menempatkan pemain-pemain terbaik graduasi dari ketiga-tiga akademi tersebut di atas yang akan menempatkan pemain-pemain bagi peringkat umur antara 18-21 tahun. Pemain-pemain ini akan ditempatkan sepenuh masa di Kompleks Akademi Bolasepak Selangor bertempat di U15 Puncak Alam sebagai pusat latihan dan operasi Akademi Bolasepak Merah Kuning.

Kerajaan Negeri telah mengenalpasti Kelab Bolasepak Luar Negara untuk menjalinkan kerjasama dari Akademi Bola Sepak Ajax Armsterdam bagi membentuk satu model latihan yang sistematik dan terkini serta pertukaran kepakaran dan peluang pendedahan kepada pemain-pemain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEMULIHARAAN EKO SISTEM HUTAN

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri bagi pemuliharaan eko sistem hutan di Selangor?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan jumlah rizab hutan di Selangor kekal bagi menjamin kehidupan masa hadapan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium, iaitu pembekuan kawasan pembalakan komersial di dalam HSK untuk tempoh 25 tahun sejak tahun 2010 sehingga 2035. Dasar Moratorium ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan HSK ini tidak dijalankan sebarang aktiviti pembalakan yang mana secara tidak langsung dapat memelihara dan memulihara semula ekosistem habitat flora dan fauna di negeri ini.

Bagi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK) mengikut Kelas Fungsi Hutan sepertimana di bawah Seksyen 10, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 juga merupakan salah satu perancangan jangka masa panjang bagi pemuliharaan ekosistem kerana setiap HSK boleh dikelaskan mengikut fungsi hutan yang bersesuaian. Contohnya, seluas 93,002 hektar kawasan telah diwartakan di bawah Kelas Fungsi Hutan Taman Negeri Selangor manakala seluas 44,543 hektar kawasan telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mewujudkan Zon Pembangunan Taman Negeri Selangor atau "**buffer zone**" pada jarak 300 meter dari sempadan HSK. Setiap pembangunan meliputi kawasan ini perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri .

Bagi kawasan hutan terosot, Jabatan ini telah dan sedang menjalankan projek penanaman semula kawasan hutan dengan spesies-spesies pokok yang sesuai untuk menggayakan/ restorasi kembali kawasan tersebut secara berterusan. Projek ini adalah meliputi semua jenis hutan yang terdapat di Negeri Selangor

iaitu Hutan Darat Asli, Hutan Paya Laut dan Hutan Paya Gambut. Peruntukan yang digunakan adalah daripada Projek Pembangunan (P10) iaitu dari pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan melalui Ibupejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPNSM).

JPNS juga sedang giat dalam proses untuk mewujudkan kawasan koridor ekologi untuk haiwan iaitu melalui projek “**Central Forest Spine**” dimana koridor laluan adalah untuk menghubungkan kawasan-kawasan hutan yang telah terpisah bagi membolehkan haiwan-haiwan bergerak dari satu kawasan hutan ke kawasan hutan yang lain.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan juga telah meluluskan dan dimaklumkan mengenai beberapa dokumen perancangan pengurusan hutan mengikut jenis dan pengelasan hutan bagi pengurusan hutan secara jangka sederhana dan jangka panjang yang menjurus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem hutan di Negeri Selangor. Di antaranya rancangan pengurusan yang telah dihasilkan adalah seperti berikut :

- (i) Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (ii) *Integrated Management For North Selangor Peat Swamp Forest* 2014 – 2023;
- (iii) Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2009 – 2019;
- (iv) Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (v) Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013 – 2022;
- (vi) Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara;
- (vii) Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor; dan
- (viii) Rancangan Tahunan Hutan;

Ke semua dokumen dan maklumat perancangan pengurusan hutan adalah amat penting dan berguna sebagai garis panduan di dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan khususnya di Negeri Selangor.

- b) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai dasar yang jelas mengenai pengekalan keluasan rizab hutan dan kaedah pengekalan eko sistem hutannya. Kerajaan Negeri komited dan akan berusaha bagi mengekalkan keluasa HSK tidak kurang daripada 30.0% daripada keluasan tanah Negeri Selangor. Sehingga kini Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor masih mengekalkan jumlah keluasan HSK iaitu 31.56% atau 250,129.00 ha. Komitmen ini adalah selaras dengan kehendak Dasar Perhutanan Negara dimana setiap negeri di Semenanjung Malaysia perlu mematuhi keluasan kawasan HSK dan mendokong Perjanjian Rio De Janeiro, Brazil dimana Malaysia perlu mengekalkan keluasan kawasan HSK iaitu sebanyak 50% daripada keluasan tanah di Malaysia.

Kerajaan Negeri juga akan mengkehendaki setiap projek pembangunan yang memerlukan pemansuhan HSK perlu mewujudkan kawasan gantian secara serentak sama ada dengan saiz keluasan yang sama atau dengan keluasan yang lebih besar berbanding kawasan HSK yang dimansuhkan.

Disamping itu, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) mengambil langkah proaktif bagi memastikan rizab HSK dimana pihak JPNS melakukan pemantauan dengan pelbagai kaedah seperti rondaan berkala, tinjauan udara seperti menggunakan helikopter dan pemantauan melalui imej satelite (*Forest Monitoring Using Remote Sensing*, FMRS). Langkah terkini, JPNS akan menggunakan Drone (*Unmanned Aerial Vehicle*, UAV) bagi menjalankan pemantauan kawasan '*hot-spot*' dan sebarang kes dikesan melalui perubahan imej satelite dan aduan awam. Selain itu, JPNS juga giat menjalankan program kesedaran awam terutamanya kepada masyarakat yang tinggal dengan kawasan HSK.

Kawalan dan penguatkuasaan hutan turut dijalankan secara berterusan oleh JPNS bagi memastikan HSK di Negeri Selangor ini tidak diceroboh oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan Negeri melalui JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang didapati melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor.

Sesungguhnya Kerajaan Negeri Selangor amat berbangga di atas pencapaian dan pengiktirafan Pengurusan Hutan Simpanan Kekal di negeri ini dan telah diiktiraf hingga ke peringkat antarabangsa. Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel (Commonwealth Heads of Government Meeting – CHOGM) yang diadakan di Valleta, Malta pada 2015 telah bersetuju bagi memilih Hutan Simpan Raja Musa dan Taman Eko Rimba Komanwel untuk menyertai “**The Queens Commonwealth Canopy**” (QCC). QCC adalah merupakan satu inisiatif yang diterajui oleh Royal Commonwealth Society dengan kerjasama Commonwealth Forestry Association dan Cool Earth. QCC merupakan inisiatif berprofil tinggi di bawah tajaan Ratu Elizabeth, British (selaku Ketua Komanwel).

Penyertaan ini sekaligus akan memberi peluang kepada negara Malaysia dan Negeri Selangor khususnya untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik pengurusan hutan secara Berkekalan dan mempromosikan usaha-usaha di dalam pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan negara dan seterusnya mendokong Agenda 2030 for Sustainable Development.

Di peringkat Asia Tenggara pula, melalui dana antarabangsa daripada International Fund Agriculture Development (IFAD) kepada Global Environment Fund (GEF) bagi projek perintis di bawah Projek Rehabilitasi dan Penggunaan Secara Lestari Hutan Paya Gambut di ASEAN atau ASEAN Peatland Forest Project (APFP) dimana pengurusan projek Hutan Simpan Raja Musa telah dipilih sebagai projek cemerlang yang dibuat penilaian oleh Pasukan Penilaian Antarabangsa (IFAD/GEF).

Disamping itu, JPNS juga merupakan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia yang pertama dapat mengekalkan *Zero CARs* (*Corrective Action Requests*) bagi tahun kelima (5) berturut-turut (semenjak 2012 – 2016) di dalam Audit Pensijilan “**Malaysia Criteria and Indicators**” (MC&I) (Hutan Asli) iaitu satu standard pematuhan pencapaian Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Manakala bagi **Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008**, JPNS juga telah mencapai *Zero CARs* bagi lima (5) tahun berturut-turut (2012 – 2016) dan ini menjadi pemangkin bagi seluruh warga JPNS untuk mengulangi kejayaan yang sama bagi tahun-tahun hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : LEBUHRAYA BARU DI NEGERI SELANGOR

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi lebuhraya-lebuhraya yang diluluskan sejak tahun 2008, apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan negeri untuk memastikan keuntungan pihak konsesi tidak berlebihan?
- b) Adakah kerajaan negeri mensyaratkan had tempoh konsesi mengutip bayaran tol?
- c) Adakah kerajaan negeri mengutip cukai pintu untuk lebuhraya?

JAWAPAN:

- a) Seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, dasar pembangunan berkualiti rakyat dipedulikan akan tetap menjadi teras dalam setiap pembangunan di negeri Selangor. Kerajaan Negeri tidak pernah menolak sebarang pembangunan asalkan hasilnya dapat memberi keselesaan dan dapat dinikmati oleh rakyat. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuhraya di Negeri Selangor dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - 1. Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment* - TIA) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuhraya dan juga penduduk sekitar dengan mengambil kira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;
 - 2. Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (return of investment - ROI); dan
 - 3. Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensinya teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

- b) Pemantauan dan penetapan kadar tol yang dikutip oleh sesebuah projek lebuhraya adalah mengikut syarat-syarat yang termaktub di dalam perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan diwakili oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan ditadbir melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) selaku pihak berkuasa lebuhraya. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mensyaratkan had tempoh konsesi mengutip bayaran tol.

- c) Cukai Pintu atau Cukai Taksiran dikuatkuasakan mengikut peruntukan Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ia adalah cukai yang dikenakan ke atas harta tanah yang terletak di Kawasan Majlis dalam Negeri Selangor meliputi harta-harta berikut :
 - 1. Kediaman
 - 2. Perniagaan
 - 3. Perindustrian
 - 4. Tanah kosong

Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengenakan cukai taksiran bagi konsesi lebuhraya yang berada di kawasan pentadbiran bagi pegangan bangunan operasi dan kawasan rehat dan rawat (RNR).

Berikut adalah senarai PBT yang telah mengutip cukai taksiran daripada setiap konsesi lebuhraya:

| PBT | NAMA KONSESI LEBUHRAYA |
|------------|-------------------------------|
| MBSA | PLUS, GUTHRIE, LKSA, KESAS |
| MBPJ | PLUS |
| MPK | SHAHPADU |
| MPSJ | LITRAK, BESRAYA, KESAS, PLUS |
| MPS | LATAR |
| MPKJ | SAGA, PLUS, SILK, LEKAS |
| MPSp | MEX, SKVE, PLUS |
| MDKS | LATAR, GUTHRIE |
| MDKL | PLUS, SKVE |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PELAN TELEKOMUNIKASI NEGERI SELANGOR

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan yang jelas berkaitan menara telekomunikasi di negeri ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengguna pakai **Garis Panduan Pembinaan Struktur Menara dan Sistem Pemancar Telekomunikasi Tahun 2002** yang disediakan oleh **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** pada **8 April 2002** .

Oleh kerana, terdapat banyak permohonan untuk pembinaan menara telekomunikasi di Negeri Selangor oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dan ianya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil negeri, maka Kerajaan Negeri mengambil tindakan memperkemaskan lagi **Garis Panduan Pembinaan Struktur Menara dan Sistem Pemancar Telekomunikasi** sediaada supaya ianya memberi manfaat kepada rakyat dan tidak memudaratkan penduduk.

Justeru, Kerajaan Negeri telah mengarahkan **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD)** dengan kerjasama **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** supaya menyediakan satu **Garis Panduan Pembinaan Struktur Menara dan Sistem Pemancar Telekomunikasi** yang baru bagi Negeri Selangor.

Garis panduan baru ini mengambilkira pandangan dari semua pihak iaitu semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi-agensi Teknikal Kerajaan, NGO, REDHA, dan lain-lain. Perbincangan yang menyeluruh telah diadakan melalui beberapa siri bengkel dan **engagement**.

Penyediaan garis panduan tersebut di dalam peringkat akhir dan akan dibentangkan kepada **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)** dalam masa terdekat, untuk pemakaian di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SMART SELANGOR SMART CITIES

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk perancangan yang boleh mendidik masyarakat awam untuk menjadi *Smart Citizen* dalam pembangunan infrastruktur *Smart* Selangor?
- b) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan dan penjimatan kos yang diperoleh daripada pembangunan *Smart* Selangor?
- c) Setakat ini apakah tahap kejayaan yang telah dicapai *Smart* Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, pengetahuan dan penglibatan Rakyat Selangor dan masyarakat awam ke arah *Smart Citizen*, kaedah *mass collaboration* telah digunakan. Masyarakat awam digalakkan melalui *participatory approach* dengan melibatkan diri melalui sesi *engagement*, memberi maklum-balas, cadangan, *polling* dan aduan berkenaan mana-mana polisi atau dasar Kerajaan Negeri.
- b) Peruntukan 2017 bagi projek-projek di bawah *Smart* Selangor adalah seperti di bawah:

| No. | Projek | Jumlah |
|-----|---|-----------|
| 1. | Smart Application Development Platform | RM12 juta |
| 2. | Big Data Command & Control Centre Feasibility Study | RM2 juta |
| 3. | Internet of Things (IoT) | RM2 juta |
| 4. | Wifi Smart Selangor | RM6 juta |

Masih terlalu awal untuk menentukan penjimatan bagi projek-projek ini.

c) Smart Selangor Executive Summary Blueprint telah dilancarkan pada 6hb Disember tahun lepas berteraskan 12 Smart Domains yang menjadi asas pembangunan untuk Selangor menjadi sebuah Smart State pada tahun 2025. Di samping itu, sempena pelancaran Smart Selangor Blueprint, SSDU turut menganjurkan Selangor Smart City International Conference buat julung kalinya dihadiri pakar-pakar pembangun Smart City antarabangsa. Pada masa yang sama, beberapa pilot projek telah dijalankan dan antara kejayaan yang telah dicapai termasuk:

i. Sesi Lab Smart Selangor Bersama 20,000 Rakyat Selangor Bermula Jun 2016

Menjalankan lebih daripada 20 sesi lab bersama agensi kerajaan negeri dan kaji selidik rakyat untuk mengenal pasti permasalahan rakyat untuk dijadikan tumpuan inisiatif-inisiatif penyelesaian di bawah program Smart Selangor.

ii. Pembersihan Sungai Klang

Sebanyak 48 mini log booms telah dipasang sepanjang Sg. Klang. Dari bulan Feb 2016 sehingga Feb 2017, sebanyak 20, 809 MT sampah telah dikumpul dan dihantar ke land fill. Di samping itu, aktiviti kitar semula telah turut dilaksanakan. Setakat ini, dari bulan Mac, 1,100 kg barangan yang boleh dikitar semula telah dikutip dan diasingkan justeru mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan.

iii. Wi-Fi Smart Selangor

Sehingga Disember 2016, Wifi Smart Selangor telah merekodkan jumlah sesi sebanyak 8.6 Juta pada tahun 2016 menjadikan Wifi Smart Selangor salah satu rangkaian tersibuk di kalangan pembekal data di Malaysia.

iv. Waze Connected Citizens Program

Memeterai perjanjian dengan pihak Waze dan 7 PBT pada bulan Oktober 2016 untuk membolehkan aduan jalan berlubang menerusi pengguna aplikasi Waze diterima oleh pihak PBT untuk diperbaiki. Setakat ini, PBT-PBT yang telah memeterai perjanjian bersama Waze adalah seperti berikut:

1. MBSA
2. MBPJ
3. MPSJ
4. MPAJ
5. MPKJ
6. MPK

7. MPS

v. Transit Oriented Development

6 lokasi berpotensi telah dikenal-pasti untuk pembangunan TOD seperti berikut:

1. KTMB Pengkalan Batu
2. KTMB Shah Alam
3. KTMB Jalan Kastam
4. LRT3 Seksyen 14
5. KTMB Port Klang
6. MRT Kwasa

vi. Meningkatkan kecekapan operasi pengurusan sisa pepejal negeri Selangor.

Mengkaji punca permasalahan dan merangka kaedah penyelesaian pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor. Sebuah Project Management Company telah ditubuhkan untuk menguruskan operasi kutipan sisa pepejal yang lebih baik menerusi program Smart Waste Management. Sistem ini berteraskan penggunaan sistem pemantauan dan aduan serta kaedah pembiayaan aset kutipan yang membolehkan penyeragaman aset-aset kutipan baru.

vii. Internet of Thing (IoT) Platform

IoT Platform adalah pembangunan jaringan telekomunikasi yang membolehkan sensors dan controllers berkomunikasi dan berkongsi data di antara satu sama lain. Jaringan IoT ini mengguna pakai teknologi yang dapat mengurangkan risiko operasi dan cyber security. Proses perolehan diperingkat MBI sedang dijalankan dan akan dimuktamadkan pada bulan Mei.

viii. Public Citizen Partnership Platform (PCP)

Platform ini adalah medium untuk rakyat menyuarakan idea, pendapat dan cadangan secara proaktif kepada Kerajaan Negeri secara online dan seterusnya bersama-sama mengambil bahagian untuk merancang program pembangunan terutamanya yang melibatkan komuniti secara langsung. Ia juga berperanan sebagai medium yang membolehkan Kerajaan Negeri menganalisa segala input daripada rakyat secara kolektif, menambah baik polisi dan membuat keputusan yang lebih relevan, yang mampu mendapatkan 'buy-in' yang tinggi daripada rakyat. Proses perolehan diperingkat MBI sedang dijalankan dan akan dimuktamadkan pada bulan Mei.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BIASISWA MENTERI BESAR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima biasiswa menteri besar dari 2014-2016 serta nilainya.
- b) Nyatakan jumlah pemohon yang ditolak dari menerima biasiswa menteri besar dari 2014-2016.

JAWAPAN:

- a) Biasiswa Menteri Besar telah dijenamakan semula kepada nama baru iaitu Biasiswa Selangor Brain Bank. Program Khas Selangor Brain Bank baru diluluskan untuk pelaksanaan pada 31 Oktober 2016. Permohonan bagi pengambilan pertama telah dibuka pada 15 November 2016 sehingga 31 Januari 2017. Sebanyak 78 permohonan telah diterima dan 10 permohonan telah disenarai pendek untuk pertimbangan.
- b) Memandangkan Biasiswa Brain Bank baru sahaja diluluskan untuk pelaksanaan pada penghujung tahun 2016, permohonan masih dalam proses pertimbangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PENGUKURAN SEMULA DAN PEWARTAAN SEMPADAN KAWASAN
ORANG ASLI**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini kerja-kerja pengukuran dan pewartaan sempadan kawasan Kampung Orang Asli di Selangor.
- b) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan keluasan tanah Orang Asli yang diwartakan adalah cukup untuk menjana sumber ekonomi Orang Asli

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : KERJA-KERJA PEMBAIKPULIHAN JAMBATAN DI JALAN JURUTERA

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah kerja-kerja pembaikpulihan jambatan di Jalan Jurutera yang runtuh dipercepatkan?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pembaikan di bawah tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SEKRETARIAT TASK FORCE FELDA,

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri melalui Sekretariat *Task Force* Felda, membantu peneroka yang terbeban dengan skim pelaburan FGV yang gagal?
- b) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi peneroka-peneroka Felda di Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sekretariat *Task Force* Felda Negeri Selangor telah ditubuhkan melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2010 pada 16 Jun 2010 bertujuan untuk menyusun dan memperkemaskan pelaksanaan tanah Rancangan FELDA Sungai Buaya serta membangunkan Skim Perumahan bagi anak-anak generasi kedua Felda serta menyelesaikan masalah berkaitan Felda di Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, Sekretariat *Task Force* Felda Negeri Selangor tidak terlibat bagi penyelesaian isu berhubung dengan skim pelaburan FGV dan ianya adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Justeru itu, Sekretariat *Task Force* Felda Negeri Selangor juga telah ditutup dan dibubarkan selaras dengan kelulusan penutupan Akaun Amanah Sekretariat Felda pada 7 Oktober 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH (RPKR)

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan negeri mempunyai peruntukan tetap untuk kerja-kerja penyelenggaraan atau pembaikan kerosakan Rumah Pangsa Kos Rendah (RPKR)?
- b) Beberapa RPKR di DUN Semenyih berkeadaan tidak terurus kerana JMB gagal berfungsi atau tidak mempunyai dana untuk menyelenggara. Bagaimana masalah ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sejak tahun 2011 telah pun mewujudkan skim bantuan khusus bagi menangani masalah kerosakan harta bersama pangsapuri di Negeri Selangor yang dikenali sebagai Skim CERIA. Peruntukan ini disalurkan melalui penubuhan Tabung Amanah dengan suntikan dana berjumlah RM25 juta setiap tahun.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan geran khas melalui setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan baik pulih jalan di dalam kawasan pangsapuri. Untuk rekod, tidak kurang daripada RM9 juta telah disalurkan bagi tujuan tersebut pada tahun 2016. Manakala setakat, Mac 2017 sebanyak RM18 juta dianggarkan untuk dimanfaatkan bagi tujuan baik pulih jalan yang dikategorikan sebagai harta bersama pangsapuri.

Bemula pada tahun 2017 ini juga Program *Smart Lift Improvement for Quality Life* (SMART LIFE) diwujudkan khusus bagi membantu pangsapuri kos rendah dalam mengatasi masalah lif yang sering rosak. Sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf dan menyelenggara lif untuk tempoh satu tahun.

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah ini menerusi 3 aspek utama iaitu:-
- i) Bantuan berbentuk pendidikan seperti Kempen Pangsapuri Bersih, Ceria dan Harmoni, Skim Pengenalan Kehidupan Strata (SKORA) yang menyasarkan pelajar sekolah, Program Format Kurikulum Kehidupan Strata (FOKUS) iaitu program khusus untuk melengkapkan Ahli Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Ahli Majlis Perbadanan Pengurusan (MC) dengan ilmu dan sebagainya;
 - ii) Bantuan perundangan iaitu tindakan punitif yang dibuat oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) ke atas pembeli yang engkar membayar caj di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyenggaraan) 2007 (Akta 663) sebelum Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) berkuatkuasa; dan
 - iii) Bantuan berbentuk fizikal dan kewangan seperti Skim CERIA, SMART LIFE, Skim Rondaan Keselamatan Kejiranan Pangsapuri (SEROJA). Untuk rekod, beberapa pangsapuri di bawah DUN Semenyih telah pun menerima bantuan Skim CERIA seperti berikut:-

| BIL | NAMA PEMAJUAN | NAMA PBT | PERIHAL KERJA BAIKPULIH | | STATUS KEMAJUAN KERJA | KOS SEBENAR/HARGA KONTRAK (RM) |
|---------------|--|----------|-------------------------|--------|-----------------------|--------------------------------|
| 1. | Pangsapuri Pinggiran Delima | MPKj | Bumbung | - | 100% Tahun : 2011 | 87,720.00 |
| 2. | Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma | MPKj | Taman Permainan | - | 100% Tahun : 2012 | 24,140.00 |
| 3. | Flat (Kos Rendah) Taman Bangi Jaya | MPKj | Bumbung | 1 blok | 100% Tahun : 2015 | 127,953.98 |
| 4. | Pangsapuri Seri Rinching | MPKj | Bumbung | 2 blok | 100% Tahun : 2015 | 99,718.40 |
| JUMLAH | | | | | | 339,532.38 |

Selain itu, Kerajaan Negeri mulai tahun 2013 telah memperkenalkan bantuan air percuma sebanyak 20 meter padu iaitu bersamaan RM11.40 melalui Skim *Selangor Free Water (SAFWA)* dan juga pengecualian bayaran cukai pintu bagi pangsapuri kos rendah yang dianggarkan menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM180.00 setahun bagi tujuan bayaran cukai pintu oleh penghuni pangsapuri kos rendah. Sewajarnya bantuan Kerajaan Negeri ini sedikit sebanyak dapat menjimatkan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh penghuni pangsapuri kos rendah dalam dua perkara berkenaan. Seharusnya penjimatan tersebut perlu disalurkan bagi pembayaran caj penyenggaraan yang mana sekaligus menyumbang kepada keadaan pangsapuri yang lebih terurus serta disenggara dengan baik. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak dapat menafikan bahawa himpitan kos sara hidup akibat peningkatan harga barang keperluan dan juga pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sedikit sebanyak akan merencatkan matlamat utama Kerajaan Negeri dalam memperkasakan fungsi JMB melalui bantuan yang diberikan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : METER AIR

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah berlakunya masalah jumlah penggunaan air bagi meter pukal tidak sama dengan jumlah keseluruhan penggunaan air bagi meter individu di pangsapuri-pangsapuri walaupun tanpa kebocoran?
- b) Siapakah yang seharusnya menanggung bil tambahan akibat perbezaan penggunaan air antara meter pukal dan meter individu?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penggunaan berbeza di antara jumlah penggunaan air bagi meter pukal dengan jumlah keseluruhan penggunaan air bagi meter individu di pangsapuri disebabkan perkara-perkara seperti berikut:
 - Terdapat penggunaan di kawasan guna sama yang tidak dimeterkan, contohnya rumah sampah, surau dan sebagainya.
 - Terdapat juga kes-kes bacaan anggaran ke atas meter individu, seperti bacaan anggaran meter disyaki rosak, halangan dan kebuk berkunci yang menyebabkan penggunaan sebenar tidak dapat direkodkan ke atas akaun-akaun individu tersebut.
- b) Bil tambahan akibat perbezaan penggunaan air antara meter pukal dan meter individu ini adalah tanggungjawab pemegang akaun meter pukal tersebut, iaitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : GAJI PENYELIA PWB, KPMI SERTA GURU-GURU TUISYEN RAKYAT

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah gaji penyelia PWB, KPMI serta Guru-guru tuisyen rakyat tidak diselaraskan tarikh pembayaran mengikut gaji kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) dilantik melalui Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) atau lebih dikenali sebagai *contract for service*. Terdapat perbezaan antara lantikan secara SPS dengan Skim lantikan yang lain berdasarkan Garis Panduan yang diedarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada semua jabatan bertarikh 30 April 2009.

Garis Panduan tersebut antara lain menyebut tentang status perkhidmatan SPS seperti berikut:

- (i) Pelantikan tidak menjadikan individu tersebut sebagai seorang pegawai awam dan pelantikan SPS merupakan kontrak pembelian perkhidmatan daripada seseorang individu oleh kerajaan;
- (ii) Pelantikan ini tidak layak untuk dijadikan asas untuk menyokong permohonan supaya dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (*contract of service*);

Merujuk kepada garis panduan pelantikan KPMI secara SPS itu, Jabatan tidak terikat untuk memastikan pembayaran elaun KPMI dan guru-guru mengikut gaji kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor. Pembayaran elaun KPMI dan guru-guru akan dibuat selepas jabatan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan melalui laporan yang dikemukakan secara bulanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di kawasan DUN IJOK ada pembakaran tempurung secara haram yang mencemarkan alam sekitar. Keluhan penduduk setempat atas masalah ini tidak dihormati. Apa tindakan tegas yang perlu dikenakan ke atas tuan punya tanah dan pihak yang tidak bertanggungjawab ini?

JAWAPAN:

- a) Tidak dapat disangkal lagi bahawa Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa menuju ke arah untuk membangunkan rakyat dan memakmurkan negeri. Namun dalam mengejar cita-cita untuk menjadi sebuah negeri Smart State yang boleh menggugat kualiti hidup rakyat Negeri Selangor. Isu seperti pencemaran alam sekitar tidak akan sesekali dipandang remeh oleh Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan isu pembakaran tempurung secara haram yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ijok, untuk makluman semua ahli-ahli YB sekalian, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima aduan mengenai bau/asap pembakaran tempurung bermula April 2016. Siasatan telah dilakukan dan mendapati sebanyak empat (4) premis yang mengusahakan aktiviti pembakaran tempurung di seluruh kawasan Ijok dan kesemuanya adalah tidak berlesen dan menjalankan aktiviti tanpa kebenaran dari pihak MDKS. Pada 7 April 2016, pihak MDKS dengan kerjasama yang padu dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor (PDTKS) telah menjalankan operasi bersepadu tindakan penguatkuasaan dan telah menyita premis yang melakukan kesalahan.

Berdasarkan kepada satu lagi aduan yang terbaru, pihak MDKS telah mengeluarkan notis dan kompaun kepada pengusaha tersebut namun gagal dipatuhi. Oleh yang demikian pihak MDKS sekali lagi telah berjaya menyita tujuh puluh dua (72) unit tong pembakaran tempurung. Operasi susulan terakhir dilakukan pada bulan Disember 2016 berikutan kegagalan pengusaha untuk mematuhi arahan menghentikan operasi. Untuk makluman, kes ini telah dibawa untuk pembukaan kertas siasatan bagi tindakan selanjutnya. Ini adalah di antara beberapa contoh kes yang telah pun diambil tindakan yang tegas.

Tindakan penguatkuasaan Kerajaan Negeri tidak akan berhenti sampai di sini sahaja. Pihak PBT sentiasa menjalankan siasatan bagi mengesan kegiatan pembakaran tempurung di kawasan-kawasan yang disyaki. Pihak PBT juga adalah dalam proses untuk menganjurkan mesyuarat penyelarasan tindakan operasi bersepadu yang lebih agresif bersama jabatan-jabatan yang terlibat bagi mengawal kacau ganggu dalam langkah untuk membanteras pencemaran alam sekitar. Ini adalah bagi memastikan tindakan tegas terus dilaksanakan ke atas pengusaha-pengusaha yang tegar di bawah akta serta undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa di bawah bidang kuasa jabatan.

JAS boleh mengambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sementara PDTKS pula boleh mengeluarkan notis 7A iaitu notis melanggar syarat tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 sekiranya betul pelanggaran syarat itu berlaku selepas siasatan dilakukan. Sekiranya pemilik tanah enggan memulihkan tanah tersebut, notis 8A boleh dikeluarkan yang boleh menyebabkan tanah itu dirampas oleh Kerajaan Negeri.

Di kesempatan ini juga saya ingin menyeru agar aduan-aduan yang ingin dibuat kepada Kerajaan Negeri perlulah melalui saluran yang betul dan bukanlah kepada pihak-pihak yang tidak sepatutnya. Ini adalah supaya setiap aduan ini dapat direkodkan dan tindakan penguatkuasaan yang bakal dilakukan adalah mengikut kepada *Standard Operating Procedure* yang betul.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membendung kelahiran pusat penjagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar dan beroperasi dalam rumah kediaman?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melakukan pemantauan ke pusat penjagaan kanak-kanak di Selangor?
- c) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri ke arah memperketatkan penguatkuasaan garis panduan pusat penjagaan kanak-kanak?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai usaha bagi membendung kelahiran pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar. Antaranya adalah menganjurkan program yang berbentuk advokasi untuk memberi kesedaran kepada pengusaha dan pengendali berdaftar dengan pihak Jabatan. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 6 program advokasi telah dijalankan di kawasan tumpuan iaitu Petaling, Hulu Langat, Klang dan Kuala Selaangor.

Selain daripada itu, mesyuarat Inter Agensi turut diadakan dalam membincangkan isu pendaftaran pusat jagaan yang melibatkan agensi teknikal seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan BOMBA dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan, Syarikat Suruhanjaya Malaysia, Jabatan Pendaftar Pertubuhan dan lain-lain. Sepanjang 2016, sebanyak 12 mesyuarat Inter Agensi telah diadakan di peringkat daerah dan negeri bagi membincangkan isu pendaftaran pusat jagaan dan TASKA.

Sehingga Februari 2017, sebanyak 330 Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang telah berdaftar dan 142 pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar seperti berikut:

| Daerah | Jumlah Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berdaftar | Jumlah Pusat Jagaan Kanak-Kanak Tidak Berdaftar | JUMLAH |
|----------------|---|---|------------|
| Petaling Jaya | 141 | 44 | 185 |
| Gombak | 38 | 39 | 77 |
| Klang | 43 | 26 | 69 |
| Hulu Langat | 62 | 7 | 69 |
| Sepang | 23 | 15 | 38 |
| Hulu Selangor | 11 | 3 | 14 |
| Kuala Selangor | 5 | 4 | 9 |
| Kuala Langat | 3 | 4 | 7 |
| Sabak Bernam | 4 | 0 | 4 |
| JUMLAH | 330 | 142 | 472 |

Bagi membendung kes pusat jagaan kanak-kanak tidak berdaftar, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah mewujudkan kumpulan *Task Force* di peringkat daerah yang mengeluarkan surat peringatan sebagai tindakan awal sebelum pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dijalankan melalui Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Bagi Pusat Jagaan yang tidak berdaftar, tindakan yang boleh diambil mengikut peruntukan Akta 506 adalah tindakan lak, kompaun dan pendakwaan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan pemantauan ke pusat jagaan kanak-kanak di Negeri Selangor. Pemantauan yang dilaksanakan melalui pemeriksaan mengejut bagi pusat jagaan tidak berdaftar dan audit pematuhan bagi pusat jagaan berdaftar dilaksanakan oleh Pegawai Diberi Kuasa Pusat Jagaan di peringkat daerah. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 163 Audit Pematuhan terhadap Taman Asuhan Kanak-Kanak dan 50 Audit Pematuhan terhadap Pusat Jagaan telah dilaksanakan. Sebarang ketidakpatuhan pusat jagaan terhadap Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 akan disyorkan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil berdasarkan

peruntukan Akta dan Peraturan. Berikut adalah jenis tindakan penguatkuasaan yang telah diambil bermula tahun 2015 sehingga Februari 2017.

| Jenis Tindakan | 2015 | 2016 | Februari 2017 | JUMLAH |
|-----------------------|-------------|-------------|--------------------------|---------------|
| Dakwa | 1 | 1 | 2 | 4 |
| Lak | 4 | 3 | - | 7 |
| Kompaun | 3 | 2 | 2 | 7 |
| Tutup | 2 | 1 | - | 3 |
| Batal Perakuan | 4 | 7 | 4 | 15 |
| Arahan Bertulis | 3 | 3 | 3 | 9 |
| JUMLAH | 17 | 17 | 11 | 45 |

- c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah bergiat aktif bagi memberi kesedaran dan pengajaran kepada pengendali pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar. Kumpulan Task Force di bawah Bahagian Penguatkuasaan yang ditubuhkan di peringkat daerah berusaha untuk mengenal pasti pusat jagaan yang tidak berdaftar dan memberi surat peringatan kepada pihak pusat jagaan. Tindakan Penguatkuasaan akan diambil sekiranya pihak pusat jagaan masih lagi berdegil untuk memulakan proses pendaftaran dengan pihak Jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KENDERAAN TERBENGGKALAI

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah kenderaan terbengkalai yang telah ditunda dan lupus sejak tahun 2013 mengikut PBT masing-masing.
- b) Senaraikan kos yang telah dibelanjakan mengikut PBT masing-masing.
- c) Berapa unit kenderaan terbengkalai yang belum di tunda di setiap PBT dan apakah perancangannya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kenderaan terbengkalai yang ditunda dan dilupus sejak tahun 2013 mengikut PBT adalah seperti berikut:-

| BIL. | PBT | JUMLAH KENDERAAN TERBENGGKALAI SEJAK TAHUN 2013 SEHINGGA 2016 | |
|---------------|------|--|------------------|
| | | YANG DITUNDA | YANG DILUPUS |
| 1. | MBSA | 798 Unit | 699 Unit |
| 2. | MBPJ | 1691 Unit | 1102 Unit |
| 3. | MPSJ | 1947unit | 1745 Unit |
| 4. | MPS | 451 Unit | 451 Unit |
| 5. | MPKj | 416 Unit | 319 Unit |
| 6. | MPK | 336 Unit | 131 Unit |
| 7. | MPAJ | 1854 Unit | Tiada Rekod |
| 8. | MPSp | 228 Unit | 108 Unit |
| 9. | MDKS | 68 Unit | 24 Unit |
| 10. | MDKL | 84 Unit | 63 Unit |
| 11. | MDSB | Tiada Rekod | Tiada Rekod |
| 12. | MDHS | 33 Unit | 10 Unit |
| JUMLAH | | 7906 Unit | 4652 Unit |

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

b) Jumlah kos yang telah dibelanjakan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

| BIL. | PBT | JUMLAH KOS YANG DIBELANJAKAN (RM) |
|--------------------|------------|--|
| 1. | MBSA | 133,360.00 |
| 2. | MBPJ | 77,000.00 |
| 3. | MPSJ | 1,682,956.00 (termasuk pembelian lori) |
| 4. | MPS | 371,000.00 |
| 5. | MPKj | 20,000.00 |
| 6. | MPK | Tiada, Perkhidmatan Sendiri |
| 7. | MPAJ | Tiada, Perkhidmatan Sendiri |
| 8. | MPSp | 79,329.00 |
| 9. | MDKS | 15,500.00 |
| 10. | MDKL | 12,600.00 |
| 11. | MDSB | Tiada Rekod |
| 12. | MDHS | 14,000.00 |
| JUMLAH (RM) | | 2,405,745.00 |

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

c) Bilangan kenderaan terbengkalai yang belum ditunda dan dalam tindakan proses penundaan mengikut PBT seperti berikut:-

| BIL. | PBT | BILANGAN KENDERAAN TERBENGKALAI DALAM TINDAKAN PROSES TUNDA |
|-------------|------------|--|
| 1. | MBSA | 1,211 Unit |
| 2. | MBPJ | 400 Unit |
| 3. | MPSJ | 237 Unit |
| 4. | MPS | 108 Unit |
| 5. | MPKj | 1015 Unit |

| BIL. | PBT | BILANGAN KENDERAAN TERBENGKALAI DALAM TINDAKAN PROSES TUNDA |
|-------------------------------|-------------|--|
| 6. | MPK | 217 Unit |
| 7. | MPAJ | 1160 Unit |
| 8. | MPSp | Tiada Rekod Khusus |
| 9. | MDKS | 109 Unit |
| 10. | MDKL | 55 Unit |
| 11. | MDSB | Tiada |
| 12. | MDHS | 140 Unit |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 4,652 Unit |

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TANAH PERTANIAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah hasil pendapatan negeri kesan daripada pertukaran tanah pertanian kepada perumahan (bermula 2008)?
- b) Nyatakan anggaran keluasan tanah pertanian yang diguna pakai bagi menghasilkan produk pertanian.
- c) Berapakah jumlah keluasan tanah pertanian yang tidak diusahakan?

JAWAPAN:

- a) Secara amnya, sejak dari 2008, sebanyak 15,187.57 hektar tanah berstatus pertanian (termasuk kawasan penternakan dan akuakultur) telah ditukar status untuk dimajukan menjadi kawasan perumahan, perindustrian dan penggunaan bagi tujuan lain. Jumlah hasil negeri daripada premium penukaran status tanah pertanian adalah sebanyak RM 6.905 bilion dalam tempoh 2008 hingga 2016.
- b) Seluas 266,598.90 hektar tanah di Selangor yang digunakan bagi aktiviti pertanian. Tanaman kelapa sawit sahaja seluas 163,294.1 hektar diikuti padi 18,900 hektar, getah 17,708 hektar, buah-buahan 9,365.50 hektar dan sayuran 1,884.2 hektar.
- c) Jabatan Pertanian telah mengenal pasti tanah terbiar seluas 3,009.14 hektar dan proses perundingan sentiasa dijalankan bagi menemu suakan pemilik dengan petani yang berminat untuk mengusahakan projek pertanian di tanah terbiar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA - IWD

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah proses yang dilaksanakan bagi pembentukan dasar IWD?
- b) Bagaimanakah struktur organisasi IWD dan jangkaan ianya mula beroperasi?
- c) Siapakah yang terlibat dalam memastikan pelan tindakan IWD mempunyai dasar yang komprehensif dan yang terbaik di negara ini?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Institut Wanita Berdaya (IWB) bertindak sebagai sebuah badan pemikir kepada Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga. Penubuhan IWB ini berperanan dalam merencana dasar, polisi dan strategi ke arah kemajuan dan pemberdayaan wanita demi merealisasikan pembangunan Negeri Selangor yang inklusif, lestari dan adil.

Satu Kertas Exco-MTES berkaitan penubuhan Institut Wanita Berdaya (IWB) telah pun dibentangkan bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri. Cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 9/2017 yang diadakan pada 08 Mac 2017 yang telah disahkan oleh MMKN ke 10/2017 pada 15 Mac 2017 yang lalu juga bersetuju meluluskan penubuhan IWB yang telah dicadangkan.

Cadangan dasar yang bakal diketengahkan oleh IWB akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Dasar yang terbentuk akan menjadi dasar Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha Kerajaan Negeri mengangkat martabat wanita khususnya wanita Selangor di mata dunia.

Sebagai makluman, struktur organisasi IWB adalah dianggotai oleh seorang **Penasihat** iaitu Yang Berhormat Puan Zuraida Binti Kamarrudin, Ahli Parlimen Ampang, beserta dua orang Ahli **Lembaga Pengarah** iaitu Yang Berhormat Puan Haniza Mohamed Talha, ADUN Taman Medan dan saya sendiri, Daroyah Binti

Alwi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor merangkap ADUN Sementa.

Di peringkat menerajui pengoperasian IWB, seorang **Ketua Pegawai Eksekutif** iaitu Puan Rabiah Omar telah dilantik dengan dibantu oleh seorang **Pembantu Peribadi**. Selain daripada itu, IWB ini akan turut dianggotai oleh golongan pakar dan professional yang akan dikenalpasti bagi menerajui portfolio **Penyelidikan, Dasar Dan Program** (2 orang) dan portfolio **Kewangan, Pentadbiran Dan Sumber Manusia** (1 orang).

Matlamat utama IWB adalah bagi meningkatkan status sosio-ekonomi wanita di Negeri Selangor dan mempercepatkan keupayaan wanita dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa objektif penubuhan IWB yang dilihat penting bagi merealisasikan matlamat ini yang mana antara objektif penubuhannya adalah seperti berikut :

- i. Memaksimumkan potensi dan kapasiti wanita ke arah pemberdayaan sosio-ekonomi diri dan kolektif;
- ii. Mempertingkatkan dan mempercepatkan kapasiti kepimpinan dan pembuatan keputusan wanita ke arah pembinaan masyarakat yang adil dan seimbang;
- iii. Meningkatkan status sosio-ekonomi wanita meliputi sumber daya hidup, keselamatan dan kesihatan mereka;
- iv. Memastikan dasar dan pelaksanaan program Kerajaan Negeri Selangor ke arah mempertahankan martabat dan maruah wanita sebagai agen perubahan dalam pembangunan Negeri Selangor;
- v. Mengenalpasti isu-isu semasa dunia yang memberi impak kepada kesejahteraan masyarakat di Selangor; dan
- vi. Mempertingkat dan memperluaskan fungsi dan aktiviti Pusat Wanita Berdaya (PWB) bagi kebaikan penduduk Selangor.

Oleh yang demikian, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah akan memastikan segala dasar dan program-program melalui IWB adalah komprehensif dan mencapai objektif penubuhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KEDUDUKAN FAS DAN PASUKAN GERGASI MERAH

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah alasan tersurat dan tersirat yang menyebabkan Dato' Menteri Besar melepaskan jawatan Presiden FAS?
- b) Apakah kelebihan apabila Ahli MMKN tidak lagi perlu menjadi Pengurus Gergasi Merah?
- c) *Sub-soalan telah di tolak.*

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : INSENTIF KERAJAAN DITAWARKAN KEPADA PENGUSAHA INDUSTRI
KECIL SEDERHANA**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif kerajaan yang ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha Industri Kecil Sederhana?
- b) Berapakah kawasan industri kecil sederhana yang didapati di Selangor? Sila kemukakan lokasi mengikut Daerah.

JAWAPAN:

Soalan (a) dijawab bersekali dengan soalan (a) daripada Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Idrus (Kuang)

- a) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Kerajaan Negeri Selangor tidak menghadkan bantuan yang ditawarkan kepada usahawan di negeri ini. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan insentif berbentuk geran dan program promosi dan latihan pembangunan Usahawan. Program-program yang dijalankan bagi membantu usahawan tempatan adalah seperti berikut:

- i. **Dana Usahawan Mikro Selangor**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada industri mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan

Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas yang memberi focus untuk membantu usahawan - usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

- Skop Bantuan

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- i. Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- ii. Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- iii. Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahwan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- iv. Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan

- v. Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

ii. **Promosi**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di Negeri Selangor adalah melalui kegiatan promosi. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menerima jemputan untuk menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkecukupan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

iii. **Kursus/Latihan**

Kursus yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan adalah merangkumi latihan yang memberi fokus kepada pembangunan perniagaan, pengurusan kewangan, pemantapan produk dan strategi pemasaran.

iv. **Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P)**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke

peringkat antarabangsa. Program kerjasama dengan SIRIM ini memberi peluang kepada peserta untuk mengikuti program yang telah direncana khas bagi pemabngunan pembungkusan produk. Peserta juga akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

v. **Pinjaman HIJRAH Selangor**

Agensi ini menawarkan pinjaman kepada usahawan di peringkat permulaan. Ia merangkumi tiga perkhidmatan dalam satu urusaniaga yang meliputi pinjaman, tabungan dan pelaburan. Pinjaman ini menawarkan modal tambahan secara berperingkat bermula dari RM3,000.00 sehingga RM40,000.00.

- b) Berdasarkan maklumat daripada SME Corp Malaysia, bilangan Industri Kecil dan Sederhana di Negeri Selangor yang merangkumi semua kawasan adalah seperti berikut:

| Bil | Sektor | Jumlah Usahawan |
|-----|---------------|-----------------|
| 1. | Perkhidmatan | 110,714 |
| 2. | Pembuatan | 8,314 |
| 3. | Pertanian | 834 |
| 4. | Perlombongan | 23 |
| 5. | Pembinaan | 6,019 |
| | Jumlah | 125,904 |

Sumber : SME Corp Malaysia (data adalah bagi tahun 2010)

Bagi program Kerajaan Negeri di bawah HIJRAH Selangor mencatatkan seramai 25,562 usahawan yang telah membuat pinjaman bagi tahun 2016. Usahawan-usahawan ini terdiri daripada pelbagai bidang perniagaan. Berikut merupakan pecahan usahawan mengikut daerah dan bidang perniagaan.

| DAERAH | JENIS PERNIAGAAN | | | | | | JUMLAH |
|----------------|------------------|----------|------------|----------|--------------|-----------|--------|
| | MAKANAN | PEMBEKAL | PEMROSESAN | TERNAKAN | PERKHIDMATAN | PERTANIAN | |
| GOMBAK | 1,179 | 1,496 | 41 | 23 | 592 | 36 | 3,367 |
| KLANG | 1,239 | 1,530 | 87 | 26 | 856 | 62 | 3,800 |
| KUALA LANGAT | 644 | 592 | 21 | 50 | 385 | 38 | 1,730 |
| KUALA SELANGOR | 847 | 750 | 38 | 153 | 526 | 247 | 2,561 |
| PETALING | 1,865 | 2,536 | 106 | 29 | 1,239 | 77 | 5,852 |

| DAERAH | JENIS PERNIAGAAN | | | | | | JUMLAH |
|------------------|------------------|--------------|------------|------------|--------------|--------------|---------------|
| | MAKANAN | PEMBEKAL | PEMROSESAN | TERNAKAN | PERKHIDMATAN | PERTANIAN | |
| SABAK BERNAM | 960 | 641 | 72 | 239 | 609 | 951 | 3,472 |
| SEPANG | 550 | 458 | 27 | 25 | 370 | 43 | 1,473 |
| HULU LANGAT | 737 | 705 | 29 | 21 | 348 | 33 | 1,873 |
| HULU SELANGOR | 507 | 491 | 38 | 22 | 340 | 36 | 1,434 |
| JUMLAH | 8,528 | 9,199 | 459 | 588 | 5,265 | 1,523 | 25,562 |

Pecahan usahawan HIJRAH Selangor mengikut daerah dan bidang perniagaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KEPERLUAN PENGLIBATAN AHLI DEWAN NEGERI DALAM
PERBINCANGAN PEMBANGUNAN SETEMPAT**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan YB Ahli Dewan Negeri menjadi tumpuan masyarakat membuat aduan, adakah Kerajaan bercadang menggubal peraturan tertentu agar ADN terlibat bagi memberi pandangan apabila menyentuh kepentingan masyarakat di kawasannya, sebelum Kerajaan membuat keputusan?
- b) Jika tidak, nyatakan mekanisma alternatifnya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : KELEWATAN JKR UNTUK MENENDERKAN PROJEK-PROJEK YANG
TELAH DIBAJETKAN DALAM TAHUN 2016**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek-projek yang dibajetkan pada tahun 2016 tidak ditenderkan mengikut jadual ?
- b) Senaraikan projek-projek tersebut ?
- c) Apakah masalah yang dihadapi oleh JKR untuk memastikan tender dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan ?

JAWAPAN:

- a) 16 projek (4 projek jalan, 12 projek bangunan)
- b) Senarai projek seperti di Lampiran M5.
- c) Masalah yang dihadapi oleh JKR adalah seperti berikut:
 - Projek jalan:
 - Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menyelesaikan proses pengambilan tanah terlebih dahulu sebelum projek ditender bagi mengelakkan berlakunya kelewatan di tapak bina.
 - Projek bangunan:
 - Rekabentuk tidak dapat disiapkan mengikut jadual disebabkan isu perubahan skop dan kesesuaian tapak
 - Kos projek melebihi kos yang diluluskan

LAMPIRAN M5

b) Senarai projek yang dibajetkan pada tahun 2016 tidak ditenderkan mengikut jadual:

| PROJEK JALAN | |
|---------------------|--|
| BIL | TAJUK PROJEK |
| 1 | Menaiktaraf Jalan B48 Dari Simpang Tiga Jenderam Ke Pekan Sepang Lama (Fasa 3) |
| 2 | Membina Jalan Sambungan Kota Warisan / B20 (Missing Link) |
| 3 | Menggantikan Jambatan Lama Di Kg. Rantau Panjang, Bestari Jaya |
| 4 | Menaiktaraf Jalan Melati, Kuang, Mukim Rawang |

| PROJEK BANGUNAN | |
|------------------------|--|
| BIL | TAJUK PROJEK |
| 1 | Masjid Seksyen 13, Shah Alam (Naiktaraf) |
| 2 | Masjid Bandar Teknologi Kajang, Hulu Langat |
| 3 | Masjid Kg. Melayu Rasa, Hulu Selangor |
| 4 | SRA Denai Alam, Petaling |
| 5 | SRA Bandar Country Homes, Gombak |
| 6 | MTIS Istana Bandar, Kuala Langat |
| 7 | MTIS Bagan Lalang, Sepang |
| 8 | MITS Pandan Indah, Hulu Langat |
| 9 | Menaiktaraf Perpustakaan Daerah Gombak |
| 10 | Menaiktaraf Perpustakaan Daerah Sabak Bernam |
| 11 | Menaiktaraf Perpustakaan Tanjung Karang Daerah Kuala Selangor |
| 12 | Membina dan menyiapkan Dewan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : *MOBILE GARBAGE BIN (MGB)*

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi pengagihan MGB.
- b) Nyatakan peruntukan untuk menyediakan MGB pada tahun 2016.

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya PBT yang berkemampuan dapat menyediakan tong sampah yang seragam kepada penduduk sebagai rancangan untuk menyeragamkan tong sampah supaya ia kelihatan kemas, bersih dan teratur di samping dapat meningkatkan tahap kecekapan proses kutipan sampah di PBT masing-masing. Sebagai contoh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah merancang untuk mengagihkan tong sampah beroda dan bertutup atau *Mobile Garbage Bin* bersaiz 120 Liter (MGB120L) kepada 99,675 unit rumah *landed* manakala 599 unit MGB660L akan diedarkan ke kampung-kampung tradisi dengan perbelanjaan sebanyak RM10,487,849.83 secara sendiri di mana rancangan ini telah dijadikan sebagai syarat utama dalam tender kutipan sampah bermula 1 Julai 2016. Manakala, di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBSA) juga memperuntukkan secara sendiri sebanyak RM1,250,000.00 bagi mengagihkan tong sampah sebanyak 9,000 unit tong sampah.

Walau bagaimanapun, bagi memulakan program ini akan menelan kos yang tinggi bagi PBT yang kurang berkemampuan, Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM258 ribu di bawah Peruntukan Pembangunan Kerajaan Tempatan 2015 bagi melaksanakan Program Pengagihan Tong Sampah Secara Percuma Kepada Penduduk Di Kawasan PBT Negeri Selangor dengan jumlah pembekalan sebanyak 3000 unit tong sampah

dan RM1,333 juta untuk program kedua pada tahun 2016 dengan jumlah tong sampah sebanyak 15,500 unit tong sampah. Tong sampah ini dibahagikan mengikut PBT seperti berikut:-

| BIL. | PBT | BIL. TONG SAMPAH YANG DIAGIHKAN | | JUMLAH KESELURUHAN |
|---------------|------|---------------------------------|---------------|--------------------|
| | | 2015 | 2016 | |
| 1. | MBSA | 300 | 500 | 800 |
| 2. | MBPJ | 300 | 500 | 800 |
| 3. | MPSJ | 300 | 1,000 | 1,300 |
| 4. | MPS | 300 | 1,500 | 1,800 |
| 5. | MPKj | 300 | 1,500 | 1,800 |
| 6. | MPK | 500 | 1,500 | 2,000 |
| 7. | MPAJ | 300 | 1,500 | 1,800 |
| 8. | MPSP | 300 | 1,500 | 1,800 |
| 9. | MDKS | 100 | 1,500 | 1,600 |
| 10. | MDKL | 100 | 1,500 | 1,600 |
| 11. | MDSB | 100 | 1,500 | 1,600 |
| 12. | MDHS | 100 | 1,500 | 1,600 |
| JUMLAH | | 3,000 | 15,500 | 18,500 |

- b) Bagi tujuan pelaksanaan program Pengagihan Tong Sampah Secara Percuma Kepada Penduduk Di Kawasan PBT Oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2016 adalah dengan menggunakan **peruntukan Pembangunan (P01) Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Tahun 2016.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan secara *detail* apakah matlamat utama kempen tersebut.
- b) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan pengguna terhadap kempen tersebut dan juga kelemahan yang dikenal pasti.
- c) Sila nyatakan apakah langkah yang lebih proaktif bakal dilakukan untuk mendidik pengguna menghayati matlamat kempen tersebut.

JAWAPAN:

- a) Matlamat utama Kempen Bebas Plastik dan Polistirena ini adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik seterusnya bagi menjaga alam sekitar berdasarkan keadaan semula jadi beg plastik yang mengambil masa begitu lama untuk relai. Untuk menjayakan kempen ini, pengguna disarankan untuk membawa beg sendiri semasa membeli belah, namun pihak peniaga boleh membekalkan beg plastik kepada pelanggan yang memerlukan dengan syarat mengenakan bayaran sekurang-kurangnya RM0.20 sepertimana penjualan barangan yang lain. Caj yang dikenakan ini dipercayai dapat membantu keberkesanan kempen melalui penggunaan beg sendiri apabila berbelanja. Kerajaan Negeri juga turut menyarankan peniaga untuk menyediakan kotak kepada pengguna bagi memudahkan urusan pembungkusan barangan yang dibeli dan selain itu peniaga juga digalakkan untuk memberikan insentif khas kepada pengguna yang membawa sendiri beg semasa membeli belah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengecualikan beberapa produk dan barangan daripada dikenakan caj seperti berikut:

1. Makanan dan Tumbuh-tumbuhan

- i. Makanan yang mentah
 - Ikan, lembu, ayam, khinzir, kambing dan produk-produk daging;
 - Makanan untuk haiwan atau kegunaan manusia - contohnya gula-gula, pallet makanan haiwan atau makanan dalam bekas yang

tidak cukup selamat untuk mengelakkan kebocoran semasa pengendalian;

- ii. Biji benih tumbuh-tumbuhan yang tidak dibungkus
- iii. Bunga
- iv. Tanaman yang diselaputi tanah (seperti kentang, halia, ubi)

2. Produk seperti Ubat-ubatan preskripsi dan bahan racun yang bahaya

3. Hidupan akuatik seperti ikan hidup atau spesis akuatik yang lain.

- b) Pelaksanaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena baru dilaksanakan selama tiga bulan sejak daripada tarikh penguatkuasaanya pada 1 Januari 2017. Pelbagai reaksi positif dan negatif yang telah diterima melalui media massa serta media sosial terhadap pelaksanaan dasar baru ini. Bagi mendapatkan maklumbalas sambutan dan cadangan penambahbaikan untuk memperbaiki kelemahan terhadap kempen ini, Kerajaan Negeri akan menjalankan satu kajian awam berhubung pelaksanaan kempen yang dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan bulan April 2017.
- c) Bagi memastikan pengguna di Negeri Selangor lebih memahami dan menghayati matlamat kempen ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan aktiviti-aktiviti promosi, pendidikan dan juga turun padang yang melibatkan peniaga, pasaraya dan PBT di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga akan turut melaksanakan program Bazar Ramadhan Mampan pada bulan Mei- Jun di seluruh PBT Negeri Selangor dan program ini akan lebih menekankan pelaksanaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena kepada pengguna di samping aktiviti kepenggunaan yang lain.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membangunkan laman web berbentuk pendidikan yang mengandungi pelbagai informasi berhubung pelaksanaan kempen serta dan laman web tersebut boleh dilayari melalui portal www.bebasplastik.my.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PROGRAM SKIM MESRA USIA EMAS

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masih berlaku perbelanjaan di luar kawalan?
- b) Bagaimanakah kawalan penambahan wang dalam akaun Adun seimbang dengan rekupan?
- c) Bagaimanakah laporan audit prestasi buku tunai dan rekup setiap pejabat Adun dan Penyelaras?

JAWAPAN:

- a) Tiada berlaku perbelanjaan diluar kawalan, dana SMUE berlaku pada ketika ini.
- b) Kaedah kawalan adalah dengan mewajibkan penghantaran buku tunai oleh Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) setiap bulan ke Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). PKM juga diminta menghantar penyata bank bersama-sama dengan laporan buku tunai tersebut.

Mulai Ogos 2016, penyediaan buku tunai dapat dijana terus dari sistem secara atas talian. Dari laporan berkenaan jumlah pengeluaran dan pembayaran serta rekupan setiap PKM dapat dipantau oleh PDT yang berkenaan.

Selain buku tunai, PKM juga dikehendaki menghantar laporan dokumen pembayaran tertunggak (dokumen pembayaran fasa satu yang belum dihantar ke PDT) setiap bulan ke PDT.

Jika mana-mana PKM yang tidak menghantar dokumen rekupan selepas 10 hari dari tarikh pembayaran dibuat, secara automatik, penggunaan sistem SMUE oleh PKM berkenaan akan disekat sehinggalah dokumen berkenaan dihantar ke PDT yang berkenaan.

PDT akan menyediakan laporan penerimaan buku tunai dari PKM di bawah pentadbirannya dan laporan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat pelarasan SMUE bersama Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS).

- c) Prestasi penghantaran buku tunai setiap PKM agak kurang memuaskan kerana masih terdapat sebilangan PKM yang agak lewat membuat penghantaran buku tunai dari tempoh masa yang ditetapkan (18hb pada bulan yang berikutnya) dengan alasan penyata bank lewat dihantar oleh AMBANK kepada PKM.

Terdapat juga pihak PKM yang mendakwa penyata bank langsung tidak dihantar ke PKM berkenaan. Terkini, pihak AMBANK sudah menyediakan kemudahan mencetak penyata bank secara atas talian kepada semua YB / Penyelaras.

Pihak perbendaharaan sudahpun menghantar beberapa surat peringatan kepada YB / Penyelaras berkenaan untuk menghantar buku tunai ke PDT dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Manakala penghantaran dokumen rekupan oleh PKM adalah memuaskan kerana mana-mana PKM yang gagal atau lewat menghantar dokumen rekupan bayaran, penggunaan sistem SMUE oleh petugas akan disekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGOS)

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kategorikan NGO (mengikut jenis) yang dibantu oleh Selangor dari peruntukan negeri sebanyak RM500 ribu.
- b) Apakah dasar kerajaan untuk berkolaborasi dan memperkasakan NGOs?
- c) Apakah rancangan dan program untuk membawa wanita ke arah professionalisme korporat dan penglibatan globalisasi?

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan Sumbangan Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) tidak dikhususkan mengikut jenis NGO. Program ini adalah terbuka kepada NGO – NGO di seluruh Negeri Selangor yang berdaftar di bawah *Registry Of Society* (R.O.S) mengikut ketetapan garis panduan sedia ada. Walau bagaimanapun, keutamaan permohonan adalah diberikan kepada NGO – NGO yang melaksanakan program atau aktiviti kebajikan yang bersasarkan anak yatim, ibu tunggal, orang tua dan orang kurang upaya (OKU). Seperti Yang Berhormat Kajang sedia maklum, peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah dibajetkan di bawah program ini pada setiap tahun di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2017, peruntukan ini telah dipecahkan kepada lima (5) portfolio di bawah Jawatankuasa berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) seperti berikut :-

| PORTFOLIO | PERUNTUKAN |
|---------------------------|---------------------|
| Kerajaan Prihatin | RM100,000.00 |
| Kebajikan | RM100,000.00 |
| Pembangunan Generasi Muda | RM100,000.00 |
| Pendidikan | RM100,000.00 |
| Hal Ehwal Agama Islam | RM100,000.00 |
| JUMLAH | RM500,000.00 |

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dalam usaha untuk memperkasakan Badan – badan Bukan Kerajaan di Negeri Selangor. Antaranya adalah melalui kolaborasi bersama NGO – NGO bagi menjayakan sesuatu program – program yang menjurus kepada kebajikan rakyat. Dengan kaedah sebegini, jaringan di antara Kerajaan Negeri dan NGO – NGO di Negeri Selangor dapat dipertingkatkan di samping dapat mewujudkan kerjasama yang baik demi membantu rakyat. Kebanyakan program – program dan aktiviti yang dianjurkan melibatkan usahasama ini diserapkan dengan dasar – dasar Kerajaan di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang dahulunya dikenali dengan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Tidak hanya bekerjasama menganjurkan sesuatu program berkebjajikan dengan kerjasama pihak NGO, malahan Kerajaan Negeri turut memberi bantuan sumbangan kepada NGO – NGO ini melalui program yang dikenali sebagai Program Sumbangan Kepada Badan – badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 setahun dan dipecahkan mengikut portfolio sepertimana yang telah diperjelaskan sebentar tadi.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat akan perihal wanita di Selangor terutama sekali membawa wanita ke arah profesionalisme dan seterusnya kepada penglibatan globalisasi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh akan Agenda Pembangunan Wanita termasuk dasar 30% penyertaan wanita dalam pembuat dasar bagi melibatkan wanita ke arah profesionalisme.

Manakala, globalisasi merupakan satu proses integrasi antarabangsa dalam segenap bidang ekonomi, industri, pasaran, budaya dan pembuatan keputusan. Cabaran kaum wanita ke arah globalisasi adalah diakui memerlukan usaha dan komitmen yang tinggi dalam mengangkat martabat wanita ke tahap yang sewajarnya.

Tidak dinafikan, globalisasi memberi kesan terhadap kesaksamaan gender dan kaum wanita terutama dalam aspek ekonomi, dengan situasi pasaran kerja yang mendiskriminasi kaum wanita.

Oleh itu, di peringkat Kerajaan Negeri kita menyedari hal ini dan merancang program serta kempen – kempen advokasi kepada kaum wanita agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran – cabaran yang mendatang ke arah globalisasi agar peranan wanita akan terus kekal relevan dan menjadi faktor kestabilan serta kelestarian sesebuah negara.

Kempen – kempen kesedaran dan advokasi seperti *HeForShe*, kefahaman gender, hak-hak dan perundangan wanita, deklarasi - deklarasi antarabangsa (CEDAW, Deklarasi Beijing) bagi mencapai kesaksamaan gender untuk mendepani cabaran globalisasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KOS PEMBERSIHAN PENCEMARAN SUNGAI

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci jumlah kos pembersihan dari pencemaran sungai yang mengakibatkan LRA ditutup pada 2016.
- b) Adakah Kerajaan Negeri meminta kilang yang melakukan pencemaran menanggung kos pembersihan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kos pembersihan dari pencemaran sungai yang mengakibatkan Loji Pembersihan Air (LPA) dihenti tugas pada 2016 seperti jadual di bawah.

| BIL | ISU/KES | KOS PEMBERSIHAN (RM) |
|---------------|---|---------------------------------|
| 1 | Pencemaran Bau Air Mentah Di Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih di Kampung Sungai Lalang, Semenyih | 8,890,129.06 |
| 2 | Pencemaran Bau Air Mentah Di Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih akibat pencemaran Sungai Buah di Nilai, Negeri Sembilan | 1,302,047.3 |
| 3 | Pencemaran Sungai Labu Akibat Tumpahan Minyak Sawit Mentah Susulan Kemalangan Lori Tangki. | 19,959.91 |
| JUMLAH | | 10,212,136.27 |

- b) Ya. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor akan mengarahkan kilang-kilang yang melakukan pencemaran sungai menanggung kos pembersihan berdasarkan kepada proses dan prosedur yang ditetapkan di bawah undang-undang iaitu :
 - Kilang-kilang yang didapati melakukan pencemaran sungai diarahkan supaya menghentikan aktiviti dan menjalankan kerja-kerja pemulihan kualiti air sungai di bawah seksyen 41(3) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999

seperti contoh insiden pencemaran bau di Sg Lalang pada Oktober 2016 di mana pihak kilang telah diarahkan untuk memberhentikan operasi kilang dan menjalankan kerja-kerja pembersihan.

- Walaubagaimanapun, pihak kilang gagal/enggan dan/atau cuai untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan. Lembaga mengambil tindakan pembersihan sendiri dan kos yang terlibat akan dituntut kemudian daripada pihak kilang berkenaan.
- Sekiranya kos yang dituntut tersebut gagal dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, Lembaga mempunyai kuasa untuk menuntut kos tersebut di bawah seksyen 51(2) Enakmen LUAS 1999 sebagai hutang yang perlu dibayar.
- Hutang berkenaan akan dituntut oleh Lembaga dengan mengemukakan notis tuntutan beserta penyata perbelanjaan yang diperakui di bawah seksyen 113 Enakmen LUAS kepada kilang-kilang berkenaan untuk dijelaskan dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Sekiranya gagal dijelaskan, Lembaga akan memulakan tindakan di Mahkamah bagi mendapatkan semula kos dan belanja yang telah dikeluarkan.
- Selain dari kilang-kilang, terdapat lagi beberapa punca yang turut menyumbang kepada pencemaran sungai. Sebagai contoh, insiden minyak kelapa sawit yang tumpah di Sungai Salak pada November 2016, Lembaga telah mengeluarkan surat tuntutan kepada pemilik syarikat yang bertanggungjawab untuk membayar segala kos yang telah dibelanjakan bagi membersihkan tumpahan minyak tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : TANGGUNGAN PBT TERHADAP PERTUMBUHAN POKOK LIAR DI
PREMIS PERSENDIRIAN**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa keputusan mahkamah dalam kes Ahmad Jaafar bin Abdul Latiff v. Dato' Bandar Kuala Lumpur (*Civil Appeal* No 01(f)-7-04/2013(W) dipatuhi oleh semua PBT di Selangor berkenaan dengan s.101(b)(cc) Akta Kerajaan Tempatan 1976?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kes Ahmad Jaafar bin Abdul Latiff v. Dato' Bandar Kuala Lumpur adalah berkaitan kes di antara Perayu (Ahmad Jaafar bin Abdul Latif) yang sedang memandu keretanya di Jalan Duta Kuala Lumpur dan tiba-tiba pokok tumbang dan telah menghancurkan keretanya. Melalui kejadian tersebut, Ahmad Jaafar telah mengalami kecederaan serius dan lumpuh dari leher ke bawah. Manakala Responden (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) ialah Pihak Berkuasa Tempatan yang diamanahkan untuk mentadbir bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Ahmad Jaafar telah memfailkan kes terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana kecuaiian dan pelanggaran tanggungjawab yang ditetapkan. Ahmad Jaafar mendakwa bahawa DBKL mempunyai tanggungjawab untuk memastikan semua pokok di sepanjang jalan raya yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai dipotong atau dikeluarkan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Seksyen 101, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Melalui kes ini, Yang Arif Hakim telah menetapkan bahawa melalui Seksyen 101, Akta Kerajaan Tempatan 1976, bahawa Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk menanam, memangkas atau membuang pokok demi keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam. Sehubungan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah didapati bersalah kerana tidak melaksanakan tugas seperti yang telah ditetapkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah mengambil maklum mengenai keputusan mahkamah dalam kes Ahmad Jaafar bin Abdul Latiff v. Dato' Bandar Kuala Lumpur (*Civil Appeal* No 01(f)-7-04/2013(W) dan sentiasa mematuhi peruntukan yang dinyatakan di dalam Seksyen 101, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dari masa ke semasa juga sentiasa memantau dan memastikan pokok liar di kawasan premis persendirian dan kawasan awam sentiasa selamat dan tidak memberi bahaya kepada orang awam. Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor juga bertindak mengikut maklumat yang diperolehi melalui aduan orang awam dan rondaan dari masa ke semasa.

Tambahan daripada itu juga, Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Persatuan Arborist Malaysia dan Universiti Putra Malaysia telah menyediakan Polisi Pengurusan dan Pemeliharaan Pokok Negeri Selangor. Polisi ini telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2017 dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Melalui polisi ini, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor akan:

1. Memilih, menanam, menyelenggara dan melupus pokok mengikut amalan arborikultur terbaik;
2. Melaksanakan pengurusan aset dan risiko pokok yang cekap dan selamat;
3. Memastikan pengendalian perlindungan pokok secara berkesan; dan
4. Meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti pemeliharaan pokok.

Selain itu, pada tahun ini juga, Kerajaan Negeri telah menghantar 12 wakil Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor untuk menghadiri Kursus Pensijilan Arborist Antarabangsa agar pengurusan dan pemeliharaan pokok di Negeri Selangor dapat dilaksanakan secara berkesan. Pelaksanaan polisi ini telah membutuhkan usaha Kerajaan Negeri di dalam memastikan pemeliharaan dan pemeliharaan pokok oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor mengikut amalan arborikultur terbaik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : COASTWAY HIGHWAY JALAN UTAMA PERSEKUTUAN YANG SEDANG
DALAM PEMBINAAN**

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon penjelasan terperinci tentang kedudukan dan lokasi susur keluar dan *U-Turn* serta *flyover* antara Sekinchan sehinggalah ke Sabak.
- b) Apakah usaha kerajaan bagi memastikan pihak pemaju memntingkan aspek keselamatan pengguna?

JAWAPAN:

- a) Kerja menaiktaraf FR5 melibatkan Hutan Melintang Perak ke Sabak Bernam Selangor.

1 Projek Sabak Bernam ke Hutan Melintang

1.1 Interchange (flyover) 1 lokasi

1.1.1 Simpang 4 Balai Polis Sabak Bernam

1.2 U-Turn 2 lokasi

1.2.1 Sebelum Simpang 4 Sepintas (Stadium Sabak)

1.2.2 Sebelum Sekilah Agama Bagan Nira Sabak

1.3 Pedastrian Brdge Crossing 3 lokasi

1.3.1 Sekolah Tengku Abdul Rahman Putra

1.3.2 Sekolah Agama Bagan Nira

1.3.3i Sekolah Sri Perkasa (Perak)

2 Projek Tanjung Karang ke Sabak Bernam

2.1 Interchange (flyover) 4 lokasi

- 2.1.1 Persimpangan Pekan Sekinchan Depan Balai Polis Sekinchan
- 2.1.2 Persimpangan Jalan Negeri B44 (Simpang 3 Loji)
- 2.1.3 Persimpangan Jalan Negeri B55 (Traffic light Air Manis)
- 2.1.4 Persimpangan Pekan Sungai Besar.

2.2 U-Turn 17 lokasi

- 2.2.1 Hadapan Taman Orkd Sabak
- 2.2.2 Panchang Bedena
- 2.2.3 Sungai Lias
- 2.2.4 SMK Sri Bedena
- 2.2.5 SK Sungai Limau
- 2.2.6 Selepas Simpang 3 Loji
- 2.2.7 SMA Sungai Haji Dorani
- 2.2.8 SK Simpang Lima
- 2.2.9 Masjid Makmuniah Sg Nipah
- 2.2.10 SK Sungai Nibong
- 2.2.11 SMK Dato, Mustafa
- 2.2.12 Pasir Panjang
- 2.2.13 Selepas SK Sungai Leman
- 2.2.14 Selepas SRA Taman Harmoni
- 2.2.15 Parit 4 Sekinchan
- 2.2.16 Selepas SK Sungai Burong
- 2.2.17 SRA Batu 11 Tanjong Karang

2.3 Pedastrian Bridge Crossing 9 lokasi

2.3.1 SMA Muhamadiyah Sabak

2.3.2 SMK Seri Bedena

2.3.3 SK Sungai Limau

2.3.4 SMA Sungai Haji Dorani

2.3.5 SK Simpang Lima

2.3.6 Masjid Saidiah Pasir Panjang

2.3.7 SRA Harmoni Sekinchan

2.3.8 SK Sungai Burong

2.3.9 SRA Batu 11 Tanjung Karang

b) Pihak MDSB akan sentiasa memberikan kerjasama dengan Pihak JKR Daerah untuk memastikan semua langkah-langkah keselamatan diambil serius oleh pihak pemaju. Di antara beberapa langkah keselamatan ialah ;

- i Pencahayaan dikawasan pembinaan
- ii Menambah pemasangan papan tanda amaran yang secukupnya.
- ii Memasang lampu keselamatan.

Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah dibawah tindakan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : KEMUDAHAN PARKIR KENDERAAN

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan kemudahan parkir kenderaan mencukupi dan tidak membahayakan keselamatan pengguna lain?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk tidak mengenakan sebarang caj parkir di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor telah mengedarkan kepada semua PBT berkenaan pemakaian seragam Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) yang telah diluluskan pemakaiannya di MMKN ke 35/2016 pada 19 Oktober 2016 dan disahkan di MMKN ke 36/2016 pada 26 Oktober 2016. Berdasarkan garis panduan ini, pemakaian garis panduan tersebut adalah bergantung kepada perancangan pelaksanaan di PBT masing-masing.
- b) Kerajaan Negeri Selangor tiada cadangan untuk tidak mengenakan caj parkir kenderaan di Selangor buat masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status aktiviti perniagaan DEIG?
- b) Apakah aset-aset utama DEIG pada masa ini?
- c) Apakah rancangan DEIG untuk 5 tahun akan datang?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Darul Ehsan Investment Group ("DEIG") tiada aktiviti perniagaan dan pelaburan memandangkan proses pengukuhan sistem tadbir urus korporat belum dimuktamadkan.
- b) DEIG tidak memiliki sebarang aset dan liabiliti buat masa ini.
- c) Perancangan masa hadapan DEIG akan direncana setelah pengukuhan struktur tadbir urus korporat DEIG dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PENGAMBILALIHAN ASET DAN PENGURUSAN INDUSTRI AIR

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah perjanjian pengambilalihan pengurusan industri air akan dimuktamadkan sepenuhnya?
- b) Berapakah jumlah kos yang terpaksa ditanggung kerajaan akibat kelewatan memuktamadkan pengambilalihan aset dan pengurusan air ini?
- c) Apakah kesan terhadap pengambilalihan tersebut kepada rakyat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PENGHARAMAN ROKOK ELEKTRONIK (VAPE)

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih meluluskan lesen premis perniagaan untuk pengusaha menjual rokok elektronik (vape) di Selangor?;
- b) Berapakah lesen permit yang telah diluluskan di setiap PBT?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan mengharamkan penjualan vape di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sejak Januari 2016, Pihak Berkuasa Tempatan tidak lagi mengeluarkan sebarang lesen kepada pengusaha Vape di Selangor.
- b) Kesemua premis yang menjual Vape di Selangor adalah tertakluk kepada Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehingga kini, sebanyak **6** lesen kekal menjual / memberi perkhidmatan alat elektronik (Vape) yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum Januari 2016 iaitu masing-masing 3 buah premis di Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Daerah Sabak Bernam.
- c) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 2 / 2016 yang diadakan pada 13 Januari 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 3/ 2016 pada 20 Januari 2016 telah mengambil maklum Laporan Bengkel Khas Perbincangan Isu Vape Negeri Selangor yang telah diadakan pada 10 hingga 12 Januari dan bersetuju seperti berikut:
 - 1. Selaras dengan surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 9 Disember 2015, Kerajaan Negeri juga turut bersetuju agar lesen tidak diberikan kepada penjual *vape*.
 - 2. Kerajaan Negeri akanewartakan semua kawasan larangan merokok di Negeri Selangor sebagai kawasan larangan *vape* dan penjualan vape tidak dibenarkan kepada pembeli yang berusia 18 tahun ke bawah;

3. Semua permohonan lesen baharu yang telah diterima akan dibekukan dalam tempoh satu (1) bulan;
4. Dilarang menghisap *vape* di tempat-tempat awam dan tempat yang diwartakan sebagai kawasan larangan *vape*; dan
5. Penjualan *vape* dan e-juice hanya dibenarkan di premis di dalam bangunan kedai sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : LADANG KHINZIR MODEN

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah melantik pihak swasta untuk pelaksanaan ladang khinzir moden di Ladang Tumbuk, Kuala Langat? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan ladang khinzir moden boleh beroperasi di Kuala Langat pada tahun 2018?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri masih belum membuat sebarang keputusan berkaitan mana-mana pihak swasta yang akan melaksanakan pembinaan ladang khinzir moden tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan konsep pembinaan adalah secara *PFI (Private Finance Initiative)* di mana Kerajaan Negeri tidak akan mengeluarkan sebarang peruntukan atau perbelanjaan untuk tujuan pembangunan ladang khinzir moden tersebut. Namun begitu, pihak swasta yang akan melaksanakan pembinaan tersebut perlu mematuhi segala prosedur di dalam penyediaan pelan pembangunan sebelum ianya diputuskan oleh Kerajaan Negeri.
- b) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah menetapkan iaitu mulai tahun 2018, kesemua ladang-ladang penternakan khinzir di seluruh negara mestilah memenuhi kriteria ladang penternakan moden (*MPF*). Kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia adalah seperti berikut :-
 - a. Kandang tertutup (*closed house*);
 - b. Sistem pengurusan sisa kumbahan ladang *zero discharge*;
 - c. Mempunyai zon penampungan dengan jarak minima 200 meter daripada rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat ibadat dan *public amenities* seperti kawasan rekreasi, pasar dan tempat awam;
 - d. Mengamalkan amalan ladang ternakan baik (*GAHP*).

Bagi mencapai mencapai matlamat tersebut, cadangan pelaksanaan kawasan penternakan khinzir secara berpusat telah dicadangkan sebagai satu alternatif untuk memastikan isu-isu pencemaran alam sekitar dan pengawalan dari segi biosekuriti serta penyakit dapat di kawal dengan lebih berkesan.

Langkah-langkah tersebut juga merangkumi pelbagai aspek seperti memastikan pihak yang berminat untuk memajukan projek tersebut mempunyai pengetahuan dari segi teknologi serta modal kewangan yang kukuh serta dapat mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak yang terlibat dan bukan hanya kepentingan dari segi keuntungan semata-mata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : SASARAN USAHAWAN BAGI SETIAP DUN

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi merencanakan ekonomi di kalangan miskin dan pertengahan, berapakah sasaran jumlah usahawan di setiap DUN?
- b) Apakah pelan khusus untuk membantu golongan B40 yang baru mahu mencungkil bakat dalam aktiviti keusahawanan, memandangkan mereka tiada modal permulaan?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali.

Setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah memperuntukan sebanyak RM1.8 juta bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor melalui sembilan (9) daerah di negeri ini. Setiap tahun dianggarkan sekurang-kurangnya 100 orang usahawan dapat dibantu melalui Dana Usahawan Mikro dan bilangan penerima akan meningkat pada setiap tahun. Sebagai contoh pada tahun 2015 seramai 100 orang dan pada tahun 2016 adalah seramai 109 orang penerima.

Bagi usahawan yang telah memulakan perniagaan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menyediakan pelbagai insentif berbentuk geran, program promosi dan Latihan Pembangunan Usahawan bagi membantu dalam memberdayakan golongan usahawan di Negeri Selangor. Program-program yang dijalankan adalah seperti berikut:

i. Dana Usahawan Mikro Selangor

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada Industri Mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro di sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas yang

memberi fokus untuk membantu usahawan - usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

- **Skop Bantuan**

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- i. Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- ii. Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- iii. Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahwan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- iv. Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- v. Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

ii. **Promosi**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di Negeri Selangor adalah melalui kegiatan promosi. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menerima jemputan untuk menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada

usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

iii. **Kursus/Latihan**

Kursus yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan adalah merangkumi latihan yang memberi fokus kepada pembangunan perniagaan, pengurusan kewangan, pemantapan produk dan strategi pemasaran.

iv. **Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P)**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Program kerjasama dengan SIRIM ini memberi peluang kepada peserta untuk mengikuti program yang telah direncana khas bagi pembangunan pembungkusan produk. Peserta juga akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

Manakala Kerajaan Negeri melalui HIJRAH Selangor telah melaksanakan program *Zero to Hero* dengan kaedah *M&M (Mentor Mentee)* untuk meningkatkan pendapatan golongan usahawan yang baru memulakan perniagaan. *Mentor* yang dipilih adalah usahawan yang berpengalaman dalam modul program yang dipilih. *Mentee* akan dibimbing dari *zero basic* sehingga menjadi usahawan yang mampu berdikari. Peserta yang mengikuti program ini akan diberikan latihan serta pemantauan selama 3 hingga 6 bulan. Selain itu agensi ini menawarkan pinjaman kepada usahawan di peringkat permulaan. Ia merangkumi tiga perkhidmatan dalam satu urusan yang meliputi pinjaman, tabungan dan pelaburan. Pinjaman ini menawarkan modal tambahan secara berperingkat bermula dari RM3,000.00 sehingga RM40,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PROGRAM DIPLOMA BELIA DALAM KERJA PEMBANGUNAN

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai anak muda menyertai program tersebut?
- b) Nyatakan jumlah peserta program ini sejak ia dilancarkan sehingga kini mengikut bangsa.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat prihatin dan menyedari akan kepentingan pendidikan kepada golongan belia khususnya di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai anak muda menyertai Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) yang telah bermula pada 7 Mac 2014 di mana program ini adalah terbuka kepada semua kaum di kalangan belia yang terdiri daripada Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) , PeBT Zon dan NGO-NGO terpilih. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (IPSAS,UPM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan belia.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri terikat dan perlu mengikuti syarat-syarat atau kriteria kemasukan berdasarkan kepada syarat Am Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Keperluan Khas Program seperti berikut :-

- i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan lima (5) kepujian ATAU yang setara;
- ii. Berpengalaman dalam kerja belia, kerja sosial, pengembangan, pembangunan sumber manusia dan pembangunan komuniti sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan
- iii. Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM.

Sebagai permulaan, seramai 38 orang calon yang telah berjaya ditawarkan ke program tersebut adalah seperti berikut :-

| Bil | Nama | Bangsa |
|------------|--------------------------------------|---------------|
| 1. | Murali A/L Kumaran | India |
| 2. | Jayagantan A/L Subramaniam | India |
| 3. | Tan Sook Leng | Cina |
| 4. | Aslina Binti Saleh | Melayu |
| 5. | Azfar Faruqi Bin Mohamad Idris | Melayu |
| 6. | Fadhil Ar-Rahman Bin Mohd Ismahali | Melayu |
| 7. | Fahmie Bin Salihin @ Md. Ayub | Melayu |
| 8. | Hakeemullah Bin Ismail | Melayu |
| 9. | Manzumi Binti Mohamed | Melayu |
| 10. | Mat Suhkor Bin Sulaiman | Melayu |
| 11. | Mohamad Wafiy Bin Mohamad Wahid | Melayu |
| 12. | Mohammad Effendi Bin Rahim | Melayu |
| 13. | Mohd Dzikhry Bin Hushin | Melayu |
| 14. | Mohd Ghafilhu Zaili Bin Isa | Melayu |
| 15. | Mohd Rizal Bin Abd Raman | Melayu |
| 16. | Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor | Melayu |
| 17. | Muhammad Nawawi Munir Bin Shuib | Melayu |
| 18. | Muhammad Syahmi Bin Zahari | Melayu |
| 19. | Muriza Hazrul Bin Abdul Muhi | Melayu |
| 20. | Nadhirah Binti Osman | Melayu |
| 21. | Nur Hidayah Binti Samsuddin | Melayu |
| 22. | Nur Kamarina Binti Mohamad Ibrahim | Melayu |
| 23. | Nurikwan Bin Mukhtar | Melayu |
| 24. | Nurul Atikah Binti Nasarudin | Melayu |
| 25. | Nurul Azira Binti Mohd Sapuan | Melayu |
| 26. | Syed Bahri Bin Syed Mokhtarruddin | Melayu |
| 27. | Syed Nawawi Bin Syed Ali | Melayu |
| 28. | Syed Shahir Bin Syed Mokhtarruddin | Melayu |
| 29. | Syed Zulfauzi Bin Syed Mokhtarruddin | Melayu |
| 30. | Abdul Rahim Rajah Bin Abdullah | Melayu |
| 31. | Mohd Zulhaimi Bin Samsuddin | Melayu |
| 32. | Muhamad Akmal Bin Haris | Melayu |
| 33. | Muhamad Shafie Bin Abd Jalal | Melayu |
| 34. | Nadratul Amira Binti Mohd Yusof | Melayu |
| 35. | Nur Hisyam Bin Kamarun Majif | Melayu |

| Bil | Nama | Bangsa |
|------------|---------------------------|---------------|
| 36. | Nurul Afzan Binti Tarmizi | Melayu |
| 37. | Omar Bin Hajazi | Melayu |
| 38. | Suzana Binti Atbun | Melayu |

Walau bagaimanapun, hanya 26 orang pelajar yang telah mendaftar dalam Semester Pertama. Daripada jumlah tersebut, seramai 20 orang pelajar yang telah menduduki peperiksaan pada Semester Pertama manakala seramai 6 orang pelajar yang gagal menduduki peperiksaan telah ditamatkan pengajian.

Dalam usaha untuk menarik lebih ramai anak muda menyertai program tersebut, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan temuduga kali ke-2 pada 29 Disember 2015 yang mana seramai 12 orang calon telah menghadiri temuduga tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah berjaya dan ditawarkan untuk mengikuti program ini.

Walau bagaimanapun, pada Semester Pertama Sesi Kemasukan 2016-2017 yang telah dilaksanakan pada 5 September 2016 sehingga 8 Jan 2017, jumlah pelajar adalah seramai 26 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 22 orang pelajar yang telah menduduki peperiksaan manakala terdapat 4 orang pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir dan telah diberhentikan. Dengan ini, sehingga kini jumlah pelajar yang mengikuti program ini adalah seramai 22 orang sebagaimana jadual di bawah :-

| Bil | Nama | Bangsa |
|------------|---------------------------------|---------------|
| 1. | Murali a/l Kumaran | India |
| 2. | Aslina binti Salleh | Melayu |
| 3. | Mohd Zulhaimi bin Samsudin | Melayu |
| 4. | Nurul Azira binti Mohd Sapuan | Melayu |
| 5. | Nurul Afzan binti Tarmazi | Melayu |
| 6. | Mohammad Effendi bin Rahim | Melayu |
| 7. | Suzana binti Atbun | Melayu |
| 8. | Azfar Faruqi bin Mohamad Idris | Melayu |
| 9. | Nadia Sapiee | Melayu |
| 10. | Hakeemullah bin Ismail | Melayu |
| 11. | Afiqah binti Mohd Jamali | Melayu |
| 12. | Mohammad Nazaruddin bin Shapiee | Melayu |
| 13. | Muhammad Nur Waafi bin Badrudin | Melayu |
| 14. | Muhammad Ubaidillah bin Imran | Melayu |

| Bil | Nama | Bangsa |
|------------|------------------------------------|---------------|
| 15. | Nazarnor bin Mustafa | Melayu |
| 16. | Mohammad Amirul Akram bin Razman | Melayu |
| 17. | Fahmi bin Salihin @ Md. Ayob | Melayu |
| 18. | Siti Normalisa binti Ramli | Melayu |
| 19. | Fadhil Ar-Rahman bin Mohd Ismahali | Melayu |
| 20. | Nurikhwan bin Mukhtar | Melayu |
| 21. | Muhamad Mizan Adli bin Mohd Noor | Melayu |
| 22. | Nadratul Amira binti Mohd Yusoff | Melayu |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI LDP

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca utama banjir kilat berlaku secara berterusan di hadapan IOI mall Puchong-LDP?
- b) Apakah cadangan penyelesaian serta tempoh masa yang akan ditetapkan oleh kerajaan negeri terhadap isu ini?

JAWAPAN:

- a) Punca utama banjir kilat berlaku secara berterusan di hadapan IOI Mall Puchong-LDP adalah seperti berikut:
 - i) Taburan hujan yang tinggi
 - ii) Kapasiti parit utama tidak mencukupi
 - iii) Kawasan IOI Mall yang rendah
- b) Cadangan penyelesaian adalah seperti berikut:

| No. | Cadangan Penyelesaian | Tempoh Masa |
|------------|--|---------------------------|
| 1. | Menaiktaraf 3 cells culvert kepada single cell di laluan masuk ke Stesen LRT dan IOI Mall | April 2017- Disember 2017 |
| 2. | Membina jajaran culvert tambahan merentasi LDP dan di dalam kawasan tempat letak kereta IOI Mall yang akan disambung ke tasik. | Julai 2017 – Jun 2018 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KEDAI LPB DI TAPAK PASAR
MALAM PAYA JARAS TENGAH**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat halangan bagi MBSA membangunkan semula kedai-kedai PLB di Paya Jaras Tengah?
- b) Jika tiada, apakah kaedah terbaik untuk melaksanakan pembangunan semula kedai PLB tersebut?

JAWAPAN:

- a) Halangan untuk MBSA membangunkan semula kedai-kedai PLB di Paya Jaras Tengah ini disebabkan pewartaan tapak kawasan. Tapak ini adalah tanah kerajaan yang diperuntukkan sebagai tapak pasar yang berkeluasan 1.856 ekar (Berdasarkan Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 3) 2020. Pihak Majlis telah memohon kepada Pejabat Daerah Tanah Petaling untuk mewartaan tapak ini bagi membangunkan semula tapak sebagai pasar moden dengan mengambillikira kepesatan pembangunan sekitar dan keperluan penduduk.

Pejabat Daerah Tanah Petaling sedang dalam proses untuk mewartakan tapak tersebut.

- b) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PASIR-KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan penyata untung rugi syarikat berkenaan bagi tahun 2014-2016.
- b) Nyatakan dividen yang dibayar kepada Kerajaan Negeri mengikut tahun 2014-2016.

JAWAPAN:

- a) Penyata untung rugi beraudit KSSB bagi tahun 2014 – 2016 adalah seperti berikut:-

| Perkara/Tahun | RM'Juta | | |
|--------------------|---------|-------|------|
| | 2014 | 2015 | 2016 |
| Pendapatan | 117.9 | 114.7 | <N1> |
| Keuntungan Kasar | 42.9 | 33.7 | |
| Keuntungan Operasi | 30.9 | 25.9 | |

<N1> Penyata kewangan bagi tahun 2016 masih belum lengkap memandangkan KSSB masih lagi didalam proses memuktamadkan penyata kewangan beraudit bagi tahun tersebut.

- c) Dividen yang diisytiharkan kepada pemegang saham bagi tahun 2014 – 2016 adalah seperti berikut:-

| Perkara/Tahun | RM'Juta | | |
|-----------------------|---------|------|------|
| | 2014 | 2015 | 2016 |
| Dividen Diisytiharkan | 10.7 | 7.2 | <N1> |

<N1> KSSB masih belum mengisytiharkan dividen bagi tahun 2016 memandangkan penyata kewangan beraudit KSSB bagi tahun 2016 masih belum lengkap dan masih didalam proses untuk dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KEJADIAN PAIP BOCOR

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes kebocoran paip yang berlaku di negeri Selangor pada tahun 2016.
- b) Nyatakan jumlah kes kebocoran paip yang berlaku di Balakong pada tahun 2016.
- c) Jelaskan perancangan AIR Selangor untuk menukarkan paip di kawasan Balakong.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod Air Selangor, jumlah kes paip bocor sepanjang Tahun 2016 adalah **79,113** kes, seperti berikut:

| PAIP BOCOR 2016 | | | | | | | | | | | | | |
|-----------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| Kawasan | JAN | FEB | MAR | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEP | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
| Petaling | 1,153 | 1,054 | 1,428 | 1,463 | 1,334 | 1,402 | 1,325 | 1,467 | 1,411 | 1,522 | 1,618 | 1,490 | 16,667 |
| Klang | 1,269 | 1,203 | 1,340 | 1,474 | 1,288 | 1,264 | 1,308 | 1,424 | 1,401 | 1,423 | 1,471 | 1,381 | 16,246 |
| Gombak | 887 | 738 | 810 | 823 | 733 | 714 | 727 | 847 | 801 | 971 | 1,206 | 954 | 10,211 |
| Kuala Lumpur | 618 | 627 | 661 | 709 | 676 | 601 | 559 | 571 | 563 | 633 | 638 | 607 | 7,463 |
| Hulu Langat | 775 | 702 | 736 | 701 | 758 | 623 | 652 | 690 | 679 | 797 | 993 | 800 | 8,906 |
| Hulu Selangor | 697 | 548 | 575 | 570 | 509 | 461 | 508 | 540 | 526 | 623 | 676 | 736 | 6,969 |
| Sepang | 244 | 220 | 282 | 274 | 246 | 249 | 247 | 260 | 267 | 288 | 427 | 303 | 3,307 |
| Kuala Langat | 290 | 257 | 315 | 360 | 280 | 314 | 333 | 382 | 364 | 362 | 450 | 362 | 4,069 |
| Kuala Selangor | 152 | 112 | 162 | 177 | 140 | 140 | 120 | 140 | 156 | 149 | 199 | 230 | 1,877 |
| Sabak Bernam | 266 | 275 | 319 | 303 | 243 | 246 | 225 | 323 | 281 | 264 | 322 | 331 | 3,398 |
| JUMLAH | 6,351 | 5,736 | 6,628 | 6,854 | 6,207 | 6,014 | 6,004 | 6,644 | 6,449 | 7,032 | 8,000 | 7,194 | 79,113 |

- b) Terdapat **2,214** (2.8%) kes paip bocor telah direkodkan sepanjang Tahun 2016 di kawasan Balakong.
- c) Penggantian paip di kawasan Balakong tidak termasuk di dalam senarai kawasan kritikal '84 hotspots'. Buat masa ini, Air Selangor sedang mengenal

pasti kawasan-kawasan kritikal lain untuk dipertimbangkan dalam program penggantian paip pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : TEKNOLOGI BARU PEMBAIKAN JALAN

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai kaedah terkini untuk menyelesaikan struktur jalan-jalan yang rosak terutamanya kawasan-kawasan jenis *marine clay*?

JAWAPAN:

- a) Antara kaedah terkini yang digunakan bagi menyelesaikan masalah struktur jalan-jalan yang rosak adalah seperti berikut:
- i. Bagi lapisan pavemen (*wearing & binder course*) – Kaedah *Cold In-Place Recycling* (CIPR). Kaedah CIPR melibatkan kerja memecahkan lapisan pavemen asal, diikuti dengan menggaul dengan bahan penstabil sebelum dihampar semula dan dimampatkan dalam satu proses. Antara kebaikannya adalah penggunaan sepenuhnya bahan asal, pengurangan dari segi penggunaan bahan baru serta meningkatkan kekuatan struktur pavemen. Demonstrasi pembaikan Jalan Dato Miskon, Bukit Kerayong, Kuala Selangor menggunakan Teknologi CIPR Polimer Sami telah diadakan pada 24 Februari 2017.
 - ii. Bagi lapisan *subgrade* – Kaedah yang digunakan adalah berdasarkan ketebalan *marine clay* seperti berikut:

| KETEBALAN <i>MARINE CLAY</i> | KAEDAH YANG DIGUNAKAN |
|------------------------------|---|
| < 1 m | <i>Rapid Impact Compaction (RIC)</i> |
| 1 – 2 m | <i>Excavate and Replace (E&R)</i> |
| 2 – 4 m | <i>Prefabricated Vertical Drain (PVD)</i> |
| > 4 m | <i>Pile Embankment</i> |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBERIAN KEUNTUNGAN ANAK SYARIKAT NEGERI KEPADA
KERAJAAN NEGERI**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemberian keuntungan setiap anak syarikat negeri kepada Kerajaan Negeri dari 2014-2016?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyasarkan jumlah pemberian daripada anak syarikat?

JAWAPAN:

- a) Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai **syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dengan pegangan saham sebanyak 50 peratus (50%) atau lebih**, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Berdasarkan semakan dan penelitian oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, **kedudukan terkini senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2016** adalah seperti berikut:

- (i) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB);
- (ii) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB);
- (iii) Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC);
- (iv) Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB);
- (v) Invest Selangor Berhad (Invest Selangor);
- (vi) Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB);
- (vii) Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM);
- (viii) Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB);
- (ix) Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB);
- (x) Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB);
- (xi) Yayasan Hijrah Selangor;
- (xii) Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS); dan
- (xiii) Yayasan Selangor (YS).

Merujuk kepada senarai di atas, **terdapat tujuh (7) Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang ditubuhkan bukan berorientasikan keuntungan** seperti berikut:

- (i) Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB);
- (ii) Invest Selangor Berhad (Invest Selangor);
- (iii) Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB);
- (iv) Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB);
- (v) Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB);
- (vi) Yayasan Hijrah Selangor; dan
- (vii) Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

Seterusnya, berdasarkan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-14/2011** yang diadakan pada 20 April 2011 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-15/2011 pada 27 April 2011 telah **menimbang dan meluluskan perkara-perkara** seperti berikut:

- (i) **penetapan sumbangan sebanyak dua peratus (2%) daripada Keuntungan Bersih Sebelum Cukai (*Net Profit Before Tax*) pada setiap tahun** oleh Badan-badan Berkanun/ Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri **melalui Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS)**;
- (ii) sumbangan hanya dikenakan ke atas **Badan-badan Berkanun/ Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berorientasikan keuntungan** dan juga **berpotensi untuk menjana keuntungan pada tahun kewangan semasa** seperti berikut:
 - a. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS);
 - b. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS);
 - c. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB);
 - d. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB); dan
 - e. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).
- (iii) sumbangan ini turut dikenakan kepada **lain-lain Badan-badan Berkanun/ Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri berorientasikan keuntungan yang akan ditubuhkan pada masa akan datang.**

Berdasarkan keputusan MMKN tersebut, **terdapat tiga (3) Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang tersenarai sebagai anak syarikat yang berorientasikan keuntungan dan juga berpotensi untuk menjana keuntungan** pada tahun kewangan semasa. Butiran **pemberian keuntungan oleh ketiga-tiga anak syarikat berkenaan kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2014 hingga 2015** adalah seperti jadual berikut:

| Bil. | Anak Syarikat | Amaun Pemberian Keuntungan (RM) | | Jumlah (RM) |
|---------------------------|---------------|---------------------------------|--------------------------|----------------------------|
| | | Tahun 2014 | Tahun 2015 | |
| 1. | PNSB | 488,916.36 | - | 488,916.36 |
| 2. | KDEB | - | - | - |
| 3. | KSSB | 578,842.76 | 362,359.38 | 941,202.14 |
| Jumlah Keseluruhan | | <u>1,067,759.12</u> | <u>362,359.38</u> | <u>1,430,118.50</u> |

Seterusnya, **butiran pemberian keuntungan bagi tahun 2016 masih belum dapat dimuktamadkan** berikutan Penyata Kewangan Tahunan bagi ketiga-tiga anak syarikat berkenaan **masih belum diaudit**. Perkara ini adalah selaras dengan **pematuhan kepada tatacara bagi pengurusan dan pelaporan penyata kewangan syarikat yang digariskan melalui Akta Syarikat 2016**, Penggal 3 (Akaun dan Audit), Subpenggal 1 (Penyata Kewangan dan Laporan, Seksyen 243 hingga 261).

- b) Berdasarkan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-14/2011** yang diadakan pada 20 April 2011 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-15/2011 pada 27 April 2011, Kerajaan Negeri telah **menimbang dan meluluskan penetapan sumbangan sebanyak dua peratus (2%) daripada Keuntungan Bersih Sebelum Cukai (*Net Profit Before Tax*) pada setiap tahun** oleh Badan-badan Berkanun/ Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri **melalui Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : BAS PERCUMA SMART SELANGOR

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Selangor akan membekalkan Bas Percuma Smart Selangor di DUN Teratai?
- b) Berapakah kos tahunan yang terlibat untuk membekalkan bas percuma untuk satu laluan, termasuk gaji pemandu, minyak dan sebagainya?

JAWAPAN:

Melalui penelitian saya, tiga soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan Bus Smart Selangor. Soalan-soalan tersebut datangnya dari:

| No. Soalan | Nama ADUN | Tajuk Soalan |
|------------|-----------|---|
| | Dengkil | KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13) a) Nyatakan jumlah pengguna IPR 13 pada tahun 2016 mengikut PBT. b) Nyatakan secara terperinci pecahan perbelanjaan IPR 13 pada tahun 2016 mengikut PBT. |
| | Balakong | BAS PERCUMA a) Jelaskan pencapaian program bas percuma mengikut PBT masing-masing. b) Jelaskan perancangan untuk menambahbaik perkhidmatan bas percuma pada tahun 2017. |

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung status perkhidmatan bas percuma Bas Smart

Selangor yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri memandangkan semua soalan merujuk kepada perkara yang sama.

Tuan Speaker,

1. **Statistik Penumpang Bas Smart Selangor**

1.1 Perkhidmatan Bas Smart Selangor mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dan sehingga kini terdapat 15 laluan telah diperkenalkan di 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Statistik penumpang Bas Smart Selangor dari tempoh 1 Julai 2015 hingga 28 Februari 2017 adalah sebanyak 5,934,770 orang dan pecahan penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) : 546,661 penumpang
- (b) Tahun 2016 : 4,163,654 penumpang
- (c) Tahun 2017 (sehingga 28 Feb. 2017) : 1,224,455 penumpang

1.2 Bagi maklumat terperinci yang dipohon oleh Yang Berhormat Balakong dan Dengkil berkaitan statistik pengguna Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2015 (Mulai 1 Julai 2015)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 |
|--------------------------------|-----------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 270,491 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 192,196 |
| Majlis Perbandaran Klang | 83,974 |
| JUMLAH | 546,661 |

(b) Tahun 2016

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 805,331 | 22,959 | 37,755 | 866,045 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 603,115 | 28,578 | 58,448 | 690,141 |
| Majlis Perbandaran Klang | 439,910 | -tiada- | | 523,884 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 461,492 | -tiada- | | 461,492 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 788,324 | -tiada- | | 788,324 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 532,878 | -tiada- | | 532,878 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 80,624 | -tiada- | | 80,624 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 109,292 | -tiada- | | 109,292 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 55,083 | -tiada- | | 55,083 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 49,257 | -tiada- | | 49,257 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 90,608 | -tiada- | | 90,608 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 4,163,654 |

(c) Tahun 2017 (Sehingga 28 Februari 2017)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 | Laluan 2 | Laluan 3 | Jumlah |
|--------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 191,814 | 31,687 | 50,764 | 274,265 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 143,246 | 38,358 | 62,170 | 243,774 |
| Majlis Perbandaran Klang | 148,203 | -tiada- | | 148,203 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 75,715 | -tiada- | | 75,715 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 164,622 | -tiada- | | 164,622 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 165,807 | -tiada- | | 165,807 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 44,344 | -tiada- | | 44,344 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 47,959 | -tiada- | | 47,959 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 17,932 | -tiada- | | 17,932 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 16,230 | -tiada- | | 16,230 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 25,604 | -tiada- | | 25,604 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 1,224,455 |

- 1.3 Peningkatan jumlah penumpang Bas Smart Selangor ini secara tidak langsung telah menunjukkan indikasi positif terhadap sambutan masyarakat

di dalam menggunakan pengangkutan awam sebagai mod kemudahan untuk pelbagai urusan yang dilaksanakan.

2. Kos dan Peruntukan Bas Smart Selangor

2.1 Kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 adalah menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Namun begitu, dua laluan tambahan baru di Shah Alam dan Subang Jaya yang dilaksanakan pada bulan November 2016 telah dibiayai oleh PBT masing-masing iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya berdasarkan konsep 1 *plus* 1.

2.2 Untuk Tahun 2015, kos bagi penyediaan perkhidmatan Bas Smart Selangor di tiga (3) PBT adalah sebanyak RM3,481,712.00. Butiran kos bagi setiap PBT adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2015

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) |
|--------------------------------------|-----------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 1,266,064.00 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 1,266,064.00 |
| Majlis Perbandaran Klang | 949,584.00 |
| Jumlah Keseluruhan Tahun 2015 | RM3,481,712.00 |

2.3 Manakala kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor pada tahun 2016 pula, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM11,360,910.64 untuk butiran berikut:

(a) Kos lanjutan kontrak bagi laluan sedia ada sebanyak RM1,939,906.00 (**Nota:** kos ini merupakan kos lanjutan kontrak 3 PBT yang berakhir pada 30 Jun 2016 beserta tambahan sebuah

bas untuk MPK. Kontrak dilanjutkan dari 1 Julai 2016 – 31 Disember 2016);

- (b) Laluan baru di enam PBT dan laluan tambahan MBSA dan MPSJ yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM6,888,876.64; dan
- (c) Laluan baru di MPAJ dan MPKJ sebanyak RM2,532,128.00 yang disalur pada tahun 2015 namun operasi bas bermula pada 1 Januari 2016.

2.4 Keseluruhan kos tersebut adalah tidak termasuk laluan tambahan yang dibiayai sendiri oleh pihak MBSA dan MPSJ iaitu berjumlah RM3,146,928.00.

2.5 Pecahan kos dan perbelanjaan Bas Smart Selangor Tahun 2016 mengikut PBT adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2016

Butiran Kos Perbelanjaan Penyediaan Bas Smart Selangor Tahun 2016 Mengikut PBT

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) | Laluan 2 (RM) | Laluan 3 (RM) | Jumlah (RM) |
|--------------------------------|----------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|--------------------|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 624,128.00 | 1,894,008.00 (peruntukan MBSA) | 1,262,672.00 | 3,780,808.00 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 624,128.00 | 1,262,672.00 | 1,252,920.00 (peruntukan MPSJ) | 3,139,720.00 |
| Majlis Perbandaran Klang | 691,650.00 | -tiada- | | 691,650.00 |

| Pihak Berkuasa Tempatan | Laluan 1 (RM) | Laluan 2 (RM) | Laluan 3 (RM) | Jumlah (RM) |
|--------------------------------|---|----------------------|----------------------|-----------------------------------|
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015) | | | 1,266,064.00 (Peruntukan 2015) |
| Majlis Perbandaran Kajang | 1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015) | | | 1,266,064.00 (Peruntukan 2015) |
| Majlis Perbandaran Selayang | 1,250,796.00 | -tiada- | | 1,250,796.00 |
| Majlis Perbandaran Sepang | 625,400.00 | -tiada- | | 625,400.00 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 625,400.00 | -tiada- | | 625,400.00 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 621,448.32 | -tiada- | | 621,448.32 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 621,448.32 | -tiada- | | 621,448.32 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | 619,040.00 | -tiada- | | 619,040.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | RM14,507,838.64 |

2.6 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Teratai, keseluruhan kos tersebut merangkumi kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai

barangan dan perkhidmatan. Kos sewaan sebanyak RM800 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan manakala urusan seperti gaji pemandu, minyak dan sebagainya adalah dibawah urusan pengoperasian syarikat operator yang telah dilantik. Mengambil contoh bagi satu laluan yang mempunyai 4 buah bas seperti di MPAJ, kos keseluruhan untuk tempoh setahun adalah sebanyak RM1,262,672.00.

3. **Penambahbaikan dan Perancangan Bas Smart Selangor Tahun 2017**

- 3.1 Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa akan dikaji dan dinilai bagi memastikan perkhidmatan bas ditambahbaik dari semasa ke semasa. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan isyarat yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor seperti pertambahan jumlah bas dan tambahan laluan-laluan baru yang menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

- 3.2 Pada tahun 2017, konsep 1 *plus* 1 juga telah disyaratkan kepada beberapa PBT yang lain supaya lebih banyak laluan baru dapat diperkenalkan untuk memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat di Negeri Selangor. Justeru itu juga, sebelas PBT telahpun membentangkan tiga (3) cadangan baru semasa Retreat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor yang diadakan pada 6 – 7 Mac 2017 yang lalu untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Laluan-laluan baru ini dijangka akan memulakan operasi pada bulan Julai 2017.

3.3 Untuk makluman Yang Berhormat Teratai, antara cadangan laluan yang telah dibentangkan oleh MPAJ adalah dari LRT Cempaka ke Taman Bukit Teratai sepanjang 6.2 kilometer dengan keperluan bas sebanyak 3 buah bas. Pelaksanaan laluan baru adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor berdasarkan konsep 1 *plus* 1 iaitu satu laluan akan diperuntukan oleh Kerajaan Negeri sekiranya MPAJ bersetuju membiayai kos bagi satu lagi laluan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENURAPAN JALAN

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penurapan jalan tertakluk kepada skop yang telah ditetapkan khususnya ketebalan. Nyatakan jumlah penurapan yang tidak diluluskan mengikut PBT.
- b) Apakah denda yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor terbabit?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2016, Jawatankuasa Teknikal Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) telah menerima sebanyak **874** buah permohonan projek berkenaan MARRIS daripada semua PBT Negeri Selangor dengan anggaran kos terkumpul sebanyak RM877,104,102.75 di bawah peruntukan penyelenggaraan MARRIS 2016. Daripada jumlah permohonan tersebut, Jawatankuasa Teknikal MARRIS telah memperakukan sebanyak **783** buah projek dengan anggaran kos terkumpul sebanyak RM405,762,206.35. Manakala sebanyak **91** buah pelbagai projek tidak dapat diperakukan berikutan skop projek yang dipohon tidak mengikut tatacara garis panduan MARRIS. Bilangan pelbagai projek yang **tidak diluluskan** mengikut PBT seperti berikut:-

| BIL. | PBT | BIL. PERMOHONAN PROJEK | BIL. PROJEK DIPERAKUKAN / DILULUSKAN | BIL. PROJEK TIDAK DIPERAKUKAN / TIDAK DILULUSKAN |
|---------------------------|-------------|------------------------|--------------------------------------|--|
| 1 | MBSA | 68 | 68 | 0 |
| 2 | MBPJ | 54 | 42 | 12 |
| 3 | MPSJ | 31 | 31 | 0 |
| 4 | MPK | 138 | 128 | 10 |
| 5 | MPKj | 114 | 114 | 0 |
| 6 | MPAJ | 47 | 47 | 0 |
| 7 | MPS | 84 | 84 | 0 |
| 8 | MPSp | 71 | 64 | 7 |
| 9 | MDKL | 40 | 40 | 0 |
| 10 | MDKS | 44 | 44 | 0 |
| 11 | MDHS | 54 | 48 | 6 |
| 12 | MDSB | 129 | 73 | 56 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 874 | 783 | 91 |

***Sumber: Urusetia Jawatankuasa Teknikal MARRIS Negeri Selangor 2016

- b) Sebelum PBT melantik kontraktor melalui jawatankuasa tender/sebutharga. PBT perlu menyemak syarikat kontraktor dari pelbagai sudut iaitu dari segi kecukupan modal, pengalaman dan kepakaran setiap kontraktor termasuklah harga yang ditawarkan. Syarikat yang terpilih perlulah menandatangani satu perjanjian antara PBT dengan syarikat bagi menetapkan skop kerja dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Selain itu, syarikat dilantik perlulah menyediakan bon pelaksanaan bagi menjamin kualiti kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi yang telah dimeterai di dalam perjanjian. Sekiranya projek tersebut gagal mematuhi spesifikasi dan gagal dalam Ujian Ketebalan, syarikat diarahkan untuk menurap semula jalan terbabit mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kegagalan pihak syarikat untuk melaksanakan arahan tersebut, akan mengakibatkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) tidak dikeluarkan dan seandainya tempoh pelaksanaan projek telah berlalu denda lewat (LAD) akan dikenakan. Sekiranya kontraktor tersebut gagal barulah tindakan susulan boleh diambil berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai termasuklah menggunakan bon pelaksanaan syarikat tersebut oleh PBT serta syarikat tersebut akan disenarai hitam oleh PBT berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PWB - PUSAT WANITA BERDAYA

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah objektif strategik yang hendak dicapai melalui PWB?
- b) Apakah ukuran dan piawaian yang digunakan untuk mengukur kejayaan program-program PWB?
- c) Berapakah peruntukan untuk seluruh program PWB bagi tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat serius dan komited dalam memberdayakan wanita Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah merangka objektif strategik yang hendak dicapai melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB). Objektif strategik PWB adalah berperanan sebagai medan bagi memberdaya dan menggalakkan wanita untuk bergiat aktif selain melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti tersebut dengan memberi ilmu yang bermanfaat seperti kelas jahitan, masakan, kraftangan dan lain-lain.
- b) Kerajaan Negeri amat mementingkan keberkesanan prestasi dan kualiti dalam setiap program yang dilaksanakan. Sehubungan itu, bermula pada tahun 2017, PWB akan mengedarkan borang penilaian program kepada peserta bagi semua program yang menggunakan peruntukan PWB sebagai ukuran dan piawaian yang digunakan untuk mengukur kejayaan program-program PWB. Dengan cara ini, Kerajaan Negeri dapat menilai sejauh mana kejayaan dan keberkesanan program PWB yang telah dijalankan di setiap DUN. Setiap DUN harus mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus kepuasan peserta yang mengikuti program PWB bagi memastikan program berkualiti dan berkesan. Antara kriteria yang akan dinilai oleh peserta ialah penyampaian fasilitator, kaitan kandungan info dengan kursus, penambahan ilmu pada peserta, kesan dan kepentingan program pada peserta, nota edaran dan kelengkapan kursus, keselesaan tempat kursus, aktiviti tambahan, makanan yang disediakan, rumusan keseluruhan program dan cadangan penambahbaikan bagi program yang dijalankan. Peserta boleh memberikan penilaian daripada skala 1 (sangat lemah) sehingga skala 7 (cemerlang). Jika penilaian program PWB tidak mencapai 80 peratus, maka program tersebut akan dinilai semula untuk diberi tambah nilai atau Penyelia PWB disarankan untuk menjalankan program yang lain bagi pemberdayaan wanita.

- c) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,680,000.00 setiap tahun untuk diagihkan kepada PWB DUN seluruh Selangor. Bermula tahun 2015 sehingga 2017, setiap PWB DUN diperuntukkan sebanyak RM30,000 untuk melaksanakan program pemberdayaan wanita di DUN masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN PELABUHAN PULAU CAREY

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan apakah perkembangan terkini cadangan projek tersebut.
- b) Sila kemukakan secara terperinci apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam konteks kelulusan projek tersebut.
- c) Sila nyatakan apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap usaha tersebut.

JAWAPAN:

- a) Tiada permohonan secara rasmi diterima di MDKL.
- b) Tiada berkaitan (Kerajaan Negeri).
- c) Tiada berkaitan (Kerajaan Negeri).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU PEMBANGUNAN BERLAKU TANPA PENGETAHUAN DAN
KELULUSAN PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar ada kes-kes pembangunan berlaku tanpa pengetahuan dan kelulusan pihak-pihak berkuasa tempatan sehinggalah timbul masalah atau menerima aduan-aduan?
- b) Jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Unit Pemantauan khas bagi pencegahannya, atau jika tidak apakah langkah alternatifnya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH SECARA HARAM

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi pembangunan tanah secara haram dan tidak terkawal sehingga menyebabkan banjir dan hakisan tanah?
- b) Berapakah jumlah peruntukkan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 bagi mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 jika berlaku pelanggaran syarat tanah. Statistik bagi tindakan perobohan daripada Pejabat Tanah dan Daerah adalah seperti di Lampiran A
- b) Tiada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut.

**STATISTIK BAGI TINDAKAN PEROBOHAN DARIPADA PEJABAT TANAH
DAN DAERAH**

| BIL. | DAERAH | JUMLAH TINDAKAN PEROBOHAN |
|---------------|----------------|----------------------------------|
| 1. | Petaling | 38 kali |
| 2. | Klang | 43 kali |
| 3. | Hulu Langat | 60 kali |
| 4. | Gombak | 32 kali |
| 5. | Sepang | 10 kali |
| 6. | Kuala Langat | 0 kali |
| 7. | Kuala Selangor | - |
| 8. | Hulu Selangor | 9 kali |
| 9. | Sabak Bernam | 1 kali |
| JUMLAH | | 193 kali |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : MANGSA ROGOL WANITA

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kedudukan terkini perangkaan satu garis panduan atau pekeliling oleh kerajaan Selangor sebagaimana yang dijawab setahun lalu untuk melindungi golongan wanita daripada jenayah rogol memandangkan Selangor mencatat rekod rogol antara yang tertinggi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa peka dan serius dalam merangka sesuatu dasar bagi mengatasi masalah sosial di Selangor. Justeru itu, perangkaan sesuatu garis panduan atau pekeliling perlu penelitian yang jitu agar dapat digunapakai secara holistik dan menyeluruh bagi melindungi mangsa dari terus ditindas terutama sekali kepada golongan wanita, kanak-kanak dan warga emas.

Sehubungan itu, atas kepekaan akan hal yang berkaitan dengan isu dan permasalahan wanita, kanak-kanak dan warga emas (keluarga), maka Institut Wanita Berdaya (IWB) telah ditubuhkan yang kini dalam tindakan pemantapan barisan kepimpinan. Institut ini yang berperanan sebagai badan pemikir atau *think tank* yang lebih progresif demi mempertahankan martabat dan kemuliaan wanita sebagai agen pelaksana dalam pembangunan Negeri Selangor. Oleh yang demikian, garis panduan berkaitan masalah sosial melibatkan wanita dan keluarga terutama sekali berkaitan jenayah rogol akan diserahkan kepada IWB untuk diperhalusi lagi sebelum diedarkan kepada umum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PETUGAS LANTIKAN KONTRAK PUSAT KHIDMAT
MASYARAKAT DUN, PWB, AHLI MAJLIS DAN KETUA KAMPUNG
PENERIMA ELAUN TETAP DIBAWAH RM3,000.**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada apa-apa kaedah mereka secara terus layak sebagai penerima Skim Peduli Sihat?
- b) Apakah telah ada kaedah petugas PKM dicarum sebagai pencarum SOCSO atau perlindungan insurans?
- c) Apakah alternatif lain bagi kebajikan kepada petugas ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri turut mewujudkan satu kategori khas bagi penerima Skim Peduli Sihat ini iaitu kepada penerima yang layak di bawah kategori Asnaf dan Fakir Miskin di bawah pengurusan Lembaga Zakat Selangor serta penerima Bantuan Am di bawah pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Selain itu, penerima-penerima Inisiatif Peduli Rakyat sediaada yang memenuhi syarat kelayakan bagi Skim Peduli Sihat ini juga akan secara automatik mendapat manfaat yang ditawarkan oleh Skim Peduli Sihat.
- b) Kerajaan Negeri melalui Kertas EXCO MTES 2/20/2013 yang dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21/2013 bertarikh 24 Julai 2013 dan disahkan pada MMKN Ke 22/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah bersetuju gaji Petugas Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dinaikkan daripada RM1,164.00/ sebulan kepada RM 2,000.00/ sebulan termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti petugas PKM yang membantu menyelaraskan aktiviti Y.B. Ahli Dewan Negeri (ADN) di peringkat akar umbi. Sehingga kini, tiada kemudahan perlindungan insurans kepada petugas PKM memandangkan 'turnover rate' yang tinggi dan menyukarkan petugas dilindungi insurans.
- c) Kerajaan Negeri melalui Kertas MMK 1/8/2016 bertarikh 2 Mac 2016 dan disahkan pada MMKN Ke 9/2016 bertarikh 9 Mac 2016 turut bersetuju kenaikan peruntukan operasi PKM daripada RM6,000.00/ sebulan kepada RM10,000.00/ sebulan. Peruntukan operasi PKM ini boleh digunakan oleh ADN untuk membiayai tambahan gaji kepada petugas PKM yang bersesuaian dengan kelayakan / bidang tugas pada pandangan ADN. Keputusan ini dibuat

memandangkan prestasi dan kualiti kerja dipantau sepenuhnya oleh ADN kawasan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HOTEL BAJET

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hotel bajet yang berlesen dan tidak berlesen dari 2014-2016 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah penutupan dan saman keatas hotel bajet dari 2014-2016 mengikut PBT.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH TERBIAR

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa kerajaan negeri tidak merampas tanah rumah terbiar di 20, Jalan 14/3, Petaling Jaya sepertimana surat Ahli MMKN Kerajaan Tempatan kepada Pegawai Daerah Petaling bertarikh 9 Mac 2016?
- b) Adakah kerajaan negeri telah membatalkan hak milik tanah rumah terbiar di Negeri Selangor

JAWAPAN:

- a) Pemantauan rumah no 20 Jalan 14/3 mendapati pemilik melakukan pembersihan sendiri, pemilik premis memasang pagar sink di hadapan rumah dan bahagian bumbung bersebelahan jiran telah dipecahkan supaya tidak mengganggu jiran.
- b) Surat dihantar kepada Pegawai Daerah Petaling bertarikh 9 Mac 2016. Dalam hal ini PBT tiada kuasa untuk merampas tanah/rumah terbiar. PBT hanya membuat kerja-kerja pembersihan dan potongan rumput di dalam lot terbiar bagi mengelakkan kacau ganggu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SABAK BERNAM HINGGA TAHUN
2025**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon penjelasan dari sudut strategi dan *roadmap* bagi mencapai kejayaan tersebut.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KOS PENGURUSAN SAMPAH DAN SISA PEPEJAL

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbandingan kos pengurusan sampah dan sisa pepejal di Selangor dari 2014-2016 mengikut PBT?
- b) Apakah tindakan pilihan Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kos tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kos Pengurusan Sampah di PBT meliputi perkhidmatan kerja pemungutan sampah (PS) dan pembersihan awam (PA) mengikut PBT Di Selangor adalah seperti berikut:-

| BIL. | PBT | 2014 (RM) | 2015 (RM) | 2016 (RM) |
|---------------|------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| 1 | MBSA | 53,600,008.70 | 58,972,405.69 | 57,890,068.25 |
| 2 | MBPJ | 47,955,861.10 | 48,117,601.33 | 48,309,344.42 |
| 3 | MPSJ | 55,430,000.00 | 68,470,000.00 | 68,010,000.00 |
| 4 | MPS | 33,435,554.42 | 36,387,759.59 | 41,156,968.60 |
| 5 | MPKj | 50,972,685.25 | 53,775,732.04 | 60,134,915.66 |
| 6 | MPK | 42,416,379.00 | 37,298,248.00 | 43,356,710.00 |
| 7 | MPAJ | 31,926,945.00 | 31,813,034.00 | 34,747,920.00 |
| 8 | MPSp | 23,396,902.17 | 25,095,605.85 | 27,145,105.15 |
| 9 | MDKS | 8,737,448.31 | 10,713,596.24 | 11,304,046.33 |
| 10 | MDKL | 7,710,128.76 | 8,722,306.34 | 9,205,346.08 |
| 11 | MDSB | 2,019,127.00 | 2,149,467.28 | 2,538,300.00 |
| 12 | MDHS | 18,720,973.12 | 19,200,000.00 | 24,689,545.00 |
| Jumlah | | 376,322,012.83 | 400,715,756.36 | 428,488,269.49 |

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui PBT untuk ke arah mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal, pihak PBT telah melaksanakan pelbagai program antaranya seperti:-

1. Pengautomasian seperti melalui pengesanan pergerakan kompaktor telah dimulakan di sebahagian PBT;
2. Tindakan penguatkuasaan kepada pihak yang membuang sampah secara haram;
3. Program pengasingan sampah dari rumah;
4. Pertandingan kitar semula peringkat sekolah, penduduk dan jabatan dalaman Majlis;
5. Program kitar semula pakaian terpakai;
6. Program kitar semula minyak masak terpakai;
7. Mensyaratkan semua premis memiliki tong sampah yang sesuai; dan
8. Program penyeragaman tong sampah.

Selain itu, bagi memudahkan penduduk setempat atau komuniti, PBT juga telah menyediakan pusat kitar semula dan tong pengumpulan bahan kitar semula berpusat serta kutipan bahan kitar semula secara terus dari rumah penduduk

Manakala pecahan kos mengikut perkhidmatan kerja pemungutan sampah dan pembersihan awam mengikut PBT seperti berikut:-

| BIL. | PBT | 2014 | | 2015 | | 2016 | |
|--------------------|------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| | | (RM) | | (RM) | | (RM) | |
| | | PS | PA | PS | PA | PS | PA |
| 1 | MBSA | 20,521,870.56 | 33,078,138.14 | 23,234,729.73 | 35,737,675.96 | 20,802,504.42 | 37,087,563.83 |
| 2 | MBPJ | 19,378,908.60 | 28,576,952.50 | 19,418,242.27 | 28,699,359.06 | 19,457,578.94 | 28,851,765.48 |
| 3 | MPSJ | 20,380,000.00 | 35,050,000.00 | 21,590,000.00 | 46,880,000.00 | 22,140,000.00 | 45,870,000.00 |
| 4 | MPS | 19,061,475.41 | 14,374,079.01 | 20,916,699.67 | 15,471,059.92 | 22,673,845.86 | 18,483,122.74 |
| 5 | MPKj | 25,730,017.01 | 25,242,668.24 | 28,312,124.81 | 25,463,607.23 | 28,457,052.16 | 31,677,863.50 |
| 6 | MPK | 19,300,000.00 | 23,116,379.00 | 20,641,936 | 16,656,312 | 21,705,000 | 21,651,710 |
| 7 | MPAJ | 15,594,370 | 16,332,575 | 15,188,386 | 16,624,648 | 15,722,079 | 19,025,841 |
| 8 | MPSp | 9,813,533.04 | 13,583,369.13 | 12,908,509.20 | 12,187,096.65 | 14,030,194.69 | 13,114,910.46 |
| 9 | MDKS | 4,300,914.68 | 4,436,533.63 | 4,371,872.19 | 6,341,724.05 | 5,196,649.68 | 6,107,396.65 |
| 10 | MDKL | 4,067,448.00 | 3,642,680.76 | 4,564,634.40 | 4,157,671.94 | 5,144,790.88 | 4,060,555.20 |
| 11 | MDSB | 1,534,536.52 | 484,590.48 | 1,598,876.64 | 550,590.64 | 1,840,000.00 | 698,300.00 |
| 12 | MDHS | 8,214,721.60 | 10,506,251.52 | 9,000,000.00 | 10,200,000.00 | 10,160,000.00 | 14,529,545.00 |
| Jumlah | | 167,897,795.42 | 208,424,217.41 | 181,746,010.91 | 218,969,745.45 | 187,329,695.63 | 241,158,573.86 |
| Jumlah Keseluruhan | | 376,322,012.83 | | 400,715,756.36 | | 428,488,269.49 | |

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BILANGAN DAFTAR PEMILIH SPR DI SELANGOR

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai statistik bilangan daftar pemilih SPR di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melancarkan semula Projek Pendemokrasian Selangor bagi memastikan pengundi yang diragui tidak wujud di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PELAN INDUK PERTANIAN

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penyediaan pelan induk pertanian negeri Selangor sehingga kini?
- b) Adakah pengeluaran makanan berasaskan pertanian telah mampu memenuhi permintaan negeri ini?
- c) Apakah bentuk inisiatif kerajaan bagi menggalakkan generasi muda terlibat dengan aktiviti pertanian?

JAWAPAN:

- a) Status penyediaan Pelan Induk Pertanian Negeri Selangor masih lagi diperingkat penambahbaikan input laporan iaitu setelah pembentangan laporan akhir dibuat pada 13 Februari 2017 yang lepas. Laporan akhir dijangka akan disiapkan oleh pihak Universiti Putra Malaysia melalui Institut Kajian Dasar Pertanian Makanan (IKDPM) pada penghujung April 2017.
- b) Secara keseluruhannya, pengeluaran hasil pertanian makanan di Negeri Selangor masih belum dapat memenuhi permintaan disebabkan oleh faktor tanah dan juga jumlah penduduk di Negeri Selangor yang paling ramai jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.
- c) Bagi menggalakkan generasi muda terlibat dengan aktiviti pertanian, Program Agro Generasi Muda (AGROGEMS) telah dilaksanakan di mana golongan tersebut akan sentiasa diberikan pendedahan berkaitan dengan projek-projek pertanian yang boleh mereka ceburi untuk dijadikan sebagai sumber ekonomi. Ini termasuklah dengan cadangan pelaksanaan Program Ladang *Smart* Selangor dan juga Kebun *Smart* Selangor, Program Latihan Kejenteraan Pertanian di

Tanjung Karang, Kuala Selangor, Program Latihan Tanaman Fertigasi di Kalumpang, Hulu Selangor serta bantuan-bantuan berbentuk peralatan kepada golongan generasi muda yang telah memulakan usaha projek pertanian mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : KERJA-KERJA PEMBINAAN PEMBENTUNGAN LANGAT DI KAWASAN
BATU 11 CHERAS HINGGA KAJANG SELANGOR**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengarahkan PBT untuk memantau dan mengawasi kerja-kerja pengorekan tanah dan penurapan yang sedang dijalankan oleh MMC Pembetulan Langat, kelihatan lokasi yang di goreng dan diturap kurang memuaskan, berlaku mendapan? Hasilnya akan memudaratkan pengguna jalanraya.

JAWAPAN:

- a) Pemantauan di tapak oleh MPKj kerap kali dibuat, terutamanya melibatkan kawasan yang bermasalah yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis & penduduk. Pihak MMC telah diarahkan untuk mengambil tindakan pembaikan dengan segera ke atas masalah yang dibangkitkan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PROJEK 'GREATER KL CENTRALISED SEWAGE'

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah tapak yang terlibat di dalam kawasan PBT dan DUN masing-masing.
- b) Jelaskan permasalahan yang di akibatkan oleh projek ini dan tindakan yang telah diambil.
- c) Adakah tanah-tanah loji sedia ada akan di pulangkan kepada kerajaan negeri selepas projek ini siap?

JAWAPAN:

- a) Projek *Greater KL Centralized Sewage* merupakan projek di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang akan melibatkan pembinaan **tiga (3) Loji Kumbahan Serantau** utama iaitu:

1. STP Lot 130 (Klang);
2. STP Kajang STP; dan
3. STP Langat.

Manakala dua (2) STP pula akan dinaik taraf iaitu:

1. Loji Rawatan Kumbahan Taman Maluri C; dan
2. Loji Rawatan Kumbahan Taman Lembah Maju.

Pembangunan *Greater KL Centralized Sewage* juga akan melibatkan **pembinaan rangkai paip pembedungan serta rasionalisasi loji-loji kecil untuk disambungkan ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau** di mana ianya melibatkan beberapa kawasan lain di dalam Lembah Kelang termasuk meliputi beberapa PBT Negeri Selangor seperti berikut:

1. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj);
2. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp);
3. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ);

4. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
 5. Majlis Perbandaran Klang (MKP);
 6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ); dan
 7. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
- b) Antara aduan/permasalahan yang kerap diterima berhubung dengan pembinaan projek ini adalah masalah kesesakan lalulintas dan turapan jalanraya yang tidak rata dan teruk selepas kerja pengorekan selesai. Sehubungan itu, kontraktor telah diarahkan untuk melaksanakan kerja mengikut spesifikasi & keperluan Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang telah dinyatakan di dalam permit bekerja. Selain itu, semua jalan yang terlibat akan diturap semula setelah semua kerja-kerja pemasangan paip kumbahan selesai. Walau bagaimanapun, turapan jalan sehingga kini dijalankan secara *temporary premix* terlebih dahulu kerana kerja-kerja pemasangan paip belum selesai sepenuhnya.
- c) Tanah rezab pementungan akan dikekalkan sebagai rezab pementungan selagi mana ianya diperlukan untuk tujuan perkhidmatan pementungan pada masa datang.

***Sumber: Kementerian Tenaga Teknologi Hijau & Air (KeTTHA)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : *HIGH SPEED RAIL* (HSR) SINGAPORE - KUALA LUMPUR

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan kerajaan terhadap cadangan membangun projek HSR oleh kerajaan persekutuan tanah dalam Selangor?
- b) Adakah kerajaan terlibat secara langsung dalam pembangunan projek tersebut?
- c) Selain dari jajaran landasan, adakah kerajaan telah mengenal pasti cadangan salah satu tapak stesen dalam negeri Selangor?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c)

1. Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan dan peranan terhadap semua cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan di Negeri Selangor termasuk projek pengangkutan awam seperti *High Speed Rail* (HSR). Peranan dan bidang kuasa Kerajaan Negeri adalah melibatkan perkara-perkara berkaitan perihal tanah sama ada gunatanah dan pengambilan di sepanjang kawasan dan jajaran HSR di dalam Negeri Selangor. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri akan memastikan pematuhan akta-akta dan peraturan yang telah ditetapkan di peringkat negeri dan juga kerajaan tempatan.
2. Selaras dengan itu juga, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015, telah membuat ketetapan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan

Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

3. Di dalam projek HSR Kuala Lumpur - Singapura, Cadangan projek tersebut telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri pada 23 Jun 2016. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 22/2016 yang bermesyuarat pada 13 Julai 2016, Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya MyHSR Corporation Sdn. Bhd. mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membolehkan kajian tapak dibuat. Namun, bagi tujuan pengambilan balik kelak, Kerajaan Negeri akan meneliti terlebih dahulu komponen-komponen yang terlibat sebelum dimuktamadkan.
4. Kerajaan Negeri akan memastikan projek yang dilaksanakan dapat memberi manfaat menyeluruh dan memastikan impak atau kesan terhadap sosial, alam sekitar dan ekonomi diambilkira. Oleh itu, projek HSR perlu merangkumi rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang boleh dikenalpasti di setiap lokasi dan sepanjang jajaran HSR.
5. Pada ketika ini, projek HSR yang melibatkan Negeri Selangor dijangkakan hanya melibatkan jajaran yang melalui kawasan Cyberjaya dan Dengkil (Sepang), Bangi (Kajang) dan juga Serdang (Subang Jaya). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meminta pihak MyHSR untuk mempertimbangkan permohonan Kerajaan Negeri agar menempatkan sebuah stesen HSR di dalam Negeri Selangor. Dari segi cadangan lokasi, Kerajaan Negeri percaya dengan kepakaran pihak MyHSR untuk mengkaji kesesuaian tapak dan faktor-faktor teknikal bagi laluan rel berkelajuan tinggi sebelum menetapkan kedudukan sesebuah stesen. Berdasarkan perancangan MyHSR, sebarang cadangan untuk penetapan stesen hanya akan dapat dilakukan setelah hasil kajian tersebut diperolehi, yang dijangkakan pada Suku Kedua 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KADAR PENGANGGURAN

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pengangguran di Selangor dari tahun 2014-2016?
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk menurunkan jumlah pengangguran?
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri mengendalikan kes-kes jenayah yang berpunca dari pengangguran?

JAWAPAN:

- a) Statistik kadar pengangguran diperolehi daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan merujuk kepada penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan. Penyiasatan ini dilaksanakan mengikut piawai yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organisation* (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara

Berdasarkan maklumat tersebut, bilangan penganggur dan kadar pengangguran 2014, 2015, separuh tahun pertama 2015 (H1/2015) dan separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

| Tempoh | Bilangan penganggur ('000) | Kadar pengangguran (%) |
|----------------|--|-----------------------------------|
| 2014 | 62.4 | 2.0 |
| 2015 | 77.9 | 2.4 |
| H1/2015 | 73.9 | 2.3 |
| H1/2016 | 103.7 | 3.2 |

Sumber : Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

- b) Kerajaan Negeri telah memainkan peranan secara proaktif dalam usaha untuk menurunkan jumlah pengangguran. Antara peranan dan inisiatif yang telah dilaksanakan ialah dengan mengadakan program-program dan latihan berikut :
- (i) Program Karnival Kerjaya (Selangor Job Fair 2016) kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang untuk warga Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada tahun 2016 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 21,012 orang.
 - (ii) Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang.
 - (iii) Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Mobile SPA, Penyelenggaraan Penyaman Udara, Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendul dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinik Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal.
 - (iv) Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.
 - (v) Program *Graduate Employability and Enhancement* Selangor (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.
- c) Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* juga turut berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan menarik pelabur dari dalam dan luar negara untuk membuat pelaburan di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI SELANGOR

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lampu jalan LED telah dipasangkan di Selangor dan di DUN Teratai?
- b) Adakah terdapat kelewatan jadual pembangunan Stadium Mini di Pandan Perdana, DUN Teratai dan sebab kelewatannya?
- c) Berapakah jumlah CCTV telah dipasangkan di Selangor dan di DUN Teratai?

JAWAPAN:

a)

| BIL | DUN | BIL LAMPU LED |
|---------------|--------------------|----------------------|
| 1 | HULU KELANG | 75 |
| 2 | BUKIT ANTARABANGSA | 90 |
| 3 | LEMBAHJAYA | 172 |
| 4 | CEMPAKA | 202 |
| 5 | TERATAI | 158 |
| JUMLAH | | 697 |

b) Kemajuan kerja pembinaan stadium MPAJ adalah mengikut Jadual Kerja Projek sebagai mana yang dirancang. Walau bagaimanapun terdapat sedikit kelewatan yang dibenarkan atas sebab faktor keadaan tapak semasa.

c)

| BIL | LOKASI CCTV | KPKT | MPAJ |
|------------|--------------------|-------------|-------------|
| 1. | BUKIT ANTARABANGSA | 9 | 10 |
| 2. | CEMPAKA | 3 | 19 |
| 3. | LEMBAH JAYA | 12 | 19 |
| 4. | TERATAI | 0 | 7 |
| 5. | ULU KELANG | 0 | 5 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : INVENTORI KEMUDAHAN SUKAN DI SETIAP KAWASAN DUN

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai inventori kemudahan sukan untuk rakyat terutama belia di setiap DUN?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan kemudahan sukan sedia ada di tahap kualiti yang baik dan selamat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan untuk menyediakan inventori kemudahan sukan untuk rakyat dalam usaha untuk memastikan kemudahan sukan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk kegunaan rakyat. Justeru, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sedang dalam usaha untuk mendapatkan inventori tersebut daripada pihak PBT memandangkan inventori tersebut adalah di bawah pemantauan dan kawal-selia pihak PBT masing-masing. Seterusnya, inventori tersebut akan digunakan sebagai asas kepada pemilihan dan keutamaan untuk penyediaan peruntukan berdasarkan kepada status dan tahap kritikal kemudahan tersebut.

Kerajaan Negeri telah mendapatkan sebahagian daripada inventori tersebut daripada PBT pada tahun 2015 adalah sebagaimana berikut:-

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Jumlah Kemudahan Sukan |
|-------------|---------------------------------------|-------------------------------|
| 1. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | 207 |
| 2. | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | 3 |
| 3. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | 43 |
| 4. | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | 11 |
| 5. | Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) | 10 |
| 6. | Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) | 9 |

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Jumlah Kemudahan Sukan |
|---------------------------|---------------------------------------|-------------------------------|
| 7. | Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) | 23 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) | 2 |
| 9. | Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) | 8 |
| 10. | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | 29 |
| 11. | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | 29 |
| 12. | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | 25 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 399 |

- b) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kesukanan. Justeru itu, dalam usaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti kemudahan sukan, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,500,000.00 pada tahun ini untuk projek membaikpulih kemudahan sukan di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri sentiasa ingin memastikan kemudahan sukan yang telah dinaiktaraf dan dibaikpulih hendaklah dijaga sebaik mungkin untuk kegunaan semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda di Selangor. Namun begitu, proses pemantauan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan tersebut adalah di bawah kawal-selia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROGRAM *SMART LIFE*

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senarai pangsapuri yang terlibat dengan program *smart life* di Selangor.
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang disediakan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang berhormat, berdasarkan rekod terkini sehingga 17 Mac 2017, jumlah unit lif di pangsapuri kos rendah adalah sejumlah 420 unit lif melibatkan 133 kawasan pangsapuri. Manakala, pelaksanaan SMART LIFE terbahagi kepada dua pelan tindakan seperti berikut:

i- Baikpulih Lif (RM22 juta)

Terdapat dua (2) fasa iaitu dalam Fasa I merangkumi sebanyak 49 unit lif yang meliputi sebanyak 10 pangsapuri seperti di bawah. Proses mula kerja dijangka akan dimulakan pada bulan Mei 2017. Manakala bagi Fasa II sebanyak 15 pangsapuri yang melibatkan 36 unit lif akan mula dibaiki pada bulan Ogos 2017.

Fasa 1

| PBT | BILANGAN PANGSAPURI | NAMA PANGSAPURI | JUMLAH UNIT LIF IKUT PANGSAPURI | JUMLAH UNIT LIF IKUT PBT |
|------|---------------------|--|---------------------------------|--------------------------|
| MBSA | 1 | Rimba Seksyen 16 | 5 | 5 |
| MBPJ | 3 | Desa Mentari Blok 1 | 2 | 8 |
| | | Desa Mentari Blok 8 | 2 | |
| | | Desa Sepakat Blok A & B | 4 | |
| MPK | 1 | Seri Perantau Blok A-L (Skim ikut blok – 12 blok) | 24 | 24 |
| MPAJ | 5 | Kos Rendah Pandan Utama, Persiaran Pandan Utama 5A | 2 | 12 |
| | | Dahlia, Ukay Bistari | 2 | |
| | | Sri Mutiara, Ukay Bistari | 2 | |
| | | Kos Rendah Pandan Cahaya (RPR) 15 Tingkat | 2 | |

| | | | | |
|---------------|-----------|--|-----------|-----------|
| | | Blok A2 & A3, Taman Bukit Segar Fasa 1 | 4 | |
| JUMLAH | 10 | | 49 | 49 |

Fasa 2

| PBT | BILANGAN PANGSAPURI | NAMA PANGSAPURI | JUMLAH UNIT LIF IKUT PANGSAPURI | JUMLAH UNIT LIF IKUT PBT |
|---------------|---------------------|---------------------------------|---------------------------------|--------------------------|
| MBPJ | 2 | Flora Damansara Blok A, B | 8 | 20 |
| | | Desa Ria Fasa 5A & 5B | 12 | |
| MPSJ | 1 | Seri Mutiara | 8 | 8 |
| MPKj | 2 | Minang Ria 2 | 2 | 4 |
| | | Kos Rendah Taman Tasik Sg. Chua | 2 | |
| MPS | 2 | Kota Warisan | 2 | 4 |
| | | Batai | 2 | |
| JUMLAH | 7 | | 36 | 36 |

ii- Bantuan Kewangan Pembayaran Kontrak Penyenggaraan Lif Komprehensif (RM8 juta)

b) Jumlah peruntukan SMART LIFE bagi tahun 2017 adalah sejumlah RM30 Juta seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH PERUNTUKAN |
|--|-------------------|
| Baikpulih Lif | RM22 Juta |
| Bantuan Kewangan Pembayaran Kontrak Penyenggaraan Lif Komprehensif | RM 8 Juta |
| JUMLAH | RM30 Juta |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : ISU TANAH BAGAN SEKINCHAN

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status terkini proses permohonan tanah lorong 6-12 Bagan Sekinchan?
- b) Sila huraikan apakah kekangan yang dihadapi bagi mempercepatkan proses tersebut?
- c) Sila nyatakan berapakah tempoh sebenar yang masih diperlukan untuk mendapat kelulusan hakmilik kepada penduduk setempat?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, Pejabat Tanah Sabak Bernam **belum** menerima sebarang Borang Permohonan Pelupusan Tanah Kerajaan Secara Pemberimilikan (Jadual 1) di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) di kawasan tersebut dari penduduk-penduduk terbabit. Pihak penduduk hanya berhubung dengan pejabat ini berkaitan dengan penyediaan Pelan Pra-Hitungan yang diperlukan untuk permohonan tersebut.
- b) Lazimnya, sekiranya borang permohonan yang dikemukakan adalah lengkap, kekangan yang sering dihadapi di dalam memproses permohonan berkenaan adalah mendapatkan ulasan-ulasan teknikal daripada Jabatan-jabatan Teknikal termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).
- c) Borang permohonan yang lengkap perlu dikemukakan bersama resit bayaran proses, resit bayaran penyediaan pelan, surat akuan sumpah dan akujanji pemohon serta surat sokongan daripada Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK). Tempoh masa yang diperlukan untuk mendapat kelulusan hakmilik dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN) adalah sekurang-kurangnya 4 bulan daripada tarikh penerimaan borang permohonan yang lengkap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : CADANGAN PEMBINAAN KOMPLEKS PASAR MODEN 6 TINGKAT DI
ATAS SEBAHAGIAN LOT 1057, SEK U 19, PAYA JARAS TENGAH**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek pembangunan di atas?
- b) Apakah status terkini tentang pewartaan tanah tersebut dari Pejabat Daerah Tanah Petaling?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis dalam menyediakan beberapa pelan alternatif bagi cadangan pembinaan kompleks pasar moden ini dengan mengambilkira keperluan tapak padang bola sedia ada dan juga alternatif untuk pembinaan kompleks sukan integrasi bersekali dengan pembangunan pasar moden ini. Ia juga bergantung kepada kelulusan pewartaan tapak pasar moden yang dimohon kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling kerana ia melibatkan kawasan padang bola dan tapak pasar yang diambil untuk disatukan menjadi tapak pasar moden yang berkeluasan 4.32 ekar. Keterangan seperti berikut:

| Bil. | Komponen | Keluasan |
|-------------|--|-----------------|
| 1. | Tapak Pasar <ul style="list-style-type: none">• Pasar Sedia ada di Tapak | 2.40 ekar |
| | <ul style="list-style-type: none">• Tapak Sebenar (Dalam Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 3)2020) | 1.856 ekar |
| 2. | Padang Bola <ul style="list-style-type: none">• Padang Bola Sedia ada di tapak | 1.920 ekar |
| | <ul style="list-style-type: none">• Padang bola Sebenar (Dalam Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 3)2020) | 2.464 ekar |

- b) Pihak Majlis dimaklumkan pihak Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah menyiapkan kertas pewartaan tapak pasar moden ini untuk diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN untuk kelulusan pewartaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR (LRA) LABOHAN DAGANG

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan LRA Labohan Dagang?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pelaksanaan projek tersebut mengikut jadual?

JAWAPAN:

a)

1. Kerajaan Negeri Selangor sebagai Kerajaan yang bertanggung jawab dan Peduli Rakyat, telah meluluskan pembangunan LRA Semenyih 2 dan LRA Labohan Dagang dengan kos sebanyak RM800 juta bagi memastikan bekalan air kepada pengguna sentiasa mencukupi. Kos RM800 juta tadi adalah meliputi pembangunan loji rawatan, pengambilan tanah, pemasangan rangkaian paip air dan pembinaan kolam utama.
2. Pembangunan 2 loji baru ini adalah selaras dengan polisi Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan air di hiliran sebagai sumber air terawat seperti mana yang telah dilaksanakan di ORS Sungai Labu dan HORAS.
3. Pembangunan takungan air larian di hiliran sungai boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap tidak membazir kepada sumber air sedia ada dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.
4. Selain dari itu, pembangunan kolam takungan sebagai sumber air terawat untuk menakung air larian di hiliran sungai memberi kebaikan antaranya:-
 - a) Mengurangkan penggantungan sepenuhnya kepada pelepasan air dari empangan;

- b) Mengelakkan pembaziran air yang dianugerahkan oleh Allah melalui hujan dengan pengurusan sumber air yang lestari;
 - c) Mengelakkan risiko banjir di penempatan kawasan hiliran sungai;
 - d) pembekalan air mentah berterusan walaupun berlaku pencemaran sungai; dan
 - e) menjadikan kawasan rekreasi dan tarikan pelancong seperti di Marina Baraj, Singapura.
5. Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang menggunakan kaedah perolehan tender terbuka bagi pelantikan kontraktor. Loji ini akan dibina di Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dengan kapasiti sebanyak 200 JLH.
6. Dalam melaksanakan projek ini, ia telah disusun kepada lima (5) pakej seperti di dalam Lampiran.
7. Kerja-kerja di tapak telah bermula semenjak 14 September 2016 melibatkan pembersihan tapak dan kerja-kerja pembinaan dijangka mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- b)
1. Dalam usaha untuk memastikan kerja-kerja pembinaan LRA Labohan Dagang berjalan lancar dan mengikut jadual, Kerajaan Negeri mengadakan pemantauan rapi bermula dari pelantikan kontraktor bagi setiap pakej kerja yang dibuat secara tender terbuka. Melalui tender terbuka ini, Kerajaan Negeri dapat menilai setiap tawaran yang dibuat dan menimbangkan kontraktor yang benar-benar berpengalaman serta berkeupayaan dari segi teknikal dan berkeupayaan dari segi kewangan dilantik sebagai kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan ini.
 2. Selepas pelantikan kontraktor dimuktamadkan, pemantauan kerja ditapak dibuat secara rapi. Mesyuarat tapak di adakan setiap bulan dan di dalam mesyuarat ini sebarang masalah yang timbul akan diberikan perhatian untuk diselesaikan supaya isu yang timbul itu tidak menjejaskan perjalanan pelaksanaan projek,
 3. Kerajaan Negeri juga memantau pelaksanaan projek dengan memastikan kontraktor mengemukakan Laporan Kemajuan Kerja Mingguan di mana melalui

laporan ini, Kerajaan Negeri dapat mengesan sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor.

LAMPIRAN 1

| Bil | Nama Pakej |
|------------|---|
| 1. | PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat. |
| 2. | PAKEJ B- Pembinaan Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40 Juta Liter (JL) di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor |
| 3. | PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor |
| 4. | PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor |
| 5. | PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penstrukturan semula industri air Selangor berkenaan dengan penilaian bebas terhadap nilai syarikat SPLASH yang sepatutnya lengkap pada bulan Februari memandangkan isu ini tidak harus dilengahkan lagi untuk kepentingan rakyat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS UNTUK JALAN PERTANIAN

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk tujuan jalan-jalan pertanian?
- b) Adakah jalan-jalan di kawasan pekebun kecil termasuk di dalam peruntukan ini?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk jalan-jalan pertanian pekebun kecil?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Perbendaharaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM2 juta setahun bagi tujuan menyelenggara Jalan Pertanian di bawah Geran Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS). Peruntukan ini disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor selaku agensi yang dipertanggungjawabkan menyelenggara Jalan Pertanian seperti ketetapan dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Peruntukan ini dikhususkan untuk skop kerja penyelenggaraan sahaja iaitu mengembalikan fungsi jalan seperti ciri-ciri asal.

Berdasarkan garis panduan yang sama, Jalan Pertanian ditakrifkan sebagai jalan yang menghubungkan kawasan pertanian dengan jalan raya utama negeri / Jalan PBT / Jalan Kampung dan jaringan jalan dalam kawasan pertanian. Walau bagaimanapun, sesuatu jalan itu tidak layak dikelaskan sedemikian sekiranya jalan tersebut hanya menuju ke satu lot kawasan pertanian sahaja. Berdasarkan kepada takrifan ini, maka jalan-jalan di kawasan pekebun kecil yang merupakan sebahagian dari jaringan jalan raya di kawasan pertanian boleh diselenggara menggunakan peruntukan yang dimaksudkan.

Sebagai makluman, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk menyelaraskan rekod pendaftaran Jalan Pertanian di mana Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Perbendaharaan

Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Perbincangan bersama jabatan terlibat telah dibuat pada 6 Mac 2017 agar objektif berikut dapat dicapai:-

- (i) Menyemak dan melaksanakan pemutihan kepada senarai Jalan Pertanian sedia ada yang telah didaftarkan ke dalam Sistem MARRIS *Online*;
- (ii) Mendaftarkan jalan-jalan baru terutama Jalan Pertanian di kawasan pekebun kecil dan penternak yang mendapat bantuan serta bimbingan dari Jabatan Pertanian atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
- (iii) Menyemak status semasa di tapak dan seterusnya mewujudkan satu inventori Jalan Pertanian yang perlu diselenggara bagi membolehkan Kerajaan Negeri mendapat gambaran secara keseluruhan jumlah peruntukan yang diperlukan pada setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan gen Y menceburi bidang IKS?
- b) Nyatakan jumlah IKS yang telah wujud di Selangor pada tahun 2016 dengan bantuan penuh Kerajaan Negeri

JAWAPAN:

Soalan (a) dijawab bersekali dengan soalan (a) daripada Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

- b) Setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah memperuntukan sebanyak RM1.8 juta bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor melalui sembilan (9) daerah di negeri ini dan pada tahun 2016 seramai 109 orang telah menerima manfaat ini. Manakala bagi kemudahan pinjaman daripada HIJRAH Selangor, sehingga tahun 2016 seramai 25,562 orang telah menerima manfaat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : LEBUHRAYA PETALING JAYA DISPERSAL LINK

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan projek Lebuhraya Petaling Jaya *Dispersal Link*?
- b) Adakah mana-mana agensi kerajaan negeri mengadakan mesyuarat atau perbincangan mengenai lebuhraya ini?

JAWAPAN:

- a) Tiada apa-apa permohonan yang telah ditimbang ke atas cadangan projek PJD Link.
- b) Mesyuarat di peringkat pegawai telah dipanggil oleh pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) tentang cadangan ini dan UPEN Selangor telah hadir dengan menyatakan pendirian bahawa Kerajaan Negeri Selangor belum meneliti kewajaran projek berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : AIR SELANGOR

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tarif air tidak dinaikkan di bawah kerajaan Pakatan Rakyat. Apakah status terkini saman SYABAS terhadap kerajaan negeri?
- b) Apakah jaminan kerajaan supaya tidak akan berlaku kenaikan harga air?

JAWAPAN:

- a) Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) telah diambil alih oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, syarikat milik Kerajaan Negeri, pada Oktober 2015. Selaras dengan pengambilalihan ini, SYABAS telah menarik balik saman terhadap Kerajaan Negeri.
- b) Air adalah sumber asli tidak ternilai yang mesti dipelihara. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Negeri Selangor memastikan bekalan air yang mampan untuk kesejahteraan semua pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Demi memastikan bekalan air berkekalan, memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi untuk mengendali dan menyelenggarakan sistem rawatan dan agihan bekalan air. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri bagi Belanjawan Negeri 2017, modal melebihi RM1.3 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan dua loji rawatan air baharu dan kos penggantian paip-paip lama.

Bagi memastikan pelaburan mampan untuk pembangunan industri air di Selangor, struktur tarif air terpaksa dikaji semula supaya pelaburan berterusan untuk menaiktarafkan dan membaik pulih paip-paip lama, loji rawatan air, program penyelenggaraan yang menyeluruh dan efisien akan dapat diteruskan untuk generasi yang akan datang.

Apa pun juga pendekatan yang akan diambil di dalam kajian semula struktur tarif air, termasuk dalam hal penstrukturan semula industri air Selangor, Kerajaan Negeri memberi jaminan untuk berusaha sebaik mungkin untuk memastikan kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan Air Selangor akan diuruskan secara bertanggungjawab dengan mengambil kira kos sara hidup rakyat yang tidak membebankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan menurut daerah, tarikh, bilangan hari berlakunya gangguan bekalan air pada tahun 2016.
- b) Apakah punca-punca berlakunya gangguan bekalan air tersebut?
- c) Apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan gangguan seperti itu tidak berulang kembali?

JAWAPAN:

a&b) Sepanjang tahun 2016 terdapat 20 insiden loji rawatan air terpaksa di henti tugas kerana pencemaran ammonia dan pencemaran bau seperti berikut.

| Gangguan Bekalan Air Akibat Henti Tugas Loji Rawatan Air | | | | | | |
|---|----------------|---------------|---------------|----------------|---|---|
| Bil | LRA | Daerah | Tarikh | Masalah | Keberangalian Punca | |
| 1 | Bukit Tampoi | Sepang | 9.1.2016 | Ammonia | Efluen Perindustrian Domestik, | |
| 2 | | | 11.1.2016 | | | |
| 3 | Cheras Mile 11 | Hulu Langat | 14.1.2016 | | Aliran dasar sungai rendah | |
| 4 | | | 31.1.2016 | | | |
| 5 | Sg Langat | | 21.2.2016 | Bau | Disyaki dari efluen Industri di Bentong | |
| 6 | Cheras Mile 11 | | 21.2.2016 | | | |
| 7 | Sg. Langat | 27.2.2016 | | | | |
| 8 | Bukit Tampoi | Sepang | 18.2.2016 | Ammonia | Efluen domestik & Industrial ditambah pula dengan musim kemarau | |
| 9 | | | 9.3.2016 | | | |
| 10 | Sg Semenyih | Sepang | 22.9.2016 | Bau | Pelepasan dari kilang haram di Batu 22 ¼ Kg Sungai Lalang | |
| 11 | | | 23.9.2016 | | | |
| 12 | | | 24.9.2016 | | | |
| 13 | | | 4.10.2016 | Bau | | Pembuangan haram di Km 45.9 Lebuhraya Elite |
| 14 | | | 23.10.2016 | | | |
| 15 | 28.10.2016 | | | | | |
| 16 | Bukit Tampoi | Sepang | 24.10.2016 | Bau | | |
| 17 | Sg Langat | Hulu Langat | 7.10.2016 | Bau | Pelepasan Industri dari Kawasan Perindustrian Bentong | |
| 18 | Cheras Mile 11 | | 7.10.2016 | Bau | | |
| 19 | Sg Selisik | Hulu Selangor | 27.9.2016. | Ammonia | Efluen disyaki dari kawadan ternakan ayam | |
| 20 | | | 09.11.2016 | | | |

- c) Air Selangor mempunyai unit pemantau (17 orang) sungai sepenuh masa untuk memantau dan mengawasi semua sungai yang membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan air setiap hari.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar mengawasi semua operasi pengusaha perindustrian dan komersial yang terletak berhampiran semua sungai di Selangor untuk mencegah pencemaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BANTAHAN SYOR KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN SPR

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini tindakan Kerajaan Negeri yang diambil untuk membantah syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah untuk keseluruhan Negeri Selangor.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : SKUAD KHAS 'FIRST AID' TAMPAL JALAN KAMPUNG

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Iklim negara bercirikan banyak hujan, kawasan kampung pinggiran bandar adalah tempat pekerja di bandar tinggal. Status jalan yang masih di lot persendirian selalu berlubang dan merbahaya, adakah atas dasar keprihatinan boleh mewujudkan pasukan khas mengurangkan risiko kemalangan menampal lubang jalan?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah/Tanah Klang tiada Skuad Khas 'First Aid' Tampal Jalan Kampung di tanah persendirian kerana ianya merupakan tanggungjawab pemilik tanah terhadap tanah miliknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PREMIS PERJUDIAN MESIN SLOT DI KUALA SELANGOR

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah premis perjudian mesin slot di Kuala Selangor?
- b) Senaraikan premis perjudian yang dipantau secara ketat oleh MDKS?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Majlis Daerah Kuala Selangor tidak pernah mengeluarkan lesen perniagaan bagi jenis perniagaan mesin slot perjudian.
- b) Jika terdapat premis perjudian yang beroperasi di Daerah Kuala Selangor, premis tersebut akan dipantau dan diambil tindakan serta merta. Pada tahun 2016 sehingga Feb 2017 sebanyak 6 kali operasi telah dibuat dan sebanyak 77 set komputer berjaya disita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : USAHAWAN BELIA DAN WANITA

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratusan peserta yang berjaya menjadi usahawan Belia dan Wanita melalui program-program ditawarkan oleh Kerajaan Selangor?
- b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan wanita apabila mereka hendak menjadi usahawan yang berjaya?
- c) Berapakah usahawan berjaya di DUN Teratai? Sila beri senarai.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menyediakan Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor kepada usahawan di negeri ini. Setiap permohonan layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00 tertakluk kepada terma dan syarat. Sebelum ini had permohonan hanya sehingga RM10,000.00 sahaja tetapi bermula tahun 2015 ia dinaikkan kepada RM30,000.00. Permohonan bantuan ini dibuat secara terbuka kepada usahawan yang berminat dan berkelayakan. Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan dalam perancangan untuk menjalankan kajian impak mengenai keberkesanan program ini dengan kerjasama Institut Darul Ehsan. Melalui kajian ini demografik terperinci mengenai pemohon akan diperolehi. Walau bagaimanapun, berhubung penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro mengikut daerah bagi tahun 2008-2016 adalah seperti jadual di bawah:

Penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008-2016

| Bil | Daerah | 2008/ 2009 | 2009/ 2010 | 2010/ 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|-----|----------------|---------------|---------------|---------------|-----------|-----------|-----------|------------|------------|
| 1 | Kuala Selangor | 17 | 18 | 7 | - | 2 | 5 | 14 | 14 |
| 2 | Sabak Bernam | 10 | 10 | 9 | 3 | 10 | 11 | 15 | 10 |
| 3 | Petaling | 5 | 11 | 4 | - | 5 | 13 | 8 | 10 |
| 4 | Hulu Langat | 5 | 3 | 9 | 1 | 5 | 6 | 6 | 8 |
| 5 | Sepang | 2 | 2 | 4 | - | 8 | 5 | 12 | 13 |
| 6 | Kuala Langat | 13 | 12 | 9 | 2 | 5 | 12 | 17 | 14 |
| 7 | Gombak | 8 | 12 | 18 | 2 | 3 | 5 | 11 | 14 |
| 8 | Klang | 14 | 14 | 10 | 7 | 12 | 8 | 3 | 12 |
| 9 | Hulu Selangor | 14 | 3 | 4 | - | 5 | 11 | 14 | 14 |
| | Jumlah | 88 | 87 | 74 | 15 | 55 | 76 | 100 | 109 |

Manakala usahawan belia di bawah HIJRAH Selangor adalah seramai 10,957 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,818 adalah belia lelaki dan seramai 6,139 adalah belia wanita.

- b) Bidang perniagaan pada hari ini dilihat amat mencabar memandangkan faktor ekonomi yang tidak menentu. Pasaran global kewangan yang sukar diramal, kadar pertumbuhan ekonomi negara maju yang masih perlahan dan dasar-dasar baharu pentadbiran Amerika Syarikat memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia dan dunia. Faktor-faktor ini merupakan penyebab utama yang memberikan impak pertumbuhan sesuatu perniagaan. Selain itu, terdapat faktor lain yang telah dikenalpasti yang memberikan cabaran usahawan pada hari ini. Antara faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

i) **Pemasaran yang kurang berkesan**

Kebanyakan usahawan pada hari ini kurang peka dengan teknologi terkini yang boleh membantu mempromosikan produk mereka ke pasaran yang lebih meluas. Keadaan ini telah menyebabkan permintaan produk yang berada dalam *maturity stage* akan terhenti dan tiada permintaan daripada pasaran. Pemasaran yang menjadi trend terkini adalah melalui media sosial. Antaranya seperti *facebook*, *Instagram* dan *twitter* yang merupakan medium pemasaran efektif dengan kos yang minimal dan boleh diguna pakai sebagai alternatif kepada pemasaran konvensional yang melibatkan kos yang tinggi seperti iklan tv dan papan iklan (*billboard*).

ii) **Pembungkusan produk yang tidak kompetitif**

Persembahan sesuatu produk juga mempengaruhi pembeli untuk membeli barangan tersebut. Jika dilihat lambakan produk-produk yang sama di pasaran mempersembahkan pembungkusan yang kurang menarik. Usahawan perlu berfikir di luar kotak untuk memberikan kelainan dan *add up value* yang lebih berinovasi untuk menarik minat pembeli. Pembungkusan yang menarik akan dapat menarik golongan sasaran untuk membeli produk mereka.

iii) **Tiada dorongan dan motivasi**

Masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan usahawan adalah mudah putus asa dan tiada dorongan oleh orang di sekeliling mereka. Pada masa kini terdapat *support group* yang telah diwujudkan oleh orang perseorangan dan syarikat swasta. Kumpulan ini merupakan mereka yang mempunyai minat dan pengalaman yang sama yang boleh memberikan dorongan, semangat dan nasihat dalam bidang keusahawanan. Selain itu, usahawan perlu mendapatkan latihan atau kursus-kursus keusahawanan yang boleh membantu mereka untuk menambah kemahiran dalam mendepani cabaran dunia perniagaan pada masa kini.

- c) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menyediakan Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor melalui sembilan (9) Pejabat Tanah Daerah/Tanah di negeri ini. DUN Teratai terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat. Senarai penerima bantuan ini adalah seperti berikut:

| Bil | Daerah | 2008/ 2009 | 2009/ 2010 | 2010/ 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | Jumlah |
|-----|-------------|---------------|---------------|---------------|------|------|------|------|------|-----------|
| 1. | Hulu Langat | 5 | 3 | 9 | 1 | 5 | 6 | 6 | 8 | 43 |

Manakala terdapat 278 orang usahawan daripada HIJRAH Selangor di kawasan DUN Teratai dan jumlah pinjaman yang telah diluluskan bagi DUN Teratai adalah sebanyak RM1,671,000.00. Kesemua usahawan tersebut masih menjalankan perniagaan dan membuat bayaran balik dengan sempurna.

Di samping, itu juga satu kajian impak akan dilaksanakan bagi melihat keberkesanan program bantuan ini dan penambahbaikan terhadap program akan dibuat dari semasa ke semasa bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing di pasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : KOS YANG TINGGI BAGI PROJEK KECIL MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN AHLI DEWAN NEGERI**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah kos bagi projek-projek kecil menggunakan peruntukan Ahli Dewan Negeri jauh lebih mahal dari kos sebenar?
- b) Apakah yang menghalang Adun melakukan projek-projek kecil secara kaedah sumbangan bagi mengelakkan pembaziran kos yang tinggi?

JAWAPAN:

- a) Projek-projek kecil menggunakan peruntukan Ahli Dewan Negeri merupakan projek yang dipohon oleh Ahli Dewan Negeri berkaitan. Spesifikasi dan skop kerja serta cadangan kontraktor disediakan oleh pihak Ahli Dewan Negeri dan pembayaran kepada kontraktor terlibat juga dijelaskan setelah mendapat pengesahan siap kerja oleh Ahli Dewan Negeri yang terlibat. Nilai kerja adalah berpandukan kepada Jadual Kadar Harga Kerja Kejuruteraan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia. Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan pematuhan kepada tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa.
- b) Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2017 – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor telah dikeluarkan sebagai panduan penggunaan peruntukan AMMKN dan ADN. Para 6.1(ii) Pekeliling tersebut telah menyatakan had nilai projek kecil dan tatacara pelaksanaan yang perlu dipatuhi iaitu perlu dilaksanakan oleh Kontraktor Kelas G1 tempatan dan berdaftar dengan UPEN serta mematuhi dasar dan tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : ASRAMA TUN DR. ISMAIL DAN TOH PUAN NORASHIKIN KAMPUNG PANDAN

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini kedua-dua asrama berkenaan?
- b) Nyatakan rancangan pembangunan ditapak asrama berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Kedua-dua asrama telah dikosongkan bagi memberi ruang untuk pelaksanaan projek pembangunan yang dirancang.
- b) Yayasan Selangor bercadang untuk melaksanakan pembangunan bercampur (*mixed development*) untuk tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : KELEWATAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI LADANG AIR MANIS

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca kelewatan tersebut?
- b) Bilakah proses jualan akan dimulakan?

JAWAPAN:

- a) Punca kelewatan pembangunan perumahan di Ladang Air Manis adalah disebabkan faktor-faktor seperti berikut :-
 - i) Kebenaran Merancang yang telah diluluskan pada 20 Februari 2013 oleh Majlis Daerah Sabak Bernam diarahkan untuk dipinda memandangkan terdapat ulasan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai cadangan Jajaran Jalan FR5 (Tanjung Karang – Hutan Melintang) oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang terlibat disebahagian tanah ini.
 - ii) Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) ke 33/2014 pada 27 Ogos 2014 telah menimbang dan bersetuju dngan kajian perubahan dan pembinaan jajaran alternatif melalui terusan utama (*bund canal*) bagi menggantikan jajaran FR5 (Tanjung Karang – Hutan Melintang). Keputusan ini telah menyebabkan tanah PNSB tidak lagi terlibat dengan jalan berkenaan.
 - iii) Struktur tanah yang tidak stabil di kawasan tersebut yang berjenis '*marine clay*' memerlukan kerja-kerja '*Soil Treatment*' dan kerja tanah dilaksanakan terlebih dahulu. Kerja-kerja ini telah siap dilaksanakan Ogos 2016. Manakala kerja-kerja bagi membina 6 unit Rumah Contoh sedang giat dilaksanakan kini pada peringkat 70%.
 - iv) Projek ini mensasarkan sejumlah 260 unit rumah Selangorku iaitu 66% daripada keseluruhan unit melebihi syarat yang ditetapkan oleh Lembaga erumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu 40% sahaja. Pelan Kebenaran Meancang yang telah diluluskan perlu dipinda semula mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh LPHS bagi menjaikan projek ini berdayamaju.

- b) Proses jualan akan dimulakan selepas kelulusan bagi meminda kebenaran merancang terbaru bagi meminda unit Rumah Selangorku dari 260 unit kepada 121 unit diperolehi dan kelulusan permit jualan dan permit iklan (AP&DL) diperolehi dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), iaitu dijangkakan pada penghujung 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMBAIKKAN BENTENG TEPI PANTAI DI NEGERI SELANGOR

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan tahun 2017 yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk membaiki benteng tepi pantai di negeri Selangor daripada kerosakan akibat hakisan pantai?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2017, kerajaan negeri melalui JPS Negeri Selangor telah memperuntukan sebanyak RM 14.6 juta bagi pembangunan pantai. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

- | | | |
|----|--|-------------------|
| 1. | Memperkukuh benteng pantai | = RM 7,700,000.00 |
| 2. | Kawalan hakisan pantai | = RM 4,500,000.00 |
| 3. | Pemeliharaan dan Pemuliharaan Pantai dan Muara | = RM 2,400,000.00 |

Kerja-kerja di atas melibatkan 5 daerah iaitu Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang. Skop kerja utama adalah membina struktur hakisan pantai seperti groynes dan armour rock, meninggikan ban pantai serta mengorek muara sungai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : CARUMAN PARIT

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan caruman parit sejak tahun 2008 hingga kini.
- b) Jelaskan perbelanjaan caruman parit secara umum.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan akaun amanah caruman parit dari 2008 sehingga 2016 adalah seperti berikut:-

| | |
|------|--------------------|
| 2008 | - RM 10,728,208.66 |
| 2009 | - RM 6,761,820.87 |
| 2010 | - RM 10,725,756.29 |
| 2011 | - RM 15,677,548.87 |
| 2012 | - RM 23,472,138.75 |
| 2013 | - RM 20,662,762.69 |
| 2014 | - RM 19,605,133.49 |
| 2015 | - RM 32,679,527.32 |
| 2016 | - RM 20,343,150.00 |

- b) Menurut Akta Cara Kewangan 1957 Arahan Amanah di Bawah Seksyen 9 (3) Arahan Amanah bagi Akaun Caruman Parit yang berkuatkuasa pada 16 Mac 1996, semua wang yang terkumpul di dalam Akaun Amanah ini boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan bagi :-
 - i) Kerja-kkerja yang berkaitan dengan menaiktaraf sistem saliran utama
 - ii) Kerja-kkerja yang berkaitan dengan kejuruteraan sungai dan tebatan banjir
 - iii) Kerja-kkerja yang berkaitan dengan hidrologi dan ramalan banjir
 - iv) Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan yang diluluskan oleh jawatankuasa caruman parit seperti pengambilan balik tanah, kajian, rekabentuk dan sebagainya

Pelaksanaan kerja daripada pembiayaan melalui Akaun Amanah ini diuruskan oleh Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Selangor tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Akaun Amanah Caruman Parit. Projek-projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan CP telah banyak membantu mengatasi dan menyelesaikan masalah dan isu banjir di negeri Selangor.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- a)
 - i. Bagi permohonan pelupusan tanah secara pemberimilikan dan mengubah syarat tanah bagi tujuan perumahan, perniagaan dan perindustrian kadar bayaran caruman parit ialah RM 10,000.00 seekar.
 - ii. Bagi pemberimilikan tanah untuk pertanian kadar bayaran caruman parit ialah RM 1,000.00 seekar.
 - iii. Bagi pembangunan tanah (pemberimilikan atau tukar syarat tanah) di atas tanah Rezab Melayu kadar bayaran caruman parit adalah RM 5,000.00 seekar.

- b) Pada MMKN Bil. 20/2015 bertarikh 24 Jun 2015 pada dasarnya telah bersetuju untuk JPS menggunakan 100% kutipan caruman parit dan pada MMKN Bil. 38/2015 mesyuarat mengambil maklum syor tersebut.

- c) Jawatankuasa Amanah Caruman Parit adalah seperti berikut:-
 - i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor – **Pengerusi**
 - ii) YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor – **Timbalan Pengerusi**
 - iii) Pengarah Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Selangor – **Ahli**
 - iv) Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Selangor – **Ahli**
 - v) Bendahari Negeri Selangor – **Bendahari**
 - vi) Penolong Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) JPS Negeri Selangor - **Urusetia**

- d) Waktu bayaran caruman parit adalah selepas tukar syarat tanah diluluskan oleh MMKN dan sebelum kelulusan bagi pelan sistem saliran dikeluarkan oleh JPS. Tempoh KM kebiasaannya adalah 2 tahun tertakluk kepada PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : MENINGKATKAN PENDAPATAN NEGERI

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dan hasil pada 2017?
- b) Nyatakan kajian-kajian yang dilakukan Kerajaan Negeri bagi menuju kearah tersebut.

JAWAPAN:

a),b) Sumber pendapatan dan hasil Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Di antara elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan adalah:

- (a) **Hasil tanah;**
- (b) Hasil lombong;
- (c) Hasil hutan;
- (d) Duti hiburan;
- (e) Terimaan mengenai bekalan dan perkhidmatan air;
- (f) Sewa dan jualan harta Negeri;
- (g) Bayaran fi, denda dan pelucuthakkan mahkamah selain daripada mahkamah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan;
- (h) Faedah atas baki wang negeri;
- (i) Bayaran mengenai perkhidmatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri; dan
- (j) Harta karun.

Hasil Tanah adalah Hasil Yang Diserahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan menjadi penyumbang utama kepada Kerajaan Negeri kerana kuasa-kuasa yang dikurniakan oleh Kanun Tanah Negara kepada Pihak Berkuasa Negeri meliputi :

- i) Memberimilik Tanah Kerajaan;
- ii) Merizabkan Tanah Kerajaan dan memberi pajak tanah rizab sehingga 99 tahun;

- iii) Mengeluarkan lesen Pendudukan Sementara atas Tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong;
- iv) Mengeluarkan Permit Bahan Batuan; dan
- v) Mengeluarkan permit penggunaan ruang udara atas Tanah Kerajaan atau tanah rizab.

Strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi mempelbagaikan sumber pendapatan dan hasil pada tahun 2017 adalah dengan sentiasa melaksanakan usaha-usaha berterusan bagi memastikan pertumbuhan hasil Kerajaan Negeri Selangor, di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah terbaik.

Di antara perkara-perkara yang dilaksanakan bagi mempelbagaikan sumber pendapatan dan hasil Negeri adalah:-

- i) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG Selangor) telah melaksanakan Pindaan Cukai Tanah (PCT) 2017 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017. Pindaan Cukai Tanah ini adalah selaras dengan Seksyen 101(5) (b) Kanun Tanah Negara (KTN) yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak semula kadar cukai tanah setiap 10 tahun sekali. Pindaan Cukai Tanah yang dilaksanakan ini telah mendapat kelulusan MMKN Ke 5/2015 pada 04 Februari 2015;
- ii) Kerajaan Negeri melalui PTG Selangor sedang menyediakan Kertas cadangan pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor. Kertas ini dijangka akan diangkat ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dan seterusnya ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN). Pelaksanaan cukai petak dijangka akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Melalui pelaksanaan cukai petak ini, hasil kerajaan akan meningkat kerana ;
 - (a) Pemilik petak hakmilik strata boleh membayar cukai bagi petak individu sahaja;
 - (b) Kutipan tunggakan cukai bagi tanah di mana bangunan didirikan boleh diagihkan berkadar dengan unit syer petak;

- (c) Memperuntukkan prosedur tuntutan kutipan melalui penggubalan kaedah-kaedah hakmilik strata Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri;
 - (d) Melantik Pihak Berkuasa Statutori (PBS) sekiranya wujud kegagalan pemilik petak membayar cukai petak serta pelanggaran syarat pada petak.
 - (e) Dapat memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah berkenaan pengenaan, perebetan, pembayaran secara ansuran, penangguhan atau apa-apa perkara sampingan melibatkan cukai petak;
- iii) pengiraan premium tanah berdasarkan nilai pasaran semasa;
- iv) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), PTG Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK) sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-
- a) menjejaki pemilik tanah yang berkeenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
 - b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
 - c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
 - d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak;
- v) Kerajaan Negeri terutamanya melalui PDT sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-
- a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - b) membuka kaunter kutipan luar dengan menambah saluran kutipan cukai tanah melalui van kaunter hasil bergerak;
 - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT;
- vi) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi

untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua PDT;

- vii) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) PDT iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah;
- viii) Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri Selangor dengan kerjasama PTG Selangor telah mengadakan Bengkel Hakmilik Belum Dibatalkan dan Hakmilik Bertindih pada 17 – 22 Mac 2016 bagi menyediakan draf Proses Kerja (SOP) untuk membantu mencari penyelesaian tunggakan cukai tanah di peringkat PDT. SOP tersebut disemak oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri dan apabila digunapakai akan membantu penyelesaian hakmilik bertunggakan;
- ix) Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri Selangor pada 15 Mac 2017 telah menganjurkan Makmal Akaun Belum Terima Cukai Tanah bagi menyediakan forum kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri, BTM SUK Selangor, PTG Selangor dan semua PDT dengan objektif untuk mengenalpasti pecahan tunggakan hasil cukai tanah mengikut masalah teknikal tanah dan rancangan penyelesaian berdasarkan masalah tersebut;
- x) Kerajaan Negeri melalui PTG Selangor mewujudkan *Focus Group* Penyelesaian Hakmilik Bermasalah bertunggakan seperti masalah hakmilik bertindih dan hakmilik belum batal yang berhadapan dengan isu teknikal tanah. *Focus Group* Hakmilik Bermasalah oleh PTG Selangor dari semasa ke semasa membuat siasatan bersama PDT bagi menyelesaikannya secara kes demi kes.

Lanjutan daripada kes hakmilik bermasalah bertunggakan tersebut, Bengkel *Annotated Case* Melibatkan Hakmilik Bertunggakan diadakan pada 16 – 18 Mac 2017 oleh *Focus Group* Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri berhubung hakmilik yang terlibat dengan kes-kes mahkamah. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mewujudkan satu proses kerja (SOP) yang akan digunapakai oleh PTG Selangor dan semua PDT. Seterusnya, akan membantu menyelesaikan masalah hakmilik bertunggakan;

- xi) Proses menaiktaraf tanah melalui pemukiman dan persempadan semula juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kali terakhir proses menaik taraf tanah dilaksanakan ialah pada tahun 1995. Kesemua PDT akan memuktamadkan kawasan yang akan dinaiktaraf sebagai bandar atau pekan untuk diangkat ke pertimbangan MMKN dan seterusnya diwartakan mengikut Seksyen 11 (c) (a) dan Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara 1965. Dijangkakan hasil Kerajaan Negeri akan meningkat kerana sebahagian besar kawasan yang terlibat di dalam menaiktaraf tanah ini adalah merupakan kawasan industri dan bangunan di mana cukai yang dikenakan ketika ini adalah pada kadar tanah luar bandar;
- xii) Perbendaharaan Negeri Selangor telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien, di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
- xiii) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna;
- xiv) Perbendaharaan Negeri Selangor juga menganggotai Jawatankuasa Hasil Negeri di peringkat Kementerian Kewangan Malaysia yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan;
- xv) Mendapatkan bayaran premium yang belum diterima daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kertas Cadangan Mengkaji Ketirisan Hasil ke atas Tanah Lebuhraya oleh Perbendaharaan Negeri Selangor berdasarkan kelulusan secara pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 KTN bagi tujuan tapak komersial di lebuhraya seperti stesen minyak, pejabat dan perniagaan. Kertas ini telah dibawa oleh Negeri Selangor ke peringkat Majlis Kewangan Negara (MKewN) pada 14 Jun 2016. Tuntutan bayaran Notis 5A (Premium Tanah dan Cukai Tahun Pertama) bagi tujuan tersebut belum dijelaskan berjumlah RM209.4 juta. Status Notis 5A telah pun tamat tempoh. Mesyuarat MKewN memutuskan Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk mengadakan bengkel penyelesaian bersama Kerajaan Negeri Selangor;

- xvi) Berdasarkan kepada keputusan Majlis Perhutanan Negara, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dibenarkan untuk membuat kutipan royalti bagi kayu palma, pokok kelapa, dan kayu getah berkuatkuasa pada tahun 1 Januari 2017;
- xvii) Berdasarkan keputusan Majlis Kewangan Negara (MKewN), pengenaan caj khusus bagi penginapan di hotel-hotel seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang boleh dilaksanakan di negeri seluruh Malaysia. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor pada 13 Januari 2017 dan masih di peringkat perbincangan awal.
- xviii) Menguatkuasakan duti hiburan ke atas taman-taman tema di Selangor selepas pengecualian berkenaan dimansuhkan oleh Kementerian Kewangan bermula pada Februari 2014; dan
- xix) Kenaikan kadar Sewa Menara Telekomunikasi di atas tanah milik Kerajaan Negeri Selangor yang dikutip oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KAWASAN LAPANG YANG DIBERI HAKMILLIK KOMERSIAL

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kes The Ordinary Co. Sdn Bhd v. Lembaga Rayuan Negeri Selangor & MBPJ yang diputuskan Mahkamah Tinggi pada tahun 2013 adalah satu keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan. Mengapakah kedua-duanya tidak mengemukakan rayuan terhadap keputusan itu?

JAWAPAN:

- a) Pihak MBPJ telah menfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 13 Mei 2013. Sementara menunggu tarikh pendengaran permohonan rayuan tersebut satu perbincangan telah diadakan di antara mantan Datuk Bandar MBPJ (Ybhg. Datin Paduka Alinah Ahmad) dan peguam dari Tetuan Kamaruzaman Arif Amran & Chong (YBhg. Dato' Kamaruzaman Arif). Hasil perbincangan adalah seperti berikut:

Peguam Majlis berpandangan bahawa kes rayuan ini ditarik balik atas alasan:

- (i) Fakta kes dari jabatan teknikal iaitu Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Selangor (JPBD) dan Pejabat Daerah/Tanah Petaling telah menyokong bahawa pihak MBPJ telah tersilapewartakan lot tersebut sebagai tanah lapang.
- (ii) Keputusan kes di peringkat Mahkamah Tinggi tidak memudaratkan MBPJ kerana pihak Majlis masih boleh mempertimbangkan permohonan pihak The Ordinary Co. Sdn. Bhd.

Keputusan ini diterima dan dipersetujui oleh mantan Datuk Bandar dan beliau mengarahkan peguam Majlis menarik balik kes rayuan tersebut. Peguam pada 18 November 2014 telah menarik balik kes rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : GERAN INDIVIDU DAN STRATA BAGI PROJEK PERUMAHAN
BANDAR BARU SUNGAI BULOH OLEH EMKEY ASSOCIATE SDN
BHD**

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon Pejabat Daerah Tanah Petaling menyenaraikan senarai pembeli rumah teres bagi Fasa 1,2 dan 3
- b) Mohon Pejabat Daerah Tanah Petaling menyenaraikan senarai pembeli rumah Flat Blok A,B,C dan D
- c) Mengapakah Geran Strata dan Geran Individu masih belum disempurnakan sejak 1985?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah dan Tanah Petaling tidak mempunyai maklumat mengenai senarai pembeli rumah teres bagi Fasa 1, 2 dan 3 atau pembeli rumah Flat Blok A, B,C dan D bagi Projek Perumahan Bandar Baru Sungai Buloh oleh M.K Associates Sdn. Bhd. kerana maklumat ini hanya dimiliki oleh pemaju asal dan tidak disalurkan ke PDT Petaling.

Namun begitu merujuk kepada Cabutan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 20/2003 bertarikh 29 Ogos 2003 telah meluluskan permohonan pemberimilikan kepada 603 individu yang telah membeli hartanah di bawah projek pembangunan ini dengan kadar premium yang dikenakan pada kadar RM 800 selot nominal. Tapak yang telah diluluskan merupakan sebahagian daripada tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 6 Disember 1984 kepada M.K Associates Sdn. Bhd. melalui projek penswastan. Walau bagaimanapun, proses pengeluaran hakmilik ini tidak diselesaikan oleh pemaju kerana terdapat pertikaian mengenai bayaran premium diantara pembeli hartanah dan pemaju.

- b) Pejabat Daerah dan Tanah Petaling tidak mempunyai maklumat mengenai senarai pembeli rumah Flat Blok A, B,C dan D bagi Projek Perumahan Bandar Baru Sungai Buloh oleh M.K Associates Sdn. Bhd.

- c) Berdasarkan semakan maklumat tanah di PDT Petaling, sebanyak 1334 hakmilik telah didaftarkan hakmilik dengan syarat nyata kediaman dan 129 hakmilik dengan syarat nyata perniagaan bagi projek pembangunan yang dibangunkan di Fasa 1, 2 dan 3. Geran strata dan geran individu lain yang masih belum disempurnakan adalah dibawah tanggungjawab pelikuidasi yang dilantik melalui perintah mahkamah kerana pemaju M.K Associates Sdn. Bhd. telah digulungkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : ADUAN KEROSAKAN JALANRAYA

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah aduan kerosakan jalan raya yang direkodkan melalui aplikasi navigasi *Wave* sejak ia dilancarkan Kerajaan Negeri?
- b) Bagaimanakah aplikasi ini berperanan dan sejauhmanakah keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini lebih daripada 2500 pelaporan berkaitan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor telah diterima.
- b) Aplikasi *Waze* ini berperanan sebagai satu saluran alternatif kepada orang awam untuk membuat pelaporan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor.

Berdasarkan analisa yang dilakukan, kami dapat menterjemahkan keberkesanan Aplikasi *Waze* seperti berikut:-

- i. 42.7% telah berjaya diselesaikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. 11.2% masih di dalam tindakan pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii. 4.8% merupakan penyelesaian jangka panjang yang tertakluk kepada arahan atau kepatuhan audit atau pelaksanaan secara projek. Contoh projek MARRIS.
- iv. 30.4% bukan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Contoh jalan di bawah bidang kuasa JKR dan juga jalan-jalan persekutuan.
- v. 0.4% merupakan pelaporan palsu ataupun tidak tepat.
- vi. 10.5% merupakan pelaporan bertindih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : OPS LUMPUR

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah OPS Lumpur mengurangkan isu-isu banjir di Negeri Selangor? Sila nyatakan bilangan operasi yang telah dijalankan.
- b) Berapakah kes yang tidak mematuhi skop yang digariskan dan sila nyatakan tindakan penguatkuasaan mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) OPS Lumpur berperanan sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan kejadian banjir lumpur dikawasan hilir sesuatu pembangunan dengan pengawalan hakisan tanah dan seterusnya pemendapan disaluran atau sungai dibahagian hilir. OPS Lumpur dijangka telah mengurangkan kejadian banjir lumpur secara tidak langsung. Pada tahun 2016 sebanyak 52 operasi telah dijalankan dan pada tahun 2017 sebanyak 55 operasi disasarkan. Sehingga bulan Mac 2017, sebanyak 7 operasi telah dijalankan.
- b) Pada tahun 2016 sebanyak 26 kes yang tidak mematuhi skop. Kes yang tidak mengikut spesifikasi adalah seperti di lampiran berikut:

LAMPIRAN 1

| BIL | JABATAN | BIL TAPAK TIDAK PATUH | SURAT ARAHAN PEMBETULAN/NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN | NOTIS BERHENTI KERJA | KOMPAUN /DENDA | TINDAKAN MAHKAMAH | BAKI TINDAKAN |
|-----|--------------------------------|-----------------------|---|----------------------|------------------|-------------------|---------------|
| 1 | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG | 2 | 1 | | 1 (RM 25,000) | | |
| 2 | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | 5 | 3 | | | | 2 |
| 3 | MAJLIS PERBANDARAN KLANG | 2 | 1 | | 1 (RM 500) | | |
| 4 | MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR | 2 | | | | | 2 |
| 5 | MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 2 | 2 | | | | |
| 6 | MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT | 7 | 4 | 3 | | | |
| 7 | MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR | 2 | 2 | | | | |
| 8 | MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM | 1 | | | | | 1 |
| 9 | MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA | 1 | | | | | 1 |
| 10 | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM | 2 | 2 | | | | |
| | JUMLAH | 26 | 15 | 3 | 2 | 0 | 6 |

***Tindakan susulan dan penguatkuasaan bagi tahun 2016**

| BIL | JABATAN | BIL TAPAK TIDAK PATUH | SURAT ARAHAN PEMBETULAN/NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN | NOTIS BERHENTI KERJA | KOMPAUN/ DENDA | TINDAKAN MAHKAMAH | NOTA |
|-----|-----------------------------|-----------------------|---|----------------------|----------------|-------------------|--|
| 1 | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | 3 | 3 | | | | |
| 2 | MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 1 | 1 | | | | 1. Tiada permohonan kelulusan tanah 2. Pihak MP Selayang dan PTD Gombak telah merampas jentera-jentera di tapak pada 9/6/2016 |
| | JUMLAH | 4 | 4 | - | - | - | |

***Tindakan susulan dan penguatkuasaan bagi tahun 2017**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan di Selangor dari 2014-2016?
- b) Senaraikan program yang dianjurkan pada 2016 bagi meningkatkan peluang pekerjaan serta kos dan keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor dan *Malaysia Standard Classification Of Occupations (MASCO)* statistik peluang pekerjaan di Selangor dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti **jadual I** di bawah :

**Jadual I : Statistik peluang pekerjaan di Selangor
tahun 2014 hingga 2016**

| Tahun | Jumlah Jawatan |
|---------------|-----------------------|
| 2014 | 256,819 |
| 2015 | 276,365 |
| 2016 | 205,370 |
| Jumlah | 738,554 |

*Sumber : Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri
Selangor dan Malaysia Standard Classification Of Occupations
(MASCO)*

- b) Antara program-program yang dianjurkan pada 2016 bagi meningkatkan peluang pekerjaan serta kos dan keberkesanannya adalah seperti berikut :
 - (i) Melaksanakan enam (6) Program Karnival Kerjaya (Selangor Job Fair 2016) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia bertujuan untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga Selangor. Program yang dilaksanakan telah berjaya melibatkan

bilangan **pengunjung seramai 21,012 orang** dengan kos terlibat berjumlah **RM422,209.61**.

- (ii) Menyediakan pendidikan kemahiran teknikal secara percuma di Kolej INPENS kepada belia yang ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. **Seramai 313 pelajar** telah mendapat tajaan pada tahun 2016 dengan peruntukan berjumlah **RM4,000,000.00**.
- (iii) Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Mobile SPA, Penyelenggaraan Penyaman Udara, Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendul dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinik Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Jumlah peserta yang terlibat **seramai 230 orang** dengan keseluruhan kos berjumlah **RM425,700.00**.
- (iv) Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang dan *Program Internship High Impact Talent* kepada pelajar UNISEL dilaksanakan dengan kerjasama Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan. Peserta yang terlibat untuk menjalani latihan ini pada tahun 2016 seramai **101 orang** dan kos terlibat sebanyak **RM2,508,000.00**.
- (v) Program *Graduate Employability and Enhancement* Selangor (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan bagi menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih dan **seramai 100 pelajar** yang mendapat tajaan dengan peruntukan yang disediakan berjumlah **RM1,000,000.00**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : MEMPROMOSIKAN BAHASA KEBANGSAAN UNTUK
MENAMPILKAN IDENTITI RAKYAT SMART SELANGOR**

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Dasar dan Perancangan Kerajaan Negeri dalam urusan mempromosikan Bahasa Kebangsaan untuk menampilkan Identiti Rakyatnya berlandaskan konsep Smart Selangor?
- b) Sila menyatakan Program dan aktiviti yang telah dilakukan pada Tahun 2015 dan 2016 bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PROGRAM AGRO GENERASI MUDA SELANGOR (AGROGEMS)

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penyertaan bagi program AGROGEMS sehingga kini mengikut bangsa.
- b) Sejauh manakah keberkesanan AGROGEMS dalam membantu generasi muda?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penyertaan bagi program AGROGEMS bermula dari tahun 2015 hingga 2016 adalah seramai 444 orang dengan pecahan mengikut bangsa adalah seperti berikut :-
 1. Melayu - 440
 2. Cina - 1
 3. India - 3
- b) Hasil daripada program tersebut, sejumlah 63 peserta AGROGEMS telahpun menerima bantuan kerana telah memulakan projek pertanian mereka selain dari memenuhi syarat-syarat permohonan manakala seramai 84 peserta pula telah menghadiri program susulan iaitu dengan mengikuti kursus yang berkaitan seperti Kursus Tanaman Berkonsepkan Fertigasi, Kursus Penternakan Ikan dan Kursus Penternakan Lebah Kelulut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : AIR SELANGOR

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Salah satu punca pembaziran dan kekurangan air ialah *Non Revenue Water* (NRW). Nyatakan cara mengatasinya.
- b) Adakah dilakukan kajian penggunaan *Tube Well* bagi mengurangkan permasalahan air di negeri ini

JAWAPAN:

- a) Antara kaedah utama yang sedang dilaksanakan bagi mengatasi serta mengurangkan kadar NRW adalah seperti berikut:-
 - Pelaksanaan program Pengesanan Kebocoran Aktif (“Active Leakage Detection”);
 - Pembentukan Zon Permeteran Daerah (“District Metering Zone”)
 - Pelaksanaan program pengurusan tekanan air yang sistematik;
 - Program penukaran meter air lama/rosak;
 - Program penggantian paip air lama;
 - Program penggantian paip komunikasi / paip berselirat.

Tube well didapati bersesuaian di kawasan struktur tanah jenis ‘alluvial’ (tanah liat dan pasir) di sekitar Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat. Walau bagaimanapun, bagi kawasan lembangan ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengoptimumkan abstraksi sumber air dari sungai ke kolam-kolam sedia ada di lembangan Sungai Selangor melalui kaedah Simpanan Luar Sungai (Off-River Storage - ORS).

Manakala di lembangan Sungai Langat pula, Kerajaan Negeri telah membangunkan Loji Rawatan Air (LRA) baharu Semenyih 2 dan Labohan Dagang. Tambahan pula pendekatan Kerajaan Negeri Selangor melalui kaedah HORAS di hiliran dapat menghasilkan kapasiti air yang lebih tinggi dan mampan daripada “Tube Well”.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN BELUM MENDAPAT KELULUSAN
MERANCANG (KM)**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah pembangunan tanpa izin kerap berlaku. Terbaru, sebuah syarikat telah menjalankan kerja tanah di Jalan Sunway Semenyih/Taman Desa Mewah. Ingin tahu tindakan MPKj terhadap pemaju-pemaju berkenaan.
- b) Apakah langkah yang patut diambil agar masalah ini tidak berulang pada masa hadapan?

JAWAPAN:

- a) Pihak MPKj telah mengeluarkan Notis Kompaun dan Notis Berhenti Kerja pada 16hb. Disember 2016 dan Notis Arahan Pembaikan Kedua pada 8hb. Mac 2017.
- b) Pihak MPKj akan mengambil tindakan dibawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR SELANGOR

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja menambah pulih atau menambah baik kolam/tangki air Yang tidak digunakan oleh Syarikat Air Selangor?

JAWAPAN:

- a) Air Selangor telah menyediakan peruntukan berjumlah RM20 juta untuk membaik pulih tangki atau kolam air serta rumah pam secara berperingkat sehingga 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : AKTIVITI PEMBUNGAN SAMPAH HARAM MASIH BERLAKU DI LOT PT14936, 14937 DAN SEKITARNYA DI PERSIARAN MOKHTAR DAHARI KAMPUNG BUKIT CERAHAH. PADA TAHUN 2016 TELAH TERJADI KEBAKARAN TERBUKA DAN PENCEMARAN JEREBU ASAP KEPADA PENDUDUK DAN 2 BUAH SEKOLAH DISEKITAR

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah luas lot terlibat dengan tapak pembuangan sampah haram?
- b) Apakah bentuk tindakan oleh pihak pejabat Tanah Daerah?
- c) Apakah laporan tindakan kes oleh pihak BOMBA dan MBSA?

JAWAPAN:

- a) Jawapan diselaraskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.
- b) Jawapan diselaraskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.
- c) Anggota Unit PANTAS MBSA dengan kerjasama pihak BOMBA dan Majlis Perbandaran Klang telah berjaya memadamkan keseluruhan kebakaran di lokasi berkenaan.

Laporan lengkap operasi adalah seperti berikut :-

Kekuatan Anggota : 11 anggota PANTAS MBSA
05 anggota PANTAS MPK

Tempoh pemadaman : 07 hari
(kebakaran bermula pada 26.02.2016 dan
03.03.2016)

Teknik pemadaman : - Teknik pemadaman biasa
- Teknik pemadaman Peat Fire-x
- Pengorekan dan pindah sampah
- Penutupan tanah merah

MBSA juga telah mengeluarkan notis amaran pada 29 Disember 2016 kepada pemilik tanah bagi membersihkan kawasan dan memberhentikan kerja-kerja

berkaitan pembuangan sisa binaan yang telah dilakukan. Pada 16 Februari 2017, kompaun dikeluarkan kepada pemilik tanah atas sebab engkar arahan notis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : WANITA BERDAYA SAING

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah jawatan pengurusan di dalam Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Negeri yang disandang oleh wanita?
- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri mengangkat wanita sebagai watak utama dalam Pentadbiran Negeri?
- c) Adakah terdapat dasar tertentu membolehkan sejumlah peratusan wanita dalam perjawatan tertinggi Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri secara aktif melibatkan dan mengiktiraf golongan wanita sebagai pembuat keputusan, antaranya dengan melantik mereka ini (wanita) sebagai Ketua Jabatan di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan rekod perjawatan tahun semasa sehingga 13 Mac 2017, terdapat 13 orang atau 22.03% Ketua Jabatan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada golongan wanita. Butiran lanjut jumlah Ketua Jabatan Wanita di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah sepertimana dalam **LAMPIRAN**.

(Sumber jawapan dari Bahagian Sumber Manusia (BPSM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.)

Manakala sumber dari Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menyatakan bahawa peratusan pencapaian kedudukan kepimpinan wanita di dalam perjawatan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan kumpulan anak-anak syarikatnya adalah sebanyak kira-kira 8% peratus bagi kakitangan wanita kategori pengurusan dan ke atas.

- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan sikap terbuka, tidak mengamalkan diskriminasi gender mengambilkira pencapaian prestasi dan pengalaman seseorang individu adalah antara kriterianya yang diambil untuk lebih ramai wanita berpeluang untuk dilantik di peringkat pembuat keputusan. Kerajaan Negeri Selangor juga tidak pernah meminggirkan peranan wanita dalam Pentadbiran Negeri bahkan secara aktif melibatkan golongan wanita sebagai pembuat keputusan antaranya dengan melantik mereka sebagai

Ketua Jabatan di 42 jabatan/agensi di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkumi Pentadbiran Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha bagi meletakkan dasar 30% melantik wanita diperingkat pembuat keputusan atau sebagai watak utama dalam Pentadbiran Negeri, antaranya adalah pelantikan :-

- Timbalan Speaker Dewan Wanita pertama (2008)
- Speaker Wanita Pertama (2013)
- Pegawai Daerah Wanita Pertama
- Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor
- Datuk Bandar Wanita
- Yang diPertua Wanita
- Ahli Dewan Negeri Wanita
- Ahli-ahli Majlis Wanita di semua PBT
- Ketua-ketua Jabatan di peringkat Negeri dan PBT

- c) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat akan perihal wanita di Selangor. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih dalam tindakan penelitian terhadap keperluan untuk menyediakan dasar khusus tentang 30% ini digubal oleh Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh akan Agenda Pembangunan Wanita termasuk **Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita sebagai Pembuat Keputusan Di Dalam Sektor Awam** diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2014 sebagai garis panduan dalam melantik mana-mana ketua jabatan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR KAWASAN INDUSTRI

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan negeri untuk membantu membaik pulih infrastruktur di kawasan industri.
- b) Nyatakan perancangan MPKj untuk membaik pulih infrastruktur di Taman Industri Taming Jaya dan Taman Industri Selesa Jaya.

JAWAPAN:

- a) Tidak berkaitan.
- b) Kerja-kerja penurapan jalan masuk ke Industri Taming Jaya akan dilaksanakan menggunakan peruntukan baki MARRIS 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN BERSEPADU DI PEKAN SABAK

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statusnya sehingga kini?
- b) Bilakah ianya akan dapat dimanfaatkan oleh penduduk Sabak Bernam?

JAWAPAN:

a,b)

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menyediakan **Laporan Inventori Tanah Perkuburan Negeri Selangor, 2010. Laporan tersebut telah mengenalpasti tapak nombor PT 2889, Mukim Sabak, Daerah Sabak Bernam** yang berkeluasan 25 ekar sebagai tapak perkuburan bersepadu untuk kegunaan penduduk Daerah Sabak Bernam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, permohonan pewartaan telah diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri pada November 2016 untuk kelulusan pewartaan. Daripada 25 ekar tapak perkuburan bersepadu tersebut, **sebanyak 20 ekar (80%) tapak telah diperuntukkan sebagai kegunaan tapak perkuburan agama Islam di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor, 5 ekar (20%) untuk kegunaan tapak perkuburan agama Hindu di bawah seliaan Persatuan Penganut Sarvam Sivamayam Sabak Bernam sebagai Pegawai Penyelenggara.**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tapak perkuburan bersepadu di Pekan Sabak ini boleh dimanfaatkan oleh penduduk Sabak Bernam pada bila-bila masa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMOTONGAN METER AIR

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes pemotongan meter air dari 2014-2016.
- b) Nyatakan SOP pemotongan yang dilakukan oleh pihak Air Selangor.

JAWAPAN:

- a) **Jumlah kes pemotongan meter air dari 2014 sehingga 2016 adalah seperti berikut:**

| Bulan / Tahun | 2014 | 2015 | 2016 | Jumlah |
|---------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Jan | 31,065 | 29,268 | 15,847 | 76,180 |
| Feb | 25,591 | 22,837 | 16,296 | 64,724 |
| Mac | 450 | 28,409 | 19,295 | 48,154 |
| April | 1,345 | 31,349 | 15,299 | 47,993 |
| Mei | 19,999 | 26,740 | 17,573 | 64,312 |
| Jun | 20,284 | 10,662 | 17,382 | 48,328 |
| Julai | 9,708 | 22,635 | 12,669 | 45,012 |
| Ogos | 35,211 | 25,767 | 19,751 | 80,729 |
| September | 19,507 | 15,320 | 12,877 | 47,704 |
| Oktober | 17,354 | 30,324 | 11,163 | 58,841 |
| November | 18,469 | 24,335 | 17,237 | 60,041 |
| Disember | 13,602 | 26,903 | 9,103 | 49,608 |
| Jumlah keseluruhan | 212,585 | 294,549 | 184,492 | 691,626 |

- b) **Pemotongan Disebabkan Tiada Pembayaran Bagi Bil Air Yang Tertunggak;**

Perlaksanaan pemotongan bekalan air perlu mematuhi syarat yang ditetapkan iaitu:-

- 1) Bil air yang tertunggak mesti melebihi atau sama dua (2) bil (tidak termasuk bil semasa) serta melebihi RM70.00.
- 2) Mengeluarkan notis Amaran Terakhir (AT) atau cop notis AT pada bil air dan memberikan tempoh empat belas (14) hari bagi pengguna menjelaskan tunggakan.
- 3) Pemotongan bekalan air hanya dilakukan selepas tempoh empat belas (14) hari AT berakhir di mana pembayaran tunggakan masih belum dijelaskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PEMASANGAN PAPAN TANDA IKLAN LUARAN

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana dasar dan pekeliling kerajaan Selangor berkenaan dengan pemasangan papan tanda iklan luaran atau *outdoor advertising billboard* telah dilaksana di kesemua PBT di Selangor dan berapa pula hasil yang dikutip oleh setiap PBT pada tahun 2016.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PBT) Bil.1/2016 berhubung Garis Panduan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Papan Iklan Di Luar Fasad Bangunan Negeri Selangor untuk pemakaian seragam di semua PBT, dan merancang untuk menguatkuasakan Garis Panduan Papan Iklan Termasuk *Billboard* Elektronik Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan *Template* Perjanjian Perkongsian Tol *Billboard* yang kini dalam semakan Kerajaan Negeri sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan.

Perincian hasil yang dikutip oleh setiap PBT pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

| PBT | HASIL YANG DIKUTIP (RM) | | | JUMLAH (RM) |
|-------------|-------------------------|--------------|--------------|---------------------|
| | FI | VISUAL | STRUKTUR | |
| MBSA | 879,000.00 | 363,590.00 | 450,000.00 | 1,692,590.00 |
| MBPJ | 150,452.00 | 5,272,293.60 | 86,362.95 | 5,509,108.55 |
| MPK | 420.00 | PL | 130,000.00 | 130,420.00 |
| MPAJ | 651,000.00 | 301,185.50 | 297,000.00 | 1,249,185.50 |
| MPSJ | - | - | 84,881.00 | 84,881.00 |
| MPS | 516,126.90 | | 2,700,000.00 | 3,300,000.00 |
| MPKj | 3,317,600.00 | 1,091,452.00 | 83,180.00 | 4,492,232.00 |
| MPSp | 204,960 | 1,013,883 | 103,309.10 | 1,322,152.10 |
| MDKL | - | 376,380.00 | 1,532,380.00 | 1,908,760.00 |
| MDHS | 274,400.00 | | 10,000.00 | 284,400.00 |
| MDKS | - | - | - | - |

| PBT | HASIL YANG DIKUTIP (RM) | | | JUMLAH (RM) |
|---------------|-------------------------|--------|----------|----------------------|
| | FI | VISUAL | STRUKTUR | |
| MDSB | - | - | 6,000.00 | 6,000.00 |
| JUMLAH | | | | 19,979,729.15 |

Nota : Sumber dari PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DI BUKIT BROGA

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Baru-baru ini dilaporkan tanah kerajaan di Bukit Broga telah diceroboh oleh pihak tertentu serta mengutip bayaran daripada pendaki. Apakah tindakan kerajaan Selangor mengenainya?
- b) Adakah kerajaan bercadang mengawal kegiatan pendakian Bukit Broga disebabkan sering berlaku kemalangan atau kejadian orang sesat/hilang?

JAWAPAN:

- a) Tanah Kerajaan di Bukit Broga yang diceroboh adalah melibatkan struktur gerai dan pintu gerbang yang terletak dalam rezab jalan. PDT Hulu Langat telah mengambil tindakan mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara ke atas pihak yang membina struktur tersebut. Pada masa ini, gerai dan pintu gerbang yang dimaksudkan tersebut telah dialihkan.

Terdapat beberapa laluan masuk ke Bukit Broga yang digunakan untuk pendakian. Sebahagian adalah melalui tanah hak milik yang menjadi pilihan kebanyakan pendaki kerana ia lebih mudah diakses. Ini menyebabkan pemilik tanah berkenaan mengambil kesempatan mengenakan bayaran terhadap pendaki yang menggunakan laluan tanah mereka. Sehingga kini, pihak Kerajaan tidak pernah meluluskan sebarang lesen bagi kutipan untuk sebarang aktiviti di lokasi tersebut.

Pemilik tanah yang dimaksudkan adalah pemilik tanah No. Lot 1837, No. Geran 51262, Combined Enterprise Sdn. Bhd. yang mengenakan kutipan RM1 untuk penyelenggaraan dan pembersihan kawasan pendakian tersebut. Tanah ini tidak mempunyai syarat nyata tanah, tetapi telah di zonkan untuk kegunaan pertanian dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan telah diluluskan sebagai aktiviti pertanian dan Taman Asas Semulajadi (Eco Farm Park) kepada syarikat tersebut pada 30 November 2016. Namun, setelah mendapat aduan dari orang ramai satu lawatan siasatan telah dibuat oleh MPKj dan PDHL pada 20 Januari 2017 dan mendapati pemilik tanah telah membuat kutipan sebanyak RM1 kepada pendaki Bukit Broga dengan alasan penyelenggaraan dan pembersihan kawasan pendakian. Perkara ini telah menyalahi kebenaran yang diberikan sebelum ini dan telahpun dibatalkan kebenaran tersebut.

Pemilik tanah kedua adalah tanah milik No. Lot 2341, No. Geran 236853, O&G Fic (M) Sdn. Bhd. Yang mengenakan kutipan RM3 untuk tempat meletak kenderaan dan kemudahan tandas kepada pendaki Bukit Broga. Tanah ini juga tidak mempunyai syarat nyata dan dizonkan untuk kegunaan pertanian dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Pada masa ini, pihak Kerajaan sedang mengenalpasti laluan baru yang boleh diterokai untuk memudahkan pendaki ke Bukit Broga tanpa melalui tanah milik berkenaan.

- b) Buat masa ini pihak Kerajaan tidak ada perbincangan, perancangan dan cadangan bagi mengawal kegiatan pendakian di Bukit Broga. Namun, menjadi kebiasaan pendaki untuk melaporkan kepada balai polis yang berhampiran tarikh dan masa aktiviti pendakian mereka sebelum mendaki.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENCEMARAN ASAP DAN BAU

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak PBT sedar mengenai pencemaran asap dan bau yang dialami oleh penduduk Taman Cenderwasih, Olak Lempit?
- b) Apakah tindakan kepada kilang-kilang di kawasan Industri Olak Lempit yang menghasilkan asap dan bau yang kurang menyenangkan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman pihak tuan setakat ini tiada sebarang aduan diterima dari penduduk atau orang awam berkaitan perkara tersebut. Semakan juga telah dibuat di kalangan penduduk di Tmn Cenderwasih dan mereka memaklumkan tiada sebarang kacau ganggu yang dimaksudkan.
- b) Tindakan dan pemeriksaan bersama pihak Jabatan Alam Sekitar dilaksanakan secara bersepadu sekiranya terdapat aduan atau isu berkaitan asap dan bau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persamaan dan perbezaan di antara IPR dengan MES?
- b) Apakah falsafah dan matlamat IPR?
- c) Berapakah peruntukan untuk seluruh program IPR bagi tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor telah dan akan terus melaksanakan program-program yang berpaksikan kepada kebajikan rakyat. Usaha Kerajaan Negeri adalah untuk membangunkan rakyat Selangor tanpa mengira bangsa, usia, perbezaan agama mahu pun fahaman politik.

Melalui Program IPR, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti senarai program-program bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Selangor selaras dengan objektif pelaksanaan IPR yang sentiasa akan berusaha menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri idaman dengan kemajuan dikekalkan dan kebajikan rakyat diutamakan disamping berusaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat agar dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera serta menikmati hasil kekayaan negeri bersama.

- c) Berdasarkan kepada senarai IPR yang dipaparkan di dalam laman sesawang IPR, berikut adalah senarai IPR dan jumlah peruntukan yang diterima bagi tahun 2017 untuk dimanfaatkan dan dinikmati oleh rakyat Selangor yang berkelayakan adalah seperti Jadual 1.

JADUAL 1 : JUMLAH PERUNTUKAN UNTUK PROGRAM IPR BAGI TAHUN 2017

| BIL. | PROGRAM | AGENSI | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|-------------|--|---------------------------------------|-------------------------------|
| 1 | Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama | Kerajaan Negeri Selangor | 183,234,000 |
| 2 | Skim Mesra Usia Emas (SMUE) | Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) | 27,000,000 |
| 3 | Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) | | 1,976,900 |
| 4 | Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SIKEMBAR) | | 810,000 |
| 5 | Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) | | 5,000,000 |
| 6 | Insentif Perkahwinan Belia | | 2,500,000 |
| 7 | Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL) | | 1,000,000 |
| 8 | Skim Hijrah Selangor | HIJRAH Selangor | 136,000,000 |

| BIL. | PROGRAM | AGENSI | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|---|--|--|-------------------------------|
| 9 | Hadiah Pengajian IPT (HPIPT) | | 8,000,000 |
| 10 | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 10,000,000 |
| 11 | Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) | | 3,600,000 |
| 12 | Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang | Seksyen Sektoral, UPEN | 1,000,000 |
| 13 | Smart Selangor Food Stamp | Seksyen Sektoral, UPEN | 3,565,800 |
| 14 | Bas Smart Selangor | Seksyen Makro dan Penswastaaan, UPEN | 20,000,000 |
| 15 | WIFI Smart Selangor | Bahagian Teknologi Maklumat | 6,000,000 |
| 16 | Skim Rumah Selangorku | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) | - |
| 17 | Skim Peduli Sihat | Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN | 125,000,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN (RM) | | | 534,686,700 |

*Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada agensi pengendali IPR seperti yang disenaraikan.

*Senarai Program IPR adalah seperti yang tersenarai di Portal IPR

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PRESTASI DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini dan prestasi semasa DEIG?
- b) Nyatakan nilai dan lokasi semua projek DEIG pada 2016?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Darul Ehsan Investment Group (“DEIG”) tiada aktiviti perniagaan dan pelaburan memandangkan proses pengukuhan sistem tadbir urus korporat belum dimuktamadkan.
- b) DEIG tidak terlibat dalam sebarang projek pada 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENUKARAN PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tujuan dan keberkesanan Kerajaan Negeri menukar semua program MES kepada Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)?
- b) Nyatakan perubahan yang berlaku dalam program MES selepas dijadikan IPR.

JAWAPAN:

- a), b) Jawapan bagi soalan (a) dan (b) telah dijawab bersekali dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Hulu Kelang, YB Tuan Haji Saari Bin Sungib bertajuk Inisiatif Peduli Rakyat.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) merupakan program-program yang telah dirangka di dalam agenda manifesto Pakatan Rakyat sejak Mac 2008. Dalam usaha membangunkan rakyat Selangor tanpa mengira bangsa, usia, perbezaan agama mahu pun fahaman politik, Kerajaan Negeri masih meneruskan pelaksanaan program-program MES ini dengan penjenamaan semula kepada Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Melalui Program IPR, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti senarai program-program bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Selangor selaras dengan objektif pelaksanaan IPR yang sentiasa akan berusaha menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri idaman dengan kemajuan dikekalkan dan kebajikan rakyat diutamakan disamping berusaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat agar dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera serta menikmati hasil kekayaan negeri bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : LETUPAN BUNGA API FIESTA GEGAR KLANG 2016 DI KOMPLEKS
SUKAN PANDAMARAN KLANG SELANGOR**

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab terjadi kemalangan letupan bunga api di Fiesta Gegar Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran?
- b) Adakah penganjur membeli *Public Liabilities Insurance* untuk program?
- c) Adakah 10 orang awam yang mengalami kecederaan percikan letupan bunga api boleh diberikan pampasan oleh penganjur?

JAWAPAN:

- a) Perkara ini masih di dalam siasatan polis dan proses mahkamah.
- b) Kebiasaan mana-mana program yang dijalankan oleh MPK ataupun agensi kerajaan tidak mewajibkan pembelian *Public Liabilities Insurance*.
- c) MPK telah menubuhkan sebuah pasukan Prihatin mangsa – mangsa bunga api Fiesta Gegar Klang 2016 yang diketuai oleh Pengarah Komunikasi Korporat MPK. Setiap mangsa telah diberikan sumbangan Ihsan yang berjumlah RM500.00 seorang. Sehubungan dengan itu juga, setiap mangsa diberikan rawatan melalui Klinik MPK secara percuma. MPK juga membuat bayaran tuntutan semula kos perubatan pada mangsa yang mendapatkan rawatan di Klinik Swasta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : NON REVENUE WATER (NRW)

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbandingan peratus penurunan NRW dari 2014-2016 di Selangor.
- b) Nyatakan KPI Kerajaan Negeri bagi pengurangan peratusan NRW di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Jadual di bawah menunjukkan **PURATA** tahunan kadar NRW di Selangor dari 2014 hingga 2016.

| Tahun | Jumlah Pengeluaran (m3/hari) | Jumlah Penggunaan (m3/hari) | Jumlah NRW (m3/hari) | Kadar NRW (%) |
|--------------|-------------------------------------|------------------------------------|-----------------------------|----------------------|
| 2014 | 4,593,121 | 3,047,669 | 1,545,452 | 33.65 |
| 2015 | 4,675,201 | 3,178,403 | 1,496,798 | 32.02 |
| 2016 | 4,770,769 | 3,213,398 | 1,557,370 | 32.64 |

*m3 – meter padu

- b) Sasaran program pengurangan NRW Air Selangor bagi tempoh tahun 2017 hingga hujung tahun 2019 untuk mencapai peratusan kadar NRW sebanyak 28% pada 2020 adalah seperti berikut.

| Tahun | 2017 | 2018 | 2019 |
|-------------------|-------------|-------------|-------------|
| Sasaran kadar NRW | 31% | 30% | 29% |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PROGRAM INTERVENSI AWAL

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kanak-kanak yang berkeperluan khas di Selangor mengikut bangsa.
- b) Nyatakan perancangan Kerajaan Negei dari peruntukan untuk pembangunan program ini.
- c) Apakah rangka kerjasama yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik kerjasama pihak luar bagi meningkatkan keterlibatan sosial masyarakat luar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berikut adalah statistik kanak-kanak yang berkeperluan khas di Selangor mengikut bangsa :

| BIL | ETNIK | JUMLAH |
|---------------|---------------------|---------------|
| 1 | MELAYU | 12,887 |
| 2 | CINA | 2,979 |
| 3 | INDIA | 1,743 |
| 4 | PRIBUMI SEMENANJUNG | 149 |
| 5 | PRIBUMI SABAH | 70 |
| 6 | PRIBUMI SARAWAK | 52 |
| 7 | LAIN-LAIN | 118 |
| JUMLAH | | 17,998 |

- b) Program Intervensi Awal Kanak-kanak (Early Intervention Programme – EIP) adalah dikhususkan kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas dan yang telah dikenalpasti mengalami kelambatan atau ketidakupayaan dari sudut perkembangan kanak-kanak. Melalui program ini, pelbagai jenis pendidikan dan terapi seperti *physiotherapy*, *occupational therapy*, *speech therapy* dan *hydrotherapy* akan disediakan bagi membantu kanak-kanak ini beradaptasi dalam masyarakat tanpa rasa tersisih dengan kebolehan dan potensi yang terdapat pada diri mereka.

Sehubungan itu, melalui ucapan Pembentangan Belanjawan 2017 yang diumumkan pada 30 Oktober 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah RM3 juta sebagai suntikan kepada institusi atau badan kebajikan yang menjalankan *Early Intervention Programme* (EIP) di Negeri Selangor. Tujuan peruntukan tersebut adalah menyediakan keperluan dan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas ini di samping dapat membantu ibu bapa mengambil langkah awal untuk mengelakkan berlakunya masalah sampingan pada keadaan fizikal anak-anak mereka di masa akan datang.

- c) Kerajaan Negeri senantiasa mengalu-alukan serta memerlukan kerjasama pelbagai pihak dalam memastikan pembangunan dan kebajikan kanak-kanak yang berkeperluan khas di Negeri Selangor terpelihara dan menjamin masa depan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan merangka sebuah program dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya pusat-pusat intervensi awal, badan bukan kerajaan (NGO), hospital dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta ibubapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas bagi memberikan pendedahan, kempen dan penerangan akan kepentingan kerjasama semua pihak dalam membantu golongan ini.

Disamping itu juga, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM3 juta untuk membantu institusi dan badan kebajikan yang menjalankan program intervensi awal termasuk program yang menyediakan pendidikan dan pelbagai jenis terapi seperti fisioterapi, *occupational therapy*, *speech therapy* dan *hydrotherapy*. Dengan kaedah ini, pelbagai institusi dan badan kebajikan berkaitan dapat menerima manfaat yang secara tidak langsung diharapkan dapat membantu agar lebih ramai ibubapa dapat menghantar anak-anak mereka ke institusi tersebut demi pendidikan dan pembelajaran kanak-kanak tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KERJA KOREKAN DAN PEMINDAHAN KELUAR TANAH BUKIT DI BUKIT
KERAYONG 2 DAN BUKIT KAPAR DUN MERU. MENGIKUT KELUASAN
TAPAK DAN PENINGGALAN KOREKAN YANG ADA, IA MEMBERI
KESAN BENCANA BANJIR KILAT DI BAHAGIAN BAWAHNYA KEDUA-
DUA BELAH KAMPUNG**

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah agensi terlibat dalam proses kelulusan permit selain daripada pejabat tanah Daerah?
- b) Berapakah keseluruhan luas hektar telah dikorek yang berpermit dan tanpa permit sehingga kini?
- c) Bagaimanakah kawalan keluasan, kecerunan tapak korekan dan aliran air hujan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Agensi-agensi yang terlibat selain Pejabat Tanah dan Daerah adalah seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Mineral Dan Galian dan Lembaga Urus Air Selangor.
- b) Berdasarkan permohonan permit jumlah keluasan yang terlibat ialah 17.56 ekar (7.10 hektar) manakala PDTK tiada maklumat keluasan bagi korekan tanpa permit.
- c) Setiap permohonan dan kelulusan memerlukan ulasan dari jabatan teknikal yang akan bertanggungjawab dalam mengawal pengorekan. Selain itu pengusaha juga perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan teknikal yang terlibat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SYARAT-SYARAT AGENSI TEKNIKAL

1. Pemohon perlu mengemukakan pelan ukur serta pelan '*Contour*' untuk lot tanah yang terlibat dan aras laras jalan dan tapak yang sediaada perlu dikemukakan ke pejabat ini untuk ulasan yang selanjutnya.
2. '***Wash trough***' perlu dibina di jalan keluar/masuk bagi tujuan mencuci tayar-tayar lori sebelum keluar ke jalan utama. Rekabentuk '***wash trough***' perlu dikemukakan untuk ulasan yang selanjutnya.
3. Pemohon hendaklah menanggung segala Kos Penyelenggaraan Jalan di hadapan lot cadangan meliputi tempoh kerja-kerja pengeluaran tanah merah iaitu semasa kerja-kerja pengeluaran tanah merah dijalankan.
4. Papantanda amaran lalulintas yang mematuhi 'Arahan Teknik' 2C/85 perlu diadakan di persimpangan jalan keluar/masuk untuk mengarahkan lalulintas semasa kerja-kerja dijalankan.
5. Sebarang cerun yang dibina mestilah tidak melebihi kecerunan 45°. Ketinggian teres setiap cerun mestilah kurang dari 5 meter. Aspek kestabilan cerun mestilah diberi perhatian serius.
6. Sebarang kerja peletupan batuan adalah tidak dibenarkan. Jika kerja-kerja batuan hendak dijalankan, surat kebenaran hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
7. Tiada sebarang kelodak dibenarkan disimpan kecuali di dalam kolam kelodak dan hanya aliran overflow (air bersih) sahaja boleh dilepaskan ke sistem saliran berhampiran. Kolam kelodak tidak dibenarkan dibina di dalam anak sungai/alor/parit sediaada.
8. Menyediakan jambatan/lintasan atau pembentung yang sesuai serta berkeupayaan untuk menampung keperluan laluan air dan menanggung berat kenderaan yang keluar masuk dari jalan utama ke tapak operasi.
9. Perimeter drain atau 'temporary earth drain' di sekeliling kawasan kerja (dalam ROW) semasa peringkat awal sebelum pengorekan untuk 'basement' bermula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PRESTASI RUMAH SELANGORKU

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini rumah Selangorku yang telah siap dibina mengikut jenis.
- b) Nyatakan jumlah terkini rumah Selangorku yang sedang dibina mengikut jenis.
- c) Nyatakan jumlah terkini rumah Selangorku yang telah dilancarkan mengikut jenis.

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Namun secara keseluruhannya sebanyak **89,396** unit Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Ia merangkumi sebanyak 22,494 unit rumah dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku manakala baki 66,902 unit lagi bukan dibawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku. Daripada keseluruhan unit tersebut terdapat sebanyak **665** unit RSKU telah siap dibina. Jumlah ini tidak termasuk Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah diperkenalkan untuk tempoh interim dari tahun 2010 – 2013 sebelum Dasar Rumah Selangorku diperkenalkan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|------------------------|----------------------|
| MBSA | 1 | 536 (Jenis C) |
| MDHS | 1 | 129 (Jenis D) |
| JUMLAH | 2 | 665 |

Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Selangor yang telah siap dibina untuk tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2013 :-

| PBT | Bilangan Projek | Jumlah Unit |
|---------------|-----------------|--------------|
| MPKj | 3 | 352 |
| MPS | 1 | 1,422 |
| MBPJ | 1 | 236 |
| JUMLAH | 2 | 2,010 |

b), c) Bagi projek Rumah Selangorku yang sedang dibina pula, sebanyak **24** projek dengan keseluruhan sebanyak **20,675** unit. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Projek Rumah Selangorku yang sedang dibina mengikut jenis sejak tahun 2014 sehingga kini :-

| PBT | Bilangan Projek | Rumah Selangorku (RSKU) | | | | Jumlah Keseluruhan Projek / Unit |
|---------------|-----------------|-------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------------------------|
| | | Jenis A | Jenis B | Jenis C | Jenis D | |
| MBSA | 1 | 750 | 1,508 | 2,190 | - | 4,448 |
| MPK | 4 | 4 | 40 | 1,987 | 2,192 | 4,223 |
| MPKj | 4 | 142 | 1,067 | 762 | 867 | 2,838 |
| MPSJ | 1 | - | 464 | 464 | 234 | 1,162 |
| MPS | 2 | - | - | 442 | - | 442 |
| MPSp | 6 | - | 445 | 629 | 1,940 | 3,014 |
| MDKS | 3 | 107 | - | 315 | 224 | 646 |
| MDKL | 2 | 330 | 660 | 1,982 | 670 | 3,642 |
| MDSB | 1 | - | 116 | 104 | 40 | 260 |
| JUMLAH | 24 | 1,333 | 4,300 | 8,875 | 6,167 | 20,675 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : SUMBANGAN SEMPENA PERAYAAN & PROGRAM BACK TO SCHOOL
PEKAWANIS**

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbelanjaan setiap tahun bagi tempoh 2013-2016 untuk membiayai program PEKAWANIS di atas.
- b) Daripada sumber manakah dana ini diperolehi?
- c) Apakah mekanisme yang digunakan bagi menjamin penyaluran dana yang telus?

JAWAPAN:

- a) PEKAWANIS atau Pertubuhan Kebajikan Amal Wanita Selangor telah ditubuhkan pada 22 Oktober 2008 yang diterajui oleh isteri Dato' Menteri Besar sebagai Yang DiPertua. Setakat ini, PEKAWANIS mempunyai 44 orang ahli yang terdiri daripada Ahli Parlimen wanita, Ahli Dewan Negeri wanita dan isteri kepada Ahli Dewan Negeri.

Setiap tahun PEKAWANIS menjalankan program Sumbangan Sempena Perayaan dan Program Kembali ke Sekolah sebagai program tahunan sebagai salah satu langkah membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga semasa ketibaan musim perayaan serta mengurangkan perbelanjaan anak-anak masuk ke sekolah. Tiga perayaan utama yang terlibat dalam program ini adalah Hari Raya Eidul Fitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Bagi program Sumbangan Sempena Perayaan, seramai 30 orang penerima diperuntukkan bagi setiap DUN manakala 50 orang setiap DUN bagi program Kembali ke Sekolah. Senarai perbelanjaan program tersebut adalah seperti berikut :

| PROGRAM / TAHUN | Sumbangan Sempena Perayaan (RM) | Kembali ke Sekolah (RM) |
|------------------------|--|--------------------------------|
| 2013 | 372,314.00 | 10,700 |
| 2014 | 396,520.00 | 217,200.00* |
| 2015 | 497,277.00 | 102,300.00 |
| 2016 | 553,681.00 | 198,810.00 |
| JUMLAH (RM) | 1,819,792.00 | 529,010.00 |

* Program Bersama Orang Asli dan Kembali ke Sekolah

- b) PEKAWANIS merupakan sebuah pertubuhan NGO yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawan berbentuk kebajikan. Sehubungan itu, PEKAWANIS menerima dana berbentuk sumbangan daripada pelbagai pihak seperti badan-badan korporat dan individu perseorangan bagi mengiatkan lagi aktiviti kebajikan mereka.
- c) Penyata kewangan PEKAWANIS diaudit pada setiap tahun bagi memastikan ketelusan kewangan dan perbelanjaan serta dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan tanpa gagal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEMILIK AKAUN SYABAS TIDAK MENERIMA AIR PERCUMA

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemilik akaun syabas individu yang masih belum menerima air percuma di bawah program Inisiatif Peduli Rakyat.
- b) Senaraikan semua kawasan perumahan yang masih tidak menerima air percuma tersebut.

JAWAPAN:

- a) Semua pemilik akaun individu SYABAS di negeri Selangor telah menerima air percuma di bawah program Inisiatif Peduli Rakyat.

Rumah pangsapuri kos rendah di Selangor juga menikmati air percuma berbentuk pemberian subsidi. Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Jawatankuasa Pengurusan (MC) kediaman rumah pangsapuri kos rendah perlu mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Bangunan melalui pelaksanaan "Program Lapor dan Dapat".

- b) Hanya kediaman bertingkat kategori pangsapuri kos sederhana/mewah di negeri Selangor yang masih belum hijrah (migrate) ke akaun individu tidak menerima skim air percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : ADUAN BAS PERCUMA SELANGORKU

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah aduan yang telah diterima berkenaan perkhidmatan ini sejak ia dilancarkan?
- b) Sejauh manakah kejayaan Kerajaan Negeri menyelesaikan aduan yang telah diterima?

JAWAPAN:

a) dan b)

1. Perkhidmatan Bas Smart Selangor merupakan perkhidmatan bas secara percuma dan diurus selia oleh syarikat penyedia perkhidmatan yang dilantik dengan pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 28 Februari 2017, aduan-aduan diterima melalui telefon, emel atau pesanan ringkas (sms) secara terus kepada PBT, penyedia perkhidmatan bas ataupun sistem aduan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Sepanjang tempoh dilaksanakan, sebanyak 58 aduan telah diterima.
2. Selain daripada isu kekerapan bas, informasi perjalanan, pemandu dan laluan bas, kebanyakan aduan adalah berbentuk permohonan supaya diperbanyakkan jumlah bas dan laluan.
3. Dari segi pengurusan aduan, maklum balas akan diberikan secara terus bagi aduan melalui panggilan telefon, atau melalui e-mel pengadu atau secara bersurat dengan memberikan butiran serta penjelasan bagi isu-isu yang dibangkitkan. Pihak operator perkhidmatan juga telah memberikan kerjasama yang begitu baik serta mengambil tindakan sewajarnya bagi isu-isu yang berkaitan dengan etika dan disiplin pemandu, serta pengoperasian bas.
4. Secara amnya, laporan aduan berkaitan Bas Smart Selangor tidaklah menjejaskan imej perkhidmatan sedia ada malah ianya lebih bersifat positif dalam memperbaiki serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MEMANDANGKAN KEMELESETAN EKONOMI DI NEGERI SELANGOR ?

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menambah air percuma kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor supaya meringankan beban rakyat?

JAWAPAN:

a)

1. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menambah pemberian air percuma kepada pengguna domestik di Negeri Selangor. Matlamat Kerajaan Negeri pada ketika ini adalah untuk memastikan pengguna mendapat perkhidmatan bekalan air yang terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif.
2. Semenjak dilaksanakan pada Jun 2008 sehingga 31 Disember 2016, program ini telah menelan belanja yang dianggarkan sebanyak RM1.6 bilion. Jumlah yang dibelanjakan untuk membiayai program air percuma ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar bahawa kos yang perlu dibelanjakan bagi membiayai program air percuma ini amatlah tinggi, namun demi usaha untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat, Kerajaan akan memastikan agenda peduli seperti ini akan terus dijunjung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : TEMPOH MENJAWAB PERTANYAAN MULUT DAN BERTULIS

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tempoh menjawab dan serahan kepada ADUN semua pertanyaan mulut dan bertulis soalan dewan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri boleh mempercepatkan proses memuat naik semua jawapan dan hansard ke portal dewan bagi memudahkan urusan ADUN seterusnya?

JAWAPAN:

- a) Tempoh menjawab bagi pertanyaan mulut dan bertulis soalan dewan adalah mulai tarikh Mesyuarat Mengkaji dan Menyusun Soalan sehingga tarikh tutup jawapan oleh pihak Jabatan, dianggarkan 6 hingga 10 hari bekerja. Merujuk pertanyaan berhubung tempoh serahan kepada ADN pula, soalan mulut akan dijawab sewaktu Persidangan Dewan berlangsung. Bagi pertanyaan mulut yang tidak sempat dijawab sewaktu Persidangan Dewan, jawapan secara bertulis bagi pertanyaan-pertanyaan mulut yang berkaitan akan diedarkan kepada ADN yang bertanyakan soalan tersebut pada hari Jumaat minggu pertama Persidangan Dewan (merujuk perenggan (7) dan (8) perkara 24 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor).
- b) Boleh. Jawapan berserta *Hansard* ini boleh dimuat naik ke portal Dewan dengan syarat jawapan kepada semua pertanyaan mulut dan bertulis lengkap diterima sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : MASALAH VANDALISME PADANG CERGAS DI SETIAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan kos pembinaan untuk sebuah Padang Cergas Di tiap-tiap PBT.
- b) Sila menyatakan jumlah vandalisme berlaku di tiap-tiap PBT sejak Projek ini dijalankan.
- c) Sehingga Bulan Februari 2017 berapa wang dibelanjakan untuk membuat kerja-kerja baik pulih.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, kos pembinaan bagi sebuah Padang Cergas adalah sebanyak RM41,000.00 menggunakan peruntukan ADUN atau PBT masing-masing. Setiap ADUN perlu bekerjasama dengan PBT bagi pemilihan lokasi sebelum padang cergas dibina. Walau bagaimanapun, bagi PBT berstatus Majlis Daerah, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan pada satu nisbah satu (1:1) atau satu padang cergas oleh Kerajaan Negeri bagi setiap satu padang cergas yang dibina menggunakan peruntukan Majlis Daerah.
- b) Jumlah *vandalisme* yang berlaku di setiap PBT sejak projek padang cergas ini dijalankan adalah sebanyak 46 kes dengan melibatkan 2 bilangan kompaun. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | JUMLAH VANDALISME | JUMLAH KOMPAUN |
|-------------|--------------------------|-----------------------|
| MBSA | 2 | 2 |
| MBPJ | TIADA | TIADA |
| MPK | 4 | TIADA |
| MPAJ | 11 | TIADA |
| MPSJ | TIADA | TIADA |
| MPS | TIADA | TIADA |

| | | |
|---------------|--------------|--------------|
| MPKj | TIADA | TIADA |
| MPSp | TIADA | TIADA |
| MDKL | 13 | TIADA |
| MDHS | 2 | TIADA |
| MDKS | 2 | TIADA |
| MDSB | 12 | TIADA |
| JUMLAH | 46 | 2 |

Nota : Sumber dari PBT

- c) Sebanyak **RM148,434.72** telah dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih sehingga bulan Februari dan perisian mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | KOS BAIK PULIH (RM) |
|---------------|----------------------------|
| MBSA | 7,000.00 |
| MBPJ | TIADA |
| MPK | TIADA |
| MPAJ | 20,000.00 |
| MPSJ | TIADA |
| MPS | TIADA |
| MPKj | TIADA |
| MPSp | 3,434.72 |
| MDKL | 6,000.00 |
| MDHS | 50,000.00 |
| MDKS | 50,000.00 |
| MDSB | 12,000.00 |
| JUMLAH | 148,434.72 |

Nota : Sumber dari PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : SISTEM *MIDDLE WARE*

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan bagi membangunkan sistem ini?
- b) Nyatakan syarikat yang dilantik untuk membangunkan sistem ini dan kriteria pemilihan.

JAWAPAN:

- a) Sistem *Middleware* ini masih di peringkat memuktamadkan proses perolehan.
- b) Tiada pelantikan syarikat sehinggalah proses perolehan dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PUSAT PELANCONGAN SKY MIRROR KUALA SELANGOR

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mempergiatkan aktiviti pelancongan di kawasan tersebut?
- b) Nyatakan jumlah purata kehadiran pelancong ke kawasan tersebut dalam sebulan.

JAWAPAN:

UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

- b) Jumlah purata kehadiran pelancong ke Pusat Pelancongan Sky Mirror Kuala Selangor adalah di antara 600 – 800 orang dalam sebulan. (bergantung kepada jumlah perjalanan : purata 10 – 12 hari sebulan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK *RIVER OF LIFE* (ROL)

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek tersebut?
- b) Nyatakan peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan kejayaan ROL.

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman, River of Life ("ROL") adalah projek kerajaan persekutuan dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") tidak memainkan peranan dalam projek berkenaan.

Difahamkan di peringkat negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bertindak sebagai urusetia ROL.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : LADANG SMART SELANGOR

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan Ladang *Smart* Selangor.
- b) Senaraikan program yang dilaksanakan di bawah Ladang *Smart* Selangor dan kosnya.

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Program Ladang Smart Selangor dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun ini. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri sedang di dalam peringkat penelitian dan kajian pelaksanaan bagi memastikan lokasi yang dipilih adalah bersesuaian dengan cadangan jenis projek yang akan dilaksanakan dengan kos yang efisien.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) NEGERI SELANGOR

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Daripada 17 jenis IPR yang disediakan, yang mana satu IPR telah menelan jumlah perbelanjaan yang tertinggi dan terendah pada Tahun 2016.
- b) Sila menyatakan jumlah perbelanjaan untuk 17 jenis IPR bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri pada Tahun 2016.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan peduli rakyat sentiasa berusaha mencari alternatif bagi memastikan keperluan dan kebajikan setiap peringkat umur rakyat di Negeri Selangor terbela. Inisiatif Peduli Rakyat adalah kesinambungan polisi dan program yang mengutamakan kepedulian kepada rakyat secara terus menghadapi tekanan hidup hasil peningkatan kos akibat GST, harga petrol serta barangan keperluan harian.

Kerajaan Negeri sentiasa optimis bahawa program yang diperkenalkan ini mampu memberi impak yang optimum kepada setiap penerima manfaat berdasarkan kepada penerimaan rakyat terhadap Program IPR sehingga kini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 perbelanjaan tertinggi Kerajaan Negeri adalah bagi program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (m³) Pertama kepada seluruh rakyat Negeri Selangor dengan kos sebanyak RM194,268,273.23.

- b) Program IPR telah terbukti berjaya menarik perhatian dan penerimaan ramai rakyat Selangor sejak dilancarkan pada tahun 2008. Tahun demi tahun, peratusan penerima bantuan meningkat selaras dengan perkembangan setiap program yang diperkenalkan bagi membantu golongan yang kurang mampu di Negeri Selangor. Pada tahun 2016, seramai 112,665 rakyat Negeri Selangor telah menikmati manfaat melalui skim ini.

Ringkasan jumlah perbelanjaan Program IPR di Selangor pada tahun 2016 mengikut DUN adalah seperti di Lampiran A. Namun begitu, terdapat beberapa program yang tidak mempunyai pecahan data mengikut DUN. Program tersebut

adalah Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M³) Pertama, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Skim Peduli Sihat, WIFI Smart Selangor, Skim Rumah Selangorku dan Bas Smart Selangor.

LAMPIRAN A

STATISTIK JUMLAH PERBELANJAAN BAGI PROGRAM IPR PADA TAHUN 2016 MENGIKUT DUN

| Bil | Nama DUN | TAWAS | SMUE | MammoSEL | SiKembar | TUNAS | Insentif Perkahwinan Belia | HIJRAH | Hadiah Pengajian IPT | Pusat Tuisyen Rakyat | Smart Selangor Food Stamp |
|-----|--------------------|------------|------------|-----------|------------|------------|----------------------------|--------------|----------------------|----------------------|---------------------------|
| 1 | Balakong | 69,600.00 | 809,500.00 | 26,651.69 | 4,900.00 | 75,000.00 | 113,500.00 | 962,000.00 | 50,000.00 | 45,100.00 | 35,000.00 |
| 2 | Bangi | 200,100.00 | 400,000.00 | 39,820.76 | 17,400.00 | 142,300.00 | 177,000.00 | 1,405,000.00 | 144,000.00 | 35,600.00 | 35,000.00 |
| 3 | Batang Kali | 72,700.00 | 334,500.00 | 30,257.50 | 103,000.00 | 314,600.00 | 104,500.00 | 2,443,000.00 | 195,000.00 | 50,500.00 | 35,000.00 |
| 4 | Batu Caves | 145,700.00 | 532,000.00 | 13,796.17 | - | 40,480.00 | 213,000.00 | 1,436,000.00 | 163,000.00 | 40,900.00 | 35,000.00 |
| 5 | Batu Tiga | 118,400.00 | 455,500.00 | 79,641.51 | 15,500.00 | 56,650.00 | 142,500.00 | 2,095,000.00 | 183,000.00 | 6,000.00 | 35,000.00 |
| 6 | Bukit Antarabangsa | 18,500.00 | 123,500.00 | 17,872.31 | - | 1,100.00 | 21,000.00 | 236,000.00 | 27,000.00 | 46,500.00 | 35,000.00 |
| 7 | Bukit Gasing | 8,800.00 | 326,500.00 | 39,663.98 | - | - | 24,000.00 | 507,000.00 | 11,000.00 | 40,050.00 | 35,000.00 |
| 8 | Bukit Lanjan | 27,000.00 | 329,000.00 | 9,720.03 | 8,400.00 | 70,400.00 | 33,000.00 | 403,000.00 | 40,000.00 | 28,300.00 | 35,000.00 |
| 9 | Bukit Melawati | 45,500.00 | 278,000.00 | 4,860.01 | 9,000.00 | 49,500.00 | 85,000.00 | 1,133,000.00 | 71,000.00 | 27,100.00 | 35,000.00 |
| 10 | Chempaka | 28,200.00 | 391,000.00 | 22,575.55 | 1,800.00 | 17,050.00 | 49,000.00 | 1,259,000.00 | 45,000.00 | 29,700.00 | 35,000.00 |
| 11 | Damansara Utama | 35,500.00 | 789,000.00 | 25,397.49 | - | - | 103,000.00 | 1,894,000.00 | 33,000.00 | 24,050.00 | - |
| 12 | Dengkil | 81,900.00 | 444,500.00 | 33,079.45 | 37,900.00 | 174,770.00 | 140,000.00 | 2,509,000.00 | 157,000.00 | 35,650.00 | 35,000.00 |
| 13 | Dusun Tua | 68,100.00 | 457,500.00 | 10,660.67 | 2,200.00 | 45,100.00 | 72,500.00 | 993,000.00 | 111,000.00 | 40,000.00 | 35,000.00 |
| 14 | Gombak Setia | 89,600.00 | 494,500.00 | 29,473.63 | 6,200.00 | 11,220.00 | 121,000.00 | 894,000.00 | 121,000.00 | 42,300.00 | 35,000.00 |
| 15 | Hulu Bernam | 11,300.00 | 497,500.00 | 10,190.35 | - | - | 51,500.00 | 628,000.00 | 51,000.00 | 43,300.00 | 35,000.00 |
| 16 | Hulu Kelang | 37,000.00 | 445,000.00 | 12,855.52 | - | 5,500.00 | 92,000.00 | 644,000.00 | 70,000.00 | 31,800.00 | 35,000.00 |
| 17 | Ijok | 40,000.00 | 461,000.00 | 24,927.17 | - | 64,350.00 | 93,000.00 | 860,000.00 | 87,000.00 | 36,500.00 | 35,000.00 |
| 18 | Jeram | 97,200.00 | 364,500.00 | 6,427.76 | 33,300.00 | 180,950.00 | 130,500.00 | 2,277,500.00 | 151,000.00 | 30,700.00 | 35,000.00 |
| 19 | Kajang | 225,700.00 | 620,000.00 | 41,388.50 | - | 48,950.00 | 290,500.00 | 1,799,000.00 | 246,000.00 | 40,550.00 | 35,000.00 |
| 20 | Kampung Tunku | 7,900.00 | 406,500.00 | 25,240.72 | - | 550 | 26,500.00 | 1,554,000.00 | 12,000.00 | 37,850.00 | 24,050.00 |
| 21 | Kinrara | 69,600.00 | 747,500.00 | 35,431.07 | 3,700.00 | 76,450.00 | 108,000.00 | 883,000.00 | 87,000.00 | 29,400.00 | 35,000.00 |
| 22 | Kota Alam Shah | 38,400.00 | 159,000.00 | 10,503.90 | 15,900.00 | 11,000.00 | 75,000.00 | 612,000.00 | 28,000.00 | 6,000.00 | 30,500.00 |
| 23 | Kota Anggerik | 196,000.00 | 332,500.00 | 89,047.99 | 16,140.00 | 20,900.00 | 158,500.00 | 3,637,000.00 | 186,000.00 | 49,900.00 | 35,000.00 |
| 24 | Kota Damansara | 74,100.00 | 256,000.00 | 35,117.52 | 35,800.00 | 84,150.00 | 113,000.00 | 4,454,000.00 | 127,000.00 | 32,500.00 | 35,000.00 |

LAMPIRAN A

| Bil | Nama DUN | TAWAS | SMUE | MammoSEL | SiKembar | TUNAS | Insentif Perkahwinan Belia | HIJRAH | Hadiah Pengajian IPT | Pusat Tuisyen Rakyat | Smart Selangor Food Stamp |
|-----|-------------------|------------|------------|-----------|-----------|------------|----------------------------|--------------|----------------------|----------------------|---------------------------|
| 25 | Kuala Kubu Baharu | 31,200.00 | 580,000.00 | 6,270.99 | - | 3,300.00 | 108,500.00 | 498,000.00 | 87,000.00 | 33,050.00 | 35,000.00 |
| 26 | Kuang | 51,600.00 | 345,500.00 | 21,791.67 | 3,600.00 | 33,550.00 | 58,500.00 | 691,000.00 | 88,000.00 | 40,000.00 | 35,000.00 |
| 27 | Lain-Lain | 9,200.00 | - | 8,936.15 | - | - | 358,000.00 | - | 207,000.00 | - | 11,950.00 |
| 28 | Lembah Jaya | 89,000.00 | 675,500.00 | 11,131.00 | 3,600.00 | 39,600.00 | 112,500.00 | 2,935,000.00 | 146,000.00 | 49,100.00 | 35,000.00 |
| 29 | Meru | 170,700.00 | 463,500.00 | 47,189.16 | 17,200.00 | 279,100.00 | 308,000.00 | 1,969,000.00 | 239,000.00 | 35,750.00 | 35,000.00 |
| 30 | Morib | 92,300.00 | 288,500.00 | 17,401.98 | 18,800.00 | 125,950.00 | 197,000.00 | 1,625,000.00 | 149,000.00 | 40,900.00 | 35,000.00 |
| 31 | Pandamaran | 106,900.00 | 881,500.00 | 52,049.18 | 1,000.00 | 47,800.00 | 235,000.00 | 1,376,000.00 | 240,000.00 | 41,600.00 | 35,000.00 |
| 32 | Paya Jaras | 107,900.00 | 545,500.00 | 26,181.36 | 10,200.00 | 141,130.00 | 106,000.00 | 2,436,000.00 | 119,000.00 | 37,000.00 | 35,000.00 |
| 33 | Pelabuhan Klang | 104,500.00 | 192,000.00 | 56,125.32 | 5,000.00 | 121,550.00 | 201,500.00 | 1,250,000.00 | 158,000.00 | 29,950.00 | 35,000.00 |
| 34 | Permatang | 29,000.00 | 316,000.00 | 21,007.80 | - | 68,200.00 | 71,000.00 | 1,739,000.00 | 64,000.00 | 52,100.00 | 35,000.00 |
| 35 | Rawang | 158,400.00 | 775,000.00 | 34,803.97 | 15,500.00 | 69,410.00 | 137,500.00 | 1,638,000.00 | 211,000.00 | 50,500.00 | 35,000.00 |
| 36 | Sabak | 25,300.00 | 446,000.00 | 16,618.11 | 300 | 96,250.00 | 166,500.00 | 2,174,000.00 | 119,000.00 | 56,500.00 | 35,000.00 |
| 37 | Sekinchan | 25,000.00 | 264,500.00 | 5,487.11 | - | 133,100.00 | 101,500.00 | 1,792,000.00 | 97,000.00 | 36,500.00 | 35,000.00 |
| 38 | Selat Klang | 97,900.00 | 606,500.00 | 12,228.42 | 58,000.00 | 228,850.00 | 201,000.00 | 837,000.00 | 169,000.00 | 44,000.00 | 35,000.00 |
| 39 | Sementa | 107,200.00 | 579,000.00 | 23,359.42 | 21,900.00 | 206,140.00 | 147,500.00 | 2,083,000.00 | 154,000.00 | 39,300.00 | 35,000.00 |
| 40 | Semenyih | 119,200.00 | 557,500.00 | 6,741.31 | 13,300.00 | 103,950.00 | 112,500.00 | 1,179,000.00 | 164,000.00 | 29,500.00 | 35,000.00 |
| 41 | Seri Andalas | 130,200.00 | 663,500.00 | 3,449.04 | 4,900.00 | 191,950.00 | 182,000.00 | 2,039,000.00 | 198,000.00 | 35,200.00 | 35,000.00 |
| 42 | Seri Kembangan | 57,300.00 | 484,500.00 | 21,007.80 | - | - | 122,000.00 | 1,266,000.00 | 65,000.00 | 26,300.00 | 35,000.00 |
| 43 | Seri Muda | 190,700.00 | 490,000.00 | 41,231.73 | 28,900.00 | 218,150.00 | 145,500.00 | 2,222,000.00 | 191,000.00 | 40,900.00 | 35,000.00 |
| 44 | Seri Serdang | 77,300.00 | 508,000.00 | 28,219.43 | 3,400.00 | 128,700.00 | 71,500.00 | 1,496,000.00 | 108,000.00 | 35,950.00 | 35,000.00 |
| 45 | Seri Setia | 27,300.00 | 404,000.00 | 20,851.03 | 1,100.00 | 56,650.00 | 52,000.00 | 2,199,000.00 | 61,000.00 | 28,500.00 | 35,000.00 |
| 46 | Sijangkang | 90,700.00 | 340,000.00 | 32,609.12 | 21,500.00 | 196,075.00 | 153,500.00 | 2,133,000.00 | 160,000.00 | 42,650.00 | 35,000.00 |
| 47 | Subang Jaya | 45,600.00 | 531,500.00 | 10,190.35 | 8,000.00 | - | 204,500.00 | 814,000.00 | 117,000.00 | 40,300.00 | 35,000.00 |
| 48 | Sungai Air Tawar | 16,200.00 | 346,000.00 | 3,449.04 | 3,100.00 | 36,300.00 | 50,000.00 | 1,323,000.00 | 50,000.00 | 42,700.00 | 35,000.00 |
| 49 | Sungai Burong | 38,400.00 | 442,500.00 | 16,461.34 | 1,100.00 | 122,200.00 | 102,000.00 | 2,417,000.00 | 85,000.00 | 53,450.00 | 35,000.00 |
| 50 | Sungai Panjang | 41,300.00 | 609,500.00 | 53,460.15 | 39,400.00 | 174,350.00 | 191,500.00 | 2,091,000.00 | 174,000.00 | 40,050.00 | 35,000.00 |

LAMPIRAN A

| Bil | Nama DUN | TAWAS | SMUE | MammoSEL | SiKembar | TUNAS | Insentif Perkahwinan Belia | HIJRAH | Hadiah Pengajian IPT | Pusat Tuisyen Rakyat | Smart Selangor Food Stamp |
|---------------|-----------------|---------------------|----------------------|---------------------|-------------------|---------------------|---|----------------------|---------------------------------|---------------------------------|--|
| 51 | Sungai Pelek | 35,500.00 | 366,500.00 | 30,884.60 | - | 93,280.00 | 77,000.00 | 1,371,000.00 | 108,000.00 | 27,050.00 | 35,000.00 |
| 52 | Sungai Pinang | 50,700.00 | 661,000.00 | 36,214.94 | - | 99,750.00 | 83,000.00 | 1,226,500.00 | 60,000.00 | 38,700.00 | 35,000.00 |
| 53 | Taman Medan | 65,400.00 | 440,500.00 | 47,502.71 | - | 110,450.00 | 92,500.00 | 2,019,000.00 | 123,000.00 | 36,300.00 | 35,000.00 |
| 54 | Taman Templer | 82,400.00 | 650,000.00 | 31,668.48 | - | 44,440.00 | 61,500.00 | 1,276,000.00 | 75,000.00 | 43,850.00 | 35,000.00 |
| 55 | Tanjung Sepat | 19,300.00 | 291,500.00 | 25,083.94 | - | 113,850.00 | 57,000.00 | 660,000.00 | 68,000.00 | 45,100.00 | 35,000.00 |
| 56 | Teluk Datuk | 73,700.00 | 267,500.00 | 15,050.36 | 40,100.00 | 150,150.00 | 113,500.00 | 1,270,000.00 | 105,000.00 | 34,925.00 | 35,000.00 |
| 57 | Teratai | 20,800.00 | 606,500.00 | 3,449.04 | 3,500.00 | 1,650.00 | 54,000.00 | 795,000.00 | 39,000.00 | 42,500.00 | 35,000.00 |
| 58 | Kuala Lumpur | 26,700.00 | 1,593,500.00 | - | - | - | 104,000.00 | - | - | - | - |
| JUMLAH | | 4,221,600.00 | 27,667,500.00 | 1,462,707.30 | 634,540.00 | 4,926,795.00 | 7,077,000.00 | 86,357,000.00 | 6,594,000.00 | 2,057,725.00 | 1,921,500.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK HORAS

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peningkatan kos pembinaan projek HORAS akibat kelewatan.
- b) Nyatakan kaedah Kerajaan Negeri untuk membiayai peningkatan kos ini.

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali:

- 1) HORAS 600 dibangunkan di kawasan bekas lombong di Kg. Sungai Darah, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor membekal dan menyalurkan air mentah tambahan sebanyak 300 JLH bagi tujuan menambah kapasiti (*overloading*) LRA SSP 1 & 3. Komponen kerja utama yang akan dibangunkan bagi tujuan melaksanakan HORAS 600 adalah:-
 - 1.1 Pembinaan Kolam Utama dengan kapasiti 30 MCM berkemampuan (*sustainability*) untuk membekalkan jumlah kapasiti air mentah tambahan sebanyak 600 JLH. Walaupun Kolam Utama mampu membekalkan air mentah sebanyak 600 JLH, namun jumlah yang diperlukan untuk menampung kapasiti (*overloading*) LRA SSP 1 & 3 khususnya semasa musim kemarau atau lebih tepat lagi apabila aliran sungai sangat rendah adalah hanya sebanyak 300 JLH.
 - 1.2 Pembinaan Kolam Hang Tuah sebagai muka sauk (*Intake point*) dan kolam penapis (*filter pond*); dan
 - 1.3 Pembinaan Rumah pam baru dengan kapasiti pengepaman 300MLD untuk keperluan *overloading* SSP 1 & 3.
- 2) Kerja-kerja pengorekan kolam HORAS 600 mengikut jadual baru yang telah dipersetujui adalah pada 31 Disember 2017. Pada ketika ini, kerja-kerja di tapak adalah mengikut jadual. Justeru itu, tidak ada sebarang isu mengenai peningkatan kos dalam pelaksanaan Projek HORAS 600.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMANSUHAN DISKAUN BUMIPUTERA

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan faktor pemansuhan diskaun bumiputera bagi pembelian rumah di Selangor.
- b) Berapakah jumlah terkini pemilikan rumah di Selangor selepas pemansuhan diskaun bumiputera?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memansuhkan diskuan Bumiputera bagi pembangunan Rumah Selangorku dan juga Pangsapuri Perkhidmatan dan 'Boutique Office' Mampu Milik sahaja. Dasar Rumah Selangorku telah digunapakai bermula pada 1 Januari 2014 melalui Pekeliling Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) Bilangan 1 Tahun 2013. Manakala Dasar Pangsapuri Perkhidmatan Dan 'Boutique Office' Mampu Milik bermula pada 1 September 2016 melalui Pekeliling Dasar Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan Kediaman Komersial dan 'Boutique Office' Mampu Milik Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara faktor-faktor pemansuhan diskaun Bumiputera adalah seperti berikut :-

- i) Harga Kawalan
Rumah Selangorku dan Pangsapuri Perkhidmatan Kediaman Komersial dan 'Boutique Office' Mampu Milik merupakan harga kawalan yang mana ianya dikawal oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Tujuan pengawalan harga ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka yang benar-benar layak sahaja untuk ditawarkan unit berkenaan.
- ii) Di Bawah Harga Pasaran
Rumah Selangorku dan Pangsapuri Perkhidmatan Kediaman Komersial dan 'Boutique Office' Mampu Milik dijual lebih murah iaitu di bawah harga pasaran semasa.

iii) Kenaikan Harga Barangan Pembinaan

Pemaju dibebani dengan kenaikan harga batu bata, simen dan pasir yang secara tidak langsung akan meningkatkan kos-kos lain seperti kos pengangkutan dan kos infrastruktur.

Walau bagaimanapun, bagi hartanah pasaran terbuka, diskaun Bumiputera masih dikenakan / terpakai yang mana bagi kategori perumahan diberikan 7% diskaun Bumiputera manakala kategori perniagaan / perindustrian diberikan 10% diskaun Bumiputera.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemilikan Rumah Selangorku Tahun 2014 hingga 1 Mac 2017 adalah sebanyak 14,002 pembeli yang mana tiada diskaun Bumiputera diberikan. Manakala bagi Pangsapuri Perkhidmatan dan Boutique Office Mampu Milik masih belum ada sebarang penawaran dibuat kepada pembeli yang layak memandangkan dasar tersebut baru sahaja dikuatkuasakan. Walaupun terdapatnya pemansuhan diskaun Bumiputera, kuota jualan untuk Bumiputera masih di kekalkan antara 30 peratus hingga 70 peratus mengikut kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SENI DAN BUDAYA

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha memartabatkan kesenian yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2015.
- b) Status terkini pembinaan tiga buah Pusat Kebudayaan bagi komuniti-komuniti Melayu, India dan Cina di tepi Sungai Klang.

JAWAPAN:

a) dan b)

Menurut Kamus Dewan, seni didefinisikan sebagai karya (sajak, lukisan, muzik dll) yang dicipta dengan bakat (kecekapan) hasil daripada sesuatu ciptaan. Manakala kesenian bermaksud perihal seni yang berkaitan dengan seni keindahan (kehalusan). Terdapat empat cabang kesenian iaitu Seni Suara, Seni Gerak, Seni Rupa dan Permainan Tradisional. Dalam memastikan kesenian Negeri Selangor terus terpelihara dan dimartabatkan, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor sejak tahun 2015. Antara usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:-

Tahun 2015

PROGRAM/AKTIVITI

| BIDANG | BIL | AKTIVITI | TARIKH | CATATAN |
|-------------------|-----|---|----------------|--|
| SENI SUARA | 1. | Temasya Seni Cempuling Negeri Selangor 25 Jam Tanpa Henti | 19-20 Dis 2015 | Diiktiraf oleh <i>The Malaysia Book Of Records</i> . Turut dijalankan penyelidikan bagi tujuan penerbitan |
| SENI GERAK | 1. | Temasya PADAT dan WarisanKu ➤ Bengkel dan Pertandingan Tarian Piring Peringkat Negeri Selangor | 20-22 Nov 2015 | Penyelidikan berkaitan Tarian Piring Negeri Selangor turut dijalankan dan dijangka terbit pada tahun 2017. |

| | | | | |
|------------------|----|---|------------------|---|
| | 2. | Persembahan kesenian sama ada peringkat jabatan mahupun Kerajaan Negeri Selangor serta agensi swasta. | Jan–Dis 2015 | Mengadakan 25 persembahan kebudayaan. |
| | 3. | Program Turun Ke Sekolah | 28 Mei 2015 | Memperkenalkan gerak tari tradisional kepada pelajar sekolah melalui aktiviti bengkel yang dijalankan. |
| SENI RUPA | 1. | Program Sembang-sembang Warisan : Tekat Gubah Bunga Tanjung | 18 Ogos 2015 | Memberi khidmat tunjuk ajar kepada pelajar/individu/pengkaji berhubung dengan bidang seni rupa Tekat Gubah. |
| | 2. | Penerbitan Buku ✓ Seni Telepuk Selangor ✓ Sulaman Kelingkan ✓ Kebaya Selangor ✓ Wau Kapal Kapal Negeri Selangor ✓ Nisan Aceh | 2015 | Semakan oleh DYMM Sultan Selangor. |
| | 3. | Temasya PADAT dan WarisanKu ➤Bengkel dan Pertandingan Seni Khat Spontan. | 21 Nov 2015 | Mendapat penyertaan dari dalam dan luar negeri Selangor. |
| | 4. | Program KampungKu KesayanganKu ➤ Pertandingan Seni Khat Spontan | Mac – Dis 2015 | Penyertaan komuniti setempat dari peringkat sekolah rendah, menengah dan dewasa. |
| | 5. | Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor. ➤ Pertandingan Graffiti | 15- 22 Mei 2015. | Hasil karya pemenang dipamerkan di laman Muzium Sultan Alam Shah. |
| | 1. | Program Turun Ke | 28 Mei | Peryertaan pelajar sekolah |

| | | | | |
|------------------------------|----|---|---------------|---|
| PERMAINAN TRADISIONAL | | Sekolah (SK Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam) Pertandingan:- ➤ Congkak, Dam Aji, Boling Kelapa dan Gasing. | 2015 | dalam aktiviti yang dijalankan. |
| | 2. | Program KampungKu Kesayanganku <ul style="list-style-type: none"> • Demostrasi Memanah Tradisional | Mac- Dis 2015 | Penyertaan penduduk dan komuniti terhadap sukan tradisional yang diperkenalkan. |

TAHUN 2016

PROGRAM/AKTIVITI

| Bidang | Bil | Aktiviti | Tarikh | Catatan |
|-----------------------|------------|-----------------------------------|-----------------|---|
| SENI SUARA | 1. | Bengkel Pemahaman Notasi Muzik | 6 April 2016 | Penyertaan daripada PBT seluruh negeri Selangor yang mempunyai kumpulan pemuzik. |

| | | | | |
|-----------------------|----|--|-------------------------------|---|
| SENI GERAK | 1. | Bengkel Tari Budaya | 3 Mei 2016 | |
| | 2. | Program Silang Budaya <ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Gambus • Ketuk-ketuk Cempuling • Sembang Dabus • Lakar Seni | 11 Mei – 9 Jun 2016 | Program usahasama antara PADAT dengan agensi permuziuman negeri-negeri seperti Jabatan Muzium Malaysia, Lembaga Muzium Pulau Pinang, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Perbadanan Muzium Negeri Melaka dan Yayasan Warisan Negeri Johor dalam memperkenalkan seni muzik dan budaya yang menjadi identiti setiap negeri. |
| | 3. | Lestari Budaya dan Warisan | 4 Jun 2016 28-30 Ogos 2016 | Memperkenalkan tarian dan muzik tradisional Selangor kepada masyarakat di Pulau Pinang dan Selangor. |
| | 4. | Program Turun Ke Sekolah | 28 Mei 2015 | Memperkenalkan gerak tari tradisional kepada pelajar sekolah melalui aktiviti bengkel yang dijalankan dengan khidmat tenaga pengajar dari staf PADAT. |
| | 5. | Persembahan kesenian sama ada peringkat jabatan mahupun Kerajaan Negeri Selangor serta agensi swasta. | Jan–Dis 2016 | Mengadakan 42 persembahan kebudayaan. |
| | 6. | Pertandingan <i>Battle Of</i> Kompang Berirama | 27 Nov 2016 | Mendapat penyertaan sebanyak 12 kumpulan terdiri dari Selangor, Melaka dan Johor. |

| Bidang | Bil | Aktiviti | Tarikh | Catatan |
|------------------------------|-----|---|---------------|---|
| SENI RUPA | 1. | Program Tekat Gubah Bunga Tanjung Terpanjang • Sulaman Tekat Gubah Bunga Tanjung berukuran 9m (P) x 0.91 (L) | 6 April 2016 | Diiktiraf oleh The Malaysia Book Records 'The Longest Handmade Embroidery'. PADAT juga dalam usaha mendapatkan hak eksklusif dibawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia terhadap motif Bunga Tanjung Sembilan Kelopak sebagai hak milik PADAT dan Negeri Selangor. |
| | 2. | Bengkel Konservasi Tekstil Melayu Tradisional | 8-9 Nov 2016 | |
| | 3. | Program KampungKu KesayanganKu | | Penyertaan komuniti setempat dari peringkat sekolah rendah, menengah dan dewasa bagi 9 daerah di Selangor. |
| | 4. | ➤Pertandingan Seni Khat Spontan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor. | 9 Sept 2016 | Mendapat penyertaan dari dalam dan luar negeri Selangor. |
| | 5. | ➤Pertandingan Seni Khat (Kanvas)- Karya Siap. Kembara Warisan Tulisan Jawi ➤Pertandingan Seni Jawi 3 Dimensi | 26 Mei 2016 | Penyertaan Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah Agama di Selangor |
| PERMAINAN TRADISIONAL | 1. | Pertandingan Wau Kapal Terbuka Negeri Selangor | 31 Julai 2016 | Diadakan di Padang Awam, Batu 7, Sijangkang, Kuala Langat. Menerima penyertaan seramai 250 orang secara individu. |
| | 2. | | 28 Mei | |

| | | | | |
|--|----|--|----------------------------------|---|
| | 3. | <p>Pertandingan Gasing Pangkah Tradisional Terbuka Selangor</p> <p>Program Turun Ke Sekolah- SJK (T) Ladang Sungai Buloh, Bukit Rotan, Kuala Selangor</p> | <p>2016</p> <p>Mac- Dis 2015</p> | <p>Diadakan di Bukit Kapar, Klang dan menerima penyertaan bukan hanya dari Selangor tetapi dari negeri Pahang.</p> <p>Pertandingan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Congkak, Dam Aji, Baling Kelapa dan Gasing |
|--|----|--|----------------------------------|---|

| Bidang | Bil | Aktiviti | Tarikh | Catatan |
|--------|-----|--|--------------------|---|
| | 4. | <p>Program KampungKu KesayanganKu</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Demostrasi Memanah Tradisional | | |
| | 5. | <p>Pertandingan Sukan Rakyat Sempena Program Adat Perkahwinan Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tarik Upih ➤ Panjat Tiang Licin ➤ Tarik Tali ➤ Lari Dalam Guni ➤ Baling Tin ➤ Baling Kelapa | <p>27 Nov 2016</p> | <p>Penyertaan komuniti dari Daerah Sabak Bernam</p> |

TAHUN 2017**PROGRAM/AKTIVITI**

| Bidang | Bil | Aktiviti | Tarikh | Catatan |
|-------------------|------------|---|-----------------|----------------|
| SENI GERAK | 1. | Festival Silat dan Tari PADAT | April 2017 | |
| | 2. | Festival Tarian Piring Peringkat Negeri Selangor | Okt 2017 | |
| | 3. | Festival Seni Cempuling Peringkat Kebangsaan. | Okt 2017 | |
| | 4. | Lestari Budaya | Ogos – Okt 2017 | |
| | 5. | Program KampungKu KesayanganKu ➤ Demostrasi Kompang Berformasi | Feb-Okt 2017 | |
| SENI RUPA | 1. | Pertandingan Wau Kapal Terbuka Negeri Selangor | April 2017 | |
| | 2. | Program Turun Ke Sekolah | Mei 2017 | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PROJEK LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini projek LRA Langat 2.
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan projek ini berjalan lancar?

JAWAPAN:

a)

1. Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Mengikut perancangan, apabila loji Langat 2 ini siap sepenuhnya (Fasa 1 dan Fasa 2), ia boleh membekalkan air terawat sebanyak 2,260 JLH. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan adalah hanya untuk Loji Langat 2 Fasa 1 yang dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2019 dengan pengeluaran air terawat berkapasiti 1,130 JLH. Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan kelulusan untuk pelaksanaan projek Langat 2 ini.
2. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dari Pengurusan aset Air Berhad (PAAB), pembinaan Loji Rawatan Air Fasa 1 melibatkan 18 pakej kerja dan status setakat Februari 2017 adalah seperti berikut:-

| | | |
|-------------------------------------|---|----------|
| Siap pembinaan | - | 1 pakej |
| Dalam pembinaan | - | 10 pakej |
| Dianugerah tanpa tarikh milik tapak | - | 1 pakej |
| Kajian, Rekabentuk & Tender | - | 6 pakej |
3. Secara keseluruhannya, kemajuan fizikal di tapak adalah 57% berbanding yang dijadualkan sebanyak 63%.

b)

1. Pembangunan Projek Loji Rawatan Langat 2 adalah merupakan projek di bawah penyeliaan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) dan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), manakala Perjanjian Jual Beli Air Mentah di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang telah selesai ditandatangani pada 22 November 2007. Apabila siapnya Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 ini, bayaran harga air mentah akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang ke Selangor. Air bersih dari Loji Rawatan Air Langat 2 adalah diperlukan untuk menampung permintaan pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Justeru itu, di dalam memastikan pelaksanaan projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 berjalan lancar, Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan seperti KeTTHA, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan lain-lain telah ditubuhkan untuk meneliti pelaksanaan pembangunan. Sekiranya terdapat masalah yang melibatkan agensi di bawah Pentadbiran Negeri Selangor, ia akan dibawa untuk dibincangkan melalui Jawatan Kuasa Kerja Teknikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENDERAAN EMOSI DAN FIZIKAL

301. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik penderaan emosi dan fizikal yang dilaporkan di Selangor dari 2014-2016.
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk membantu mangsa penderaan tersebut?
- c) Apakah rangka kerjasama Kerajaan Negeri dengan pihak Polis ke arah menyelaraskan tindakan dan usaha membendung kes penderaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berikut adalah statistik penderaan fizikal dan emosi yang dilaporkan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor di bawah peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994:

| Jenis Penderaan | 2014 | 2015 | 2016 |
|------------------------|-------------|-------------|-------------|
| Penderaan Fizikal | 141 | 148 | 135 |
| Penderaan Emosi | 16 | 18 | 16 |
| JUMLAH | 157 | 166 | 151 |

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. JKM berperanan untuk:
 - Membantu mangsa memfailkan Perintah Perlindungan Interim (IPO) di mahkamah;
 - Mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa ke hospital/ tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan jika perlu;

- Mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif/tempat selamat/tempat berlindung jika perlu;
- Menjelaskan kepada mangsa hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga;
- Menemankan mangsa ke kediaman mangsa atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya;
- Merujuk mangsa kanak-kanak kepada Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2001;
- Mempertimbangkan bantuan kewangan jika perlu;
- Menyediakan perkhidmatan kaunseling, mediasi dan sebagainya;
- Menyediakan tempat selamat jika perlu; dan
- Merujuk mangsa kepada agensi lain yang berkaitan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah melaksanakan sebanyak 4 program berbentuk kempen dan kesedaran berkaitan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 sepanjang tahun 2016.

c) Jawapan oleh Sektor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SKIM PENSWASTAAN PKNS

302. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan semua projek yang dilaksanakan oleh PKNS melalui skim penswastaan.
- b) Apakah manfaat yang diterima oleh pembeli melalui projek skim penswastaan tersebut?

JAWAPAN:

- (a) Sila rujuk lampiran 1.
- (b) Manfaat yang dapat diperolehi oleh pembeli melalui projek-projek di bawah skim penswastaan PKNS adalah seperti berikut :

i. Merancang pembangunan lebih cepat

Pembeli dapat memperoleh rumah dengan lebih cepat kerana adanya pemaju (syarikat penswastaan) yang membangun dan membina rumah di kawasan tersebut. Sebagai contoh kawasan Bandar Kota Damansara pada asalnya dijangka dapat dibangunkan sepenuhnya menjelang tahun 2015. Dengan projek penswastaan Kota Damansara telah Berjaya dibangunkan lebih awal iaitu tahun 2005.

ii. Pilihan hartanah yang berkualiti (kepuasan pembeli)

Dengan adanya projek penswastaan, PKNS boleh menumpukan kepada projek hartanah yang mampu dimiliki. Manakala syarikat penswastaan pula dapat menumpukan kepada hartanah yang berharga lebih tinggi.

Lampiran 1

i. Projek-projek penswastaaan PKNS yang telah tamat :

| Bil. | Kawasan | Nama Syarikat |
|-------------|----------------|-------------------------------------|
| 1. | Shah Alam | Daya Intelek Dev.Sdn. Bhd |
| | | Era Wangsa Sdn. Bhd |
| | | Mas Kali Sdn. Bhd |
| | | Masalam Sdn. Bhd |
| | | PKNS Engineering & Construction Bhd |
| | | PCM Bina Sdn. Bhd |
| | | Sejagat Emas Sdn. Bhd |
| | | Selaman Sdn. Bhd |
| | | Tenggara Jugra Sdn. Bhd |
| | | Ibsul Development Sdn. Bhd |
| | | Kenari Sukma Sdn. Bhd |
| | | Muafakat Kekal Sdn. Bhd |
| | | Solar Purpose Sdn. Bhd |
| | | Syabas Ikhlas Sdn. Bhd |
| 2. | Kota Damansara | B.U. Incorporated Sdn. Bhd |
| | | Bayu Melati Sdn. Bhd |
| | | Bonus Focus Sdn. Bhd |
| | | Ligamas Sdn. Bhd |
| | | PCM Bina Sdn. Bhd |
| | | Jernih Matang -PGMS Sdn. Bhd |
| | | Sunsuria Properties Sdn. Bhd |
| | | Sunsuria Sdn. Bhd |
| | | Sunway PKNS Sdn. Bhd |
| 3. | Bangi | Clear Strategy Sdn. Bhd |
| | | Esatek Sdn. Bhd |
| | | FDA Sdn. Bhd |
| | | Edisi Cangkat Sdn. Bhd |
| | | Malbase Sdn. Bhd |
| | | NBL Land Development Sdn. Bhd |
| | | Sunway Bangi Sdn. Bhd |
| | | Bulan Anggun Sdn. Bhd |
| 4. | Lain-lain | Mentari Propertis Sdn. Bhd |
| | | Nakkon (M) Sdn. Bhd |
| | | SIC / Kombinasi Bijak Sdn. Bhd |
| | | Usaha Menang Sdn. Bhd |

ii. Projek Projek PKNS yang masih aktif :

| Bil. | Kawasan | Syarikat |
|-------------|----------------|-----------------------------------|
| 1. | Shah Alam | Debbin Sdn. Bhd |
| | | Fokus Moden Sdn. Bhd |
| | | Lebar Daun Sdn. Bhd |
| | | RCP-Astanaz Sdn.Bhd |
| | | Pembinaan Setia Abadi |
| | | Tahap warisan Sdn.Bhd |
| 2. | Bangi | Roniaga Sdn. Bhd |
| 3. | Setia Alam | Equatorial Palm Sn. Bhd |
| | | Mentari Properties Sdn. Bhd |
| | | Paksi Gagah Sdn. Bhd |
| | | Kibar Bistari Sdn. Bhd |
| | | Spanland Sdn. Bhd |
| | | Pembinaan Subur Megah Sdn. Bhd |
| | | Tinta Anggun Engineering Sdn. Bhd |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LOT 68054 MUKIM TANJUNG 12 BERHAMPIRAN PAYA
INDAH WETLAND**

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pembangunan kawasan ini sudah mula dilaksanakan?
- b) Nyatakan secara terperinci pecahan jenis pembangunan yang bakal dibangunkan di kawasan itu.
- c) Nyatakan kesan langsung pembangunan ini terhadap Paya Indah Wetland.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PENJAJA HARAM

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada penjaja haram yang menjalankan perniagaan di bahu jalan dan membahayakan keselamatan?
- b) Nyatakan jumlah tindakan yang telah diambil dari 2014-2016 mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Demi memelihara kesejahteraan awam, PBT mengambil langkah tegas terhadap penjaja haram yang berniaga di bahu-bahu jalan awam demi faktor keselamatan pengunjung serta penjaja, kelancaran trafik dan faktor kebersihan di sesuatu kawasan. Sehubungan dengan itu, antara tindakan yang diambil terhadap oleh PBT adalah:-
 - 1. Mengeluarkan 'Notis Amaran' dan arahan supaya aktiviti penjajaan ditutup;
 - 2. Penjaja yang ingkar dan berdegil untuk menghentikan aktiviti penjajaan akan diambil tindakan di bawah Peruntukan 3, Undang-Undang Kecil Penjaja Tahun 2007 iaitu menjaja tanpa lesen dan akan dikenakan kompaun sebanyak RM1,000.00;
 - 3. Penjaja akan diberi amaran secara lisan agar tidak meneruskan penjajaan di masa akan datang;
 - 4. Tindakan merampas dan menyita peralatan serta barang perniagaan penjaja akan dikenakan sekiranya penjaja masih mengulangi aktiviti penjajaan tersebut termasuklah boleh meroboh struktur gerai penjaja dibawah tindakan yang diperuntukan di bawah Seksyen 46, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 iaitu membuat halangan di tempat awan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap senario ekonomi semasa yang memerlukan kos sara hidup yang tinggi di mana ianya dapat dilihat berdasarkan penguatkuasaan ke atas aktiviti penjajaan termasuklah daripada golongan anak-anak muda yang ingin mendapatkan pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, bagi mengawal penjaja haram menjalankan

aktiviti menjaja di bahu-bahu jalan, Kerajaan Negeri melalui PBT mengambil langkah-langkah berikut:-

1. Menasihatkan supaya penjaja haram atau tanpa lesen memohon lesen daripada PBT bagi mengawal aktiviti penjajaan;
2. Memberi cadangan lokasi yang bersesuaian bagi menggalakkan penjaja memohon lesen contohnya lokasi penjaja sementara atau bazar penjaja yang telah ditetapkan oleh PBT;
4. Menyediakan Garis Panduan *Food Truck* 2016 di PBT;
3. PBT menetapkan lokasi-lokasi tapak bazar penjaja yang bersesuaian contohnya MBSA menyediakan tapak food truck di Seksyen 9 dan jalan keluli Seksyen 7; MPKj menyediakan tapak food truck di Bandar Baru Bangi dan MPSJ di Taman Pinggiran Kinrara.

b) Jumlah tindakan yang diambil terhadap penjaja haram dari tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti berikut:-

| BIL. | PBT | JUMLAH TINDAKAN DI AMBIL KE ATAS PENJAJA HARAM MENGIKUT TAHUN | | |
|---------------------------|------|---|--------------|--------------|
| | | 2014 | 2015 | 2016 |
| 1. | MBSA | 5254 | 5912 | 6243 |
| 2. | MBPJ | 2224 | 2324 | 2011 |
| 3. | MPSJ | 4286 | 6780 | 6627 |
| 4. | MPS | 1010 | 1024 | 1018 |
| 5. | MPKj | 647 | 482 | 381 |
| 6. | MPK | 692 | 696 | 1032 |
| 7. | MPAJ | Tiada | Tiada | 304 |
| 8. | MPSp | 711 | 1031 | 1051 |
| 9. | MDKS | 863 | 943 | 1564 |
| 10. | MDKL | 113 | 83 | 100 |
| 11. | MDSB | 26 | 34 | 52 |
| 12. | MDHS | 226 | 444 | 162 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 16052 | 19753 | 20545 |

Sumber: Semua PBT Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengaktifkan semula bangunan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Cadangan menaiktaraf bangunan sedang dibuat melalui program "*Request for Proposal – RFP*". Cadangan tersebut menunggu keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Lembaga Yayasan Selangor dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor. Buat masa ini, tingkat bawah telah disewa untuk kegunaan '*retail*', bahagian ruang fasad bangunan disewa untuk paparan iklan '*LED*', bahagian bumbung '*roof top*' disewa untuk kegunaan menara telekomunikasi dan tempat letak kereta.
- b) Bangunan tersebut akan dinaiktaraf dan seterusnya akan dibuka untuk sewaan secara jangka panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KUBUR BERSEPADU

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan kubur-kubur bersepadu di Negeri Selangor?
- b) Apakah bilangan kapasiti kubur, mengikut lokasi atau tapak kubur bukan Islam di Negeri Selangor pada masa ini?
- c) Apakah peruntukan kewangan sedia ada untuk pembinaan kubur baru?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya **Tapak Perkuburan Bersepadu bagi Negeri Selangor berjumlah 1090.26 ekar** yang terletak di pelbagai lokasi.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, **sejumlah 281.79 ekar (25.85%) merupakan tapak perkuburan bersepadu sedia ada yang telah diluluskan** terletak di lima (5) buah pihak berkuasa tempatan iaitu; **Majlis Bandaraya Shah Alam (188.50 ekar), Majlis Perbandaran Subang Jaya (51.80 ekar), Majlis Perbandaran Selayang (3.41 ekar), Majlis Perbandaran Sepang (27.98 ekar) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (13.10 ekar).**

Manakala, terdapat **tiga (3) tapak perkuburan bersepadu komited sejumlah 79.46 ekar (7.29%)** yang terletak dalam kawasan pentadbiran **Majlis Bandaraya Shah Alam (29.46 ekar), Majlis Perbandaran Sepang (25 ekar)** di peringkat kelulusan **Kebenaran Merancang** dan **Majlis Daerah Sabak Bernam (25 ekar)** di peringkat **pewartaan.**

Dalam masa yang sama, **sejumlah 729.01 (66.87%) tapak perkuburan bersepadu kini di dalam proses perancangan** yang terletak di empat (4) kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan iaitu; **Majlis Bandaraya Shah Alam (50 ekar) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (24.89 ekar)** di peringkat **Kebenaran Merancang**, **Majlis Perbandaran Sepang (485.38 ekar)** di peringkat **proses pengambilan tanah** dan **Majlis Perbandaran Kajang (168.74 ekar)** di peringkat **proses pengukuran tapak.**

- b) Berdasarkan kepada anggaran bahawa **setiap 2.5 ekar tapak perkuburan dapat menyediakan 600 lot kubur dan peruntukan 29% keluasan tapak diperuntukkan untuk kegunaan tapak perkuburan Bukan Islam**, maka kapasiti tapak **perkuburan bagi bukan Islam di atas tapak perkuburan bersepadu** adalah seperti berikut; **Majlis Bandaraya Shah Alam (23,489 lot), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (1,733 lot), Majlis Perbandaran Subang Jaya (4,920 lot), Majlis Perbandaran Selayang (818 lot), Majlis Perbandaran Sepang (42,658 lot), Majlis Daerah Sabak Bernam (1,740 lot) dan akhir sekali Majlis Daerah Hulu Selangor (3,144 lot).**
- c) Peruntukan kewangan sedia ada bagi pembinaan tapak-tapak perkuburan yang baharu adalah melalui **Akaun Amanah Perkuburan** yang diletakkan **di bawah Bendahari Negeri dan dikawal oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Sehingga Februari 2017, jumlah keseluruhan Akaun tersebut ialah RM 35.9 juta.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMBELIAN ASET KERAJAAN NEGERI

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aset Kerajaan Negeri yang telah dibeli pada tahun 2014-2016 serta nilainya.
- b) Nyatakan aset Kerajaan Negeri yang akan dibeli sebagaimana dalam peruntukan Bajet Selangor 2017.

JAWAPAN:

- a) Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti. Aset boleh diklasifikasikan kepada dua (2) jenis iaitu Aset Ketara dan Aset Tak Ketara.

Aset Ketara (*Tangible Asset*) adalah aset yang mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh atau dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk disewakan kepada pihak lain, atau untuk kegunaan urusan pentadbiran dan dijangka akan digunakan bagi jangka masa yang melebihi daripada satu tempoh pelaporan. Dalam kata lain, Aset Ketara ini merangkumi aset alih dan aset hidup (Haiwan & Tumbuhan).

Manakala, Aset Tak Ketara (*Non-Tangible Asset*) ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal yang terbahagi kepada Harta Intelek dan Harta Bukan Intelek.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menyelenggara rekod-rekod aset ini khusus bagi dua puluh (25) Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri sahaja. Selaras dengan prinsip entiti yang berasingan, rekod-rekod aset bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri dan Anak-Anak Syarikat diselenggara oleh entiti tersebut sendiri dan tertakluk kepada standard perakaunan semasa.

Berdasarkan rekod, aset Kerajaan Negeri yang telah dibeli pada tahun 2014 hingga 2016 adalah terdiri dari enam belas (16) kategori yang diringkaskan seperti berikut:-

Jadual 1

Pembelian Aset Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2014

| Bil. | Kategori | Nilai (RM) |
|-------------|--|---------------------|
| 1. | Peralatan Dan Kelengkapan ICT | 745,923.36 |
| 2. | Peralatan Dan Kelengkapan Pejabat | 852,545.72 |
| 3. | Peralatan Dan Kelengkapan Dapur | 590.00 |
| 4. | Peralatan Dan Kelengkapan Makmal | 0.00 |
| 5. | Peralatan Dan Kelengkapan Telekomunikasi | 15,200.00 |
| 6. | Peralatan Dan Kelengkapan Penyiaran | 0 |
| 7. | Peralatan Dan Kelengkapan Keselamatan | 0 |
| 8. | Peralatan Dan Kelengkapan Bengkel/Kejuruteraan | 0 |
| 9. | Peralatan Dan Kelengkapan Alam Sekitar | 0 |
| 10. | Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan | 0 |
| 11. | Peralatan Dan Kelengkapan Sukan/Rekreasi/Muzik | 0 |
| 12. | Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Hutan | 4,600.00 |
| 13. | Kenderaan | 1,380,728.08 |
| 14. | Loji/Jentera | |
| 15. | Perabot | 405,065.80 |
| 16. | Hiasan/Langsir/Hamparan | 108,272.00 |
| | JUMLAH | 3,512,924.96 |

Jadual 2

Pembelian Aset Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2015

| Bil. | Kategori | Nilai (RM) |
|-------------|--|-------------------|
| 1. | Peralatan Dan Kelengkapan ICT | 413,183.30 |
| 2. | Peralatan Dan Kelengkapan Pejabat | 292,281.50 |
| 3. | Peralatan Dan Kelengkapan Dapur | 0.00 |
| 4. | Peralatan Dan Kelengkapan Makmal | 0.00 |
| 5. | Peralatan Dan Kelengkapan Telekomunikasi | 2,590.00 |
| 6. | Peralatan Dan Kelengkapan Penyiaran | 5,480.00 |
| 7. | Peralatan Dan Kelengkapan Keselamatan | 180.00 |
| 8. | Peralatan Dan Kelengkapan Bengkel/Kejuruteraan | 2,050.00 |
| 9. | Peralatan Dan Kelengkapan Alam Sekitar | 1,450.00 |
| 10. | Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan | 0.00 |
| 11. | Peralatan Dan Kelengkapan Sukan/Rekreasi/Muzik | 1,043.00 |
| 12. | Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Hutan | 0.00 |

| | | |
|-----|-------------------------|---------------------|
| 13. | Kenderaan | 1,022,315.93 |
| 14. | Loji/Jentera | 6,960.00 |
| 15. | Perabot | 384,774.96 |
| 16. | Hiasan/Langsir/Hamparan | 4,480.00 |
| | JUMLAH | 2,316,788.69 |

Jadual 3

Pembelian Aset Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2016

| Bil. | Kategori | Nilai (RM) |
|------|--|---------------------|
| 1. | Peralatan Dan Kelengkapan ICT | 398,370.80 |
| 2. | Peralatan Dan Kelengkapan Pejabat | 610,461.01 |
| 3. | Peralatan Dan Kelengkapan Dapur | 8,782.25 |
| 4. | Peralatan Dan Kelengkapan Makmal | 0.00 |
| 5. | Peralatan Dan Kelengkapan Telekomunikasi | 5,070.00 |
| 6. | Peralatan Dan Kelengkapan Penyiaran | 0.00 |
| 7. | Peralatan Dan Kelengkapan Keselamatan | 5,030.00 |
| 8. | Peralatan Dan Kelengkapan Bengkel/Kejuruteraan | 0 |
| 9. | Peralatan Dan Kelengkapan Alam Sekitar | 0 |
| 10. | Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan | 0 |
| 11. | Peralatan Dan Kelengkapan Sukan/Rekreasi/Muzik | 0 |
| 12. | Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Hutan | 0 |
| 13. | Kenderaan | 1,784,709.94 |
| 14. | Loji/Jentera | 0 |
| 15. | Perabot | 656,010.50 |
| 16. | Hiasan/Langsir/Hamparan | 123,822.00 |
| | JUMLAH | 3,592,256.50 |

- b) Berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2017, berikut adalah aset-aset yang akan dibeli oleh Kerajaan Negeri mengikut kategori:-

Jadual 4

Rancangan Pembelian Aset Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2017

| Bil. | Kategori | Nilai (RM) |
|------|--|----------------------|
| 1. | Peralatan Dan Kelengkapan ICT | 1,543,000.00 |
| 2. | Peralatan Dan Kelengkapan Pejabat | 876,428.50 |
| 3. | Peralatan Dan Kelengkapan Dapur | 0 |
| 4. | Peralatan Dan Kelengkapan Makmal | 0 |
| 5. | Peralatan Dan Kelengkapan Telekomunikasi | 25,650.00 |
| 6. | Peralatan Dan Kelengkapan Penyiaran | 0 |
| 7. | Peralatan Dan Kelengkapan Keselamatan | 357,000.00 |
| 8. | Peralatan Dan Kelengkapan Bengkel/Kejuruteraan | 193,500.00 |
| 9. | Peralatan Dan Kelengkapan Alam Sekitar | 0 |
| 10. | Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan | 0 |
| 11. | Peralatan Dan Kelengkapan Sukan/Rekreasi/Muzik | 0 |
| 12. | Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Hutan | 37,000.00 |
| 13. | Kenderaan | 8,459,800.00 |
| 14. | Loji/Jentera | 991,200.00 |
| 15. | Perabot | 2,781,638.00 |
| 16. | Hiasan/Langsir/Hamparan | 0.00 |
| | JUMLAH | 15,265,216.50 |

PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT



PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT



PERALATAN DAN KELENGKAPAN DAPUR



PERALATAN DAN KELENGKAPAN MAKMAL



PERALATAN DAN KELENGKAPAN TELEKOMUNIKASI



PERALATAN DAN KELENGKAPAN PENYIARAN



PERALATAN DAN KELENGKAPAN KESELAMATAN



PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL/KEJURUTERAAN



PERALATAN DAN KELENGKAPAN ALAM SEKITAR



PERALATAN DAN KELENGKAPAN PERUBATAN



PERALATAN DAN KELENGKAPAN SUKAN/REKREASI/MUZIK



PERALATAN DAN KELENGKAPAN PERTANIAN/PERHUTANAN



KENDERAAN



LOJI/JENTERA



PERABUT



HIASAN/LANGSIR/HAMPARAN



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : CADANGAN TANAH PERKUBURAN BUKAN ISLAM DI LOT 9942 DAN 9987 MUKIM JERAM KUALA SELANGOR ZON PERKUBURAN DALAM RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2025 (RTMDKS 2025). MENCETUS BANTAHAN TERBUKA PENDUDUK BERSEMPADAN DAN BERHAMPIRAN

308. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kronologi awal status tanah kerajaan Selangor, serah milik dan pindah milik kepada pemaju?
- b) Bagaimana dipastikan Hebahan Awam pengezonan dan Kebenaran Merancang sampai kepada penduduk sekitar?
- c) Bagaimanakah status terkini kelulusan cadangan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 25/95 pada 16 Ogos 1995 telah meluluskan kebenaran memajukan Tanah Kerajaan seluas 2,833 hektar (7,000 ekar) bagi maksud pembangunan bercampur Bukit Cerakah yang akan diusahakan oleh Bukit Cerakah Sdn. Bhd. dan Corporate Development Sdn. Bhd., Koperasi Felda Bukit Cerakah Sdn. Bhd. dan Corporate Line Sdn. Bhd. Sebahagian daripada pembangunan tersebut iaitu tanah Lot 9987 berkeluasan 40 hektar telah diperuntukkan untuk dijadikan tapak perkuburan.

Seterusnya, pada 20 Oktober 1999 melalui Exco MTES Bil. 26/99 telah meluluskan pemberimilikan tanah Lot 9942 seluas 70 hektar kepada Fokustek (M) Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan bercampur. Manakala tanah Lot 9987 seluas 40 hektar pula telah diberimilik kepada Wire Excel Sdn. Bhd. pada 12 Disember 2001 melalui keputusan MMKN ke 32/2001 bagi tujuan pembangunan bercampur.

Kedua-dua lot tanah ini telah dipindahmilik kepada anak syarikat Nirvana Memorial Park Sdn. Bhd. iaitu Future Spectrum Sdn. Bhd. bagi Lot 9987 dan Everest Fairway Sdn. Bhd. bagi Lot 9942 pada 28 Mei 2015 dan 20 Januari 2016.

Oleh itu, berdasarkan Kanun Tanah Negara, Future Spectrum Sdn. Bhd. dan Everest Fairway Sdn. Bhd. telah disahkan mempunyai hak pemilikan ia tidak boleh disangkal berdasarkan Seksyen 92 KTN dan Seksyen 340 KTN setelah pendaftaran pindahmilik disempurnakan.

- b) Oleh kerana faktor permukaan bumi kedua-dua tanah lot tersebut adalah berbukit dengan kecerunan ditahap kelas 3 dan 4 yang menghalang untuk dimajukan sebagai pembangunan bercampur dan merujuk kepada perancangan asal tanah Lot 9987 sebagai tapak perkuburan, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah mencadangkan tanah bersebelahan iaitu Lot 9942 turut dijadikan sebagai Tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB). Kajian Draf Rancangan Tempatan MDKS 2025 dengan cadangan kedua-dua lot tersebut dizonkan sebagai tapak perkuburan dan ianya telah dibuka untuk pandangan awam melalui hebahan di media cetak, media elektronik dan paparan notis dari 1 November 2013 hingga 26 November 2013. Selain itu, pemberitahuan kepada pemimpin setempat seperti Ahli Majlis melalui mesyuarat yang membincangkan draf RT juga telah diadakan. Sepanjang tempoh tersebut, tiada bantahan diterima dan seterusnya pada 7 Julai 2014, Jawatankuasa Perancangan Negeri telah meluluskan RT MDKS 2025 dan diwartakan pada 28 April 2015.

- c) Pada 26 November 2015, pemilik Lot 9987 iaitu Future Spectrum Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan mengubah syarat nyata tanah kepada Bangunan Perniagaan (Tapak Perkuburan). Manakala Everest Fairway Sdn. Bhd. pula mengemukakan permohonan mengubah syarat nyata tanah kepada Bangunan Perniagaan (Tapak Perkuburan) pada 29 Mac 2015. Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan kedua-dua permohonan tersebut pada 20 November 2016 dengan syarat-syarat seperti berikut;
 - i. Pemilik tanah dikehendaki menyerahkan tanah miliknya seluas 23.89 ekar iaitu Lot 9942 seluas 1.754 ekar dan Lot 9987 seluas 22.135 ekar dibawah Seksyen 200 KTN bagi tujuan Tanah Perkuburan Islam;

 - ii. Tapak Perkuburan Islam tersebut hendaklah dirizabkan di bawah Seksyen 62 KTN dengan melantik Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sebagai Pegawai Pengawal dan diurus tadbir oleh Majlis Agama Islam Selangor; dan

- iii. Bangunan Perniagaan (Tapak Perkuburan Bukan Islam) yang dibina tertakluk kepada keperluan piawaian Pihak Berkuasa Perancang.

Selain itu, pembangunan tapak perkuburan akan dipisahkan dengan hakmilik bersebelahan melalui penyerahan tanah seluas 16.079 ekar untuk tujuan laluan Rentis TNB yang juga dijadikan sebagai Zon Penampakan.

Isu bantahan penduduk ini juga telah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Mac 2017. Antara isu yang disemak adalah dakwaan penduduk yang tidak dimaklumkan mengenai projek perkuburan tersebut. Isu ini telah dijelaskan oleh MDKS bahawa tiada sebarang bantahan diterima semasa draf RT MDKS 2025 untuk Lot 9987 dan Lot 9942 dizonkan sebagai tapak perkuburan dan telah dibuka untuk pandangan awam.

Isu kedua ialah penduduk mendakwa tanah Lot 9987 dan Lot 9942 merupakan Tanah Rizab Melayu. Melalui semakan oleh Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor, kedua-dua lot tersebut adalah diluar kawasan rizab Melayu namun berdekatan dengan tanah milik orang Melayu untuk tujuan pertanian iaitu penduduk Kampung Felda Bukit Cerakah.

Isu ketiga adalah penduduk mendakwa jalan masuk ke kawasan pembangunan tapak perkuburan tersebut adalah melalui jalan kampung sedia ada. Adalah dimaklumkan cadangan jalan masuk asal yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Ketua Kampung Bukit Cerakah adalah rizab jalan dari Lot 6200 hingga Lot 6215 yang jauh daripada jalan masuk ke Kampung Bukit Cerakah. Walaubagaimanapun, perkara ini hanya akan diputuskan melalui permohonan kelulusan Kebenaran Merancang oleh MDKS.

Walaupun pemilik tanah mempunyai hak membangunkan tanah miliknya selaras dengan kategori dan syarat nyata tanah yang dinyatakan dalam dokumen hakmilik, pemilik tanah juga perlu memohon kelulusan Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 21A Akta Perancangan Pembangunan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Perancang dalam membangunkan tanah miliknya.

Kerajaan Negeri akan sentiasa menjaga kepentingan rakyat dalam membangunkan negeri berdasarkan undang-undang sedia ada selaras dengan slogan Membangun Bangsa, Memakmur Negeri. Justeru, pembangunan yang dirancang perlu mengambil kira pulangan kepada hasil Negeri, kemaslahatan Rakyat dan peningkatan peluang pelaburan supaya Negeri Selangor kekal sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBELIAN SPLASH

309. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembelian SPLASH?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membiarkan proses pembelian ini berlarutan sehingga menjejaskan penstrukturan semula industri air Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : STATUS JALAN PBT/JKR

310. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status (a) Jalan Bandar Sunway Semenyih, (b) Persiaran Ecohill dan (c) Jalan Beranang-Makhota Hill sama ada telah diserahkan kepada PBT/JKR atau sebaliknya?
- b) Jalan (a) dan (b) di atas sering berlaku kemalangan. Mohon pihak berkuasa mengatasi masalah dengan menilai spesifikasinya

JAWAPAN:

a)

(1) Jalan Bandar Sunway Semenyih **telah diserahkan** kepada pihak MPKj.

(2) Persiaran Ecohill **masih belum** diserahkan kepada pihak MPKj

(3) Jalan Beranang-Makhota Hill **telah diserahkan** kepada pihak MPKj.

- b) Jalan Bandar Sunway Semenyih akan dinaiktaraf oleh Pemaju Paragon Hemisphere Sdn. Bhd. dan bagi jangka masa pendek, pihak MPKj akan mendapatkan *concrete barrier* untuk diletakkan di Jalan Persiaran Sunway Semenyih tersebut. Tiada kemalangan yang dilaporkan atau diterima di Jalan Persiaran Ecohill.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PEMILIKAN HAK MILIK KAMPUNG MASJID SUNGAI BULOH

311. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status proses pengeluaran Borang 5A bagi pemohon di Kampung Masjid Sungai Buloh?
- b) Bilakah anggaran waktu Borang 5A dapat dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Tanah Gombak?

JAWAPAN:

- a) Dasar Kerajaan Negeri pada masa ini berhubung pemberimilikan tanah kerajaan bagi tujuan kediaman digariskan melalui Pekeliling Pengarah Tanah & Galian Selangor (PTGS) Bil. 6 Tahun 2011 dan keputusan MMKN ke 24/2016 pada 27 Julai 2016 di mana tapak yang tidak diusahakan dan diduduki selepas 1 Januari 2008 tidak perlu dibawa untuk pertimbangan MMKN dan ditolak secara '*Summary Rejection*' di peringkat Pentadbir Tanah sahaja.

Permohonan pemberimilikan terdahulu bagi lima belas (15) pemohon di Kampung Masjid Sungai Buloh telah dikemukakan untuk pertimbangan, namun ditolak berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 31/2014 pada 20 Ogos 2014. Berdasarkan kepada keputusan berkenaan, pemohon-pemohon telah mengemukakan semula permohonan pemberimilikan tanah bagi tujuan bangunan kediaman pada Jun 2015 kepada Pejabat Daerah & Tanah Gombak (PDTG).

Permohonan diproses sewajarnya namun semasa penyediaan Kertas Ringkasan, PDTG mendapati bahawa pelan yang dikemukakan adalah tidak teratur kerana rizab jalan yang dicadangkan melibatkan sebahagian tanah hakmilik (HSM 23899 PT1435). Sehubungan itu, PDTG telah memaklumkan kepada Pengerusi JKJK

Kampung Masjid dan wakil pemohon untuk mendapatkan *consent* daripada pemilik tanah terlebih dahulu sebelum permohonan di proses. Sekiranya tidak mendapat *consent* pemilik tanah, pihak pemohon disyorkan untuk mengemukakan pindaan pelan dengan mengeluarkan tanah hakmilik yang terlibat. Namun sehingga kini PDTG belum menerima sebarang maklumbalas daripada pihak pemohon berhubung perkara berkenaan.

Memandangkan proses pemberimilikan ini masih berjalan dan hanya akan selesai selepas adanya keputusan MMKN, maka pengeluaran Notis 5A tidak boleh lagi dilaksanakan buat masa ini.

- b) Notis 5A hanya akan dikeluarkan selepas PDTG menerima keputusan daripada MMKN berhubung permohonan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK MRT DAN LRT

312. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek MRT dan LRT memberi limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar terutama di Lembah Klang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian terhadap kesan sampingan selepas projek MRT dan LRT siap?

JAWAPAN:

a) dan (b)

Ya. Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) dan *Light Rail Transit* (LRT) memang memberi limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar terutama di Lembah Klang. Pelaksanaan projek yang berasaskan pengangkutan rel akan memberi kemudahan mobiliti kepada penduduk secara menyeluruh. Kemudahan seperti ini akan menjimatkan kos petrol yang sedang dipaksakan kepada pengguna. Selain itu juga, kos bagi masa perjalanan juga akan dapat dikurangkan. Pada masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk melaksanakan sebarang kajian terhadap kesan sampingan selepas projek MRT dan LRT siap.